BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Keperluan Berkanun

Mengikut seksyen 48 Akta Bank Negara Malaysia 1958, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan ini berserta dengan satu salinan Kira-kira Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2004, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Kira-kira Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi
Lembaga Pengarah

23 Mac 2005

Lembaga Pengarah

Dr. Zeti Akhtar Aziz
D.K. (Johor), P.S.M., S.S.A.P., D.P.M.J.
Gabenor dan Pengerusi

Dato' Ooi Sang Kuang
D.M.P.N.
Timbalan Gabenor

Datuk Zamani bin Abdul Ghani
D.M.S.M., D.S.M., K.M.N.
Timbalan Gabenor

Dato' Izzuddin bin Dali
D.S.P.N., K.M.N.

Datuk Oh Siew Nam
P.J.N.

Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang bin Mohd. Nor
P.S.M., D.A., P.N.B.S., J.S.M., J.B.S., A.M.N., P.B.J. P.P.D.(Emas)

Tan Sri Dato' Seri Dr. Mohd. Noordin bin Md. Sopiee
P.S.M., D.G.P.N., D.I.M.P., D.M.S.M.

Dato' N. Sadasivan
D.P.M.P., J.S.M., K.M.N.

Tan Sri Dato Sri Mohd Hassan Marican
P.S.M., S.P.M.T., D.S.M.T., P.N.B.S., A.M.K.

Datuk Zamani bin Abdul Ghani telah dilantik sebagai Timbalan Gabenor berkuatkuasa 16 Mei 2004. Dato' Mohd Salleh bin Hj. Harun telah bersara pada 15 Mei 2004 setelah tamat tempoh perkhidmatan beliau sebagai Timbalan Gabenor.

Dato' Izzuddin bin Dali telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah berkuatkuasa pada 1 Ogos 2004. Tan Sri Dato' Seri Dr. Samsudin bin Hitam telah melepaskan jawatan dari Lembaga Pengarah pada 31 Julai 2004 setelah tamat tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Tan Sri Dato Sri Mohd Hassan Marican telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah berkuatkuasa pada 1 Februari 2005.

Gabenor	Dr. Zeti Akhtar Aziz
Timbalan Gabenor	Dato' Ooi Sang Kuang
Timbalan Gabenor	Dato' Zamani bin Abdul Ghani
Penolong Gabenor	Dato' Mohamad Daud bin Hj. Dol Moin
Penolong Gabenor	Dato' Mohd Razif bin Abd. Kadir
Penolong Gabenor	Muhammad bin Ibrahim
Penolong Gabenor	Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
Setiausaha kepada Lembaga Pengarah	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Pengarah	
Pejabat Gabenor	Ng Chow Soon
Komunikasi Korporat	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Audit Dalam	Hor Weng Keng
Undang-undang	Gopala Krishnan Sundaram
Penyiasatan Khas	Kamari Zaman bin Juhari
Perisikan Kewangan	Koid Swee Lian
Ekonomi	
Analisis dan Strategi Monetari	Dr. Sukhdave Singh
Ekonomi	V. Vijayaledchumy
Antarabangsa	Ismail bin Alowi
Kewangan	Abdul Aziz bin Abdul Manaf
Pengawalan	
Pengawalan Bank	Dato' Mohd Razif bin Abd. Kadir
Pengawalan Insurans	Donald Joshua Jaganathan
Perbankan Islam dan Takaful	Bakarudin bin Ishak
Pengawalan Institusi Kewangan Pembangunan	Che Zakiah binti Che Din
Pengurusan Risiko	Santhini a/p Chandrapal
Industri Kecil dan Sederhana	Marianus Vong Shin Tzoi @ Joseph Vong
Penyeliaan	
Penyeliaan Perbankan I	Azizan bin Haji Abd Rahman
Penyeliaan Perbankan II	Chung Chee Leong
Penyeliaan Insurans	Sani bin Ab. Hamid
Penyeliaan Sistem Maklumat	Ramli bin Saad
Sistem Pembayaran	Ahmad Hizzad bin Baharuddin
Pelaburan Dan Operasi	
Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan	Wan Hanisah binti Wan Ibrahim
Pentadbiran Pertukaran Asing	Mahdi bin Mohd. Ariffin
Perkhidmatan Statistik	Chan Yan Kit
Pembangunan Organisasi	
Perkhidmatan IT	Hong Yang Sing
Pengurusan Sumber Manusia	Mior Mohd Zain bin Mior Mohd Tahir
Pusat Pembangunan Sumber Manusia	Lim Lai Hong
Pengurusan Strategik	Lim Foo Thai
Perkhidmatan Korporat	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Keselamatan	Ahmad bin Mansur
Harta dan Perkhidmatan	Zulkifli bin Abd Rahman
Pengurusan dan Operasi Matawang	Tengku Zaib Raja Ahmad
Ketua Perwakilan	
Pejabat Perwakilan London	Lillian Leong Bee Lian
Pejabat Perwakilan New York	Shamsuddin bin Mohd Mahayiddin
Pengurus Cawangan	
Pulau Pinang	Raman a/l Krisnan
Johor Bahru	Ishak bin Musa
Kota Kinabalu	Mohd Ramzi bin Mohd Sharif
Kuching	Nallathamby s/o Nalliah
Kuala Terengganu	Mokhtar bin Mohd Noh
Shah Alam	Mohd. Khir bin Hashim

Kandungan

Perutusan Gabenor

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2004
Tinjauan Keseluruhan **2**
Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia 7
Kajian Mengikut Sektor **12**
Rencana: Laporan Mengenai Rangka Kerja Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana 30
Keadaan Permintaan Dalam Negeri **35**
Harga dan Guna Tenaga **40**
Sektor Luar Negeri **45**
Aliran Dana **62**

Perkembangan Monetari dan Fiskal
Dasar Monetari pada Tahun 2004 ..... **66**
Rencana: Rangka Kerja Kadar Faedah Baru 67
Perkembangan Monetari pada Tahun 2004 ..... **71**
Perkembangan Kadar Pertukaran Mata Wang **77**
Dasar dan Operasi Fiskal **78**

Prospek dan Dasar
Persekitaran Ekonomi Antarabangsa **88**
Ekonomi Malaysia pada Tahun 2005 ..... **94**
Dasar Monetari pada Tahun 2005 ..... **101**
Dasar Fiskal pada Tahun 2005 ..... **102**
Dasar Sektor Kewangan pada Tahun 2005 ..... **103**
Rencana: Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing 106

Sistem Kewangan
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan **112**

Sistem Perbankan
Pengurusan Sistem Perbankan **118**
Rencana: ICLIF Mengorak Langkah untuk Merealisasikan Wawasannya 121
Rencana: Langkah-langkah Perbankan pada Tahun 2004 132
Rencana: Pelan Induk Sektor Kewangan 138
Rencana: Langkah-langkah Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan Semenjak Tahun 2000 148
Penyeliaan Sistem Perbankan **150**
Rencana: Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) di Malaysia 154
Prestasi Sistem Perbankan **159**

Sistem Kewangan Islam
Tinjauan Keseluruhan **176**
Hala Tuju Dasar Tahun 2004 ..... **178**
Rencana: Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam 182
Penyeliaan Sistem Perbankan Islam **184**
Prestasi Sistem Perbankan Islam **185**

Institusi Kewangan Pembangunan
Tinjauan Keseluruhan **196**
Dasar dan Perkembangan **196**
Prestasi Institusi Kewangan Pembangunan **199**

Institusi-Institusi Kewangan yang Lain
Syarikat Diskaun **212**
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen **213**
Modal Usaha Niaga **214**
Industri Amanah Saham **216**

Pasaran Kewangan
Tinjauan **220**
Pasaran Wang **221**
Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing **223**
Pasaran Ekuiti **224**
Pasaran Bon **227**
Rencana: Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2004 ..... *228*
Pasaran Bursa Dagangan Derivatif **234**

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
Pengenalan **238**
Meningkatkan Kecekapan **238**
Meningkatkan Keselamatan Sistem Pembayaran **241**
Perpindahan Kepada Pembayaran Secara Elektronik **244**

Hubungan Luar Negara
Pemantauan Ekonomi **248**
Arkitektur Kewangan Antarabangsa **248**
Hubungan Luar Negara dengan IMF **250**
Perbankan Islam **250**
Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan **250**
Rundingan Perkhidmatan Kewangan **252**
Kerjasama Serantau **254**
Kerjasama Dua Hala **255**
Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat **256**

Organisasi dan Sumber Manusia
Pembangunan Organisasi **258**
Pengurusan Risiko di Bank Negara Malaysia **263**
Struktur Organisasi **266**

Akaun Tahunan
Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2004 ..... **272**

Tambahan **277**

Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang teguh pada tahun 2004. Daya tahan ekonomi turut meningkat, hasil daripada struktur ekonomi yang semakin pelbagai dan asas makroekonomi yang terus kukuh. Ekonomi negara telah mendapat manfaat yang nyata daripada permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan permintaan luar negeri yang pesat berkembang. Apa yang penting ialah pertumbuhan telah dipacu oleh aktiviti ekonomi sektor swasta bagi tahun kedua berturut-turut. Peningkatan keyakinan perniagaan dan pengguna sepanjang tahun turut memperkukuh trend ini.

Dasar monetari terus memainkan peranan menyokong ekonomi sepanjang tahun 2004. Walaupun inflasi meningkat pada tahun 2004, ia terus kekal pada tahap yang boleh diterima. Kenaikan harga pada umumnya disebabkan oleh pelarasan harga satu kali pada tahun tersebut. Trend kenaikan harga ini telah juga dapat dibendung oleh pengembangan kapasiti berikutan peningkatan pesat pelaburan swasta. Di samping itu, penyerapan sebahagian daripada peningkatan harga oleh para pengeluar telah mengurangkan kenaikan harga. Justeru, tumpuan dasar monetari adalah untuk menyokong pengembangan aktiviti pelaburan perniagaan bagi meningkatkan potensi pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia.

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan rangka kerja kadar faedah baru bagi meningkatkan kecekapan operasi dasar monetari. Setelah hampir setahun dilaksanakan, rangka kerja kadar faedah tersebut terus beroperasi dengan lancar, dengan kadar dasar semalaman menjadi penunjuk kepada pasaran mengenai pendirian dasar monetari. Penyahkawalseliaan dalam penetapan harga di bawah rangka kerja kadar faedah tersebut turut menjadi pemangkin kepada penetapan harga yang lebih cekap dalam sistem kewangan. Berserta dengan Pernyataan Dasar Monetari yang diterbitkan pada setiap suku tahun, pasaran sentiasa dibekalkan dengan maklumat mengenai keadaan monetari semasa dan yang dijangka. Pernyataan tersebut mencerminkan keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia setelah mempertimbangkan pelbagai opsyen dasar monetari. Pada tahun 2004, sebanyak lapan mesyuarat dasar monetari telah diadakan.

Hubung kait antara Malaysia dengan ekonomi dunia dan sistem kewangan antarabangsa terus menjadi kukuh pada tahun 2004. Perdagangan dengan negara-negara lain di dunia, khususnya di rantau Asia, terus memberangsangkan. Perdagangan meningkat 23.2% pada tahun tersebut, dengan rantau Asia mencakupi 60.2% daripada jumlah perdagangan. Sehingga kini, Malaysia telah mencatat lebihan akaun semasa yang ketara selama tujuh tahun berturut-turut. Aliran masuk pelaburan langsung asing yang mantap telah mengukuhkan lagi trend ini. Aliran pelaburan telah menjadi lebih pelbagai, mencerminkan peluang pelaburan baru dalam ekonomi yang lebih pelbagai. Kedudukan syarikat-syarikat Malaysia yang semakin kukuh juga telah mendorong mereka meningkatkan pelaburan ke luar negara. Walaupun aliran portfolio tidak menentu pada tahun 2004, secara keseluruhan Malaysia mencatat aliran masuk bersih. Aliran masuk kumulatif daripada perdagangan, pelaburan langsung asing dan aliran portfolio telah menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam rizab antarabangsa negara.

Bagi memastikan pasaran kewangan yang stabil, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan operasi sterilisasi bagi menyerap aliran masuk untuk menghindar keadaan mudah tunai yang berlebihan dalam sistem kewangan dalam negeri. Bank Negara Malaysia terus berupaya melaksanakan operasi sterilisasi dengan menggunakan instrumen dasar monetari. Walaupun

operasi ini melibatkan kos, pulangan daripada pengurusan rizab melebihi kos yang ditanggung. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia terus mempunyai kapasiti untuk menyerap aliran masuk ini dan seterusnya mengekalkan kestabilan dalam pasaran kewangan dalam negeri serta kestabilan sistem kewangan keseluruhannya.

Bank Negara Malaysia mengambil peluang daripada kedudukan yang semakin kukuh ini untuk terus meliberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing berkuat kuasa mulai April 2005. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang menarik dan membantu kecekapan dalam urus niaga yang melibatkan tukaran asing, di samping membolehkan pengurusan risiko pelaburan yang lebih baik. Liberalisasi ini merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan mempertingkatkan kecekapan sistem penghantaran pengawalseliaan. Perubahan-perubahan ini membolehkan fleksibiliti yang lebih luas dalam aktiviti perlindungan nilai terhadap risiko mata wang dan dalam had ke atas penyelenggaraan akaun mata wang asing, kemudahan kredit tempatan kepada syarikat yang dikuasai bukan pemastautin, dan pelaburan luar negeri.

Liberalisasi pada tahun 2004, yang membolehkan Bank Pembangunan Pelbagai Hala dan Institusi Kewangan Pelbagai Hala serta syarikat-syarikat memperoleh bon berdenominasi ringgit, juga telah meningkatkan penyertaan pelabur asing dalam pasaran modal di Malaysia. Liberalisasi ini mendapat respons yang positif daripada pasaran. Dua agensi pembangunan pelbagai hala mengambil kesempatan daripada pelaksanaan liberalisasi ini pada tahun 2004. Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank) merupakan entiti asing pertama menerbitkan bon berdenominasi ringgit pada bulan November dan diikuti oleh Perbadanan Kewangan Antarabangsa (International Finance Corporation), yang merupakan entiti asing pertama menerbitkan bon Islam berdenominasi ringgit.

Prestasi dan pembangunan sektor kewangan Malaysia juga amat memberangsangkan. Semua segmen dalam sektor kewangan menjadi bertambah kukuh dari segi permodalan, kualiti portfolio, keuntungan, keteguhan kedudukan kewangan dan keterdedahan pada risiko. Bidang tadbir urus korporat dan standard pengurusan risiko juga semakin mantap. Di samping itu, pelaburan yang besar telah dibuat untuk memperkukuh sistem dalaman serta proses, meningkatkan saluran penghantaran dan mendapatkan kepakaran. Secara keseluruhan, kesemua peningkatan ini telah menjadikan sistem kewangan lebih berdaya saing. Jurang prestasi antara institusi kewangan tempatan dengan institusi kewangan asing juga bertambah kecil.

Bagi sistem perbankan, peluang telah diambil untuk menggalakkan pengembangan aktiviti dalam ekonomi dalam negeri terutamanya dalam sektor pertumbuhan baru, dan bagi institusi yang mempunyai kapasiti, peluang telah diambil untuk menjalankan perniagaan di luar negara. Bagi ekonomi dalam negeri, terdapat peralihan yang nyata dalam aktiviti pembiayaan kepada perniagaan kecil yang kini mencakupi 40% daripada pinjaman kepada sektor perniagaan. Pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah juga meningkat. Produk yang lebih pelbagai, termasuk yang disampaikan melalui saluran elektronik, juga ditawarkan. Perhatian terus ditumpukan pada memelihara kestabilan kewangan termasuk memperkukuh pengawalseliaan berhemat dan pemantauan ke atas konglomerat kewangan serta operasi yang dijalankan di luar negara.

Tahun 2004 turut menyaksikan kemajuan dalam memperkemas infrastruktur perundangan dan pengawalseliaan dalam kewangan Islam. Rangka kerja tadbir urus perundangan dan Syariah yang lebih berstruktur serta persekitaran cukai yang lebih kondusif telah diperkenalkan, yang membawa kepada layanan yang sama terhadap produk perbankan Islam dan konvensional. Perkembangan penting seterusnya ialah transformasi 'Jendela Islam' bank konvensional menjadi subsidiari Islam. Peralihan ini membolehkan subsidiari ini menggunakan infrastruktur kumpulan, termasuk rangkaian cawangan dan fungsi sokongan, bagi

memaksimumkan kecekapan kos dan memperoleh manfaat daripada sinergi kumpulan. Beberapa kumpulan perbankan tempatan sedang membuat persediaan untuk terlibat secara strategik dalam proses transformasi ini. Tahun 2004 juga menyaksikan liberalisasi industri perbankan Islam dengan pemberian lesen perbankan Islam baru kepada tiga bank Islam milik asing untuk beroperasi di Malaysia. Langkah ini dijangka bukan sahaja dapat merangsang pembangunan kewangan Islam di Malaysia tetapi juga akan mempertingkatkan hubungan ekonomi dan kewangan Malaysia dengan dunia luar. Hasilnya, semua perkembangan ini dijangka bukan sahaja dapat meningkatkan lagi integrasi global sistem kewangan Islam dalam negeri tetapi juga menambah potensi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Malaysia melangkah ke tahun 2005 dalam kedudukan yang kukuh. Prospek ekonomi tahun 2005 dijangka terus menggalakkan. Asas-asas ekonomi dalam negeri terus kukuh berikutan penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan yang mantap. Walaupun terdapat tanda-tanda yang membayangkan bahawa pertumbuhan global akan menjadi lebih perlahan, wujud ketidakpastian mengenai sejauh mana perkembangan tertentu boleh menyederhanakan pertumbuhan. Khususnya, ini termasuk kesan daripada harga minyak yang lebih tinggi, setakat mana kadar faedah akan dinaikkan, serta sedalam dan selama mana penurunan sektor elektronik. Walaupun terdapat trend sedemikian, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal mapan pada kadar 5 – 6%. Unjuran ini mengambil kira potensi ketidakpastian berkaitan perkembangan global. Sekiranya kesan perkembangan tersebut ke atas pertumbuhan global adalah kecil, permintaan luar negeri akan lebih menyokong prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Walaupun ketidakpastian wujud dalam persekitaran luar negeri, unjuran permintaan dalam negeri yang teguh pada tahun 2005 meningkatkan potensi asas bagi prospek pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun tersebut.

Walau bagaimanapun, persekitaran global yang menggalakkan pada tahun 2004 telah menutupi risiko ketidakseimbangan struktur yang wujud terhadap pertumbuhan global. Prestasi pertumbuhan global yang lebih kukuh pada tahun 2004 tidak memberi desakan agar risiko berkaitan ketidakseimbangan ini ditangani secara langsung dengan segera. Dalam persekitaran yang kurang menggalakkan, risiko untuk berlaku gangguan, pelarasan yang tidak teratur dan ketidakstabilan akan lebih terserlah. Walau bagaimanapun, pelarasan yang tidak teratur sedemikian juga boleh terjadi sekiranya terdapat pergantungan yang berlebihan kepada pelarasan kadar pertukaran mata wang sebagai kaedah menangani ketidakseimbangan ini. Kadar pertukaran mungkin hanya sebahagian daripada penyelesaian. Dalam menangani isu daya saing, pelarasan dalam kadar pertukaran sahaja tidak mencukupi. Akhirnya, ketidakseimbangan struktur ini perlu ditangani oleh negara-negara yang mengalaminya. Kaedah penyelesaian jangka panjang adalah dengan menyeimbangkan semula permintaan seluruh dunia ke arah mengurangkan ketidakseimbangan semasa. Dengan tahap pendapatan di benua Asia semakin meningkat, kaedah ini amat berpotensi untuk dijadikan sebahagian daripada proses pelarasan.

Tumpuan yang berlebihan terhadap kadar pertukaran sebagai mekanisme pembetulan ketidakseimbangan ini telah membawa kepada kemasukan modal spekulatif, terutamanya ke dalam ekonomi Asia. Kefleksibelan kadar pertukaran sebagai tindak balas terhadap aliran tersebut akan menyebabkan turun naik kadar pertukaran yang ketara. Pelarasan kadar pertukaran sedemikian tidak akan mencerminkan asas ekonomi yang sebenar. Dalam hal ini, Malaysia secara konsisten mengekalkan pendiriannya bahawa dalam persekitaran semasa, rejim kadar pertukaran sekarang adalah yang terbaik untuk memenuhi kepentingan negara. Perkembangan di rantau ini dan dalam persekitaran antarabangsa akan terus dipantau dengan teliti, dengan penilaian dibuat terhadap implikasi ke atas kecekapan fungsi mekanisme yang sedia ada. Justeru, sebarang perubahan akan berdasarkan pada pertimbangan struktur jangka panjang dan bukan kepada pergerakan aliran modal jangka pendek atau perubahan sementara dalam jangkaan kadar pertukaran.

Dengan asas prestasi kukuh sektor kewangan yang telah dicapai dalam fasa pertama Pelan Induk Sektor Kewangan, kini sektor kewangan sudah bersiap sedia melangkah ke fasa yang kedua. Pada tahun 2005, perhatian akan tertumpu pada pembangunan dan pengukuhan rangka kerja yang komprehensif untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan, khususnya bagi memenuhi keperluan baru semua segmen ekonomi; meningkatkan persaingan dan oleh itu kecekapan; serta memperkukuh infrastruktur untuk perlindungan pengguna. Sementara sektor perbankan digalakkan menyediakan akses kepada sektor pertumbuhan baru, institusi bukan bank termasuk institusi kewangan yang khusus dan koperasi akan dibangunkan untuk memainkan peranan yang semakin penting.

Pengumuman tentang penubuhan bank untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah dibuat bagi melengkapi peranan sektor perbankan dalam menyediakan perkhidmatan pembiayaan kepada PKS. Bank PKS juga akan menyediakan perkhidmatan bukan kewangan kepada PKS termasuk membimbing PKS dan mewujudkan satu komuniti keusahawanan. Aktiviti-aktiviti lain yang akan dilaksanakan oleh bank PKS termasuk menjamin pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi perbankan, memudahkan pensekuritian serta menyediakan penarafan kredit dan laporan perniagaan PKS. Peranan sektor koperasi dalam menyediakan pembiayaan kepada perusahaan mikro juga diperkukuh untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan untuk sektor ini. Suruhanjaya koperasi yang dicadangkan oleh Bank Negara Malaysia akan ditubuhkan untuk menyokong objektif ini. Suruhanjaya koperasi akan bertanggungjawab untuk menyelia dan mengawasi sektor koperasi termasuk memainkan peranan membangunkan sektor tersebut.

Fasa kedua Pelan Induk akan melibatkan penyahkawalseliaan dan liberalisasi yang berterusan dalam sistem kewangan amnya, dan sistem perbankan khasnya. Sebagai sebahagian daripada proses ini, bank asing yang sedia ada akan diberi lebih kefleksibelan beroperasi supaya boleh memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, dengan langkah ini, bank asing perlu menjadi lebih bersepadu dengan ekonomi dalam negeri. Satu lagi perkembangan pada tahun 2005 ialah penubuhan syarikat insurans deposit sebagai sebahagian daripada langkah untuk memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna dan menggalakkan kestabilan kewangan.

Landskap kewangan Malaysia akan terus berubah dengan penubuhan bank pelaburan. Langkah penubuhan bank pelaburan ini pada dasarnya merupakan penggabungan antara bank saudagar, syarikat pembrokeran saham dan syarikat diskaun dalam kumpulan perbankan yang sama. Dengan langkah rasionalisasi ini, sistem kewangan dijangka menjadi lebih dinamik dengan kemampuan yang lebih tinggi untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran di dalam dan luar negeri. Penggabungan entiti kewangan ini bukan sahaja akan menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan, bahkan memperkukuh potensi masing-masing untuk mengambil peluang perniagaan yang berkembang. Bank pelaburan baru ini akan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Penyertaan ekuiti asing yang dibenarkan dalam bank pelaburan juga dinaikkan daripada 30% kepada 49%. Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan lagi hubungan global dan mempertingkatkan pemindahan kemahiran dan kepakaran yang khusus.

Cabaran ke arah meningkatkan tahap kecekapan dalam sistem kewangan adalah untuk meningkatkan penggunaan saluran penghantaran pembayaran secara elektronik serta instrumen penyelesaian. Pada asasnya, dasar dan inisiatif Bank Negara Malaysia dalam sistem pembayaran pada tahun 2004 bertujuan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pemindahan daripada sistem yang berasaskan kertas kepada sistem pembayaran secara elektronik. Kejayaan sistem ini dapat dilihat melalui nisbah mata wang dalam edaran kepada KDNK yang menurun daripada 7.5% kepada 7.2% dan nilai cek kepada KDNK yang menurun daripada 329% kepada 303% pada tahun 2004 berbanding dengan

tahun sebelumnya. Sebagai sebahagian daripada langkah untuk mempertingkatkan kecekapan dan keselamatan sistem pembayaran, industri perbankan di Malaysia telah menjadi peneraju untuk membanteras penipuan kad di rantau Asia Pasifik dengan membuat pelaburan dalam infrastruktur berasaskan cip untuk kad pembayaran. Melangkah ke hadapan, tumpuan akan diberi pada usaha menggalakkan kecekapan dan mengurangkan risiko pembayaran dalam negeri dan merentas sempadan, di samping mengharmonikan standard dan fungsi saluran pembayaran secara elektronik meliputi kesemua sektor, termasuk agensi Kerajaan. Penekanan juga diberikan untuk memajukan rangka kerja perlindungan pengguna dalam perkhidmatan berkaitan pembayaran bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk penggunaan meluas instrumen pembayaran secara elektronik oleh orang ramai.

Kerjasama ekonomi dan kewangan serantau adalah lebih kukuh pada tahun 2004, dengan tumpuan pada peningkatan perdagangan dan pelaburan antara rantau. Beberapa inisiatif telah diambil dalam bidang pengawasan ekonomi, pemantauan hubungan merentas sempadan termasuk aliran modal, pembanterasan kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan, serta memperkukuh lagi sistem kewangan dan pasaran di negara-negara di rantau ini. Langkah-langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan pembiayaan serantau dan pengaturan swap. Sebagai tambahan kepada liberalisasi pasaran bon dalam negeri untuk membenarkan terbitan sekuriti berdenominasi mata wang tempatan oleh institusi pelbagai hala, yang merupakan sebahagian daripada Inisiatif Pasaran Bon Asia (Asian Bond Market Initiative), Dana Bon Asia (Asian Bond Fund) kedua juga telah dilancarkan. Sementara Dana pertama hanya dilaburkan dalam bon berdenominasi dolar Amerika Syarikat, Dana kedua pula dilaburkan dalam bon berdenominasi mata wang tempatan, yang diterbitkan oleh entiti berdaulat dan kuasi berdaulat dalam pasaran serantau. Inisiatif baru ini juga bertujuan menyokong usaha keseluruhan untuk membangunkan pasaran bon tempatan dalam ekonomi serantau.

Persekitaran dunia terus berubah dari segi ekonomi, kewangan dan geopolitik. Keadaan tidak menentu yang ketara, kebergantungan yang bertambah, serta persaingan yang semakin sengit terus menguji keupayaan kita untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Sesungguhnya, keupayaan kita untuk bertahan dan seterusnya berjaya dalam persekitaran ini banyak bergantung pada tahap toleransi, keupayaan untuk menyelaras, tahap kebolehan mengurus sumber-sumber dengan berkesan dan cekap, serta kefleksibelan dasar untuk bertindak balas kepada keadaan yang berubah-ubah. Kesemua ini juga bergantung pada kekuatan dan struktur ekonomi, tahap mobiliti sumber-sumber dan kecekapan serta keteguhan sistem kewangan kita. Oleh itu, inisiatif dasar kita adalah untuk memenuhi objektif tersebut.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

23 Mac 2005

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2004

2-12 Tinjauan Keseluruhan

7 *Rencana: Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia*

12-29 Kajian Mengikut Sektor

30 *Rencana: Laporan Mengenai Rangka Kerja Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana*

35-40 Keadaan Permintaan Dalam Negeri

40-45 Harga dan Guna Tenaga

45-62 Sektor Luar Negeri

62-63 Aliran Dana

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2004

Ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan paling pesat dalam tempoh empat tahun dengan mencatat pengembangan sebanyak 7.1% pada tahun 2004 ekoran pertumbuhan perdagangan global dan permintaan dalam negeri yang memberangsangkan. Pertumbuhan ini diterajui oleh sektor swasta, manakala pihak Kerajaan meneruskan konsolidasi fiskal.

TINJAUAN KESELURUHAN

Dengan pertumbuhan perdagangan global dan permintaan dalam negeri yang lebih mantap, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia, yang bermula pada separuh kedua tahun 2003, bertambah pesat pada tahun 2004. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat 7.1% pada tahun 2004 (2003: 5.3%), pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2000. Ekonomi Malaysia mendapat manfaat daripada pertumbuhan yang pesat dalam perdagangan global bagi barangan perkilangan dan harga komoditi utama yang lebih tinggi. Walaupun pertumbuhan global lebih sederhana sedikit pada separuh tahun kedua, ekonomi

Graf 1.1
Ekonomi pada Tahun 2004 (pada harga malar 1987)



Graf 1.2
KDNK Benar dan Kadar Inflasi



Graf 1.3
Pertumbuhan KNK dan KNK Semasa per Kapita



Malaysia kekal berdaya tahan dengan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh memberi dorongan kepada pengembangan ekonomi yang mapan. Sektor swasta ialah pendorong utama pengembangan ekonomi, manakala Kerajaan meneruskan konsolidasi fiskal.

Kemajuan ekonomi dicerminkan oleh pertumbuhan positif yang meliputi semua sektor kecuali pembinaan. Pemacu utama pertumbuhan ialah sektor perkilangan, perkhidmatan dan komoditi utama. Nilai ditambah bagi sektor perkilangan berkembang dengan kukuh sebanyak 9.8%, sementara pertumbuhan keluaran industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri mencerminkan permintaan luar dan dalam negeri yang lebih kukuh terhadap barangan perkilangan. Bagi industri berorientasikan eksport, pengembangan keluaran paling ketara dicatatkan oleh industri elektronik, yang mendapat manfaat daripada kitaran separa konduktor global yang menaik. Walau bagaimanapun, pengeluaran yang tinggi pada awal tahun mengakibatkan sedikit pengumpulan inventori, yang menyebabkan pengembangan yang lebih sederhana pada separuh tahun kedua. Di samping pertumbuhan yang mantap dalam industri elektronik, pertumbuhan diperkukuh oleh permintaan luar negeri yang mapan terhadap keluaran berasaskan sumber seperti keluaran kimia, getah dan kayu. Pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap keluaran industri logam yang direka dan perubahan yang positif dalam industri kelengkapan pengangkutan. Prestasi sektor perkilangan yang menggalakkan juga dicerminkan oleh pengembangan eksport perkilangan yang lebih kukuh (19.7%) dan tahap penggunaan kapasiti yang tinggi dan mapan (79%), meskipun terdapat pelaburan dalam kapasiti baru pada tahun tersebut.

Graf 1.4
KDNK Benar dan Permintaan Agregat Dalam Negeri



Graf 1.5
Sumbangan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Jadual 1.1: Malaysia – Penunjuk Ekonomi Utama

	2002	2003	2004*a*	2005*r*
Penduduk (juta orang)	24.5	25.0	25.6	26.1
Tenaga pekerja (juta orang)	9.9	10.2	10.6	10.9
Guna tenaga (juta orang)	9.5	9.9	10.2	10.5
Pengangguran (% daripada tenaga buruh)	3.5	3.6	3.5	3.5
Pendapatan Per Kapita (RM)	13,722	14,838	16,538	16,987
(AS$)	3,611	3,905	4,352	4,470
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar	4.1	5.3	7.1	5.0 ~ 6.0
(RM bilion)	220.0	231.7	248.0	260.3
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2.6	5.7	5.0	3.3
Perlombongan dan kuari	4.0	5.9	4.1	5.0
Perkilangan	4.1	8.3	9.8	4.5
Pembinaan	2.3	1.9	-1.9	-1.0
Perkhidmatan	6.4	4.4	6.7	5.7
KNK nominal	9.0	10.4	13.8	4.9
(RM bilion)	336.6	371.7	423.1	443.9
KNK benar	4.7	6.8	7.2	4.6
(RM bilion)	202.7	216.5	232.2	242.8
Permintaan agregat benar[1]	4.2	5.9	7.3	4.3
Perbelanjaan swasta[1]	0.3	5.5	11.1	8.7
Penggunaan	4.4	6.6	10.1	8.5
Pelaburan	-15.1	0.4	15.8	9.6
Perbelanjaan awam[1]	11.5	6.6	1.0	-4.0
Penggunaan	11.9	10.0	6.6	4.5
Pelaburan	11.2	3.9	-3.5	-11.6
Tabungan negara kasar (% daripada KNK)	34.6	36.3	37.1	34.7
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Barangan	72.1	97.7	104.5	114.8
Eksport (f.o.b.)	358.5	399.0	481.2	514.9
Import (f.o.b.)	286.4	301.3	376.8	400.1
Imbangan perkhidmatan	-6.0	-15.0	-8.8	-8.0
(% daripada KNK)	-1.8	-4.0	-2.1	-1.8
Pendapatan	-25.1	-22.5	-24.5	-26.4
(% daripada KNK)	-7.4	-6.1	-5.8	-5.9
Pindahan semasa, bersih	-10.6	-9.3	-14.6	-14.1
Imbangan akaun semasa	30.5	50.8	56.6	66.3
(% daripada KNK)	9.1	13.7	13.4	14.9
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[2]	131.4	170.5	253.5	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	5.4	6.6	8.0	-
HARGA (% perubahan)				
IHPG (2000=100)	1.8	1.2	1.4	2.5
IHPK (1989=100)	4.4	5.7	8.9	-
Upah benar bagi setiap pekerja di sektor perkilangan	3.2	2.8	1.8	-

Nota: Angka-angka tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

[1] Tidak termasuk stok.

[2] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian penilaian tersebut telah diambilkira dalam akaun Bank.

a Awalan

r Ramalan

Jadual 1.2: Malaysia – Penunjuk Kewangan dan Monetari

	2002	2003	2004*a*
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)			
Hasil	83.5	92.6	99.4
Perbelanjaan mengurus	68.7	75.2	91.3
Perbelanjaan pembangunan	35.1	38.3	27.5
Imbangan keseluruhan	-20.3	-20.9	-19.4
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-5.6	-5.3	-4.3
Jumlah pembelanjaan pembangunan bersih sektor awam	69.1	83.3	67.8
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	-0.7	-1.2	-0.3
HUTANG LUAR NEGERI			
Jumlah hutang (RM bilion)	185.7	186.6	197.3
Hutang jangka sederhana dan panjang	153.2	152.9	154.3
Hutang jangka pendek[1]	32.4	33.7	43.0
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	6.6	6.2	4.3
Hutang jangka sederhana dan panjang	6.4	6.0	4.2

		Perubahan 2002		Perubahan 2003		Perubahan 2004	
		RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
WANG DAN PERBANKAN							
Bekalan wang	M1	8.3	10.3	13.0	14.6	12.2	11.9
	M2	21.0	5.8	42.5	11.1	108.1	25.4
	M3	31.6	6.7	48.5	9.7	68.0	12.4
Deposit sistem perbankan		25.3	5.3	49.5	9.8	70.1	12.7
Pinjaman sistem perbankan[2]		19.8	4.6	21.6	4.8	40.2	8.5
Perkilangan		-1.2	-2.0	-0.2	-0.3	2.0	3.2
Sektor harta benda yang luas		10.8	6.6	14.6	8.4	19.8	10.5
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan		-2.5	-7.7	-0.6	-2.1	1.7	5.7
Nisbah pinjaman-deposit pada (akhir tahun)		84.9%		80.9%		78.6%	
Nisbah pembiayaan-deposit[3]		95.1%		91.7%		87.7%	

		2002 %	2003 %	2004 %
KADAR FAEDAH (PURATA PADA AKHIR TAHUN)				
Antara bank 3 bulan		3.13	2.87	2.80
Bank perdagangan				
Deposit tetap	3 bulan	3.20	3.00	3.00
	12 bulan	4.00	3.70	3.70
Deposit tabungan		2.12	1.86	1.58
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)		6.39	6.00	5.98
Syarikat kewangan				
Deposit tetap	3 bulan	3.20	3.00	3.00
	12 bulan	4.00	3.68	3.70
Deposit tabungan		2.65	2.18	1.98
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)		7.45	6.90	6.90
Bil Perbendaharaan (3 bulan)		2.82	2.77	1.96
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)		2.94	2.93	2.24
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)		3.15	4.28	3.64

	2002 %	2003 %	2004 %
KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING			
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)			
Perubahan berbanding SDR	-7.3	-8.5	-4.3
Perubahan berbanding AS$[4]	0.0	0.0	0.0

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin.

[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

[3] Dilaraskan untuk merangkumi sekuriti hutang swasta.

[4] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=AS$1 pada 2 September 1998.

a Awalan

Sektor perkhidmatan mencatat pengembangan yang lebih kukuh sebanyak 6.7% pada tahun 2004. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi dalam suasana pendapatan boleh guna yang meningkat, ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan yang dirangsang oleh prestasi eksport yang memberangsangkan. Pertumbuhan perkhidmatan akhir, khususnya subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, disebabkan oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi dan diperkukuh oleh aktiviti pelancongan yang pesat. Bagi perkhidmatan perantaraan, subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, terutamanya disebabkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan dan pelancongan serta pengembangan yang kukuh dalam industri telekomunikasi. Pertumbuhan subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan kewangan disokong oleh pemberian pinjaman bank yang lebih tinggi, prestasi industri insurans yang lebih kukuh, aktiviti pasaran harta tanah yang meningkat dan urus niaga pasaran modal yang lebih tinggi. Pengembangan pesat dalam sektor pertumbuhan baru, seperti perkhidmatan pendidikan dan kesihatan swasta, perkhidmatan kewangan Islam serta industri perkhidmatan perkongsian, terus memberi sokongan kepada sektor perkhidmatan.

Sektor pertanian terus berkembang sebanyak 5%, didorong terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang lebih kukuh dalam suasana harga komoditi yang menguntungkan. Komoditi pertanian lain, khususnya hasil tanaman berkaitan makanan juga menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, sejajar dengan usaha bersepadu Kerajaan untuk memajukan semula sektor pertanian sebagai jentera pertumbuhan yang penting. Sektor perlombongan meningkat 4.1%, disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli, yang mendapat manfaat daripada permintaan dalam dan luar negeri yang lebih tinggi.

Sebaliknya, sektor pembinaan merosot sebanyak 1.9% disebabkan oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang lebih rendah, yang sebahagiannya diimbangi oleh pengembangan dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman. Aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pengurangan perbelanjaan awam bagi projek infrastruktur pada tahun 2004 akibat daripada penyiapan beberapa projek infrastruktur yang besar pada tahun-tahun kebelakangan ini. Sebaliknya, subsektor kediaman terus berkembang disebabkan oleh permintaan yang mapan terhadap harta kediaman, yang disokong oleh pendapatan yang lebih tinggi serta pakej pembiayaan perumahan yang menarik. Pengembangan subsektor bukan kediaman disebabkan terutamanya oleh aktiviti perniagaan dan pelaburan yang bertambah baik, yang menyokong permintaan dalam segmen ruang pejabat dan perniagaan.

Oleh sebab orientasi dasar menyokong aktiviti sektor swasta dan keadaan ekonomi bertambah baik, sektor swasta menyumbang sebanyak 6.2 mata peratusan kepada pertumbuhan ekonomi. Penggunaan swasta berkembang dengan kukuh sebanyak 10.1% pada tahun 2004 memandangkan keyakinan pengguna pulih berikutan peristiwa-peristiwa pada awal tahun 2003, termasuk penularan penyakit Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS). Walaupun aktiviti menjadi sederhana pada akhir tahun 2004, sentimen kekal kukuh. Indeks Sentimen Pengguna dan Perdagangan Runcit, yang dikumpul oleh Institusi Penyelidikan Ekonomi Malaysia, kekal pada aras melebihi 100 mata sepanjang tahun. Di samping itu, pelbagai rebat cukai bagi mengekalkan penggunaan yang diumumkan melalui Bajet 2004 dan sokongan daripada kadar faedah dan persekitaran kredit semasa turut menyokong perbelanjaan penggunaan.

Pertumbuhan penggunaan swasta yang lebih kukuh didorong terutamanya oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi bagi sektor isi rumah dan korporat ekoran perolehan eksport yang lebih tinggi dan keadaan guna tenaga yang bertambah baik dalam ekonomi dalam negeri. Hasil kaji selidik Persekutuan Majikan Malaysia atas Penggajian dan Kemudahan Sampingan bagi Pekerja Eksekutif dan Bukan Eksekutif pada tahun 2004 menunjukkan kebanyakan syarikat (86%) terus membayar bonus kepada pekerja mereka. Peratusan syarikat yang menaikkan gaji juga meningkat lebih tinggi pada tahun 2004 berbanding dengan tahun sebelumnya. Harga komoditi yang lebih tinggi, khususnya harga getah dan minyak sawit, mendorong pekerja di luar bandar meningkatkan penggunaan mereka. Sementara itu, keuntungan dan aliran tunai sektor korporat yang kekal tinggi terus diperoleh melalui peningkatan produktiviti dan perolehan eksport yang lebih tinggi. Sampel yang diambil daripada kumpulan 350 syarikat bukan kewangan yang disenaraikan, yang mewakili hampir 75% daripada jumlah permodalan di Bursa Malaysia, menunjukkan kebanyakan sektor mencatat keuntungan yang lebih tinggi pada tahun 2004. Pulangan ekuiti berasaskan kadar tahunan bagi syarikat dalam sampel tersebut meningkat kepada 9.1% pada tahun 2004 (2003: 8.2%).

Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi didefinisikan sebagai paras keluaran yang selaras dengan kapasiti produktif sesebuah ekonomi. Dari segi konsep, paras keluaran potensi ditentukan oleh kadar pertumbuhan paras trend modal fizikal dan tenaga pekerja tanpa tekanan inflasi, serta tahap kemajuan teknologi. Jurang keluaran – iaitu perbezaan antara keluaran benar dengan paras trend keluaran potensi – merupakan suatu ukuran sisihan kitaran berbanding dengan trend keluaran tanpa tekanan inflasi. Pengetahuan tentang keluaran potensi dan jurang keluaran, bersama-sama maklumat lain yang relevan, dapat membantu pembuat dasar membuat penilaian mengenai kedudukan semasa sesebuah ekonomi dalam kitaran ekonomi. Ia juga dapat menunjukkan pertumbuhan potensi sesebuah ekonomi untuk jangka masa panjang.

Jadual 1
KDNK Benar dan Keluaran Potensi

Tempoh	KDNK Benar	Keluaran Potensi	Pelaburan	Pekerja	Jurang Keluaran
	(Perubahan tahunan %)				(% drpd Keluaran potensi)
1994-1998	9.2	8.0	14.1	3.9	2.3
1998	-7.4	3.0	-43.0	-2.1	-6.3
1999	6.1	1.3	-6.5	3.7	-2.0
2000	8.9	4.5	25.7	4.3	2.2
2001	0.3	3.8	-2.8	1.3	-1.2
2002	4.1	3.5	0.3	1.9	-0.7
2003	5.3	5.5	2.7	3.6	-0.9
2004	7.1	5.0	3.1	3.4	1.1

Graf 1
Keluaran Benar dan Potensi



Walau bagaimanapun, keluaran potensi dan jurang keluaran bukanlah merupakan konsep yang boleh dilihat secara kasar. Namun begitu, dengan menggunakan pendekatan fungsi pengeluaran dan maklumat mengenai paras modal dan paras guna tenaga yang sedia ada, anggaran keluaran potensi dan jurang keluaran bagi Malaysia dapat diperoleh. Perlu juga ditekankan bahawa anggaran tersebut sahaja tidak memberi perspektif yang menyeluruh mengenai keadaan sesebuah ekonomi, seperti sejauh mana tahap tekanan inflasi yang dialami. Ini adalah benar terutamanya bagi sebuah ekonomi yang mempunyai struktur yang dinamik seperti Malaysia.

Anggaran terkini menunjukkan ekonomi Malaysia pada tahun 2004 beroperasi pada paras yang melebihi sedikit daripada paras potensi, dalam suasana pertumbuhan ekonomi global yang kukuh. Jurang keluaran pula dianggarkan sebanyak 1.1% daripada keluaran potensi. Trend yang sama dapat dilihat semasa ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang pesat pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan sisihan antara keluaran benar dengan keluaran potensi sejak tahun 1998 adalah kecil, dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia masih selaras dengan pertumbuhan kapasiti potensinya, seperti yang ditunjukkan dalam Graf 1.

Sebelum tahun 1997, keluaran potensi Malaysia meningkat pada kadar yang pesat dengan pertumbuhan tahunan berpurata sebanyak 8% antara tahun 1994 hingga tahun 1997. Walau bagaimanapun, kemerosotan ekonomi yang ketara pada tahun 1998 serta penyesuaian semula struktur telah mengubah kapasiti produktif ekonomi negara. Ini menyebabkan pertumbuhan potensi terjejas dan seterusnya pertumbuhan keluaran potensi menjadi lembap sepanjang tempoh pemulihan berikutan penggunaan kapasiti lebihan dalam ekonomi. Namun begitu, pertumbuhan potensi mulai pulih sejak tahun 2000 dan pada tahun 2004, keluaran potensi meningkat pada kadar tahunan 5%, iaitu hampir empat kali ganda lebih berbanding dengan tahun 1999, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Graf 1.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan sumbangan produktiviti kepada pertumbuhan, momentum semasa dalam pengembangan kapasiti produktif negara dijangka berterusan dan seterusnya meningkatkan lagi pertumbuhan keluaran potensi negara. Ini memberi petanda bahawa pertumbuhan potensi ekonomi Malaysia dijangka terus bertambah baik dalam tempoh terdekat.

Pertumbuhan pelaburan swasta, yang bertukar arah pada separuh kedua tahun 2003, meningkat dengan pesat kepada 15.8% pada tahun 2004 apabila keyakinan perniagaan terus kukuh. Pertumbuhan yang lebih kukuh ini disebabkan terutamanya oleh penggunaan kapasiti yang meningkat berikutan peningkatan permintaan luar negeri dan penggunaan dalam negeri yang lebih tinggi. Penggunaan kapasiti yang lebih tinggi ini, berserta peningkatan keuntungan korporat dan keadaan pembiayaan yang lebih baik, telah menggalakkan aktiviti pelaburan. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi jelas kelihatan dalam semua sektor ekonomi, dengan sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan mencatat perbelanjaan pada tahap yang lebih ketara sepanjang tahun. Peningkatan pelaburan swasta juga disokong oleh pelaburan langsung asing, khususnya dalam sektor perkhidmatan, perkilangan serta minyak dan gas.

Perbelanjaan sektor awam kurang menyumbang kepada pertumbuhan kerana Kerajaan Persekutuan meneruskan dasar konsolidasi fiskal, mengakibatkan defisit fiskal menurun kepada 4.3% daripada KDNK pada tahun 2004 (2003: -5.3%). Usaha mengurangkan defisit fiskal diimbangi oleh keperluan Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan asas dan sosial serta perbelanjaan untuk meningkatkan produktiviti jangka panjang ekonomi negara. Pada tahun 2004, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan ke atas bekalan dan perkhidmatan serta emolumen adalah lebih tinggi. Hasilnya, penggunaan awam meningkat sebanyak 6.6% pada tahun 2004. Sebaliknya, pelaburan awam menurun sebanyak 3.5% pada tahun 2004 akibat pengurangan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan, yang sebahagiannya diimbangi oleh perbelanjaan modal perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang tinggi dan mapan. Walaupun perbelanjaan pembangunan berkurang, perbelanjaan pada tahun 2004 disalurkan terutamanya kepada projek berskala kecil dalam sektor ekonomi dan sosial yang mempunyai kesan pengganda ke atas ekonomi yang ketara. Perbelanjaan modal PABK yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh program penambahbaikan dan pengembangan kapasiti.

Hasil daripada aktiviti sektor swasta yang bertambah kukuh, permintaan agregat dalam negeri benar (tidak termasuk perubahan stok) terus berkembang sebanyak 7.3%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dicapai dalam konteks tekanan harga yang sedikit memandangkan peningkatan kapasiti dalam sektor yang mengalami pertumbuhan yang kukuh. Pengembangan dalam kapasiti baru ini memastikan pertumbuhan KDNK kekal, secara keseluruhan, sejajar dengan kapasiti potensi ekonomi. Kestabilan keadaan pasaran pekerja, produktiviti pekerja yang tinggi dan peningkatan persaingan dalam ekonomi juga membendung tekanan harga. Hasilnya, Indeks Harga Pengguna (IHP) dan inflasi teras meningkat sedikit masing-masing sebanyak 1.4% dan 1% tahun 2004 (2003: masing-masing 1.2% dan 0.5%).

Pada tahun 2004, permintaan luar negeri terus meningkat dan menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan keseluruhan ekonomi. Perkembangan yang lebih kukuh bagi eksport barangan perkilangan, terutamanya elektronik, dan pertumbuhan yang mapan dalam perolehan eksport komoditi menyumbang kepada lebihan perdagangan yang besar sebanyak RM81.1 bilion (2003: RM81.3 bilion). Pertumbuhan eksport yang lebih kukuh sebanyak 20.8% (2003: 11.3%) mencerminkan pertumbuhan permintaan pengguna dan pelaburan yang pesat di negara-negara perindustrian utama dan serantau. Seiring dengan permintaan sektor swasta dan pengeluaran perkilangan yang lebih kukuh, import mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 26.3% (2003: 4.4%). Lebihan perdagangan yang besar dan mapan, serta pengurangan defisit akaun perkhidmatan yang ketara hasil daripada perolehan pelancongan yang lebih tinggi, telah lebih daripada mengimbangi defisit akaun pendapatan yang besar yang berpunca daripada keuntungan terakru bagi pelabur langsung asing yang lebih besar. Oleh itu, lebihan akaun semasa terus meningkat kepada RM56.6 bilion, bersamaan 13.4% daripada KNK (2003: RM50.8 bilion atau 13.7% daripada KNK).

Akaun kewangan pula pulih dengan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM15.4 bilion pada tahun 2004 (2003: –RM12.1 bilion). Aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi telah lebih daripada mengimbangi aliran keluar yang lebih besar yang disebabkan oleh pelaburan ke luar negeri oleh syarikat Malaysia dan pelaburan lain oleh sektor awam dan swasta. Bahagian yang besar daripada pelaburan langsung asing disalurkan kepada sektor perkilangan, khususnya industri elektronik, serta sektor perkhidmatan. Sementara itu, aliran masuk ke sektor minyak dan gas ialah hasil daripada penemuan baru, terutamanya di luar pesisir Sabah dan Sarawak. Dana untuk pelaburan portfolio juga meningkat dengan ketara selaras dengan keyakinan pelabur yang bertambah baik dalam suasana

penarafan berdaulat bagi Malaysia yang dinaik taraf, dan spekulasi bahawa beberapa mata wang serantau, termasuk ringgit, berpotensi untuk dinaikkan nilai pada tahun tersebut.

Hasil daripada lebihan akaun semasa yang lebih besar, aliran masuk pelaburan yang lebih tinggi dan keuntungan daripada penilaian semula pertukaran asing, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat lagi ke tahap tertinggi yang pernah dicapai, iaitu sebanyak RM253.5 bilion atau bersamaan AS$66.7 bilion pada akhir tahun 2004. Pada 28 Februari 2005, tahap rizab terus meningkat kepada RM272.9 bilion atau AS$71.8 bilion, cukup untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan merupakan 6.1 kali pendek luar negeri hutang jangka.

Wujud beberapa kejutan yang ketara dalam ekonomi global pada tahun 2004, iaitu harga minyak yang tinggi, tekanan inflasi yang muncul semula, kitaran monetari global yang mengekang, langkah pengetatan untuk mengurangkan kadar pertumbuhan yang terlalu tinggi di Republik Rakyat China (RR China), penularan selesema burung di beberapa tempat dan kesan akibat tsunami pada bulan Disember. Namun, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan. Sektor swasta memainkan peranan utama sebagai pemacu pertumbuhan manakala dasar Kerajaan disasarkan untuk mengekalkan keadaan ekonomi yang stabil dan memastikan sistem penghantaran sektor awam yang lebih cekap, yang menyokong perniagaan dan mesra pengguna agar dapat mencapai pertumbuhan pelaburan swasta yang mapan.

Dasar makroekonomi pada tahun 2004 tertumpu pada mengekalkan kestabilan dan meningkatkan kapasiti penanggungan risiko ekonomi. Pada masa hadapan, peningkatan dalam fleksibiliti, kecenderungan membuat inovasi dan produktiviti adalah komponen penting untuk mencapai pertumbuhan jangka panjang yang mapan.

Hutang luar negeri Malaysia meningkat secara sederhana kepada RM197.3 bilion pada tahun 2004 (2003: RM186.6 bilion). Ini mencerminkan terutamanya peningkatan hutang jangka pendek sektor perbankan, yang sebahagian besar disebabkan oleh aktiviti lindung nilai bagi urus niaga berkaitan perdagangan dan aktiviti perbendaharaan. Walau bagaimanapun, bahagian hutang jangka pendek kepada jumlah hutang keseluruhan kekal rendah dan mencakupi sebanyak 21.8% daripada jumlah hutang luar negeri. Dasar pengurusan hutang berhemat yang diamalkan telah menyebabkan kedudukan hutang luar negeri Malaysia kekal mapan, dengan bahagian hutang luar negeri kepada KNK dan nisbah khidmat bayaran hutang bertambah, masing-masing kepada 46.6% dan 4.3% (2003: masing-masing 50.2% dan 6.2%.).

Pengurusan Makroekonomi

Prestasi ekonomi yang kukuh pada tahun 2004 mencerminkan peningkatan ekonomi Malaysia yang menyeluruh, dalam keadaan pertumbuhan pesat perdagangan global bagi barangan perkilangan dan harga yang lebih tinggi bagi minyak dan kebanyakan komoditi bukan minyak. Pengukuhan permintaan dalam negeri mendorong pertumbuhan yang mapan sepanjang tahun 2004 walaupun pertumbuhan global sederhana sedikit pada separuh tahun kedua.

Teras dasar monetari pada tahun 2004 kekal menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Kadar inflasi dalam negeri adalah rendah pada 1.4%, tanpa sebarang kesan sampingan yang nyata ekoran harga import yang lebih tinggi. Selain itu, aliran masuk dari luar negeri, yang terdiri terutamanya daripada aliran jangka panjang perdagangan dan pelaburan, dan sedikit peningkatan dalam aliran dana portfolio. Dengan adanya mudah tunai yang berlebihan dalam sistem disebabkan oleh aliran masuk perdagangan dan pelaburan yang mapan, operasi pasaran wang Bank Negara Malaysia tertumpu pada penstabilan kadar faedah pada tahap yang menyokong aktiviti ekonomi. Tambahan lagi, persaingan dalam sektor perbankan yang mapan turut membendung sebarang tekanan ke atas kadar faedah apabila permintaan terhadap dana oleh sektor swasta meningkat.

Keadaan makroekonomi yang stabil membolehkan Bank Negara Malaysia membuat perubahan yang ketara dalam pengendalian dasar monetari pada tahun 2004. Pada 23 April, Rangka Kerja Kadar Faedah Baru diumumkan. Rangka kerja baru ini dirangka bagi memperkukuh lagi mekanisme penghantaran dasar monetari dan menggalakkan penentuan harga yang lebih cekap oleh sistem kewangan. Walaupun rangka kerja baru ini merupakan perubahan ke atas mekanisme pelaksanaan dasar monetari, ia tidak

mencerminkan sebarang perubahan pada teras dasar monetari. Rangka kerja ini juga dirangka bagi meningkatkan keberkesanan dasar monetari dengan membantu penghantaran perubahan pada kadar faedah dasar, iaitu Kadar Dasar Semalaman (OPR), kepada kadar faedah pasaran yang lain dan akhirnya, kepada objektif makroekonomi utama. OPR memainkan dua peranan, iaitu sebagai alat penunjuk yang menyampaikan teras dasar monetari dan sebagai kadar faedah yang disasarkan dalam operasi mudah tunai harian Bank Negara Malaysia. Pengenalan OPR melengkapi beberapa perubahan yang dibuat bermula dengan penerbitan Pernyataan Dasar Monetari pada tahun 2003. Perubahan-perubahan tersebut bertujuan untuk memperbaiki komunikasi mengenai dasar, di samping menyampaikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai keadaan ekonomi dan kewangan kepada pasaran. Ini juga akan membantu menunjuk arah kepada jangkaan pasaran, dan dengan itu meningkatkan keberkesanan dasar monetari.

Walaupun kadar faedah semasa yang rendah adalah sesuai dan konsisten dengan keperluan ekonomi pada keseluruhannya, didapati ada segmen masyarakat yang bergantung pada pendapatan daripada simpanan deposit, seperti golongan tua dan pertubuhan kebajikan yang mungkin terjejas. Sehubungan dengan itu, satu instrumen khas, iaitu Bon Simpanan Merdeka (BSM) dilancarkan bagi mengurangkan kesan penurunan pendapatan faedah bagi kumpulan ini. BSM memberi pemegang bon pulangan sebanyak 5%, yang melebihi kadar faedah simpanan tetap, dan diterbitkan secara berkala sepanjang tahun 2004 dan 2005.

Dari segi kadar pertukaran, penetapan kadar pertukaran terus memberikan manfaat kepada ekonomi Malaysia dengan memberi jangkaan yang menentu dan kestabilan secara relatif kepada aktiviti perdagangan dan pelaburan. Kelemahan nilai dolar AS dan spekulasi bahawa RR China sedang mempertimbangkan rejim mata wang yang lebih fleksibel pada tahun 2004, menguatkan jangkaan pasaran bahawa dasar kadar pertukaran Malaysia juga akan dikaji semula. Bank Negara Malaysia mengekalkan pendirian bahawa rejim kadar pertukaran akan hanya dikaji semula sekiranya ringgit mengalami ketidakjajaran yang berterusan disebabkan oleh perubahan struktur yang besar dalam sistem kewangan antarabangsa dan serantau, atau sekiranya asas ekonomi menunjukkan perlunya pertukaran sistem tersebut. Oleh itu, sebarang perubahan kepada rejim kadar pertukaran tertakluk pada perubahan struktur jangka panjang yang sedemikian dan bukan bergantung pada pergerakan aliran modal jangka pendek dan perubahan sementara dalam jangkaan kadar pertukaran.

Asas ekonomi yang lebih kukuh membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil langkah untuk terus meliberalisasikan peraturan pentadbiran pertukaran asing. Berkuat kuasa 1 April, beberapa perubahan dilaksanakan. Ini termasuk mempermudah keperluan bagi pengeksport untuk membuat laporan supaya kos pentadbiran dan proses perniagaan dapat dikurangkan; meningkatkan had semalaman bagi Akaun Mata Wang Asing pemastautin bagi meningkatkan pengurusan aliran wang tunai dan menyokong kenaikan dalam nilai ditambah di Malaysia; membenarkan pemberian pinjaman dalam denominasi ringgit kepada bukan pemastautin untuk meningkatkan akses kepada dana dalam denominasi ringgit bagi operasi di Malaysia; membenarkan pemastautin tertentu untuk melabur di luar negeri bagi menambah fleksibiliti pengurusan dana; dan membenarkan pemastautin membuat kontrak tukaran asing hadapan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan risiko ekoran pendedahan pada mata wang asing. Perubahan-perubahan ini ialah sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk terus meningkatkan persekitaran perniagaan dan mengukuhkan kecekapan sistem penghantaran pengawalseliaan. Kelonggaran peraturan ini memberikan fleksibiliti yang lebih kepada pemastautin untuk mengurus pelaburan mereka dengan menggalakkan kepada pilihan-pilihan pengurusan risiko yang lebih meluas.

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil, Bank Negara Malaysia membenarkan Bank Pembangunan Pelbagai Hala (BPP) atau Institusi Kewangan Pelbagai Hala (IKP) dan Syarikat-syarikat Multinasional untuk menerbitkan bon berdenominasi ringgit dalam pasaran modal di Malaysia. Di samping itu, Suruhanjaya Sekuriti membenarkan pengecualian cukai diberikan ke atas pendapatan faedah yang diperoleh syarikat bukan pemastautin daripada sekuriti dan debentur Islam dalam denominasi ringgit, kecuali stok pinjaman boleh ubah dan sekuriti terbitan Kerajaan Malaysia. Kesan segera dapat dilihat daripada langkah yang diambil ini. Khususnya, langkah membenarkan BPP menerbitkan bon ringgit diikuti dengan dua terbitan penting dalam pasaran bon dalam negeri. Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank) adalah entiti asing pertama menerbitkan bon dalam denominasi ringgit pada bulan November. Terbitan ini dituruti dengan rapat oleh Perbadanan Kewangan Antarabangsa (International Finance Corporation),

yang juga badan pelbagai hala pertama menerbitkan bon dalam denominasi ringgit yang mematuhi prinsip Islam.

Perkembangan monetari melengkapkan usaha Kerajaan untuk meneruskan pelaksanaan dasar konsolidasi fiskal secara berperingkat. Defisit Kerajaan Persekutuan secara keseluruhan menurun daripada 5.3% daripada KDNK pada tahun 2003 kepada 4.3% daripada KDNK pada tahun 2004. Kerajaan mengukuhkan kedudukan kewangannya dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam perbelanjaan serta mempertambah hasil, dan pada masa yang sama, mengoptimumkan penggunaan sumber dan kapasiti yang sedia ada.

Selain memberi tumpuan pada pengukuhan pengurusan kewangan awam, dasar awam pada tahun 2004 bertujuan memperbaiki sistem penghantaran bagi meningkatkan daya saing. Perbelanjaan pembangunan disasarkan pada perbelanjaan yang dapat memastikan peningkatan produktiviti dan daya saing dalam ekonomi. Fokus perbelanjaan pembangunan adalah untuk pembangunan luar bandar dan projek-projek yang lebih kecil dalam sektor pertanian, memperbaiki bekalan utiliti di kawasan luar bandar, mempertingkatkan jalan raya dan jalinan pengangkutan lain, serta program penjagaan kesihatan dan program rumah kos rendah bagi rakyat jelata. Walaupun program ini kecil dari segi nilai, kesan penggandaan daripada program ini adalah ketara, dengan itu memastikan matlamat sosioekonomi Kerajaan tercapai.

Kerajaan akan terus melaksanakan program konsolidasi fiskal secara berperingkat. Pengurusan kewangan berhemat kekal sebagai asas penting dasar fiskal bagi memperbaiki kedudukan kewangan Kerajaan secara keseluruhan. Defisit yang lebih kecil memberi pilihan yang lebih luas kepada Kerajaan untuk menentukan dasar dan membolehkan dasar makroekonomi mengurangkan potensi kejutan yang negatif dengan lebih berkesan dalam ekonomi.

Bajet 2004 dan 2005 dirangka dengan objektif untuk menjana aktiviti pelaburan swasta dengan lebih kukuh dan menempatkan semula sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan ekonomi utama. Khususnya, dasar awam terus memberi penekanan kepada keperluan syarikat-syarikat Malaysia mengenal pasti dan mengambil peluang yang ada dalam sektor pertumbuhan baru. Pempelbagaian ekonomi akan mempertingkatkan lagi daya tahan ekonomi sementara menyediakan peluang kepada syarikat-syarikat untuk terus menambah nilai. Antara sektor yang disasarkan termasuk pertanian, perkhidmatan dan aktiviti perkilangan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Bagi terus merangsang sebahagian daripada aktiviti ini, Bajet memperuntukkan dana tambahan bagi membangunkan lagi industri modal usaha niaga. Insentif lain yang diumumkan termasuk memberi taraf Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada Kulim High-Technology Park dan Bayan Lepas, memperbaiki infrastruktur ICT termasuk kemudahan jalur lebar dan memperkenalkan portal kerajaan yang bersepadu sebagai laluan utama perkhidmatan awam, serta pelbagai insentif cukai kepada sektor tertentu.

Tumpuan khusus telah diberikan kepada meningkatkan daya saing dan menggalakkan pelaburan oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ini bukan sahaja disebabkan PKS memberi sumbangan yang ketara kepada ekonomi tetapi juga kerana PKS mempunyai potensi pertumbuhan yang kukuh. Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia mengambil langkah menubuhkan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Majlis ini mewakili badan penggubal dasar tertinggi dan akan menentukan hala tuju dan strategi untuk pembangunan PKS. Majlis ini bukan sahaja bertanggungjawab merangka dasar dan strategi secara umum bagi menyokong pembangunan PKS tetapi juga memastikan pelaksanaan dasar dan pelan tindakan yang berkesan. Bank Negara Malaysia dilantik sebagai Sekretariat Majlis. Pada tahun 2004, Majlis menstandardkan takrif PKS bagi kesemua sektor ekonomi dan mengambil inisiatif meningkatkan maklumat berkenaan PKS sebagai langkah pertama ke arah merangka dan melaksanakan dasar yang lebih berkesan. Majlis juga memulakan beberapa skim bagi memudahkan akses kepada pembiayaan, latihan dan khidmat nasihat untuk PKS.

Aktiviti syarikat yang dikuasai Kerajaan (GLC) dikaji semula pada tahun 2004 bagi menjadikan GLC sebagai syarikat yang lebih cekap dan kompetitif di peringkat global. GLC telah melalui beberapa siri pembaharuan bagi menggalakkan budaya berprestasi tinggi, termasuk antara lain, pertambahan nilai kepada pemegang saham serta imbuhan berkaitan prestasi dan kontrak yang kompetitif untuk pihak pengurusan kanan di semua GLC. Dengan pengaruh dan impak GLC ke atas ekonomi, pembaharuan GLC juga akan mendatangkan kesan yang positif kepada syarikat sektor swasta yang menjadi pembekal dan pelanggan kepada GLC tersebut. Dalam penstrukturan semula GLC, penekanan yang lebih diberikan kepada strategi yang menjurus kepada perniagaan supaya dapat mempertingkatkan daya saing secara keseluruhan.

Dasar makroekonomi jangka pendek dan jangka panjang di Malaysia dirangka untuk saling memperkukuh bagi mencapai pembangunan ekonomi yang mapan. Dasar jangka pendek yang menjejas kestabilan asas ekonomi jangka panjang bukan sahaja sukar mendapat kejayaan tetapi juga membawa kesan yang buruk ke atas keupayaan melaksanakan dasar yang bersesuaian pada masa hadapan. Oleh itu, penggubalan dan pelaksanaan dasar di Malaysia diseimbang bagi memastikan interaksi antara dasar jangka pendek dan jangka panjang saling memperkukuh dan saling menyokong. Dengan prestasi pertumbuhan yang memberangsangkan, asas ekonomi yang kukuh serta pendirian dasar makroekonomi dan pembangunan yang bersifat menyokong, membolehkan Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan. Tindak balas daripada sektor swasta terhadap dasar awam adalah menggalakkan dan tindakan dan strategi yang diambil dijangka menyumbang kepada pertumbuhan jangka panjang yang mapan dengan pembangunan sosioekonomi yang seimbang.

Jadual 1.3
Sektor Perkilangan: Nilai Ditambah dan Pengeluaran

	2003	2004
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (Pada harga malar 1987)	**8.3**	**9.8**
Pengeluaran keseluruhan	**10.5**	**12.7**
Industri berorientasikan eksport	**11.9**	**14.2**
antaranya:		
Elektronik	15.1	25.0
Barangan elektrik	-7.0	-9.4
Bahan kimia dan keluaran kimia	20.8	14.1
Kayu dan keluaran kayu	0.9	12.7
Pemprosesan di luar estet	11.8	4.0
Tekstil dan pakaian	-2.2	-11.7
Keluaran getah	18.7	14.8
Industri berorientasikan pasaran tempatan	**6.1**	**7.1**
antaranya:		
Keluaran berkaitan pembinaan	10.2	-0.6
Keluaran logam yang direka	7.4	29.2
Keluaran makanan	8.8	3.0
Kelengkapan pengangkutan	-5.5	8.6
Keluaran petroleum	2.3	1.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KAJIAN MENGIKUT SEKTOR

Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan sekali lagi mencatat kadar pertumbuhan dua angka pada tahun 2004, dengan pertumbuhan keluaran meningkat kukuh kepada 12.7% (2003: 10.5%). Prestasi pertumbuhan yang memberangsangkan ini disokong oleh persekitaran luar negara yang positif berikutan pertumbuhan yang lebih kukuh di negara-negara perindustrian dan serantau serta diperkukuh lagi oleh peningkatan permintaan dalam negeri. Pertumbuhan pada separuh tahun pertama adalah lebih ketara (16.1%; separuh tahun kedua: 9.6%), didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap barangan elektronik sejajar dengan peningkatan momentum kitaran separa konduktor global. Pertumbuhan pada tahun 2004 juga disokong oleh permintaan eksport yang kukuh bagi keluaran berasaskan sumber termasuk keluaran getah, kimia dan kayu. Bagi industri berorientasikan pasaran dalam negeri, pertumbuhan diterajui oleh pemulihan dalam industri kelengkapan pengangkutan dan pengembangan memberangsangkan dalam industri keluaran logam yang direka, yang lebih daripada mengimbangi penyederhanaan dalam industri barangan berkaitan pembinaan. Hasilnya, pertumbuhan industri berorientasikan eksport dan berorientasikan pasaran dalam negeri bertambah kukuh, masing-masing kepada 14.2% dan 7.1% pada tahun 2004 (masing-masing 11.9% dan 6.1% pada tahun 2003).

Prestasi sektor perkilangan yang memberangsangkan disokong oleh persekitaran luar negeri yang positif dan peningkatan permintaan dalam negeri.

Sejajar dengan peningkatan yang nyata dalam pengeluaran, pertumbuhan nilai ditambah sektor perkilangan secara keseluruhan bertambah kukuh kepada 9.8% (2003: 8.3%). Sektor perkilangan kekal sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi dengan sumbangan kepada KDNK meningkat daripada 30.8% pada tahun 2003 kepada 31.6% pada tahun 2004. Meskipun pertumbuhan keluaran adalah kukuh, kadar penggunaan kapasiti sektor perkilangan secara keseluruhan rendah sedikit pada 79% pada tahun 2004 (2003: 80%), disebabkan oleh pengembangan kapasiti dalam industri-industri tertentu. Kadar penggunaan kapasiti industri berorientasikan eksport dan berorientasikan pasaran dalam negeri masing-masing berada pada 81% dan 75% (2003: masing-masing pada 82% dan 76%).

Pertumbuhan industri barangan elektronik dan elektrik berganda kepada 17.7% pada tahun 2004 (2003: 9.6%), dirangsang oleh pengembangan pesat segmen

Graf 1.6
Sektor Perkilangan: Jualan, Pengeluaran dan Eksport



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

elektronik. Prestasi **industri elektronik** adalah seiring dengan trend kitaran separa konduktor global. Pada awal tahun 2004, sektor elektronik disokong oleh momentum pertumbuhan industri separa konduktor global yang kukuh yang bermula pada separuh kedua tahun 2003. Kitaran ini memuncak pada pertengahan tahun 2004 dan setelah itu mengalami penyederhanaan apabila syarikat-syarikat menyelaraskan inventori mereka disebabkan pengeluaran yang berlebihan pada awal tahun 2004.

Kitaran menaik separa konduktor pada tahun 2003 - 04 adalah menyeluruh dengan pengembangan dalam semua kategori cip, dari komputer peribadi yang didorong oleh kitaran penggantian, barangan telekomunikasi dan keluaran tanpa wayar sehingga ke barangan elektronik pengguna. Permintaan pengguna yang kukuh dan pelaburan perniagaan yang meningkat di negara-negara perindustrian pada tahun 2004 turut memperkukuh jualan separa konduktor global. Perkembangan yang positif ini diperkukuh lagi oleh trend penggunaan cip yang lebih meluas dan kandungan cip yang lebih tinggi, terutamanya dalam segmen elektronik pengguna. Kemunculan peralatan elektronik baru seperti kamera digital, pembantu digital peribadi (PDA), televisyen panel leper dan telefon bimbit pelbagai fungsi menjadi pemacu pertumbuhan dalam segmen elektronik pengguna. Jualan komputer peribadi global juga terus berkembang dengan pesat pada tahun 2004, dengan diterajui oleh permintaan yang kukuh dari rantau Asia Pasifik.

Berbanding dengan kitaran separa konduktor sebelum ini (1999-2000), yang disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan korporat yang berkaitan dengan Y2K, tidak terdapat pelaburan yang berlebihan dalam sektor teknologi pada kitaran terbaru ini. Kedua, kitaran menurun pada kali ini disebabkan oleh situasi penawaran yang berlebihan, manakala kitaran sebelum ini berpunca daripada faktor penawaran dan permintaan. Sungguhpun pertumbuhan dunia menurun hampir separuh dalam tempoh setahun kepada 2.4% pada tahun 2001 (2000: 4.7%), namun penunjuk-penunjuk terkini memperlihatkan permintaan terhadap elektronik masih bertahan. Prospek pertumbuhan dunia kekal positif pada tahun 2005 (4%); tempahan baru oleh Amerika Syarikat terhadap elektronik terus mencatat pertumbuhan sepanjang tahun 2004 dan nisbah *book-to-bill* Amerika Syarikat bagi kelengkapan separa konduktor berada hampir dengan satu. Ketiga, pengumpulan inventori tidak terlalu besar dalam kitaran semasa. Nisbah inventori kepada penghantaran barangan elektronik di

Graf 1.7
Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Graf 1.8
Pengeluaran dan Eksport Industri Elektronik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Pertubuhan Industri Separa konduktor (SIA)

Amerika Syarikat kekal rendah sebanyak 1.22 pada akhir Disember 2004 (September 2004: 1.26; Ogos 2001: 1.93). Akhirnya, penyelarasan inventori secara relatif, adalah lebih cepat kerana syarikat multinasional mula mengurangkan pengeluaran dan inventori sejak suku keempat tahun 2004. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, kitaran menurun pada masa ini dijangka sederhana berbanding dengan kitaran menurun yang mendadak yang dialami pada tahun 2001.

Memandangkan terdapat banyak syarikat multinasional di Malaysia, pengilang tempatan juga turut menjalankan penyelarasan terhadap inventori seperti yang dicerminkan oleh penyederhanaan dalam indeks pengeluaran perkilangan pada bulan-bulan terakhir tahun 2004. Para pengilang separa konduktor di Malaysia juga terus mempertingkatkan rantaian nilai dengan mengeluarkan barangan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi serta meneroka aktiviti berkaitan sektor perkilangan termasuk menempatkan pusat serantau mereka di Malaysia pada tahun 2004.

Industri barangan elektrik terus mengalami konsolidasi pada tahun 2004 memandangkan industri tersebut masih melaksanakan penyelarasan struktur untuk beralih kepada barangan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Dengan peralihan kepada barangan bernilai tinggi, jumlah unit yang dikeluarkan adalah lebih rendah, manakala jumlah nilai eksport barangan elektrik meningkat pada tahun 2004 disebabkan oleh harga jualan yang lebih tinggi.

Industri kimia dan keluaran kimia tumbuh pada kadar dua angka, sebanyak 14.1%, bagi tahun kedua berturut-turut (2003: 20.8%). Pengembangan yang kukuh ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pengeluaran gas perindustrian yang mencakupi kira-kira 40% daripada jumlah keseluruhan industri kimia dan keluaran kimia. Pertumbuhan pesat gas perindustrian (19.5%; 2003: 15.8%) adalah sejajar dengan pertumbuhan kukuh dalam pengeluaran gas asli berikutan penambahan kepada kapasiti dan kenaikan penggunaan kapasiti loji MLNG, terutamanya loji MLNG Tiga yang baru. Sementara itu, pengeluaran barangan plastik terus berkembang disokong oleh permintaan dari dalam dan luar negeri yang lebih kukuh. Penggunaan baja dan racun serangga perosak yang lebih tinggi dalam sektor pertanian berikutan amalan pertanian yang baik dalam suasana harga komoditi yang menggalakkan, turut mendorong pertumbuhan kukuh dalam subsektor baja dan racun serangga perosak pada tahun 2004. Hanya pengeluaran industri resin tiruan tumbuh dengan sederhana pada tahun 2004. Ini disebabkan oleh kekurangan input kimia dan pengurangan dalam pengeluaran paip PVC ekoran aktiviti pembinaan yang lembap. Secara keseluruhan, permintaan luar negeri bagi keluaran kimia kekal kukuh, dengan RR China dan Jepun kekal sebagai pasaran eksport barangan kimia Malaysia yang terbesar.

Pertumbuhan pengeluaran **barangan kayu** meningkat sebanyak 12.7% (2003: 0.9%) dalam suasana permintaan luaran yang kukuh dan harga yang tinggi. Pengeluaran kilang papan lapis dan papan serbuk meningkat dengan lebih nyata hasil daripada permintaan yang meningkat dari Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun. Langkah Indonesia melarang eksport kayu siap digergaji juga memberi manfaat kepada sektor pengeluaran kayu Malaysia. Sementara itu, pertumbuhan industri perabot disokong oleh permintaan yang tinggi dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Thailand, Taiwan dan Belanda.

Pengeluaran **barangan getah** terus kekal kukuh dan berkembang sebanyak 14.8% pada tahun 2004 (2003: 18.7%). Pertumbuhan dua angka ini disokong terutamanya oleh peningkatan permintaan luaran bagi sarung tangan getah, memandangkan lebih 90% daripada pengeluaran tempatan adalah untuk pasaran eksport. Harga yang stabil dan bekalan susu getah yang mencukupi membolehkan pengeluar-pengeluar sarung tangan tempatan bersaing dengan jayanya di pasaran dunia. Pengilang-pengilang mengekalkan daya saing dengan meningkatkan bahagian sumber getah asli dalam pengeluaran disebabkan kos getah tiruan yang berasaskan minyak yang lebih tinggi. Amerika Syarikat kekal sebagai destinasi eksport utama bagi barangan getah Malaysia, diikuti oleh Eropah, Jepun, Korea dan Australia.

Pengeluaran **industri pemprosesan di luar estet** berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana selaras dengan pengeluaran minyak sawit mentah pada tahun 2004. Pengeluaran minyak sawit berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada tahun tersebut selepas mencatat pertumbuhan yang tinggi selama dua tahun berturut-turut.

Pengeluaran **kelengkapan pengangkutan** pulih pada tahun 2004 untuk mencatat pertumbuhan positif, berikutan jumlah pemasangan kereta yang lebih tinggi dan pengeluaran motosikal dan skuter yang meningkat dengan mendadak bagi pasaran eksport. Selepas mengalami penguncupan pada tahun 2003, pemasangan kenderaan bermotor pulih dengan nyata pada kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 10.6%, didorong oleh permintaan terpendam bagi kereta

penumpang berikutan semakan semula struktur cukai pada awal tahun 2004. Paras pendapatan yang semakin meningkat, penawaran pakej pinjaman yang menarik serta pengenalan pelbagai model kereta baru mampu milik pada tahun 2004 turut menyokong industri kenderaan bermotor. Tahun 2004 juga menyaksikan peningkatan dalam pengeluaran di segmen motosikal dan skuter ekoran kapasiti baru yang disasarkan terutamanya untuk eksport ke negara serantau seperti Indonesia dan Singapura serta negara Eropah seperti Greece dan Turki.

Industri **tekstil dan pakaian** terus mengalami perubahan struktur. Pengeluaran industri ini merosot lagi disebabkan oleh persaingan dari negara pengeluar kos lebih rendah seperti RR China, India dan Vietnam. Sebagai sebahagian daripada strategi perniagaan mereka, beberapa pengilang tekstil tempatan turut mendirikan kilang di negara serantau untuk mendapat manfaat daripada kos operasi yang lebih rendah dan mengambil peluang daripada Perjanjian Tekstil dan Pakaian yang akan tamat pada awal tahun 2005. Dalam suasana persaingan yang sengit, pengilang-pengilang tekstil tempatan terus mempertingkatkan rantaian nilai dengan mengeluarkan barangan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi untuk pasaran luar negeri seperti yang dilihat dalam peningkatan eksport tekstil dan pakaian pada tahun 2004.

Pengeluaran **barangan berkaitan pembinaan** merosot buat pertama kali selepas mencatat pertumbuhan selama lima tahun berturut-turut. Prestasi sektor tersebut telah dipengaruhi oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah pada tahun 2004. Khususnya, pengeluaran barangan galian bukan logam, iaitu simen dan barangan struktur tanah liat, terjejas. Walau bagaimanapun, industri besi dan keluli terus mencatat pertumbuhan kerana pengeluar besi beralih secara beransur-ansur daripada pengeluaran keluaran besi jenis panjang yang digunakan kebanyakannya dalam sektor pembinaan, kepada keluaran besi jenis leper yang mempunyai penggunaan yang lebih meluas, meliputi perkakas elektronik sehingga ke perabot. Keluaran besi jenis leper juga tidak tertakluk kepada kawalan harga tempatan dan mendapat manfaat daripada permintaan eksport yang kukuh pada tahun 2004.

Pengeluaran **barangan logam yang direka** meningkat pada tahun 2004 (29.2%; 2003: 7.4%), disokong terutamanya oleh permintaan dari pasaran eksport. Khususnya, pengilang-pengilang yang mengeluarkan bolt, nat, paip air dan paip gas serta struktur besi bagi bangunan dan kontena, meningkatkan pengeluaran mereka pada tahun 2004, sebagai respons kepada permintaan luaran yang kukuh serta harga yang lebih tinggi.

Pertumbuhan dalam **industri keluaran kertas** menjadi sederhana kepada 2.3% pada tahun 2004 (2003: 8%), disebabkan oleh persaingan sengit dari negara-negara serantau dalam segmen pulpa dan kertas. Walaupun segmen pulpa dan kertas merosot, segmen bekas dan kertas tebal terus mencatat perkembangan pada tahun 2004 berikutan aktiviti ekonomi yang meningkat, yang menyokong industri pembungkusan. Pengeluaran **barangan petroleum** terus meningkat walaupun pada kadar yang lebih sederhana disebabkan oleh loji penapisan minyak yang beroperasi hampir pada kapasiti penuh.

Industri **keluaran makanan** terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana disebabkan sebahagiannya oleh penggantian import, manakala pengeluaran **industri minuman dan tembakau** terjejas akibat kenaikan duti eksais serta peraturan yang lebih ketat terhadap pengiklanan rokok dan keperluan pembungkusan.

Sektor perkhidmatan

Pada tahun 2004, pertumbuhan sektor perkhidmatan bertambah kukuh kepada 6.7%, disokong oleh penggunaan dalam negeri, pelancongan dan aktiviti berkaitan perdagangan yang kukuh. Khususnya, **segmen perkhidmatan akhir** yang merangkumi perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; utiliti; perkhidmatan Kerajaan; dan perkhidmatan yang lain nyata bertambah kukuh dengan pertumbuhan meningkat daripada 3.7% pada tahun 2003 kepada 6.3% pada tahun 2004. Ini mencerminkan terutamanya penggunaan yang lebih kukuh dan pemulihan dalam aktiviti pelancongan pada tahun 2004. Sejajar dengan aktiviti perdagangan, perniagaan dan perjalanan yang lebih tinggi, pertumbuhan **segmen perkhidmatan pengantara** juga lebih tinggi pada tahun 2004 pada 7.2% (2003: 5.5%).

Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran pulih dengan nyata daripada kesan Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) yang berlaku pada tahun 2003, untuk berkembang

Sektor perkhidmatan kekal sebagai salah satu daripada teraju pertumbuhan ekonomi dan disokong oleh penggunaan dalam negeri, pelancongan dan aktiviti berkaitan perdagangan.

Table 1.4
Pertumbuhan di Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar 1987

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	Perubahan tahunan (%)		% bahagian daripada KDNK	
Perkhidmatan	**4.4**	**6.7**	**57.6**	**57.4**
Perkhidmatan perantaraan	5.5	7.2	23.8	23.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.7	8.4	8.6	8.7
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	5.4	6.5	15.1	15.0
Perkhidmatan akhir	3.7	6.3	33.9	33.6
Elektrik, gas dan air	5.7	8.1	4.1	4.2
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1.5	7.1	14.3	14.3
Perkhidmatan kerajaan [1]	7.6	5.1	7.4	7.2
Perkhidmatan-perkhidmatan lain [2]	3.3	5.0	8.0	7.9

[1] Termasuk perkhidmatan awam (pentadbiran awam, hal ehwal luar serta keamanan dan keselamatan awam), pertahanan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain.
[2] Termasuk bayaran sewa ke atas kediaman yang didiami oleh pemilik; perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian; perkhidmatan pengeluar swasta yang bukan berasaskan keuntungan kepada isi rumah dan perkhidmatan domestik bagi isi rumah.
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

sebanyak 7.1% pada tahun 2004 (2003: 1.5%). Pertumbuhan subsektor ini disokong oleh peningkatan aktiviti penggunaan sejajar dengan pendapatan boleh guna dan keyakinan pengguna yang lebih tinggi. Pertumbuhan diperkukuhkan lagi oleh aktiviti pelancongan yang pesat. Perbelanjaan ke atas barangan tahan lama, termasuk kereta penumpang juga meningkat pada tahun 2004. Khususnya, jualan kereta penumpang dan import barangan pengguna mencatat pertumbuhan yang kukuh, masing-masing sebanyak 15.3% dan 24.1% pada tahun 2004.

Dalam tempoh pasca-SARS, ketibaan pelancong pulih dengan nyata, dengan bilangan pelancong ke negara ini mencapai tahap tertinggi sebanyak 15.7 juta orang pada tahun 2004 (2003: 10.6 juta orang). Pertambahan pelancong dari pasaran yang berbelanja tinggi seperti negara-negara Asia Barat dan Asia Utara turut menyokong aktiviti di subsektor hotel, restoran dan kedai runcit khas. Penganjuran Kejuaraan *Formula One Grand Prix* pada bulan Mac 2004 dan Karnival Jualan Mega yang diadakan dua kali setahun (pada suku pertama dan suku ketiga) telah merangsang pelancong untuk berbelanja. Kadar penginapan purata di hotel meningkat dan melebihi 60% buat kali pertama semenjak tahun 1996 (2003: 53.3%), dengan kebanyakan hotel utama mencatat kadar penginapan yang hampir penuh pada musim puncak.

Graf 1.9
Trend Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran berbanding Penggunaan Swasta dan Ketibaan Pelancong



Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.4% pada tahun 2004 (2003: 5.7%) seiring dengan pengembangan yang pesat dalam aktiviti perdagangan dan perjalanan. Pertumbuhan subsektor ini diperkukuh lagi oleh pengembangan pesat dalam industri telekomunikasi, didorong terutamanya oleh segmen telefon selular. Bilangan pelanggan yang bertambah, peningkatan dalam jumlah panggilan antarabangsa dan penggunaan data mudah alih yang semakin popular telah menyokong pertumbuhan dalam segmen telefon selular. Sehingga akhir tahun 2004, bilangan pelanggan telefon selular bertambah kepada 14.5 juta orang (akhir tahun 2003: 11.1 juta orang), iaitu kadar penembusan sebanyak 55.9%. Persaingan harga yang sengit di kalangan syarikat pengendali membantu meningkatkan penggunaan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan data mudah alih yang lain pada tahun 2004. Oleh itu, hasil daripada data mencakupi bahagian yang lebih besar, iaitu sebanyak 16% daripada jumlah hasil pendapatan perkhidmatan

selular pada tahun 2004 berbanding dengan 12% pada tahun 2003. Sementara itu, trafik SMS mencapai 9.5 bilion (2003: 6.2 bilion).

Aktiviti perdagangan yang memberangsangkan telah menyumbang kepada pertumbuhan dalam kargo laut dan udara. Jumlah TEU yang dikendalikan di pelabuhan-pelabuhan utama berkembang sebanyak 10.7%, mencerminkan peningkatan dalam kendalian kargo tempatan serta aktiviti pemunggahan. Dari segi kecekapan operasi, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mencatat tahap produktiviti tertinggi di antara pelabuhan-pelabuhan tempatan iaitu sebanyak 32 pergerakan kasar bagi setiap kren setiap satu jam. Pelabuhan tersebut telah menerima Anugerah Terminal Kontena Terbaik 2004 di Anugerah Logistik Asia di Kuala Lumpur. Kargo udara yang dikendalikan di negara ini juga mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 10.5% pada tahun 2004, disebabkan terutamanya oleh promosi agresif penerbangan udara nasional, termasuk promosi konsep I-port yang memudahkan pergerakan kargo antara lapangan terbang dengan tiga pelabuhan utama di Malaysia, iaitu Northport, PTP dan Pelabuhan Kuantan.

Sementara itu, segmen penumpang industri pengangkutan udara mencatat prestasi yang kukuh, iaitu pertumbuhan hampir 20%. Segmen tersebut mendapat manfaat bukan sahaja daripada pertumbuhan dalam ketibaan pelancong yang bertambah malah juga daripada lebih ramai rakyat Malaysia yang melancong dalam negeri dan ke luar negara disebabkan oleh kemampuan yang lebih tinggi dengan wujudnya perkhidmatan perjalanan udara tambang murah.

Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada tahun 2004, didorong terutamanya oleh aktiviti perbankan dan insurans yang mencakupi sebahagian besar daripada subsektor tersebut. Dalam industri perbankan, pertumbuhan dijana oleh pendapatan faedah dan bukan faedah, iaitu pendapatan berasaskan fi. Walau bagaimanapun, spread faedah yang semakin mengecil dalam suasana mudah tunai yang berlebihan dan persaingan yang sengit terus mengehadkan pertumbuhan dalam pendapatan faedah. Aktiviti perbankan Islam yang semakin pesat turut menyumbang kepada pertumbuhan pada tahun 2004. Dari segi pemberian pinjaman, pembiayaan perbankan Islam meningkat sebanyak 19% untuk mencakupi bahagian sebanyak 11.3%

Jadual 1.5
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	2003	2004*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Indeks pengeluaran elektrik	5.7	8.3
Pinjaman terkumpul sistem perbankan	4.8	8.5
Premium insurans	14.0	16.3
Urus niaga Bursa Malaysia (nilai)	57.2	18.3
Bilangan penumpang Transit Aliran Ringan[1]	8.8	5.7
Ketibaan pelancong	-20.4	48.5
Jumlah penumpang di lapangan terbang	2.0	18.9
Kargo udara yang dikendalikan	7.0	10.5
Truput kargo pukal di pelabuhan utama[2]	7.9	9.1
Truput kontena di pelabuhan utama[3]	14.9	10.7
	%	
Kadar penginapan hotel	53.3	60.8
Kadar penembusan perkhidmatan telekomunikasi (akhir tahun)		
- Internet 'dial-up'	11.4	12.7
- Jalur lebar	0.45	0.98
- Telefon selular	43.9	55.9
- Talian tetap	18.1	17.2

[1] STARline dan PUTRAline.
[2] Terdiri daripada Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Pulau Pinang, pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.
[3] Terdiri daripada Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pulau Pinang, pelabuhan-pelabuhan Sabah dan Pelabuhan Bintulu.
a Awalan

Sumber:
Bursa Malaysia Berhad; Jabatan Perangkaan Malaysia; Malaysia Airports Holdings Berhad; Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd.; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Kementerian Kewangan; pengendali-pengendali pelabuhan; Syarikat Prasarana Negara Berhad; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

daripada jumlah pemberian pinjaman bank pada tahun 2004. Jumlah aset perbankan Islam meningkat dua kali ganda dalam tempoh empat tahun kepada RM94.6 bilion pada akhir tahun 2004. Sementara itu, dalam industri insurans, premium insurans bersih yang dipungut meningkat dengan ketara disebabkan oleh permintaan pengguna yang kukuh terhadap produk insurans nyawa yang berkaitan dengan pelaburan dan endowmen.

Aktiviti dalam segmen harta tanah dan perkhidmatan perniagaan juga mengembang pada tahun 2004. Aktiviti harta tanah telah disokong oleh peningkatan yang nyata dalam jumlah urus niaga harta benda (20.5%), sementara urus niaga di Bursa Malaysia yang meningkat telah memberi manfaat kepada industri broker saham dalam segmen perkhidmatan perniagaan. Momentum dalam bidang pertumbuhan baru yang lain, iaitu perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perkongsian meningkat untuk menyumbang kepada pertumbuhan segmen perkhidmatan perniagaan. Pada akhir tahun 2004, sebanyak 910 buah syarikat beroperasi dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), dengan 67 syarikat tersebut bertaraf dunia. Antara aktiviti syarikat-syarikat ini termasuk pembangunan perisian dan kandungan, di samping menyediakan perkhidmatan aplikasi berasaskan Internet dan penyelesaian e-perdagangan.

Dalam industri perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan sumber luar, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meluluskan insentif kepada 87 Ibu Pejabat Operasi, 162 Pusat Pembekalan Antarabangsa dan tujuh Pusat Pengedaran Serantau sehingga akhir tahun 2004. Ini adalah kerana syarikat-syarikat mendapati Malaysia merupakan negara yang sesuai untuk menempatkan pusat serantau mereka untuk aktiviti penggunaan perkhidmatan sumber dalaman dan perkhidmatan sumber luar. Indeks *Offshore Location Attractiveness* A.T. Kearney bagi tahun 2004 telah meletakkan Malaysia sebagai negara ketiga paling menarik sebagai lokasi luar pesisir untuk syarikat menempatkan operasi perkhidmatan perkongsian luar negara.

Subsektor perkhidmatan lain tumbuh pada kadar yang lebih pesat sebanyak 5% (2003: 3.3%) dengan pertumbuhan yang kukuh dalam segmen hiburan serta disokong oleh bidang pertumbuhan baru, seperti pendidikan swasta dan perkhidmatan perubatan kesihatan swasta. Dalam segmen pendidikan tinggi swasta, terdapat 27 buah universiti swasta, termasuk enam cawangan kampus universiti asing, dan 532 buah kolej swasta beroperasi pada akhir tahun 2004. Jumlah kemasukan penuntut di institusi-institusi tersebut adalah lebih kurang 232,200 orang, dengan 8.3% daripada mereka terdiri daripada penuntut asing (2003: 7.9%). Dalam industri perubatan kesihatan swasta, 35 buah hospital swasta yang sedia ada telah merawat lebih kurang 174,300 pesakit dari luar negara pada tahun 2004. Kebanyakan pesakit tersebut datang ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan kardiologi, radiologi dan pembedahan am. Terdapat juga pelancong yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan diagnostik dan program kesihatan, termasuk perkhidmatan penapisan kesihatan asas dan menyeluruh.

Subsektor perkhidmatan Kerajaan terus berkembang pada kadar 5.1% disebabkan oleh perbelanjaan emolumen perkhidmatan awam, termasuk pembayaran bonus yang lebih tinggi pada tahun 2004. **Subsektor utiliti** pula berkembang dengan kukuh selaras dengan prestasi ekonomi yang lebih teguh yang menyebabkan permintaan elektrik dan air yang lebih tinggi oleh semua kategori pengguna, termasuk subsektor perindustrian, komersial dan isi rumah.

Sektor Pertanian

Sektor **pertanian, perhutanan dan perikanan (pertanian)** sekali lagi mencatat pertumbuhan yang kukuh dan menyeluruh pada tahun 2004. Ini mencerminkan kebangkitan semula sektor tersebut sebagai enjin pertumbuhan yang penting kepada ekonomi negara. Sektor ini menyumbang 0.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK keseluruhan pada tahun 2004 (2003: 0.5 mata peratusan; 1993-2002: purata 0.03 mata peratusan). Nilai ditambah sektor tersebut berkembang sebanyak 5% pada tahun 2004 mencerminkan pengembangan yang menyeluruh dalam pelbagai komoditi, iaitu minyak sawit mentah, getah dan kayu balak serta aktiviti berkaitan dengan pengeluaran makanan. Dari segi luaran, perolehan pertukaran asing daripada komoditi pertanian meningkat 7.4%, disebabkan keseluruhannya oleh peningkatan yang ketara dalam harga eksport, iaitu antara 5 – 47%. Eksport pertanian mencakupi 7.5% daripada eksport kasar pada tahun 2004.

Prestasi sektor pertanian yang kukuh ini adalah disebabkan oleh pelbagai perkembangan positif sepanjang tahun 2004. Keadaan cuaca yang menggalakkan, pertambahan kawasan tanaman matang dan peningkatan produktiviti yang kukuh berikutan amalan pertanian yang baik oleh para petani yang didorong oleh harga komoditi pertanian global yang tinggi merupakan faktor-faktor utama yang memacu pertumbuhan. Pengeluaran minyak sawit mentah dan getah, khususnya, mencecah paras tertinggi pada tahun 2004. Pengeluaran minyak sawit disokong oleh pertambahan yang besar dalam kawasan matang yang baru dan penggunaan input pertanian yang lebih meluas, terutamanya baja, manakala pengeluaran getah pula adalah didorong oleh aktiviti penorehan secara intensif, terutamanya di kalangan pekebun kecil dan hasil yang lebih tinggi daripada penggunaan teknologi yang menjimatkan penggunaan tenaga buruh.

Sektor pertanian mencatat pengembangan yang kukuh dan menyeluruh dalam keadaan harga komoditi yang menggalakkan.

Pertumbuhan yang menyeluruh dalam sektor pertanian ini juga disumbangkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam subsektor tanaman makanan, iaitu satu komponen utama sektor pertanian di Malaysia (mencakupi 40% daripada nilai ditambah sektor pertanian). Usaha-usaha Kerajaan untuk merubah dan memodenkan sektor pertanian pada tahun-tahun kebelakangan ini, dengan menggalakkan produktiviti yang lebih tinggi

Jadual 1.6
Sektor Pertanian: Nilai Ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2003		2004*a*	
	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**20,123**	**5.7**	**21,135**	**5.0**
Pengeluaran[1]				
antaranya:				
Minyak sawit mentah	13,355	12.1	13,976	4.7
Getah	986	10.8	1,186	20.4
Kayu balak	21,532	4.3	21,576	0.2
Biji koko	36	-24.0	33	-7.8
Pendaratan ikan	1,480	1.1	1,576	6.5
Eksport (RM juta)	**33,693**	**28.0**	**36,176**	**7.4**
antaranya:				
Minyak sawit				
('000 tan)	12,487	15.0	11,788	-5.6
(RM/tan)	1,617	18.3	1,706	5.5
(RM juta)	20,192	36.1	20,107	-0.4
Getah				
('000 tan)	946	2.0	1,105	16.7
(sen/kilogram)	379	41.0	470	24.3
(RM juta)	3,583	43.8	5,198	45.1
Kayu balak				
('000 meter padu)	5,532	8.4	5,207	-5.9
(RM/meter padu)	366	1.8	398	8.9
(RM juta)	2,021	10.3	2,070	2.5
Kayu siap digergaji				
('000 meter padu)	2,789	1.3	3,166	13.5
(RM/meter padu)	1,134	2.9	1,015	-10.4
(RM juta)	3,162	4.2	3,214	1.7

[1] Kesemua dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu.
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia

dan mewujudkan rantaian yang lebih mendalam dengan industri hiliran asas tani, telah membantu mempelbagaikan asas pertanian. Ini menyumbang kepada pendapatan yang lebih tinggi dan stabil, dan meningkatkan aktiviti penggunaan di kalangan petani, nelayan dan pekebun kecil yang lain di kalangan masyarakat luar bandar di Malaysia.

Pengeluaran **minyak sawit mentah (MSM)** mencapai paras tertinggi sebanyak 13.98 juta tan pada tahun 2004, iaitu peningkatan sebanyak 4.7% berbanding dengan tahun lepas (2003: 13.35 juta tan; 12.1%). Pertumbuhan ini adalah didorong oleh dua faktor utama. Pertama, kawasan kelapa sawit yang matang meningkat 4.5% kepada 3.45 juta hektar pada tahun 2004 (2003: 3.6%), mencerminkan terutamanya peningkatan di Malaysia Timur, dengan Sabah dan Sarawak masing-masing mencatat pertumbuhan sebanyak 4.4% dan 17.7%, sementara pengembangan di Semenanjung Malaysia adalah lebih sederhana sebanyak 2.2%. Walau

Graf 1.10
Kelapa Sawit: Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Awalan
Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Graf 1.11
Harga Minyak Sawit dan Stok



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

bagaimanapun, Semenanjung Malaysia mencakupi bahagian terbesar iaitu lebih kurang 58% daripada jumlah pengeluaran MSM.

Faktor kedua adalah peningkatan yang ketara dalam kadar perahan minyak (OER) yang merupakan salah satu barometer kritikal bagi mengukur hasil produktiviti minyak sawit. Kadar OER Malaysia berjaya melebihi paras ambang kritikal 20% bagi kali pertama dalam sejarah, kepada 20.03% (19.75% pada 2003). Ini adalah pencapaian yang memberangsangkan dalam industri minyak sawit, kerana setiap 1% pertambahan OER mampu meningkatkan pengeluaran MSM lebih kurang 500,000 tan. Dengan perkembangan positif ini, Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit terbesar dunia, mencakupi 47% daripada pengeluaran global dan 54% daripada jumlah eksport dunia.

Minyak sawit Malaysia diniagakan pada harga yang kukuh di pasaran global, dengan harga hantaran tempatan MSM berpurata RM1,664 setan pada tahun 2004 atau 5.5% lebih tinggi daripada harga pada tahun 2003 (RM1,577 setan). Harga bertambah kukuh dengan ketara pada separuh tahun pertama (RM1,848 setan) dalam suasana kekurangan bekalan minyak dan lelemak dunia yang bermula sejak separuh kedua tahun 2003. Tiga pengeluar terbesar minyak kacang soya (pesaing utama minyak sawit), iaitu Amerika Syarikat (AS), Brazil dan Argentina, mencatat hasil tuaian yang tidak menggalakkan pada awal tahun 2004 akibat kemarau dan serangan penyakit *Asian rust*. Namun demikian, harga MSM menurun tidak lama kemudiannya (separuh kedua tahun 2004: RM1,481 setan) berikutan hasil tuaian yang lebih baik di AS. Sentimen pasaran juga dipengaruhi oleh kemerosotan permintaan luaran terhadap minyak sawit serta pertambahan secara beransur-ansur stok minyak sawit mentah tempatan (akhir tahun 2004: 1.49 juta tan; akhir tahun 2003: 1.16 juta tan). Ini menyebabkan harga diskaun MSM terhadap tiga pesaing minyak sayuran utama yang lain (kacang soya, sesawi dan bunga matahari) yang sememangnya besar, terus melebar pada tahun 2004.

Republik Rakyat China (RR China) terus merupakan pembeli utama minyak sawit Malaysia, mencakupi 24% daripada jumlah eksport. Eksport ke RR China meningkat pada tahun 2004 akibat pertambahan kuota import minyak sawit kepada 2.7 juta tan (2002: 2.3 juta tan) berikutan penyertaan negara tersebut dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Di samping itu, terdapat juga peningkatan yang ketara dalam permintaan dari AS (29.2%) kepada 298,760 tan berikutan pengumuman *Food and Drug Administration* (FDA) mengenai perubahan peraturan pelabelan produk makanan yang mengandungi asid *trans fatty*. Mulai tahun 2006, pengilang makanan AS disyaratkan untuk melabel kesemua produk yang mengandungi asid *trans fatty*. Kajian klinikal telah mengaitkan asid tersebut dengan penyakit yang serius. Minyak sawit yang bebas daripada asid *trans fatty*, memperoleh manfaat daripada peraturan tersebut kerana penggunaannya yang semakin meningkat di kalangan pengilang AS sebagai pengganti kepada minyak boleh dimakan yang lain. Sementara itu, pembelian dari negara Asia yang lain, terutamanya India dan Pakistan, merosot dengan ketara (masing-masing sebanyak -44% dan -24.2%), berikutan peningkatan pengeluaran minyak sesawi tempatan.

Dari segi pembangunan, industri minyak sawit Malaysia terus mencapai kemajuan yang pesat. Malaysia berjaya menembusi empat pasaran baru pada tahun 2004, iaitu Sao Tome dan Principe, Tuvalu, Costa Rica dan Guam. Dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memperkenalkan 43 teknologi dan produk baru untuk dikomersialkan dalam industri minyak sawit, di samping menjalankan 312 projek penyelidikan pada tahun 2004. Sebahagian besar daripada penemuan baru ini adalah dalam aspek membangunkan teknik pengisaran dan penapisan yang kos efektif, meningkatkan hasil, mengurangkan pembaziran dan menghasilkan produk berasaskan sawit (produk makanan dan bukan makanan) yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi serta *biomass* berasaskan sawit. Sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui, usaha-usaha dalam R&D berkaitan dengan tenaga *biofuel* telah dipertingkatkan berikutan kenaikan harga minyak mentah yang ketara pada tahun 2004.

Pengeluaran **getah asli** terus meningkat dengan kukuh untuk tahun kedua berturut-turut dan melebihi paras 1 juta tan buat pertama kalinya dalam tempoh lapan tahun. Pengeluaran meningkat sebanyak 20.4% kepada 1.19 juta tan. Peningkatan yang ketara ini disumbangkan keseluruhannya oleh pekebun kecil, yang mencakupi hampir 95% daripada jumlah pengeluaran getah Malaysia. Pengeluaran pekebun kecil meningkat sebanyak 22.7% disebabkan harga getah yang tinggi telah mendorong aktiviti penorehan yang lebih giat dan penggunaan teknik terbaru yang meningkatkan produktiviti. Jumlah kawasan yang ditoreh oleh pekebun kecil meningkat sebanyak 2.3% kepada 768,440 hektar pada tahun 2004. Kawasan yang ditoreh oleh estet pula merosot sebanyak 1.5%, disebabkan lebih banyak tanah getah tersebut ditanam semula dengan tanaman lain ataupun ditukar kepada aktiviti ekonomi yang lain sepanjang tahun. Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar getah ketiga terbesar (mencakupi 16% daripada pengeluaran dunia) selepas Thailand dan Indonesia.

Harga getah Malaysia yang ditandaaraskan pada getah gred SMR 20 (penandaarasan pada RSS 1 diberhentikan mulai 1 Januari 2004) meningkat dengan ketara sebanyak 21% kepada purata 461 sen sekilogram pada tahun 2004 (2003: 381 sen/kg). Harga getah meningkat dengan ketara pada permulaan tahun untuk mencapai paras harga niaga harian tertinggi, iaitu 502 sen pada 2 Mac dan harga bulanan tertinggi, iaitu 489 sen pada bulan Mac. Peningkatan harga tersebut disebabkan bekalan dunia yang menurun akibat hujan lebat dan gangguan bekalan di beberapa tempat, sementara permintaan global kekal kukuh, terutamanya dari RR China. Memandangkan pengeluaran getah mulai meningkat di negara pengeluar utama pada separuh tahun kedua, harga menunjukkan trend yang menurun kepada 425 sen sebelum menamatkan tahun 2004 pada paras harga yang tinggi sedikit, iaitu 450 sen. Kenaikan tersebut didorong oleh peningkatan harga getah tiruan berikutan kenaikan harga minyak mentah.

Perolehan eksport daripada getah meningkat dengan ketara sebanyak 45.1% kepada RM5.2 bilion pada tahun 2004, untuk mencakupi 1.1% daripada jumlah eksport. RR China menambah pembeliannya dari Malaysia dan mencatat pertumbuhan yang nyata bagi tahun ketiga berturut-turut (39.2%; 2003: 60.3%). Pertambahan belian yang kukuh ini didorong oleh permintaan daripada pengilang tayar bagi memenuhi peningkatan permintaan yang ketara terhadap kenderaan. Ini disokong pula oleh keputusan kerajaan RR China untuk menghapuskan kuota import getah

Graf 1.12
Getah Asli: Pengeluaran, Harga dan Hasil



a Awalan bagi hasil purata pengeluaran
Sumber: Lembaga Getah Malaysia (LGM)

asli pada awal tahun 2004, sejajar dengan langkah liberalisasi perdagangan WTO. Hasilnya, RR China kekal sebagai pengimport getah Malaysia yang terbesar, mencakupi 26.1% daripada jumlah eksport (2003: 21.9%). Selain daripada RR China, pasaran eksport utama yang lain ialah Kesatuan Eropah, yang mencakupi 32% daripada jumlah eksport getah, terutamanya Jerman dan Perancis.

Getah kekal sebagai salah satu tanaman penting Malaysia disebabkan rantaiannya yang kukuh dengan penduduk di luar bandar dan industri hiliran. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, harga getah yang kukuh telah membantu memulihkan industri getah, terutamanya di kalangan pekebun kecil. Selain daripada meningkatkan aktiviti penorehan mereka, pekebun kecil juga menggunakan teknologi eksploitasi seperti sistem torehan berfrekuensi rendah dan amalan pertanian yang baik dengan menggunakan perangsang untuk meningkatkan hasil getah.

Kerajaan juga telah memperuntukkan geran penanaman semula sebanyak RM330 juta sejak tahun 2002 bagi menggalakkan pekebun kecil menanam semula getah serta mempelbagaikan kegiatan ekonomi mereka bagi menambah pendapatan. Pekebun getah digalakkan menanam semula dengan menggunakan klon kayu susu getah yang menghasilkan susu getah yang lebih tinggi. Klon tersebut juga akan menjamin bekalan kayu getah yang mencukupi untuk industri perabot tempatan pada masa hadapan. Pada masa sama, Kerajaan telah melaksanakan beberapa rancangan seperti Sistem Penanaman G++ (perladangan

bersepadu dalam kawasan tanaman getah) dan Projek Kampung Teknologi Getah (menggunakan teknologi dalam penanaman getah). Inisiatif seperti ini telah meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Pekebun kecil getah di bawah skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) (mencakupi 10% daripada pengeluaran getah negara) berjaya meningkatkan pendapatan bulanan mereka kepada RM1,800 pada tahun 2004 daripada RM980 pada tahun 2002.

Komoditi pertanian lain, yang terdiri daripada perikanan, ternakan dan kegiatan pertanian lain (termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran) menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada tahun 2004. Subsektor **perikanan** meningkat sebanyak 6.5% pada tahun 2004 dengan hasil sebanyak 1.58 juta tan (2003: 1.48 juta tan), didorong terutamanya oleh penangkapan ikan laut dalam yang lebih giat dan peningkatan pengeluaran akuakultur yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta ikan hiasan. Selain itu, pengeluaran **ternakan** meningkat sebanyak 4.5%, disokong oleh pertambahan pengeluaran lembu dan ayam yang sebahagian besarnya hasil daripada teknik perladangan yang lebih baik seperti perladangan lembu bersepadu di ladang kelapa sawit dan getah, serta penternakan ayam dan itik melalui sistem reban tertutup. Peningkatan pengeluaran tersebut adalah untuk memenuhi kenaikan permintaan dari luar negara dan industri pemprosesan makanan dalam negeri. Pertumbuhan yang kukuh dalam pengeluaran **buah-buahan** (7.1%) dan **sayur-sayuran** (25%) didorong terutamanya oleh perluasan kawasan penanaman seiring dengan permintaan tempatan yang kukuh.

Pada tahun 2004, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT) dan agensi berkaitan telah memulakan Pelan Tindakan Imbangan Perdagangan Makanan. Pelan ini bertujuan untuk mengubah kedudukan defisit bersih dalam imbangan pembayaran bagi makanan kepada kedudukan lebihan menjelang tahun 2010, iaitu seperti yang dinyatakan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Untuk merealisasikan matlamat ini, tiga objekif utama ditekankan. Pertama, meningkatkan paras pengeluaran tanaman makanan dengan menambah kawasan penanaman dan penangkapan melalui skim-skim tertentu seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Zon Industri Akuakultur dan usaha perladangan komersial berskala besar yang diterajui sektor swasta. Kedua, mengukuhkan daya saing industri tersebut dengan memperdalam rantaian dengan kegiatan pemprosesan hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi, seperti industri makanan asas tani. Ketiga, mewujudkan satu pelan pemasaran yang baik dan memastikan kualiti dan tahap keselamatan produk makanan untuk pasaran luar negeri dengan menggunakan skim akreditasi dan pelabelan yang ditanda aras pada piawai makanan yang diiktiraf antarabangsa. Sebahagian daripada skim-skim yang baru dilancarkan termasuk Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM), Skim Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM), Skim Akreditasi Ladang Ternakan (SALT) dan pelabelan "Malaysia's Best" pada buah-buahan eksport.

Dalam sektor **perhutanan**, aktiviti pembalakan adalah sederhana pada tahun 2004 sejajar dengan usaha pemuliharaan untuk melaksanakan amalan pengurusan hutan yang mapan. Pengeluaran kayu balak meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.2% kepada 21,576 juta meter padu (2003: 21,532 juta meter padu). Walau bagaimanapun, permintaan kayu balak sedunia kekal kukuh pada tahun 2004, terutamanya dari Jepun, RR China, AS dan negara-negara Kesatuan Eropah. Ini menyebabkan harga meningkat. Harga purata kayu balak Malaysia mencatat paras tertinggi pada RM396 semeter padu berikutan pengharaman di Indonesia terhadap eksport kayu balak dan kayu siap digergaji. Dalam keadaan kenaikan harga eksport (8.9%) dan kemerosotan jumlah eksport sebanyak 5.9%, perolehan eksport kayu balak meningkat sebanyak 2.5% kepada RM2.1 bilion.

Mengenai isu pemuliharaan alam sekitar, kayu hutan tropika terus mengalami tekanan daripada pencinta alam sekitar, terutamanya dari Eropah, iaitu terhadap isu pembalakan haram dan perdagangan dalam spesies tropika yang terancam. Malaysia mewujudkan skim persijilannya yang tersendiri untuk memberi keyakinan dan jaminan terhadap pengimport dan pengguna bahawa produk kayu hutan Malaysia dihasilkan daripada sumber yang sah dan mapan. Pada akhir tahun 2004, Majlis Persijilan Perkayuan Malaysia (MTCC) telah mengeluarkan Sijil Pengurusan Hutan kepada lapan negeri di Semenanjung Malaysia, serta wilayah Ulu Baram Utara di Sarawak, meliputi 4.73 juta hektar kawasan hutan simpanan kekal. Kredibiliti usaha persijilan ini telah diperakui oleh pembeli utama produk kayu hutan Malaysia dan yang terbaru ialah United Kingdom dan Belanda. Di samping itu, untuk menangkis pelbagai tuduhan bahawa Malaysia mengimport kayu balak tropika haram dari Indonesia termasuk spesies Ramin yang terancam, Kerajaan telah mengharamkan secara menyeluruh pengimportan kayu balak tersebut. Malaysia juga tegas dalam menguatkuasakan peraturan perdagangan Ramin sejajar dengan peraturan yang ditetapkan di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Flora dan Fauna Liar yang Terancam (CITES).

Sebagai strategi jangka panjang untuk mengurangkan pergantungan terhadap hutan semula jadi, Kerajaan telah melibatkan diri dalam perladangan hutan, di samping mengenal pasti sumber-sumber alternatif yang lain seperti *biomass* kelapa sawit dan kenaf untuk membantu menyelesaikan masalah kekurangan bekalan bahan mentah. Sementara *biomass* telah dikenal pasti kesesuaiannya bagi pembuatan produk panel, kenaf daripada spesies bunga raya adalah untuk pengeluaran papan fiber. Pada akhir tahun 2004, Malaysia mempunyai perladangan hutan seluas 316,196 hektar, dengan Sabah mencakupi hampir 68% daripada jumlah kawasan tanaman. Hampir satu pertiga daripada jumlah perladangan hutan dijangka ditanam dengan spesies getah yang menghasilkan kayu getah. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, kayu getah semakin banyak digunakan oleh industri perabot dan komponen bangunan tempatan kerana kesesuaiannya. Di samping itu, produk kayu getah juga dieksport dan menyumbang hampir RM5 bilion kepada hasil eksport pada tahun 2004. Penanaman semula pokok getah dengan klon kayu susu getah akan meningkatkan pengeluaran kayu getah pada tahun-tahun akan datang.

Sektor Perlombongan

Sektor **perlombongan dan kuari (perlombongan)** meningkat sebanyak 4.1% pada tahun 2004 berikutan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi hasil daripada permintaan dari luar dan dalam negeri yang kukuh. Pengeluaran timah padat pula terus merosot memandangkan bilangan lombong timah yang aktif di negara ini semakin berkurangan. Sebagai sebuah negara pengeksport minyak mentah bersih, Malaysia mendapat manfaat daripada kenaikan harga minyak mentah pada tahun 2004. Perolehan eksport mineral meningkat dengan ketara bagi tahun kedua berturut-turut, dengan kenaikan sebanyak 38.2% kepada RM41.2 bilion. Hasilnya, bahagian eksport mineral kepada jumlah eksport meningkat kepada 8.6% (2003: 7.5%).

Pengeluaran **minyak mentah** Malaysia (termasuk kondensat) meningkat ke paras tertinggi sebanyak 762,318 tong sehari pada tahun 2004, iaitu peningkatan sebanyak 3.6% (2003: 737,858 tong sehari). Pengeluaran minyak mentah, tidak termasuk kondensat, masih lagi dalam lingkungan sasaran pengeluaran yang ditetapkan untuk tahun 2004 di bawah Dasar Susutan Negara. Pengeluaran yang lebih tinggi disokong oleh peningkatan permintaan dari Australia, Thailand dan Korea, serta permintaan dalam negeri yang lebih tinggi, iaitu daripada industri hiliran yang mengeluarkan produk petroleum. Harga yang tinggi dan peningkatan dalam jumlah yang dieksport menyebabkan perolehan minyak mentah naik sebanyak 36.1% kepada RM21.3 bilion. Jumlah tersebut mencakupi 4.4% daripada jumlah hasil eksport negara (2003: 3.9%).

Pengeluaran minyak mentah dan gas asli meningkat ke paras tertinggi. Permintaan luar negeri yang lebih tinggi dan harga yang kukuh menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam perolehan eksport mineral.

Pengeluaran **koko** terus merosot sebanyak 7.8% kepada 33,423 tan (2003: 36,236 tan) dalam suasana kemerosotan yang berterusan dalam kawasan tanaman kepada 44,000 hektar (2003: 44,897 hektar; 1990: 393,000 hektar). Pengurangan ini mencerminkan terutamanya penukaran secara aktif kawasan koko kepada tanaman lain. Di samping itu, produktiviti purata terutamanya di kalangan pekebun kecil, yang mencakupi dua pertiga daripada jumlah kawasan tanaman koko di Malaysia juga merosot, disebabkan pengurangan penggunaan input pertanian. Namun demikian, permintaan terhadap koko daripada industri hiliran tempatan terus meningkat, mengakibatkan pertambahan yang nyata dalam bil import. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengalakkan penanaman koko di kalangan pekebun kecil, Lembaga Koko Malaysia telah melaksanakan Program Pembangunan Pekebun Kecil Koko. Setakat ini, sebanyak 4,673 petani terlibat secara aktif dalam program tersebut, dengan jumlah kawasan 4,609 hektar. Di samping itu, Kerajaan juga mengumumkan geran penanaman semula sebanyak 100% akan diberikan kepada pekebun kecil koko.

Tahun 2004 menyaksikan harga minyak mentah Malaysia, iaitu *Tapis Blend*, dari jenis *"light and sweet"* kerana mempunyai kandungan sulfur yang rendah, diurusniagakan pada kadar premium berbanding dengan minyak *North Sea Brent*. Harga *Tapis Blend* meningkat dengan nyata sebanyak 38% kepada AS$41.12 setong pada tahun 2004 (2003: AS$29.79 setong). Harga minyak tersebut meningkat secara beransur-ansur sepanjang tahun sehingga mencapai paras tertinggi, iaitu AS$55.10 setong pada 21 Oktober. Peningkatan mendadak pada harga minyak mentah pada tahun 2004 didorong oleh faktor-faktor asas dan juga sentimen pasaran. Perbezaan yang

Jadual 1.7
Sektor Perlombongan: Nilai Ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2003		2004*a*	
	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)	Jumlah dan Nilai	Perubahan tahunan (%)
Nilai Ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**16,699**	**5.9**	**17,384**	**4.1**
Pengeluaran				
Minyak mentah dan kondensat (tong sehari)	737,858	5.6	762,318	3.6
antaranya: *Minyak mentah (tong sehari)*	*621,902*	*4.3*	*623,957*	*0.6*
Gas asli - bersih (juta kaki padu standard sehari)	5,013	7.2	5,196	4.0
Timah padat (tan)	3,358	-20.3	2,800	-16.6
Eksport (RM juta)	**29,801**	**33.3**	**41,177**	**38.2**
antaranya:				
Minyak mentah				
('000 tan)	17,913	10.6	18,090	1.0
(AS$/tong)	30.27	22.0	40.81	34.8
(RM juta)	15,659	35.0	21,318	36.1
Gas asli cecair				
('000 tan)	17,311	15.4	20,729	19.7
(RM/tan)	772	17.1	824	6.8
(RM juta)	13,358	35.1	17,079	27.9
Timah				
(tan)	15,244	-43.7	29,966	96.6
(RM/tan)	18,730	19.2	31,585	68.6
(RM juta)	286	-32.9	947	231.5

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

sangat kecil antara penawaran dengan permintaan global serta premium risiko yang lebih tinggi untuk harga minyak mentah yang disebabkan oleh risiko geopolitik, telah diburukkan lagi oleh kegiatan spekulasi yang aktif di pasaran tenaga.

Berdasarkan unjuran yang dibuat oleh Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), permintaan global terhadap minyak pada tahun 2004 mengalami peningkatan tahunan yang paling tinggi dalam tempoh 21 tahun. Permintaan meningkat sebanyak 2.7 juta tong sehari kepada 82.4 juta tong sehari, sementara penawaran global hanya meningkat sedikit kepada 83 juta tong sehari. Permintaan global yang kukuh ini disebabkan terutamanya permintaan dari Republik Rakyat China (RR China) dan Amerika Syarikat (AS). RR China menyumbang kira-kira satu pertiga daripada peningkatan permintaan global didorong oleh aktiviti ekonomi yang memberangsangkan, sementara permintaan yang kukuh dari AS mencerminkan keperluan untuk menaikkan semula paras stok. Sentimen pasaran turut dipengaruhi oleh risiko geopolitik di Timur Tengah dan gangguan bekalan di kebanyakan negara-negara pengeluar seperti Rusia, Venezuela dan Nigeria. Oleh itu, premium risiko harga minyak mentah meningkat dengan ketara dan seterusnya menyebabkan peningkatan dalam aktiviti

Graf 1.13
Harga Minyak Mentah (Niaga Hadapan 1 Bulan) pada tahun 2004



Graf 1.14
Pengeluaran Minyak Mentah dan Gas Asli



a Awalan
Sumber: PETRONAS

spekulasi. Kesannya, tanda aras global bagi harga minyak, iaitu *West Texas Intermediate* dan *North Sea Brent*, berpurata lebih tinggi, masing-masing sebanyak AS$41.40 dan AS$38.34 setong (2003: masing-masing sebanyak AS$30.92 and AS$28.70 setong).

Harga minyak mentah juga dipengaruhi oleh keputusan yang dibuat oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC). Buat kali pertama dalam tempoh 23 tahun, OPEC, yang mencakupi hampir 40% daripada jumlah penawaran minyak global mengalami kemerosotan yang ketara dalam kapasiti pengeluaran lebihan kepada kira-kira 1 juta tong sehari, iaitu lebih rendah daripada pencapaian purata 4 - 5 juta tong sehari sebelum ini. Ini dianggap meruncing memandangkan negara pengeluar bukan OPEC mempunyai kapasiti pengeluaran lebihan yang sangat rendah. Selepas mengurangkan kuota pengeluaran sebanyak 1 juta tong sehari kepada 23.5 juta tong sehari pada bulan Mac, OPEC kemudiannya menaikkan semula kuota pengeluaran berikutan permintaan global yang tinggi. OPEC menaikkan kuotanya sebanyak tiga kali, iaitu masing-masing sebanyak 2 juta, 0.5 juta dan 1 juta tong sehari, untuk mengakhiri tahun 2004 dengan kuota pada paras 27 juta tong sehari. Peningkatan pengeluaran oleh OPEC membantu menstabil dan menyederhanakan harga minyak. Harga *Tapis Blend* ditutup pada paras AS$40.50 setong pada akhir tahun 2004.

Pengeluaran **gas asli** juga mencatat paras tertinggi dalam sejarah pada tahun 2004, dengan peningkatan sebanyak 4% kepada 5,196 juta kaki padu standard sehari (mmscfd) (2003: 5,013 mmscfd). Peningkatan penggunaan kapasiti di loji MLNG dan Loji Pemprosesan Gas (GPP) membolehkan industri tersebut memenuhi permintaan yang lebih tinggi daripada pembeli tradisi. Di samping itu, permintaan dalam negeri terhadap gas asli meningkat pada tahun 2004 disebabkan kadar penggunaan yang lebih tinggi oleh subsektor jana kuasa tenaga dan juga peningkatan daripada pengguna industri tempatan.

Tahun 2004 juga menyaksikan Malaysia kekal sebagai pengeksport gas asli cecair (LNG) yang ketiga terbesar di dunia selepas Indonesia dan Algeria. Malaysia mengeksport LNG pada paras tertinggi iaitu sebanyak 20.7 juta tan, atau mencakupi lebih kurang 16% daripada jumlah eksport LNG dunia. Ini merupakan satu peningkatan yang ketara dalam jumlah eksport, iaitu sebanyak 19.7%. Pertambahan eksport ini adalah terutamanya dari pembeli tradisi, iaitu Korea dan China Taipei, dengan masing-masing meningkatkan pengimportan LNG dengan ketara sebanyak 74.7% dan 24.4%. Walaupun kebanyakan eksport LNG Malaysia dilakukan secara kontrak jangka sederhana dan panjang, Malaysia juga memperoleh manfaat daripada peningkatan trend dalam eksport LNG secara spot dan kontrak jangka pendek (ditakrifkan sebagai kurang daripada 5 tahun). Pada tahun 2004, AS membeli hampir 300,000 tan LNG Malaysia secara spot untuk menangani kemerosotan import dari Kanada, iaitu pembekal tradisi gas asli ke negara tersebut. Sejajar dengan perkembangan pasaran tenaga, harga eksport LNG meningkat sebanyak 6.8% kepada RM824 setan. Hasilnya, perolehan eksport kasar LNG meningkat sebanyak 27.9% kepada RM17.1 bilion.

Mencerminkan potensi yang meluas dalam industri minyak dan gas Malaysia, **penemuan sumber minyak dan gas** yang baru terus dicatatkan pada tahun 2004. Enam medan minyak baru dijumpai di luar pesisir Sabah pada tahun 2004, termasuk penemuan di dasar laut dalam di Gumusut, Malikai dan Senangin.

Jadual 1.8
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli[1]

	Pada akhir tahun	
	2003	2004*a*
Minyak mentah (termasuk kondensat)		
Jumlah rizab (bilion tong)	4.84	4.81
Rizab/Pengeluaran (tahun)	17.5	17.7
Gas asli		
Jumlah rizab (trilion kaki padu standard)	87.02	87.33
Rizab/Pengeluaran (tahun)	36.7	35.1

[1] Dasar Susutan Negara diperkenalkan pada 1980 untuk mengawal selia eksploitasi rizab minyak negara dengan menangguhkan pembangunan dan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran medan minyak utama (yang mempunyai rizab sebanyak 400 juta tong atau lebih).
a Awalan

Sumber: PETRONAS

Penemuan terbaru ini meningkatkan jumlah keseluruhan penemuan kepada 12 buah sejak tahun 2002. Di samping itu, 11 medan gas baru juga ditemui. Daripada 507,263 kilometer persegi kawasan pesisir dan luar pesisir Malaysia yang diluluskan untuk pencarigalian minyak dan gas, sejumlah 227,520 kilometer persegi telah ditawarkan di bawah 52 kontrak pengeluaran bersama (PSCs), empat daripadanya ditandatangani pada tahun 2004. Selain daripada itu, 125 telaga pembangunan dan 36 telaga cari gali telah digerudi. Pada tahun 2004, perbadanan minyak nasional, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) menjalankan kajian geologi dan geofizik yang meluas. Pemetaan data seismik 3D berjumlah 546,311 kilometer bergaris diambil untuk tujuan pencarigalian dan pembangunan, iaitu lebih daripada sekali ganda pemetaan yang diambil dua tahun lalu (2002: 246,475 kilometer bergaris). Langkah-langkah turut diambil untuk meningkatkan pemulihan minyak melalui kaedah penggalian bukan konvensional.

Pengeluaran **timah padat** terus merosot sebanyak 16.6% pada tahun 2004 disebabkan terutamanya oleh penurunan bilangan lombong timah aktif dalam negara, serta pengurangan rizab timah dalam lombong timah yang sedia ada. Perkembangan ini berlaku walaupun harga timah meningkat dengan ketara pada tahun 2004. Harga purata timah dalam Pasaran Timah Kuala Lumpur meningkat dengan ketara sebanyak 73.8% kepada AS$8,494 setan. Peningkatan harga timah didorong oleh kemerosotan stok timah global (terutamanya di Amerika Syarikat), di samping permintaan yang kukuh daripada industri elektronik berikutan garis panduan mesra alam yang dikeluarkan oleh Kesatuan Eropah untuk menggantikan plumbum dengan timah sebagai bahan utama dalam aktiviti pematerian.

Sektor Pembinaan

Pada tahun 2004, **sektor pembinaan** menguncup sebanyak 1.9% disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah. Prestasi kejuruteraan awam yang lebih lemah adalah disebabkan oleh bilangan projek infrastruktur yang lebih rendah berikutan penyempurnaan kebanyakan projek penswastaan pada tahun-tahun kebelakangan ini serta perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah bagi infrastruktur besar yang baru. Walau bagaimanapun, aktiviti dalam segmen kediaman dan bukan kediaman mengembang pada tahun 2004. Permintaan untuk harta tanah kediaman adalah disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna dan pakej pembiayaan yang menarik, manakala segmen bukan kediaman pulih sejajar dengan aktiviti ekonomi dan perniagaan yang lebih kukuh pada tahun 2004.

Kemerosotan yang nyata dalam **aktiviti kejuruteraan awam** adalah disebabkan oleh penyempurnaan projek-projek utama penswastaan dan perbelanjaan awam yang lebih rendah bagi projek infrastruktur besar. Walau bagaimanapun, kemerosotan tersebut diimbangi sebahagiannya oleh aktiviti pembinaan yang lebih tinggi dalam sektor minyak dan gas ekoran penemuan beberapa medan minyak luar pesisir di Sabah. Aktiviti pembinaan adalah tertumpu pada pembinaan terminal dan kemudahan pengeluaran, seperti pemasangan pelantar minyak dan paip. Aktiviti pembinaan yang masih dijalankan dalam subsektor kejuruteraan awam adalah kebanyakannya bagi loji penjana kuasa, jalan raya, pelabuhan, air dan pembentungan. Syarikat pembinaan Malaysia juga berjaya memperoleh sebilangan kontrak luar negeri seperti di India, Timur Tengah dan Indochina bagi membantu mempelbagaikan punca perolehan mereka.

Dalam sektor pembinaan, aktiviti dalam segmen kediaman dan bukan kediaman mengembang tetapi aktiviti keseluruhan adalah lemah disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan yang lebih rendah.

Aktiviti dalam **segmen kediaman** kekal kukuh, disokong oleh pemintaan yang kukuh bagi harta tanah kediaman, terutamanya rumah mampu milik di lokasi pilihan yang mempunyai jalan perhubungan yang baik. Permintaan bagi harta tanah kediaman

Jadual 1.9
Penunjuk Harta Kediaman

	2003	2004
	Unit	
Urus niaga harta kediaman		
Unit	164,723	195,241
Nilai (RM bilion)	23.0	29.3
Kelulusan[1]	203,372	174,671
Lesen pemaju		
Baru	1,062	1,071
Pembaharuan	436	353
Permit jualan dan iklan		
Baru	1,103	1,038
Pembaharuan	1,707	1,510
Pinjaman sistem perbankan - Nilai (RM bilion)		
Terkumpul	116.6	132.9
Diluluskan	30.0	35.7

[1] Unit yang diluluskan untuk pembinaan oleh pemaju swasta.

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

adalah didorong oleh kadar faedah yang rendah, pakej pinjaman perumahan yang menarik dan insentif yang disediakan di bawah Pakej Ekonomi tahun 2003 yang berakhir pada akhir bulan Mei 2004. Disokong oleh keadaan permintaan yang menggalakkan, pembinaan rumah baru seperti yang dicerminkan oleh jumlah rumah yang akan ditawarkan dan baru memulakan pembinaan terus mengembang, masing-masing sebanyak 5.5% dan 1% pada sembilan bulan pertama 2004. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, pembangunan harta tanah berkos tinggi semakin mendapat minat pembeli. Mencerminkan keadaan ini, pembinaan rumah berkos tinggi seperti yang ditunjukan oleh rumah yang akan ditawarkan untuk rumah berkembar dan sesebuah meningkat sebanyak 4.7% pada sembilan bulan pertama 2004. Dengan permintaan yang semakin baik, harga rumah meningkat pada tahun 2004. Data terbaru pada separuh pertama tahun 2004 menunjukkan Indeks Harga Rumah Malaysia meningkat sebanyak 5.7% dengan peningkatan dicatat pada kesemua jenis rumah.

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah, peruntukan untuk melaksanakan Projek Perumahan Rakyat (PPR) telah ditambah sebanyak RM1 bilion pada tahun 2004. Pada Bajet tahun 2005, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM778 juta untuk membina sebanyak 21,000 buah rumah kos rendah di bawah PPR.

Pada tahun 2004, garis panduan bagi pembelian harta tanah oleh rakyat asing dilonggarkan lagi. Bank Negara Malaysia melonggarkan garis panduan pinjaman bagi membolehkan semua pemastautin (bank dan bukan bank) untuk memberi kemudahan kredit sehingga maksimum tiga pinjaman harta tanah kepada bukan pemastautin untuk membiayai atau membiayai semula pembelian atau membina harta tanah di Malaysia dengan tiada had pada kemudahan kredit. Pada 1 Ogos 2004, Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) juga melonggarkan garis panduannya untuk membenarkan rakyat asing membeli harta tanah bernilai lebih daripada RM150,000 (sebelumnya: lebih daripada RM250,000). Bagi keseluruhan tahun 2004, kelulusan FIC untuk pembelian harta tanah oleh rakyat asing meningkat dengan nyata sebanyak 74.6% kepada 2,824 unit atau RM1.5 bilion (2003: RM770.6 juta). Harga purata harta tanah yang dibeli oleh rakyat asing meningkat sebanyak 10.2% (2003: 0.4%). Walau bagaimanapun, pembelian harta tanah perdagangan oleh rakyat asing merosot pada tahun 2004.

Pada tahun 2004, definisi **harta tanah yang tidak terjual** telah diklasifikasikan semula untuk meliputi hanya harta tanah yang telah siap dengan sijil kelayakan menduduki (CFO) dikeluarkan tetapi masih tidak terjual untuk lebih daripada sembilan bulan selepas ia dilancarkan untuk dijual. Sebelum ini, semua harta tanah yang telah dilancar dan masih tidak terjual selepas sembilan bulan, tidak kira sama ada CFO dikeluarkan atau tidak adalah dianggap sebagai tidak terjual. Berdasarkan klasifikasi baru tersebut, data yang dikumpul oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) menunjukkan harta tanah kediaman tidak terjual meningkat kepada 15,162 unit sehingga akhir bulan September 2004 (akhir tahun 2003: 9,300 unit) disebabkan peningkatan penawaran. Jumlah nilai harta tanah tidak terjual adalah sebanyak RM1.8 bilion. Unit yang tidak terjual adalah terletak di negeri Johor, Selangor dan Melaka. Kebanyakan harta tanah tidak terjual melibatkan rumah berharga di bawah RM150,000.

Jadual 1.10
Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang untuk Harta Tanah

	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]
	Pada akhir tahun 2003		Pada akhir Sept 2004*a*	
	Unit/'000 meter per.			
Kediaman (unit)	595,248	539,655	608,140	575,325
Pejabat binaan khas ('000 meter per.)	2,155	1,903	2,074	1,920
Kompleks membeli-belah ('000 meter per.)	1,707	1,701	1,570	1,723
Kedai runcit (unit)	33,455	35,260	36,123	34,839
Harta perindustrian (unit)	8,443	22,077	8,333	21,658

[1] Terdiri daripada harta tanah yang kerja pembinaannya sedang dijalankan, termasuk unit yang sijil layak menduduki/sijil layak menduduki sementara belum dikeluarkan.
[2] Diluluskan tetapi belum bermula.
a Awalan

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Graf 1.15
Penawaran dan Kadar Pengisian Ruang Pejabat Dibina Khas di Malaysia: 2001 - 2004



a Awalan

Graf 1.16
Penawaran dan Kadar Pengisian Ruang Perniagaan di Malaysia: 2001 - 2004



a Awalan

Aktiviti pembinaan dalam **segmen bukan kediaman** pulih pada tahun 2004, didorong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi bagi ruang pejabat dan perniagaan berikutan aktiviti perniagaan yang memberangsangkan. Ruang pejabat dan perniagaan baru yang disiapkan meningkat masing-masing sebanyak 222,000 meter persegi dan 265,000 meter persegi pada sembilan bulan pertama 2004 (sembilan bulan pertama 2003: masing-masing sebanyak 159,000 meter persegi dan 183,000 meter persegi). Dalam segmen pejabat dibina khas, permintaan adalah disokong oleh pertumbuhan perniagaan berkaitan perkhidmatan seperti kewangan, insurans, pendidikan dan kesihatan. Dalam segmen kompleks perniagaan, permintaan ruang perniagaan adalah didorong terutamanya oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh. Kompleks perniagaan baru kebanyakannya adalah terletak di kawasan perumahan dan pinggir kota yang popular untuk mensasar penduduk sekitar yang semakin mewah. Meskipun dengan peningkatan penawaran baru, kadar pengisian keseluruhan bagi ruang pejabat dan perniagaan meningkat masing-masing kepada 81.9% dan 79.6% pada sembilan bulan pertama tahun 2004 (2003: masing-masing sebanyak 80.5% dan 78%).

Mencerminkan permintaan yang lebih kukuh, sewa untuk ruang pejabat dan perniagaan utama di Lembah Klang mengukuh pada tahun 2004. Kadar purata sewa bulanan bagi ruang perniagaan di kompleks perniagaan meningkat kepada RM242 satu meter persegi (2003: RM226 satu meter persegi), manakala ruang pejabat utama meningkat sedikit kepada RM46 satu meter persegi (2003: RM45 satu meter persegi).

Dalam **segmen perhotelan**, sebanyak 235 buah hotel baru disiapkan pada tahun 2004 dengan menawarkan sebanyak 6,755 bilik. Selepas terjejas teruk oleh SARS pada tahun 2003, segmen perhotelan pulih dengan nyata dengan purata kadar pengisian meningkat melebihi 60% pada tahun 2004 (2003: 53%). Prestasi yang lebih baik tersebut adalah disokong terutamanya oleh peningkatan

Graf 1.17
Sewa Bulanan Purata bagi Ruang Pejabat dan Perniagaan Utama di Lembah Klang[1]



[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor.
Sumber: CH Williams Talhar & Wong Sdn. Bhd.

Jadual 1.11
Ruang Pejabat dan Perniagaan - Ruang Tidak Diisi, Penawaran Akan Datang dan Penawaran Dirancang mengikut Negeri (pada akhir September 2004)

	Ruang Pejabat			Ruang Perniagaan		
	Ruang Tidak Diisi	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]	Ruang Tidak Diisi	Penawaran Akan Datang[1]	Penawaran Dirancang[2]
	('000 meter persegi)					
WP Kuala Lumpur	1,158	1,078	1,061	322	566	653
Selangor	335	58	0	171	304	63
WP Putrajaya	0	419	177	44	0	0
Johor	273	118	495	299	232	809
Pulau Pinang	281	63	41	268	212	47
Negeri Sembilan	18	45	111	36	72	88
Perak	60	52	0	42	0	0
Melaka	34	0	0	66	0	0
Kedah	26	29	1	53	53	14
Pahang	16	23	15	51	4	6
Terengganu	9	0	0	6	7	0
Kelantan	7	4	20	0	63	0
Perlis	0	26	0	0	0	0
Sabah	118	134	0	30	56	44
WP Labuan	40	0	0	15	0	0
Sarawak	49	25	0	28	0	0
Jumlah[3]	**2,423**	**2,074**	**1,920**	**1,431**	**1,570**	**1,723**

[1] Terdiri daripada harta tanah yang kerja pembinaannya sedang dijalankan termasuk unit yang sijil layak menduduki/sijil layak menduduki sementara belum dikeluarkan.
[2] Diluluskan tetapi belum bermula.
[3] Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penghampiran angka.

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

yang nyata dalam ketibaan pelancong yang meningkat hampir 50% kepada 15.7 juta orang (2003: 10.6 juta orang) dan aktiviti pelancongan tempatan yang memberangsangkan.

Ketersediaan **pembiayaan** pada kadar yang mampu dipinjam telah menyumbang dengan nyata kepada peningkatan aktiviti pembinaan. Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia melonggarkan sekatan ke atas peruntukan pembiayaan perantaraan untuk pembangunan harta tanah. Meskipun sektor perbankan kekal sebagai penyedia utama pembiayaan, sektor pembinaan terus meningkatkan pergantungannya kepada pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) dan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan pembiayaan mereka. Pada tahun 2004, dana yang diraih melalui PDS untuk sektor pembinaan meningkat kepada RM8.8 bilion, iaitu merupakan satu peningkatan yang nyata sebanyak 46.2% untuk mencakupi bahagian yang lebih besar sebanyak 31.5% daripada jumlah PDS yang diterbitkan (2003: 14.1%). Pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan juga meningkat dengan kukuh sebanyak 15.3% kepada RM9.9 bilion (2003: RM8.6 bilion). Mencerminkan permintaan yang kukuh untuk rumah, pembiayaan akhir bagi harta tanah yang diluluskan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 18.8% kepada RM35.7 bilion (2003: 2.9% kepada RM30 bilion). Pinjaman yang diluluskan oleh institusi kredit perumahan yang lain sebagai satu kumpulan juga meningkat pada tahun 2004. Khususnya, pinjaman yang diluluskan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, *Malaysia Building Society Berhad* dan Bank Simpanan Nasional sebagai satu kumpulan meningkat dengan nyata sebanyak 195% kepada RM3.1 bilion (2003: RM1.1 billion).

Pada awal tahun 2004, aktiviti sektor pembinaan terjejas sedikit oleh kekurangan sementara bekalan batang besi yang mengakibatkan kelewatan bagi beberapa projek, terutamanya dalam segmen kejuruteraan awam. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, termasuk melonggarkan sekatan ke atas import batang besi dan bilet dan kawalan yang lebih ketat ke atas eksport batang besi. Kerajaan juga menaikkan harga maksimum bagi batang besi dan bilet bagi mencerminkan kenaikan harga bahan tersebut di pasaran global. Langkah-langkah tersebut berserta dengan kestabilan harga besi global telah membantu mengurangkan masalah kekurangan bekalan. Di samping keluaran besi, kos bahan pembinaan yang lain seperti pasir dan keluaran kayu juga meningkat pada tahun 2004. Ini dicerminkan oleh Indeks Kos Bahan Binaan (BMCI) yang menunjukkan harga bahan pembinaan pada umumnya meningkat pada tahun 2004.

Laporan Mengenai Rangka Kerja Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang pelbagai dan berdaya saing amat penting dalam agenda ekonomi negara bagi mewujudkan ekonomi yang berdaya tahan dalam menghadapi landskap ekonomi dan kewangan yang semakin mencabar. Bank Negara Malaysia telah secara aktif menerajui inisiatif antara Kementerian untuk memperkukuh infrastruktur pembangunan dan promosi PKS melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu PKS yang dipengerusikan oleh Gabenor.

Hasil daripada saranan Jawatankuasa Pemandu PKS, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Penubuhan Majlis ini melambangkan komitmen Kerajaan di peringkat tertinggi untuk menggalakkan pembangunan PKS. Usaha untuk menggalakkan dan memperkukuh PKS memerlukan pendekatan yang menyeluruh, seperti membangunkan infrastruktur yang menggalakkan pembangunan PKS, meningkatkan kapasiti dan kemampuan PKS serta mempertingkatkan akses kepada pembiayaan. Struktur formal yang khusus untuk pembangunan PKS akan dapat mengukuhkan sinergi dan menyelaraskan usaha pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam pembangunan PKS. Ia juga memastikan isu-isu pembangunan PKS dalam semua sektor dapat ditangani dengan sewajarnya.

Bank Negara Malaysia akan terus memainkan peranan dalam pembangunan PKS melalui Unit PKS yang fokus kepada usaha untuk meningkatkan lagi akses PKS kepada pembiayaan. Unit PKS juga bertindak sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Ke arah Pembangunan PKS yang Fokus dan Terselaras

Penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan menyediakan rangka kerja strategik yang perlu, agar usaha antara Kementerian dan Agensi dalam membangunkan PKS lebih fokus dan terselaras. Ini bagi memantau kecekapan penyelarasan serta memastikan pelaksanaan dasar dibuat secara berkesan dan meluas. Terma rujukan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan adalah seperti yang berikut:-

- Merangka dasar dan strategi yang meluas bagi memudahkan pembangunan keseluruhan PKS di semua sektor;
- Meningkatkan tumpuan terhadap peranan dan tanggungjawab Agensi Kerajaan dan Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan PKS;
- Mengukuhkan kerjasama dan penyelarasan antara Kementerian dan Agensi bagi memastikan pelaksanaan dasar dan pelan tindakan pembangunan PKS yang berkesan;
- Menggalakkan dan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam menyokong pembangunan keseluruhan PKS; dan
- Memberi penekanan kepada pembangunan PKS Bumiputera dalam semua sektor ekonomi.

Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi yang menjadi ahli Majlis, berdasarkan peranan dan sumbangan mereka dalam pembangunan usahawan dan PKS, terdiri daripada:-

1. Y.A.B. Perdana Menteri (Pengerusi)
2. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
3. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
4. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
5. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
6. Menteri Sumber Manusia
7. Menteri Kewangan 2
8. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi
9. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi
10. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
11. Menteri Pelancongan
12. Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
13. Menteri Pelajaran

14. Menteri Pengajian Tinggi
15. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
16. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Dato' Mustapa Mohamed
17. Gabenor Bank Negara Malaysia
18. Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi
19. Ketua Pegawai Eksekutif Multimedia Development Corporation

Majlis telah bermesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2004 dan melaksanakan beberapa inisiatif strategik. Majlis juga telah meluluskan inisiatif-inisiatif berikut untuk mengukuhkan infrastruktur pembangunan PKS yang sedia ada.

Memperkukuh Infrastruktur Pembangunan PKS

Definisi PKS dalam Pelbagai Sektor untuk Pembangunan yang Disasarkan

Bagi membantu mengenal pasti PKS di semua sektor dan membuat sasaran PKS yang lebih efektif dalam penggubalan dasar pembangunan PKS, serta menyokong program dan peruntukan bantuan teknikal dan kewangan, Majlis bersetuju mengguna pakai definisi PKS mengikut sektor perkilangan, perkhidmatan berkaitan perkilangan, pertanian asas dan perkhidmatan. Penggunaan penunjuk umum bagi PKS dalam kesemua sektor tersebut akan membantu dalam mengenal pasti isu dan prospek sektor terbabit bagi membolehkan tindakan dasar yang bersesuaian diambil. Ia juga akan membolehkan pemantauan yang teliti terhadap pencapaian serta sumbangan PKS kepada ekonomi.

Sebuah perusahaan dianggap sebagai PKS dalam sektor-sektor tertentu berdasarkan Jumlah Jualan Tahunan atau Jumlah Pekerja Sepenuh Masa seperti yang tertera pada rajah di bawah.

Jadual 1
Definisi PKS yang Diluluskan berdasarkan Jumlah Jualan Tahunan

Saiz	Perkilangan (termasuk Asas Tani) & Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	Pertanian Asas	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada RM250,000	Kurang daripada RM200,000	Kurang daripada RM200,000
Kecil	Antara RM250,000 hingga kurang daripada RM10 juta	Antara RM200,000 hingga kurang daripada RM1 juta	Antara RM200,000 hingga kurang daripada RM1 juta
Sederhana	Antara RM10 juta hingga RM25 juta	Antara RM1 juta hingga RM5 juta	Antara RM1 juta hingga RM5 juta

Jadual 2
Definisi PKS yang Diluluskan berdasarkan Jumlah Pekerja Sepenuh Masa

Saiz	Perkilangan (termasuk Asas Tani) & Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	Pertanian Asas	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja
Kecil	Antara 5 hingga 50 orang pekerja	Antara 5 hingga 19 orang pekerja	Antara 5 hingga 19 orang pekerja
Sederhana	Antara 51 hingga 150 orang pekerja	Antara 20 hingga 50 orang pekerja	Antara 20 hingga 50 orang pekerja

Penubuhan Pangkalan Data PKS Kebangsaan yang Menyeluruh

Ketersediaan maklumat terkini dan relevan mengenai PKS, termasuk keadaan operasi, kedudukan kewangan dan keperluan pembangunan adalah penting untuk memudahkan penggubalan dasar yang lebih baik bagi menggalakkan pembangunan PKS. Untuk mencapai matlamat ini, Jabatan Perangkaan Malaysia dilantik untuk mewujudkan dan menyelenggara Pangkalan Data PKS Kebangsaan yang menyeluruh. Bagi memudahkan pengumpulan maklumat PKS yang relevan dan sebanding antara PKS pelbagai sektor, Jabatan Perangkaan Malaysia telah melancarkan satu Banci *Baseline* 2005 ke seluruh

negara yang meliputi semua pertubuhan dan perniagaan, dengan tumpuan pada sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Ini akan membantu Majlis dalam menilai status semasa dan keperluan PKS, serta mengenal pasti isu-isu penting berhubung pencapaian dan pembangunan PKS. Maklumat daripada banci tersebut akan membantu penggubalan dasar untuk mempromosikan PKS sebagai pemacu pertumbuhan yang penting, di samping menggubal strategi untuk Rancangan Malaysia ke-9 yang akan datang.

Meningkatkan Pengurusan dan Penerbitan Statistik PKS

Peranan Bank Negara Malaysia sebagai Sekretariat telah diperluas untuk merangkumi tugas penyeliaan dan penyelarasan pemantauan, penilaian dan penerbitan perangkaan dan laporan PKS. Selain memenuhi keperluan maklumat para penggubal dasar PKS, Sekretariat juga bertanggungjawab mewujudkan penunjuk utama prestasi bagi memantau dan menilai prestasi pembangunan PKS dan menyelia pengurusan Pangkalan Data PKS Kebangsaan. Sekretariat juga akan menerbitkan laporan tahunan pembangunan PKS untuk kegunaan para penggubal dasar dan PKS sendiri, dengan itu meningkatkan ketersediaan maklumat PKS di pasaran.

Membina Kapasiti Menerusi Latihan yang Selaras dan Pembangunan Sumber Manusia PKS

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia telah dilantik sebagai badan penyelaras untuk menyelia dan menyelaraskan latihan dan pembangunan sumber manusia PKS secara menyeluruh. Dengan ini, peranan PSMB telah ditambah untuk merangkumi pengenalpastian keperluan latihan PKS di semua sektor ekonomi, penyelarasan, pemantauan dan penilaian latihan dan program pembangunan PKS yang dianjurkan oleh Kementerian dan Agensi, serta pembangunan sistem akreditasi latihan formal untuk PKS.

Mempertingkatkan Akses PKS Kepada Pembiayaan

Pada tahun 2004, sistem perbankan meluluskan pinjaman baru sebanyak RM31.6 bilion kepada lebih 92,000 akaun PKS, satu pertumbuhan yang memberangsangkan, sebanyak 21.9% berbanding tahun 2003. Pengeluaran pinjaman pula berkembang dengan kukuh sebanyak 15.3% kepada RM100.4 bilion, manakala jumlah pinjaman terkumpul kepada PKS naik sebanyak 7.7% kepada RM88.3 bilion. Pinjaman kepada PKS mencakupi 40.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan pada akhir tahun 2004, berbanding bahagian sebanyak 38% pada akhir tahun 2003. Dari segi pinjaman mengikut sektor, pinjaman kepada PKS merangkumi sektor yang pelbagai, dengan hampir dua pertiga daripada jumlah pinjaman disalurkan kepada sektor perdagangan edaran, perkilangan dan pembinaan, yang merupakan fokus perniagaan kebanyakan PKS. Jumlah pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar PKS menguncup pada kadar 11.4% kepada RM10.6 bilion (kadar NPL 12.0%), menggambarkan kedudukan kewangan PKS yang bertambah baik.

Inisiatif dasar Bank Negara Malaysia untuk mempertingkatkan akses PKS kepada pembiayaan pada tahun 2004 tertumpu pada:-

- Mengadakan program bantuan nasihat dan kesedaran;
- Mengukuhkan infrastruktur yang sedia ada bagi memastikan pengantaraan dana yang lebih efektif kepada PKS; dan
- Membantu dalam penyusunan semula hutang PKS yang berdaya maju tetapi mempunyai masalah kewangan.

Inisiatif Baru untuk Mempertingkatkan Akses PKS Kepada Pembiayaan

Untuk terus mempertingkatkan akses PKS kepada pembiayaan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah meluluskan inisiatif-inisiatif berikut pada tahun 2004:-

- *Penubuhan Bank PKS*
  Majlis telah meluluskan konsep penubuhan sebuah institusi kewangan khas bagi memupuk PKS dan memenuhi keperluan unik PKS. Sistem perbankan, dengan sumber kewangan yang besar serta jaringan hubungan yang luas, akan terus berperanan sebagai penyedia dana yang utama kepada PKS.

Penubuhan Bank PKS yang khusus akan menjadi pelengkap kepada institusi perbankan, melalui perkhidmatan kewangan dan bukan kewangan kepada PKS, termasuk perkhidmatan sampingan dan maklumat kredit. Di samping pembiayaan, Bank PKS akan memberikan tumpuan pada pemupukan PKS serta mewujudkan masyarakat keusahawanan.

Di samping aktiviti pemberian pinjaman secara langsung yang merangkumi pembiayaan penubuhan perniagaan serta modal kerja, Bank PKS juga boleh menjamin pinjaman yang diberi oleh institusi perbankan kepada PKS, serta memudahkan aktiviti pensekuritian pinjaman PKS. Bank PKS juga akan menyediakan perkhidmatan tambahan yang bertujuan memupuk PKS melalui khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan dan perniagaan, pemasaran dan aspek perniagaan yang lain. Di samping itu, seperti yang dipraktikkan di Jepun dan Korea, Bank PKS akan menyediakan maklumat kredit PKS bagi memudahkan proses penarafan kredit dan menyediakan laporan perniagaan untuk setiap PKS.

- *Subsidi Faedah*
  Pada masa ini, PKS yang berdaya maju dibantu melalui tabung-tabung khas yang diwujudkan oleh Kerajaan dengan pembiayaan diperoleh pada kos yang lebih rendah. Sebagai inisiatif strategik untuk terus memberi akses kepada pembiayaan pada kadar yang berpatutan kepada lebih banyak PKS, di samping mengurangkan beban kewangan Kerajaan, Majlis telah bersetuju untuk memperkenalkan mekanisme pemberian subsidi faedah ke atas pinjaman yang disalurkan oleh institusi perbankan kepada PKS yang terlibat dalam sektor-sektor keutamaan terpilih.

- *Pensekuritian Pinjaman PKS*
  Untuk memberi lebih kefleksibelan kepada institusi perbankan dalam mengurus portfolio pinjaman, seterusnya mempertingkatkan kapasiti kewangan untuk memberikan pinjaman kepada PKS, Majlis telah meluluskan satu rangka kerja untuk memudahkan institusi perbankan mensekuritikan pinjaman kepada PKS. Secara tidak langsung, rangka kerja pensekuritian ini juga akan membolehkan PKS mendapatkan sumber pembiayaan daripada pasaran modal, dan dengan itu memperluas sumber pembiayaan kepada mereka.

- *Peraturan Pembiayaan Perdagangan Baru untuk PKS*
  Dalam usaha menggalakkan PKS menyertai pasaran eksport, terutamanya dalam pasaran bukan tradisional dan dengan ahli Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC), peraturan pembiayaan perdagangan baru untuk PKS yang lebih mudah diakses dan pada kadar yang lebih rendah, akan diperkenalkan. Di bawah peraturan ini, PKS akan memperoleh pembiayaan daripada institusi perbankan, sebelum dan selepas penghantaran barangan dengan risiko kredit ditanggung secara bersama antara institusi perbankan dengan Malaysia Export Credit Insurance Berhad.

Perluasan Peranan Unit PKS di Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia menubuhkan Unit PKS pada bulan Mei 2003 bagi menyediakan maklumat mengenai pelbagai sumber pembiayaan, memudahkan proses permohonan pinjaman, membantu PKS yang berdaya maju mendapat akses kepada pembiayaan, dan menyediakan khidmat nasihat mengenai keperluan kewangan. Untuk memastikan perancangan, pelaksanaan dan pencapaian program bantuan kewangan yang lebih berkesan, Majlis telah bersetuju supaya peranan Unit PKS diperluas untuk meliputi:-

i. Menyelaraskan, memantau dan menilai pembiayaan PKS secara menyeluruh dalam semua sektor ekonomi;
ii. Menyelaraskan pelaksanaan semua dasar dan strategi pembiayaan PKS supaya lebih berkesan;
iii. Mengkaji dasar-dasar dan strategi-strategi untuk meningkatkan akses PKS kepada pembiayaan; dan
iv. Merumuskan kaedah pembiayaan alternatif kepada PKS.

Dengan perluasan peranannya, Unit ini bertanggungjawab untuk berhubung rapat dengan institusi perbankan, Kementerian dan Agensi yang berkenaan bagi memastikan infrastruktur kewangan yang menyeluruh diwujudkan untuk terus menyokong pertumbuhan dan pembangunan PKS dalam semua sektor.

Pada tahun 2004, Unit ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran di kalangan PKS mengenai keperluan kewangan dan prosedur bagi memohon pinjaman, serta sumber-sumber kewangan. Ini dilaksanakan melalui jerayawara (roadshows), pameran dan taklimat kepada PKS, serta penerbitan brosur mengenai tabung-tabung khas. Di samping itu, Unit ini juga mengadakan dialog suku tahunan dengan pertubuhan perdagangan berkaitan PKS dan juga institusi perbankan. Pada tahun 2004 juga, Unit ini telah menerima sebanyak 1,401 pertanyaan, permohonan untuk bantuan serta aduan daripada PKS, dengan 90% daripadanya ialah pertanyaan untuk mendapatkan maklumat serta sumber-sumber pembiayaan dan maklumat terperinci mengenai tabung-tabung khas. Aduan berkaitan akses kepada pembiayaan hanya merangkumi 10% daripada jumlah pertanyaan yang diterima.

Peruntukan yang Lebih Tinggi untuk Tabung Khas

Bagi memastikan akses kepada pembiayaan berterusan pada kadar yang berpatutan, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan beberapa tabung khas untuk PKS. Tabung-tabung ini disalurkan melalui institusi yang terlibat, terdiri daripada institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan dan ERF Sdn Bhd. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman ini adalah dalam lingkungan antara 3.75% hingga 5.00%. Pada masa ini, terdapat lima tabung khas untuk PKS, iaitu:-

- Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (saiz dana: RM4.5 bilion);
- Tabung Usahawan Baru 2 (saiz dana: RM2 bilion);
- Tabung Untuk Makanan (saiz dana: RM1.3 bilion);
- Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil (saiz dana: RM800 juta); dan
- Tabung Projek Usahawan Bumiputera (saiz dana: RM300 juta).

Ekoran daripada permintaan yang kukuh, peruntukan bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2 telah ditambah pada tahun 2004, masing-masing sebanyak RM2.5 bilion dan RM850 juta. Hasilnya, jumlah peruntukan di bawah lima tabung khas tersebut telah bertambah kepada RM8.9 bilion pada akhir tahun 2004. Daripada jumlah ini, RM8.1 bilion atau 91% telah diluluskan kepada lebih 19,000 peminjam. Pada tahun 2004, pembiayaan berjumlah RM2.9 bilion telah diluluskan kepada 4,570 peminjam baru, berbanding RM1.9 bilion kepada 3,741 peminjam pada tahun 2003.

Prestasi Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil

Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil telah dimulakan pada 1 November 2003 untuk membantu penyusunan semula pinjaman tidak berbayar (NPL) PKS yang masih beroperasi. Di bawah mekanisme ini, satu Jawatankuasa Penyelesaian Pinjaman Kecil telah ditubuhkan untuk menjalankan penilaian bebas terhadap daya maju perniagaan, dan penyusunan semula pinjaman dan keperluan kewangan PKS, dengan Unit IKS bertindak sebagai Sekretariat.

Pada akhir bulan Disember 2004, sebanyak 228 permohonan dengan NPL yang bernilai RM180.2 juta telah diterima di bawah skim ini. Daripada jumlah tersebut, 116 permohonan (51%) yang melibatkan NPL berjumlah RM81.8 juta telah diluluskan untuk penyusunan semula, manakala RM10.5 juta telah diluluskan dalam bentuk pembiayaan baru kepada peminjam yang layak di bawah Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil. Sebanyak 25 permohonan dengan NPL berjumlah RM26.5 juta, telah ditolak kerana perniagaan tidak berdaya maju, manakala 87 permohonan yang melibatkan NPL berjumlah RM72 juta masih dalam pertimbangan. Bagi kebanyakan permohonan yang masih dalam pertimbangan, proses penilaian oleh institusi pelaksana dan Sekretariat telah tertangguh berikutan ketidakupayaan pemohon memberikan maklumat penting yang diperlukan dalam proses penilaian permohonan mereka. Pencapaian skim ini menunjukkan bahawa penyusunan semula NPL adalah lebih penting daripada peruntukan pinjaman baru untuk memastikan daya maju dan daya tahan PKS yang menghadapi masalah kewangan.

KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI

Keadaan permintaan dalam negeri terus bertambah kukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.3% pada tahun 2004 (2003: 5.9%). Pertumbuhan **permintaan dalam negeri agregat** disokong terutamanya oleh perkembangan pesat sektor swasta. Keyakinan pengguna yang lebih kukuh disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, inflasi yang rendah dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan. Perbelanjaan perniagaan juga meningkat kerana syarikat menambah kapasiti ekoran permintaan yang kukuh serta penggantian jentera dan kelengkapan yang sudah usang. Walaupun sedang melalui konsolidasi, sektor awam terus menyokong pertumbuhan dengan menyediakan infrastruktur yang lebih baik dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang perlu.

Graf 1.18
Permintaan Agregat Dalam Negeri Benar



Penggunaan sektor awam semakin meningkat dengan pertumbuhan 6.6% pada tahun 2004, sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta emolumen yang lebih tinggi. Peningkatan perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan juga adalah untuk meningkatkan jentera pentadbiran dan sistem penyampaian sektor awam. Mencerminkan penekanan pihak Kerajaan terhadap pembangunan sumber manusia bagi mempertingkatkan produktiviti dan daya saing negara, perbelanjaan emolumen meningkat lagi.

Keadaan permintaan dalam negeri terus mengukuh pada tahun 2005, disokong terutamanya oleh perkembangan pesat aktiviti sektor swasta. Walaupun lebih rendah, perbelanjaan sektor awam terus menyokong permintaan swasta.

Pelaburan awam berkurang sebanyak 3.5% pada tahun 2004 (2003: 3.9%) disebabkan oleh penurunan yang ketara dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan modal Kerajaan terus menyokong pertumbuhan, terutamanya dalam sektor ekonomi dan sosial, dan meliputi lebih banyak bilangan projek bersaiz kecil. Dalam sektor ekonomi, perbelanjaan terutamanya untuk memodenkan pertanian bukan ladang, meningkatkan taraf hidup di kawasan pedalaman dan sistem pengangkutan negara. Sementara itu, perbelanjaan modal bagi projek sosial tertumpu pada perkhidmatan utama yang disediakan oleh Kerajaan, seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan. Perbelanjaan modal perusahaan awam bukan kewangan (PABK) kekal tinggi sepanjang tahun, disebabkan terutamanya program penambahbaikan dan peningkatan kapasiti tiga PABK terbesar, iaitu Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB). Sebahagian besar daripada perbelanjaan PETRONAS kekal tertumpu pada projek minyak dan gas di Malaysia dan luar negara, termasuk juga perdagangan berkaitan perkapalan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan modal TNB adalah untuk meningkatkan penjanaan tenaga dan sistem penghantaran, manakala perbelanjaan TMB pula untuk mengembangkan infrastruktur rangkaian bagi memenuhi peningkatan permintaan perkhidmatan mudah alih dan data serta akses Internet jalur lebar.

Penggunaan swasta meningkat dengan kadar yang lebih pantas, iaitu sebanyak 10.1% pada tahun 2004 (2003: 6.6%), berikutan peningkatan keyakinan pengguna. Indeks Sentimen Pengguna (CSI) MIER, yang mengukur persepsi pengguna mengenai keadaan ekonomi dan kewangan persendirian, mencatat peningkatan sejak suku kedua tahun 2003 dan mencapai tahap tertinggi pada suku pertama tahun 2004. Walaupun CSI bertambah sederhana pada separuh kedua tahun 2004, kecenderungan

Jadual 1.12
Penunjuk Penggunaan Swasta

	2003	2004				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kereta penumpang (termasuk pacuan empat roda)						
'000 unit	334.4	82.3	98.8	107.2	97.3	385.7
Perubahan tahunan (%)	-10.9	-3.3	18.8	19.6	27.3	15.3
Import barangan penggunaan						
RM bilion	18.7	5.1	5.8	6.1	6.3	23.2
Perubahan tahunan (%)	-1.2	14.8	28.0	38.8	16.5	24.1
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	8.0	1.2	1.8	1.6	2.2	6.8
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	2.0	0.3	0.7	0.5	0.8	2.3
Wang secara kecil (M1)						
Perubahan tahunan (%)	14.6	19.6	15.9	14.9	11.9	11.9
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kenderaan penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	10.2	21.4	17.5	16.7	12.5	16.8
Perniagaan runcit restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	8.4	13.2	14.0	25.5	24.3	19.5
Jualan runcit MRA						
Perubahan tahunan (%)	8.4	5.9	15.1	8.8	n.a.	n.a.
Operasi kad kredit						
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	30.9	8.5	8.7	9.6	10.0	36.8
Perubahan tahunan (%)	15.5	17.6	22.3	20.0	16.7	19.1
Indeks Sentimen Pengguna MIER	-	117.5	112.4	113.9	109.3	-
Indeks Komposit KL	793.9	901.9	819.9	850.0	907.4	907.4
Harga Komoditi						
MSM (RM/tan)	1,577	1,895	1,800	1,505	1,458	1,664
Minyak mentah (AS$/tong)	30	35	38	46	47	41
Getah (sen/kg)	381	476	475	435	459	461

pengguna berbelanja tidak terjejas. Meskipun kenaikan harga minyak yang berpanjangan telah sedikit sebanyak menjejaskan keyakinan pengguna, ini sebahagian besarnya diimbangi oleh pendapatan boleh guna yang terus meningkat dan pasaran guna tenaga yang kekal menggalakkan. Harga minyak yang lebih tinggi tidak menyebabkan kos bahan api runcit yang lebih tinggi kerana Malaysia, sebagai pengeksport bersih minyak mentah, dapat mengimbangi kesan ke atas pengguna menerusi pemberian subsidi minyak. Di samping itu, pelbagai rebat cukai yang diumumkan semasa Bajet tahun 2004 bagi mengekalkan peningkatan penggunaan dan pembayaran bonus kepada kakitangan Kerajaan, turut memperkukuh kemapanan penggunaan isi rumah.

Graf 1.19
Deposit/Pinjaman Persendirian dan Penggunaan



Graf 1.20
Pinjaman dan Deposit Persendirian



Kadar faedah yang rendah memberi rangsangan tambahan terhadap perbelanjaan isi rumah untuk membeli barangan pengguna tahan lama dan rumah. Jualan kereta penumpang meningkat 15.3% pada tahun 2004 disebabkan pembeli kereta tertarik dengan model kereta baru yang dilancarkan serta pakej pembiayaan yang menarik. Kesanggupan untuk menambah pinjaman oleh individu dicerminkan oleh penurunan nisbah deposit kepada pinjaman yang berada di bawah paras 1.

Walau bagaimanapun, kesanggupan yang bertambah untuk mendapatkan kredit bagi tujuan perbelanjaan penggunaan tidak menjejaskan isi rumah. Bahkan, perkembangan baru ini didorong terutamanya oleh peningkatan pendapatan dan inovasi kewangan, ekoran pakej pinjaman baru yang diperkenalkan kepada isi rumah oleh sektor perbankan yang semakin bersaing. Pengenalan Sistem Maklumat Kredit Berpusat menyebabkan penurunan kos bagi menilai kedudukan kewangan pelanggan baru, justeru membolehkan bank menyediakan syarat pinjaman yang lebih menarik

Jadual 1.13
Penunjuk Pelaburan Swasta

	2003	2004				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan (termasuk pacuan empat roda)						
'000 unit	70.6	19.4	23.7	24.3	28.0	95.5
Perubahan tahunan (%)	18.5	30.2	46.4	25.3	39.5	35.2
Import barangan modal						
RM bilion	40.8	12.3	13.3	14.0	16.0	55.5
Perubahan tahunan (%)	-5.6	30.9	37.0	38.4	37.7	36.1
Permohonan kepada MITI						
Bilangan projek	925	286	285	260	248	1,079
Pelaburan modal (RM bilion)	25.6	3.9	5.3	7.0	13.1	29.3
Asing	11.6	1.6	2.3	1.7	7.4	13.0
Tempatan	14.0	2.3	3.0	5.3	5.7	16.3
Kelulusan oleh MITI						
Bilangan projek	965	299	249	246	307	1,101
Pelaburan Modal (RM bilion)	29.1	3.7	3.5	5.5	16.1	28.7
Asing	15.6	1.4	1.7	2.6	7.5	13.1
Tempatan	13.5	2.3	1.8	2.9	8.6	15.6
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan						
Perubahan tahunan (%)	4.8	-0.4	15.1	11.7	14.2	10.2
Sektor pembinaan						
Perubahan tahunan (%)	-8.6	11.3	10.4	3.0	17.2	10.4
Perkhidmatan perniagaan						
Perubahan tahunan (%)	6.7	53.6	9.3	13.0	5.8	19.0
Sekuriti hutang swasta (kecuali Cagamas)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	42.8	2.8	6.5	9.3	9.5	28.1
Aktiviti baru	2.8	1.1	3.6	4.5	3.8	13.0
Tawaran Awam Permulaan (BSKL)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	4.0	0.4	0.4	1.3	2.0	4.0
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan	-	112.0	124.1	110.2	97.3	-
Kadar Penggunaan Kapasiti (%)	-	80.2	81.1	82.5	82.2	-
Syarikat berstatus MSC						
Bilangan syarikat	161	38	46	56	50	190
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	1.6	0.2	0.5	0.8	0.5	2.0

kepada peminjam yang berpotensi. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) untuk kredit penggunaan berkurang daripada 9.5% kepada 8% pada tahun 2004, sementara nisbah NPL bagi kad kredit kekal stabil pada tahap 4.7%. Yang penting, dengan adanya cara menabung lain yang popular seperti amanah saham, dana insurans dan dana pencen, ini dapat memastikan tabungan isi rumah kekal tinggi sungguhpun deposit tumbuh dengan sederhana.

Graf 1.21
Pelaburan dan Keuntungan



Selain pembelian kereta penumpang, pembelian kelengkapan dan peralatan isi rumah meningkat selaras dengan pengukuhan jualan harta kediaman yang secara relatif kukuh pada tahun-tahun kebelakangan ini. Di samping itu, isi rumah yang terus menikmati kenaikan nilai kediaman mereka digalakkan untuk terus berbelanja. Prestasi pasaran ekuiti yang menguntungkan juga merangsang penggunaan isi rumah.

Pada tahun 2004, **pelaburan swasta** amat memberangsangkan (15.8%; 2003: 0.4%) dengan perusahaan perniagaan bertambah yakin dengan kekukuhan ekonomi dan prospek pulangan modal pelaburan. Kapasiti pengeluaran ditingkatkan sebagai respons kepada permintaan yang tinggi, sementara penggantian mesin yang usang dilakukan dengan pantas kerana syarikat-syarikat lebih cenderung untuk melabur dalam ekonomi yang sedang mengembang. Pada masa yang sama, keadaan pembiayaan

Graf 1.22
Pelaburan Swasta mengikut Sektor (% bahagian)

2004



kewangan yang memuaskan telah menyokong aktiviti pelaburan perniagaan. Pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan terus meningkat 10.5% (2003: 7.6%) pada tahun 2004. Kedudukan kewangan syarikat yang bertambah kukuh dari segi keuntungan dan kapasiti khidmat pembayaran hutang juga telah menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran mereka.

Persekitaran pertumbuhan global yang kukuh seiring dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan suasana perniagaan, menyaksikan penunjuk-penunjuk pelaburan Malaysia meningkat pada tahun 2004. Sebagai contoh, Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing A.T. Kearney pada tahun 2004 yang mengukur kebarangkalian pelaburan dalam pasaran tertentu, menunjukkan Malaysia mendapat markah yang baik di kalangan pelabur asing. Malaysia mempamerkan kemajuan yang paling kukuh dari segi keyakinan pelabur di kalangan negara yang dikaji, dengan meningkat ke tangga 15 pada tahun 2004 daripada tangga 23 pada tahun 2003. Peningkatan ketara ini menggambarkan keadaan pelaburan yang bertambah baik dan ini menggalakkan peningkatan aktiviti pelaburan dalam negeri.

Perbelanjaan modal yang lebih tinggi jelas kelihatan dalam kesemua sektor ekonomi, dengan sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan mencatat perbelanjaan yang besar sepanjang tahun 2004. Pelaburan dalam **sektor perkilangan** yang mencatat pertumbuhan sebanyak 32.7% (2003: 4%) disokong terutamanya oleh pengembangan kapasiti dan penggantian mesin dan kelengkapan lama. Walaupun kelulusan pelaburan oleh MITI menurun sebanyak 1.4% (2003: +63%), pelaksanaan projek yang telah diluluskan secara berperingkat, telah menyumbang kepada perbelanjaan pelaburan pada tahun 2004. Kelulusan untuk pelaburan baru terus mengatasi pelaburan semula menandakan bahawa pekilang-pekilang terus berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti perkilangan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Pelaburan ini tertumpu pada industri barangan elektrik dan elektronik, kimia dan keluaran kimia dan kertas, cetakan dan penerbitan. Sentimen positif yang sama dilihat di kalangan pelabur tempatan dan pelabur asing dalam sektor perkilangan. Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung A.T. Kearney menunjukkan bahawa para pengilang dalam industri berat dan ringan berpendapat daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan bertambah baik. Pengilang industri berat kini meletakkan Malaysia di tempat ke-16 sebagai destinasi paling menarik bagi industri mereka, meningkat daripada tempat ke-18 pada tahun

Graf 1.23
Pelaburan Swasta dalam Sektor Perkilangan



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

Graf 1.24
Pelaburan Perkilangan yang Diluluskan mengikut Industri, 2004 (% bahagian)



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

Graf 1.25
Bahagian Pelaburan Baru dan Pelaburan Semula yang Diluluskan dalam Sektor Perkilangan



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

2003, sementara pengilang industri ringan meletakkan Malaysia di tempat ke-9, meningkat dengan ketara daripada tempat ke-21 pada tahun 2003.

Pelaburan **sektor pembinaan** meningkat dengan sederhana sepanjang tahun 2004. Aktiviti pembinaan dalam subsektor kediaman merupakan penyumbang utama kepada pelaburan dalam sektor ini berikutan permintaan yang kukuh untuk harta kediaman, disokong oleh kadar faedah yang rendah dan pakej gadai janji perumahan yang menarik yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Sementara itu, aktiviti beberapa projek yang diswastakan dan sedang berjalan, iaitu Lebuh Raya Koridor Guthrie, Lebuh Raya Kajang-Seremban, Lebuh Raya Jelutong dan Jalan Lingkaran Luar Butterworth, turut menyokong pelaburan dalam sektor pembinaan.

Pelaburan dalam **sektor perkhidmatan** yang lebih tinggi ditunjukkan oleh aktiviti perbelanjaan modal yang lebih kukuh dalam subsektor utiliti dan subsektor perniagaan runcit, borong dan perusahaan perniagaan. Perbelanjaan modal dalam subsektor utiliti, termasuk untuk pembangunan stesen jana kuasa Tanjung Bin dan projek bekalan air, iaitu Projek Skim Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) dan Pengurusan Banjir dan Terowong (SMART). Berikutan proses konsolidasi industri telekomunikasi pada tahun 2003, peserta industri mula menambah pelaburan untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan dan membangunkan sistem baru bagi meningkatkan daya saing. Aktiviti perbelanjaan modal dalam subsektor pengangkutan disokong oleh pengembangan kapasiti dan pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Barat. Pada tahun 2004, institusi perbankan terus melabur dalam projek teknologi maklumat, terutamanya untuk menambahbaikkan dan mengoptimumkan sistem perbankan runcit, menambah lagi kapasiti pemprosesan dan meningkatkan pengurusan produk yang ditawarkan bagi meningkatkan perkhidmatan sokongan pelanggan. Aktiviti perbelanjaan modal di sektor runcit jelas kelihatan dengan pembukaan kedai baru oleh pengendali pasar besar dan peruncit di bandar-bandar utama.

Perbelanjaan modal dalam **sektor perlombongan** sebahagian besarnya kekal didorong oleh segmen minyak dan gas. Perbelanjaan ini dirangsang oleh peningkatan aktiviti huluan dalam bidang penerokaan dan pengeluaran, berikutan penemuan beberapa kawasan minyak baru, permintaan yang lebih kukuh dan harga minyak mentah yang lebih tinggi. Pelaburan dalam **sektor pertanian** disalurkan terutamanya kepada pembangunan tanaman ladang. Perbelanjaan modal bagi aktiviti tanaman ladang kekal tinggi, khususnya tanaman ladang kelapa sawit ekoran kenaikan dalam pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dan harga MSM yang menggalakkan pada tahun 2004. Sejumlah besar daripada perbelanjaan modal adalah untuk meningkatkan kapasiti dan penanaman baru. Selain itu, import alat kelengkapan pertanian yang lebih tinggi pada tahun 2004 juga menunjukkan perbelanjaan modal sektor pertanian yang meningkat.

Pengembangan pendapatan negara kasar nominal yang nyata pada tahun 2004 bukan sahaja dicerminkan oleh perbelanjaan penggunaan yang memberangsangkan, bahkan juga oleh peningkatan berterusan **tabungan negara kasar**. Pertumbuhan sebanyak 16.3%, secara am, mencerminkan pengembangan berterusan dalam tabungan sektor swasta dengan keuntungan korporat lebih kukuh dan pendapatan boleh guna yang bertambah tinggi disebabkan oleh peningkatan aktiviti di dalam dan di luar negeri. Oleh itu, sektor isi rumah dan korporat mempunyai aliran wang tunai yang lebih teguh, disokong terutamanya oleh harga komoditi yang menggalakkan, perolehan eksport yang tinggi, kadar inflasi dan kadar faedah yang rendah serta keadaan guna tenaga yang stabil. Secara keseluruhan, tabungan sektor swasta meningkat sebanyak 53% pada tahun 2004.

Walau bagaimanapun, sektor awam mencatat tabungan yang lebih kecil, disebabkan terutamanya oleh lebihan semasa Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah. Penyusutan dalam lebihan semasa Kerajaan Persekutuan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan subsidi akibat kenaikan harga minyak, pembayaran emolumen yang lebih tinggi, peningkatan perbelanjaan untuk bekalan dan

Graf 1.26
Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan sektor awam, serta perbelanjaan bayaran balik dan penghapus kiraan yang lebih besar. Namun begitu, imbangan tabungan-pelaburan sektor awam menunjukkan lebihan disebabkan oleh pembentukan modal tetap awam kasar yang lebih rendah.

Secara keseluruhan, tabungan negara kasar terus meningkat pada tahun 2004, mencakupi 37.1% daripada keluaran negara kasar (KNK) berbanding dengan 36.3% pada tahun 2003. Kadar tabungan yang tinggi membolehkan Malaysia membiayai pertumbuhan ekonomi terutamanya daripada sumber-sumber dalam negeri. Sungguhpun perbelanjaan pelaburan awam merosot, lebihan mudah tunai dan kos hutang yang lebih rendah telah menyumbang kepada peningkatan yang nyata dalam pelaburan kasar swasta, yang seterusnya membawa kepada peningkatan, keseluruhan sebanyak 19.3% dalam jumlah pembentukan modal dalam negeri kasar (termasuk stok). Selaras dengan tabungan yang bertambah, imbangan tabungan-pelaburan yang dicerminkan oleh akaun semasa dalam imbangan pembayaran kekal tinggi, iaitu pada 13.4% daripada KNK pada tahun 2004.

HARGA DAN GUNA TENAGA

Harga Pengguna

Kadar inflasi meningkat sedikit pada tahun 2004. Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sedikit ke paras 1.4% (2003:1.2%). Inflasi teras, iaitu inflasi yang tidak termasuk barangan harga dikawal dan barangan yang harganya tidak menentu, serta barangan yang tertakluk kepada pelarasan harga satu kali, juga meningkat ke paras 1% pada tahun 2004 (2003: 0.5%).

Walaupun permintaan dalam negeri berkembang dengan lebih kukuh pada tahun 2004, gabungan beberapa faktor telah memastikan bahawa kesan tekanan harga dapat dibendung. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kestabilan harga termasuk peningkatan produktiviti yang berterusan, ketiadaan tekanan kos upah, pengembangan kapasiti yang mencukupi serta persekitaran persaingan yang lebih sengit.

Kenaikan yang kecil dalam harga secara keseluruhan pada tahun 2004 disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang lebih pesat bagi harga makanan serta harga minuman dan tembakau. Namun demikian, kenaikan ini diimbangi oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam sektor perhubungan. Kenaikan harga makanan merupakan penyumbang utama kepada kenaikan harga pada tahun 2004, terutamanya harga yang lebih tinggi bagi makanan yang diambil di luar rumah, diikuti oleh kenaikan dalam harga minuman dan tembakau berikutan peningkatan duti eksais seperti yang diumumkan dalam Bajet 2005. Walau bagaimanapun, kesan peningkatan tersebut

Graf 1.27
Sumbangan kepada Perubahan Tahunan Indeks Harga Pengguna



Jadual 1.14
Penunjuk Harga

Indeks Harga Pengguna (2000=100)	Wajaran	2003	2004
	Perubahan tahunan (%)		
	100.0	**1.2**	**1.4**
antaranya:			
Makanan	33.8	1.3	2.2
Minuman dan tembakau	3.1	1.6	7.8
Pakaian dan kasut	3.4	-2.0	-1.8
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	0.9	1.0
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	-0.6	0.4
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	1.7	1.4
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	1.6	0.8
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.9	0.6	-0.1
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.5	1.3	1.8
Indeks Harga Pengguna			
Barang Tahan Lama	9.4	-1.1	0.2
Barang Semi Tahan Lama	5.4	-1.4	-0.9
Barang Tidak Tahan Lama	40.2	1.6	2.4
Perkhidmatan	45.0	1.3	1.0
Indeks Harga Pengeluar (1989=100)	**100.0**	**5.7**	**8.9**
antaranya:			
Pengeluaran tempatan	79.3	6.8	10.3
Import	20.7	0.8	2.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Graf 1.28
Inflasi: Kadar Perubahan Tahunan



diimbangi oleh kenaikan harga yang lebih perlahan bagi caj telefon dan telegraf. Kenaikan harga petrol pada bulan Mei dan Oktober mempunyai kesan yang minimum ke atas caj pengangkutan persendirian dan kadar inflasi keseluruhannya.

Harga Pengeluar

Harga pengeluar, yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan 8.9% pada tahun 2004 (2003: 5.7%), mencerminkan sebahagian besarnya harga yang lebih tinggi bagi barangan yang berkaitan dengan komoditi, berikutan kenaikan harga minyak mentah dan minyak sawit mentah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, harga pengeluar meningkat pada kadar tahunan 2% (2003: 0.5%) disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan binatang hidup yang lebih tinggi. Harga barangan yang dibayar oleh pengimport meningkat sebanyak 2% (2003: 0.8%), mencerminkan terutamanya harga petroleum yang lebih tinggi serta penyusutan nilai mata wang dolar Amerika Syarikat berbanding dengan mata wang utama dunia.

Perkembangan Pasaran Pekerja

Keadaan pasaran pekerja dalam negeri bertambah baik pada tahun 2004. Pertumbuhan produktiviti pekerja membantu mempertingkatkan daya saing dan suasana pertumbuhan yang kukuh, yang seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan. Mengikut anggaran terkini tahun 2004, guna tenaga meningkat pada kadar yang lebih pantas, iaitu 3.6% kepada 10.2 juta pekerja berbanding dengan pertumbuhan tenaga pekerja sebanyak 3.4% kepada 10.6 juta orang. Hasilnya, kadar pengangguran menurun kepada 3.5% (2003: 3.6%). Kadar penyertaan tenaga pekerja juga meningkat kepada 66%. Latihan untuk pekerja terus digalakkan bagi mempertingkatkan kualiti pekerja, meningkatkan ketangkasan dan mengatasi masalah ketidakpadanan kemahiran supaya selaras dengan transformasi ekonomi yang sedang berjalan.

Pada tahun 2004, keluk Beveridge yang menjejaki corak pengangguran dan kekosongan jawatan dalam pasaran pekerja terus beralih ke bawah dan ke dalam. Ini menandakan bahawa pusingan ganti dalam pasaran pekerja adalah lebih rendah dan proses memadankan pekerja dengan jawatan adalah

Graf 1.29
Keluk Beveridge untuk Malaysia (1998-2004)



Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Manusia
Bank Negara Malaysia

dilaporkan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, perkilangan, pembinaan dan pertanian merosot kepada 49,975 jawatan (2003: 96,918 jawatan). Ini sebahagiannya mungkin disebabkan oleh dasar yang lebih terbuka terhadap pengambilan pekerja asing. Walau bagaimanapun, kekosongan yang dilaporkan untuk jawatan kerani, pengurusan dan profesional menunjukkan peningkatan yang ketara (25,495 jawatan; 2003: 12,611 jawatan). Pemberhentian pekerja yang berlaku kebanyakannya dalam sektor perkilangan dan sektor berkaitan pengangkutan, merosot sebanyak 6% (19,956 orang; 2003: 21,206 orang). Faktor-faktor utama pemberhentian pekerja termasuk pengurangan permintaan terhadap barangan, penyusunan semula syarikat, kos pengeluaran yang tinggi, projek telah siap dilaksanakan dan penggunaan khidmat luaran. Pencari kerja yang telah ditempatkan berbanding dengan

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik, disokong oleh pertumbuhan produktiviti pekerja yang nyata lebih tinggi.

lebih cekap. Hasil Kaji Selidik Gaji dan Kemudahan Sampingan oleh Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) mengesahkan bahawa kadar purata pusingan ganti bulanan keseluruhan adalah lebih rendah, iaitu pada 1.51% pada tahun 2004 (2003: 1.76%). Penemuan Kaji Selidik Gaji, Faedah dan Keadaan Guna Tenaga dalam Sektor Perkilangan oleh Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) turut menunjukkan bahawa kadar purata pusingan ganti bulanan kesuruhan kekal rendah pada 1.79% pada tahun 2004 (2003:1.76%).

Kadar pusingan ganti yang rendah dalam pasaran pekerja juga dicerminkan oleh data kekosongan jawatan dan pemberhentian pekerja. Sementara itu, data yang lebih rendah bagi pencari kerja yang sudah ditempatkan dan jumlah pencari kerja yang belum ditempatkan mencerminkan kecekapan dalam proses memadankan pekerja dengan jawatan. Jumlah jawatan kosong kekosongan jawatan kekal kukuh (12%, 2003: 17%), manakala bilangan pencari kerja berdaftar yang belum ditempatkan adalah sebanyak 27,227 orang pada akhir tahun 2004, iaitu bilangan terendah dalam tempoh empat tahun. Ini menunjukkan proses memadankan pekerja dengan jawatan yang ada adalah bertambah baik.

Suasana pertumbuhan ekonomi yang kukuh tidak menimbulkan tekanan yang berlebihan terhadap **kadar upah** pada tahun 2004. Penunjuk yang sedia ada memperlihatkan bahawa kenaikan kadar upah adalah lebih rendah pada tahun 2004:

- Data daripada Kaji Selidik Bulanan Industri Perkilangan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa upah benar bagi setiap pekerja meningkat sebanyak 1.8% pada tahun 2004 (2003: 2.8%).

Jadual 1.15
Penunjuk Pasaran Pekerja

	2000	2001	2002	2003	2004*a*
Tenaga pekerja ('000)	9,572.5	9,699.4	9,886.2	10,239.6	10,587.7
(perubahan tahunan dalam %)	4.3	1.3	1.9	3.6	3.4
Guna tenaga ('000)	9,271.2	9,348.1	9,542.1	9,866.7	10,221.0
(perubahan tahunan dalam %)	4.5	0.8	2.1	3.4	3.6
Kadar pengangguran (% daripada tenaga pekerja)	3.1	3.6	3.5	3.6	3.5
Produktiviti pekerja (KDNK/Guna tenaga)					
(perubahan tahunan dalam %)	3.9	-0.5	2.3	1.9	3.4
Upah benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan					
(perubahan tahunan dalam %)	5.0	1.7	3.2	2.8	1.8

a Anggaran

Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Graf 1.30
Keluaran dan Guna Tenaga



Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia

- Kaji Selidik Gaji dan Kemudahan Tambahan oleh MEF menunjukkan bahawa kenaikan gaji purata sektor swasta adalah rendah sedikit pada kadar 5.6% pada tahun 2004 (2003: 5.8%). Analisis mengikut sektor menunjukkan kenaikan gaji purata dalam sektor bukan perkilangan adalah lebih tinggi (6.1%; 2003: 6.1%) berbanding dengan sektor perkilangan (5%; 2003: 5.5%). Purata gaji bulanan minimum yang ditawarkan kepada pemegang ijazah am tidak berubah pada RM1,666 (2003: RM1,669).

- Kaji Selidik Gaji, Faedah dan Keadaan Guna Tenaga dalam Sektor Perkilangan oleh FMM menunjukkan bahawa kenaikan gaji purata keseluruhan yang dibayar kepada pekerja juga adalah sederhana sebanyak 5.6% pada tahun 2004 (2003: 5.5%). Purata gaji bulanan minimum yang ditawarkan kepada graduan baru juga adalah lebih rendah sebanyak RM1,799 (2003:RM1,861)

Graf 1.31
Guna Tenaga mengikut Sektor



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Produktiviti pekerja, yang diukur oleh nisbah KDNK kepada jumlah guna tenaga, nyata bertambah baik dengan kadar pertumbuhan meningkat kepada 3.4% pada tahun 2004 (2003: 1.9%). Pertumbuhan produktiviti dilihat di kebanyakan sektor ekonomi utama. Pertumbuhan produktiviti dalam sektor perkilangan nyata bertambah baik sebanyak 3.2% (2003: 1.1%). Ini disebabkan oleh peningkatan penggunaan modal dan proses perniagaan yang bertambah baik. Pertumbuhan produktiviti dalam sektor pertanian dan perkhidmatan kekal tinggi, masing-masing pada 5% dan 2.7%. Produktiviti yang tinggi dalam sektor pertanian mencerminkan sebahagian besarnya hasil keluaran yang lebih tinggi disebabkan oleh cuaca yang baik, amalan pertanian yang lebih baik, penggunaan jentera dan automasi. Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran turut mencatat pertumbuhan produktiviti yang memberangsangkan sebanyak 2.3% (2003: 0%) disebabkan oleh pelaburan modal yang lebih tinggi.

Kerajaan terus membenarkan pengambilan **pekerja asing** untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja dan kemahiran serta melahirkan sinergi untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing. Pada masa ini, terdapat sebanyak 34,358 pekerja profesional asing dan pekerja asing yang mempunyai kemahiran yang tinggi bekerja di negara ini dan kebanyakan daripada mereka bekerja di sektor perkilangan dan perkhidmatan. Bagi pekerja asing separuh mahir dan tidak mahir, jumlah pengambilan merosot pada tahun 2004, walaupun pertumbuhan ekonomi lebih kukuh. Ini disebabkan sebahagiannya oleh prestasi sektor pembinaan yang lemah, iaitu sektor yang mempunyai ramai pekerja asing. Di samping itu, para majikan telah meningkatkan penggunaan modal dalam perniagaan mereka dan seterusnya mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Pada tahun 2004, sebanyak 507,732 warga asing (2003: 516,257 orang) yang kebanyakannya dari Indonesia, Nepal, India, Myanmar dan Vietnam, telah diambil untuk bekerja, terutamanya dalam sektor perkilangan, pertanian dan pembantu rumah.

Pada akhir tahun 2004, bilangan pekerja asing di Malaysia meningkat sebanyak 18.6% kepada 1,470,090 orang (2003: 17.2% kepada 1,239,406) dan ini mencakupi lebih kurang 14.4% daripada jumlah guna tenaga negara. Sebahagian besar daripada mereka bekerja dalam sektor perkilangan, diikuti oleh sektor pertanian, perkhidmatan (termasuk pembantu rumah) dan pembinaan. Kira-kira 69.7% daripada jumlah pekerja asing ialah warganegara Indonesia, manakala pekerja dari Nepal dan India masing-masing merupakan kumpulan kedua dan ketiga terbesar atau sebanyak 10.2% dan 5.4%.

Graf 1.32
Pemberhentian di Sektor-sektor Tertentu



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Graf 1.33
Sebab-sebab Pemberhentian Pekerja



Sumber : Kementerian Sumber Manusia

Semasa tahun 2004, beberapa peraturan berkenaan pengajian pekerja asing separuh mahir dan tidak mahir telah diubah, dengan tujuan mengurangkan pergantungan negara terhadap pekerja tersebut, khususnya, di sektor perkhidmatan. Sebagai tambahan, mulai bulan Ogos 2004, tempoh bekerja maximum pekerja asing dibenarkan adalah lapan tahun, berbanding sepuluh tahun sebelumnya.

Sementara itu, langkah-langkah pembangunan ke arah meningkatkan keupayaan tenaga pekerja terus dilaksanakan. Pada akhir tahun 2004, sebanyak 9,213 peserta telah mendapat manfaat daripada Skim Latihan Graduan II. Skim tersebut dilancarkan pada bulan Ogos 2003 dan bertujuan membantu graduan yang masih menganggur untuk memperoleh kemahiran tambahan dan meningkatkan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan. Disebabkan masih terdapat peruntukan di bawah skim khas yang dilancarkan pada tahun 2001 untuk membantu **graduan menganggur** dan pekerja yang diberhentikan, skim tersebut terus dilaksanakan pada tahun 2004. Pada akhir tahun 2004, sebanyak 40,460 orang telah menyertai pelbagai skim sangkutan dan skim latihan amali untuk graduan menganggur, yang dikenali sebagai Skim Latihan Graduan I, sementara sebanyak 12,783 peserta telah mendapat manfaat daripada skim untuk pekerja yang diberhentikan dan para penganggur. Untuk memperkukuhkan usaha Kerajaan, pelbagai persatuan institusi kewangan telah memperkenalkan Skim Latihan Industri Perbankan dan program latihan dan pembangunan insurans yang sama untuk graduan menganggur pada awal tahun 2004. Seramai 148 graduan yang menganggur telah ditaja oleh 55 buah institusi kewangan untuk mengikuti latihan berstruktur di bawah program yang dirangka dan dilaksanakan oleh Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan Institut Insurans Malaysia. Skim-skim tersebut bertujuan meningkatkan kemahiran para peserta berkomunikasi, dengan tumpuan pada Bahasa Inggeris, disamping memberi pendedahan yang berkaitan kepada para graduan dalam bidang perbankan, kewangan dan insurans. Sepuluh majikan yang lain turut menawarkan latihan sangkutan kepada graduan menganggur di bawah insentif potongan cukai dua kali yang diumumkan dalam Bajet 2004 bagi menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan kepada golongan graduan.

Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) masih menjadi saluran penting dalam menggalakkan para majikan mendaftarkan pekerja mereka bagi mengikuti kursus latihan yang bertujuan meningkatkan kemahiran, pengetahuan, kepintaran mencari jalan penyelesaian dan kebolehan menyesuaikan diri dengan landskap perniagaan yang lebih liberal dan berdaya saing. KWPSM ditubuhkan pada tahun 1993, dan diurus oleh sebuah badan korporat yang dikenali sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Graf 1.34
KWPSM: Bilangan Tempat Latihan yang Diluluskan



Sumber: Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Pada tahun 2004, PSMB meluluskan sebanyak 460,651 tempat latihan dengan bantuan kewangan bernilai melebihi RM200 juta, menjadikan jumlah untuk tempoh 1993-2004 sebanyak 4.4 juta tempat latihan dengan perbelanjaan sebanyak RM1.6 bilion. Selaras dengan perubahan baru dalam persekitaran perniagaan, program dan latihan baru telah dimasukkan di bawah KWPSM pada tahun 2004. Ini termasuk pengurusan strategik, jenama produk kefasihan dalam Bahasa Inggeris, kebolehan membaca dan menulis untuk orang dewasa, khususnya untuk pekerja-pekerja di industri kecil dan sederhana, dan skim perantis juruteknik industri.

Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) merupakan satu lagi inisiatif untuk membangun dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja. TPK bertujuan meningkatkan penyertaan sektor swasta sebagai penyedia latihan serta meningkatkan aksesibiliti kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional dengan menyediakan bantuan kewangan kepada para pelatih. Golongan lepasan sekolah, pekerja yang diberhentikan dan pekerja yang sedang menjalani latihan di institut latihan swasta dan Kerajaan yang diiktiraf, layak untuk mendapat bantuan di bawah TPK. Setelah beroperasi selama empat tahun, TPK sedang disusun semula. Perundangan untuk menubuhkan sebuah perbadanan untuk mengurus TPK telah diluluskan, manakala rancangan untuk mempelbagaikan jumlah bantuan kewangan supaya keutamaan diberi kepada latihan kemahiran yang lebih penting, sedang dilaksanakan. Pada tahun 2004, TPK meluluskan bantuan kewangan kepada kira-kira 34,000 orang calon (2003: 46,421 calon).

SEKTOR LUAR NEGERI

Imbangan pembayaran keseluruhan bertambah kukuh pada tahun 2004. Ini mencerminkan permintaan luar negeri yang memberangsangkan, yang disokong oleh pertumbuhan global yang lebih kukuh, dan sentimen pelabur asing terhadap Malaysia yang semakin baik. Lebihan akaun semasa yang kekal besar ditambah pula oleh aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio yang lebih tinggi menyebabkan rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat dengan ketara. Komponen kesilapan dan ketinggalan, termasuk keuntungan daripada penilaian semula pertukaran asing rizab antarabangsa yang disebabkan oleh tambah nilai mata wang asing utama berbanding dengan dolar Amerika Syarikat adalah sebanyak RM11.1 bilion. Selepas mengambil kira komponen kesilapan dan ketinggalan, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan yang besar sebanyak RM83.1 bilion atau AS$21.9 bilion. Hasilnya, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat ke paras tertinggi, iaitu sebanyak RM253.5 bilion atau AS$66.7 bilion pada akhir tahun 2004. Rizab terus meningkat ke paras RM272.9 bilion (AS$71.8 bilion) pada 28 Februari 2005. Paras rizab ini cukup untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan merupakan 6.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab Malaysia boleh digunakan dengan serta-merta dan tidak dibebani sebarang obligasi.

Kedudukan luaran bertambah kukuh dengan ketara pada tahun 2004 disokong oleh lebihan akaun semasa yang kekal besar serta aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio yang lebih tinggi. Hutang luar negeri kekal pada tahap yang berhemat.

Graf 1.35a
Akaun Semasa



a Anggaran

Graf 1.35b
Akaun Modal dan Kewangan



a Anggaran

Graf 1.35c
Rizab Antarabangsa Bersih



Akaun Semasa

Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM56.6 bilion atau 13.4% daripada KNK, mencerminkan lebihan perdagangan yang kekal besar dan defisit akaun perkhidmatan yang nyata bertambah baik. Pertumbuhan eksport yang kukuh didorong oleh peningkatan permintaan global terhadap elektronik dan pengembangan dalam kebanyakan eksport komoditi. Penurunan yang nyata dalam defisit akaun perkhidmatan mencerminkan peningkatan yang ketara dalam perolehan daripada perjalanan berikutan kedatangan pelancong yang lebih tinggi. Defisit akaun pendapatan meningkat disebabkan oleh keuntungan dan dividen terakru bagi

Jadual 1.16
Imbangan Pembayaran

Butiran	2003			2004*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM juta					
Barangan	398,998	301,297	97,701	481,240	376,766	104,474
Akaun perdagangan	*397,884*	*316,538*	*81,347*	*480,722*	*399,648*	*81,073*
Perkhidmatan	51,595	66,621	-15,026	63,716	72,497	-8,780
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**450,594**	**367,918**	**82,675**	**544,957**	**449,263**	**95,694**
Pendapatan	13,103	35,630	-22,527	15,307	39,787	-24,480
Pindahan semasa	1,929	11,229	-9,300	1,700	16,333	-14,633
Imbangan akaun semasa	**465,626**	**414,777**	**50,848**	**561,964**	**505,384**	**56,580**
% daripada KNK			**13.7**			**13.4**
Akaun modal			–			–
Akaun kewangan			-12,146			15,386
Pelaburan langsung			4,194			10,823
Pelaburan portfolio			4,168			33,112
Pelaburan lain			-20,508			-28,550
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-12,146**			**15,386**
Kesilapan dan ketinggalan			358			11,095
antaranya:						
Keuntungan (+) atau kerugian (-) daripada penilaian semula pertukaran asing			*11,927*			*7,997*
Imbangan keseluruhan			**39,059**			**83,061**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**170,452**			**253,513**
(AS$ juta)			**44,856**			**66,714**

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.
a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pelabur-pelabur langsung asing yang bertambah. Akaun pindahan semasa mencatat aliran keluar yang lebih tinggi ekoran penghantaran balik pendapatan sekali sahaja oleh pekerja-pekerja asing tanpa izin di bawah Program Pengampunan.

pada tahun 2004. Perolehan eksport yang lebih tinggi pada tahun 2004 mencerminkan peningkatan dalam jumlah (16.1%) dan harga eksport (3.6%). Peningkatan dalam harga didorong oleh kenaikan harga kebanyakan komoditi dan industri berasaskan sumber.

Lebihan perdagangan yang besar adalah disebabkan oleh pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang lebih kukuh dan pertumbuhan perolehan komoditi yang kekal tinggi. Pengembangan yang kukuh dalam import mencerminkan pertumbuhan pengeluaran dan eksport barangan perkilangan serta perbelanjaan pengguna dan pelaburan dalam negeri yang mantap.

Dalam suasana pertumbuhan global yang kukuh, **eksport kasar** meningkat dengan nyata sebanyak 20.8% pada tahun 2004 (2003: 11.3%). Pertumbuhan disokong oleh pengembangan yang ketara dalam eksport barangan perkilangan dan mineral. Pertumbuhan dalam eksport pertanian menyederhana

Eksport **barangan perkilangan** mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 19.7% pada tahun 2004 (2003: 8%), didorong oleh jumlah dan harga yang lebih tinggi, masing-masing sebanyak 18.3% dan 1.2%. Eksport bagi keluaran elektrik dan elektronik, khususnya, berkembang dengan pesat, terutamanya

Jadual 1.17
Eksport Kasar

	2004*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan Perkilangan	**390,449**	**19.7**	**81.2**
antaranya:			
Elektronik, jentera dan peralatan elektrik	257,051	15.3	53.5
Elektronik	188,605	12.7	39.2
Separa konduktor	*89,298*	*4.9*	*18.6*
Kelengkapan dan komponen elektronik	*99,307*	*20.8*	*20.7*
Jentera dan peralatan elektrik	68,446	23.4	14.2
Barangan elektrik pengguna	*22,170*	*12.5*	*4.6*
Barangan elektrik perindustrian dan komersial	*25,769*	*27.0*	*5.4*
Perkakas dan jentera elektrik perindustrian	*17,783*	*30.8*	*3.7*
Peralatan elektrik rumah	*2,724*	*45.3*	*0.6*
Kimia dan keluaran kimia	27,767	31.0	5.8
Keluaran logam	16,140	43.6	3.4
Kelengkapan optik dan saintifik	11,568	26.3	2.4
Tekstil, pakaian dan kasut	10,328	17.9	2.1
Keluaran kayu	8,677	29.5	1.8
Makanan	7,776	22.7	2.0
Keluaran getah	6,036	19.3	1.3
Kelengkapan pengangkutan	5,324	65.0	1.1
Komoditi pertanian	**36,176**	**7.4**	**7.5**
antaranya:			
Minyak sawit	20,107	-0.4	4.2
Getah	5,198	45.1	1.1
Kayu siap digergaji	3,214	1.7	0.7
Kayu balak	2,070	2.5	0.4
Mineral	**41,177**	**38.2**	**8.6**
antaranya:			
Minyak mentah	21,318	36.1	4.4
Gas asli cecair	17,079	27.9	3.6
Timah	947	231.5	0.2
Eksport-eksport lain	**12,920**	**60.1**	**2.7**
Jumlah	**480,722**	**20.8**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Graf 1.36
Prestasi Eksport Sektor Perkilangan



[1] Kuantiti dan harga adalah anggaran berasaskan kajian syarikat terpilih Bank Negara Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Graf 1.38
Eksport Barangan Perkilangan mengikut Destinasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pada separuh tahun pertama yang didorong sebahagian besarnya oleh kitaran menaik separa konduktor global. Keluaran berasaskan sumber seperti keluaran petroleum, bahan kimia, kayu dan getah juga mendapat manfaat daripada harga dan jumlah eksport yang lebih tinggi. Peningkatan yang pesat dalam aktiviti pembinaan di RR China menyokong permintaan yang memberangsangkan terhadap keluaran besi dari Malaysia. Eksport keluaran getah, khususnya, sarung tangan getah kekal kukuh pada tahun 2004 disebabkan oleh permintaan yang dirangsang oleh tercetusnya wabak selesema burung di negara serantau. Dalam subsektor kelengkapan pengangkutan, peningkatan pelaburan dalam aktiviti penerokaan minyak dan gas sedunia mendorong permintaan yang kukuh terhadap pelantar penggerudian terapung dan tenggelam untuk aktiviti penerokaan. Sementara itu, pertumbuhan dalam eksport keluaran kayu disokong oleh permintaan yang mapan dari Jepun dan Amerika Syarikat.

Graf 1.37
Prestasi Eksport Industri Elektronik dan Industri Bukan Elektronik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Komoditi utama terus memberi sumbangan yang nyata kepada eksport kasar pada tahun 2004, dengan bahagiannya meningkat kepada 16.1% (2002: 13.6%). Eksport komoditi meningkat sebanyak 21.8%, mencerminkan terutamanya peningkatan yang kukuh dalam eksport petroleum, manakala pertumbuhan eksport pertanian adalah sederhana.

Eksport **mineral** mencatat pengembangan yang kukuh untuk setahun lagi, dengan meningkat sebanyak 38.2% kepada RM41.2 bilion. Perolehan eksport daripada minyak mentah meningkat sebanyak 36.1% kepada RM21.3 bilion, disokong oleh peningkatan harga yang nyata sebanyak 34.8% kepada purata AS$40.81 setong pada tahun 2004. Eksport LNG juga meningkat dengan

Jadual 1.18
Perdagangan Luar Negeri

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM bilion		AS$ bilion	
Eksport kasar (f.o.b)	**397.9**	**480.7**	**104.7**	**126.5**
Perubahan tahunan (%)	11.3	20.8	11.3	20.8
	Perubahan tahunan (%)			
Kuantiti[1]	5.9	16.1	5.9	16.1
Harga[1]	1.1	3.6	1.1	3.6
Import kasar (c.i.f)	**316.5**	**399.6**	**83.3**	**105.2**
Perubahan tahunan (%)	4.4	26.3	4.4	26.3
	Perubahan tahunan (%)			
Kuantiti[1]	-1.0	23.0	-1.0	23.0
Harga[1]	2.2	3.1	2.2	3.1
Imbangan Perdagangan	**81.3**	**81.1**	**21.4**	**21.3**

[1] Kuantiti dan harga untuk 2004 merupakan anggaran.

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

kukuh sebanyak 27.9% kepada RM17.1 bilion, disebabkan oleh jumlah yang lebih tinggi (19.7%) berikutan peningkatan permintaan daripada pembeli tradisi LNG, serta harga yang lebih tinggi (6.8%).

Hasil eksport **pertanian** berjumlah RM36.2 bilion pada tahun 2004, dengan minyak sawit mencakupi bahagian terbesar sebanyak 56% atau RM20.1 bilion. Walaupun harga eksport minyak sawit adalah lebih tinggi, perolehan eksport minyak sawit merosot sebanyak 0.4% pada tahun 2004 disebabkan oleh jumlah eksport yang lebih rendah (-5.6%). Permintaan terjejas akibat pengurangan import yang ketara oleh India (-44%) dan Pakistan (-24.2%) disebabkan oleh pengeluaran minyak bijirin di negara-negara tersebut yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pembelian negara pengimport utama yang lain, iaitu RR China dan Kesatuan Eropah, yang mencakupi hampir 40% daripada eksport minyak sawit meningkat, masing-masing sebanyak 13% dan 12.6%. Eksport getah menunjukkan prestasi yang kukuh untuk tahun kedua berturut-turut dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 45.1% (2003: 43.8%). Ini disebabkan oleh kenaikan harga (24.3%) dan jumlah eksport (16.7%) berikutan peningkatan import yang nyata oleh RR China dan Kesatuan Eropah (masing-masing sebanyak 39.2% dan 15.6%).

Pertumbuhan **import kasar** sebanyak 26.3% mencerminkan pengeluaran dan eksport barangan perkilangan yang lebih tinggi, serta perbelanjaan pengguna dan pelaburan dalam negeri yang lebih kukuh. Import barangan pengantara dan modal meningkat dengan lebih tinggi. Kenaikan dalam import barangan pengantara adalah terutamanya untuk menyokong pengeluaran perkilangan yang lebih tinggi, manakala peningkatan import barangan modal pula mencerminkan aktiviti

Jadual 1.19
Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir

	2004*a*		
	RM juta	Perubahan tahunan (%)	% bahagian
Barangan modal	**55,545**	**36.1**	**13.9**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	49,094	28.4	12.3
Alat jentera dan perkakas perindustrian	*13,219*	*36.2*	*3.3*
Alat kelengkapan pejabat	*9,139*	*78.0*	*2.3*
Alat kelengkapan telekomunikasi	*6,957*	*37.8*	*1.7*
Alat kelengkapan pengangkutan	6,451	151.0	1.6
Barangan pengantara	**287,223**	**22.0**	**71.9**
Makanan dan minuman, terutama untuk perindustrian	8,842	52.9	2.2
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	91,138	38.9	22.8
Logam dan barangan logam	*27,568*	*50.1*	*6.9*
Bahan kimia	*10,648*	*44.1*	*2.7*
Bahan api dan pelincir	19,322	41.8	4.8
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	158,848	10.5	39.7
Elektronik	*102,949*	*8.0*	*25.8*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan telekomunikasi	*7,434*	*8.2*	*1.9*
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	9,073	35.0	2.3
Barangan penggunaan	**23,234**	**24.1**	**5.8**
Makanan dan minuman, terutama untuk penggunaan isi rumah	8,926	31.3	2.2
Alat kelengkapan pengangkutan, bukan perindustrian	334	-6.7	0.1
Barangan pengguna, t.s.t.l.	13,974	20.8	3.5
Barangan pengguna tahan lama	*3,119*	*20.8*	*0.8*
Barangan pengguna separa tahan lama	*4,671*	*18.2*	*1.2*
Barangan pengguna tidak tahan lama	*6,184*	*22.9*	*1.5*
Barangan dwiguna	**9,310**	**39.8**	**2.3**
Minyak motor	4,743	59.1	1.2
Kereta penumpang	4,567	24.1	1.1
Lain-lain	**7,110**	**10.8**	**1.8**
Eksport semula	**17,226**	**102.9**	**4.3**
Import Kasar	**399,648**	**26.3**	**100.0**

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.
t.s.t.l. Tidak disenarai di tempat lain.
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan keyakinan pengguna yang bertambah baik mendorong pertumbuhan dalam import barangan penggunaan.

Import **barangan pengantara** berkembang dengan kukuh sebanyak 22%. Komponen seperti alat ganti dan aksesori industri elektronik berkembang dengan kukuh, dengan trend ke arah pengimportan dari negara pengeluar berkos lebih rendah, khususnya Thailand, Indonesia dan RR China. Sejajar dengan permintaan negara serantau yang lebih tinggi terhadap barangan logam dan barangan berasaskan sumber, peningkatan ketara dicatat dalam bekalan perindustrian, iaitu bahan-bahan binaan, logam dan bahan kimia. Import barangan pengantara yang berkaitan dengan barangan perkilangan untuk pasaran dalam negeri, turut mencatat pertumbuhan. Pertumbuhan dalam industri pemasangan kenderaan, ekoran daripada permintaan kukuh terhadap kereta penumpang, telah menyebabkan import alat-alat ganti dan aksesori meningkat. Sejajar dengan perbelanjaan pengguna yang mapan terhadap makanan dan minuman, import bahan mentah dan yang diproses, yang digunakan dalam industri makanan dan minuman mencatat pertumbuhan kukuh.

Import **barangan modal** meningkat dengan ketara sebanyak 36.1% berikutan peningkatan yang kukuh dalam pelaburan. Pertumbuhan ini adalah hasil daripada pengembangan kapasiti dan peningkatan teknologi dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, perkapalan dan penerbangan. Pelaburan dalam jentera dan alat kelengkapan dalam sektor perkilangan, khususnya dalam bidang pertumbuhan baru seperti bahan kimia, logam yang direka dan keluaran elektrik dan elektronik bertahap lebih tinggi bertambah kukuh. Pengembangan infrastruktur rangkaian serta pengenalan produk dan teknologi baru oleh syarikat telekomunikasi turut menyebabkan import alat kelengkapan telekomunikasi mencatat pertumbuhan yang kukuh. Import alat kelengkapan pejabat kekal kukuh disebabkan syarikat dalam industri perkhidmatan mempertingkatkan perkhidmatan penghantaran mereka dengan meningkatkan tahap infrastruktur dalam teknologi maklumat. Pengembangan kapasiti dalam sektor penjanaan kuasa menyebabkan pertumbuhan import yang kukuh bagi penjana, turbin dan motor elektrik. Permintaan luar negeri yang kukuh terhadap eksport komoditi serta penambahan bilangan kapal dan pesawat udara untuk memenuhi permintaan pasaran baru menyebabkan peningkatan pembelian kapal dan pesawat udara.

Sejajar dengan penggunaan swasta yang lebih tinggi, import **barangan penggunaan** meningkat 24.1%. Pertumbuhan import makanan dan minuman, barangan elektrik, perabot, pakaian dan kasut, barangan keperluan isi rumah, dan ubat adalah tinggi. Walau bagaimanapun, bahagian import barangan penggunaan kepada jumlah import kekal rendah, mencakupi hanya 5.8% daripada jumlah import.

Satu perkembangan yang ketara ialah pertumbuhan yang amat nyata sebanyak 102.9% dalam import barangan untuk **dieksport semula**, hasil daripada aktiviti pembungkusan dan pemasangan di zon komersial bebas. Import tersebut, terutamanya barangan elektrik dan elektronik, alat kelengkapan telekomunikasi serta keluaran besi dan keluli, dieksport semula terutamanya ke Singapura, Thailand dan Hong Kong China.

Perdagangan Malaysia dengan negara serantau yang lain di Asia Timur (tidak termasuk Jepun) telah meningkat sejak beberapa tahun yang lepas dan kini perdagangan dengan rantau ini mencakupi 45.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia (1995: 35.9%). Usaha untuk mempelbagaikan perdagangan dengan pasaran bukan tradisi seperti Asia Barat, Eropah Timur dan Asia Selatan telah menampakkan kemajuan. Indeks kepelbagaian pasaran yang diukur dengan indeks *Herfindahl-Hirschmann* yang dinormalkan bertambah baik pada tahun 2004. Indeks bagi eksport dan import menurun daripada 0.15 pada tahun 2003 kepada 0.14 pada tahun 2004, dengan itu menunjukkan kepelbagaian yang kian meningkat.

Graf 1.39
Indeks Kepelbagaian Eksport



Indeks kepelbagaian eksport ialah indeks Herfindahl-Hirschmann yang telah diubahsuai. Ia telah dinormalkan untuk mendapatkan indeks dalam lingkungan 0 hingga 1. Indeks yang lebih rendah menunjukkan tahap kepelbagaian yang lebih tinggi.

AS kekal sebagai rakan dagangan Malaysia yang terbesar dengan bahagian pasaran sebanyak 16.8% (2003: 17.7%) dan menyumbang kepada lebihan perdagangan yang lebih besar sebanyak RM32.4 bilion. Lebihan tersebut disumbang oleh eksport keluaran elektrik dan eletronik yang lebih tinggi, khususnya, litar bersepadu, alat-alat ganti mesin memproses data dan komponen komputer, getah, peralatan optik dan saintifik, perabot dan keluaran petroleum. AS merupakan sumber import yang kedua terbesar untuk Malaysia, dengan import terdiri terutamanya daripada input pengantaraan seperti separa konduktor dan alat ganti mesin pejabat yang digunakan dalam industri elektrik dan elektronik, peralatan optik dan perubatan, dan pesawat udara.

Walaupun bahagian pasaran perdagangan menurun kepada 13.2% (2003: 13.9%), **Singapura** mengekalkan kedudukan sebagai rakan dagangan Malaysia yang kedua terbesar. Eksport barangan elektrik dan elektronik kekal sebagai sumber eksport terbesar dengan perolehan sebanyak RM40.9 bilion atau 56.6% daripada jumlah eksport ke Singapura. Eksport lain yang mencatat pertumbuhan kukuh termasuk keluaran petroleum yang ditapis, keluaran logam, bahan kimia dan alat kelengkapan pengangkutan, khususnya, pelantar penggerudian terapung dan tenggelam untuk aktiviti penerokaan minyak dan gas. Dari segi import, Singapura merupakan sumber import ketiga terbesar bagi Malaysia. Import dari Singapura kebanyakannya ialah alat ganti mesin pejabat, komputer dan komponen, bahan kimia dan peralatan optik dan saintifik.

Jepun mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagangan Malaysia yang ketiga terbesar walaupun bahagian pasaran daripada jumlah perdagangan menurun kepada 12.7%. Pertumbuhan eksport sebanyak 14.2% disokong oleh eksport jentera elektrik, keluaran kayu, bahan kimia, peralatan optik dan saintifik, keluaran logam dan barangan plastik. Meskipun nilai yen naik, import berkembang sebanyak 17.9%, mencerminkan permintaan tidak anjal terhadap jentera, jentera elektrik dan alat kelengkapan pengangkutan. Kesannya, defisit perdagangan meningkat kepada RM15.1 bilion (2003: -RM11.5 bilion).

Jadual 1.20
Haluan Perdagangan Luar Negeri

	2004*a*				
	Eksport		Import		Imbangan Perdagangan
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta
Negara-negara ASEAN	**120,601**	**25.1**	**95,729**	**24.0**	**24,872**
Singapura	72,176	15.0	44,437	11.1	27,740
Thailand	22,954	4.8	21,992	5.5	962
Indonesia	11,677	2.4	15,936	4.0	-4,259
Filipina	7,362	1.5	10,667	2.7	-3,305
Negara ASEAN lain	6,431	1.3	2,697	0.7	3,735
Negara-negara Timur Laut Asia Terpilih	**93,430**	**19.4**	**91,603**	**22.9**	**1,828**
Republik Rakyat China	32,143	6.7	39,279	9.8	-7,135
Hong Kong China	28,686	6.0	10,850	2.7	17,835
China Taipei	15,763	3.3	21,630	5.4	-5,867
Korea	16,839	3.5	19,843	5.0	-3,005
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**60,374**	**12.6**	**47,930**	**12.0**	**12,444**
United Kingdom	10,556	2.2	6,640	1.7	3,916
Jerman	10,485	2.2	17,798	4.5	-7,313
Belanda	15,752	3.3	3,434	0.9	12,318
Negara EU lain	23,581	4.9	20,058	5.0	3,523
Amerika Syarikat	90,181	18.8	57,752	14.5	32,429
Jepun	48,552	10.1	63,693	15.9	-15,141
India	11,410	2.4	4,897	1.2	6,513
Australia	15,783	3.3	6,793	1.7	8,990
Negara lain di dunia	40,389	8.4	31,252	7.8	9,137
Jumlah	**480,722**	**100.0**	**399,648**	**100.0**	**81,073**

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.
[1] Termasuk 10 negara anggota baru.
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Graf 1.40

Destinasi Eksport (% bahagian): 1995



[1] ASEAN tidak termasuk Singapura
[2] Hong Kong China, Korea dan China Taipei

Destinasi Eksport (% bahagian): 2004



[1] ASEAN tidak termasuk Singapura
[2] Hong Kong China, Korea dan China Taipei
[3] Termasuk 10 negara anggota baru

Jumlah perdagangan dengan **Kesatuan Eropah** yang telah diperkembangkan meningkat 23.6% untuk mencakup bahagian sebanyak 12.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Ini mencerminkan prestasi ekonomi Kesatuan Eropah yang bertambah baik. Peningkatan yang kukuh dalam perdagangan dengan Belanda, Sepanyol, Itali, Hungary dan Sweden merupakan pendorong kepada pertumbuhan perdagangan. Peningkatan dalam lebihan perdagangan sebanyak RM12.4 bilion (2003: RM12.2 bilion) dengan kumpulan tersebut dicatat terutamanya daripada lebihan perdagangan dengan Belanda (RM12.3 bilion) dan United Kingdom (RM3.9 bilion), manakala perdagangan dengan Jerman dan Sweden masing-masing mencatat defisit sebanyak RM7.3 bilion dan RM2.2 bilion.

Pertumbuhan ekonomi yang mantap menyokong pengembangan perdagangan intrarantau dengan negara-negara Asia Timur dan ASEAN. Faktor yang menyokong pertumbuhan ini ialah rangkaian pengeluaran yang semakin menyeluruh dan rantaian di rantau ini, hasil daripada penempatan syarikat-syarikat ke RR China dan negara-negara ASEAN serta peningkatan aktiviti penggunaan perkhidmatan sumber luar. Perdagangan dengan rantau **Timur Laut Asia** (tidak termasuk Jepun) berkembang sebanyak 26.3% hasil daripada peningkatan pemerolehan input yang lebih murah, yang menyebabkan pertumbuhan import dari negara-negara tersebut melebihi pertumbuhan eksport. Perdagangan dengan RR China meningkat sebanyak 33.7% dan eksport terdiri terutamanya daripada litar bersepadu, alat ganti mesin pejabat, bahan kimia dan minyak sawit. Walau bagaimanapun, pertumbuhan import yang lebih tinggi dari RR China mengakibatkan defisit perdagangan meningkat kepada RM7.1 bilion (2003: -RM1.8 bilion). Malaysia merupakan rakan dagangan RR China yang kelapan terbesar dan merupakan rakan dagangannya yang terbesar di ASEAN. Eksport ke Korea meningkat sebanyak 45.7% disokong oleh permintaan terhadap keluaran berasaskan sumber iaitu bahan kimia, keluaran petroleum, keluaran getah dan gas asli cecair. Corak perdagangan bagi negara-negara **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) adalah serupa, dengan perdagangan berkembang sebanyak 31.9%. Memandangkan pengimport terus memperoleh input dari pengeluar berkos rendah, Malaysia terus mengalami defisit perdagangan dengan Indonesia dan Filipina, sementara lebihan perdagangan dengan Thailand bertambah kecil. Eksport ke negara-negara ASEAN disokong terutamanya oleh eksport keluaran elektrik dan elektronik, dan keluaran berasaskan sumber. Pertumbuhan import yang kukuh dari Thailand dan Indonesia didorong oleh keluaran elektronik, bahan kimia, logam yang diproses, dan keluaran besi dan keluli.

Pada tahun 2004, defisit **akaun perkhidmatan** mengecil kepada RM8.8 bilion atau –2.1% daripada KNK (2003: -RM15 bilion atau -4% daripada KNK). Dasar penggalakan eksport perkhidmatan serta pelaburan dalam infrastruktur industri perkhidmatan telah menjana sumber baru perolehan pertukaran asing,

khususnya daripada pelancongan dan perkhidmatan lain terutamanya perkhidmatan maklumat dan komputer. Ini telah menyumbang kepada defisit akaun perkhidmatan yang bertambah baik.

Perjalanan terus menjadi penyumbang terbesar kepada perolehan perkhidmatan, mencakupi sebanyak 48.9% daripada jumlah perolehan perkhidmatan kasar pada tahun 2004. Perolehan **akaun perjalanan** meningkat sebanyak 38.9% kepada RM31.2 bilion. Prestasi kukuh akaun perjalanan mencerminkan peningkatan ketara dalam bilangan ketibaan pelancong kepada 15.7 juta orang (2003: 10.6 juta orang). Prestasi ekonomi yang kukuh di negara serantau dan hubungan perkhidmatan udara yang lebih baik melalui pertambahan bilangan penerbangan, termasuk penerbangan sewa khas dan tambang pada harga promosi yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan tambang murah, menyebabkan bilangan pelawat meningkat. Pelancong dari Singapura, Thailand, Indonesia dan RR China merupakan sumber pelancong utama dan mencakupi sebanyak 78.8% daripada jumlah ketibaan pelancong. Kempen pemasaran agresif yang disasarkan terutamanya bagi perjalanan cuti musim panas di kalangan pelancong dari Asia Barat, menyebabkan peningkatan sebanyak 57.1% dalam bilangan pelancong tersebut. Pelancong dari pasaran baru muncul Asia seperti Korea dan China Taipei meningkat dengan mendadak, masing-masing sebanyak 97.4% dan 38.3%.

Perolehan pertukaran asing yang lebih tinggi daripada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan juga menyumbang kepada perolehan perjalanan yang lebih tinggi. Perolehan pendidikan daripada penuntut asing di semua peringkat pendidikan (terdiri daripada pendidikan tinggi, menengah dan rendah) meningkat sebanyak 40.5%. Penuntut dari RR China mencakupi lebih kurang 40% daripada jumlah penuntut di institusi pendidikan tinggi swasta, dan selebihnya adalah terutamanya dari negara jiran, khususnya Indonesia dan India. Sementara itu, perolehan perkhidmatan penjagaan kesihatan bertambah baik disebabkan terutamanya oleh peningkatan bilangan pesakit asing kepada 174,289 pada tahun 2004 (2003: 102,946 pesakit asing). Sebahagian besar daripada pesakit asing adalah dari negara ASEAN, yang mencakupi sebanyak 81.8% daripada jumlah pesakit asing.

Dari segi pembayaran, perbelanjaan perjalanan ke luar negeri adalah lebih tinggi dengan meningkat sebanyak

Perolehan pelancongan yang lebih tinggi serta perolehan perkhidmatan komputer dan maklumat yang bertambah baik telah menyumbang kepada defisit perkhidmatan yang lebih rendah. Keuntungan dan dividen yang terakru bagi syarikat-syarikat Malaysia di luar negeri juga terus meningkat.

Graf 1.41
Ketibaan Pelancong dan Perolehan Pelancongan



a Awalan
Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

Jadual 1.21
Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan

	2003	2004*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	–	Bersih
Akaun Perkhidmatan				
Pengangkutan	-13.3	12.0	29.8	-17.8
Perjalanan	11.6	31.2	11.8	19.4
Perkhidmatan lain	-13.0	20.1	29.8	-9.7
Perkhidmatan Kerajaan	-0.3	0.4	1.1	-0.7
RM bilion	**-15.0**	**63.7**	**72.5**	**-8.8**
AS$ bilion	**-4.0**	**16.8**	**19.1**	**-2.3**
% daripada KNK	-4.0			-2.1
Akaun Pendapatan				
Pampasan pekerja	-1.0	2.6	3.8	-1.1
Pendapatan pelaburan	-21.6	12.7	36.0	-23.3
RM bilion	**-22.5**	**15.3**	**39.8**	**-24.5**
AS$ bilion	**-5.9**	**4.0**	**10.5**	**-6.4**
% daripada KNK	-6.1			-5.8

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.
a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Graf 1.42
2004: Komponen Perolehan Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



Graf 1.43
2004: Komponen Pembayaran Kasar Akaun Perkhidmatan (% bahagian)



8.7% kepada RM11.8 bilion, disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi, peningkatan aktiviti perniagaan di luar negeri dan prospek ekonomi yang bertambah baik. Pembayaran untuk perjalanan ke bandar-bandar di sempadan negara meningkat dengan mendadak sebanyak 108.6% kepada RM2.4 bilion. Aliran keluar untuk pendidikan meningkat sebanyak 16.7% disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yuran tuisyen dan perbelanjaan harian yang lebih tinggi akibat peningkatan nilai dolar Australia, sterling paun dan dolar Singapura berbanding dengan ringgit.

Faktor lain yang menyumbang kepada pengurangan dalam defisit akaun perkhidmatan ialah aliran keluar bersih **akaun perkhidmatan lain** yang lebih rendah sebanyak RM9.7 bilion, disebabkan terutamanya oleh perolehan perkhidmatan maklumat dan komputer yang lebih tinggi. Penubuhan pusat serantau bagi pembangunan produk ICT, menyediakan perkhidmatan sokongan rangkaian kumpulan serantau serta penggunaan perkhidmatan sumber luar bagi proses perniagaan dan perkhidmatan perkongsian, telah mendorong pertumbuhan eksport perkhidmatan maklumat dan komputer. Sebaliknya, pembayaran royalti dan yuran lesen adalah lebih besar mencerminkan penggunaan harta intelek dalam bidang berkaitan multimedia, komunikasi dan perniagaan runcit. Sejumlah besar daripada pembayaran royalti dan yuran lesen dibayar kepada Amerika Syarikat dan Jepun. Pembayaran yang lebih tinggi juga dicatat untuk import perkhidmatan pembinaan bagi projek-projek jana kuasa serta penerokaan minyak dan gas. Pembayaran kepada pembekal perkhidmatan asing dalam bidang yang berkaitan dengan perkhidmatan komunikasi dan multimedia juga meningkat seiring dengan permintaan yang kukuh.

Pengembangan dalam perdagangan luaran yang kukuh serta caj pengangkutan yang lebih tinggi oleh syarikat perkapalan antarabangsa yang disebabkan oleh kapasiti yang agak ketat telah menyebabkan **akaun pengangkutan** mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar, iaitu sebanyak RM17.8 bilion (2003: -RM13.3 bilion). Pembayaran kasar yang lebih tinggi diimbangi sebahagiannya oleh perolehan yang lebih baik daripada perkhidmatan kargo dan penumpang yang disediakan oleh syarikat perkapalan dan penerbangan tempatan yang utama. Pengembangan kapasiti oleh syarikat perkapalan dan penerbangan serta jumlah pemunggahan kargo antara kapal yang meningkat turut menyumbang kepada perolehan yang lebih tinggi.

Defisit **akaun pendapatan** meningkat kepada RM24.5 bilion atau -5.8% daripada KNK pada tahun 2004, terutamanya akibat keuntungan dan dividen terakru yang lebih tinggi bagi pelabur langsung asing. Pendapatan terakru yang lebih tinggi bagi pelabur langsung asing disebabkan terutamanya oleh prestasi eksport yang lebih baik bagi industri elektrik dan elektronik serta sektor minyak dan gas yang disokong oleh peningkatan harga minyak. Walau bagaimanapun, aliran keluar sebenar adalah lebih rendah memandangkan sebahagian besar daripada keuntungan kekal dalam negara untuk dilaburkan semula. Sementara itu, pendapatan terakru pelabur-pelabur portfolio mencatat aliran keluar yang lebih besar sejajar dengan pembayaran dividen yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Keuntungan dan dividen terakru bagi syarikat-syarikat Malaysia daripada pelaburan mereka di luar negeri

terus meningkat kepada RM3.6 bilion (2003: RM2 bilion). Perolehan ini adalah terutamanya daripada sektor minyak dan gas serta sektor perkhidmatan. Buat dua tahun berturut-turut, pendapatan daripada pelaburan lain mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM2.6 bilion, mencerminkan hasil rizab luaran yang lebih besar manakala pembayaran faedah hutang luar negeri terus menurun.

Aliran keluar bersih **akaun pindahan semasa** meningkat dengan ketara kepada RM14.6 bilion (2003: -RM9.3 bilion). Peningkatan dalam pembayaran pindahan semasa kepada RM16.3 bilion mencerminkan terutamanya penghantaran pulang wang sekali gus untuk satu kali sahaja oleh 309,248 pekerja asing tanpa izin yang pulang ke negara asal mereka di bawah Program Pengampunan dari bulan Oktober 2004 hingga akhir bulan Disember 2004. Pengiriman wang yang berkala oleh bilangan pekerja asing berdaftar yang lebih besar, yang bekerja terutamanya dalam sektor perkilangan dan pertanian, turut menyumbang kepada aliran keluar bersih yang lebih besar.

Akaun Kewangan

Akaun kewangan bertukar arah pada tahun 2004, dengan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM15.4 bilion (2003: -RM12.1 bilion). Perubahan yang ketara ini disebabkan terutamanya oleh aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio yang lebih tinggi ekoran pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dan perolehan korporat yang bertambah baik. Pelaburan lain mencatat aliran keluar yang lebih besar disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman luar negeri bersih oleh sektor awam bagi dua tahun berturut-turut dan aliran keluar pelaburan sektor swasta lain yang lebih tinggi.

Berasaskan aliran masuk kasar, **pelaburan langsung asing** (FDI) di Malaysia meningkat kepada RM24.8 bilion (2003: RM19.9 bilion) atau 5.9% daripada KNK, mencerminkan aliran yang menyeluruh ke kesemua sektor utama, iaitu sektor perkhidmatan, perkilangan serta minyak dan gas. Sebahagian besar daripada FDI kekal dalam bentuk perolehan tertahan. Aliran masuk ekuiti baru juga adalah lebih tinggi. Setelah mengambil kira likuidasi syarikat dan pembayaran balik pinjaman kepada syarikat induk di luar negeri, FDI bersih meningkat kepada RM17.9 bilion (2003: RM9.4 bilion).

Sektor perkhidmatan terus menjadi penerima utama aliran FDI baru, khususnya dalam bidang pertumbuhan baru seperti perniagaan sokongan dan perkhidmatan perkongsian, selaras dengan dasar Kerajaan yang cenderung ke arah liberalisasi dan penyahkawalseliaan. Subsektor perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan serta perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran mencatat aliran masuk yang ketara. Dalam subsektor perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan, terdapat pelaburan baru dalam sektor perbankan berikutan pemberian lesen perbankan Islam kepada tiga bank asing. Dengan insentif fiskal yang menarik dan infrastruktur yang baik, subsektor tersebut turut memperlihatkan kemunculan aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan sumber luar. Aktiviti-aktiviti tersebut telah mempercepat pembangunan rantaian tambah nilai untuk menyokong operasi syarikat multinasional (MNC) di Malaysia dan rantau Asia. Pada tahun 2004, beberapa MNC menubuhkan atau memperkembangkan pusat operasi serantau atau global mereka untuk aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan sumber luar di Malaysia. Sementara itu, operasi sokongan dan pusat panggilan berkaitan teknologi maklumat yang ditubuhkan oleh beberapa bank asing terus berkembang, dengan membentuk rantaian yang merentasi segmen yang berlainan dalam sektor perkhidmatan. Kelebihan daya saing Malaysia dalam aktiviti perkhidmatan perkongsian dicerminkan oleh Indeks *A.T. Kearney 2004 Offshore Location Attractiveness* yang meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang ketiga paling menarik bagi perkhidmatan perkongsian dan perkhidmatan sumber luar. Ini disahkan oleh peningkatan bilangan kemudahan antarabangsa dan serantau di Malaysia pada tahun 2004. Pada tahun tersebut, terdapat

Jadual 1.22
Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM bilion		AS$ bilion	
Akaun Kewangan	**-12.1**	**15.4**	**-3.2**	**4.0**
Pelaburan Langsung	**4.2**	**10.8**	**1.1**	**2.8**
Di Malaysia	9.4	17.9	2.5	4.7
Di luar negeri	-5.2	-7.1	-1.4	-1.9
Pelaburan Portfolio	**4.2**	**33.1**	**1.1**	**8.7**
Pelaburan Lain	**-20.5**	**-28.6**	**-5.4**	**-7.5**
Sektor awam	-11.2	-1.1	-2.9	-0.3
antaranya:				
Kerajaan Persekutuan (bersih)	-3.7	0.1	-1.0	...
Pinjaman kasar	3.1	1.1	0.8	0.3
Pembayaran balik	-6.9	-1.0	-1.8	-0.3
PABK (bersih)	-7.3	-1.3	-1.9	-0.3
Pinjaman kasar	5.1	11.4	1.4	3.0
Pembayaran balik	-12.4	-12.7	-3.3	-3.3
Sektor swasta	-9.3	-27.4	-2.4	-7.2

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.
... Terlalu kecil
a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

peningkatan sebanyak 6% bagi kemudahan antarabangsa dan serantau yang diluluskan di Malaysia, iaitu berjumlah 233, dengan 16 merupakan operasi ibu pejabat (OHQ), 193 pejabat perwakilan dan serantau, 21 pusat pemerolehan antarabangsa (IPC) dan tiga pusat pengagihan serantau (RDC). Bagi subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, sebahagian besar daripada pelaburan asing digunakan untuk penubuhan dan pengembangan pasar raya besar dan juga hotel baru, sebagai tindak balas terhadap kemewahan rakyat Malaysia yang semakin meningkat dan pertumbuhan pesat industri pelancongan.

Memandangkan kehadiran MNC dalam sektor perkilangan yang sudah sekian lama dan meluas, pelaburan sektor ini terus dibiayai terutamanya oleh perolehan tertahan, khususnya dalam industri elektrik dan elektronik, industri berkaitan petroleum dan kimia, dan industri peralatan mesin. Pelaburan asing dalam sektor perkilangan adalah terutamanya untuk penambahbaikan peralatan dan teknologi serta membentuk rangkaian produk dan kapasiti baru. Sementara itu, dalam sektor minyak dan gas, pelaburan dalam aktiviti huluan terus memberangsangkan berikutan penemuan baru medan minyak di luar pesisir Malaysia Timur baru-baru ini. Syarikat minyak negara serta rakan-rakan kongsi asing juga terlibat secara aktif dalam penerokaan minyak laut dalam. Pelaburan sektor ini juga didorong oleh permintaan global dan harga minyak yang lebih tinggi sepanjang tahun. Dengan pengembangan sektor perkhidmatan, perkilangan serta minyak dan gas, peluasan dan pendalaman aliran FDI mempertingkatkan lagi kapasiti, teknologi dan asas kemahiran bagi membolehkan negara ini untuk terus meningkat dalam rantaian tambah nilai.

Pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM7.1 bilion pada tahun 2004 (2003: -RM5.2 bilion). Peningkatan pelaburan luar negeri dalam jumlah yang besar ini mencerminkan strategi syarikat-syarikat untuk mengembangkan operasi mereka secara global. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan keupayaan sinergi dalam operasi teras syarikat tersebut di Malaysia serta merebut peluang perniagaan yang sedia ada di luar negeri. Kebanyakan daripada pelaburan ini dilaksanakan melalui pengambilalihan dan jalinan usaha sama dengan beberapa pelaburan baru *('greenfield')*. Pelaburan luar negeri diterajui oleh beberapa syarikat Malaysia yang besar dan sudah lama bertapak dalam sektor minyak dan gas dan perkhidmatan, diikuti oleh syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan, pertanian dan pembinaan. Dari segi lokasi, pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia adalah meluas, dengan pelaburan disalurkan ke merata-rata bahagian dunia termasuk Afrika, ASEAN, Asia Selatan, Eropah dan Amerika Syarikat.

Pelaburan ke luar negeri dalam sektor minyak dan gas kekal besar, terutamanya bagi aktiviti huluan, iaitu penerokaan dan cari gali minyak berikutan penemuan medan minyak yang baru serta kejayaan syarikat minyak negara menjalinkan perkongsian usaha sama dengan beberapa syarikat minyak negara asing bagi aktiviti penerokaan minyak dan gas. Sebahagian besar pelaburan ini tertumpu pada medan minyak besar yang belum diterokai di Afrika dan negara-negara ASEAN. Pelaburan luar negeri dalam sektor perkhidmatan juga menyeluruh, dengan sebahagian besar pelaburan disalurkan kepada subsektor utiliti dan perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan. Syarikat tempatan dalam sektor perkilangan turut melabur di luar negeri, mencontohi corak operasi MNC dengan menubuhkan anak syarikat atau menjalinkan usaha sama dengan syarikat rakan kongsi mereka dari negara-negara baru muncul supaya dapat memindahkan operasi yang berintensif buruh ke luar negeri atau untuk mendekati para pembekal dan pelanggan. Sebahagian besar pelaburan ini adalah untuk pembuatan keluaran logam direka, mesin dan peralatan (termasuk barangan elektrik dan elektronik), minyak sawit, kayu serta keluaran kayu termasuk perabot.

Pelaburan luar negeri yang berasaskan pertanian disalurkan terutamanya ke ladang kelapa sawit di Indonesia dan Afrika Selatan. Pelaburan luar negeri oleh syarikat pembinaan juga meningkat pada tahun 2004. Beberapa syarikat pembinaan dan kejuruteraan yang

Akaun kewangan bertukar arah dengan mencatat aliran masuk bersih pada tahun 2004. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio yang lebih tinggi ekoran pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh dan perolehan korporat yang bertambah baik.

besar dan maju telah menggunakan kepakaran dan pengalaman mereka dalam kejuruteraan awam dan pembangunan harta tanah untuk mendapatkan banyak kontrak pembinaan di India, RR China, Sri Lanka, Afrika dan Asia Barat. Sebagai mencerminkan kejayaan syarikat-syarikat Malaysia dalam pelaburan di luar negeri, jumlah keuntungan dan dividen terakru bersih bagi syarikat-syarikat yang melabur di luar negeri meningkat lagi kepada RM3.6 bilion pada tahun 2004 (2003: RM2 bilion).

Pelaburan portfolio mencatat peningkatan aliran masuk bersih yang ketara sebanyak RM33.1 bilion pada tahun 2004 (2003: RM4.2 bilion), mencerminkan aliran masuk ke pasaran ekuiti dan juga pasaran hutang yang lebih tinggi. Aliran dana portfolio meningkat secara stabil dengan pengurus dana institusi antarabangsa meningkatkan penglibatan strategik jangka sederhana dan jangka panjang mereka di Malaysia, sejajar dengan peningkatan penarafan berdaulat, prospek ekonomi yang positif, prospek pendapatan syarikat Malaysia yang bertambah baik dan jangkaan kemungkinan penjajaran semula pertukaran mata wang di rantau Asia.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM28.6 bilion (2003: -RM20.5 bilion), mencerminkan pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh sektor awam serta aliran keluar jangka pendek sektor swasta yang lebih tinggi. **Sektor awam** mencatat pembayaran balik bersih pinjaman hutang luar negeri bagi dua tahun berturut-turut dengan jumlah sebanyak RM1.1 bilion pada tahun 2004 (2003: -RM11.2 bilion). Ini mencerminkan terutamanya konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik bersih yang mapan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Pelaburan lain **sektor swasta,** yang terdiri terutamanya daripada peminjaman dan pemberian pinjaman serta penempatan dan pengeluaran deposit oleh sektor perbankan serta urus niaga sektor swasta bukan bank dengan rakan niaga yang tidak ada hubungan dengan syarikat berkenaan, mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM27.4 bilion (2003: -RM9.3 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh kedudukan sektor perbankan yang bertukar arah pada tahun 2004, berikutan penempatan aset di luar negeri yang lebih tinggi. Aliran keluar bersih bagi sektor swasta bukan bank meningkat sedikit, mencerminkan pemberian kredit perdagangan yang kekal besar oleh pengeksport Malaysia, sejajar dengan prestasi perdagangan yang lebih kukuh.

Hutang Luar Negeri

Malaysia terus mengekalkan strategi pengurusan hutang luar negeri yang berhemat. Rangka kerja bagi pengurusan hutang luar negeri berpandukan kepada dasar berhemat dan sistem pemantauan hutang yang cekap. Kelulusan untuk pinjaman luar negeri oleh syarikat-syarikat adalah berdasarkan kriteria yang telus, mengehendaki dana luar digunakan untuk membiayai pelaburan yang produktif dan untuk aktiviti pelaburan yang dapat menjana perolehan pertukaran asing yang mencukupi bagi menjelaskan hutang tersebut. Perlindungan berhemat termasuk usaha meminimumkan pendedahan risiko terhadap kejutan kadar faedah global, pergerakan kadar pertukaran yang merugikan dan perubahan sentimen pelabur. Sementara itu, sistem pemantauan hutang membolehkan pihak berkuasa memantau paras hutang keseluruhan, struktur hutang serta obligasi menjelaskan bayaran hutang oleh sektor awam dan swasta. Garis panduan ini berkesan bagi memastikan hutang luar negeri berada pada paras berhemat dengan profil hutang cenderung kepada struktur tempoh matang yang lebih panjang. Secara keseluruhan, pendekatan pengurusan hutang luar negeri yang berhemat telah membantu negara mengukuhkan asas ekonomi dan mengurangkan kedudukan mudah terjejas akibat kejutan luar.

Hutang luar negeri kekal pada paras berhemat dengan profil hutang cenderung kepada struktur tempoh matang yang lebih panjang. Sektor awam terus mencatat pembayaran balik bersih. Pengambilan pinjaman yang lebih rendah dalam suasana pembayaran balik yang lebih tinggi telah menghasilkan peminjaman bersih yang kecil oleh sektor swasta.

Pada tahun 2004, jumlah hutang luar negeri terkumpul meningkat 5.7% kepada RM197.3 bilion (AS$51.9 bilion). Meskipun jumlah hutang luar negeri adalah lebih tinggi, nisbah hutang luar negeri kepada KNK dan export barangan dan perkhidmatan terus bertambah baik, masing-masing pada 46.6% dan 35.2% (2003: masing-masing 50.2% dan 40.3%). Peningkatan dalam hutang luar negeri mencerminkan terutamanya pengumpulan hutang luar negeri jangka

Jadual 1.23
Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta	RM juta	AS$ juta	AS$ juta
Jumlah hutang	**186,640**	**197,321**	**49,116**	**51,927**
Jangka sederhana dan panjang	152,950	154,298	40,250	40,605
Jangka pendek[1]	33,690	43,023	8,866	11,322
% daripada jumlah hutang	*18.1*	*21.8*	*18.1*	*21.8*
% daripada rizab antarabangsa bersih	*19.8*	*17.0*	*19.8*	*17.0*
% daripada KNK				
Jumlah hutang	50.2	46.6	50.2	46.6
Hutang jangka sederhana dan panjang	41.2	36.5	41.2	36.5
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	40.3	35.2	40.3	35.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	33.0	27.5	33.0	27.5
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	**6.2**	**4.3**	**6.2**	**4.3**

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pendek oleh sektor perbankan, hasil aktiviti perlindungan nilai bagi urus niaga yang berkaitan perdagangan serta operasi pasaran wang yang melibatkan aktiviti perbendaharaan. Namun demikian, bahagian hutang jangka pendek daripada jumlah hutang luar negeri kekal rendah, mencakupi 21.8% daripada jumlah hutang luar negeri. Di samping itu, nisbah hutang jangka pendek kepada rizab antarabangsa terus bertambah baik untuk mencakupi hanya 17% daripada rizab antarabangsa (2003: 19.8%). Nisbah khidmat bayaran hutang secara keseluruhan (tidak termasuk prabayaran) menurun kepada 4.3% pada tahun 2004 (2003: 6.2%).

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat sebanyak 0.9% kepada RM154.3 bilion (AS$40.6 bilion) pada akhir tahun 2004. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kerugian penilaian semula pertukaran asing sebanyak RM1.3 bilion berikutan peningkatan nilai mata wang utama berbanding dengan dolar AS. Pada tahun 2004, sektor awam yang terdiri daripada Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK) mencatat pembayaran balik pinjaman bersih yang lebih rendah iaitu sebanyak RM1.2 bilion (2003: -RM11 bilion). Sebaliknya, peminjaman kasar sektor swasta adalah lebih rendah pada tahun 2004, sementara pembayaran balik hutang luar negeri meningkat. Ini mengakibatkan peminjaman bersih yang lebih rendah sebanyak RM1.6 bilion (2003: RM3.9 bilion).

Sebahagian besar hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang kekal dalam sebutan dolar AS, iaitu mencakupi 77% daripada jumlah keseluruhan hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang pada akhir tahun 2004. Sementara itu, bahagian hutang dalam sebutan yen menurun sedikit kepada 12.5% (2003: 13%) disebabkan sebahagiannya oleh penyelesaian satu bon dalam sebutan yen oleh sebuah PABK. Sementara bahagian hutang dalam sebutan euro stabil pada 5.2%, baki 5.3% daripada hutang luar negeri adalah disebut

Graf 1.44a
Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin.

a Awalan

Graf 1.44b
Khidmat Bayaran Hutang



a Awalan

dalam mata wang antarabangsa lain, termasuk paun sterling, franc Switzerland dan dolar Singapura.

Hutang luar negeri terkumpul **sektor awam** berkurang sedikit kepada RM96.7 bilion (AS$25.4 bilion) pada akhir tahun 2004 (2003: RM96.8 bilion), disebabkan pembayaran balik bersih hutang luar negeri yang lebih daripada mengimbangi kerugian penilaian semula pertukaran asing akibat peningkatan nilai mata wang utama berbanding dolar AS. Oleh itu, bahagian hutang luar negeri sektor awam daripada jumlah hutang luar negeri berkurang kepada 49% (2003: 51.9%). Sementara PABK meningkatkan peminjaman luar negerinya pada tahun 2004, Kerajaan Persekutuan meneruskan amalan berhemat dalam peminjaman luar negeri dan bergantung terutamanya kepada sumber-sumber dalam negeri yang tidak mendorong kepada inflasi bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan.

Hutang luar negeri **Kerajaan Persekutuan** berkurang kepada RM34.7 bilion (AS$9.1 bilion) pada akhir tahun 2004. Ini disebabkan terutamanya oleh pengambilalihan dua hutang luar negeri oleh PABK, yang sebelum ini diambil alih oleh Kerajaan daripada perusahaan awam dan perusahaan yang diswastakan. Mencerminkan strategi pengurusan hutang luar negeri Kerajaan yang berhemat, tiada hutang pasaran baru diperoleh. Pengambilan pinjaman luar negeri oleh Kerajaan adalah lebih rendah pada RM1.1 bilion (2003: RM3.1 bilion). Pengambilan ini diperoleh terutamanya daripada pinjaman yang telah dijanjikan terdahulu di bawah Inisiatif Miyazawa serta pinjaman projek daripada sumber pelbagai hala, seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Islam dan Bank Pembangunan Asia. Sementara itu, pembayaran balik pinjaman hutang luar negeri oleh Kerajaan adalah lebih rendah dengan ketara iaitu berjumlah RM1 bilion (2003: -RM6.9 bilion), mencerminkan terutamanya pembayaran balik pinjaman pokok beberapa pinjaman projek yang terjadual.

Asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan bertambah baik telah menyebabkan beberapa peningkatan penarafan berdaulat pada tahun 2004, dan tebaran kadar faedah ke atas sekuriti tanda aras Malaysia semakin mengecil di sepanjang tahun. Tebaran ke atas Bon Global Malaysia yang matang pada tahun 2011 berbanding dengan Bil Perbendaharaan AS terus mengecil secara konsisten kepada 29 mata asas pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 84 mata asas). Begitu juga, tebaran ke atas Bon Global yang matang pada tahun 2009 berkurang kepada 48 mata asas pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 76 mata asas). Pada tahun 2004, penarafan berdaulat Malaysia telah ditingkatkan lagi oleh beberapa agensi

Graf 1.45
Tebaran Kadar Faedah Bon Global Kerajaan dan Bon Terpilih PABK berbanding dengan Pulangan Bil Perbendaharaan AS



penarafan kredit. Pada 30 Januari 2004, *Rating and Investment Information Inc.* meningkatkan penarafan jangka panjang mata wang asing Malaysia kepada A-, daripada BBB+ dengan memberikan prospek yang stabil. Pada 11 Mei 2004, *Standard & Poor's* telah mengesahkan penarafan jangka panjang kredit mata wang asing Malaysia pada A-. *Fitch International* memberi prospek positif kepada penarafan Malaysia pada 6 April 2004 dan meningkatkan penarafan jangka panjang mata wang asing kepada A- daripada BBB+, dan memberikan prospek yang stabil pada 8 November 2004. Selepas menetapkan prospek bagi penarafan mata wang asing berdaulat Malaysia kepada positif daripada prospek yang stabil pada 6 Februari 2004, *Moody's Investor Services* meningkatkan penarafan tersebut kepada A3 daripada Baa1 pada 16 Disember 2004.

Pada tahun 2004, **PABK** mencatat pembayaran balik bersih yang lebih kecil, iaitu sebanyak RM1.3 bilion (2003: -RM7.3 bilion) kerana peminjaman kasar nyata lebih tinggi (RM11.4 bilion; 2003: RM5.1 bilion). Pembayaran balik pinjaman, termasuk kematangan beberapa bon, adalah dibuat terutamanya oleh PABK dalam sektor minyak dan gas, telekomunikasi dan utiliti. Peminjaman dari luar negeri yang lebih besar adalah terutamanya untuk membiayai pelaburan modal dan pembayaran balik serta prabayaran pinjaman luar negeri. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira pengambilalihan dua hutang luar negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan sedikit kerugian akibat penilaian semula pertukaran asing, jumlah hutang luar negeri terkumpul PABK meningkat sebanyak RM2.5 bilion kepada RM62.1 bilion (AS$16.3 bilion) pada tahun 2004 (2003: RM59.5 bilion atau AS$15.7 bilion).

Hutang luar negeri **sektor swasta** (termasuk hutang jangka pendek) berjumlah RM100.6 bilion (AS$26.5 bilion) pada akhir tahun 2004 (2003: RM89.8 bilion) dan terus mencakupi lebih kurang setengah daripada jumlah hutang luar negeri Malaysia. Jumlah hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang mencatat peminjaman bersih yang lebih rendah sebanyak RM1.6 bilion (2003: RM3.9 bilion), mencerminkan pengambilan yang lebih rendah (-9.5%) manakala pembayaran balik pinjaman adalah lebih tinggi (+9.9%) pada tahun tersebut. Pengambilan pinjaman luar negeri bertujuan terutamanya untuk membiayai perbelanjaan modal dan pembayaran balik pinjaman luar negeri, khususnya oleh sektor perkilangan. Sementara itu, sebahagian besar daripada pembayaran balik pinjaman luar negeri adalah dibuat oleh syarikat-syarikat dari sektor perkilangan dan perladangan. Profil keseluruhan risiko hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang sektor swasta kekal rendah kerana sebahagian besar pinjaman tersebut mempunyai perlindungan nilai semulajadi. Kebanyakan pinjaman tersebut digunakan untuk membiayai aktiviti berorientasikan eksport dan pelaburan luar negeri yang mempunyai hasil dan pendapatan pertukaran asing. Di samping itu, sebahagian besar daripada pinjaman tersebut diperoleh daripada pemegang saham dan syarikat-syarikat induk atau sekutu di luar negeri dengan terma yang lebih fleksibel dan kadar faedah konsesi. Selepas mengambil kira sedikit kerugian penilaian semula pertukaran asing, hutang luar negeri terkumpul sektor swasta meningkat sedikit, iaitu sebanyak 2.6% kepada RM57.6 bilion (AS$15.2 bilion) pada akhir tahun 2004 (2003: RM56.1 bilion).

Hutang luar negeri terkumpul jangka pendek (tempoh matang setahun atau kurang) meningkat sebanyak RM9.3 bilion (AS$2.5 bilion) kepada RM43 bilion (AS$11.3 bilion) pada tahun 2004. Ini mencerminkan peningkatan dalam peminjaman luar negeri jangka pendek oleh sektor perbankan, terutamanya untuk aktiviti perlindungan nilai bagi urus niaga yang berkaitan dengan perdagangan dan aktiviti perbendaharaan. Sementara itu, peminjaman jangka pendek oleh sektor swasta bukan bank, yang terdiri terutamanya daripada kredit pusingan, kemudahan overdraf dan pinjaman bertempoh terus berkurang kepada RM8.1 bilion pada 2004 (2003: RM10.4 bilion). Pengurangan tersebut mencerminkan terutamanya pembayaran balik kemudahan pinjaman tersebut oleh beberapa syarikat besar, khususnya daripada sektor perkilangan.

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terdiri daripada pegangan pertukaran asing dan emas, kedudukan rizab dengan IMF dan milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR). Sepanjang tahun 2004, rizab antarabangsa bersih bertambah kukuh dengan peningkatan sebanyak RM83.1 bilion atau AS$21.9 bilion ke paras tertinggi dalam rekod iaitu RM253.5 bilion atau AS$66.7 bilion pada 31 Disember 2004. Paras rizab terus meningkat kepada RM272.9 bilion (AS$71.8 bilion) pada 28 Februari 2005. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan menampung 6.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Paras rizab yang tinggi ini juga telah meningkatkan ketahanan luaran negara terhadap kemungkinan kejutan ekonomi pada masa akan datang.

Rizab antarabangsa bersih bertambah kukuh dengan mencatat paras tertinggi sebanyak AS$66.7 bilion pada 31 Disember 2004. Ini mencerminkan keteguhan asas ekonomi negara secara keseluruhan, terutamanya prestasi eksport yang lebih teguh serta aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio yang lebih tinggi.

Peningkatan bersih dalam rizab mencerminkan keteguhan keseluruhan asas ekonomi negara. Kenaikan dalam **pegangan pertukaran asing**

Jadual 1.24
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir tahun			Perubahan
	2002	2003	2004	2004
	RM juta			
Milikan SDR	585.0	685.0	765.3	80.3
Kedudukan rizab dengan IMF	3,315.5	3,652.0	3,068.4	-583.6
Emas dan pertukaran wang asing	127,515.1	166,139.3	249,704.1	83,564.8
Rizab Antarabangsa Kasar	**131,415.6**	**170,476.3**	**253,537.8**	**83,061.5**
Tolak Tanggungan luar negeri Bank Negara Malaysia	21.9	23.8	24.5	0.7
Rizab Antarabangsa Bersih	**131,393.7**	**170,452.5**	**253,513.3**	**83,060.8**
Nilai dalam AS$ juta	**34,577.3**	**44,855.9**	**66,714.0**	**21,858.1**
Bulan import tertangguh	5.4	6.6	8.0	
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.1	5.1	5.9	

Graf 1.46
Rizab Antarabangsa Bersih (akhir bulan)



adalah disebabkan oleh prestasi eksport yang lebih teguh serta aliran masuk pelaburan langsung asing dan dana portfolio yang lebih tinggi. Yang paling ketara, peningkatan rizab berlaku ketika aliran keluar yang lebih besar sepanjang tahun 2004. Pembayaran import barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi, serta penghantaran balik keuntungan dan dividen yang lebih besar mencerminkan pertumbuhan yang kukuh aktiviti ekonomi dalam negeri. Pelaburan luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia juga lebih tinggi, mencerminkan minat yang semakin meningkat di kalangan syarikat Malaysia untuk mempelbagaikan aktiviti di luar negeri. Sementara itu, pembayaran balik hutang luar negeri oleh sektor awam terus mengatasi pengambilan pinjaman luar negeri.

Komposisi mata wang yang pelbagai dalam rizab menghasilkan keuntungan penilaian semula pertukaran asing bersih berjumlah AS$2.1 bilion (2003: AS$3.1 bilion), berikutan pelarasan suku tahunan terhadap rizab. Keuntungan penilaian semula pada suku ketiga dan keempat disebabkan terutamanya oleh tambah nilai mata wang utama berbanding dolar AS adalah lebih daripada mengimbangi kerugian penilaian semula yang dialami pada suku pertama dan kedua apabila nilai mata wang utama susut nilai berbanding dolar AS.

Dalam pengurusan rizab, Bank Negara Malaysia mengguna pakai satu pendekatan berhemat untuk mencapai objektif bagi memastikan pemuliharaan modal dan kecairan rizab di samping mengoptimumkan pulangan. Rizab dipegang dalam bentuk deposit mata wang asing atau dalam bentuk kertas berdaulat dan kuasi-berdaulat yang mempunyai gred pelaburan yang tinggi.

Mencerminkan kedudukan imbangan pembayaran Malaysia yang kukuh, Malaysia telah dimasukkan ke dalam Bajet Operasi IMF dengan menyediakan sumber kepada negara-negara ahli yang berhadapan dengan masalah imbangan pembayaran jangka pendek. Namun begitu, **kedudukan rizab dengan IMF** menurun sebanyak RM583.6 juta pada tahun 2004, disebabkan terutamanya oleh pembelian semula bersih sebanyak SDR86.4 juta (RM485.5 juta) berikutan pembayaran balik ke akaun ringgit oleh beberapa negara ahli IMF di bawah pengaturan Bajet Operasi dan kematangan pelaburan dengan *Enhanced Structural Adjustment Facility Trust (ESAF)* berjumlah SDR40 juta (RM224.1 juta). Sementara itu, pegangan rizab Malaysia dalam bentuk milikan **SDR** meningkat sebanyak RM80.3 juta, mencerminkan perolehan bersih imbuhan yang diterima daripada IMF hasil daripada kedudukan Malaysia sebagai pemiutang bersih dengan IMF dan sedikit keuntungan daripada penilaian semula pertukaran atas milikan SDR.

Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia kekal boleh digunakan sepenuhnya dan tidak dibebani oleh apa-apa obligasi. Rizab tersebut tidak mengandungi pinjaman dalam mata wang asing yang melibatkan opsyen terkandung, dan tidak terdapat saluran kredit tanpa syarat yang belum digunakan, yang diberikan oleh atau kepada bank-bank pusat lain, organisasi antarabangsa, bank-bank dan institusi kewangan lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terlibat dengan opsyen dalam mata wang asing berbanding ringgit.

Bank Negara Malaysia menyiarkan maklumat kedudukan rizab antarabangsa serta penyata aset dan liabiliti sekali bagi setiap dua minggu, dengan lat satu

Jadual 1.25
Rizab Antarabangsa bagi Negara-negara Serantau Terpilih

Negara	Rizab pada akhir tahun 2004 (AS$ bilion)	Rizab dalam bulan import	Rizab sebagai litupan hutang luar negeri jangka pendek[1]	Rizab sebagai litupan jumlah keseluruhan hutang luar negeri[1]
China Taipei	241.7	17.3	3.7	2.9
Hong Kong China	123.6	5.5	0.4	0.3
Indonesia	36.3	9.4	5.4	0.3
Korea	199.1	10.6	3.8	1.2
Malaysia	**66.7**	**8.0**	**5.9**	**1.3**
Filipina	16.0	4.6	2.8	0.3
RR China	609.9	13.0	5.8	2.7
Singapura	112.8	8.3	0.8	0.6
Thailand	49.8	6.3	5.2	1.0

[1] Data hutang luar negeri merujuk kepada baki pada akhir bulan September 2004, kecuali China Taipei (akhir bulan Jun 2004), RR China dan Malaysia (akhir tahun 2004).

Sumber: Pihak Berkuasa Negara; Bank Pembangunan Asia; SDDS, Tabung Kewangan Antarabangsa

minggu. Bank Negara Malaysia juga memenuhi keperluan Piawai Penyebaran Data Khas (SDDS) IMF untuk menyiarkan maklumat terperinci rizab antarabangsa dan mudah tunai mata wang asing pada penghujung setiap bulan dengan lat satu bulan. Rangka data rizab turut meliputi maklumat jangkaan hadapan tentang saiz, komposisi dan kebolehgunaan rizab rasmi dan aset mata wang asing lain, serta aliran keluar masuk pertukaran asing Kerajaan Persekutuan dan Bank Negara Malaysia pada masa hadapan dan potensinya (luar jangka) untuk 12 bulan akan datang.

Aliran Dana

Ekonomi mencatat lebihan sumber yang lebih besar sebanyak RM56.6 bilion atau 13.4% daripada KNK pada tahun 2004 (2003: RM50.8 bilion atau 13.7% daripada KNK). Dari segi imbangan pembayaran, lebihan sumber yang lebih besar ini mencerminkan eksport yang lebih tinggi sebanyak RM545 bilion berbanding dengan import sebanyak RM449.3 bilion. Dari perspektif jurang simpanan-pelaburan negara, lebihan sumber yang lebih besar ini mencerminkan kedudukan simpanan bersih sektor swasta yang lebih tinggi. Aliran dana antara pelbagai sektor ekonomi pada tahun 2003 dan 2004 ditunjukkan dalam Jadual 1.26 dan 1.27.

Lebihan sumber bagi sektor awam adalah lebih rendah, iaitu RM8 bilion pada tahun 2004 (2003: RM17.3 bilion). Lebihan sumber tersebut keseluruhannya mencerminkan lebihan sumber daripada PABK sebanyak RM25.3 bilion, yang membantu mengimbangi jurang sumber sektor kerajaan sebanyak RM17.3 bilion. Lebihan sumber sektor awam yang lebih rendah ini disebabkan oleh pendapatan boleh guna sektor awam yang lebih rendah serta perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Pendapatan boleh guna sektor awam menurun sebanyak 4.4% kepada RM123.8 bilion pada tahun 2004, sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran subsidi oleh Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi bagi mengekalkan kestabilan harga runcit keluaran petroleum berikutan kenaikan harga minyak mentah dunia. Walaupun pelaburan awam menurun ekoran konsolidasi kedudukan fiskal Kerajaan secara beransur-ansur, penggunaan awam meningkat mencerminkan terutamanya perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan serta pembayaran emolumen yang lebih tinggi. Lebihan sumber sektor awam bersama peminjaman daripada sistem perbankan (RM9.8 bilion) dan sektor swasta (RM8.4 bilion), disimpan sebagai deposit (RM25 bilion) dan digunakan untuk pembayaran balik bersih peminjaman asing (RM1.1 bilion).

Lebihan sumber sektor swasta meningkat kepada RM48.6 bilion atau 11.5% daripada KNK pada tahun 2004 berbanding dengan RM33.5 bilion atau 9% daripada KNK pada tahun 2003. Dengan pengukuhan aktiviti dalam negeri yang berterusan dan keadaan sektor luar negeri yang bertambah baik, pendapatan boleh guna sektor swasta meningkat dengan ketara kepada RM284.6 bilion (2003: RM232.9 bilion). Ini membolehkan sektor swasta meningkatkan perbelanjaan penggunaan sebanyak 11.4%. Pelaburan sektor swasta juga lebih tinggi, meningkat 18.4% berbanding dengan tahun sebelumnya. Lebihan sumber sektor swasta bersama aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (RM10.8 bilion), peminjaman asing bersih (RM12.9 bilion) dan peminjaman daripada sistem perbankan (RM29.1 bilion), mendorong peningkatan yang lebih besar sumber yang boleh digunakan oleh sektor swasta sebanyak RM101.4 bilion pada tahun 2004 (2003: RM88.5 bilion). Sejumlah besar daripada sumber ini disimpan sebagai deposit dalam sistem perbankan (RM63.4 bilion).

Bagi sektor luar negeri, lebihan akaun semasa yang besar dan aliran masuk modal yang besar menyumbang kepada peningkatan sebanyak RM75.1 bilion (tidak termasuk keuntungan/kerugian penilaian semula pertukaran asing) dalam rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia.

Jadual 1.26
Aliran Dana: 2003

	Akaun Negara	Ekonomi Dalam Negeri			Negara-Negara Lain di Dunia	Jumlah
		Sektor Awam	Sektor Swasta	Sistem Perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan Boleh Guna	-362.4	129.5	232.9			0
Penggunaan	227.3	-54.9	-172.4			0
Pelaburan	87.1	-57.2	-29.9			0
Perubahan dalam Stok	-2.8		2.8			0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan Bukan Faktor	450.6				-450.6	0
Import Barangan dan Perkhidmatan Bukan Faktor	-367.9				367.9	0
Bayaran Faktor Luar Negeri Bersih	-22.5				22.5	0
Pindahan Bersih	-9.3				9.3	0
Imbangan Bukan Kewangan	0.0	17.3	33.5	0.0	-50.8	0
Pembiayaan Asing						
Pelaburan Langsung			4.2		-4.2	0
Peminjaman Asing Bersih		-11.2	-11.5		22.7	0
Perubahan Aset Asing Bersih						
Bank Negara Malaysia				-27.1	27.1	0
Sistem Perbankan				6.4	-6.4	0
Pembiayaan Dalam Negeri						
Perubahan dalam Kredit		9.6	25.6	-35.2		0
Perubahan dalam Deposit[1]		9.4	-48.9	39.5		0
Peminjaman Bersih daripada Sektor Bukan Bank		-25.2	25.2			0
Lain-lain			-28.0	16.5	11.6	0
Jumlah		0	0	0	0	

[1] Termasuk mata wang dalam edaran

Jadual 1.27
Aliran Dana: 2004

	Akaun Negara	Ekonomi Dalam Negeri			Negara-Negara Lain di Dunia	Jumlah
		Sektor Awam	Sektor Swasta	Sistem Perbankan		
	RM bilion					
Pendapatan Boleh Guna	-408.4	123.8	284.6			0
Penggunaan	251.4	-59.4	-192.0			0
Pelaburan	91.8	-56.5	-35.4			0
Perubahan dalam Stok	8.7		-8.7			0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan Bukan Faktor	545.0				-545.0	0
Import Barangan dan Perkhidmatan Bukan Faktor	-449.3				449.3	0
Bayaran Faktor Luar Negeri Bersih	-24.5				24.5	0
Pindahan Bersih	-14.6				14.6	0
Imbangan Bukan Kewangan	0.0	8.0	48.6	0.0	-56.6	0
Pembiayaan Asing						
Pelaburan Langsung			10.8		-10.8	0
Peminjaman Asing Bersih		-1.1	12.9		-11.7	0
Perubahan Aset Asing Bersih						
Bank Negara Malaysia				-75.1	75.1	0
Sistem Perbankan				-7.2	7.2	0
Pembiayaan Dalam Negeri						
Perubahan dalam Kredit		9.8	29.1	-38.9		0
Perubahan dalam Deposit[1]		-25.0	-63.4	88.5		0
Peminjaman Bersih daripada Sektor Bukan Bank		8.4	-8.4			0
Lain-lain			-29.6	32.7	-3.1	0
Jumlah		0	0	0	0	

1 Termasuk mata wang dalam edaran

Perkembangan Monetari dan Fiskal

66-71 Dasar Monetari pada Tahun 2004
67 *Rencana: Rangka Kerja Kadar Faedah Baru*
71-77 Perkembangan Monetari pada Tahun 2004
77-78 Perkembangan Kadar Pertukaran Mata Wang
78-85 Dasar dan Operasi Fiskal

Perkembangan Monetari dan Fiskal

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2004

Berikutan penurunan kadar faedah pada bulan Mei 2003, Bank Negara Malaysia telah mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong momentum pertumbuhan pada tahun 2004. Khususnya, dasar monetari terus menyokong aktiviti sektor swasta sementara Kerajaan mula mengukuhkan kedudukan kewangannya secara beransur-ansur. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia terus berwaspada terhadap tekanan inflasi. Penilaian yang dibuat pada beberapa ketika pada sepanjang tahun 2004 menunjukkan kadar inflasi seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) akan kekal di bawah kadar purata 1.5% bagi keseluruhan tahun 2004.

Dasar Monetari (MPS) Bank Negara Malaysia yang pertama bagi tahun 2004, iaitu pada bulan Februari, Bank Negara Malaysia telah menerangkan bahawa pengekalan persekitaran kadar faedah yang rendah adalah perlu untuk memperkukuh pengembangan yang diterajui sektor swasta, terutama memandangkan pemulihan dalam kitaran pelaburan masih di peringkat awal dan adalah perlu kepada dasar yang akomodatif ketika dalam proses mengukuhkan kedudukan fiskal Kerajaan.

Pada bulan-bulan berikutnya, perkembangan dalam ekonomi negara-negara perindustrian utama dan negara serantau mengesahkan ekonomi global semakin kukuh pada suku pertama tahun 2004.

Dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong momentum pertumbuhan dalam persekitaran tekanan inflasi yang rendah

Asas makroekonomi yang menyediakan landasan bagi pertumbuhan aktiviti ekonomi pada tahun 2003 bertambah kukuh dan menyokong pengembangan ekonomi yang lebih pesat pada tahun 2004. Khususnya, kedudukan kewangan sektor korporat, sektor isi rumah dan sektor perbankan yang mantap menjadi pendorong dalam memastikan keberkesanan dasar monetari yang akomodatif. Secara keseluruhan, berdasarkan perkembangan ekonomi di dalam dan di luar negara, Bank Negara Malaysia mengambil keputusan untuk tidak mengubah kadar faedah pada tahun 2004 dengan objektif dasar tertumpu pada pencapaian pertumbuhan jangka panjang yang mapan seiring dengan kestabilan harga.

Pada awal tahun 2004, prospek ekonomi Malaysia bertambah baik dengan nyata. Pemulihan yang ketara dalam ekonomi global yang telah bermula semenjak pertengahan tahun 2003 memberi kesan positif terhadap ekonomi Malaysia. Dari segi permintaan dalam negeri, penunjuk penggunaan dan pelaburan mempamerkan trend yang meningkat, disokong oleh sentimen pengguna dan perniagaan yang bertambah baik. Peniaga-peniaga mendapat manfaat daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan di bawah Pakej Ekonomi tahun 2003. Di samping itu, pelbagai usaha oleh Bank Negara Malaysia untuk memperkukuh infrastruktur pembiayaan PKS telah menghasilkan saluran yang penting bagi peningkatan dalam pembiayaan kepada sektor tersebut. Pada siaran Pernyataan Dasar Monetari (MPS) Bank Negara Malaysia yang pertama bagi tahun 2004, iaitu pada bulan Februari, Bank Negara Malaysia telah menerangkan bahawa pengekalan persekitaran kadar faedah yang rendah adalah perlu untuk memperkukuh pengembangan yang diterajui sektor swasta, terutama memandangkan pemulihan dalam kitaran pelaburan masih di peringkat awal dan adalah perlu kepada dasar yang akomodatif ketika dalam proses mengukuhkan kedudukan fiskal Kerajaan.

Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang mungkin menyebabkan penyederhanaan dalam pertumbuhan global juga telah muncul. Peningkatan harga minyak mentah berpotensi melemahkan pertumbuhan negara-negara rakan dagangan utama Malaysia. Pada masa yang sama, pertumbuhan RR China berpotensi menjadi lebih perlahan, berikutan langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa di negara itu untuk menghalang ekonomi daripada tumbuh melebihi paras potensi keluaran. Terdapat juga jangkaan yang lebih tinggi, terutamanya pada bulan Mei, bahawa kadar faedah di AS pasti akan meningkat. Dengan kemunculan ancaman deflasi di AS pada tahun 2003, *Federal Reserve* telah menurunkan kadar faedah dengan ketara. Sementara itu, kadar faedah dalam negeri yang tidak berubah menyebabkan kebezaan kadar faedah yang positif berpihak kepada Malaysia. Kebezaan kadar faedah yang positif ini serta asas ekonomi yang kukuh memberi fleksibiliti dalam menentukan kadar faedah dalam negeri berdasarkan suasana dalam negeri dan pada ketika yang sama, konsisten dengan dasar kadar pertukaran.

Keadaan yang semakin stabil dan asas ekonomi yang semakin kukuh pada permulaan tahun 2004 membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil peluang untuk memperkenalkan rangka kerja kadar faedah yang baru pada bulan April. Di bawah rangka kerja baru ini, Kadar Dasar Semalaman (OPR) menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai

Rangka Kerja Kadar Faedah Baru

Satu perkembangan penting pada tahun 2004 ialah pelaksanaan rangka kerja kadar faedah baru pada 26 April 2004. Rangka kerja baru ini memperkenalkan kadar dasar yang baru dan pembaikan terhadap pengendalian operasi monetari serta menghapuskan kadar bumbung bagi kadar pemberian pinjaman asas (BLR) dan spread pemberian pinjaman yang ditetapkan. Kini, institusi perbankan boleh menetapkan BLR masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi perniagaan mereka. Perubahan yang diperkenalkan bertujuan meningkatkan keberkesanan dasar monetari dengan memudahkan penghantaran pergerakan dalam kadar dasar kepada kadar pasaran yang lain dan akhirnya, kepada penunjuk makroekonomi utama. Rangka kerja baru ini juga berfungsi sebagai pemangkin untuk penetapan harga produk kewangan dan perkhidmatan yang cekap oleh institusi perbankan. Penyahkawalseliaan penetapan harga merupakan inisiatif utama dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP) bagi memastikan tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam peruntukan dan pengagihan sumber dalam sektor kewangan.

Peralihan kepada rangka kerja kadar faedah baru adalah tepat pada masanya berikutan asas makroekonomi yang menggalakkan dan infrastruktur kewangan yang lebih maju, yang disokong oleh sistem perbankan yang kukuh serta rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang mantap. Faktor-faktor ini diperteguh oleh rangka kerja perlindungan pengguna yang terus dipertingkatkan.

Perubahan Pelaksanaan dan Komunikasi Dasar Monetari

Bagi memberi isyarat yang lebih berkesan dan meningkatkan kecekapan mekanisme penghantaran monetari, Bank Negara Malaysia memilih kadar dasar yang berhubung rapat dengan kadar faedah lain. Bank juga membuat penambahbaikan kepada prosedur operasi monetari. Di bawah rangka kerja kadar faedah baru, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk kepada teras dasar monetari. Pada asasnya, OPR merupakan sasaran bagi kadar antara bank semalaman purata (AOIR). Di samping itu, AOIR berfungsi sebagai sasaran utama dalam operasi mudah tunai harian Bank Negara Malaysia. Kadar antara bank semalaman dipilih sebagai kadar dasar kerana kandungan jangkaan yang sedikit dan amat mudah dikawal.

Operasi mudah tunai pada tempoh matang selain daripada tempoh matang semalaman dilaksanakan tanpa mensasarkan kepada sebarang paras kadar faedah tertentu. Oleh itu, kadar faedah antara bank bagi tempoh matang yang lain ditentukan oleh pasaran. Bagi mencerminkan teras dasar monetari yang tidak berubah ketika pelaksanaan rangka kerja baru, OPR telah ditetapkan pada paras semasa AOIR, iaitu 2.70%. Pada tempoh 26 April – 31 Disember 2004, AOIR bergerak dalam julat yang kecil antara 2.65 –2.74%, dengan purata keseluruhan pada 2.70%.

Bagi mengelakkan volatiliti AOIR yang berlebihan, Bank Negara Malaysia telah menetapkan koridor kadar faedah dan memperkenalkan kemudahan tersedia. Pada asasnya, kadar pasaran dibenarkan bergerak dalam koridor ± 25 mata asas melingkungi OPR. Kadar bumbung dan kadar lantai koridor merupakan kadar yang pihak Bank Negara Malaysia bersedia untuk memberikan pinjaman kepada atau meminjam daripada pasaran bagi mengawal keadaan apabila terdapat baki kekurangan atau lebihan mudah tunai semalaman.

Dalam mengurus mudah tunai, Bank mula menggunakan operasi pasaran terbuka secara repo di samping pinjaman langsung dalam mengendalikan urus niaga dalam pasaran wang. Sebelum ini operasi pasaran terbuka tidak dapat dilaksanakan berikutan kekurangan sekuriti yang sesuai. Keadaan ini dapat diatasi sebahagiannya dengan memperkenalkan Program Penjagaan Sekuriti untuk Pelabur-pelabur Institusi (ISCAP) pada penghujung tahun 2004. Melalui ISCAP, Bank Negara Malaysia akan meminjam sekuriti, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) daripada pelabur institusi utama seperti dana pencen dan syarikat insurans untuk melaksanakan operasi repo.

Graf 1
Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman 26 April - 31 Disember 2004



Satu aspek penting bagi meningkatkan mekanisme penghantaran monetari di bawah rangka kerja kadar faedah baru ini ialah komunikasi mengenai dasar monetari. Teras dasar Bank Negara Malaysia menjadi lebih telus dengan adanya kadar sasaran dasar dan kadar sasaran operasi yang jelas serta pengumuman keputusan dasar monetari melalui Pernyataan Dasar Monetari (MPS). Pengumuman keputusan dasar monetari secara berstruktur dan telus mengurangkan ketidakpastian mengenai teras dan haluan dasar monetari di kalangan peserta pasaran. Sebarang perubahan berhubung OPR akan diumumkan melalui MPS. MPS diterbitkan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada setiap suku tahunan dan diumumkan serentak dengan pengumuman prestasi KDNK. Jika terdapat perubahan dalam teras dasar monetari antara dua tarikh yang ditetapkan itu, MPS tambahan akan diterbitkan.

Kesan Rangka Kerja Kadar Faedah Baru

Pengenalan rangka kerja kadar faedah baru melibatkan perubahan terhadap sistem pelaksanaan dasar monetari. Walau bagaimanapun, teras dasar monetari tidak berubah. Pengenalan rangka kerja baru ini tidak akan menyebabkan perubahan ke atas kos dana institusi perbankan. Dengan itu, secara amnya, tiada perubahan yang ketara dijangka berlaku ke atas paras kadar faedah.

Kadar Pemberian Pinjaman dan Pembiayaan

Di bawah rangka kerja baru, kadar pinjaman maksimum yang ditawarkan oleh institusi perbankan tidak tertakluk kepada formula BLR. Spread pemberian pinjaman maksimum BLR sebanyak 2.5 mata peratusan juga dihapuskan. Sebaliknya, BLR setiap institusi perbankan ditentukan berdasarkan struktur kos dan strategi pinjamannya serta tahap persaingan dalam industri.

Pada akhir tahun 2004, purata BLR bank perdagangan secara relatifnya stabil pada paras 5.98% (6.00% pada akhir tahun 2003) dengan penurunan BLR dibuat oleh sebuah institusi perbankan. Purata BLR syarikat kewangan kekal tidak berubah pada paras 6.90% setahun. Memandangkan teras dasar monetari tidak berubah, kebanyakan institusi perbankan dijangka tidak mengubah BLR untuk jangka pendek dan sederhana.

Dengan penghapusan kadar bumbung pemberian pinjaman, kadar pinjaman lebih berdasarkan pada profil risiko peminjam atau projek. Fleksibiliti yang dimiliki institusi perbankan bagi menentukan spread telah meningkatkan akses pembiayaan kepada peminjam yang sebelum ini menghadapi masalah mendapatkan dana. Pada masa ini, telah ada institusi perbankan yang memperkenalkan pakej pinjaman yang khusus untuk individu dan perusahaan perniagaan kecil.

PKS terus menikmati akses kepada pembiayaan di bawah rangka kerja kadar faedah baru, dengan meningkatnya permintaan untuk dana seperti yang dicerminkan oleh permohonan pinjaman yang lebih tinggi pada separuh tahun kedua. Pada tempoh yang sama, kelulusan dan pengeluaran pinjaman juga meningkat. Pada masa yang sama, kadar pemberian pinjaman untuk pembiayaan kepada sektor PKS secara purata kekal kompetitif. Pada separuh tahun kedua, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan kepada PKS oleh bank perdagangan ialah 6.37% setahun berbanding dengan 6.42% pada enam bulan pertama. Bagi sektor perusahaan perniagaan secara keseluruhan, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan pada separuh tahun kedua ialah 5.79% setahun berbanding dengan 5.89% pada enam bulan pertama tahun 2004. Bagi sektor yang berkaitan pengguna, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang oleh syarikat kewangan, masing-masing pada kadar 3.27% dan 6.74% pada separuh tahun kedua berbanding dengan 3.58% dan 6.82% pada enam bulan pertama.

Bank Negara Malaysia akan terus memantau kadar pemberian pinjaman yang dikenakan oleh institusi perbankan. Bagi memastikan penentuan kadar yang adil dan saksama, pelbagai langkah baru telah dilaksanakan untuk memelihara kepentingan pengguna. Langkah-langkah ini bertujuan meningkatkan ketelusan dan penzahiran produk, mengukuhkan infrastruktur pembelaan ke atas pengguna, di samping meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai (untuk penjelasan lanjut, sila rujuk **Pengurusan Sistem Perbankan** dalam Bab 5).

Kadar pemberian pinjaman yang ditetapkan untuk pembiayaan yang diperuntukkan melalui dana khas PKS yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia kekal tidak berubah. Had maksimum yang dikenakan ke atas kadar pemberian pinjaman perumahan yang disalurkan pada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana di bawah Garis Panduan Pinjaman kepada Sektor Keutamaan juga dikekalkan. Di samping itu, kadar pemberian pinjaman bagi pinjaman sewa beli masih tertakluk di bawah Akta Sewa Beli 1967 sementara kadar pemberian pinjaman bagi kad kredit tertakluk kepada kadar faedah maksimum sebanyak 18% setahun seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Kad Kredit yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia.

Kadar Deposit

Dalam urutan liberalisasi kadar faedah, perbezaan telah dibuat antara urus niaga borong dengan runcit serta antara urus niaga pinjaman dengan deposit. Pendekatan yang diambil secara beransur-ansur ini bertujuan memastikan supaya peralihan berjalan lancar dan pada masa yang sama, mengambil kira tahap kemajuan kewangan yang berbeza di kalangan peserta pasaran iaitu institusi kewangan, perusahaan perniagaan dan orang ramai.

Pendekatan yang diambil secara beransur-ansur bertujuan memastikan peralihan yang lancar di bawah rangka kerja kadar faedah baru supaya proses pengantaraan tidak terjejas. Satu lagi aspek penting ialah sebahagian besar penduduk terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana bergantung kepada simpanan dalam bentuk deposit bank. Oleh itu, kadar minimum ditetapkan bagi deposit kurang daripada RM1 juta bagi tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan. Walaupun kadar deposit ditetapkan, Bank Negara Malaysia telah menyediakan persekitaran yang membolehkan institusi perbankan mempelbagaikan produk bagi memenuhi keperluan di kalangan penabung yang mempunyai profil risiko pulangan yang berbeza. Di samping itu, Bank Negara Malaysia telah berusaha meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai.

Jadual 2.1
Pernyataan Dasar Monetari pada tahun 2004

Pernyataan Dasar Monetari (MPS) yang telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2003, diterbitkan sebanyak empat kali pada tahun 2004 serentak dengan pengumuman prestasi KDNK suku tahunan pada bulan Februari, Mei, Ogos dan November. Setiap MPS yang diterbitkan menyatakan keputusan untuk tidak mengubah kadar dasar.

	Kadar Dasar	
Tarikh	Kadar Campur Tangan 3 bulan	Kadar Dasar Semalaman (OPR)[1]
25 Februari	4.50%	
26 Mei		2.70%
25 Ogos		2.70%
30 November		2.70%

1/ Rangka kerja kadar faedah baru telah berkuat kuasa pada 26 April 2004. OPR telah mengambil alih peranan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk kepada teras dasar monetari. Bagi mencerminkan teras dasar monetari yang tidak berubah, OPR ditetapkan pada kadar purata semalaman antara bank semasa, iaitu 2.70%. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada rencana **Rangka Kerja Kadar Faedah Baru.**

kadar dasar, sementara kadar antara bank semalaman dijadikan kadar sasaran dasar monetari. Bagi mencerminkan pendirian dasar monetari yang tidak berubah, OPR ditetapkan pada kadar antara bank semalaman pada masa itu sebanyak 2.70%. Rasional dan infrastruktur operasi rangka kerja kadar faedah yang baru ini terkandung dalam rencana **Rangka Kerja Kadar Faedah Baru**.

Pada bulan Mei, ekonomi dalam negeri bertambah kukuh dengan ketara. Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 7.8% pada suku pertama tahun 2004, berikutan pertumbuhan yang berterusan dalam pelaburan dan penggunaan swasta serta pertumbuhan eksport yang sangat memberangsangkan. Sektor luar negeri beroleh manfaat daripada kitaran elektronik global yang menaik, harga komoditi yang tinggi dan ketibaan pelancong yang meningkat. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih pesat ini dicapai dalam suasana inflasi yang rendah, dengan purata IHP meningkat sebanyak 1% pada empat bulan pertama. Kenaikan harga minyak mentah dianggar memberi kesan yang kecil ke atas inflasi kerana harga runcit produk petroleum dikawal melalui mekanisme harga automatik. Dari segi kapasiti pengeluaran, purata wajaran penggunaaan kapasiti dalam sektor perkilangan secara relatifnya kekal stabil pada tahap 82% pada suku pertama. Pengembangan kapasiti dapat dilihat dalam sektor yang mengalami pertumbuhan yang kukuh. Di samping itu, produktiviti pekerja seperti yang diukur oleh nilai jualan benar produk bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan meningkat 9%, melebihi peningkatan sebanyak 2.7% dalam upah benar bagi setiap pekerja. Berdasarkan perkembangan ini, kadar faedah dijangka kekal pada paras yang rendah bagi menyokong momentum pertumbuhan dalam persekitaran jurang output yang positif, yang masih wujud dalam ekonomi. Oleh itu, OPR kekal tidak berubah pada paras 2.70%.

Pada masa pengumuman prestasi KDNK suku kedua dan MPS yang ketiga pada bulan Ogos, pertumbuhan global pada separuh tahun pertama telah melebihi jangkaan. Pada ketika itu, kitaran monetari global adalah dalam fasa pengetatan didorong oleh kitaran pemulihan yang lebih kukuh daripada jangkaan dan harga komoditi yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, penunjuk-penunjuk memperlihatkan tanda-tanda penyederhanaan dalam pertumbuhan global pada separuh tahun kedua, tetapi kebanyakan pendapat menyatakan bahawa kesan daripada harga minyak mentah yang tinggi dan kadar faedah yang meningkat adalah sederhana. Di Malaysia, KDNK pula mengembang sebanyak 8.2% pada suku kedua, dengan penggunaan isi rumah dan aktiviti pelaburan swasta bertambah kukuh, sementara sektor awam meneruskan konsolidasi fiskal. Pertumbuhan pada tahun 2004 kini dijangka melebihi unjuran yang dibuat sebelum ini, disokong oleh prestasi ekonomi yang kukuh pada separuh tahun pertama. Inflasi kekal rendah pada paras 1.2% pada suku kedua tahun 2004. Yang penting, inflasi teras, yang mencerminkan peningkatan harga disebabkan tekanan permintaan, juga berpurata kurang daripada 1% pada tempoh tersebut. Bagi tempoh Januari hingga Jun, kelulusan untuk pelaburan modal berjumlah RM7.2 bilion dan ini menyumbang kepada pengembangan kapasiti sektor elektronik dan barangan elektrik dan sektor-sektor yang lain seperti kimia dan keluaran kimia, dan kelengkapan pengangkutan, yang mempunyai kapasiti lebihan yang menurun ke tahap yang rendah. Yang penting, produktiviti buruh dalam sektor perkilangan terus melebihi pertumbuhan upah benar. Dengan prospek pertumbuhan dan inflasi kekal menggalakkan, pendirian dasar monetari kekal tidak berubah.

Pada penghujung tahun, penunjuk-penunjuk memperlihatkan aktiviti ekonomi global yang kekal mantap pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, pengembangan ekonomi AS dijangka menjadi sederhana sedikit pada suku keempat. Di samping itu, prospek ekonomi AS yang positif terjejas sedikit disebabkan kebimbangan mengenai defisit akaun semasa AS dan penyederhanaan dalam aliran masuk dana modal ke negara itu. Kebimbangan ini telah

menyebabkan susut nilai yang ketara dalam dolar AS. Di kalangan negara-negara serantau, pengembangan ekonomi yang lebih sederhana adalah jelas. Ini berikutan pertumbuhan eksport yang sederhana disebabkan terutamanya oleh kemerosotan secara beransur-ansur dalam kitaran elektronik global. Inflasi menunjukkan trend yang meningkat di kebanyakan negara serantau disebabkan terutamanya oleh harga minyak mentah yang tinggi. Sesetengah negara pula, telah meningkatkan kadar faedah untuk membendung tekanan inflasi.

Di dalam negeri, kadar pertumbuhan adalah mapan walaupun agak perlahan pada suku ketiga. Sejajar dengan trend yang lembap dalam kitaran elektronik global, pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana sedikit. Walaupun terdapat tanda-tanda pertumbuhan global yang semakin sederhana, prospek jangka pendek Malaysia masih menggalakkan. Kesan langsung daripada harga minyak mentah yang lebih tinggi adalah positif bagi ekonomi Malaysia dalam jangka pendek dan menyumbang kepada lebihan dagangan serta hasil Kerajaan.

Keadaan monetari terus menyokong aktiviti sektor swasta

Pada bulan-bulan terakhir tahun 2004, jangkaan bahawa mata wang di rantau Asia akan menghadapi penyelarasan bertambah, berikutan spekulasi penilaian semula mata wang RR China, iaitu yuan, dan susut nilai dolar AS yang berterusan. Peningkatan dalam aliran masuk dana portfolio bersih dicatat dari bulan September tetapi kemasukan dana ini terkawal dan tidak menyebabkan ketidakseimbangan dalam harga aset ataupun herotan dalam pengagihan sumber dalam sektor benar dan sektor kewangan. Tidak terdapat tekanan asas yang memerlukan kajian semula dibuat ke atas dasar kadar pertukaran (Sila lihat **Perkembangan Kadar Pertukaran Mata Wang** untuk penerangan terperinci tentang kadar pertukaran ringgit). Bagi keseluruhan tahun 2004, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat disebabkan terutamanya oleh hasil dagangan dan sebahagiannya oleh aliran masuk modal bersih. Operasi monetari Bank Negara Malaysia, termasuk sterilisasi aliran masuk dana ini, bertujuan untuk mengekalkan tahap kadar faedah yang konsisten dengan keadaan dalam negeri. Kos operasi dasar monetari kekal terkawal pada tahun 2004.

Selepas mencatat purata 1.5% pada suku ketiga, inflasi meningkat kepada 2.1% pada bulan Oktober, mencerminkan kenaikan harga makanan dan cukai ke atas rokok dan tembakau, serta caj pengangkutan persendirian yang lebih tinggi berikutan kenaikan kali kedua harga runcit minyak pada bulan Oktober selepas kenaikan pertama pada bulan Mei. Walau bagaimanapun, kadar inflasi ini secara relatifnya masih rendah dalam sejarah. Inflasi teras kekal pada paras kurang daripada 1.5% pada bulan Oktober dan berpurata kurang daripada 1% bagi sepuluh bulan sehingga Oktober. Di samping itu, tidak terdapat tanda-tanda yang jelas tentang kesan susulan daripada harga minyak mentah yang lebih tinggi.

MPS yang keempat untuk tahun 2004 telah diterbitkan pada bulan November. Penilaian yang dibuat menunjukkan hanya terdapat sedikit tanda bahawa tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan akan naik mendadak pada jangka sederhana, terutamanya berikutan jangkaan kadar pertumbuhan yang sederhana bagi tahun 2005. Tekanan inflasi juga dijangka terkawal berikutan kapasiti yang mencukupi dan dijangka meningkat pada tahun depan dengan aktiviti pelaburan swasta yang mapan. Risiko tekanan inflasi dalam sektor harta tanah juga terbendung dengan penawaran rumah kediaman yang mencukupi di samping harga purata dan sewa yang meningkat dengan perlahan. Sementara itu, pertumbuhan dalam bekalan wang secara luas, M3, kekal stabil secara relatifnya pada paras 10% bagi sebahagian besar tahun 2004 dan adalah konsisten dengan pertumbuhan pendapatan nominal. Unjuran awal menunjukkan IHP tidak akan melebihi 3% pada tahun 2005. Dasar monetari terus mempunyai fleksibiliti untuk menyokong pertumbuhan pada tahun 2005.

PERKEMBANGAN MONETARI PADA TAHUN 2004

Perkembangan monetari pada tahun 2004 mencerminkan dasar yang menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Walaupun pertumbuhan ekonomi menjadi sederhana pada separuh tahun kedua, keadaan monetari terus menyokong aktiviti sektor swasta.

Semenjak peralihan ke Rangka Kerja Kadar Faedah Baru, kadar dasar semalaman (OPR) telah ditetapkan pada 2.70%. Dalam pasaran wang antara bank, kadar semalaman berpurata 2.70%, yang selaras dengan tahap OPR dan bergerak dalam julat yang kecil antara 2.65 – 2.74%.

Dengan kadar faedah dalam negeri kekal tidak berubah, perbezaan kadar faedah antara Malaysia

Jadual 2.2
Kadar Faedah dan Mudah Tunai

	2001	2002	2003	2004
	Pada akhir tempoh (%)			
Kadar Campur Tangan 3 bulan	5.0	5.0	4.5	-
Kadar Dasar Semalaman (OPR) [1]	-	-	-	2.70
Kadar faedah antara bank				
Semalaman	2.76	2.71	2.72	2.69
1 bulan	2.97	2.99	2.99	2.77
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)				
Bank perdagangan	6.39	6.39	6.00	5.98
Syarikat kewangan	7.45	7.45	6.90	6.90
Kadar purata pemberian pinjaman (ALR)				
Bank perdagangan	6.67	6.51	6.11	5.98
Syarikat kewangan	10.24	9.75	9.11	8.78
Kadar deposit tetap				
Bank perdagangan				
3 bulan	3.21	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.00	4.00	3.70	3.70
Syarikat kewangan				
3 bulan	3.22	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.01	4.00	3.68	3.70
Kadar deposit tabungan				
Bank perdagangan	2.28	2.12	1.86	1.58
Syarikat kewangan	2.94	2.65	2.18	1.98
	Purata pada tempoh (%)			
Perbezaan kadar faedah nominal				
Malaysia – Amerika Syarikat	-0.49	1.31	1.66	1.16
Malaysia – Singapura	1.31	2.23	2.27	1.93
	Pada akhir tempoh (RM bilion)			
Lebihan (+) / jurang (-) sumber	67.4	76.2	106.0	133.4
Lebihan (+) / jurang (-) sumber terlaras[2]	28.6	33.3	57.7	86.9
	Pada akhir tempoh (%)			
Nisbah pinjaman deposit	85.9	84.9	80.9	78.6
Nisbah pembiayaan deposit[2]	95.7	95.1	91.7	87.7

[1] OPR menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai kadar dasar BNM bermula 26 April 2004.
[2] Diselaraskan untuk merangkumi pemegangan Sekuriti Hutang Swasta.

dengan Amerika Syarikat mengecil, berikutan kenaikan kadar *Fed Fund* AS yang stabil sepanjang tahun 2004. Walaupun perbezaan kadar faedah mengecil, sektor luaran terus menyuntik mudah tunai ke dalam sistem perbankan. Aliran masuk ini mencerminkan terutamanya aliran jangka panjang, termasuk pembawaan pulang perolehan eksport berikutan prestasi perdagangan luar yang mantap. Aliran masuk dana portfolio juga lebih tinggi, sejajar dengan peningkatan dalam pelaburan pengurus dana antarabangsa di Malaysia berikutan pengukuhan penarafan yang berterusan serta prospek ekonomi dan perolehan yang bertambah baik. Namun begitu, aliran masuk modal yang lebih besar ini tidak menggugat kestabilan sistem kewangan dalam negeri. Bank Negara Malaysia terus mengurus lebihan mudah tunai untuk memastikan kadar faedah berada pada tahap yang dikehendaki.

Graf 2.1
Kadar Faedah Pemberian Pinjaman: Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan



Kadar berian pinjaman asas (BLR) institusi perbankan tidak banyak berubah memandangkan struktur kos dana secara relatif adalah stabil. BLR bank perdagangan menjadi sederhana sedikit kepada 5.98%, manakala BLR syarikat kewangan kekal tidak

Jadual 2.3
Sistem Perbankan[1]: Penunjuk Pinjaman

	Pada tahun (RM bilion)				Perubahan tahunan (%)			
	2001	2002	2003	2004	2001	2002	2003	2004
Jumlah								
Permohonan pinjaman	190.6	217.2	227.6	273.3	-8.7	14.0	4.8	20.1
Kelulusan pinjaman	125.6	137.6	152.8	173.6	-6.8	9.5	11.1	13.6
Pengeluaran pinjaman	373.5	411.6	441.6	488.2	3.5	10.2	7.3	10.6
Pembayaran balik pinjaman	365.4	402.7	430.4	461.6	5.3	10.2	6.9	7.2
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	16.1	19.8	21.6	40.2	3.9	4.6	4.8	8.5
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	t.d.	135.3	124.9	149.9	t.d.	t.d.	-7.7	20.0
Kelulusan pinjaman	63.5	68.5	77.3	84.9	-19.7	7.9	12.8	9.8
Pengeluaran pinjaman	270.4	282.0	303.4	335.3	0.1	4.3	7.6	10.5
Pembayaran balik pinjaman	276.8	275.8	299.5	319.8	2.8	-0.4	8.6	6.8
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	-5.6	-3.1	-5.2	5.6	-2.5	-1.4	-2.4	2.6
PKS								
Permohonan pinjaman	t.d.	48.7	44.5	54.1	t.d.	t.d.	-8.6	21.6
Kelulusan pinjaman	t.d.	30.7	25.9	31.6	t.d.	t.d.	-15.5	21.9
Pengeluaran pinjaman	t.d.	49.5	87.1	100.4	t.d.	t.d.	76.0	15.3
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	4.0	…	7.4	6.3	5.7	…	10.0	7.7
Perusahaan perniagaan lain								
Permohonan pinjaman	t.d.	86.6	80.4	95.7	t.d.	t.d.	-7.2	19.1
Kelulusan pinjaman	t.d.	37.8	51.4	53.3	t.d.	t.d.	35.8	3.8
Pengeluaran pinjaman	t.d.	232.5	216.3	234.9	t.d.	t.d.	-7.0	8.6
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	-9.6	-3.1	-12.7	-0.7	-6.1	-2.1	-8.8	-0.5
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	t.d.	81.9	98.4	120.2	t.d.	t.d.	20.2	22.1
Kelulusan pinjaman	59.2	66.9	72.0	86.8	11.5	13.0	7.6	20.5
Pengeluaran pinjaman	87.0	105.1	114.4	130.3	14.5	20.8	8.9	13.8
Pembayaran balik pinjaman	71.5	83.7	94.1	107.0	9.9	17.0	12.4	13.7
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	23.1	26.2	26.2	33.3	14.8	14.7	12.8	14.4

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Pertumbuhan tahunan adalah untuk pinjaman terkumpul pada akhir tempoh.
… Terlalu kecil
t.d. Tidak Diperoleh

berubah pada 6.90%. Sepanjang tahun 2004, lima penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan milik mereka telah dilaksanakan, menyebabkan pelarasan teknikal pada kadar berian pinjaman purata (ALR). Dengan kadar faedah yang lebih rendah ditawarkan bagi pinjaman baru, ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan menjadi sederhana, masing-masing kepada 5.98% dan 8.78% pada akhir tahun 2004, daripada 6.11% dan 9.11% pada akhir tahun 2003.

Walaupun kadar deposit secara am kekal tidak berubah daripada paras yang dicatat pada akhir tahun 2003, pendeposit terus memperoleh pulangan benar positif atas deposit mereka dalam persekitaran inflasi yang rendah. Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia menerbitkan instrumen pelaburan yang baru, iaitu Bon Simpanan Merdeka yang bertujuan menyediakan instrumen simpanan tambahan, yang menawarkan pulangan yang lebih tinggi, kepada para pesara. Bon Simpanan Merdeka yang berlandaskan prinsip Islam *Bai' Al-Inah*, menawarkan margin keuntungan sebanyak 5% setahun, iaitu kadar pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan kadar faedah bagi deposit tetap 12-bulan yang ditawarkan oleh bank perdagangan. Bon ini akan terus diterbitkan pada tahun 2005 dengan jumlah terbitan dirancang sebanyak RM1.31 bilion berbanding dengan RM1.94 bilion yang diterbitkan pada tahun 2004.

Keadaan monetari yang akomodatif sepanjang tahun 2004 telah memudahkan pembiayaan aktiviti sektor swasta. Jumlah pembiayaan kasar yang diberikan oleh sistem perbankan dan diperoleh daripada pasaran modal meningkat 6.2% pada tahun 2004 (2003: 9%). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan pegangan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 10.3%).

Graf 2.2
Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Aktiviti pemberian pinjaman bank memberangsangkan pada tahun 2004, dicerminkan oleh pertumbuhan yang pesat dalam jumlah pinjaman terkumpul sebanyak 8.5% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 4.8%). Permintaan dana yang lebih tinggi juga diperlihatkan oleh peningkatan ketara dalam permohonan pinjaman sebanyak 20.1% berbanding dengan 4.8% pada tahun 2003. Kelulusan pinjaman juga lebih tinggi, berjumlah RM173.6 bilion atau peningkatan sebanyak 13.6%.

Sejajar dengan pemulihan dalam pelaburan swasta, pinjaman bank sektor perusahaan perniagaan meningkat pada tahun 2004, setelah pinjaman terkumpul menurun selama tiga tahun. Pada tahun 2004, pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan meningkat pada kadar tahunan 2.6% (akhir tahun 2003: -2.4%). Pertumbuhan dalam permintaan pinjaman bank dicatat oleh hampir kesemua subsektor perusahaan perniagaan dengan jumlah permohonan pinjaman oleh perusahaan perniagaan meningkat pada kadar tahunan 20% (2003: -7.7%).

Pertumbuhan tahunan pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan turut meningkat sebanyak 10.5%. Data pinjaman mengikut sektor menunjukkan pemberian pinjaman kepada sektor perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel, terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencakupi 25% daripada jumlah pengeluaran pinjaman perusahaan perniagaan pada tahun 2004, berbanding dengan 23.1% yang dicatat pada tahun 2003.

Gabungan beberapa faktor, iaitu seperti kedudukan kewangan korporat yang lebih kukuh, peningkatan dalam keuntungan dan sentimen perniagaan yang positif membolehkan syarikat-syarikat besar untuk menceburi aktiviti pelaburan baru. Dalam persekitaran ini, permintaan terhadap pinjaman bank oleh syarikat-syarikat besar meningkat sepanjang tahun dengan permohonan pinjaman bertambah sebanyak 19.1%. Jumlah pengeluaran pinjaman kepada syarikat-syarikat besar turut berkembang pada kadar tahunan 8.6% pada tahun 2004.

Sejajar dengan peningkatan pelaburan sektor swasta, hampir separuh daripada jumlah dana yang diperoleh dalam pasaran PDS adalah untuk membiayai projek-projek baru. Bahagian dana PDS yang diperoleh untuk membiayai projek-projek baru meningkat dengan ketara kepada 46.5% berbanding dengan 6.6% pada tahun 2003. Ini terutamanya untuk penjanaan kuasa dan perkhidmatan pembekalan air dalam sektor utiliti serta penyediaan infrastruktur lebuh raya dalam sektor pembinaan. Ini turut mencerminkan pertambahan minat syarikat-syarikat yang besar untuk memperoleh dana jangka panjang daripada pasaran PDS.

Jadual 2.4
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Terkumpul

	Perubahan tahunan		% bahagian daripada jumlah pada akhir tahun 2004
	2003	2004	
	RM bilion		
Pinjaman sistem perbankan kepada:			
Perusahaan perniagaan	-5.2	5.6	42.6
Isi rumah	26.2	33.3	51.4
Mengikut sektor:			
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	-1.1	0.4	2.1
Perlombongan dan kuari	0.1	-0.1	0.2
Perkilangan	-0.2	2.0	12.3
Bekalan elektrik, gas dan air	-1.7	0.1	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	2.1	4.3	8.5
Sektor harta benda luas	14.6	19.8	40.6
Pembinaan	*-2.7*	*1.3*	*6.0*
Pembelian rumah kediaman	*16.2*	*16.4*	*25.9*
Pembelian rumah bukan kediaman	*1.1*	*2.3*	*6.1*
Harta tanah	*...*	*-0.2*	*2.7*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1.0	-0.8	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-0.6	1.7	6.0
Kredit penggunaan	8.9	14.6	20.2
antaranya:			
Kad kredit	*1.6*	*2.0*	*2.8*
Pembelian kereta penumpang	*6.5*	*10.6*	*14.0*
Pembelian sekuriti	-1.8	-0.4	3.8
Pembelian kenderaan pengangkutan	0.3	-0.8	0.5
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	-0.7	0.1	1.0
Lain-lain	0.9	-0.7	2.0
Jumlah pinjaman terkumpul[2]	**21.6**	**40.2**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Graf 2.3
Pengeluaran Pinjaman mengikut Sektor: Nilai dan Bahagian



Keadaan makroekonomi yang lebih memberangsangkan sepanjang tahun 2004 telah meningkatkan permintaan PKS terhadap pembiayaan. Institusi perbankan telah mengambil pendekatan yang lebih fokus untuk memberi pinjaman kepada PKS, dengan menubuhkan unit pinjaman khas PKS. Unit tersebut berfungsi untuk mempromosikan pakej pinjaman kepada sektor PKS. Permintaan dana yang meningkat oleh PKS, seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan tahunan permohonan pinjaman sebanyak 21.6%, turut diikuti oleh kelulusan pinjaman yang meningkat pada kadar tahunan sebanyak 21.9%. Jumlah pinjaman terkumpul PKS meningkat pada kadar tahunan 7.7% (2003: 10%) untuk mencakupi 40.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sektor perniagaan (2003: 38.4%). Permintaan untuk pembiayaan daripada PKS dijangka akan terus meningkat, selaras dengan peranan sektor ini sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang semakin penting.

Kecenderungan sektor isi rumah untuk berbelanja meningkat pada tahun 2004, dalam keadaan keyakinan pengguna yang semakin meningkat dengan pendapatan boleh guna yang semakin bertambah dan persekitaran monetari yang positif. Dengan sentimen dan prospek yang positif, pinjaman terkumpul sektor isi rumah terus berkembang dengan kukuh sebanyak 14.4% pada tahun 2004 (akhir tahun 2003: 12.8%). Pada akhir tahun 2004, bahagian bagi pinjaman terkumpul sektor isi rumah dalam jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada 51.4% daripada 48.8% pada tahun 2003. Peningkatan dalam pemberian pinjaman turut dipacu oleh faktor-faktor dari sudut penawaran, terutamanya persaingan yang aktif antara institusi perbankan untuk mengembangkan bahagian pasaran masing-masing dalam kegiatan pemberian pinjaman runcit. Permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah turut meningkat pada tahun 2004.

Dari segi pertumbuhan pinjaman sektor isi rumah, pemberian pinjaman untuk pembelian harta kediaman terus merupakan pemacu utama pinjaman isi rumah, dengan pinjaman terkumpul untuk tujuan tersebut mencakupi 49.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sektor isi rumah pada akhir tahun 2004. Pinjaman yang tinggi untuk pembelian harta kediaman meningkat dengan ketara terutamanya pada separuh tahun pertama, disokong oleh minat belian yang mapan terhadap harta kediaman bertanah semenjak separuh kedua tahun 2003, dan oleh insentif berkaitan sektor harta tanah, yang diumumkan dalam Pakej Ekonomi pada bulan Mei 2003, yang akan tamat tempoh.

Graf 2.4
Sistem Perbankan: Pinjaman kepada Isi Rumah (pada akhir tempoh)



Graf 2.5
Nilai Agregat Urus Niaga Kad Kredit



Pada tahun 2004, pertumbuhan permintaan pinjaman untuk pembelian kereta penumpang meningkat dengan nyata. Pengumuman Kementerian Kewangan mengenai rangka kerja levi import dan duti eksais, selaras dengan komitmen Malaysia dalam Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), telah menghapuskan keraguan tentang harga di kalangan pengguna, yang telah menangguhkan pembelian kereta penumpang pada tahun 2003 dan pada suku pertama tahun 2004. Di samping itu, pelancaran model baru oleh pengeluar kereta tempatan dan asing menambah lagi minat pembeli. Kesannya, permintaan untuk pinjaman pembelian kereta penumpang menunjukkan trend yang kukuh dan meningkat sejak suku kedua tahun 2004. Kadar pertumbuhan tahunan pinjaman yang dikeluarkan untuk pembelian kereta penumpang meningkat dengan mantap kepada 18.8% pada tahun 2004. (2003: -4.9%)

Sejajar dengan prestasi ekonomi yang bertambah baik dan pertumbuhan dalam penggunaan sektor swasta, perbelanjaan menggunakan kad kredit meningkat pada tahun 2004. Jumlah kad kredit dan nilai perbelanjaan oleh pemegang kad kredit Malaysia meningkat, masing-masing sebanyak 12.3% dan 18.8% (15.5% dan 16% pada tahun 2003). Dengan sejumlah besar daripada perbelanjaan adalah untuk pembelian barangan dan perkhidmatan, peratus bahagian pendahuluan tunai daripada jumlah perbelanjaan kad kredit terus menurun ke 7.5% (2003: 8.2%). Pada akhir tahun 2004, pinjaman tidak berbayar (NPL) bagi pinjaman kad kredit kekal rendah pada 4.7%, sementara pinjaman terkumpul kad kredit mencakupi 2.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan.

Kedudukan kewangan sektor isi rumah kekal kukuh. Pada tahun 2004, penunjuk-penunjuk keadaan kewangan sektor isi rumah memperlihatkan bahawa sektor tersebut mampu mengurus hutang mereka. Nisbah NPL kasar sektor isi rumah adalah lebih rendah pada 7.2% pada tahun 2004 (2003: 7.9%). Nisbah NPL kasar untuk pinjaman pembelian harta kediaman juga lebih rendah pada 8.5% pada akhir tahun 2004 (2003: 8.7%). Di samping itu, bilangan pesalah cek tak laku menurun sebanyak 6.5% berbanding setahun yang lalu.

Berikutan aktiviti ekonomi yang pesat, bekalan wang meningkat pada tahun 2004. Wang secara luas, M3, meningkat pada kadar tahunan 12.4%, didorong terutamanya oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi, iaitu RM82.2 bilion, yang sejumlah besar adalah dalam bentuk pelaburan langsung asing, pembawaan balik perolehan eksport dan aliran masuk dana

Graf 2.6
Agregat Monetari



Jadual 2.5
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2003	2004
M3	48.5	68.0
Mata wang	2.2	2.6
Deposit permintaan	11.2	10.1
Separuh wang secara luas	35.1	55.3
Deposit tetap	*17.1*	*24.7*
Deposit tabungan	*5.6*	*6.1*
NID	*2.0*	*8.2*
Repo	*8.0*	*13.3*
Deposit mata wang asing	*2.4*	*3.0*
Faktor Penentu M3		
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	12.9	-11.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	31.3	30.3
Pinjaman	*21.5*	*39.8*
Sekuriti	*9.8*	*-9.5*
Operasi luar bersih	20.7	82.2
Bank Negara Malaysia	*27.1*	*75.0*
Sistem perbankan	*-6.4*	*7.2*
Pengaruh lain	-16.5	-32.7

portfolio. Tambahan lagi, aktiviti pembiayaan sektor swasta yang lebih tinggi turut menyumbang kepada kenaikan bekalan wang pada tahun 2004, iaitu sebanyak RM30.3 bilion. Sebaliknya, konsolidasi fiskal Kerajaan memberi kesan penguncupan ke atas bekalan wang (-RM11.8 bilion).

M1, penunjuk untuk aktiviti urus niaga meningkat sebanyak 11.9% pada tahun 2004 (2003: 14.6%). Ini berikutan permintaan terhadap baki urus niaga oleh sektor isi rumah dan perusahaan perniagaan, termasuk wang tunai dan deposit permintaan, yang meningkat lagi sejajar dengan perbelanjaan isi rumah dan aktiviti runcit yang lebih tinggi. Pertumbuhan M1 nyata lebih tinggi pada separuh tahun pertama, tetapi meningkat dengan sederhana pada separuh tahun kedua, seiring dengan trend pertumbuhan ekonomi.

Graf 2.7
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Utama



PERKEMBANGAN KADAR PERTUKARAN MATA WANG

Rejim kadar pertukaran tetap ringgit pada kadar AS$1 kepada RM3.80 telah dikekalkan sejak 2 September 1998. Pariti tetap ringgit terus memberi manfaat yang besar kepada ekonomi Malaysia dengan menyediakan suasana yang dapat dijangka dan stabil untuk aktiviti perdagangan dan pelaburan.

Pada tahun 2004, perkembangan ringgit didorong terutamanya oleh penyusutan nilai dolar AS dan penjajaran semula mata wang utama dan serantau berbanding dengan mata wang AS. Berikutan kelemahan dolar, euro, paun sterling dan yen masing-masing meningkat nilai sebanyak 8.3%, 8.1% dan 4.2%. Dolar mencecah nilai yang terendah iaitu AS$1.3619 berbanding dengan euro pada 30 Disember 2004, AS$1.9455 berbanding dengan paun sterling pada 21 Disember 2004, iaitu paras terendah dalam tempoh 14 tahun, dan 102.105 berbanding dengan yen pada 6 Disember 2004, iaitu paras yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

Bagi tahun 2004 keseluruhannya, dolar menyusut nilai terutamanya berikutan kebimbangan mengenai defisit akaun semasa dan belanjawan AS yang semakin besar. Antara mata wang utama, penyelarasan terutamanya berlaku dalam euro ekoran pembelian aset dalam sebutan euro yang bertambah oleh pelabur. Berbanding dengan paun Britain, peningkatan kadar faedah UK yang berterusan pada sepanjang tahun meluaskan kebezaan jurang kadar

Jadual 2.6
Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing[1]				Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)	
	1997	1998	2003	2004	2003	2004	Akhir Jun '97- Akhir Dis. 2004	2 Sep. '98 - Akhir Dis. 2004
	Akhir Jun[2]	Sep. 2[3]	Akhir Dis.					
SDR	3.5030	5.1177	5.6264	5.8818	-8.5	-4.3	-40.4	-13.0
AS$	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	-33.6	0.0
S$	1.7647	2.1998	2.2342	2.3258	-2.0	-3.9	-24.1	-5.4
100 yen	2.2088	2.7742	3.5546	3.7026	-9.9	-4.0	-40.3	-25.1
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.7678	7.3169	-10.0	-7.5	-42.6	-12.9
Franc Swiss	1.7368	2.6450	3.0632	3.3517	-10.6	-8.6	-48.2	-21.1
Euro[4]	–	–	4.7783	5.1729	-16.7	-7.6	–	–
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.5947	9.7636	-8.2	-1.7	-0.2	-4.0
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0449	0.0408	-5.3	9.8	154.1	-13.3
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3180	0.3671	0.6	-13.4	-22.6	-23.0
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.8431	6.7706	4.4	1.1	41.6	30.4

[1] Kadar AS$ ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur. Kadar bagi mata wang asing selain daripada AS$ adalah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding AS$ dan kadar RM/AS$.
[2] Akhir Jun 1997 merupakan tahap sebelum Krisis Kewangan Asia.
[3] Ringgit ditetapkan pada AS$1=RM3.8000 pada 2 September 1998.
[4] Euro mula diperdagangkan pada 4 Januari 1999 (EUR 1= RM4.5050).

Graf 2.8
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Serantau Terpilih



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan peningkatan nilai mata wang tersebut berbanding ringgit.

faedah dengan memihak kepada UK dan ini telah memberi sokongan yang kukuh terhadap mata wang negara tersebut. Pada masa yang sama, yen bertambah kukuh ekoran tanda-tanda bahawa terdapat pemulihan dalam ekonomi Jepun.

Namun begitu, kelemahan dolar diselangi oleh peningkatan nilai dolar yang ketara pada suku kedua dan ketiga tahun 2004. Peningkatan nilai dolar ini sebahagiannya dibantu oleh kenaikan sebanyak lima kali dalam Kadar *Federal Fund* pada separuh kedua tahun tersebut, yang mengubah jurang kadar hasil untuk lebih memihak kepada AS, manakala prestasi Jerman dan Perancis yang lebih lembap sedikit sebanyak menjejaskan euro. Sementara itu, pengukuhan yen telah dibatasi oleh kebimbangan terhadap campur tangan bank pusat. Walau bagaimanapun, sejak bulan September, dolar mula menyusut nilai dengan ketara ekoran tanggapan pasaran pertukaran asing bahawa AS mengamalkan dasar dolar yang lemah bagi menangani ketidakseimbangan luaran negara tersebut.

Di bawah rejim kadar pertukaran tetap, ringgit menyusut nilai seiring dengan dolar AS berbanding dengan euro sebanyak 7.6%, berbanding dengan paun sterling sebanyak 7.5% dan berbanding dengan yen sebanyak 4%. Ringgit menyusut nilai dalam julat 1.7% hingga 13.4% berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Namun, ringgit menambah nilai berbanding dengan peso Filipina dan rupiah Indonesia, masing-masing sebanyak 1.1% dan 9.8%. Naik nilai kadar pertukaran serantau dipengaruhi terutamanya oleh kelemahan dolar, pertumbuhan eksport yang kukuh dan aliran masuk ekuiti asing. Ini mengimbangi kebimbangan terhadap harga minyak yang lebih tinggi dan kemungkinan pengetatan dasar oleh RR China yang akan memberi kesan ke atas ekonomi negara tersebut secara lebih ketara daripada jangkaan.

Kelemahan dolar AS menguatkan sesetengah jangkaan pasaran bahawa dasar kadar pertukaran tetap ringgit akan dikaji semula, terutamanya berikutan banyak spekulasi bahawa RR China sedang mempertimbangkan peralihan kepada rejim kadar pertukaran yang lebih fleksibel. Spekulasi mengenai masa dan sifat penyelarasan terhadap kadar pertukaran tetap ringgit berubah-ubah selaras dengan intensiti perdebatan mengenai yuan China dan pergerakan dolar AS berbanding dengan mata wang utama yang lain, terutamanya yen dan euro. Sungguh pun terdapat spekulasi yang berleluasa ini, kadar pertukaran tetap ringgit dijangka terus berfungsi dengan berkesan. Bank Negara Malaysia dengan konsisten telah menegaskan bahawa dasar mengenai ringgit tidak akan dikaji semula kecuali ringgit dijangka mengalami ketidakjajaran yang amat ketara dan untuk satu tempoh masa yang panjang, atau pun sekiranya rejim sekarang tidak lagi konsisten dengan asas-asas makroekonomi negara berikutan perubahan struktur yang besar dalam sistem kewangan antarabangsa atau serantau.

DASAR DAN OPERASI FISKAL

Matlamat dasar fiskal pada tahun 2004 adalah untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan, di samping membantu mempertingkatkan peranan sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan. Matlamat ini selaras dengan strategi makroekonomi keseluruhan untuk merangsang dan mempercepatkan pertumbuhan berasaskan sumber dalam negeri. Memandangkan perlunya satu dasar yang fleksibel dalam keadaan yang tidak menentu, komitmen Kerajaan yang mantap terhadap pelaksanaan dasar konsolidasi fiskal terbukti dengan pengurangan defisit fiskal kepada 4.3% daripada KDNK pada tahun 2004, berbanding dengan 5.3% pada tahun 2003 dan paras yang tinggi sebanyak 5.7% pada tahun 2000. Pengurangan defisit fiskal yang stabil dan secara beransur-ansur adalah perlu bagi meminimumkan sebarang kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Konsolidasi fiskal dicapai melalui pertambahan hasil dan perbelanjaan yang lebih cekap dan berkesan. Antara langkah-langkah yang diambil untuk menambahkan hasil termasuk meningkatkan usaha-usaha melalui penguatkuasaan yang tegas, audit cukai dan langkah-langkah mencegah penyeludupan bagi meminimumkan kehilangan hasil dan pengelakan cukai.

Dari segi pentadbiran perbelanjaan, usaha-usaha bersepadu diambil bagi mengurangkan pembaziran, menggunakan sumber sedia ada dengan optimum dan meningkatkan nilai ekonomi bagi aset fizikal melalui penggunaan dan penyelenggaraan yang produktif. Walaupun perbelanjaan pembangunan menurun, keutamaan diberikan pada perbelanjaan yang dapat menjamin produktiviti dan daya saing ekonomi jangka panjang. Perhatian khusus juga diberikan pada projek-projek kecil dalam sektor pertanian dan pembangunan luar bandar bagi memperluas faedah pertumbuhan dan mengimbangi pembangunan ekonomi.

Bagi memastikan projek-projek sosial dan pembangunan luar bandar terus diberi keutamaan, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan tahap maksimum perbelanjaan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-05) sebanyak RM10 bilion kepada RM170 bilion. Tindakan ini perlu kerana sebahagian besar daripada peruntukan asal telah digunakan pada tahun 2001-03, berikutan strategi propertumbuhan dan langkah-langkah penstabilan yang diambil untuk meringankan tekanan kemerosotan. Pada tempoh tersebut, pelaksanaan projek-projek sosial dan ekonomi, terutamanya dalam sektor pendidikan dan kesihatan telah dilaksanakan lebih awal dan dipercepatkan. Hasilnya, peruntukan yang lebih tinggi ini telah mengurangkan kesan kejatuhan mendadak perbelanjaan pembangunan ke atas ekonomi dan seterusnya memastikan momentum pertumbuhan tidak terjejas.

Pada masa yang sama, dasar telah menjurus ke arah memastikan sektor awam yang lebih cekap. Antara kemajuan yang telah dicapai dalam sistem penghantaran sektor awam termasuk memudahkan peraturan dan pengawalan sedia ada serta proses kerja. Seterusnya, kajian semula pengurusan dan penyusunan semula syarikat berkaitan Kerajaan telah dilaksanakan untuk menerapkan budaya berasaskan prestasi dan meningkatkan nilai syer pemegang saham. Langkah ini membantu meningkatkan keyakinan para pelabur dan menghasilkan persekitaran perniagaan yang lebih memberangsangkan kepada ekonomi negara.

Kerajaan juga menawarkan tambahan pelepasan cukai, insentif dan kemudahan pembiayaan bagi sektor swasta untuk meningkatkan peranan mereka dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk menaikkan paras ambang bagi pendapatan bercukai untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dikenakan cukai pendapatan 20% kepada RM500,000 (daripada RM100,000). Langkah-langkah lain ialah mewujudkan agensi setempat untuk menggalakkan sektor perkhidmatan, memberi insentif cukai bagi syarikat-syarikat yang membekalkan rangkaian kemudahan bilik sejuk serta perkhidmatan untuk hasil pertanian yang mudah rosak, memberi galakan tambahan insentif cukai bagi hotel dan projek pelancongan, meningkatkan saiz Skim Kredit Mikro sebanyak RM1 bilion, membenarkan potongan bagi perbelanjaan keraian ke atas promosi jualan, mengurangkan atau menghapuskan duti import bagi barangan terpilih seperti bateri komputer, barangan kayu dan plastik dan juga mengurangkan dan menghapuskan duti eksport terhadap beberapa keluaran dan komoditi pertanian. Strategi-strategi ini menyumbang kepada persekitaran yang meningkatkan momentum kegiatan sektor swasta dalam menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Sumbangan sektor swasta terhadap pertumbuhan ekonomi negara meningkat kepada 6.2 mata peratusan pada tahun 2004 (2003: 3.1% dan 2002: 0.2%).

Konsolidasi fiskal kekal seperti yang dirancang. Operasi bajet terus tertumpu pada usaha menyediakan keadaan persekitaran yang mendorong aktiviti sektor swasta dan merangsang potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Dengan keadaan mudah tunai yang berlebihan dalam ekonomi, sebahagian besar daripada keperluan pembiayaan Kerajaan diperoleh daripada sumber dalam negeri tanpa menjejaskan peluang sektor swasta untuk mendapatkan pinjaman. Terbitan baru sekuriti kerajaan yang mempunyai tempoh matang antara 3, 5 dan 7 tahun diterbitkan pada kadar purata hasil antara 3.14 – 4.55% dan bagi sekuriti yang mempunyai tempoh matang 10 dan 15 tahun, kadar purata hasil adalah antara 5.09 - 5.73%. Kerajaan terus mengamalkan sikap berhemat dalam hal peminjaman luar negeri bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko luar. Pada tahun 2004, perolehan pinjaman luar negeri dihadkan kepada pengeluaran pinjaman projek yang telah diluluskan sebelum ini.

Mencerminkan komitmen yang kukuh terhadap dasar konsolidasi fiskal, Kerajaan dapat mengekalkan hutangnya pada paras yang terurus. Pada akhir tahun 2004, paras hutang berada pada tahap 48.4% daripada KDNK, dengan hutang luar negeri mencakupi 16% daripada jumlah hutang.

Sektor Awam Yang Disatukan

Kedudukan kewangan sektor awam yang disatukan bertambah baik pada tahun 2004. Walaupun hasil kekal memberangsangkan, perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi mengakibatkan lebihan semasa sektor awam menurun kepada 14.8% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang lebih rendah menyumbang kepada defisit keseluruhan sektor awam yang lebih kecil sebanyak RM1.5 bilion atau 0.3% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

Mencerminkan dasar konsolidasi fiskal, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak RM19.4 bilion atau 4.3% daripada KDNK pada tahun 2004 (2003: -5.3% daripada KDNK). Kedudukan fiskal yang bertambah baik disebabkan oleh pungutan hasil yang lebih baik dan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah.

Hasil Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 7.3% kepada RM99.4 bilion atau 22.2% daripada KDNK pada tahun 2004. Prestasi hasil yang lebih baik disebabkan oleh pungutan yang lebih tinggi daripada cukai langsung dan tidak langsung. Penerimaan hasil bukan cukai kekal menggalakkan.

Pungutan hasil cukai yang lebih tinggi mencerminkan prestasi ekonomi yang bertambah baik serta harga minyak yang tinggi pada tahun sebelumnya. Pungutan yang lebih tinggi juga disebabkan oleh beberapa langkah yang dilaksanakan bagi meningkatkan pungutan cukai dan mengurangkan kehilangan hasil dan pengelakan cukai. Langkah-langkah ini termasuk merasionalkan struktur cukai, memperhebat usaha memungut cukai melalui penguatkuasaan yang lebih tegas, audit cukai dan langkah-langkah mencegah penyeludupan. Perolehan cukai pendapatan meningkat dengan ketara, mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah hasil (46%). Yang penting, perolehan daripada cukai pendapatan petroleum mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 35.6% berikutan harga minyak yang lebih tinggi dengan harga purata AS$30.30 setong pada tahun 2003 (asas cukai untuk tahun 2004) serta peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah. Pendapatan perseorangan dan perolehan perusahaan perniagaan yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan cukai pendapatan perseorangan dan korporat, meskipun konsesi cukai telah dilaksanakan dalam Bajet 2004 bagi mengurangkan bebanan cukai ke atas individu dan

Jadual 2.7
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2003	2004*a*	2005*r*
	RM juta		
Hasil[1]	107,055	116,663	115,760
Perbelanjaan mengurus	84,163	102,727	100,091
Lebihan semasa PABK[2]	55,651	52,295	52,892
Imbangan semasa	**78,543**	**66,231**	**68,560**
% daripada KDNK	**19.9**	**14.8**	**14.6**
Perbelanjaan pembangunan bersih[3]	83,315	67,772	63,523
Sektor kerajaan[4]	*43,155*	*33,638*	*33,175*
PABK	*40,160*	*34,135*	*30,348*
Imbangan keseluruhan	**-4,772**	**-1,541**	**5,037**
% daripada KDNK	**-1.2**	**-0.3**	**1.1**

[1] Tidak termasuk bayaran pindahan antara sektor kerajaan.
[2] Merujuk kepada 34 PABK pada tahun 2003 dan 2004; 36 PABK pada tahun 2002.
[3] Mengambil kira bayaran pindahan dan pinjaman bersih antara sektor awam.
[4] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan berkanun dan kerajaan tempatan.
a Anggaran
r Ramalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan, kerajaan negeri dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual 2.8
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2003	2004*a*	Bajet 2005
	RM juta		
Hasil	92,608	99,397	99,102[1]
Perbelanjaan mengurus	75,224	91,298	89,141
Akaun semasa	**17,384**	**8,099**	**9,961**
% daripada KDNK	**4.4**	**1.8**	**2.1**
Perbelanjaan pembangunan bersih	38,312	27,518	27,589
Perbelanjaan pembangunan kasar	*39,353*	*28,864*	*28,304*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	*1,041*	*1,346*	*715*
Imbangan keseluruhan	**-20,928**	**-19,419**	**-17,628**
% daripada KDNK	**-5.3**	**-4.3**	**-3.8**
Sumber pembiayaan:			
Peminjaman dalam negeri bersih	23,250	25,650	–
Peminjaman kasar	*41,850*	*45,850*	–
Tolak: Pembayaran balik	*18,600*	*20,200*	–
Peminjaman luar negeri bersih	-3,709	120	–
Peminjaman kasar	*3,144*	*1,136*	–
Tolak: Pembayaran balik	*6,853*	*1,015*	–
Penerimaan khas	0	516	–
Harta boleh jual[2] dan pelarasan	+1,387	-6,867	
Jumlah	**20,928**	**19,419**	**–**

[1] Termasuk terimaan hasil bersih.
[2] Termasuk perubahan dalam baki Tabung Amanah Kerajaan.
Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Graf 2.9

Kewangan Kerajaan Persekutuan



Hutang Kerajaan Persekutuan



a awalan

PKS. Konsesi cukai ini termasuk kenaikan pelepasan cukai untuk anak daripada RM800 kepada RM1,000 untuk anak di bawah 18 tahun dan daripada RM3,200 kepada RM4,000 untuk anak berumur 18 tahun ke atas yang sedang belajar di institusi pengajian tinggi tempatan dan paras ambang bagi pendapatan bercukai yang layak dikenakan cukai pendapatan korporat yang lebih rendah iaitu 20% bagi PKS dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM500,000.

Keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh pada tahun 2004 menghasilkan pungutan yang lebih tinggi bagi kebanyakan sumber utama cukai tidak langsung. Khususnya, permintaan terhadap kenderaan bermotor yang terus meningkat berserta langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet 2004 menyumbang kepada pungutan duti eksais yang lebih tinggi. Antara langkah baru ialah kenaikan duti eksais bagi rokok dan keluaran tembakau dan langkah-langkah membendung aktiviti penyeludupan melalui penggunaan pelekat khas atau banderol serta dakwat keselamatan. Pada tahun 2004, terdapat perasionalan bagi struktur tarif ke atas kenderaan bermotor sejajar dengan komitmen Malaysia kepada perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004, di bawah struktur tarif baru duti import untuk pemasangan tempatan (CKD) kereta penumpang ASEAN telah diturunkan kepada 25% (daripada 42-80%), manakala eksais duti yang lebih tinggi sebanyak 60-100% dikenakan (daripada 25-65%). Walau bagaimanapun, pungutan duti import tidak banyak berubah. Pungutan cukai jualan juga lebih rendah disebabkan oleh pengecualian cukai yang lebih tinggi diberikan kepada keluaran petroleum. Di bawah Mekanisme Harga Automatik, pengecualian cukai yang lebih tinggi akan diberikan kepada syarikat minyak bagi mengurangkan kesan kenaikan harga minyak yang lebih tinggi ke atas harga runcit keluaran petroleum.

Selaras dengan dasar konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan, pertumbuhan dalam jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih rendah sebanyak 4.9% pada tahun 2004 (2003: 9.5%). Teras perbelanjaan Kerajaan secara keseluruhan adalah untuk terus menyediakan persekitaran yang menyokong sektor swasta dan meningkat kapasiti daya keluaran serta kualiti hidup rakyat Malaysia. Subsidi ke atas keluaran petroleum yang sangat tinggi merupakan penyebab utama **perbelanjaan mengurus** meningkat sebanyak 21.4% pada tahun 2004. Peningkatan harga minyak yang sangat tinggi mengakibatkan subsidi meningkat dengan ketara, terutamanya untuk keluaran petroleum. Di bawah Mekanisme Harga Automatik, Kerajaan dikehendaki membayar subsidi kepada syarikat minyak jika pengecualian duti yang diberikan tidak cukup untuk menampung hasil yang hilang akibat daripada peningkatan harga minyak. Ini bertujuan untuk mengekalkan kestabilan harga runcit keluaran petroleum. Bagi mengurangkan sebahagian daripada kesan

Jadual 2.9
Hasil Kerajaan Persekutuan

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)	
Hasil cukai	**64,891**	**72,050**	**-2.9**	**11.0**
% daripada KDNK	**16.5**	**16.1**		
Cukai langsung	43,016	48,703	-3.0	13.2
Syarikat	*23,990*	*24,388*	*-2.6*	*1.7*
Petroleum	*8,466*	*11,479*	*10.9*	*35.6*
Individu	*7,984*	*8,977*	*-19.3*	*12.4*
Duti setem	*2,008*	*2,381*	*15.9*	*18.6*
Lain-lain	*568*	*1,478*	*26.0*	*160.0*
Cukai tidak langsung	21,875	23,348	-2.8	6.7
Duti eksport	*1,156*	*1,600*	*43.9*	*38.3*
Duti import	*3,919*	*3,874*	*6.9*	*-1.1*
Duti eksais	*5,031*	*6,427*	*6.0*	*27.7*
Cukai jualan	*7,965*	*6,816*	*-13.8*	*-14.4*
Cukai perkhidmatan	*2,038*	*2,349*	*-7.9*	*15.3*
Lain-lain	*1,766*	*2,281*	*-3.8*	*29.2*
Hasil bukan cukai	**27,717**	**27,347**	**66.4**	**-1.3**
Jumlah hasil	**92,608**	**99,397**	**10.9**	**7.3**
% daripada KDNK	**23.5**	**22.2**		

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Graf 2.10
Komposisi Hasil Kerajaan Persekutuan, 2004 (% bahagian)



peningkatan harga minyak yang berterusan ke atas bayaran subsidi, Kerajaan menaikkan harga runcit keluaran petroleum sebanyak dua sen berkuat kuasa mulai 1 Mei dan sebanyak lima sen berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2004. Perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan adalah terutamanya untuk penyelenggaraan dan pembaikan, sewa dan bayaran perkhidmatan profesional bagi menaikkan taraf kualiti dan kecekapan perkhidmatan Kerajaan.

Bayaran yang lebih tinggi telah diberikan dalam bentuk pemberian dan pindahan kepada agensi-agensi kerajaan, badan berkanun dan kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan dan penyelenggaraan. Peningkatan yang ketara dicatatkan dalam bayaran balik lebihan cukai yang dipungut sebelum tahun 2004. Jumlah pembayaran gaji, yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus (26%), meningkat sebanyak 9.5%. Sepanjang tahun 2004, Kerajaan telah meningkatkan lagi insentif dalam bidang perguruan dengan kenaikan gaji sebanyak 20% untuk guru yang mempunyai prestasi cemerlang dan juga peningkatan gaji untuk anggota tentera. Bayaran khidmat hutang adalah lebih tinggi sedikit, mencerminkan tahap pembiayaan yang lebih tinggi diambil untuk membiayai defisit Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, bahagian perbelanjaan khidmat hutang daripada perbelanjaan mengurus menurun kepada 12% (2003: 14%).

Jadual 2.10
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta		% bahagian	
Emolumen	21,721	23,779	28.9	26.0
Bekalan dan perkhidmatan	13,968	16,633	18.6	18.2
Pembelian harta	1,409	1,764	1.9	1.9
Bayaran khidmat hutang	10,546	10,920	14.0	12.0
Pencen dan ganjaran	5,870	6,060	7.8	6.6
Subsidi	2,679	5,796	3.6	6.3
Lain-lain pemberian dan pindahan[1]	16,323	21,264	21.7	23.3
Lain-lain perbelanjaan[2]	2,706	5,083	3.6	5.6
Jumlah	**75,224**	**91,298**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**19.1**	**20.4**		

[1] Termasuk pemberian dan pindahan kepada kerajaan negeri serta agensi perusahaan awam.
[2] Termasuk bayaran balik, pemberian kepada organisasi antarabangsa, tuntutan insurans dan ganjaran dan lain-lain.
a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

Perbelanjaan pembangunan kasar menurun dengan ketara sebanyak 26.7% kepada RM28.9 bilion pada tahun 2004 (2003: RM39.4 bilion). Dengan memberi lebih penekanan ke atas pertanian dan pembangunan luar bandar serta projek kemudahan awam, perbelanjaan yang tinggi telah dicatatkan dalam sektor-sektor tersebut.

Dari segi pengagihan mengikut sektor, sektor perkhidmatan ekonomi merupakan komponen terbesar daripada jumlah perbelanjaan pembangunan dengan bahagian sektor tersebut meningkat kepada 41%. Perbelanjaan yang lebih bagi pertanian dan pembangunan luar bandar serta kemudahan awam seperti jalan raya, program bekalan air dan elektrik, mencerminkan usaha-usaha Kerajaan untuk terus memodenkan sektor pertanian dan menaikkan taraf kehidupan di kawasan luar bandar. Perbelanjaan untuk subsektor pengangkutan kekal memberangsangkan, selaras dengan objektif Kerajaan untuk menggalakkan rangkaian pengangkutan bersepadu yang lebih cekap dan berkesan. Perbelanjaan telah disalurkan terutamanya untuk pembinaan dan menaik

Jadual 2.11
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta		% bahagian	
Pertahanan dan keselamatan	6,029	4,133	15.3	14.3
Perkhidmatan ekonomi	13,793	11,851	35.0	41.1
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,620	2,881	4.1	10.0
Perdagangan dan industri	3,456	1,201	8.8	4.2
Pengangkutan	7,354	6,630	18.7	23.0
Kemudahan awam	920	945	2.3	3.3
Lain-lain	443	193	1.1	0.6
Perkhidmatan sosial	17,707	10,260	45.0	35.5
Pendidikan	10,193	4,316	25.9	15.0
Kesihatan	2,681	2,352	6.8	8.1
Perumahan	1,928	1,593	4.9	5.5
Lain-lain	2,905	1,999	7.4	6.9
Pentadbiran am	1,824	2,620	4.7	9.1
Jumlah	**39,353**	**28,864**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**10.0**	**6.4**		

a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

taraf jalan raya, jambatan, serta memperbaiki dan meningkatkan kapasiti sistem keretapi, pelabuhan dan lapangan terbang. Perbelanjaan di bawah subsektor perdagangan dan industri tertumpu pada penyelidikan industri dan pembangunan teknologi, penggalakan PKS dan projek pembangunan pelancongan.

Dalam sektor perkhidmatan sosial, keutamaan terus diberikan kepada subsektor pendidikan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan untuk subsektor pendidikan adalah ketara lebih rendah disebabkan sebahagian besar daripada projek dalam sektor ini di bawah Rancangan Malaysia Kelapan telah siap. Sebagai sebahagian daripada program rangsangan fiskal yang lepas, pelaksanaan sekolah satu sesi dan pembinaan makmal komputer, politeknik dan universiti telah dipercepat pada tahun 2001-03. Perbelanjaan untuk tujuan kesihatan juga kekal tinggi bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan yang lebih baik. Sebahagian besar perbelanjaan ini adalah untuk pembinaan dan menaik taraf hospital dan penyediaan perkhidmatan kesihatan luar bandar. Kerajaan juga terus melaksanakan projek perumahan untuk kakitangan sektor awam dan kumpulan berpendapatan rendah. Perbelanjaan untuk pertahanan dan bagi tujuan keselamatan dalam negeri terutamanya adalah untuk program memodenkan angkatan tentera dan polis. Perbelanjaan pentadbiran am yang lebih tinggi adalah terutamanya bagi pembangunan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) serta pembelian kelengkapan bangunan baru Kerajaan.

Jumlah **pinjaman kasar** Kerajaan Persekutuan pada tahun 2004 adalah sebanyak RM47 bilion (RM45 bilion pada tahun 2003). Hampir keseluruhan keperluan pembiayaan (98% daripada jumlah) diperoleh daripada sumber dalam negeri kerana terdapat lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan. Terbitan sekuriti kerajaan yang kerap terus membantu membangun pasaran bon ringgit dengan memastikan keluk hasil tanda aras yang lebih reflektif.

Sepanjang tahun 2004, empat belas terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berjumlah RM41.8 bilion telah diterbitkan secara tender terbuka dan tawaran persendirian. Daripada jumlah ini, Kerajaan membuka semula sembilan terbitan MGS bagi menambah saiz terbitan masing-masing, yang dapat membantu meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bon. Kerajaan juga mengeluarkan tiga Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) berjumlah RM4.1 bilion. Dari segi pegangan, kumpulan wang simpanan dan pencen serta syarikat insurans terus merupakan pemegang utama MGS. Institusi perbankan menambah pegangan MGS kepada 15% daripada jumlah MGS terkumpul pada akhir tahun 2004. Pemegang utama GII ialah institusi perbankan (74% daripada jumlah terkumpul).

Selaras dengan dasar pengurusan hutang berhemat, Kerajaan telah mengehadkan pinjaman dari luar negeri kepada hanya pengeluaran pinjaman projek yang sedia ada. Sebanyak RM1.1 bilion telah dikeluarkan daripada sumber dua hala dan pelbagai hala. Pada tahun 2004, Kerajaan telah memindahkan dua pinjamannya kepada agensi-agensi kerajaan. Oleh itu, tahap pinjaman luar negeri Kerajaan Persekutuan adalah lebih rendah pada

Jadual 2.12
Hutang Kerajaan Persekutuan

	Perubahan tahunan		Pada akhir 2004*a*
	2003	2004*a*	
	Nilai nominal dalam RM juta		
Hutang dalam negeri	**22,803**	**30,487**	**181,970**
Bil Perbendaharaan	0	0	4,320
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000	2,100	9,100
Sekuriti Kerajaan Malaysia	21,250	23,550	154,350
Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	2,628	4,837	14,200
Pinjaman pasaran	-3,075	0	0
Hutang luar negeri	**1,001**	**-2,631**	**34,654**
Pinjaman pasaran	-485	-3,259	24,930
Pinjaman projek	1,486	629	9,724
Jumlah	**23,804**	**27,856**	**216,624**
% daripada KDNK			**48.4**

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Graf 2.11
Hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

7.7% daripada KDNK pada akhir tahun 2004, berbanding dengan 9.5% pada akhir tahun 2003.

Jumlah **hutang terkumpul** Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM216.6 bilion disebabkan terutamanya oleh hutang dalam negeri yang lebih tinggi. Dari segi nisbah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan kepada KDNK, ia meningkat sedikit, iaitu pada 48.4% pada akhir tahun 2004 (47.9% pada akhir tahun 2003). Walaupun paras hutang lebih tinggi, kapasiti Kerajaan untuk membayar khidmat hutang terus kekal pada tahap berhemat dan terurus. Bayaran khidmat hutang sebagai peratusan perbelanjaan mengurus dan hasil, kekal rendah, masing-masing pada 12% dan 11% pada tahun 2004. Nisbah khidmat hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan juga rendah pada 0.5% pada tahun 2004, berikutan pendedahan kepada hutang luar negeri yang rendah, iaitu sebanyak 16% daripada jumlah hutang terkumpul pada tahun 2004 (19.8% pada tahun 2003). Pengurusan hutang yang aktif juga mengurangkan pembayaran balik serentak kebanyakan hutang, dengan kira-kira 60% daripada hutang luar negeri pada akhir tahun 2004 mempunyai tempoh matang melebihi tiga tahun. Sejumlah besar daripada pinjaman (kira-kira 95%) diperoleh pada kadar faedah tetap, seterusnya mengurangkan pendedahan terhadap sebarang turun naik pada kadar faedah.

Jadual 2.13
Milikan Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		% bahagian	
Bil Perbendaharaan	**4,320**	**4,320**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	67	17	1.6	0.4
Institusi perbankan	3,266	481	75.6	11.1
Lain-lain	986	3,822	22.8	88.5
Terbitan Pelaburan Kerajaan	**7,000**	**9,100**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	390	597	5.6	6.6
Institusi perbankan	6,611	6,755	94.4	74.2
Lain-lain	0	1,748	0.0	19.2
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**130,800**	**154,350**	**100.0**	**100.0**
Institusi keselamatan sosial dan insurans	99,162	109,362	75.8	70.9
antaranya:				
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*84,678*	*91,402*	*64.7*	*59.2*
Syarikat insurans	*11,598*	*14,700*	*8.9*	*9.5*
Institusi perbankan	19,008	23,427	14.5	15.2
Lain-lain	12,630	21,560	9.7	14.0

a Awalan

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Kerajaan Negeri

Berdasarkan anggaran awal, kedudukan kewangan kerajaan negeri yang disatukan telah mencatat defisit keseluruhan sebanyak 0.3% daripada KDNK. Kemerosotan kecil ini disebabkan oleh perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang lebih tinggi walaupun prestasi hasil adalah lebih kukuh. Defisit keseluruhan telah dibiayai oleh pengeluaran aset kewangan terkumpul kerajaan negeri dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Jadual 2.14
Kewangan Kerajaan Negeri Yang Disatukan

	2003	2004*a*	Bajet 2005
	RM juta		
Hasil	8,541	10,085	10,183
Sumber negeri	*7,217*	*8,277*	*7,448*
Pemberian dan pindahan Persekutuan	*1,324*	*1,808*	*2,735*
Perbelanjaan mengurus	5,307	6,796	6,787
Lebihan semasa	**3,234**	**3,289**	**3,396**
% daripada KDNK	**0.8**	**0.7**	**0.7**
Perbelanjaan pembangunan bersih	3,817	4,739	4,852
Perbelanjaan pembangunan kasar	*4,362*	*4,856*	*4,969*
Tolak: Bayaran balik pinjaman	*545*	*117*	*117*
Imbangan keseluruhan	**-583**	**-1,451**	**-1,456**
% daripada KDNK	**-0.1**	**-0.3**	**-0.3**
Sumber-sumber pembiayaan:			
Pinjaman bersih Persekutuan	1,033	440	385
Harta boleh jual[1]	-450	+1,011	+1,071
Jumlah	**583**	**1,451**	**1,456**

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul.
a Anggaran
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kerajaan negeri

Pada tahun 2004, hasil yang lebih tinggi telah diperoleh daripada sumber-sumber kerajaan negeri dan Persekutuan. Hasil daripada sumber kerajaan negeri diperkukuh terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada petroluem dan gas, serta pulangan pelaburan yang lebih baik. Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, perolehan daripada sumber Kerajaan Persekutuan disalur untuk membantu kerajaan negeri menyediakan infrastruktur dan kemudahan penting bagi mempertingkatkan kualiti hidup rakyat.

Peningkatan dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan kerajaan negeri mencerminkan usaha yang dilakukan untuk meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan awam. Perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh emolumen dan pembayaran bagi bekalan dan perkhidmatan yang meningkat. Sebahagian besar peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan disalur untuk pertanian dan pembangunan luar bandar, pengembangan dan peningkatan utiliti awam dan pembangunan perumahan.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)

Berdasarkan anggaran awal, kedudukan kewangan yang disatukan bagi 34 buah PABK terus mencatat lebihan keseluruhan. Hasil PABK yang disatukan meningkat sebanyak 4.2% kepada RM162.3 bilion, berikutan perolehan yang lebih tinggi daripada sektor yang berkaitan dengan minyak dan gas, telekomunikasi dan utiliti, sektor perkilangan dan perkhidmatan. Prestasi hasil yang lebih baik disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang lebih tinggi dan kenaikan harga minyak mentah dan gas. Di samping itu, keuntungan luar biasa daripada penjualan aset turut menyumbang kepada peningkatan dalam hasil.

Jadual 2.15
Kewangan PABK yang Disatukan[1]

	2002	2003	2004*a*
	RM juta		
Hasil	126,562	155,867	162,337
Perbelanjaan semasa	80,951	99,429	109,980
Imbangan semasa	**45,611**	**56,438**	**52,358**
% daripada KDNK	**12.6**	**14.3**	**11.7**
Perbelanjaan pembangunan[2]	32,297	40,160	34,135
Imbangan keseluruhan	**13,314**	**16,278**	**18,223**
% daripada KDNK	**3.7**	**4.1**	**4.1**

[1] Merujuk kepada 34 PABK pada tahun 2003 dan 2004; 36 PABK pada tahun 2002.
[2] Termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.
a Anggaran

Nota: Jumlah tidak semestikan tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Namun begitu, akaun semasa mencatat lebihan yang kecil sedikit, iaitu sebanyak 11.7% daripada KDNK. Ini disebabkan oleh perbelanjaan semasa yang lebih tinggi berikutan pengembangan perniagaan dan harga bahan mentah dan input yang meningkat, terutamanya minyak mentah.

Perbelanjaan pembangunan dikekalkan pada tahap yang tinggi. Perbelanjaan modal disalurkan untuk pengembangan kapasiti di dalam dan luar negeri. Sebahagian besar projek pembangunan telah dilaksanakan oleh PABK yang lebih besar seperti Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB). Pada tahun 2004, PETRONAS meneruskan pelaburan di dalam dan di luar negeri untuk aktiviti-aktiviti huluan dan hiliran. Pembelian ekuiti saham dalam projek gas asli cecair (LNG) di Mesir dan Dragon Terminal di Milford Haven, United Kingdom merupakan langkah penting dan bermakna bagi PETRONAS untuk menembusi pasaran LNG di Kawasan Atlantik. Tahun 2004 juga menyaksikan ikatan rasmi Pars LNG, satu usaha sama PETRONAS dengan National Iranian Oil Company dan TOTAL S.A. Dalam usaha sama tersebut, PETRONAS memegang ekuiti sebanyak 20%. Usaha sama ini membolehkan PETRONAS memperkukuh kedudukannya sebagai pembekal di Timur Tengah. Projek-projek lain yang dilaksanakan termasuk penerusan pembinaan kapal tangki gas asli cecair dan petroleum, dan pembinaan bangunan dan kuarters kakitangan kerajaan yang selebihnya, serta pembinaan bangunan komersial dan kerja-kerja infrastruktur. Sementara itu, projek-projek antarabangsa yang dilaksanakan oleh PETRONAS merangkumi projek cari gali dan pengeluaran minyak di Mesir, Vietnam, Sudan, Iran dan Indonesia.

Bahagian yang besar daripada perbelanjaan modal TNB ditumpukan pada pembangunan dan peningkatan keupayaan penjanaan, penghantaran dan pengedaran bekalan elektrik. Ini diperlukan bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan berterusan bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat daripada pengguna dalam sektor komersial dan perindustrian serta pengguna di rumah kediaman. Projek-projek yang dilaksanakan termasuk Pembaikan Semula Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar Fasa I dan II di Port Dickson, Stesen Janakuasa Yan, Projek Sistem Kitar Padu Gelugor dan Sistem Pemantauan Kualiti Tenaga. TMB terus meningkatkan dan mengembangkan infrastruktur telekomunikasi dan perkhidmatannya, termasuk rangkaian kabel dasar laut yang menghubungkan rantau Asia Pasifik, sewaan talian bagi protokol Internet dan *Virtual Private Network* untuk Kerajaan.

Prospek dan Dasar

88-94 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
94-101 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2005
101-102 Dasar Monetari pada Tahun 2005
102-103 Dasar Fiskal pada Tahun 2005
103-105 Dasar Sektor Kewangan pada Tahun 2005
106 *Rencana: Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing*

Prospek dan Dasar

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Perkembangan pada tahun 2004

Pada tahun 2004, ekonomi dunia berkembang 4.8%, yakni kadar pertumbuhan terpantas semenjak tahun 1984. Pertumbuhan diterajui oleh Amerika Syarikat (AS) serta diperkukuh oleh pertumbuhan di rantau Asia dan pemulihan semula dalam pertumbuhan di Jepun dan Eropah. Pada separuh tahun pertama, pertumbuhan yang dicapai telah mengatasi trend. Ini mencerminkan pemulihan yang nyata daripada pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun 2003 akibat ketidaktentuan ekonomi ekoran perang di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) di Asia. Sungguhpun terdapat kesan kelembapan akibat kenaikan harga minyak yang mendadak dan trend kadar faedah yang bertukar arah pada separuh tahun kedua, momentum pertumbuhan terus bertahan disebabkan kemapanan perbelanjaan pengguna yang mantap dan pelaburan yang meningkat semula. Secara keseluruhan, ekonomi dunia mempamerkan daya ketahanan yang lebih teguh terhadap kejutan dalam sektor tenaga.

Pertumbuhan global yang kukuh dicerminkan oleh pertumbuhan yang ketara dalam perdagangan antarabangsa dan aliran kewangan. Perdagangan dunia berkembang 8.8% pada tahun 2004, disokong oleh kitaran menaik sektor elektronik global, harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan import yang meningkat, terutamanya dari AS dan Republik Rakyat China (RR China). Di rantau Asia, perkembangan tersebut yang sejajar dengan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, telah menyumbang kepada peningkatan yang berterusan dalam perdagangan intrarantau. Dalam pasaran kewangan, indeks ekuiti pasaran utama meningkat dengan nyata, dirangsang oleh sentimen pelabur yang optimistik dalam keadaan pendapatan korporat yang lebih tinggi. Dalam pasaran pertukaran asing, kebimbangan yang kian memuncak terhadap ketidakseimbangan akaun semasa AS yang besar dan semakin melebar, serta kemapanan aliran masuk modal untuk membiayai defisit, telah menyebabkan dolar AS menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama yang lain.

Di kalangan negara perindustrian utama, **AS** mencatat pertumbuhan yang mengatasi trend pada tahun 2004. Sumber pertumbuhan adalah menyeluruh, merangkumi pengembangan yang mapan dalam penggunaan, perbelanjaan pelaburan yang kukuh, serta pembinaan semula inventori. Perbelanjaan isi rumah juga kekal teguh sepanjang tahun 2004. Walaupun potongan cukai semakin berkurangan, peningkatan kekayaan sektor isi rumah yang didorong oleh peningkatan harga rumah dan kadar gadai janji yang paling rendah dalam sejarah, terus memberi rangsangan yang ketara kepada perbelanjaan penggunaan. Keadaan pasaran buruh yang lebih baik terutamanya pada separuh tahun kedua telah menjana pendapatan isi rumah dan keyakinan pengguna yang lebih tinggi. Di samping itu, perbelanjaan pelaburan yang kukuh telah disokong oleh kedudukan kewangan korporat yang baik dan permintaan yang semakin meningkat, serta diperkukuhkan lagi oleh insentif cukai pelaburan. Selepas mengalami paras inventori yang rendah pada tahun 2003, peningkatan permintaan yang mendadak yang melebihi jangkaan pada tahun 2004, telah membawa kepada pembinaan semula inventori yang nyata. Ini telah menyumbang kepada pertumbuhan. Namun begitu, permintaan yang kukuh dalam suasana harga minyak yang lebih tinggi telah mengakibatkan defisit akaun semasa bertambah besar.

Pemulihan ekonomi di **Jepun** pada separuh tahun pertama adalah lebih baik daripada jangkaan disebabkan oleh pertumbuhan eksport dan pemulihan penggunaan swasta yang sederhana. Pertumbuhan di **kawasan euro** juga bertambah baik disokong terutamanya oleh permintaan eksport yang lebih kukuh. Namun, pertumbuhan ini masih lagi di bawah trend. Di **United Kingdom** (UK), perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang kukuh terus memapankan pertumbuhan.

Di **rantau Asia (tidak termasuk Jepun)**, kadar pertumbuhan pada tahun 2004 melonjak kepada 7.5%, kadar tertinggi sejak tahun 2001. RR China menerajui pertumbuhan, dengan peningkatan yang kukuh dalam pelaburan tetap, penggunaan yang mantap serta pertumbuhan eksport. Secara keseluruhan, pertumbuhan yang mantap di rantau Asia didorong oleh peningkatan yang pesat dalam eksport serta pengukuhan yang berterusan dalam penggunaan dalam negeri. Di kebanyakan negara di rantau ini, kenaikan dalam penggunaan dalam negeri ialah hasil daripada peningkatan dalam aktiviti pelaburan swasta dan perbelanjaan pengguna. Pertumbuhan eksport naik dengan nyata kepada 26.2% (2003: 19.7%), walaupun eksport lembap sedikit menjelang separuh tahun kedua.

Jadual 3.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK benar (%)			Inflasi (%)		
	2003	2004*a*	2005*r*	2003	2004*a*	2005*r*
Pertumbuhan Dunia	**3.9**	**4.8**	**4.0**	–	–	–
Perdagangan Sedunia	**5.1**	**8.8**	**5.8**	–	–	–
Negara-negara Perindustrian Utama	**2.0**	**3.4**	**2.6**	**1.8**	**2.0**	**2.1**
Amerika Syarikat	3.0	4.4	3.5	2.3	2.7	3.0
Jepun	1.4	2.6	1.3	-0.3	0.0	-0.1
Kawasan euro	0.5	2.0	1.5	2.1	2.2	1.9
United Kingdom[1]	2.2	3.1	2.1	1.4	1.3	1.9
Asia Timur	**6.4**	**7.5**	**6.3 ~ 6.5**	**1.8**	**3.4**	**2.9 ~ 3.2**
NIE Asia	**3.0**	**5.8**	**4.1 ~ 4.2**	**1.2**	**2.3**	**2.3 ~ 2.4**
Korea	3.1	4.7	4.0	3.6	3.6	3.0
China Taipei	3.3	5.7	4.2	-0.3	1.6	1.9
Singapura	1.4	8.4	3.0 ~ 5.0	0.5	1.7	1.0 ~ 2.0
Hong Kong China[2]	3.2	7.5	4.5	-2.6	-0.4	1.5
Republik Rakyat China	**9.3**	**9.5**	**8.5**	**1.2**	**3.9**	**3.0**
ASEAN[3]	**4.8**	**6.3**	**5.0 ~ 5.9**	**3.8**	**4.5**	**3.9 ~ 5.1**
Malaysia	5.3	7.1	5.0 ~ 6.0	1.2	1.4	2.5
Thailand	6.9	6.1	5.3 ~ 6.3	1.8	2.8	2.5 ~ 3.5
Indonesia	4.9	5.1	5.0 ~ 6.0	6.6	6.1	5.0 ~ 7.0
Filipina	4.7	6.1	5.3 ~ 6.3	3.1	5.9	5.0 ~ 6.0

[1] Inflasi merujuk kepada Indeks Harga Runcit, tidak termasuk kadar faedah gadai janji.
[2] Inflasi merujuk kepada harga komposit.
[3] Termasuk Singapura.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, Datastream, *OECD Economic Outlook*, Sumber daripada pihak berkuasa negara

Perdagangan intrarantau seperti yang diukur oleh peratusan eksport ke negara-negara di rantau ini daripada jumlah eksport serantau, terus meningkat melebihi 40% (2000: 36%).

Pertumbuhan dalam penggunaan telah disokong oleh kadar faedah yang rendah, peningkatan berterusan dalam pembiayaan kepada pengguna dan pendapatan yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran pekerjaan yang lebih kukuh. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pengguna di Korea terus menguncup sejak suku kedua tahun 2003, dengan isi rumah mengalami konsolidasi selepas pertumbuhan yang mendadak dalam sektor kad kredit pada tahun 2002. Sementara itu, pelaburan tetap di kebanyakan negara serantau tumbuh pada kadar dua angka yang rendah, hasil peningkatan semula dalam permintaan terhadap keluaran teknologi, kemajuan dalam penstrukturan semula korporat, keuntungan korporat yang bertambah baik dan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan.

Kedudukan pembayaran luaran yang lebih kukuh telah disokong oleh lebihan akaun semasa yang mapan dan aliran masuk modal swasta yang besar, justeru menyebabkan pengukuhan yang berterusan pada rizab antarabangsa. Asas-asas makroekonomi yang bertambah baik dan sektor perbankan yang lebih teguh menyebabkan penarafan berdaulat bagi beberapa buah negara serantau meningkat.

Prospek Tahun 2005

Melangkah ke hadapan, prospek bagi tahun 2005 kekal menggalakkan. Keluaran dan perdagangan dunia diramal berkembang pada kadar yang mantap, masing-masing pada 4% dan 5.8% pada tahun 2005. Kadar penurunan dalam pertumbuhan di AS dan RR China dijangka sederhana, berdasarkan penyelarasan secara beransur-ansur terhadap ketidakseimbangan di negara-negara tersebut. Senario tersebut mengandaikan kelemahan dolar AS berlaku secara teratur dan defisit fiskal AS bertambah kecil, walaupun pada kadar yang sederhana. Selain itu, ekoran harga minyak yang menurun daripada puncaknya pada bulan Oktober 2004, tekanan inflasi dijangka kekal terurus, dengan itu memberikan fleksibiliti pada kadar faedah AS untuk dinaikkan secara beransur-ansur sehingga ke tahap neutral. Oleh itu, dasar monetari dijangka terus menyokong pertumbuhan. RR China pula dijangka berupaya mengurus kadar pertumbuhan ekonominya yang lebih sederhana.

Negara-negara Perindustrian

Pada tahun 2005, pertumbuhan ekonomi **AS** dijangka hampir pada tahap potensi, dengan KDNK benar meningkat sebanyak 3.5%. Manakala rangsangan daripada kesan kekayaan ekoran harga rumah yang lebih tinggi dan pembiayaan semula gadai janji yang berkurangan, pendapatan yang lebih tinggi hasil daripada pewujudan peluang pekerjaan yang berterusan serta kadar pengangguran yang lebih rendah, akan menyokong perbelanjaan penggunaan. Di sektor korporat, pertumbuhan dalam perbelanjaan pelaburan dijangka berterusan, walaupun meningkat pada kadar yang lebih sederhana. Ini hasil daripada lebihan kapasiti yang semakin kecil, kedudukan kewangan korporat yang baik, dan insentif yang diberikan di bawah perundangan baru untuk menggalakkan pembawaan pulang keuntungan untuk tujuan pelaburan dalam negara. Sementara itu, defisit fiskal AS dijangka mengecil sedikit. Permintaan dalam negeri yang sederhana dijangka mengurangkan defisit akaun semasa dalam suasana dolar AS yang lebih lemah.

Di **Jepun**, jangkaan pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun 2005, sebahagian besarnya mencerminkan kelembapan permintaan luar negeri. Perbelanjaan modal dijangka terjejas akibat permintaan eksport terhadap barangan modal yang lebih rendah, terutamanya apabila langkah-langkah diambil untuk menyederhanakan kepesatan pelaburan di RR China, mula menampakkan kesan.

Di **kawasan euro**, pemulihan adalah tidak seimbang. Permintaan akhir dalam negeri dijangka tumbuh dengan lebih mantap di Perancis dan Sepanyol, tetapi lebih lemah di Jerman dan Itali. Di Jerman, pertumbuhan dijangka lembap berikutan pertumbuhan pendapatan isi rumah yang perlahan dalam suasana penyelarasan pasaran pekerja dan beberapa peningkatan dalam tabungan isi rumah hasil daripada reformasi sistem keselamatan sosial. Naik nilai euro yang kukuh juga akan menjejaskan negara-negara pengeksport yang lebih besar seperti Jerman dan Perancis, dengan eksport ke negara-negara bukan Kesatuan Eropah mencakupi 40% daripada jumlah eksport. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pelaburan dijangka meningkat sedikit hasil daripada kesan penstrukturan semula kedudukan kewangan korporat yang berterusan, sungguhpun ia agak ketinggalan di belakang AS dan Jepun.

Di **UK**, pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2005 dijangka berkembang dengan sederhana sebanyak 2.1%. Ini berikutan penggunaan isi rumah tumbuh pada kadar yang lebih mapan ekoran kenaikan dalam kadar faedah sebelum ini, serta kesan kekayaan yang disebabkan oleh pasaran perumahan yang kurang menggalakkan. Walau bagaimanapun, pasaran pekerjaan hampir pada tahap guna tenaga penuh kerana pengambilan pekerja yang berterusan oleh sektor swasta. Perbelanjaan pelaburan akan terus berkembang pada kadar yang lebih sederhana, disebabkan oleh penurunan dalam lebihan kapasiti. Walaupun pasaran perumahan telah menjadi semakin perlahan sehingga kini, pembetulan harga rumah yang mendadak akan tetap membimbangkan.

Pertumbuhan global akan kekal mapan pada kadar yang stabil pada tahun 2005. Kadar penurunan dalam pertumbuhan di Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China dijangka sederhana, dengan penyelarasan terhadap ketidakseimbangan akaun semasa dilaksanakan secara beransur-ansur. Dasar monetari dijangka terus menyokong pertumbuhan.

Graf 3.1
Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK Benar (2004-2005)



a Anggaran
r Ramalan

Walaupun pertumbuhan global pada tahun 2005 dijangka kekal pada kadar yang stabil, wujud beberapa risiko yang boleh memberi kesan buruk kepada prospek pertumbuhan tersebut. Inflasi boleh meningkat ke paras yang lebih tinggi daripada jangkaan, yang akan mengakibatkan kadar faedah global yang lebih tinggi. Dalam pasaran kewangan, jajaran semula mata wang utama yang tidak teratur boleh menjejaskan perdagangan dan pelaburan. Sebagai enjin pertumbuhan global yang bersifat menyokong, kadar pertumbuhan RR China yang menurun dengan ketara boleh merendahkan prospek pertumbuhan di Asia.

Pada tahun 2005, pertumbuhan ekonomi AS dijangka hampir pada tahap potensi. Pengembangan ekonomi akan disokong oleh suasana pasaran pekerja yang bertambah baik dan kedudukan kewangan sektor korporat yang kukuh.

Ekonomi Asia Timur

Dengan persekitaran luar negeri dan permintaan dalam negeri yang dijangka kekal menggalakkan, pertumbuhan di rantau Asia Timur diramal berkembang antara 6.3% – 6.5%. Kesan bencana tsunami ke atas ekonomi dianggarkan kecil, dengan kesan bencana tersebut kepada sektor pelancongan dan industri perikanan di negara-negara yang terbabit adalah untuk jangka pendek sahaja. Di kalangan negara serantau, RR China akan terus kekal sebagai peneraju pertumbuhan serantau. Di negara Asia yang lain, kadar pertumbuhan dijangka berbeza-beza antara satu negara dengan negara yang lain, bergantung pada pendedahan negara-negara tersebut kepada penurunan dalam kitaran elektronik global.

Dalam sektor luar negeri, industri elektronik global sedang mengukuhkan kedudukannya setelah mencapai puncak kitaran pada pertengahan tahun 2004. Tidak seperti kitaran yang lepas, dengan permintaan dan penawaran mengalami penguncupan serentak (pada tahun 2001), kitaran menurun masa kini bercirikan pengumpulan inventori yang disebabkan pengeluaran yang berlebihan pada separuh pertama tahun 2004. Oleh itu, kitaran menurun yang dialami sekarang dijangka sederhana memandangkan permintaan dunia terus kukuh dan tahap inventori secara relatif masih rendah.

Di sektor dalam negeri di rantau Asia Timur, asas ekonomi yang menggalakkan akan terus menyokong pertumbuhan perbelanjaan dalam negeri ketika pertumbuhan secara keseluruhan adalah kukuh, di samping kemajuan dalam penstrukturan semula ekonomi. Kenaikan dalam pendapatan boleh guna dan peningkatan dalam guna tenaga akan mendorong penggunaan yang mapan. Satu lagi faktor penyumbang utama ialah peningkatan tenaga pekerja di kalangan kumpulan umur muda dalam persekitaran pembandaran yang pesat, yang cenderung berbelanja dengan lebih tinggi. Permintaan swasta juga mendapat manfaat daripada pendirian monetari yang akomodatif. Walaupun kadar faedah meningkat di sesetengah negara, kenaikan tersebut adalah beransur-ansur dan daripada paras paling rendah dalam sejarah. Permintaan dalam negeri juga dijangka kekal berdaya tahan memandangkan peningkatan daripada sumbangan perdagangan intrarantau yang sebahagian besar adalah untuk penggunaan akhir di rantau Asia. Sementara itu, kemajuan dalam penstrukturan semula korporat, keuntungan korporat yang lebih baik, serta mudah tunai yang besar, dijangka membantu meningkatkan pelaburan. Pendirian mengenai konsolidasi fiskal kekal seiring dengan langkah-langkah baru untuk meningkatkan hasil cukai, menyusun semula perusahaan awam dan mengurangkan subsidi minyak.

Penggalakan sektor pertumbuhan baru di beberapa buah negara juga berjaya dalam mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan mempertingkatkan daya tahan. Peluasan asas ekonomi supaya meliputi penggalakan PKS, perniagaan asas tani dan industri perkhidmatan, telah menyumbang kepada peningkatan dalam pertumbuhan.

Sebagai satu kumpulan, **Ekonomi Perindustrian Baru (NIE Asia)** dijangka berkembang antara 4.1 – 4.2%, didorong oleh perdagangan intrarantau dan permintaan dalam negeri.

RR China dijangka terus menerajui pertumbuhan serantau dengan mencatat pertumbuhan KDNK benar sebanyak 8.5% pada tahun 2005, lebih tinggi daripada sasaran awal sebanyak 7%. Kadar pertumbuhan pelaburan dan kredit yang masih tinggi pada tahun 2004, telah menambah kebimbangan tentang pertumbuhan yang melebihi tahap keluaran potensi dan kemapanan pertumbuhan untuk jangka masa

Graf 3.2
Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



a Anggaran
r Ramalan

panjang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah-langkah dasar pada tahun 2004 untuk menangani kebimbangan tersebut telah menghasilkan jajaran semula pertumbuhan dalam pelaburan tetap dan pengembangan kredit.

Kong China dengan RR China serta jangkaan penilaian semula Renminbi telah menggalakkan aliran masuk dana yang berterusan. Aliran masuk dana yang kukuh dan mudah tunai yang besar telah membolehkan kadar pemberian pinjaman komersial kekal rendah, walaupun terdapat kenaikan dalam kadar diskaun semalaman *Hong Kong Monetary Authority* (HKMA) yang mengekori dengan rapat trend kadar faedah AS. Pertumbuhan **China Taipei** pula dijangka menjadi sederhana kepada 4.2%, berikutan eksport yang lebih perlahan selepas pengembangan yang kukuh pada tahun 2004.

Di **Singapura**, pertumbuhan ekonomi diramal berada dalam lingkungan 3 – 5%, bergantung pada prestasi sektor elektronik. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam kepelbagaian industri termasuk bio-perubatan dan perkhidmatan kewangan dan pendidikan akan mengurangkan kesan kitaran elektronik. Tambahan pula, keadaan pengangguran yang bertambah baik dan harga aset yang lebih tinggi akan memberi sokongan kepada penggunaan dalam negeri.

Pada tahun 2005, ekonomi **ASEAN** sebagai satu kumpulan dijangka berkembang antara 5 – 5.9%. Di **Thailand**, pertumbuhan KDNK benar dijangka berada sekitar 5.3 – 6.3%. Pilihan raya dan perbelanjaan

Pertumbuhan di rantau Asia Timur dijangka berkembang pada kadar yang agak tinggi. Kitaran menurun yang sedang dialami oleh sektor elektronik dijangka sederhana memandangkan permintaan dunia terus kukuh dan tahap inventori secara relatifnya masih rendah berbanding dengan tahun 2001. Di sektor dalam negeri, asas ekonomi yang menggalakkan dan kemajuan dalam usaha penstrukturan semula ekonomi dijangka menyokong pertumbuhan permintaan dalam negeri.

Di **Korea**, KDNK benar diunjurkan meningkat pada kadar 4% pada tahun 2005. Penggunaan swasta dijangka pulih selepas mengalami kemerosotan selama dua tahun berturut-turut, berikutan usaha Kerajaan memperkenalkan pakej rangsangan fiskal bernilai 10 trilion won (AS$10 bilion) yang bertujuan menyokong pertumbuhan pada tahun 2005 dan mewujudkan 400,000 pekerjaan. Pelaburan dalam sektor pembinaan diramal perlahan. Walau bagaimanapun, prestasi eksport dijangka terjejas oleh penurunan dalam pertumbuhan industri elektronik global.

Dengan disokong oleh hubungan ekonomi yang kukuh dengan RR China, pertumbuhan ekonomi **Hong Kong China** dijangka berkembang pada kadar 4.5% pada tahun 2005. Hubungan ekonomi yang rapat antara Hong

infrastruktur pada tahun tersebut akan memberi sokongan tambahan kepada permintaan dalam negeri. Pertumbuhan KDNK benar di **Filipina** diunjurkan meningkat di antara 5.3 – 6.3%. Jurang fiskal dijangka terus mengecil pada tahun 2005, berikutan pengenalan langkah-langkah reformasi cukai. Di **Indonesia**, pertumbuhan KDNK dijangka antara 5 – 6%, pertumbuhan tertinggi dalam tempoh sembilan tahun, dengan penggunaan swasta menjadi sumber utama pertumbuhan. Prospek pelaburan juga bertambah baik, dengan pemulihan yang nyata pada separuh kedua tahun 2004 dan dijangka bertambah kukuh.

Berhubung dengan **inflasi global**, kenaikan harga diramal meningkat secara beransur-ansur, terutamanya akibat kesan susulan harga komoditi yang tinggi dan

pengecilan jurang keluaran di beberapa negara. Kesan susulan inflasi di beberapa negara mungkin meningkat dengan cepat kerana indeks harga pengeluar meningkat lebih pantas daripada indeks harga pengguna untuk beberapa lama, manakala margin keuntungan korporat yang menurun telah menghakis keupayaan untuk menyerap kos pengeluaran yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dijangka meningkat secara beransur-ansur kerana produktiviti pekerja terus mengatasi pertumbuhan upah benar.

Pada tahun 2005, tekanan inflasi di negara serantau dijangka bertambah, kecuali di Korea. Di Hong Kong China, tekanan deflasi telah mula menurun, manakala di Indonesia, tekanan ke atas harga dijangka meningkat ekoran cadangan Kerajaan untuk melupuskan subsidi minyak. Walau bagaimanapun, di Korea, kadar inflasi dijangka meningkat dengan sederhana, mencerminkan harga minyak dan pertumbuhan upah dalam negeri yang stabil serta permintaan dalam negeri yang masih lemah dan pengukuhan won yang berterusan.

Kadar Faedah dan Kadar Pertukaran Mata Wang

Pada tahun 2004, **dasar monetari** negara perindustrian utama kekal akomodatif. Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang teguh dengan kenaikan kadar inflasi yang kecil, beberapa bank pusat mula menaikkan kadar faedah daripada tahap yang rendah kepada kedudukan yang lebih neutral.

Di AS, setelah mengekalkan kadar faedah rasmi yang stabil pada separuh pertama tahun 2004, permintaan dalam negeri yang kukuh serta pengaruh faktor-faktor penawaran yang lain (harga tenaga yang lebih tinggi) telah mendorong ***Federal Reserve Board*** **(Fed) AS** menaikkan kadar faedah pada bulan Jun 2004. Ini merupakan peningkatan yang pertama dalam tempoh empat tahun. Langkah ini menandakan hasrat *Federal Reserve* untuk kembali ke dasar monetari yang lebih neutral secara beransur-ansur. Kadar faedah telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada setiap enam mesyuarat *Federal Reserve*. Ini meningkatkan kadar *Federal funds* ke tahap 2.50% di awal tahun 2005. Sementara itu, di UK, ***Bank of England*** **(BOE)** menaikkan kadar pemberian pinjaman asas sebanyak dua kali pada tahun 2004, iaitu 25 mata asas bagi setiap kenaikan pada bulan Februari dan Ogos, ke tahap 4.75%. Tindakan ini diambil kerana kekukuhan yang berterusan di pasaran perumahan serta peminjaman pengguna yang pesat.

Di kawasan euro, walaupun terdapat peningkatan dalam kadar inflasi yang disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang lebih tinggi pada tahun 2004,

Graf 3.3
Negara-negara Perindustrian Utama: Kadar Faedah Rasmi



European Central Bank **(ECB)** mengekalkan kadar repo yang (ditandaaraskan) pada tahap 2% di sepanjang tahun untuk menyokong permintaan dalam negeri dan prospek pertumbuhan yang lemah di kawasan euro. Sepanjang tahun 2004, dengan kadar faedah jangka pendek rasmi (kadar panggilan semalaman tanpa cagaran) sebanyak kosong peratus di Jepun, ***Bank of Japan*** **(BOJ)** terus menggunakan langkah-langkah kelegaan kuantitatif, yang diperkenalkan empat tahun yang lalu, untuk menambah mudah tunai dalam sistem perbankan bagi membendung tekanan deflasi. Pada akhir tahun 2004, sasaran langkah kelegaan kuantitatif untuk baki akaun semasa bank perdagangan dan institusi kewangan di BOJ, adalah antara 30 hingga 35 trilion yen.

Pada separuh tahun kedua, beberapa negara serantau seperti Thailand, China Taipei dan RR China menaikkan kadar faedah masing-masing untuk membendung tekanan inflasi yang semakin meningkat ekoran harga minyak dunia yang lebih tinggi dan harga makanan yang semakin meningkat. Sebaliknya, Korea menurunkan kadar faedah sebanyak dua kali untuk menyokong permintaan dalam negeri.

Pada tahun 2005, pengaturan masa dan magnitud tindakan dasar monetari adalah bergantung kepada faktor-faktor yang khusus bagi sesebuah negara, termasuk kekuatan pertumbuhan ekonomi, jangkaan inflasi, pergerakan dalam kadar pertukaran asing dan prestasi pasaran kewangan.

Dalam pasaran **pertukaran asing**, nilai dolar AS terus menyusut berbanding dengan kesemua mata wang utama pada tahun **2004**, iaitu penyusutan yang

Graf 3.4
Pergerakan Dolar AS Berbanding Mata Wang Utama



bermula sejak awal tahun 2002. Jika diukur dari sudut wajaran perdagangan[1], nilai dolar telah menurun kira-kira 17% daripada puncaknya pada bulan Mac 2002 sehingga akhir bulan Disember 2004. Walaupun penyusutan nilai kumulatif paling ketara apabila dibandingkan dengan mata wang utama seperti euro (36%), sterling (24%) dan yen (23%), yang penting ialah dolar telah mula menyusut nilai berbanding dengan beberapa mata wang Asia pada suku terakhir tahun 2004. Pada asas kumulatif, dolar telah menyusut nilai sebanyak 21% berbanding dengan won Korea dan kira-kira 10% berbanding dengan dolar Singapura dan dolar Taiwan sejak bulan Mac 2002. Dalam persekitaran dolar yang lebih lemah, euro menambah nilai pada tahun 2004 dan mengakhiri tahun tersebut dengan catatan tertinggi E1=AS$1.3538, sementara beberapa mata wang Asia juga menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada akhir tahun 2004.

Gabungan beberapa faktor telah menyebabkan penyusutan nilai dolar. Faktor utama trend penurunan ialah tekanan daripada masalah struktur di AS, iaitu defisit akaun semasa yang semakin melebar dan besar. Selain itu, defisit fiskal juga merupakan faktor penyumbang yang agak penting. Corak susutan nilai dolar yang secara relatif agak tersusun, adalah berkaitan dengan trend dalam pembiayaan defisit akaun semasa. Sejak tahun 2002, aliran masuk rasmi yang besar dari rantau Asia menjadi sumber penting pembiayaan defisit akaun semasa, berbeza dengan tahun 2000 apabila aliran pelaburan langsung asing lebih penting disebabkan oleh pertumbuhan pesat berkaitan teknologi di AS. Secara keseluruhan, keadaan yang akan mengakibatkan penyusutan nilai dolar seterusnya, masih lagi wujud. Walau bagaimanapun, dolar dijangka mendapat sokongan jangka panjang, memandangkan kedudukan dolar sebagai mata wang utama perdagangan dan urus niaga kewangan antarabangsa.

Pada tahun 2005, pergerakan dolar berbanding dengan mata wang utama yang lain dijangka dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor-faktor ini termasuk pembahagian semula aset global antara mata wang utama, corak penyelarasan dalam ketidakseimbangan global, tanggapan pelabur tentang pertumbuhan ekonomi dan perbezaan kadar faedah dan prestasi pasaran ekuiti dan bon. Seterusnya, isu-isu khusus bagi sesebuah negara yang berkaitan trend inflasi dan premium risiko geopolitik juga boleh mempengaruhi sentimen terhadap mata wang utama.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2005

Prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2005 kekal memberangsangkan. KDNK benar dijangka meningkat sebanyak 5 - 6%. Pertumbuhan global yang mapan, kelembapan yang sederhana dalam industri separa konduktor global dan harga komoditi utama yang secara relatif menggalakkan dijangka menyokong pertumbuhan eksport. Walaupun perkembangan industri elektronik global menurun sedikit setelah mencapai tahap tertinggi pada pertengahan tahun 2004, kitaran menurun tersebut dijangka sederhana memandangkan permintaan daripada negara Asia yang kukuh, penyelarasan inventori yang pesat dan tahap inventori yang secara relatifnya rendah. Penunjuk semasa memberikan tanda-tanda bahawa kitaran elektronik global dijangka meningkat pada separuh kedua tahun 2005. Bagi ekonomi dalam negeri, sektor swasta akan terus menjadi peneraju pertumbuhan yang utama, manakala Kerajaan kekal komited untuk mengoptimumkan perbelanjaan bagi

KDNK benar dijangka meningkat sebanyak 5 - 6% pada tahun 2005. Sektor swasta akan menjadi pemangkin pertumbuhan manakala Kerajaan kekal komited untuk mengoptimumkan perbelanjaan. Dasar monetari kekal menyokong peningkatan seterusnya dalam aktiviti sektor swasta.

[1] Indeks nominal secara luas *Federal Reserve* AS

Jadual 3.2
KDNK Benar mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	2004*a*	2005*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Permintaan dalam negeri[1]	**7.3**	**4.3**
Perbelanjaan sektor swasta	11.1	8.7
Penggunaan	*10.1*	*8.5*
Pelaburan	*15.8*	*9.6*
Perbelanjaan sektor awam	1.0	-4.0
Penggunaan	*6.6*	*4.5*
Pelaburan	*-3.5*	*-11.6*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-22.3**	**43.1**
Eksport	15.6	8.1
Import	19.8	5.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**7.1**	**5.0 ~ 6.0**

[1] Tidak termasuk stok.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

mengukuhkan kedudukan fiskal. Dengan inflasi teras dijangka terus rendah pada tahun 2005 (1.8%), dasar monetari dapat terus menyokong peningkatan aktiviti sektor swasta.

prospek pertumbuhan pendapatan yang secara relatifnya kukuh, perbelanjaan penggunaan swasta akan kekal sebagai sumber rangsangan penting kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 2005. Di samping keadaan ekonomi semasa yang menggalakkan, faktor jangka panjang juga adalah positif bagi pertumbuhan penggunaan yang mapan. Pada masa ini, nisbah penggunaan swasta kepada KDNK (45.4%) di Malaysia merupakan antara yang terendah di dunia serta tahap keberhutangan isi rumah yang rendah mengikut taraf antarabangsa. Hasilnya, skop bagi pertumbuhan penggunaan swasta yang mapan masih tinggi.

Perbelanjaan **pelaburan swasta** juga dijangka terus berdaya tahan dan diramal meningkat 9.6%. Ini berdasarkan penilaian terhadap perbelanjaan modal yang dijangka lebih tinggi dalam kesemua sektor kecuali sektor pembinaan. Penunjuk masa hadapan berdasarkan permintaan dan pertumbuhan industri baru menunjukkan trend menaik yang berterusan dalam aktiviti sektor swasta. Kerajaan telah menyediakan persekitaran yang menggalakkan

Aktiviti sektor swasta akan terus memacu permintaan dalam negeri pada tahun 2005, manakala Kerajaan meneruskan dasar konsolidasi fiskal secara beransur-ansur. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang mapan serta persekitaran kredit yang akomodatif, sementara perbelanjaan pelaburan swasta akan menambah kapasiti dalam keadaan permintaan yang kukuh.

Permintaan Dalam Negeri

Semua komponen permintaan, kecuali pelaburan awam, dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2005. Khususnya, perbelanjaan sektor swasta diunjur mengekalkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.7% (11.1% pada tahun 2004). Penggunaan isi rumah dan perbelanjaan perniagaan diunjur mengekalkan daya tahan masing-masing, seterusnya mengimbangi sebahagian daripada kesan perbelanjaan pelaburan awam yang lebih rendah hasil daripada program konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan secara beransur-ansur. Penggunaan awam dijangka meningkat dengan sederhana disebabkan perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Penggunaan swasta dijangka meningkat sebanyak 8.5%. Keadaan pasaran pekerja yang stabil, persekitaran kredit yang menyokong dan harga komoditi yang tinggi akan terus menyokong perbelanjaan penggunaan. Oleh itu, dengan

untuk sektor swasta melabur dalam sektor pertumbuhan baru dengan menyediakan infrastruktur yang diperlukan dan memberikan insentif fiskal dan bukan fiskal serta kemudahan pembiayaan. Sistem penghantaran sektor awam yang lebih baik dan kos modal yang lebih rendah akan terus menyumbang kepada memperbaiki iklim pelaburan, seterusnya menggalakkan pelaburan langsung asing baru dan pelaburan semula bagi menyokong pelaburan dalam negeri.

Sektor perkilangan, yang mencakupi lebih kurang satu pertiga daripada jumlah pelaburan sektor swasta, dijangka mencatat pertumbuhan positif yang kukuh bagi tahun ketiga berturut-turut. Perbelanjaan modal untuk projek yang telah diberi komitmen akan diteruskan pada tahun 2005. Dalam tempoh ketika keadaan operasi perniagaan menggalakkan, pekilang-pekilang dijangka meneruskan usaha menggantikan peralatan dan jentera yang usang bagi meningkatkan kecekapan dan fleksibiliti bagi memenuhi permintaan yang berubah-ubah.

Jadual 3.3
Sumbangan Komponen Permintaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

	2004*a*	2005*r*
	% mata sumbangan	
Permintaan dalam negeri[1]	**6.6**	**3.9**
Perbelanjaan sektor swasta	6.2	5.1
Penggunaan	*4.7*	*4.1*
Pelaburan	*1.5*	*1.0*
Perbelanjaan sektor awam	0.3	-1.3
Penggunaan	*1.0*	*0.7*
Pelaburan	*-0.6*	*-1.9*
Perubahan dalam stok	*2.9*	*-2.3*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**-2.4**	**3.4**
Eksport	17.0	9.6
Import	19.5	6.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**7.1**	**5.0 ~ 6.0**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
[1] Tidak termasuk stok.
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan perbelanjaan modal yang paling kukuh dijangka daripada sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor utiliti dan telekomunikasi. Perbelanjaan modal dalam subsektor utiliti dijangka sebahagian besarnya tertumpu pada pembangunan yang berterusan stesen jana kuasa berasaskan arang batu dan projek air. Dalam subsektor telekomunikasi, perbelanjaan modal dijangka disalurkan untuk integrasi, peningkatan dan pembaikan kecekapan dan kapasiti rangkaian selular. Penambahbaikan infrastruktur yang sedia ada akan membolehkan syarikat selular berpindah ke teknologi yang lebih maju, terutamanya penyiaran generasi ketiga (3G). Usaha penting yang sedang dilaksanakan bukan sahaja untuk membangunkan aplikasi baru mengikut piawai tetapi juga untuk memastikan aplikasi berasaskan protokol tanpa wayar (WAP) yang lama dan perkhidmatan mesej multi media diintegrasikan dengan teknologi yang lebih baik. Di samping perbelanjaan sektor telekomunikasi yang lebih tinggi, perbelanjaan teknologi maklumat (IT) juga dijangka meningkat hasil daripada usaha institusi kewangan dan perusahaan perniagaan meningkatkan kecekapan operasi melalui penggunaan aplikasi perniagaan yang lebih pantas dan canggih.

Dengan penemuan medan minyak baru pada tahun 2003 dan 2004, perbelanjaan modal sektor minyak dan gas dijangka lebih tinggi, didorong oleh aktiviti penerokaan dan pembangunan.

Sementara itu, penjenteraan dan automasi yang berterusan dalam kaedah pengeluaran makanan akan terus menyokong perbelanjaan dalam sektor pertanian. Dalam sektor pembinaan, perbelanjaan modal dalam segmen rumah kediaman dijangka kekal mapan.

Pada tahun 2005, perbelanjaan sektor awam dijangka menurun sebanyak 4% disebabkan program konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan. **Pelaburan awam** dianggarkan mencatat penurunan sebanyak 11.6%. Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan menjadi lebih rendah, keutamaan perbelanjaan akan tertumpu pada projek bersaiz lebih kecil dengan kos yang lebih rendah, termasuk projek bagi menggiatkan lagi sektor pertanian dan peningkatan perbelanjaan pendidikan dan latihan, kesihatan dan perumahan. Ini akan memberi manfaat kepada sebahagian besar penduduk, terutamanya kumpulan berpendapatan lebih rendah, dengan itu memastikan pengagihan manfaat pembangunan yang lebih seimbang antara segmen masyarakat yang berbeza. **Penggunaan awam** dijangka meningkat walaupun pada kadar sederhana sebanyak 4.5%, sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Prospek Sektoral

Dari segi penawaran, pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan dalam semua sektor, kecuali sektor pembinaan. Berikutan pengembangan pengeluaran yang kukuh pada tahun 2004, sektor perkilangan dijangka meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 4.5% pada tahun 2005 sejajar dengan perkembangan dalam industri separa konduktor global. Sektor perkhidmatan dijangka kekal kukuh disokong oleh aktiviti penggunaan dan pelancongan serta pengembangan yang kukuh dalam aktiviti telekomunikasi, kewangan dan perkhidmatan perniagaan. Sektor komoditi utama dijangka terus mendapat manfaat daripada pengeluaran minyak sawit mentah, getah, gas asli dan minyak mentah yang lebih tinggi serta peningkatan sumbangan daripada aktiviti pertanian lain, terutamanya aktiviti

Pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan komoditi. Asas sektor perkilangan yang pelbagai dijangka membantu menyederhanakan kesan konsolidasi yang sedang berlaku dalam industri elektronik.

Jadual 3.4
KDNK Benar Mengikut Sektor (1987=100)

	2004*a*	2005*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	5.0	3.3
Perlombongan	4.1	5.0
Perkilangan	9.8	4.5
Pembinaan	-1.9	-1.0
Perkhidmatan	6.7	5.7
KDNK Benar	**7.1**	**5.0 ~ 6.0**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

berkaitan makanan. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka kekal lemah disebabkan oleh kemerosotan aktiviti dalam segmen kejuruteraan awam.

Dalam sektor **perkilangan**, permintaan luar negeri yang kukuh terhadap keluaran kimia dan getah serta pertumbuhan yang mapan dalam pengeluaran industri yang berorientasikan pasaran dalam negeri, yang diterajui oleh industri kelengkapan pengangkutan dan logam yang direka, dijangka menyokong pertumbuhan sektor ini. Asas yang pelbagai akan menyederhanakan kesan konsolidasi yang sedang berlaku dalam industri elektronik.

Dalam industri elektronik, penilaian terkini menunjukkan bahawa kitaran menurun separa konduktor global dijangka sederhana, dengan kesan dirasai terutamanya pada separuh pertama tahun 2005. Penunjuk ke hadapan di AS termasuk tempahan baru, tempahan yang belum dipenuhi dan nisbah inventori kepada penghantaran bagi elektronik menyokong pandangan tentang kemerosotan yang sederhana. Menyedari akan peningkatan inventori elektronik disebabkan oleh pengeluaran yang berlebihan pada separuh pertama tahun 2004, pengilang-pengilang mengambil tindakan awal merasionalisasikan dan mengurangkan inventori mereka. Walau bagaimanapun, kepantasan penyelarasan inventori berbeza-beza mengikut segmen. Segmen yang berkaitan dengan komputer peribadi dijangka tumbuh semula lebih awal daripada segmen lain kerana pengeluar komputer peribadi dunia utama berjaya mengurangkan inventori mereka dengan ketara sejak suku keempat tahun 2004.

Sementara itu, permintaan global terhadap elektronik dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2005 disokong oleh pertumbuhan global yang secara relatifnya kukuh. Segmen komputer peribadi juga dijangka terus mendapat manfaat daripada permintaan yang kukuh di rantau Asia Pasifik. Pertumbuhan dalam sektor elektronik dijangka terus diperkukuh oleh trend ke arah penggunaan cip dalam perkakas pengguna yang semakin meningkat disebabkan oleh peningkatan penggabungan pengkomputeran, media digital dan teknologi tanpa wayar. Oleh itu, Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada faktor-faktor positif ini memandangkan kepelbagaian keluaran elektronik dan elektrik yang diperbuat di negara ini. Yang lebih penting, syarikat multinasional utama telah memindahkan operasi pengeluaran mereka bagi sesetengah produk dengan nilai ditambah yang tinggi ke Malaysia untuk mendapat manfaat daripada kecekapan kos pengeluaran.

Pertumbuhan dalam sektor **perkhidmatan** dijangka kekal mapan sebanyak 5.7%, mencerminkan pengembangan dalam semua subsektor. Daya tahan yang meningkat adalah hasil daripada kepelbagaian sektor perkhidmatan yang semakin meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini. Sektor ini telah berubah daripada sektor yang bergantung kepada bidang aktiviti yang kecil berkaitan dengan perdagangan dan perkilangan kepada bidang yang lebih meluas, yang disokong oleh penggunaan dalam negeri dan pertumbuhan dalam aktiviti perkhidmatan baru yang berkaitan dengan pelancongan dan perkhidmatan sokongan perniagaan.

Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka kekal kukuh, sejajar dengan aktiviti penggunaan yang secara relatifnya kukuh serta ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Aktiviti perjalanan yang lebih tinggi dan pertumbuhan yang pesat dalam industri telekomunikasi dijangka mendorong pertumbuhan subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Pertumbuhan juga akan terus disokong oleh aktiviti yang berkaitan dengan pelabuhan, termasuk pemunggahan, selaras dengan peningkatan perdagangan yang sederhana. Bagi industri telekomunikasi, pertumbuhan akan didorong oleh bilangan pelanggan yang terus meningkat dan pengenalan produk dan perkhidmatan baru dalam segmen telefon selular. Industri ini juga akan mendapat manfaat daripada pengembangan liputan perkhidmatan telefon selular ke seluruh negara oleh syarikat pembekal selular utama dan penggabungan teknologi yang berterusan antara perkhidmatan selular dan perkhidmatan Internet dan ICT yang lain. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang dengan kukuh untuk setahun lagi, diterajui terutamanya oleh pemberian pinjaman bank yang meningkat, pendapatan berasaskan fi yang terus

bertambah dan aktiviti insurans yang memberangsangkan. Peningkatan momentum dalam perkhidmatan yang berkaitan dengan ICT dan perkhidmatan perkongsian seperti aktiviti penggunaan sumber luaran dan penggunaan sumber dalaman bagi proses perniagaan dijangka meningkatkan pertumbuhan segmen perkhidmatan perniagaan.

Sektor **pertanian** dijangka terus berkembang sebanyak 3.3% pada tahun 2005 berikutan pertumbuhan yang kukuh selama dua tahun berturut-turut. Pertumbuhan akan terus disokong oleh pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang lebih tinggi serta keluaran pertanian lain. Peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah dijangka didorong oleh hasil yang lebih tinggi dan perluasan kawasan matang, terutamanya di Malaysia Timur. Petani juga dijangka meneruskan amalan pertanian yang baik, mencerminkan penggunaan input pertanian untuk meningkatkan produktiviti yang didorong oleh harga yang menggalakkan. Berikutan pertumbuhan pengeluaran yang paling kukuh bagi tempoh lebih daripada 30 tahun kepada 1.19 juta tan pada tahun 2004, pengeluaran getah asli dijangka meningkat sedikit kepada 1.2 juta tan pada tahun 2005. Pekebun kecil terus mencakupi sebahagian besar daripada pengeluaran dalam keadaan harga yang kukuh. Pertumbuhan sektor pertanian juga dijangka dijana oleh bidang galakan baru, seperti tanaman makanan dan aktiviti berkaitan makanan, terutamanya perikanan, penternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Sementara itu, pertumbuhan dalam sektor **perlombongan** dijangka bertambah kukuh kepada 5% pada tahun 2005, disokong terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi disebabkan oleh jangkaan kenaikan dalam penggunaan kapasiti loji MNLG di Sarawak bagi memenuhi permintaan global yang meningkat. Meskipun mencapai paras pengeluaran yang secara relatifnya tinggi pada tahun 2004, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) akan terus meningkat sebanyak 1.5% untuk mencapai 776,250 tong sehari pada tahun 2005 (2004: 762,300 tong sehari) pada masa permintaan global yang kukuh dan unjuran harga minyak mentah yang secara relatifnya tinggi bagi tahun tersebut.

Sektor **pembinaan** dijangka kekal lemah (-1%) disebabkan oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih rendah berikutan siapnya beberapa projek penswastaan serta perbelanjaan awam yang lebih rendah bagi projek infrastruktur. Walau bagaimanapun, aktiviti segmen kediaman dan bukan kediaman dijangka kekal kukuh. Pertumbuhan segmen kediaman dijangka terus didorong oleh permintaan mapan bagi rumah, disokong terutamanya oleh keadaan ekonomi yang terus menggalakkan. Bagi segmen bukan kediaman, pertumbuhan akan disokong oleh peningkatan permintaan bagi ruang pejabat dan perniagaan dalam keadaan aktiviti perniagaan berkaitan perkhidmatan berkembang kukuh.

Harga dan Guna Tenaga

Inflasi diunjur meningkat pada kadar purata 2.5% pada tahun 2005. Inflasi dijangka meningkat pada separuh pertama tahun ini, mencerminkan kesan sekali sahaja pelarasan harga keluaran runcit petroleum serta kenaikan cukai rokok dan tembakau yang dilaksanakan pada tahun 2004. Terdapat juga kemungkinan kesan sampingan daripada kenaikan harga komoditi dan perkembangan lain dalam sektor luar negeri. Walau bagaimanapun, kesan faktor-faktor ini terhadap inflasi dijangka sementara dan apabila kesan tersebut luput, inflasi akan menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2005. Peningkatan produktiviti yang berterusan dan pengembangan kapasiti yang berlaku dijangka membendung sebarang kenaikan tekanan inflasi. Memandangkan tekanan permintaan tidak begitu ketara, inflasi teras diramal meningkat kepada 1.8%.

Keadaan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan akan menambah lagi peluang **pekerjaan** di kebanyakan sektor ekonomi utama pada tahun 2005. Oleh itu, kadar pengangguran dijangka kekal pada paras yang rendah, iaitu 3.5%. Sementara itu, usaha terus diambil bagi membangunkan sumber manusia sebagai pemangkin pertumbuhan produktiviti. Peluang latihan yang ditawarkan terus menekankan kepentingan meningkatkan kemahiran dan mempertingkatkan sumbangan nilai ditambah oleh tenaga kerja.

Graf 3.5
Harga Pengguna



r Ramalan

Imbangan Pembayaran

Bagi sektor luar negeri, lebihan **akaun semasa** dijangka kekal besar pada 14.9% daripada KNK, hasil daripada lebihan akaun perdagangan yang masih besar dan defisit akaun perkhidmatan yang lebih kecil. Lebihan perdagangan dijangka kekal besar memandangkan pertumbuhan eksport yang sederhana (7%) akan diimbangi oleh pertumbuhan import (6.3%) yang lebih rendah. Perolehan akaun perkhidmatan dijangka meningkat, berikutan jumlah ketibaan pelancong yang dijangka bertambah lagi. Dalam akaun kewangan, aliran masuk modal jangka panjang yang mapan, khususnya pelaburan langsung asing (FDI), akan terus mengukuhkan keseluruhan imbangan pembayaran.

Lebihan dalam akaun semasa imbangan pembayaran dijangka kekal besar disebabkan oleh lebihan perdagangan yang besar serta defisit perkhidmatan yang lebih kecil. Aliran masuk pelaburan langsung asing dijangka terdiri terutamanya daripada perolehan yang dilabur semula oleh syarikat multinasional dan disalurkan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi di Malaysia.

Sejajar dengan konsolidasi sektor separa konduktor global, pertumbuhan dalam **eksport perkilangan** dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.6% (2004: 19.7%). Eksport elektronik diunjurkan berkembang sebanyak 4.5% pada tahun 2005 (2004: 12.7%) dengan beberapa segmen berkembang pada kadar yang lebih pesat, terutamanya sektor komputer peribadi, yang seterusnya akan menyokong prestasi keseluruhan sektor ini. Eksport barangan bukan elektronik dijangka terus mencatat pertumbuhan teguh (12.5%; 2004: 27%), hasil daripada permintaan yang berterusan dari RR China, terutamanya bagi keluaran berasaskan sumber, khususnya keluaran petroleum, kimia dan getah serta keluaran besi.

Eksport mineral dijangka mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2.2% memandangkan perolehan daripada eksport gas asli cecair (LNG) dan minyak mentah dijangka meningkat kerana jumlah eksport yang lebih tinggi akan mengimbangi kesan kemerosotan harga. Harga eksport minyak mentah Malaysia dijangka stabil pada AS$40 setong (2004: AS$40.81). Harga minyak mentah Malaysia akan dipengaruhi terutamanya oleh trend dalam pasaran minyak global pada tahun 2005, memandangkan permintaan dan penawaran minyak global kekal diimbangi dengan baik. Harga juga disokong oleh keadaan sentimen yang meningkat disebabkan kebimbangan geopolitik. Jumlah eksport LNG dijangka bertambah dengan loji MNLG Tiga terus meningkatkan penggunaan kapasiti berikutan permintaan belian yang lebih tinggi oleh pembeli utama pada tahun 2005.

Berikutan prestasi kukuh untuk dua tahun berturut-turut, **eksport keluaran pertanian** dijangka merosot sebanyak 15.2% disebabkan oleh harga yang lebih rendah, yang akan lebih daripada mengimbangi peningkatan dalam jumlah eksport. Harga eksport komoditi pertanian utama dijangka menjadi sederhana selaras dengan perkembangan global selepas mencatat prestasi yang kukuh selama dua tahun. Khususnya, harga eksport minyak sawit diramal lebih rendah pada paras RM1,200 setan (2004: RM1,706 setan) disebabkan oleh jangkaan peningkatan hasil tuaian tanaman bijirin pesaing, terutamanya minyak kacang soya, serta stok minyak sawit dalam negeri yang lebih tinggi yang dibawa ke depan dari tahun 2004. Walaupun harga getah juga

Jadual 3.5
Imbangan Pembayaran

	2004*a*	2005*r*	2004*a*	2005*r*
	RM bilion		AS$ bilion	
Barangan	104.5	114.8	27.5	30.2
Akaun Perdagangan	81.1	89.5	21.3	23.6
Eksport				
(% perubahan tahunan)	*20.8*	*7.0*	*20.8*	*7.0*
Import				
(% perubahan tahunan)	*26.3*	*6.3*	*26.3*	*6.3*
Perkhidmatan	-8.8	-8.0	-2.3	-2.1
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**95.7**	**106.8**	**25.2**	**28.1**
Pendapatan	-24.5	-26.4	-6.4	-6.9
Pindahan semasa	-14.6	-14.1	-3.9	-3.7
Imbangan akaun semasa	**56.6**	**66.3**	**14.9**	**17.4**
(% daripada KNK)	***13.4***	***14.9***	***13.4***	***14.9***
Akaun kewangan	15.4		4.0	
Kesilapan dan ketinggalan	11.1		2.9	
antaranya:				
Keuntungan penilaian semula tukaran asing	*8.0*		*2.1*	
Imbangan keseluruhan	**83.1**		**21.9**	

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 3.6
Eksport dan Import

	2004*a*	2005*r*
	RM bilion	
Eksport kasar	**480.7**	**514.4**
(% perubahan tahunan)	***20.8***	***7.0***
Barangan perkilangan	**390.4**	**424.2**
(% perubahan tahunan)	*19.7*	*8.6*
antaranya:		
Elektronik	188.6	197.2
(% perubahan tahunan)	*12.7*	*4.5*
Barangan elektrik	68.4	73.3
(% perubahan tahunan)	*23.4*	*7.1*
Kimia dan keluaran kimia	27.8	32.9
(% perubahan tahunan)	*31.0*	*18.6*
Mineral	**41.2**	**42.1**
(% perubahan tahunan)	*38.2*	*2.2*
Pertanian	**36.2**	**30.7**
(% perubahan tahunan)	*7.4*	*-15.2*
Import kasar	**399.6**	**424.9**
(% perubahan tahunan)	***26.3***	***6.3***
Barangan modal	**55.5**	**57.3**
(% perubahan tahunan)	*36.1*	*3.1*
Barangan pengantara	**287.2**	**305.0**
(% perubahan tahunan)	*22.0*	*6.2*
Barangan penggunaan	**23.2**	**25.4**
(% perubahan tahunan)	*24.1*	*9.4*

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

dijangka menyederhana kepada 440 sen sekilogram pada tahun 2005, namun paras harga ini secara relatif masih lagi lumayan bagi pengeluar getah dan adalah selaras dengan jangkaan pertumbuhan permintaan yang berterusan dalam pasaran antarabangsa. Eksport minyak sawit dan getah mencakupi bahagian yang besar daripada eksport pertanian (63% daripada jumlah eksport pertanian).

Pertumbuhan **import** sebanyak 6.3% dijangka terus disokong oleh pertumbuhan berterusan import barangan pengantara dan modal. Pertumbuhan import barangan pengantara disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap komponen-komponen yang diimport untuk pengembangan pengeluaran perkilangan, sebagai tindak balas terhadap pertumbuhan dalam permintaan luar negeri. Pertumbuhan import barangan modal dijangka disokong oleh aktiviti pelaburan yang sedang berjalan dan ini berpunca daripada penambahbaikan peralatan untuk teknologi baru dan pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Import barangan modal industri perkhidmatan yang meningkat dijangka disokong oleh pengembangan kapasiti penjanaan kuasa dan peningkatan kapasiti serta kualiti rangkaian oleh syarikat telekomunikasi. Aktiviti penerokaan dalam industri minyak dan gas yang lebih giat berikutan penemuan medan minyak baru akan turut menyumbang kepada pertumbuhan import barangan modal.

Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka bertambah baik kepada 1.8% daripada KNK. Kempen promosi yang menarik yang disasarkan kepada pelancong jarak sederhana dan jarak jauh dijangka meningkatkan perolehan pelancongan. Penambahan kapasiti oleh syarikat-syarikat penerbangan dijangka menyumbang kepada perolehan eksport yang lebih tinggi daripada perkhidmatan kargo dan penumpang. Perkembangan industri perkongsian perkhidmatan dan produk baru dalam sektor ICT dijangka terus mendorong pertumbuhan eksport perkhidmatan komputer dan maklumat serta perkhidmatan kewangan. Sementara itu, pembayaran pengangkutan dijangka lebih tinggi sejajar dengan jumlah perdagangan yang lebih tinggi dan kenaikan kadar tambang. Aliran keluar royalti dan yuran lesen dijangka meningkat, mencerminkan pemerolehan teknologi baru oleh syarikat yang mengeluarkan keluaran nilai ditambah yang lebih tinggi.

Defisit **akaun pendapatan** dijangka kekal pada 5.9% daripada KNK. Ini mencerminkan keuntungan dan dividen terakru yang lebih besar bagi syarikat multinasional (MNC). Keuntungan dan dividen terakru bagi syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri juga dijangka meningkat. Pendapatan yang lebih tinggi dijangka disumbangkan terutamanya oleh syarikat Malaysia dalam sektor minyak dan gas, perladangan dan infrastruktur.

Akaun kewangan dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh aliran masuk modal jangka panjang, khususnya FDI. Berdasarkan pengumuman mengenai pelaburan yang bakal dibuat oleh MNC, FDI dijangka disalurkan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan. Sejumlah besar FDI terus kekal dalam bentuk pelaburan semula oleh MNC. Aliran masuk ke sektor perkhidmatan, seperti sektor perdagangan borong dan runcit, serta sektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan, dijangka kekal tinggi memandangkan Malaysia mempunyai kelebihan dari segi infrastruktur yang amat baik, sumber manusia yang berpendidikan dan berkemahiran, serta insentif fiskal yang khusus. Bagi sektor minyak dan gas, penemuan baru medan minyak baru-baru ini berkemungkinan menggalakkan pelaburan yang lebih besar dalam aktiviti penerokaan dan cari gali serta pelaburan dalam aktiviti hiliran.

Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia dijangka kekal besar, dengan keputusan pelaburan terus didorong oleh keinginan syarikat untuk mendapat akses kepada pasaran baru dan sumber semula jadi, bagi mempelbagaikan sumber perolehan mereka dan menyokong aktiviti dalam negeri melalui integrasi menegak. Pada tahun 2005, pelaburan luar negeri dijangka kekal bersifat menyeluruh, melibatkan pelaburan dalam bidang baru dan pemerolehan kepentingan asing, khususnya dalam sektor minyak dan gas, perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan luar negeri oleh syarikat pembinaan dijangka meningkat berikutan pemberian beberapa kontrak projek infrastruktur berskala besar serta projek perumahan dan komersial khusus kepada syarikat Malaysia, terutamanya di India, Afrika dan Asia Barat.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2005

Teras dasar monetari yang akomodatif, dalam keadaan inflasi yang rendah dan stabil, terus membantu meningkatkan aktiviti ekonomi dalam negeri. Kestabilan kadar pertukaran mata wang, selaras dengan pelaksanaan rejim kadar pertukaran tetap turut memastikan prestasi yang lebih kukuh di sektor luar negeri, di samping memperkukuh prestasi ekonomi dalam negeri. Berdasarkan prospek pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mapan serta prospek luar negeri yang positif, keadaan monetari dalam negeri terus menyokong peningkatan permintaan isi rumah dan mendorong aktiviti perniagaan serta pengembangan kapasiti. Dari segi inflasi, harga pengguna dijangka meningkat pada awal tahun 2005 disebabkan oleh kesan sekali sahaja daripada perubahan dalam harga yang ditadbir, cukai barangan tembakau dan alkohol, serta kemungkinan kesan sampingan dari sektor luar negeri. Walau bagaimanapun, kesan daripada faktor-faktor ini dijangka hanya sementara dan kadar inflasi dijangka menjadi sederhana semula sehingga ke akhir tahun. Yang penting, peningkatan produktiviti yang berterusan, pengembangan kapasiti, serta tekanan permintaan yang tidak begitu ketara akan mengurangkan sebarang tekanan ke atas inflasi.

Teras dasar monetari pada tahun 2005 akan terus mengambil kira faktor perkembangan global dan dalam negeri. Di sektor luar negeri, pertumbuhan global yang mapan akan memastikan sektor luar negeri terus menyumbang secara positif terhadap pertumbuhan dalam negeri. Walaupun kadar pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana, kadar pertumbuhan tersebut dijangka terus kukuh. Penunjuk aktiviti ekonomi negara-negara utama dan serantau kekal positif dan menjurus ke arah pengembangan aktiviti ekonomi global. Yang penting, kesan negatif daripada harga minyak mentah yang tinggi terhadap pertumbuhan dan inflasi global selama ini adalah sederhana dan tidak menggugat prospek pertumbuhan global yang berterusan. Walaupun beberapa negara utama dan serantau telah melaksanakan dasar monetari yang ketat sebagai langkah awalan, kenaikan kadar faedah adalah sederhana dan secara keseluruhan keadaan monetari terus menyokong pertumbuhan. Inflasi di kebanyakan negara tersebut dijangka menjadi lebih stabil dan sebarang kenaikan susulan dalam kadar faedah dijangka beransur-ansur dan sederhana.

Di dalam negeri, asas ekonomi adalah semakin kukuh dan permintaan dalam negeri juga lebih berdaya tahan. Perbelanjaan pengguna kekal teguh dengan pendapatan boleh guna isi rumah terus meningkat, keadaan guna tenaga yang stabil dan kos pinjaman yang rendah. Walaupun faktor-faktor ini menyumbang kepada kenaikan paras hutang isi rumah, kemampuan sektor isi rumah membayar balik hutang masih kukuh. Pinjaman tidak berbayar sektor isi rumah terus mencatat trend menurun. Oleh itu, perbelanjaan isi rumah dijangka terus meningkat dan menyumbang ke arah aktiviti ekonomi dalam negeri yang mapan.

Sementara itu, pengembangan kapasiti pengeluaran yang sedang dijalankan oleh perusahaan perniagaan dijangka berterusan. Walaupun pengembangan kapasiti dan aktiviti perniagaan yang baru oleh sektor korporat sebahagian besarnya dibiayai oleh sumber dana dalaman, terdapat tanda-tanda permintaan terhadap pembiayaan dari sumber luar juga semakin meningkat. Khususnya, permintaan terhadap pembiayaan bank untuk jangka panjang oleh perusahaan kecil dan sederhana terus meningkat pada kadar yang kukuh sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Walaupun terdapat tanda-tanda yang kukuh bahawa syarikat-syarikat besar akan terus memperoleh dana yang banyak daripada pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) dan ekuiti, pembiayaan jangka panjang melalui institusi perbankan juga dijangka terus kekal sebagai sumber dana yang penting. Dengan kedudukan kewangan sektor korporat yang semakin kukuh, institusi perbankan terus memenuhi keperluan kewangan sektor perniagaan. Perkembangan yang positif ini dijangka terus membantu meningkatkan aktiviti pelaburan perniagaan, di samping memberi fleksibiliti agar konsolidasi fiskal dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan prestasi aktiviti ekonomi. Pengembangan yang berterusan dalam kapasiti pengeluaran dan peningkatan produktiviti dapat

membantu perniagaan memenuhi permintaan yang semakin meningkat, serta mengurangkan tekanan kenaikan upah dan harga.

Satu perkembangan yang penting dalam pasaran kewangan antarabangsa ialah penyusutan yang berterusan dan beransur-ansur pada nilai dolar AS berbanding dengan mata wang negara utama dan serantau, yang disebabkan oleh defisit akaun semasa dan fiskal Amerika Syarikat yang semakin membesar. Walaupun nilai ringgit juga menurun bersama-sama dolar AS, keseluruhan penyusutan ringgit secara relatif adalah kecil, setelah mengambil kira prestasi mata wang rakan perdagangan Malaysia yang utama. Dengan itu, kesan sampingan terhadap harga dalam negeri berikutan penyusutan nilai ringgit berkemungkinan sederhana sahaja. Oleh sebab nilai ringgit tidak mengalami ketidakjajaran yang ketara akibat perubahan asas ekonomi di dalam atau di luar negeri, rejim kadar pertukaran tetap terus memberi faedah yang besar kepada ekonomi Malaysia, dengan menyediakan persekitaran yang stabil untuk menyokong perdagangan dan pelaburan.

Bagi memastikan kestabilan harga dan pertumbuhan yang mapan, dasar monetari akan kekal fleksibel dan responsif terhadap trend yang muncul dalam keadaan makroekonomi. Walaupun keadaan semasa terus menyokong teras dasar monetari yang akomodatif, langkah-langkah awal akan diambil sekiranya perkembangan menunjukkan perubahan ketara dalam prospek pertumbuhan dan inflasi. Objektif dasar monetari akan terus memastikan paras kadar faedah dan mudah tunai pasaran adalah sesuai dan terus menyokong aktiviti sektor swasta.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2005

Berikutan peranan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi, konsolidasi fiskal akan terus mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan pada tahun 2005. Teras dasar fiskal pada tahun 2005 akan tertumpu ke arah mengurangkan defisit fiskal secara beransur-ansur melalui pengurusan kewangan berhemat, sementara usaha-usaha menyokong inisiatif sektor swasta akan tertumpu pada menyediakan keadaan persekitaran yang menggalakkan bagi menyokong peningkatan produktiviti dan pengurangan kos dalam menjalankan perniagaan. Seperti yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2005, matlamat strategi adalah untuk membangunkan sumber manusia, meningkatkan produktiviti, meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D), menyokong sumber pertumbuhan baru dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Kerajaan akan memberi penekanan pada kecekapan dalam sistem penghantaran dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan. Konsolidasi fiskal pada tahun 2005 akan diteruskan melalui peningkatan hasil dan pengurangan perbelanjaan.

Dari segi peningkatan hasil, tumpuan akan diberikan pada penyelarasan langkah-langkah percukaian, mempertingkatkan pentadbiran cukai dan penguatkuasaan. Satu cukai penggunaan baru akan diperkenalkan pada tahun 2007, dengan peralihan daripada cukai jualan dan perkhidmatan semasa, yang mempunyai asas yang sempit kepada cukai barangan dan perkhidmatan yang lebih komprehensif, berdasarkan konsep nilai ditambah. Cukai baru ini dijangka akan lebih cekap, telus dan meluas.

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan (tidak termasuk simpanan luar jangka) diperuntukkan lebih rendah, iaitu sebanyak RM117.4 bilion. Ini merupakan penurunan sebanyak 4.2% daripada anggaran perbelanjaan pada tahun 2004, dengan perbelanjaan pembangunan berkurang sebanyak 9.1% kepada RM28.3 bilion. Keseluruhan perbelanjaan Kerajaan akan dikurangkan secara berhemat tanpa mengakibatkan implikasi buruk terhadap ekonomi. Perbelanjaan yang cekap akan dilaksanakan secara kos efektif dan memberi keutamaan kepada projek yang memberi manfaat kepada sebahagian besar rakyat terutamanya kumpulan berpendapatan lebih rendah dan penduduk luar bandar. Oleh yang demikian, projek yang tertumpu pada pengurangan jurang sosioekonomi antara penduduk luar bandar dengan bandar dan menggiatkan semula sektor pertanian, akan diberi keutamaan. Perhatian khusus juga akan diberikan untuk membangunkan infrastruktur luar bandar dan menggalakkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit fiskal yang lebih kecil sebanyak RM17.7 bilion atau 3.8% daripada KDNK pada tahun 2005. Ini mencerminkan pendirian konsolidasi fiskal dan berhemat Kerajaan. Di samping itu, sesudah mengambil kira potensi keuntungan hasil bersih sebanyak RM72 juta berikutan langkah-langkah percukaian dalam Bajet Tahun 2005, keseluruhan defisit fiskal akan menurun sedikit kepada RM17.6 bilion. Sebahagian besar pembiayaan akan diperoleh daripada pasaran dalam negeri kerana terdapat mudah tunai yang berlebihan dalam sistem kewangan.

Strategi utama Bajet Tahun 2005 ditumpukan ke arah menyokong aktiviti sektor swasta, meningkatkan potensi pengeluaran dan memperluas asas eksport

bagi menyokong pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mapan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa insentif cukai dan bukan cukai telah diperkenalkan bagi mempercepat peralihan kepada pertumbuhan nilai ditambah dalam sektor utama, dengan memberi lebih penekanan kepada pertanian sebagai penjana pertumbuhan ekonomi yang ketiga, meningkatkan sektor perkhidmatan (terutamanya Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT), perbankan dan kewangan Islam serta pelancongan) dan mengukuhkan sektor perkilangan. Dalam sektor pertanian dan sektor berasaskan pertanian, langkah-langkah dan insentif-insentif cukai telah diperkenalkan untuk memodenkan lagi dan mengkomersialkan sektor ini. Langkah-langkah bagi sektor perkilangan pula termasuk insentif untuk melaksanakan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi aktiviti perkilangan, penempatan semula pelaburan ke kawasan yang digalakkan, terutamanya Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta membangunkan dan mempromosikan barangan halal. Selain itu, insentif-insentif disediakan untuk membangunkan PKS sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi yang penting. Dua tabung utama di bawah pengurusan Bank Negara Malaysia telah ditingkatkan, sementara tabung-tabung baru telah ditubuhkan bagi meningkatkan kemampuan teknologi, perluasan pasaran, dan latihan untuk mempertingkatkan pengurusan PKS.

Langkah-langkah juga terus ditumpukan pada peningkatan kecekapan dan produktiviti negara dan daya saing secara keseluruhan bagi membolehkan syarikat-syarikat Malaysia bersaing di peringkat antarabangsa. Tumpuan insentif-insentif ini adalah untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan, meningkatkan pembangunan sumber manusia dengan memberi penekanan kepada peningkatan tenaga kerja mahir dan mewujudkan usahawan yang berkemampuan dan dinamik. Insentif-insentif juga ditumpukan untuk meningkatkan inovasi melalui tumpuan yang lebih pada R&D dan menerajui pengkomersialan R&D tempatan. Beberapa langkah telah diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi pasaran modal.

DASAR SEKTOR KEWANGAN PADA TAHUN 2005

Dalam persekitaran operasi yang semakin kompetitif dan dinamik, teras dasar sektor kewangan pada tahun 2005 akan terus tertumpu pada peningkatan daya saing sektor kewangan serta penggalakan sistem kewangan yang kukuh dan teguh, yang mampu menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Penekanan juga akan terus diberikan pada pengukuhan rangka kerja pendidikan dan perlindungan pengguna. Usaha untuk memastikan semua segmen ekonomi mendapat akses pembiayaan yang berterusan juga merupakan usaha yang penting pada tahun 2005. Penyahkawalseliaan dan liberalisasi dalam sistem kewangan akan diteruskan dengan penerapan elemen persaingan secara berperingkat ke dalam sektor kewangan supaya tidak menjejaskan sistem kewangan dan objektif dasar secara keseluruhan.

Bagi sektor perbankan, langkah-langkah dasar akan terus tertumpu pada usaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi perbankan domestik untuk mempersiap sektor tersebut menghadapi liberalisasi dan persaingan yang lebih mencabar seperti yang digariskan dalam fasa kedua Pelan Induk Sektor Kewangan. Langkah-langkah pembinaan kapasiti yang telah dilaksanakan beberapa tahun yang lalu telah mendatangkan hasil yang positif dan usaha ini akan diteruskan pada tahun 2005 bagi memastikan prestasi institusi perbankan domestik terus meningkat. Ini termasuk inisiatif penandaarasan, yang dimulakan pada tahun 2000 dan telah memberi institusi perbankan kemampuan untuk menilai prestasi institusi tersebut berbanding dengan institusi yang setaraf serta mengenal pasti peluang-peluang yang wujud untuk mempertingkatkan prestasi masing-masing. Langkah-langkah dasar juga akan tertumpu pada peningkatan tahap persaingan dalam sistem perbankan berikutan jurang prestasi yang semakin mengecil antara institusi perbankan domestik dan asing. Bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia akan diberikan lebih fleksibiliti dari segi operasi bagi membolehkan bank-bank asing tersebut menyumbang dengan lebih berkesan kepada pembangunan sektor kewangan dan ekonomi secara keseluruhan.

Tahun 2005 akan menyaksikan rasionalisasi seterusnya dalam sektor kewangan dengan lebih banyak penggabungan antara entiti bank perdagangan dengan syarikat kewangan dalam sesuatu kumpulan perbankan domestik. Rangka kerja modal, pengawalseliaan dan perundangan bagi bank pelaburan akan disiapkan. Dengan pewujudan bank pelaburan, aktiviti-aktiviti serupa yang dijalankan oleh pelbagai entiti yang terlibat dalam aktiviti pasaran modal akan disepadukan di bawah satu bumbung. Ini akan menghasilkan sinergi dan ekonomi bidangan dan pengguna akan dapat menikmati perkhidmatan kewangan yang lebih meluas di satu pusat sehenti. Industri perbankan pelaburan yang dinamik dan berdaya saing akan menjadi pemangkin kepada pembangunan pasaran modal yang memberangsangkan dan cekap yang dapat menyumbang ke arah pertumbuhan dan transformasi ekonomi.

Pemeliharaan kestabilan sektor kewangan akan terus diberi keutamaan. Sepanjang tahun 2005, beberapa dasar utama akan dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi rangka kerja peraturan berhemat di samping memelihara keteguhan institusi perbankan. Kertas kerja konsep kedua mengenai rangka kerja penyeliaan gabungan bagi konglomerat kewangan akan dikeluarkan. Objektif rangka kerja ini adalah untuk menyediakan pendekatan yang holistik kepada pengawalselia dalam menilai kedudukan kewangan sesebuah konglomerat. Ini juga akan membolehkan pemantauan ke atas aktiviti konglomerat kewangan dengan memastikan institusi-institusi bukan penerima deposit dalam kumpulan tidak membawa risiko yang berlebihan, khususnya kepada institusi-institusi penerima deposit dan sistem kewangan secara amnya. Perbincangan yang terperinci akan diadakan dengan industri mengenai pelaksanaan Persetujuan Modal Basel Baru pada tahun 2008, dan adalah amat penting untuk memastikan kemahiran dan kepakaran yang perlu dan infrastruktur sistem disediakan bagi memastikan peralihan kepada Persetujuan Modal Basel Baru berjalan lancar. Pengurusan risiko institusi perbankan akan ditingkatkan lagi dengan penerapan risiko pasaran ke dalam rangka kerja Nisbah Modal Berwajaran Risiko yang perlu dipatuhi sepenuhnya oleh institusi-institusi perbankan mulai bulan April 2005.

Sebagai respons terhadap perubahan landskap kewangan dan bagi mewujudkan persekitaran operasi yang lebih fleksibel, dasar mengenai pemberian kredit kepada pelanggan individu dan pihak berkait oleh institusi-institusi perbankan serta garis panduan mengenai pinjaman tidak berbayar sedang dikaji semula. Dasar pemegangan saham juga akan dikemas kini bagi menggalakkan pemegangan saham oleh pelabur korporat dan merangsang penglibatan aktif pemegang saham. Pemegang-pemegang saham dikehendaki menjadi lebih proaktif dan memainkan peranan yang lebih teliti dalam memantau prestasi institusi-institusi perbankan dan keberkesanan Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan. Garis panduan aktiviti pengubahan wang haram dan dasar `Kenali Pelanggan Anda' juga akan dikaji semula dengan memperkenalkan langkah-langkah mengenai pembiayaan antikeganasan. Ini penting untuk memastikan integriti sistem perbankan, sebagai pengantara dana, kekal utuh dengan menentukan dana yang disalurkan menerusi sistem perbankan adalah dari sumber yang sah dan digunakan untuk tujuan yang sah. Di samping itu, amalan tadbir urus korporat yang berkesan adalah kritikal bagi memastikan institusi perbankan diurus dengan betul. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan satu garis panduan yang komprehensif mengenai tadbir urus korporat bagi menggantikan Garis Panduan Mengenai Keahlian Pengarah di dalam Institusi Perbankan yang sedia ada (BNM/GP1), yang antara lain, merangkumi prinsip asas tadbir urus korporat dan piawai minimum serta keperluan khusus ke atas peranan dan struktur Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan serta memastikan wujudnya semakan dan imbangan. Tumpuan juga akan diberikan ke arah usaha membangunkan kaedah dan alat tambahan bagi mempertingkatkan rangka kerja pengawasan sistem perbankan. Ini akan membantu mengenal pasti kelemahan dan tahap daya tahan di peringkat sistem dan setiap institusi.

Satu lagi teras utama bagi tahun 2005 adalah untuk terus mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi semua segmen ekonomi. Institusi-institusi perbankan akan terus menjadi penyedia utama sumber pembiayaan dalam ekonomi menerusi perkembangan berterusan dalam aktiviti pemberian pinjaman dan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Usaha juga akan diteruskan bagi menggalakkan institusi-institusi perbankan menyalurkan dana kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta meningkatkan pembiayaan kepada industri pertanian dan industri berasaskan pertanian serta perusahaan mikro, yang merupakan sektor-sektor yang mempunyai potensi untuk berkembang.

Langkah-langkah untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi rangka kerja pendidikan dan kesedaran pengguna serta infrastruktur perlindungan pengguna akan terus diberi keutamaan dalam usaha membangunkan sektor kewangan yang cekap, dinamik dan berdaya saing. Di bawah program pendidikan pengguna, risalah serta lembaran fakta tambahan akan diterbitkan dan program ini akan mengambil pendekatan yang lebih fokus dengan menyediakan maklumat yang khusus mengikut kumpulan-kumpulan sasaran. Di samping itu juga, berkuat kuasa mulai 1 Februari 2005, institusi perbankan dikehendaki mematuhi rangka kerja mengenai perkhidmatan perbankan asas. Satu lagi langkah penting yang telah dilaksanakan pada bulan Januari 2005 ialah pelancaran Biro Pengantaraan Kewangan sebagai sebuah pusat sehenti bagi menyelesaikan pelbagai aduan daripada pengguna runcit terhadap institusi-institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Pengguna juga perlu menyedari akan peranan dan tanggungjawab mereka yang semakin penting dalam membuat keputusan kewangan mereka sendiri. Institusi perbankan harus memudahkan proses ini dengan membekalkan maklumat yang tepat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna supaya

pengguna dapat membuat keputusan yang lebih bermaklumat. Sehubungan dengan itu, garis panduan yang menghendaki ketelusan produk dan institusi serta pendedahan sepenuhnya akan dikeluarkan. Penekanan juga akan diberikan kepada pembentukan rangka kerja yang berstruktur dan komprehensif mengenai amalan pasaran yang saksama yang akan menggalakkan persaingan yang lebih meluas dan amalan pasaran yang adil antara institusi-institusi perbankan. Di samping itu, sistem insurans deposit akan ditubuhkan sebagai sebahagian daripada usaha bagi mengukuhkan infrastruktur perlindungan pengguna. Rangka kerja sistem insurans deposit telah disiapkan dan Bil Insurans Deposit akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini.

Fokus sistem pembayaran pada tahun 2005 adalah untuk meningkatkan lagi akses kepada sistem pembayaran elektronik, mempertingkatkan kecekapan dan mengukuhkan langkah-langkah keselamatan bagi menggalakkan pemindahan kepada pembayaran secara elektronik. Berikutan kejayaan besar yang dicapai oleh institusi kewangan pada tahun 2004, usaha akan diteruskan pada tahun ini untuk mempertingkatkan akses kepada sistem pembayaran elektronik dengan menggunakan saluran penghantaran yang mudah seperti perbankan internet dan ATM, serta menerusi penyediaan alat pembaca kad yang lebih meluas. Bank Negara Malaysia akan membantu dalam kerjasama sesama industri secara meluas bagi meningkatkan lagi langkah-langkah keselamatan urus niaga perbankan internet, mempertingkatkan mekanisme pembayaran merentas sempadan, mempromosikan piawai berkaitan pembayaran bagi memudahkan rujukan pembayaran dan meningkatkan kecekapan dan perkhidmatan sistem giro antara bank bagi menambahkan penggunaannya. Rangka kerja perlindungan pengguna dalam perkhidmatan berkaitan dengan pembayaran juga akan dipertingkatkan, seperti langkah-langkah menggalakkan pemberian pinjaman kad kredit yang bertanggungjawab dan membendung hutang yang berlebihan.

Bagi sektor perbankan Islam, teras dasar utama pada tahun 2005 akan tertumpu pada pengukuhan seterusnya dalam sistem perbankan Islam sebagai satu komponen penting sistem kewangan Malaysia. Teras dasar ini akan dijuruskan pada usaha mempertingkatkan struktur keinstitusian, struktur pengawalseliaan dan peraturan berhemat, rangka kerja perundangan dan Syariah, pembangunan produk dan pasaran, dan pembangunan sumber manusia serta pendidikan pengguna. Dari segi struktur keinstitusian, pasaran perbankan Islam dijangka menjadi lebih dinamik berikutan pemberian lesen perbankan Islam kepada institusi-institusi kewangan asing serta penubuhan subsidiari perbankan Islam oleh kumpulan perbankan domestik. Langkah ini dijangka dapat merangsang persaingan dan inovasi produk dalam pasaran. Bagi memenuhi keperluan tenaga manusia yang semakin meningkat, Bank Negara Malaysia juga sedang mengambil inisiatif bagi mempertingkatkan modal intelek dan kepakaran dengan objektif menghasilkan lebih ramai pakar dan profesional yang berkaliber tinggi dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

Bagi mempertingkatkan keberkesanan struktur pengawalseliaan dan peraturan berhemat, usaha penggubalan dasar akan memberi tumpuan pada pengukuhan rangka kerja peruntukan dan mudah tunai bagi memenuhi keperluan khusus operasi perbankan Islam. Usaha pembentukan kadar rujukan Islam yang akan menjadi tanda aras bagi penentuan harga produk perbankan Islam akan diteruskan. Bagi menggalakkan pembangunan infrastruktur perundangan, kajian semula Akta Perbankan Islam 1983 akan digiatkan secara komprehensif dan mendalam supaya selaras dengan perkembangan pasaran perbankan Islam. Ketelusan amalan perbankan yang merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kesedaran dan kepuasan pengguna akan menjadi fokus penting pada tahun ini.

Teras dasar bagi sektor institusi kewangan pembangunan (IKP) pada tahun 2005 akan terus tertumpu pada usaha mempertingkatkan lagi kapasiti dan keupayaan IKP dalam memberi sokongan kewangan dan bukan kewangan kepada sektor sasaran dalam ekonomi. Khususnya, usaha sedang dijalankan untuk menggabungkan Export-Import Bank of Malaysia Berhad dan Malaysia Export Credit Insurance Berhad serta rasionalisasi aktiviti pemberian pinjaman Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad. Usaha rasionalisasi ini bertujuan membolehkan institusi ini beroperasi secara lebih fokus, serta membantu institusi ini berubah menjadi pakar dalam membekalkan sokongan kewangan dan khidmat nasihat kepada sektor sasaran yang berkenaan. Projek untuk mempertingkatkan keupayaan beberapa IKP terpilih dalam memberi khidmat nasihat kepada PKS dijangka selesai pada akhir tahun 2005. Peningkatan keupayaan IKP dalam menyediakan perkhidmatan bukan kewangan yang bermutu akan meningkatkan keberkesanan IKP tersebut dalam memenuhi keperluan PKS. Bagi melengkapkan strategi pembinaan kapasiti, usaha akan diteruskan sepanjang tahun 2005 untuk mengukuhkan lagi keteguhan kewangan dan operasi, amalan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko, agar dapat membangunkan kumpulan IKP yang kukuh, dinamik dan cekap, yang dapat menyokong objektif pembangunan Kerajaan dengan kos yang minimum.

Liberalisasi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

Peraturan pentadbiran pertukaran asing bertujuan untuk menyediakan satu rangka kerja yang sesuai yang dapat mempengaruhi aliran dana modal serta memudahkan pengurusan risiko mata wang bagi menggalakkan kestabilan kewangan dan ekonomi negara. Peraturan tersebut melengkapkan dasar makroekonomi secara keseluruhan dan sentiasa disemak semula sejajar dengan persekitaran yang berubah-ubah.

Pada 1 April 2004, sempena penerbitan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2003, beberapa dasar pentadbiran pertukaran asing yang utama telah diliberalisasikan bagi menggalakkan kecekapan operasi perniagaan di Malaysia serta pengurusan risiko pelaburan yang lebih baik.

Berkuat kuasa 1 April 2005, Bank telah mengumumkan kelonggaran tambahan kepada peraturan pentadbiran pertukaran asing yang merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan ke arah mengurangkan kos pengendalian perniagaan, memperbaiki sistem penghantaran pengawalseliaan serta menggalakkan aktiviti pengurusan risiko yang lebih baik oleh pemastautin dan bukan pemastautin, di samping menggalakkan pembangunan pasaran pertukaran asing dalam negeri. Ini bagi menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan dan ekonomi negara. Liberalisasi tersebut meliputi perkara-perkara yang berikut:

(i) Kontrak Tukaran Asing Hadapan oleh Pemastautin dan Bukan Pemastautin

Bagi membolehkan perusahaan perniagaan dan individu mengurus risiko mereka dengan berkesan, pemastautin dan bukan pemastautin boleh mengikat kontrak tukaran asing hadapan dengan bank perdagangan dan bank Islam berlesen tempatan (bank berlesen tempatan) dan bank saudagar yang diluluskan tanpa perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal Pertukaran Wang Asing (Pengawal) untuk membeli atau menjual mata wang asing untuk ringgit atau mata wang asing yang lain seperti yang berikut:

- **Pemastautin** kini dibenarkan untuk mengikat kontrak tukaran asing hadapan bagi melindungi nilai perkara-perkara yang berikut-
  (a) Pendedahan dalam mata wang asing bagi pelaburan luar negeri yang dibenarkan;
  (b) Pembayaran untuk pelaburan luar negeri yang dibenarkan;
  (c) Pembayaran balik prinsipal dan pembayaran faedah untuk kemudahan kredit mata wang asing (dalam negeri atau luar pesisir) yang akan dibayar dalam tempoh 24 bulan; dan
  (d) Perolehan eksport yang dijangka serta pembayaran import yang dijangka bagi barangan dan perkhidmatan, berdasarkan nilai jumlah perolehan eksport dan pembayaran import bagi 12 bulan sebelumnya.

  Dengan fleksibiliti tersebut, pemastautin kini boleh melindungi nilai semua aliran masuk dan aliran keluar yang terikat dan yang dijangka bagi urus niaga akaun semasa (iaitu pembayaran untuk eksport dan import barangan dan perkhidmatan, dan pendapatan) serta aliran masuk dan aliran keluar yang terikat bagi urus niaga akaun modal (contohnya pembayaran bagi pelaburan luar negeri dan pemberian kemudahan kredit kepada bukan pemastautin atau bayaran balik kemudahan kredit daripada bukan pemastautin) serta melindungi nilai pelaburan luar negeri mereka.

- Selain itu, **bukan pemastautin** kini turut dibenarkan untuk mengikat kontrak tukaran asing hadapan bagi aliran dana yang terikat seperti yang berikut:
  (a) Penghantaran balik perolehan pelaburan dari Malaysia; dan
  (b) Pembelian aset dalam denominasi ringgit di Malaysia.

(ii) Penyelenggaraan Akaun Mata Wang Asing oleh Pemastautin dan Penukaran Ringgit kepada Mata Wang Asing untuk Dikreditkan ke dalam Akaun Mata Wang Asing

Peraturan berkaitan penyelenggaraan akaun mata wang asing oleh pemastautin juga turut diliberalisasikan lagi bagi memudahkan pengurusan aliran wang tunai yang lebih berkesan serta untuk meningkatkan kecekapan perniagaan.

- Pemastautin kini bebas untuk membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank luar negeri untuk sebarang tujuan, kecuali untuk menyimpan perolehan eksport. Dengan fleksibiliti tersebut, pemastautin boleh menyimpan perolehan mata wang asing yang diterima (selain perolehan eksport) dalam akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank luar negeri, tanpa had semalaman ke atas akaun tersebut.

- Syarikat pemastautin yang menyelenggarakan akaun mata wang asing dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank luar negeri dikehendaki mengemukakan penyata bulanan Akaun Luar Negeri (Statement OA) kepada Pengawal.

- Pemastautin juga boleh menukar ringgit kepada mata wang asing untuk dikreditkan ke dalam akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir di Labuan dan bank luar negeri seperti yang berikut :
  (a) Sebarang jumlah oleh pemastautin (syarikat atau individu) yang tidak mempunyai sebarang kemudahan kredit dalam negeri;
  (b) Sehingga RM10 juta bagi setiap tahun kalendar berdasarkan kumpulan korporat oleh syarikat pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri; dan
  (c) Sehingga RM100,000 bagi setiap tahun kalendar oleh individu pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri.

- Pemastautin juga kini bebas untuk menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan. Had yang kini dikenakan ke atas akaun mata wang asing eksport, dimansuhkan.

Dengan pemansuhan had ini, secara efektif semua akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan (kecuali akaun mata wang asing untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan di luar negeri oleh pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri) adalah bebas daripada had semalaman.

- Had agregat semalaman yang dikenakan ke atas akaun mata wang asing untuk pendidikan dan pekerjaan di luar negeri yang diselenggara oleh pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri kekal seperti yang berikut-
  (a) AS$150,000 masing-masing untuk akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank berlesen tempatan atau bank berlesen luar pesisir di Labuan; dan
  (b) AS$50,000 untuk akaun mata wang asing yang diselenggara dengan bank luar negeri.

(iii) Kemudahan Kredit Dalam Negeri kepada Syarikat Dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC)

Had RM50 juta bagi jumlah kemudahan kredit yang boleh diberi oleh pemastautin kepada sesebuah NRCC serta keperluan nisbah penggearan 3 : 1 yang dikenakan ke atas NRCC bagi peminjaman dalam negerinya yang melebihi RM50 juta, dimansuhkan. Dengan pemansuhan ini, pemastautin kini bebas untuk memberi kemudahan kredit dalam denominasi ringgit tanpa had kepada NRCC.

(iv) Pelaburan Luar Negeri

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan lagi pengurusan dana dan memberi peluang perniagaan yang pelbagai, peraturan ke atas pelaburan luar negeri oleh pemastautin juga telah diliberalisasikan.

- Pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit dalam negeri kini bebas untuk membuat sebarang jumlah pelaburan ke luar negeri. Pelaburan tersebut boleh dibuat melalui penukaran ringgit atau daripada dana mata wang asing yang disimpan di dalam atau di luar negeri. Pelaburan luar negeri yang dibiayai oleh pinjaman dalam mata wang asing dihadkan kepada jumlah yang bersamaan RM10 juta sahaja pada satu-satu masa.

- Pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri juga bebas untuk melabur ke luar negeri menggunakan dana mata wang asing yang disimpan di dalam atau di luar negeri. Selain itu, mereka juga dibenarkan untuk menukar ringgit kepada mata wang asing untuk pelaburan luar negeri sehingga had-had yang berikut:-
  (a) Sehingga RM10 juta bagi setiap tahun kalendar oleh syarikat berdasarkan kumpulan korporat; dan
  (b) Sehingga RM100,000 bagi setiap tahun kalendar oleh individu pemastautin.

  Bagi syarikat yang menukar ringgit untuk pelaburan luar negeri, ia mesti mempunyai dana pemegang saham minimum sebanyak RM100,000 dan mestilah telah beroperasi selama sekurang-kurangnya satu tahun.

  Selain itu, mereka juga dibenarkan untuk membiayai pelaburan luar negeri dengan pinjaman dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM10 juta pada satu-satu masa.

- Had yang dibenarkan untuk pelaburan luar negeri oleh syarikat amanah saham dinaikkan ke 30% dari 10% daripada jumlah Nilai Aset Bersih (NAV) yang dilanggan oleh pemastautin. Pengurus dana/aset kini boleh membuat sebarang jumlah pelaburan luar negeri bagi pelanggan pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit dalam negeri dan sehingga 30% pelaburan pelanggan pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit dalam negeri. Dana-dana tersebut boleh digabungkan untuk pelaburan luar negeri. Pelaburan-pelaburan sedemikian perlu sejajar dengan garis panduan berhemat Suruhanjaya Sekuriti.

- Syarikat insurans dan pengendali takaful pemastautin juga dibenarkan untuk membuat pelaburan luar negeri sehingga 30%, dinaikkan dari 10% daripada jumlah NAV dana berkaitan pelaburan yang mereka pasarkan. Pelaburan-pelaburan ini juga tertakluk kepada pematuhan peraturan berhemat insurans dan takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

- Kesemua fleksibiliti di atas adalah tertakluk kepada pendaftaran dengan Pengawal terlebih dahulu bagi sebarang pelaburan luar negeri yang melebihi nilai yang bersamaan RM50,000.

(v) Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing

Untuk menambah kecekapan pengurusan perniagaan di Malaysia, had bagi pemastautin memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing daripada bukan pemastautin, bank berlesen tempatan dan bank saudagar berlesen di Malaysia, telah dinaikkan daripada had semasa yang bersamaan RM5 juta.

- Syarikat pemastautin, berdasarkan kumpulan korporat, kini dibenarkan memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM50 juta.

- Pemastautin individu dibenarkan memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM10 juta.

- Fleksibiliti di atas adalah tertakluk kepada pendaftaran dengan Pengawal terlebih dahulu, bagi sebarang kemudahan kredit dalam mata wang asing yang melebihi RM1 juta.

- Pemastautin boleh membuat prabayaran ke atas kemudahan kredit mata wang asing mereka tertakluk kepada prabayaran tersebut didaftarkan dengan Pengawal sebelum sebarang pembayaran dibuat.

- Pemastautin juga boleh menggunakan jumlah sehingga agregat bersamaan RM10 juta kemudahan kredit mata wang asing mereka untuk membiayai aktiviti pelaburan luar negeri.

(vi) Aktiviti Ibu Pejabat Operasi (OHQ) yang Diluluskan

Sejajar dengan kelonggaran yang diberikan kepada pemastautin untuk menyimpan perolehan eksport dan pelaburan luar negeri serta kebebasan untuk memperoleh kemudahan kredit dalam negeri oleh NRCC, OHQ juga kini dibenarkan:

- Menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing mereka dengan bank berlesen tempatan;

- Memperoleh kemudahan kredit dalam denominasi ringgit tanpa had dari sumber-sumber dalam negeri; dan

- Membiayai aktiviti pelaburan luar negeri mereka, termasuk pemberian kemudahan kredit kepada bukan pemastautin dengan menukar sehingga RM10 juta kepada mata wang asing dalam satu tahun kalendar sekiranya mereka mempunyai kemudahan kredit dalam negeri.

Sistem Kewangan

Sistem Kewangan

SUMBER DAN KEGUNAAN DANA SISTEM KEWANGAN

Sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi secara keseluruhan, jumlah aset sistem kewangan meningkat dengan ketara sebanyak 12.8% kepada RM1,762.6 bilion pada tahun 2004 (2003: 12% kepada RM1,563.1 bilion). Pada akhir tahun tersebut, jumlah aset sistem kewangan adalah bersamaan dengan 394% daripada KDNK (akhir tahun 2003: 397%).

Aset sistem perbankan dan institusi pengantaraan kewangan bukan bank (NBFI) meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada tahun 2004 berbanding dengan tahun 2003. Aset sistem perbankan meningkat 13.6% (2003: 13.2%), manakala aset NBFI meningkat 11% (2003: 9.7%).

Hasil daripada aktiviti penggabungan antara tiga bank perdagangan dengan tiga syarikat kewangan yang selesai pada suku ketiga tahun 2004, bahagian bank perdagangan daripada jumlah aset sistem kewangan meningkat kepada 41.8% (2003: 39%), manakala bahagian syarikat kewangan menurun kepada 3.9% (2003: 9.1%). Sementara itu, bahagian bank-bank Islam daripada jumlah aset sistem kewangan bertambah kepada 1.4% (2003: 1.3%), mencerminkan pengembangan berterusan industri perbankan Islam pada tahun 2004.

Semua segmen utama institusi pengantaraan kewangan bukan bank terus berkembang dengan

Jadual 4.1
Aset Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2004*a*
	2003	2004*a*	
	RM bilion		
Sistem perbankan	**122.4**	**142.9**	**1,189.9**
Bank Negara Malaysia	38.6	84.0	284.9
Bank perdagangan	66.3	128.1	737.1
Syarikat kewangan	11.2	-73.5	68.4
Bank Saudagar	2.8	-1.3	42.8
Bank-bank Islam	0.8	3.9	24.9
Syarikat diskaun	2.8	1.7	31.9
Pengantara kewangan bukan bank	**45.5**	**56.6**	**572.7**
Kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans	30.6	35.4	383.2
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*18.0*	*20.0*	*240.2*
Kumpulan wang simpanan dan pencen lain	*1.6*	*4.7*	*51.1*
Kumpulan wang insurans nyawa	*9.8*	*10.1*	*74.1*
Kumpulan wang insurans am	*1.2*	*0.6*	*17.8*
Institusi kewangan pembangunan[1]	6.6	11.2	90.3
Institusi kewangan lain[2]	8.3	10.0	99.2
Jumlah	**168.0**	**199.5**	**1,762.6**

1 Termasuk Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), Perbadanan Kemajuan Borneo, Bank Pembangunan Sabah Berhad, Perbadanan Kredit Sabah, Eksport-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), dan Lembaga Tabung Haji.

2 Termasuk amanah saham yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan amanah saham Mara Berhad, pertubuhan-pertubuhan koperasi, syarikat pemajakan, syarikat pemfaktoran dan institusi kredit perumahan (termasuk Cagamas Berhad, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, dan Malaysia Building Society Berhad).

a Awalan

Graf 4.1
Aset Sistem Kewangan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun
	2003	2004*a*	2004*a*
	RM bilion		
Sumber:			
Modal dan rizab	14.1	15.0	164.0
Mata wang	2.3	2.9	32.4
Deposit	74.7	126.2	835.6
Peminjaman	3.8	2.5	51.2
Dana dari institusi kewangan lain [1]	16.7	-15.5	72.0
Kumpulan wang insurans, simpanan dan pencen	31.3	33.6	339.2
Tanggungan lain	25.0	34.9	268.2
Jumlah	**168.0**	**199.5**	**1,762.6**
Kegunaan:			
Mata wang	-1.8	0.5	6.1
Deposit dengan institusi kewangan lain	38.4	21.3	247.6
Pinjaman dan pendahuluan [2]	38.8	56.3	655.6
Sekuriti	48.4	20.3	429.8
Bil Perbendaharaan	*-2.1*	*-3.1*	*0.4*
Bil Perdagangan	*0.1*	*-5.1*	*8.4*
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	*20.8*	*14.6*	*139.8*
Korporat [3]	*27.5*	*14.0*	*268.2*
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	*t.d.*	*7.0*	*129.2*
Ekuiti	*t.d.*	*7.0*	*139.0*
Asing	*0.2*	*1.2*	*4.6*
Lain-lain	*1.8*	*-1.3*	*8.4*
Emas dan rizab pertukaran wang	38.6	83.6	249.7
Aset lain	5.5	17.6	173.9

[1] Termasuk rizab berkanun institusi perbankan.
[2] Tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Danaharta.
[3] Pecahan Sekuriti Korporat kepada Sekuriti Hutang Swasta dan Ekuiti mula diperoleh sejak tahun 2003.
t.d. Tidak diperoleh
a Awalan

Graf 4.2
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

kukuh pada tahun 2004. Aset kumpulan wang simpanan dan pencen yang merangkumi 16.5% daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2004, meningkat sebanyak 9.3% pada tahun tersebut. Pulangan yang lebih tinggi daripada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta dan ekuiti, serta daripada aktiviti pinjaman menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan portfolio aset kumpulan wang simpanan dan pencen pada tahun 2004.

Aset sektor insurans yang merangkumi 5.2% daripada jumlah aset sistem kewangan pada akhir tahun 2004, meningkat sebanyak 13.1% pada tahun tersebut (2003: 15.7%). Pertumbuhan sektor insurans didorong terutamanya oleh segmen insurans nyawa, yang mencatat pertumbuhan sebanyak 15.7% pada tahun 2004 (2003: 18%), manakala segmen insurans am

Graf 4.3
Pinjaman dan Pendahuluan mengikut Institusi (% bahagian)



a Awalan

Jadual 4.3
Haluan Kredit[1] kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun
	2003	2004*a*	2004*a*
	RM bilion		
Pinjaman dan pendahuluan	**35.6**	**54.3**	**611.9**
Pertanian	-0.8	0.7	14.0
Perlombongan dan kuari	0.1	-0.1	1.0
Perkilangan	1.2	2.5	58.5
Pembinaan dan harta tanah	-0.6	3.9	79.7
Pembelian harta kediaman	19.0	19.1	169.2
Perdagangan runcit dan borong, hotel dan restoran	-0.5	3.2	24.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1.3	0.0	15.4
Perkhidmatan perniagaan	0.6	1.6	22.1
Elektrik, gas dan bekalan air	-1.1	0.7	6.2
Kredit penggunaan	9.9	15.0	111.2
Pembelian saham	-1.8	-0.4	18.8
Lain-lain	8.3	8.0	91.8
Pelaburan dalam sekuriti korporat	**26.0**	**14.2**	**266.4**
Jumlah	**61.6**	**68.5**	**878.3**

[1] Tidak termasuk kredit kepada perusahaan awam bukan kewangan.
a Awalan

berkembang pada kadar yang lebih rendah, iaitu sebanyak 3.4% (2003: 7.8%).

Dari segi komposisi aset, pinjaman dan pendahuluan masih merupakan kategori aset terbesar yang dimiliki oleh sistem kewangan pada tahun 2004 yang merangkumi 37.2% daripada jumlah aset (2003: 38.3%). Walaupun institusi perbankan (terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar, bank-bank Islam dan syarikat diskaun) terus merupakan pemberi pinjaman dan pendahuluan yang terbesar, mencakupi 78.1% daripada jumlah pinjaman dan pendahuluan pada tahun 2004, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans pula telah menambahkan bahagian mereka dalam aktiviti pemberian pinjaman sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada tahun 2004, pinjaman dan pendahuluan bertambah sebanyak RM56.3 bilion atau 9.4% (2003: 6.9%). Sektor isi rumah terus menjadi pemacu utama permintaan pinjaman, dengan pinjaman pembelian harta kediaman dan kredit penggunaan mencakupi bahagian yang besar (62.9%) dalam peningkatan jumlah pinjaman dan pendahuluan yang disalurkan. Dalam sektor perniagaan, pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana terus berkembang dengan kukuh dan mencatat pertumbuhan sebanyak 7.7% pada tahun 2004 (2003: 10%).

Pelaburan dalam sekuriti oleh sistem kewangan berkembang sebanyak 5% pada tahun 2004 (2003: 13.4%). Pertumbuhan yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan dalam pemegangan bil Perbendaharaan dan bil perdagangan oleh sistem kewangan, serta peningkatan yang sedikit dalam pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti korporat (merangkumi sekuriti hutang swasta dan ekuiti). Institusi perbankan mengurangkan pemegangan sekuriti mereka sebanyak 11.6% atau RM12.2 bilion pada tahun 2004, mencerminkan peralihan sumber yang lebih banyak ke arah aktiviti pemberian pinjaman langsung. Walau bagaimanapun, pemegangan sekuriti yang lebih rendah oleh institusi perbankan telah diimbangi oleh peningkatan dalam pelaburan sekuriti sebanyak RM23.6 bilion atau pertumbuhan sebanyak 9.7% oleh kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans.

Graf 4.4
Haluan Kredit dalam Sektor Swasta Bukan Kewangan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

Sementara itu, pemegangan emas dan rizab pertukaran asing kasar mencatat kenaikan yang ketara sebanyak RM83.6 bilion atau 50.3% pada tahun 2004 (2003: RM38.6 bilion atau 30.3%). Peningkatan ini mencerminkan prestasi eksport yang lebih kukuh serta aliran masuk pelaburan langsung asing dan aliran portfolio yang lebih besar selaras dengan keyakinan pelabur yang bertambah baik.

Deposit masih merupakan sumber pembiayaan terbesar bagi sistem kewangan pada tahun 2004. Deposit yang diperoleh oleh sistem kewangan meningkat sebanyak RM126.2 bilion atau 17.8% pada tahun 2004 (2003: 11.8%). Daripada jumlah ini, 59% disumbangkan oleh institusi perbankan. Deposit yang disimpan di institusi perbankan mencakupi 78% daripada jumlah deposit sistem kewangan pada akhir tahun 2004 (2003: 81.4%).

Dari segi pemegang deposit, sektor swasta bukan kewangan (yang terdiri daripada individu dan perusahaan perniagaan) terus mencakupi bahagian yang besar (71.8%) daripada jumlah deposit yang disimpan dalam sistem perbankan dan IKP. Deposit yang disimpan oleh individu dalam sistem perbankan dan IKP meningkat sebanyak 9.3% pada tahun 2004 (2003: 9%), sementara deposit yang disimpan oleh perusahaan perniagaan meningkat sebanyak 17.2% (2003: 13.8%). Pertumbuhan deposit yang kukuh mencerminkan pendapatan boleh guna dan kekayaan kewangan yang lebih tinggi di kalangan isi rumah dan perusahaan perniagaan, sejajar dengan ekonomi yang bertambah kukuh.

Selain deposit, sumber dana utama yang lain bagi sistem kewangan turut meningkat pada tahun 2004.

Jadual 4.4
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan[1] dengan Sistem Kewangan[2]

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2004*a*
	2003	2004*a*	
	RM bilion		
Deposit[3] dengan:			
Bank perdagangan	36.0	87.9	433.9
Syarikat kewangan	0.2	-35.4	28.7
Bank saudagar	2.4	0.8	14.7
Bank-bank Islam	1.3	2.1	11.4
Syarikat diskaun	2.3	1.8	12.6
Bank Simpanan Nasional	0.2	1.6	9.9
Lain-lain[4]	7.8	5.3	36.3
Jumlah	**50.2**	**64.2**	**547.4**
Deposit permintaan	13.5	10.3	87.9
Deposit tabungan	4.5	5.5	74.1
Deposit tetap	25.8	34.8	342.8
antaranya:			
Sehingga 1 tahun	*37.3*	*33.7*	*314.9*
Lebih dari 1 tahun	*-11.5*	*1.1*	*28.0*
NIDs[5]	0.3	5.2	7.9
Repo[6]	6.1	8.3	34.8

1 Merujuk kepada deposit yang disimpan oleh perusahaan perniagaan (tidak termasuk PABK) dan individu.
2 Tidak termasuk kumpulan wang simpanan dan pencen, insurans, dan amanah saham.
3 Merujuk kepada deposit permintaan, tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga dan repo.
4 Termasuk institusi kewangan pembangunan, pertubuhan-pertubuhan koperasi dan institusi kredit perumahan.
5 Merujuk kepada instrumen deposit boleh niaga.
6 Merujuk kepada perjanjian belian balik.
a Awalan

Dana kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans meningkat sebanyak 11% (2003: 11.4%), manakala modal dan rizab meningkat sebanyak 10.1% (2003: 10.5%). Peningkatan modal dan rizab mencerminkan prestasi kewangan institusi perbankan dan IKP yang bertambah baik, serta dividen belum agih dana amanah saham yang lebih tinggi.

Graf 4.5
Deposit Sektor Swasta Bukan Kewangan dengan Sistem Kewangan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

118-132 Pengurusan Sistem Perbankan
121 Rencana: ICLIF Mengorak Langkah untuk Merealisasikan Wawasannya
132 Rencana: Langkah-langkah Perbankan pada Tahun 2004
138 Rencana: Pelan Induk Sektor Kewangan
148 Rencana: Langkah-langkah Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan Semenjak Tahun 2000
150-153 Penyeliaan Sistem Perbankan
154 Rencana: Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) di Malaysia
159-173 Prestasi Sistem Perbankan

Sistem Perbankan

Sistem Perbankan

PENGURUSAN SISTEM PERBANKAN

Kemajuan pesat telah dicapai dalam usaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi perbankan domestik pada tahun 2004. Berikutan penyempurnaan program penstrukturan semula sektor kewangan dan wujudnya asas yang kukuh bagi pembentukan sistem perbankan yang cekap, berkesan dan berdaya tahan, institusi perbankan domestik kini berada pada kedudukan yang baik untuk beroperasi dalam persekitaran yang lebih dinyahkawal selia dan liberal, seperti yang dijadualkan di bawah fasa kedua Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK). Selain peningkatan kapasiti, dasar perbankan pada tahun 2004 juga ditumpukan pada peningkatan akses pembiayaan oleh sektor-sektor ekonomi utama, pengukuhan rangka kerja perlindungan pengguna dan pemeliharaan daya tahan sistem perbankan keseluruhannya.

Sektor perbankan menunjukkan prestasi yang kukuh pada tahun 2004. Nisbah modal berwajaran risiko kekal pada tahap melebihi 13% sepanjang tahun 2004, manakala nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih menurun kepada 5.9% pada akhir tahun, iaitu tahap paling rendah sejak krisis kewangan Asia. Kedudukan kewangan institusi perbankan yang lebih kukuh telah membolehkan sistem perbankan untuk terus memenuhi keperluan ekonomi negara. Jumlah kelulusan dan pengeluaran pinjaman baru meningkat, masing-masing sebanyak 13.6% dan 10.6%, dan menyumbang kepada peningkatan jumlah pinjaman terkumpul sebanyak 8.5% pada tahun 2004.

Perkembangan Danaharta

Daripada tiga agensi yang ditubuhkan bagi menerajui usaha penstrukturan semula sektor kewangan ekoran krisis kewangan Asia, hanya Danaharta yang masih beroperasi pada tahun 2004. Sepanjang beroperasi, Danaharta telah memperoleh hak pinjaman terlaras berjumlah RM52.4 bilion, dengan kadar pemulihan jangkaan keseluruhan sebanyak 59%. Pada 31 Disember 2004, sebanyak RM29 bilion atau 94% daripada jangkaan jumlah pemulihan yang bernilai RM30.8 bilion, telah diterima oleh Danaharta. Daripada jumlah tersebut, RM23.6 bilion telah diterima dalam bentuk tunai, manakala bakinya dalam bentuk pinjaman yang disusun semula, sekuriti, harta tanah dan aset bukan tunai yang lain. Secara kumulatif, Danaharta telah mengagihkan hasil pemulihan berjumlah RM16.4 bilion dalam bentuk wang tunai dan 66,472,341 unit sekuriti kepada Kerajaan dan institusi kewangan terbabit, selaras dengan perjanjian perkongsian lebihan hasil daripada usaha pemulihan, pada nisbah 80:20 bagi institusi kewangan dan Danaharta.

Jadual 5.1
Danaharta: Pemulihan Pinjaman pada 31 Disember 2004

	Hak pinjaman diambil alih terlaras[1] (RM bilion)		Kadar pemulihan dijangka (%)	
	NPL yang diambil alih	NPL yang diuruskan	NPL yang diambil alih	NPL yang diuruskan
Penstrukturan pinjaman biasa	1.4	4.1	91	97
Penyelesaian hutang	3.4	8.0	82	75
Skim penyusunan	2.6	7.5	72	76
Skim di bawah Pentadbir Khas	2.3	2.7	46	27
Perampasan dan penjualan	9.8	4.4	28	49
Lain-lain	1.9	3.2	49	47
Tindakan undang-undang	0.2	1.0	9	4
Jumlah	**21.6**	**30.8**	**50**	**65**
Jumlah keseluruhan	**52.4**		**59**	

[1] Merangkumi jumlah hak pinjaman yang diambil alih sebanyak RM47.7 bilion dan faedah tertunggak sebanyak RM4.7 bilion.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Pengurusan Danaharta Nasional Berhad

Sehingga kini, Danaharta telah berjaya menebus 12 'tranche' bon tanpa kupon dengan jumlah nilai muka sebanyak RM10.3 bilion. Dengan baki tunai dan tunai setara sebanyak RM1 bilion pada 31 Disember 2004, Danaharta mempunyai keupayaan yang cukup untuk menebus baki tiga 'tranche' bon dengan jumlah nilai muka sebanyak RM0.8 bilion, yang akan matang pada bulan Mac 2005. Berdasarkan pencapaian tersebut, Danaharta berada pada kedudukan yang baik untuk menamatkan operasi pada tahun 2005 dan dengan itu, menyempurnakan usaha penstrukturan semula sektor kewangan.

Tumpuan Dasar pada tahun 2004

Tumpuan utama dasar perbankan pada tahun 2004 adalah kepada usaha mempertingkatkan prestasi dan daya saing institusi perbankan domestik di samping usaha memastikan institusi tersebut bersedia untuk menghadapi persekitaran operasi yang lebih liberal. Khususnya, usaha ditujukan kepada mempertingkatkan kecekapan operasi dan fleksibiliti institusi perbankan domestik. Inisiatif ini dilaksanakan bersama-sama dengan pengenalan peraturan berhemat bagi memelihara kestabilan kewangan dan mengekalkan keyakinan awam.

Di samping itu, teras dasar utama pada tahun 2004 termasuk usaha meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh sektor ekonomi utama, serta usaha berterusan untuk memperkukuh pendidikan dan perlindungan pengguna. Sejajar dengan produk kewangan yang semakin kompleks, tumpuan adalah untuk memastikan pengguna mempunyai akses kepada maklumat yang perlu bagi membuat keputusan yang bijak, di samping memperkenalkan langkah-langkah mengukuhkan mekanisme perlindungan dan pembelaan pengguna.

Meningkatkan Kapasiti Dalam Negeri

Lanjutan daripada inisiatif peningkatan kapasiti yang terdahulu, dasar terus ditumpukan pada peningkatan kecekapan struktur dan operasi institusi perbankan domestik. Ini bagi membolehkan institusi perbankan domestik mengekalkan daya saing dan berupaya memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah, secara berkesan dan cekap. Sehubungan itu, pada tahun 2004, program penandaarasan telah diperkemaskan dengan menambah liputan penunjuk-penunjuk prestasi kewangan dan mutu perkhidmatan yang dipantau, dianalisis dan dikongsi dengan institusi perbankan, khususnya analisis ke atas data, nisbah dan trend yang berkaitan dengan tahap keuntungan, produktiviti dan kualiti aset sesebuah institusi perbankan, berbanding dengan institusi perbankan yang setaraf dengannya.

Bank Negara Malaysia juga telah menyempurnakan satu kajian untuk menilai keperluan dan tahap kepuasan pelanggan terhadap mutu produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan. Di bawah kajian tersebut, satu kaji selidik telah dijalankan ke seluruh negara, melibatkan lebih daripada 3,000 pelanggan individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pelanggan korporat institusi perbankan. Bagi melengkapi kajian tersebut, satu semakan telah dijalankan untuk menilai sejauh mana institusi perbankan mementingkan keperluan pelanggan dalam proses perniagaan masing-masing, kebolehan pengumpulan maklumat berkaitan prestasi perkhidmatan dan tahap kepuasan pelanggan, serta penggunaan maklumat tersebut dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan. Hasil kajian yang terperinci telah dikongsi dengan institusi perbankan untuk membolehkan mereka mengukur prestasi mereka berbanding dengan prestasi industri dan merumus langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kepuasan dan kesetiaan pelanggan.

Hasil kajian tersebut secara amnya menunjukkan bahawa pelanggan berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan yang disediakan. Namun, tahap mobiliti yang tinggi di kalangan pelanggan individu menekankan betapa pentingnya bagi institusi perbankan mengenal pasti dan mengambil langkah perlu untuk memenuhi keperluan pelanggan bagi mengukuhkan perhubungan dengan pelanggan. Antara keperluan utama yang disenaraikan oleh pelanggan individu adalah interaksi yang lebih bermutu dengan pegawai bank, pengendalian aduan yang lebih baik dan saluran penghantaran, pemprosesan permohonan dan kelulusan pinjaman yang lebih cekap. Keperluan lain bagi pelanggan individu termasuklah tahap inovasi dan fleksibiliti produk yang lebih tinggi, maklumat terperinci yang disediakan serta tahap ketelusan yang lebih mengenai terma dan syarat produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan. Hasil kajian juga menunjukkan tahap mobiliti adalah lebih ketara di kalangan pelanggan PKS dan korporat. Pelanggan-pelanggan tersebut menekankan perlunya bagi pengurus perhubungan pelanggan lebih proaktif dalam memperkenalkan pakej produk perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan mereka. Pengurusan aduan, akses kepada talian aduan yang lebih baik, proses permohonan dan kelulusan pinjaman yang cekap dan telus, khususnya yang berkaitan dengan alasan permohonan pinjaman ditolak, merupakan perkara penting yang disenaraikan oleh pelanggan PKS dan korporat.

Secara keseluruhan, keputusan kajian ke atas pelanggan dan semakan proses perniagaan tersebut menekankan pentingnya bagi institusi perbankan mengenal pasti dan mengambil langkah untuk memenuhi keperluan pelanggan dalam usaha untuk mengekalkan kesetiaan pelanggan dan daya saing mereka. Ini dapat dicapai melalui peningkatan dalam pelaburan bagi latihan pekerja dan menggalakkan budaya mengutamakan pelanggan bagi menyokong penjajaran struktur organisasi dan model perniagaan



Dasar perbankan pada tahun 2004 ditumpukan pada pewujudan persekitaran yang menggalakkan peningkatan kecekapan dan akses pembiayaan, dan pada masa yang sama, memelihara kestabilian kewangan secara keseluruhan.

untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Komitmen daripada pihak pengurusan terhadap pembentukan institusi perbankan yang mengutamakan pelanggan adalah penting dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan bagi menjamin prestasi kewangan yang berkekalan.

Dengan tercapainya matlamat meningkatkan saiz kumpulan perbankan domestik ke tahap yang wajar dan meraih manfaat daripada ekonomi bidangan melalui program penggabungan, usaha terus ditumpukan ke arah pewujudan persekitaran yang sesuai bagi menggalakkan kumpulan perbankan domestik memperkemas dan meningkatkan kecekapan operasi, di samping memenuhi kehendak pelanggan yang memerlukan rangkaian produk yang komprehensif dan saluran penghantaran yang bersepadu. Usaha ke arah ini membawa kepada pembentukan rangka kerja bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan yang bersepadu atau Bafin. Infrastruktur perundangan bagi rangka kerja Bafin sepertimana yang dimaktubkan ke dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2003, mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2004. Pindaan tersebut memberi pilihan kepada kumpulan perbankan domestik untuk menjalankan perniagaan bank perdagangan dan syarikat kewangan di bawah sebuah entiti pembiayaan bersepadu yang memegang kedua-dua lesen perniagaan. Bagi membantu penggabungan Bafin, Menteri Kewangan telah memberi pengecualian duti setem dan cukai untung harta tanah kepada entiti Bafin yang selesai melaksanakan penggabungan sebelum 15 Januari 2006.

Pada tahun 2004, lima daripada sepuluh buah syarikat kewangan, yang merangkumi 55% jumlah aset syarikat kewangan, telah bergabung dengan bank perdagangan dalam kumpulan masing-masing. Entiti-entiti Bafin baru yang diwujudkan ialah Alliance Bank Berhad, EON Bank Berhad, Hong Leong Bank Berhad, Malayan Banking Berhad dan Public Bank Berhad. Entiti-entiti Bafin tersebut kini sedang melalui proses rasionalisasi modal, penyusunan semula pekerja, penempatan semula cawangan dan perasionalan saluran penghantaran untuk mencapai ekonomi ikut bidangan dan ekonomi ikut skop setelah penggabungan. Penjimatan kos dan kecekapan operasi yang lebih tinggi dijangka akan diperoleh pada jangka masa terdekat, setelah pelarasan semula dan rasionalisasi sumber entiti Bafin tersebut disempurnakan.

Modal intelektual manusia memainkan peranan penting dalam mendorong prestasi dan daya saing institusi perbankan. Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) dan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) menyediakan saluran pembelajaran berterusan dan menyumbang kepada peningkatan kemahiran kakitangan di pelbagai peringkat. Pada tahun 2004, ICLIF telah menganjurkan dua sesi program terulungnya, iaitu Program Pembangunan Kepimpinan Global, satu sesi Forum Pengarah dan seminar perancangan senario untuk pihak pengurusan kanan institusi perbankan. Alumni ICLIF juga telah ditubuhkan sebagai platform untuk menjalin rangkaian perhubungan profesional.

Pewujudan infrastruktur perundangan bagi rangka kerja Bafin membolehkan institusi perbankan memperkemas operasi runcit, meningkatkan kecekapan dan memenuhi permintaan pelanggan bagi pakej produk yang komprehensif dan saluran penghantaran yang bersepadu.

Pada tahun 2004, usaha menyusun semula IBBM bagi meningkatkan keberkesanannya sebagai penyedia dan perunding khidmat latihan industri perbankan dipergiatkan dengan pembentukan pelan pembangunan strategik, yang mengenal pasti bidang-bidang yang boleh dipertingkatkan secara berperingkat untuk mengukuhkan infrastruktur IBBM. Satu inisiatif utama yang diambil ialah pengukuhan portfolio pendidikan dan kelayakan IBBM. Ini merangkumi usaha mempertingkatkan rangka kerja kompetensi industri dan penstrukturan semula Program Pembangunan Profesional Berterusan yang sedia ada. Langkah-langkah ini membolehkan IBBM merangka dan menawarkan latihan pengurusan dan teknikal yang khusus serta bersesuaian dengan keperluan semasa dan masa hadapan industri perbankan. Hubungan strategik yang lebih erat dengan pihak-pihak berkenaan telah dikenal pasti sebagai salah satu kaedah untuk mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan IBBM. Sehubungan itu, satu usaha sama antara IBBM dengan sebuah universiti awam tempatan telah dibentuk bagi melahirkan graduan perbankan dan kewangan yang mempunyai pengetahuan dan pendedahan yang relevan bagi industri perbankan.

ICLIF Mengorak Langkah untuk Merealisasikan Wawasannya

Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dengan matlamat untuk melaksanakan pendekatan yang berfokus dan terselaras ke arah melahirkan pemimpin-pemimpin bertaraf dunia dalam bidang kewangan. Ini adalah untuk menampung keperluan di rantau Asia yang terus mengalami perubahan pesat. ICLIF yang dilancarkan dengan rasminya pada 28 Oktober 2003 telah diamanatkan dengan peranan untuk mewujudkan pemimpin-pemimpin yang cemerlang, berpandangan jauh dan mendalam mengenai perkembangan serantau dan antarabangsa. ICLIF akan menunaikan tanggungjawab ini dengan menyediakan peluang-peluang dan pengalaman-pengalaman pembelajaran yang canggih dan berkesan melalui program-program pembangunan kepimpinannya.

Pembangunan Model Kompetensi Kepimpinan ICLIF

Salah satu inisiatif utama yang diusahakan ICLIF adalah untuk merangka Model Kompetensi Kepimpinan (MKK) sebagai asas untuk menyokong usaha-usaha ICLIF dalam memperjelas tentang kemahiran dan pembawaan yang perlu ada pada para pemimpin bagi membolehkan mereka berjaya menerajui dan menghadapi cabaran-cabaran dalam persekitaran serantau dan global yang pesat berubah.

MKK ini telah dirangka melalui proses yang melibatkan temu duga dengan para pemimpin industri yang memberi pandangan yang strategik serta mendalam. Pandangan mereka kemudiannya ditanda aras dengan amalan-amalan terbaik yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat terkemuka serantau dan global. MKK pada awalnya telah melalui proses pengesahan oleh panel pakar global dan seterusnya diperkemaskan dalam satu Seminar Pengesahan yang dihadiri oleh 42 orang tokoh sektor awam dan swasta Malaysia.

Program Pembangunan Kepimpinan Yang Dikendalikan pada tahun 2004

Pada tahun 2004, ICLIF mula mengendalikan Program Pembangunan Kepimpinannya yang dibahagikan secara kasarnya kepada tiga kategori seperti yang berikut:

- ***Program Kepimpinan Lanjutan Tersusun*** merupakan program teras ICLIF bagi Pembangunan Kepimpinan yang merangkumi Program Pembangunan Kepimpinan Global (PPKG). Program ini bertujuan membina dan mengasah bakat dalam industri kewangan dan sektor korporat dengan memberi penekanan yang padu terhadap kepimpinan dan pembangunan kepimpinan.

  PPKG telah dirangka berasaskan Model Kepimpinan Berimpak Tinggi yang dicipta bersama oleh Linkage Inc. berasaskan pemikiran dan pakar kepimpinan terkemuka, Profesor Warren Bennis dari *Marshall School of Business – University of Southern California*. Fokus program ini adalah kepada bidang-bidang Kompetensi, Kemahiran dan Tanggungjawab Kepimpinan. Di samping itu, isu-isu kepimpinan yang lebih meluas, seperti globalisasi, isu-isu pemasaran global dan trend makroekonomi turut dirangkumi. Program ini juga memberi peluang kepada para peserta untuk mengukuhkan hubungan, berkongsi pengalaman pembelajaran dan berbincang dengan para pemimpin organisasi-organisasi lain.

  Sehingga kini, ICLIF telah berjaya mengendalikan sesi PPKG musim panas dan luruh pada tahun 2004. Sebanyak 42 orang peserta menghadiri kedua-dua sesi tersebut, iaitu 31 orang dari industri kewangan Malaysia, Asia dan Afrika, serta 11 orang dari sektor korporat. Tenaga fakulti bagi program ini adalah dari institusi-institusi pengajian terkemuka, termasuk *Peter F. Drucker Graduate School of Management – Claremont Graduate University, Marshall School of Business - University of Southern California, Harvard Business School* dan *Stanford Graduate School of Business*.

- ***Program Pembelajaran Khusus*** dirangka untuk pembelajaran isu-isu spesifik dan teknikal yang dihadapi oleh para pemimpin dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan dalam organisasi mereka. Program-program yang ditawarkan dalam kategori ini ialah:

  (i) Program Perancangan Senario yang bertujuan melengkapkan para pemimpin dengan keupayaan membuat penilaian mengenai perkembangan semasa dalam persekitaran perniagaan mereka, merumuskan implikasi daripada perkembangan tersebut dan bertindak secara strategik untuk terus berada di hadapan. Secara khusus, para peserta akan mengkaji perubahan teknologi semasa dan menerokai impak jangka sederhana dan jangka panjang daripada perubahan tersebut ke atas industri, syarikat dan perniagaan mereka sendiri.

  (ii) Forum Pengarah dikendali dengan kerjasama INSEAD. Program ini dirangka untuk melangkaui liputan biasa keperluan pematuhan dan keperluan undang-undang. Para peserta diberi kefahaman yang mendalam tentang amalan-amalan terbaik untuk mempertingkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah, hubungan antara Lembaga Pengarah dengan pihak pengurusan, pemegang saham dengan pihak pengawalselia dan peranan Lembaga Pengarah dalam strategi, prestasi dan nilai-nilai sesebuah organisasi. Turut dibincangkan ialah hak dan tanggungjawab para pemegang saham dengan tumpuan pada pemegang saham minoriti serta faktor-faktor yang memudahkan atau menghalang keberkesanan sesebuah Lembaga Pengarah.

- ***Seminar dan Bengkel*** ICLIF, khususnya Siri Seminar "Hari Sabtu" dirangka untuk menyediakan platform kepada pemimpin korporat, pihak pengawalselia dan ahli-ahli akademik bertemu dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu semasa dan baru. Siri ini juga menyediakan peluang kepada para peserta bertukar-tukar pendapat dengan pakar terkemuka dan tokoh-tokoh industri. Pada tahun 2004, satu Seminar Sumber Manusia telah diadakan untuk berbincang tentang peranan pembangunan kepimpinan dalam pembangunan negara dengan tumpuan khusus pada Visi dan Misi ICLIF serta kaitannya dengan Pelan Induk Sektor Kewangan dan Wawasan 2020. Satu Seminar Perbankan mengenai "Insurans Deposit" juga telah dianjurkan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia.

Pelancaran Rasmi Persatuan Alumni ICLIF

Pada bulan November 2004 Persatuan Alumni ICLIF telah dilancarkan dengan rasminya. Penubuhan Persatuan Alumni merupakan satu komitmen penting ICLIF dalam menyediakan wadah untuk para ahli mengekalkan rangkaian silaturahim yang aktif serta hubungan kerjasama yang produktif sesama mereka. Langkah ini juga selaras dengan falsafah bahawa pembangunan kepimpinan itu adalah satu perjalanan yang berterusan.

Dengan perubahan pesat yang sedang berlaku dalam sektor kewangan dan korporat dalam negara serta integrasi yang lebih luas di rantau ini dan di peringkat dunia, rangkaian hubungan antara para pemimpin dan tokoh-tokoh industri amat besar nilainya untuk menyumbang ke arah persefahaman yang mendalam dan meningkatkan potensi kerjasama demi kepentingan bersama.

Memastikan Akses kepada Pembiayaan yang Berterusan

Kedudukan kewangan yang kukuh membolehkan sistem perbankan terus menyokong pertumbuhan ekonomi melalui pengembangan aktiviti pemberian pinjaman. Pada tahun 2004, sektor isi rumah dan perniagaan, terutamanya PKS, telah memperoleh akses yang lebih tinggi kepada pembiayaan. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 8.5% pada tahun 2004, manakala pinjaman kepada isi rumah dan PKS, masing-masing meningkat sebanyak 14.4% dan 7.7%. Selaras dengan peranan sistem perbankan sebagai sumber dana yang penting, usaha telah ditumpukan bagi memastikan aktiviti pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi sektor swasta, dan memastikan semua sektor ekonomi mempunyai akses kepada pembiayaan.

Usaha tersebut turut dilengkapi oleh langkah-langkah keselamatan untuk memelihara kestabilan kewangan melalui amalan pemberian pinjaman berhemat dan pengurusan risiko yang berkesan.

Tumpuan yang berterusan terhadap pembiayaan kepada sektor isi rumah telah meningkatkan peratusan pinjaman kepada sektor tersebut, iaitu kepada 51.4% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2004 (48.8% pada akhir tahun 2003). Jumlah pinjaman yang tinggi kepada sektor ini sejajar dengan pendapatan isi rumah yang meningkat dan pasaran pekerjaan yang stabil yang meningkatkan kapasiti isi rumah untuk terus mengumpul aset kewangan bersih. Kedudukan kewangan isi rumah kekal kukuh manakala pendedahan sistem perbankan kepada sektor tersebut masih berada pada tahap yang berhemat.

memelihara kepentingan pengguna, tumpuan juga diberikan ke arah pembentukan satu rangka kerja perlindungan pengguna yang komprehensif.

Sejak rangka kerja baru tersebut diperkenalkan, tidak terdapat sebarang perubahan dalam kadar BLR yang disebut oleh institusi perbankan (kecuali sebuah institusi perbankan). Ini mencerminkan tahap BLR institusi perbankan adalah kompetitif ketika rangka kerja tersebut diperkenalkan. Kadar faedah untuk pinjaman baru yang diluluskan sejak bulan April 2004 juga tidak menunjukkan sebarang trend menaik, manakala kadar faedah purata untuk pinjaman baru kepada beberapa segmen pelanggan terus menurun. Selepas pengenalan rangka kerja baru tersebut, sebilangan institusi perbankan mula memperkenalkan produk berasaskan faedah yang baru dan berinovatif,

Rangka Kerja Kadar Faedah Baru membenarkan amalan strategi penentuan harga terbeza yang lebih luas, menggalakkan inovasi dan pemadanan risiko-harga yang cekap, serta meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi segmen pelanggan tertentu.

Pengenalan Rangka Kerja Kadar Faedah Baru pada bulan April 2004 merupakan satu inisiatif dasar yang utama untuk meningkatkan akses pembiayaan. Di samping mempertingkatkan keberkesanan penyaluran dasar monetari melalui pengenalan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebagai kadar yang mencerminkan pendirian dasar monetari, rangka kerja baru tersebut juga bertujuan untuk menggalakkan penentuan harga yang lebih cekap bagi produk berasaskan kadar faedah oleh institusi perbankan. Untuk mencapai matlamat tersebut, Bank Negara Malaysia telah memansuhkan dasar penetapan Kadar Pemberian Pinjaman Asas (BLR) maksimum. Sebaliknya, institusi perbankan bebas untuk menentukan BLR berasaskan struktur kos dana dan kos lain serta strategi perniagaan masing-masing. Selain itu, had tebaran maksimum di atas BLR sebanyak 2.5 mata peratusan turut dimansuhkan. Pemansuhan had tersebut memberi kelonggaran kepada institusi perbankan untuk menentukan kadar faedah bagi produk kewangan seterusnya membolehkan institusi perbankan mengamalkan strategi penentuan harga terbeza bagi memadankan harga atau kadar faedah produk kewangan dengan profil risiko pelanggan dan segmen pasaran yang berbeza-beza. Selain itu, fleksibiliti untuk menentukan harga produk juga penting dalam memastikan daya inovasi yang berterusan di kalangan institusi perbankan untuk memenuhi permintaan terhadap produk-produk kewangan yang lebih khusus dan kompleks. Untuk memastikan penetapan harga yang saksama dan contohnya pinjaman persendirian tidak bercagar kepada individu dan PKS.

Usaha untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh PKS sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menjana hasil yang positif. Pada tahun 2004, kelulusan pinjaman berjumlah RM31.6 bilion diberi kepada lebih 92,000 akaun PKS, manakala pengeluaran pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak 15.3%. Jumlah pinjaman kepada PKS mencakupi lebih kurang 40% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan (27% pada tahun 1998). Pada masa yang sama, Unit Khas PKS di Bank Negara Malaysia menerima bilangan pertanyaan dan aduan yang lebih rendah daripada PKS mengenai pembiayaan dan penyusunan semula pinjaman pada tahun 2004.

Pada tahun 2004, usaha ditumpukan untuk mengukuhkan keseluruhan infrastruktur bagi menggalakkan pembangunan PKS di samping meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS. Satu pencapaian penting ke arah ini ialah penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada bulan Ogos 2004. Ini merupakan kejayaan bagi Bank Negara Malaysia hasil usaha dan kerjasamanya selama dua tahun dengan agensi-agensi kerajaan lain untuk mendorong pembangunan PKS secara berkesan. Peranan, struktur dan pencapaian Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan diterangkan secara terperinci dalam Rencana bertajuk **Laporan Rangka Kerja Pembangunan PKS.**

Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2003 untuk membantu PKS yang berdaya maju tetapi dibelenggu oleh masalah NPL. Skim Penyelesaian Hutang Kecil telah menerima 228 permohonan yang melibatkan NPL berjumlah RM180.2 juta. Daripada jumlah ini, 116 kes telah berjaya diselesaikan. Pembiayaan tambahan sebanyak RM10.5 juta juga telah diberikan kepada peminjam yang berkelayakan sebagai sebahagian daripada pakej penyelesaian NPL. Ini bertujuan untuk membantu PKS yang berdaya maju untuk menangani masalah aliran tunai jangka pendek dan membolehkan mereka meneruskan perniagaan masing-masing. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan akses pembiayaan, peruntukan kepada Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2) telah ditambah, masing-masing sebanyak RM2.5 bilion dan RM850 juta pada tahun 2004, bagi memenuhi permintaan pembiayaan yang lebih tinggi di bawah tabung-tabung khas tersebut. Sehubungan itu, jumlah peruntukan untuk TIKS2 dan TUB2 masing-masing meningkat kepada RM4.5 bilion dan RM2 bilion. Pada akhir tahun 2004, sejumlah RM6.1 bilion atau 93.2% daripada kedua-dua tabung tersebut telah diluluskan kepada lebih 9,000 akaun PKS. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan pemberian pinjaman kepada PKS, institusi perbankan mengemukakan kepada Bank Negara Malaysia sasaran pinjaman mereka kepada sektor tersebut. Bagi kes di mana Bank Negara Malaysia berpendapat bahawa sasaran yang ditetapkan tidak mencukupi, institusi perbankan digalakkan mengkaji semula sasaran tersebut. Bagi tempoh daripada bulan Julai 2003 sehingga bulan Disember 2004, sistem perbankan secara keseluruhan meluluskan pinjaman kepada PKS berjumlah RM44.8 bilion, iaitu 67.4% lebih tinggi daripada sasaran kolektif yang berjumlah RM26.7 bilion.

Bank Negara Malaysia juga telah menarik balik sekatan ke atas pemberian pembiayaan penyambung untuk pembangunan harta tanah pada bulan September 2004. Sekatan ini, yang merangkumi larangan sepenuhnya ke atas pemberian pembiayaan penyambung untuk pembinaan bangunan pejabat, rumah kedai dan kompleks membeli-belah, telah dikuatkuasakan pada tahun 1999 untuk menangani masalah bekalan harta tanah yang berlebihan dan pendedahan sistem perbankan yang tinggi terhadap sektor harta tanah. Sekatan tersebut dimansuhkan berikutan prospek sektor harta tanah yang kini lebih stabil dan positif. Di bawah Garis Panduan yang baru, Lembaga Pengarah setiap institusi perbankan bertanggungjawab untuk memastikan cadangan projek pembangunan yang dibiayai tidak menambahkan lagi masalah kepada situasi harta tanah tidak terjual. Ini selaras dengan langkah-langkah untuk memberikan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban yang lebih besar kepada Lembaga Pengarah dalam merumus keseluruhan strategi perniagaan institusi berkenaan.

Pada tahun 2004, usaha meningkatkan akses pembiayaan oleh industri pertanian dan industri berasaskan pertanian telah dimulakan. Sektor pertanian telah dikenal pasti sebagai jentera pertumbuhan yang ketiga dan satu set dasar menyeluruh telah digariskan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (NAP3) untuk membangun dan menggalakkan sektor tersebut. NAP3 menganggarkan sejumlah RM32 bilion pelaburan diperlukan oleh sektor pertanian sepanjang tempoh 2000-2010. Daripada jumlah tersebut, RM21 bilion akan melibatkan pelaburan sektor swasta. Oleh yang demikian, pembiayaan adalah penting bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk merangsang sektor tersebut. Memandangkan sistem perbankan adalah sumber pembiayaan utama bagi sektor pertanian, pembiayaan tambahan kepada sektor ini akan melibatkan penggunaan dana sistem perbankan yang lebih baik. Dasar Kerajaan yang sedang dirancang meliputi peningkatan daya maju sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian, termasuk melalui usaha-usaha mengurangkan risiko seperti skim jaminan dan insurans. Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha-usaha meningkatkan akses pembiayaan oleh syarikat baru dan usaha niaga baru dalam sektor pertumbuhan baru seperti bioteknologi dan akuakultur.

Menggalakkan Konsumerisme yang Aktif

Bank Negara Malaysia terus memberi keutamaan untuk memastikan pengguna lebih berupaya untuk membuat keputusan yang bijak serta dapat berurus janji secara saksama dalam pengaturan kewangan mereka. Bagi mencapai matlamat ini, usaha-usaha telah disasarkan ke arah meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan pengguna perkhidmatan perbankan serta mengukuhkan infrastruktur pengawalseliaan. Usaha-usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan terus tertumpu ke arah peningkatan keupayaan pengguna untuk membuat keputusan kewangan mereka dengan yakin, dan khususnya memberi kuasa kepada pengguna untuk membuat keputusan yang bijak mengenai simpanan atau pelaburan mereka. Program Pendidikan Pengguna yang dikenali sebagai InfoPerbankan, yang kini sudah memasuki tahun ketiga pelaksanaannya, terus menyediakan maklumat yang relevan bagi memudahkan pengguna membuat keputusan dengan bijaksana. Buku-buku kecil turut diterjemahkan ke

dalam bahasa Mandarin dan Tamil supaya segmen penduduk yang lebih besar dapat mengakses maklumat-maklumat kewangan yang penting. InfoPerbankan turut menggunakan pelbagai rangkaian pengagihan, iaitu menerusi cawangan-cawangan institusi perbankan yang sedia ada, biro aduan dan biro pengguna, laman-laman web rasmi serta melalui penglibatan langsung dalam seminar dan persidangan yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi sepanjang tahun 2004 bagi memperluas jangkauan program tersebut. Sehingga kini, laman web InfoPerbankan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah pelawat melebihi 17 juta dan 3 juta naskhah buku kecil telah diambil oleh orang ramai (6.4 juta pelawat laman web dan 1.2 juta naskhah buku kecil diambil setakat akhir tahun 2003).

Keberkesanan sesuatu inisiatif celik kewangan hanya akan dapat dilihat dalam jangka masa sederhana dan panjang. Oleh yang demikian, generasi akan datang merupakan sasaran penting bagi pendidikan kewangan peribadi supaya manfaatnya dapat direalisasikan pada masa hadapan. Sehubungan ini, sejak tahun 1996, Bank Negara Malaysia dan Kementerian Pendidikan telah memulakan Program Sekolah Angkat bertujuan menyemai tabiat pengurusan kewangan yang bijak di kalangan pelajar sekolah dengan menyediakan pendidikan yang mudah dan praktikal berhubung pengurusan wang asas. Melalui program ini, lebih kurang 7,000 buah sekolah telah diambil sebagai sekolah angkat oleh institusi perbankan yang memainkan peranan utama dalam mendidik pelajar sekolah mengenai pengetahuan kewangan asas melalui kelab kewangan pelajar dengan menggunakan Buku Wang Saku pelajar sebagai alat bantu mengajar. Pada bulan Oktober 2004, versi dalam talian Buku Wang Saku berkenaan telah dilancarkan untuk memperluas jangkauan agihan buku saku tersebut. Program memupuk tabiat pengurusan kewangan yang bijak turut diperluas mencakupi audiens sasaran yang lebih besar termasuklah golongan wanita, guru-guru dan kumpulan pekerja melalui penggunaan Buku Perancangan dan Penyata Kewangan Keluarga bagi membantu keluarga dalam menguruskan pendapatan isi rumah, simpanan dan pelaburan.

Memandangkan penggunaan khidmat kewangan semakin meluas dan para pengguna tidak mempunyai akses kepada maklumat secara setara atau kefahaman asas dan kuasa rundingan, maka adalah penting supaya pengguna diberikan akses kepada maklumat secara jelas dan telus serta diberikan layanan saksama semasa berurusan dengan institusi kewangan. Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan satu rangka kerja perlindungan pengguna yang terdiri daripada empat bidang utama iaitu, menyediakan maklumat yang secukupnya kepada pengguna; memastikan pengguna mendapat akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan asas; pengawalseliaan yang kukuh bagi memastikan amalan yang saksama oleh institusi kewangan; dan menubuhkan mekanisme pembelaan yang berkesan.

Akses kepada maklumat yang tepat, relevan dan bersesuaian merupakan satu syarat yang kritikal dalam membuat keputusan yang bijak. Oleh itu, tumpuan telah diberikan untuk meningkatkan tahap pendedahan dan ketelusan dalam sistem kewangan. Satu kertas kerja konsep mengenai cadangan 'Garis Panduan Ketelusan dan Pendedahan Produk bagi Institusi Perbankan' telah dikeluarkan kepada industri perbankan pada tahun 2004. Garis Panduan yang dicadangkan itu menetapkan piawaian minimum bagi sektor perbankan dengan memberi tumpuan kepada keperluan pendedahan am dan spesifik pada peringkat utama pengaturan kewangan serta keperluan pendedahan yang berkaitan pengiklanan. Berkuat kuasa mulai 1 Februari 2005, institusi perbankan dikehendaki mematuhi keperluan-keperluan berikut:-

- Institusi perbankan perlu menyediakan butiran fi dan caj yang dikenakan ke atas produk dan perkhidmatan runcit untuk individu dan PKS di semua cawangan dan laman web masing-masing; dan
- Sebarang perubahan kepada terma-terma dan syarat-syarat bagi produk dan perkhidmatan, termasuk fi dan caj, perlu dimaklumkan kepada pelanggan yang terlibat sekurang-kurangnya 21 hari sebelum sesuatu perubahan berkuat kuasa bagi membolehkan pelanggan membuat pelarasan yang difikirkan sesuai ke atas pengaturan perbankan mereka.

Bank Negara Malaysia telah melancarkan rangka kerja perlindungan pengguna yang menyeluruh dalam aspek tahap pendedahan, akses kepada perkhidmatan kewangan asas, pengawalseliaan serta mekanisme pembelaan pengguna.

Bagi mengurangkan kos mencari maklumat oleh pengguna, pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia telah menyiapkan jadual-jadual perbandingan bagi kadar-kadar utama, iaitu Kadar Pemberian Pinjaman Asas, kadar faedah deposit tetap bagi baki deposit sehingga RM1 juta dan melebihi RM1 juta, kadar faedah deposit tetap jangka panjang dan kadar faedah deposit instrumen boleh niaga. Jadual-jadual tersebut dipaparkan di laman web InfoPerbankan dengan memberikan maklumat terkini kepada pengguna mengenai kadar-kadar yang ditawarkan oleh pelbagai institusi perbankan dan seterusnya membolehkan mereka membuat perbandingan. Pasa masa yang terdekat, jadual-jadual perbandingan bagi produk deposit dan kredit yang biasa ditawarkan akan turut disediakan.

Usaha memastikan warganegara Malaysia mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan asas merupakan isu utama untuk memperkukuh infrastruktur perlindungan pengguna. Pada bulan Disember 2004, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan rangka kerja perkhidmatan perbankan asas bertujuan untuk memastikan pengguna mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan asas pada kos yang minimum. Berkuat kuasa 1 Februari 2005, bank perdagangan dan syarikat kewangan dikehendaki menawarkan satu akaun simpanan asas (BSA) dan satu akaun semasa asas (BCA) tanpa kemudahan overdraf kepada semua warganegara Malaysia termasuk pemastautin tetap. BSA dan BCA memberikan akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan seperti deposit cek dan tunai, pertanyaan akaun, pengeluaran wang, pemindahan dana dalam institusi perbankan yang sama, kemudahan pembayaran bil dan GIRO Antara Bank. Pemegang akaun layak mendapat akses kepada sekurang-kurangnya 16 urus niaga sebulan bagi setiap akaun yang terdiri daripada 14 urus niaga percuma dan 2 (iaitu urus niaga GIRO Antara Bank) urus niaga yang akan dikenakan fi minimum tidak melebihi RM0.50 setiap urus niaga. Butiran lanjut mengenai BSA dan BCA terdapat dalam jadual di bawah. Bagi institusi perbankan yang tidak mempunyai kemudahan ATM dan/ataupun kemudahan-kemudahan GIRO, pengguna akan dapat melakukan urus niaga di kaunter perbankan tertakluk kepada had keseluruhan.

Di samping itu, Bank Negara Malaysia turut memperkenalkan rangka kerja berhubung pengenaan fi dan caj ke atas produk dan perkhidmatan perbankan runcit. Di bawah rangka kerja ini, institusi perbankan perlu terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Bank Negara Malaysia sebelum menaikkan fi dan caj sedia ada atau mengenakan fi dan caj baru ke atas individu dan/atau PKS. Bagi fi dan caj sedia ada, institusi perbankan perlu mengemukakan rasional dan justifikasi berhubung pengenaan fi dan caj tersebut. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia akan memastikan fi yang dikenakan adalah bersesuaian, munasabah serta mencerminkan kos dan penjimatan kos.

Ringkasan Ciri-ciri BSA dan BCA

No.		Parameter	
1	Kelayakan	• Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap. Bagi BCA, syarat supaya pemohon mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan dikehendaki mengemukakan seorang pencadang dikekalkan. • Layak untuk 1 BSA dan 1 BCA bagi setiap individu untuk setiap institusi perbankan.	
2	Ciri-ciri	Akaun Simpanan Asas (BSA) • Had deposit permulaan yang ditetapkan untuk membuka BSA tidak melebihi RM20. • Faedah akan dibayar tanpa mengira baki akaun. • Tiada caj perkhidmatan atau penyelenggaraan. • Had baki minimum yang ditetapkan tidak boleh melebihi RM20. • Penyata mini percuma.	Akaun Semasa Asas (BCA) • Had deposit permulaan untuk membuka BCA tidak melebihi RM500. • Tiada caj yang dikenakan bagi pengeluaran buku cek kecuali duti setem. • Caj perkhidmatan sebanyak RM10 bagi setiap setengah tahun dikenakan ke atas akaun yang mempunyai baki kurang daripada RM1,000 seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan ABM yang sedia ada. • Penyata bulanan percuma.

No.		Parameter
3	Bilangan Urus Niaga Bulanan Minimum	Pemegang akaun layak melakukan sekurang-kurangnya 16 urus niaga sebulan bagi setiap akaun, terdiri daripada perkara-perkara yang berikut: a) Enam kunjungan percuma ke kaunter bagi pertanyaan akaun, pengeluaran wang, pemindahan dana dalam institusi perbankan yang sama serta pembayaran bil. Kunjungan ke kaunter adalah ditakrifkan sebagai satu kunjungan tanpa mengambil kira bilangan urus niaga yang dilakukan; b) Lapan urus niaga pengeluaran wang percuma melalui ATM. Tiada had bagi transaksi ATM yang tidak melibatkan pengeluaran wang (contohnya, pertanyaan baki atau pemindahan dana dalam institusi perbankan yang sama); dan c) Dua urus niaga GIRO Antara bank yang boleh dikenakan fi maksimum sebanyak RM0.50 bagi setiap urus niaga. Nota: Bagi institusi perbankan yang tidak mempunyai kemudahan ATM dan/ atau GIRO, pemegang akaun boleh melakukan urus niaga ini di kaunter.
4	Kemudahan Perbankan Internet	Pemegang akaun BSA dan BCA bagi sesebuah institusi perbankan yang mempunyai perkhidmatan perbankan internet layak melakukan pertanyaan akaun dalam talian tanpa had, pemindahan dana dalam institusi perbankan yang sama dan pembayaran bil, tanpa dikenakan sebarang caj.
5	Lain-lain Fi dan Caj	a) Penggantian kad ATM/kad bank (tidak melebihi RM12). b) Penutupan BSA dan BCA dalam masa tiga bulan selepas akaun dibuka (tidak melebihi RM20).

Akses kepada mekanisme yang bersesuaian untuk pengguna mendapat pembelaan adalah penting bagi mengekalkan keyakinan para pengguna. Ini adalah kritikal bagi membolehkan pengguna menyelesaikan pertikaian melalui satu proses yang saksama. Di Malaysia, Biro Pengantaraan Perbankan dan Biro Pengantaraan Insurans telah lama wujud sebagai saluran kepada pengguna untuk menyelesaikan pertikaian tanpa perlu melalui sistem perundangan yang memakan masa dan mahal. Mekanisme ini telah dipertingkatkan lagi bagi penubuhan Biro Pengantaraan Kewangan yang memperluaskan skop penimbangtaraan, meningkatkan akses pengguna serta menaikkan tahap kecekapan. Biro Pengantaraan Kewangan yang dilancarkan pada 20 Januari 2005 merupakan satu pusat sehenti bagi penyelesaian pertikaian yang melibatkan skop aduan runcit pengguna yang lebih luas terhadap institusi perbankan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Skop Biro Pengantaraan Kewangan telah diperluas merangkumi bank-bank Islam, pengendali takaful, institusi kewangan pembangunan, pengendali sistem pembayaran tertentu serta pengeluar kad kredit dan kad caj bukan bank. Ini meningkatkan lagi akses kepada Biro sebagai saluran pembelaan untuk spektrum yang lebih luas. Bagi memastikan akses ke seluruh negara, Biro Pengantaraan Kewangan merancang untuk menubuhkan lima buah cawangan secara berperingkat dalam masa yang terdekat.

Biro Pengantaraan Kewangan ditadbir oleh Lembaga Pengarah dan dipengerusikan oleh seorang pengerusi bebas. Lima daripada sembilan orang pengarah merupakan ahli bebas yang mewakili kepentingan orang ramai, manakala selebihnya mewakili industri perbankan dan insurans. Biro Pengantaraan Kewangan dikendalikan oleh pengantara bebas yang berpengalaman dalam bidang kehakiman. Rangka kerja dan struktur tadbir urus ini bertujuan untuk memastikan pengguna mendapat akses kepada proses penyelesaian yang adil dan saksama.

Mengekalkan Kestabilan Kewangan

Pemeliharaan kestabilan sistem kewangan merupakan matlamat dasar utama Bank Negara Malaysia. Daya tahan institusi perbankan serta kestabilan sistem perbankan secara keseluruhan adalah penting bagi memelihara kepentingan pendeposit dan memastikan proses perantaraan kewangan yang berterusan, yang merupakan sesuatu yang penting dalam memastikan kestabilan makroekonomi. Bank Negara Malaysia mengamalkan kaedah menyeluruh dalam memelihara kestabilan kewangan yang merangkumi pengawasan pada peringkat institusi dan sistem keseluruhan; peraturan-peraturan untuk memastikan amalan perbankan berhemat; dan aktiviti-aktiviti penyeliaan. Ini dilengkapi oleh disiplin pasaran sebagai sekatan dan imbangan terhadap pihak pengurusan institusi perbankan. Di samping itu, usaha-usaha juga

ditumpukan untuk mewujudkan jaringan keselamatan kewangan bagi memantapkan lagi keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan.

Pada tahun 2004, usaha-usaha turut tertumpu ke arah mempertingkatkan lagi keberkesanan rangka pengawasan sistem perbankan. Matlamat usaha-usaha tersebut adalah untuk membangunkan rangka kerja pengawasan yang komprehensif dan berkesan, yang mampu mengesan ancaman-ancaman serta kelemahan yang boleh menggugat kestabilan kewangan dan juga mampu menilai daya tahan sistem perbankan terhadap sebarang kejutan. Kerja-kerja awal tertumpu pada merangka kaedah-kaedah baru untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan rangka kerja pengawasan serta analisis daya tahan sistem perbankan yang sedia ada. Ini termasuk kaedah-kaedah pengawasan masa hadapan di peringkat institusi dan sistem keseluruhan bagi mengesan, mengukur, menilai serta meramal ancaman-ancaman yang mungkin timbul. Seterusnya, tumpuan juga diberikan pada usaha mempertingkatkan metodologi ujian tekanan yang sedia ada bagi memastikan rangka kerja tersebut berkesan dan relevan.

Dalam bidang pengawalseliaan berhemat, usaha-usaha pada tahun 2004 ditumpukan pada beberapa kegiatan termasuk pengukuhan rangka kerja modal yang sedia ada dan peningkatan tadbir urus korporat. Usaha-usaha ini dilengkapi dengan kemajuan dalam keperluan pendedahan dan pembangunan sistem insurans deposit. Tahun 2004 menyaksikan usaha-usaha di peringkat global semakin rancak dengan pengawal selia serta institusi perbankan masing-masing membuat persediaan bagi melaksanakan rangka kerja modal pengawalseliaan baru, Basel II. Rangka kerja yang telah dimuktamadkan oleh Bank for International Settlements (BIS) pada bulan Jun 2004, akan diguna pakai oleh negara-negara Kumpulan Sepuluh (G-10) mulai akhir tahun 2006, kecuali pendekatan-pendekatan yang maju akan dilaksanakan mulai akhir tahun 2007. Rangka kerja yang muktamad ini memperkenalkan beberapa perubahan besar berbanding dengan Kertas Perbincangan ketiga yang diterbitkan pada bulan April 2003 berhubung cara pengendalian kerugian dijangka dan kerugian tidak dijangka, pengolahan pendedahan pensekuritian, pengurangan risiko kredit dan pengolahan pendedahan runcit pusingan layak.

Di Malaysia, penilaian awal yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia terhadap kesediaan institusi perbankan untuk melaksanakan Basel II telah dijadikan asas bagi pelaksanaan rangka kerja baru tersebut. Empat prinsip utama diguna pakai oleh Bank Negara Malaysia bagi menentukan strategi pelaksanaan Basel II, iaitu:

- Memastikan piawaian pengurusan risiko bagi semua institusi perbankan diperkukuh secara berterusan;
- Mengamalkan rangka masa yang lebih fleksibel bagi membolehkan pelaksanaan langkah-langkah pembinaan kapasiti. Ini berdasarkan kesedaran bahawa institusi-institusi tempatan berada pada tahap kemajuan yang berbeza-beza, lantas institusi-institusi yang ingin menggunakan pendekatan yang lebih maju perlu diberikan lebih masa;
- Pelaksanaan tidak seharusnya berdasarkan mandat pengawalseliaan. Penggunaan pendekatan yang maju perlu disokong dengan justifikasi perniagaan yang mantap;
- Memastikan proses penyeliaan yang lebih berkesan dalam pelaksanaan pendekatan-pendekatan yang lebih maju. Ini hanya dicapai melalui penggunaan kaedah penyeliaan yang telah diperkukuh bagi menilai model dalaman dan sistem pengurusan risiko yang maju.

Pelaksanaan Basel II di Malaysia adalah selaras dengan keseluruhan agenda dasar yang menggalakkan peningkatan piawaian pengurusan risiko di kalangan institusi-institusi perbankan Malaysia ketika sektor perbankan maju dalam suasana persaingan dan liberalisasi yang lebih mencabar. Walaupun potensi penjimatan modal merupakan satu daripada tarikan utama Basel II, faedah sebenar yang bakal dikecapi adalah dalam bentuk integrasi amalan pengurusan risiko sesebuah institusi perbankan. Di bawah rangka kerja baru ini, keputusan penting seperti penetapan harga produk, pengurusan portfolio dan pembangunan perniagaan baru perlu dibuat berdasarkan pertimbangan ke atas pulangan terlaras risiko dan modal. Penyelarasan amalan pengurusan risiko dengan operasi perbankan harian juga akan lama-kelamaan membantu memupuk budaya pengurusan risiko yang lebih mantap dalam industri perbankan. Dalam jangka masa panjang, objektif rangka kerja ini adalah untuk menggalakkan penyelarasan antara modal pengawalseliaan dengan modal ekonomi yang diguna pakai oleh institusi-institusi perbankan.

Walaupun kedua-dua pilihan risiko kredit, iaitu Kaedah Standard (Standardised Approach) dan kaedah Berdasarkan Penarafan Dalaman (Internal Ratings

Based (IRB) Approach), akan dibenarkan di Malaysia, institusi perbankan perlu menentukan kaedah yang paling sesuai berdasarkan analisis kos dan faedah serta kemampuan bagi memenuhi kesemua keperluan penyeliaan yang minimum, yang ditetapkan oleh Bank for International Settlements dan Bank Negara Malaysia. Institusi perbankan yang memilih mengguna pakai Kaedah Standard bagi risiko kredit diperlukan untuk mematuhi rangka kerja baru ini mulai bulan Januari 2008. Pada masa yang sama, institusi perbankan ini juga dikehendaki mematuhi Kaedah Indikator Asas (Basic Indicator Approach) bagi risiko operasi. Sekiranya mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia, institusi perbankan berkenaan boleh mengguna pakai pendekatan Kaedah Standard bagi risiko operasi. Di bawah kaedah ini, keperluan modal ditentukan berdasarkan faktor risiko khusus yang dikaitkan kepada lapan jaluran perniagaan yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Walaupun kebanyakan institusi perbankan mungkin menimbang untuk mengguna pakai Kaedah Standard bagi risiko kredit sebagai strategi interim yang lebih sesuai sebelum mengguna pakai kaedah yang lebih maju, penekanan adalah ke arah pembangunan sistem penarafan dalaman yang mantap dan berfungsi dengan baik, yang memastikan perkembangan yang bersifat semula jadi ke arah kaedah lebih maju pada masa hadapan.

Tarikh pematuhan bagi institusi perbankan yang bercadang mengguna pakai kaedah IRB adalah pada bulan Januari tahun 2010. Institusi perbankan ini akan diberi kelonggaran untuk beralih terus daripada persetujuan modal yang sedia ada kepada kaedah yang lebih maju dengan syarat institusi perbankan tersebut dapat membuktikan kepada Bank Negara Malaysia kemampuan untuk memenuhi dan mematuhi kesemua keperluan dan kehendak pengawalseliaan bagi pelaksanaan kaedah yang lebih maju. Institusi perbankan yang mematuhi kaedah IRB bagi risiko kredit mulai bulan Januari 2010, juga perlu memperuntukkan modal untuk risiko operasi berdasarkan satu daripada tiga kaedah, iaitu Kaedah Indikator Asas, Kaedah Standard ataupun Kaedah Pengukuran Maju (Advanced Measurement Approach), tertakluk pada kelulusan daripada Bank Negara Malaysia terlebih dahulu. Semua institusi perbankan perlu menjalankan pengiraan kecukupan modal secara selari menggunakan kaedah baru selama setahun sebelum beralih ke Basel II.

Rangka masa yang fleksibel bagi pelaksanaan kaedah maju untuk risiko kredit dan operasi mengambil kira keperluan untuk meminimumkan sebarang gangguan ke atas usaha pembinaan kapasiti yang sedang dijalankan oleh institusi-institusi perbankan. Pendekatan progresif ini mengambil kira cabaran yang lebih hebat bagi memenuhi keperluan minimum yang ketat bagi kaedah maju. Salah satu cabaran dalam pelaksanaan kaedah IRB Maju (Advanced IRB Approach) ialah keperluan untuk institusi-institusi perbankan menyediakan anggaran kerugian yang mantap selaras dengan pengalaman pasaran dalam negeri. Rangka masa lebih panjang ini memberi masa yang mencukupi bagi institusi perbankan memperkukuh infrastruktur pengurusan data, mengumpulkan maklumat yang perlu untuk menganggarkan parameter risiko dan meningkatkan kemahiran analisis. Dari segi pengumpulan data, jangka masa yang lebih fleksibel ini membolehkan institusi perbankan mengumpul data kerugian dalaman pinjaman tidak berbayar bagi portfolio runcit dan PKS yang layak, yang diperlukan malahan di bawah kaedah IRB Asas (Foundation IRB Approach).

Faedah sebenar yang bakal dikecapi daripada Basel II adalah dalam bentuk integrasi amalan pengurusan risiko dalam sesebuah institusi perbankan dengan keputusan penting perlu dibuat berdasarkan pertimbangan pulangan terlaras risiko dan modal.

Dengan implikasi Basel II yang meluas terhadap perniagaan yang dijalankan oleh institusi-institusi perbankan, strategi yang lebih terselaras dan pendekatan yang disusun rapi bagi pelaksanaan Basel II adalah amat penting dalam menentukan kelancaran pelaksanaan oleh sesebuah institusi perbankan. Oleh itu, faktor kejayaan yang penting bagi institusi perbankan adalah dengan mewujudkan struktur tadbir urus yang sesuai dan pasukan petugas pelaksanaan untuk memimpin inisiatif Basel II bagi memastikan usaha-usaha tidak dijalankan secara berasingan. Kesemua pihak berkepentingan dan unit-unit perniagaan yang berkenaan dalam institusi perbankan perlu mengetahui implikasi rangka kerja modal baru ini dan sama-sama terlibat dalam proses pelaksanaan. Peranan Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan yang jelas dan penglibatan proaktif mereka dalam proses keseluruhan adalah sangat kritikal.

Pemantauan oleh Lembaga Pengarah dengan berkesan, dan komitmen serta sokongan yang berterusan daripada pengurusan kanan adalah penting bagi memastikan inisiatif yang berkaitan dengan Basel II selaras dengan agenda pengurusan risiko jangka panjang institusi perbankan berkenaan.

Bagi memastikan institusi perbankan mengambil sikap yang proaktif dalam menangani pelbagai cabaran yang muncul daripada Basel II, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan senarai keperluan asas untuk industri perbankan pada bulan September 2004. Ini memaparkan beberapa kehendak pengawalseliaan yang penting ke atas institusi perbankan dan keperluan bagi bank-bank menyediakan rangka kerja tadbir urus yang formal, menjalankan analisis jurang dan terlibat dalam perbincangan dengan Bank Negara Malaysia berkaitan inisiatif Basel II masing-masing.

Selaras dengan objektif utama Bank Negara Malaysia untuk terus mengukuhkan kestabilan kewangan sistem perbankan menerusi galakan amalan pengurusan risiko yang mantap, Rangka Kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran telah dilaksanakan supaya keperluan modal pengawalseliaan yang sedia ada lebih peka terhadap risiko dengan menyediakan peruntukan bagi potensi kerugian akibat risiko pasaran. Rangka kerja ini mematuhi piawai pengawalseliaan antarabangsa, dan menerima pakai saranan BIS mengenai *"Amendment to the Capital Accord to Incorporate Market Risk, January 1996"*. Pelaksanaan rangka kerja ini adalah tepat pada masa memandangkan institusi perbankan telah melepasi krisis kewangan Asia, dan penglibatan kian meningkat dalam aktiviti perbendaharaan dan pasaran modal, terutamanya dalam produk kewangan yang inovatif dan kompleks, yang sensitif kepada perubahan kadar faedah pasaran. Dengan pelaksanaan rangka kerja ini, semua institusi perbankan dan syarikat diskaun dikehendaki mengambil kira keperluan modal risiko pasaran dalam rangka kerja kecukupan modal berwajaran risiko dan tertakluk pada keseluruhan keperluan nisbah modal berwajaran risiko minimum sebanyak 8%.

Berikutan usaha-usaha untuk memperkukuh tadbir urus korporat institusi perbankan berserta permintaan yang meningkat daripada para pelabur untuk mempertingkatkan tahap pendedahan serta ketelusan laporan kewangan, Garis Panduan Laporan Kewangan untuk Institusi Berlesen (GP8) dikemas kini pada bulan Oktober 2004. Selain menetapkan keperluan pendedahan minimum, institusi berlesen juga digalakkan untuk mendedahkan maklumat tambahan dalam penyata kewangan bagi memastikan kesemua aktiviti penting dilaporkan serta difahami oleh pengguna-pengguna penyata kewangan. Antara perubahan utama dalam Garis Panduan yang telah dipinda ini ialah penggunaan amalan perakaunan berdasarkan nilai saksama, keperluan untuk menyediakan laporan kewangan interim secara suku tahunan dan peluasan liputan Garis Panduan tersebut kepada syarikat diskaun, pembrokeran wang dan syarikat kewangan induk. Perubahan yang dibuat ini akan meningkatkan ketelusan, kebolehbandingan, relevan dan ketepatan masa maklumat mengenai operasi dan kedudukan kewangan institusi berlesen. Kesemua ini merupakan elemen kritikal dalam memastikan keberkesanan disiplin pasaran. Dengan penyelarasan keperluan pendedahan kepada piawai antarabangsa, GP8 yang telah dipinda ini juga dapat mempertingkatkan kebolehbandingan penyata kewangan. Ini membolehkan pihak berkepentingan menanda aras prestasi dan kedudukan kewangan institusi berlesen berbanding institusi antarabangsa yang setaraf, dan seterusnya meningkatkan lagi disiplin pasaran ke atas institusi kewangan domestik.

Sebagai sebahagian daripada usaha terancang yang digariskan di bawah PISK untuk memperkukuhkan lagi rangka perlindungan pendeposit yang sedia ada, usaha mewujudkan sistem insurans deposit di Malaysia diteruskan pada tahun 2004. Matlamat utama sistem tersebut adalah untuk menyediakan tahap perlindungan nyata yang wajar kepada pendeposit bagi melindungi deposit mereka di bank perdagangan, bank-bank Islam dan syarikat kewangan. Kertas konsep yang dikeluarkan kepada industri pada bulan November 2004 mencadangkan penubuhan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab untuk mentadbir sistem insurans deposit, serta melaksanakan resolusi terhadap institusi perbankan yang dikenal pasti tidak berdaya maju oleh Bank Negara Malaysia. Pada masa yang sama, badan berkanun tersebut juga akan diberi mandat untuk meningkatkan insentif bagi pengurusan risiko yang kukuh dalam sistem perbankan bagi menjamin kestabilan sistem kewangan.

Sistem insurans deposit tersebut akan memberi perlindungan insurans berasingan kepada sistem perbankan Islam dan konvensional. Untuk mengelakkan risiko berkaitan pilihan sakal (adverse selection) yang boleh menggugat daya maju sistem insurans deposit tersebut, keahlian adalah diwajibkan bagi kesemua bank perdagangan dan syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan

Institusi-institusi Kewangan 1989 (ABIK), serta bank-bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 (ABI). Rasional bagi perlindungan insurans deposit berasingan bagi sistem perbankan Islam bertujuan memastikan tahap perlindungan yang setara dengan sistem perbankan konvensional, dan pada masa yang sama memastikan bahawa pentadbiran sistem insurans deposit tersebut mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Perlindungan insurans deposit bagi kedua-dua sistem akan merangkumi semua pendeposit, sama ada korporat mahupun individu, sehingga mencapai had perlindungan yang ditetapkan. Salah satu prinsip asas dalam menentukan had perlindungan sistem insurans deposit adalah tahap perlindungan tersebut mesti mencukupi bagi meningkatkan keyakinan majoriti pendeposit, khususnya mereka yang tidak berupaya untuk menilai dan mengawal kedudukan kewangan institusi perbankan dengan berkesan. Perkaitan antara had perlindungan dan risiko bahaya moral turut juga diambil kira memandangkan keperluan untuk mengekalkan insentif yang mencukupi untuk pendeposit besar bagi melaksanakan disiplin pasaran yang berkesan ke atas institusi ahli.

Sistem insurans deposit akan dibiayai oleh premium tahunan yang diterima daripada institusi ahli, yang mana kadar premium seragam dikenakan bagi dua tahun pertama pelaksanaan sistem tersebut. Seterusnya, rangka kerja premium kebezaan risiko akan dilaksanakan, selaras dengan mandat penanggung deposit untuk mengukuhkan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam institusi-institusi ahli. Rangka kerja ini dibentuk bagi menggalakkan institusi ahli untuk memperkukuh sistem pengurusan risiko dan amalan perniagaan masing-masing bagi melayakkan mereka menikmati kadar premium yang lebih rendah selepas dua tahun pertama pelaksanaan sistem insurans deposit tersebut. Rangka kerja insurans deposit kini berada pada peringkat akhir, dan dijangka beroperasi pada tahun 2005.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap pengurusan Keselamatan Maklumat (KM) di kalangan institusi perbankan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Persekitaran Informasi Teknologi (GPIS 1) pada bulan Mei 2004. Garis panduan tersebut menggariskan tanggungjawab dan keperluan minimum untuk perancangan dan pengurusan persekitaran KM dalam institusi perbankan, serta pelaksanaan langkah-langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko berkaitan persekitaran tersebut. Garis Panduan tersebut juga termasuk keperluan dan amalan terbaik dalam bidang pemantauan lembaga pengarah dan pengurusan, sistem keselamatan, sistem pembangunan, operasi, rangkaian komunikasi serta rancangan luar jangka dan penyambungan semula perniagaan. Pelaksanaan keperluan minimum dan amalan terbaik tersebut oleh institusi perbankan akan mengurangkan risiko berkaitan gangguan perkhidmatan, akses kepada maklumat pelanggan tanpa kebenaran, penipuan dan kehilangan keyakinan pelanggan.

Pada bulan Julai 2004, Bank Negara Malaysia telah menjalankan satu kaji selidik mengenai keupayaan pemulihan bencana bagi setiap bank perdagangan dan bank Islam bagi menilai tahap kesediaan institusi tersebut untuk terus menyediakan perkhidmatan perbankan apabila dilanda bencana. Hasil kajian tersebut menunjukkan semua institusi perbankan sudah bersedia dengan rancangan penyambungan perniagaan dan rancangan luar jangka untuk meneruskan fungsi perniagaan yang kritikal, walaupun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam sesetengah institusi tersebut. Seterusnya, institusi perbankan juga turut mendapat manfaat daripada penilaian tersebut menerusi penanda aras yang disediakan bagi membolehkan perbandingan prestasi dengan institusi-institusi perbankan lain. Sehubungan ini, institusi perbankan dijangka dapat meningkatkan lagi kesediaan pemulihan bencana dan seterusnya memastikan perkhidmatan perbankan yang kritikal dapat terus dijalankan tanpa gangguan yang ketara kepada orang ramai ketika dilanda bencana.

Pencegahan kes-kes penipuan juga kritikal dalam usaha mengekalkan kestabilan serta keyakinan orang ramai terhadap sistem perbankan dan sistem pembayaran. Pada tahun 2004, beberapa langkah telah diambil untuk mempertingkatkan lagi mekanisme pencegahan penipuan. Pada bulan Julai 2004, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Piawai Keselamatan Minimum bagi Cek, yang memperuntukkan, antara lain, spesifikasi piawai minimum bagi ciri-ciri keselamatan cek, kemudahan pengesanan pemalsuan cek dan pengurusan keselamatan dalam pencetakan cek. Berikutan kejayaan pemindahan kad ATM kepada kad berasaskan cip dalam mencegah pemalsuan kad ATM, inisiatif yang sama kini sedang diambil oleh industri kad kredit, dengan menukar kad berjalur magnetik kepada cip berasaskan piawai Europay-Mastercard-Visa (EMV) pada tahun tersebut. Pemindahan sepenuhnya kepada persekitaran EMV, yang merangkumi penukaran kesemua terminal kad kredit kepada terminal EMV, dijangka siap pada akhir tahun 2005.

Menuju ke hadapan

Persaingan dalam sektor kewangan dijangka terus meningkat selaras dengan evolusi persekitaran kewangan domestik, khususnya di bawah fasa kedua PISK, dengan fleksibiliti operasi yang lebih luas diberikan kepada institusi perbankan asing sedia ada. Dalam persekitaran yang lebih liberal ini, institusi perbankan domestik perlu terus meningkatkan kecekapan operasi serta inovasi produk dan perkhidmatan demi mengekalkan daya saing masing-masing. Dari segi fokus perniagaan, institusi perbankan dijangka memberi lebih tumpuan terhadap usaha-usaha meningkatkan keupayaan dalam bidang-bidang khidmat nasihat kewangan peribadi, pengurusan kekayaan, perbankan pengguna serta pembiayaan PKS, sejajar dengan transformasi ekonomi serta peningkatan kemewahan pengguna. Kumpulan-kumpulan perbankan domestik juga dijangka memperluaskan rangkaian serantau bagi mempelbagaikan sumber pendapatan serta mempertingkatkan prestasi masing-masing. Dasar perbankan dalam persekitaran ini akan terus tertumpu pada peningkatan kecekapan, keberkesanan dan daya tahan sektor perbankan, dengan keseimbangan yang wajar antara pembentukan sistem perbankan yang cekap dengan sistem berorientasikan pasaran, dan dengan objektif bagi memastikan kestabilan kewangan serta perlindungan pengguna.

Langkah-langkah Perbankan pada Tahun 2004

Pada tahun 2004, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan keteguhan dan kekukuhan serta menggalakkan persaingan dan kecekapan dalam industri perbankan. Di samping itu, langkah-langkah sistem kewangan turut dilaksanakan untuk memastikan akses pembiayaan yang berterusan serta meningkatkan perlindungan dan keyakinan pengguna dalam sektor perbankan.

Langkah-langkah Meningkatkan Keteguhan dan Kekukuhan

Perangkuman Risiko Pasaran ke dalam Rangka Kerja Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR)

Rangka kerja kecukupan modal risiko pasaran telah dikeluarkan untuk dilaksanakan pada bulan September 2004. Semua bank perdagangan, bank saudagar, syarikat kewangan dan syarikat diskaun, yang juga dikenali sebagai institusi berlesen, dikehendaki merangkumkan kedudukan risiko pasaran masing-masing ke dalam nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan mematuhi keperluan minimum RWCR menjelang suku kedua tahun 2005. Sungguhpun terdapat perangkuman risiko pasaran, keperluan minimum RWCR kekal pada 8%.

Di bawah rangka kerja ini, hanya risiko kadar faedah dan risiko ekuiti dalam buku perdagangan dimasukkan, manakala bagi risiko kadar pertukaran asing, kedua-dua kedudukan buku perdagangan dan perbankan dirangkumkan. Namun demikian, institusi berlesen dikehendaki mengambil langkah-langkah secukupnya untuk mengurus risiko kadar faedah dan risiko ekuiti masing-masing dalam buku perbankan. Selaras dengan usaha Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan tadbir urus korporat institusi berlesen, Lembaga Pengarah dipertanggungjawabkan dengan tugas meluluskan dasar dan strategi berhubung pengurusan risiko pasaran serta memastikan terdapat langkah-langkah yang cukup untuk memantau dan mengawal risiko-risiko berkenaan.

Olahan Modal ke atas Pemegangan Instrumen Institusi Berlesen yang Lain

Rangka kerja modal yang dikeluarkan pada tahun 1989 menghendaki pemegangan instrumen modal institusi berlesen yang lain ditolak daripada modal asas. Selaras dengan pembangunan pasaran modal dalam negeri dan amalan pengawalseliaan antarabangsa, Bank Negara Malaysia telah meminda olahan modal bagi memudahkan aktiviti dagangan dan penggerakan pasaran (market making) bagi instrumen modal yang diterbitkan oleh institusi berlesen. Pindaan olahan modal yang dikeluarkan pada bulan Julai 2004 menetapkan pemegangan instrumen modal

institusi berlesen akan dikecualikan daripada penolakan modal jika ia tidak melebihi 10% daripada modal asas institusi berlesen berkenaan. Walau bagaimanapun, olahan modal bagi pemegangan instrumen modal yang dikeluarkan oleh syarikat berkaitan atau syarikat daripada kumpulan perbankan yang sama, kekal tidak berubah.

Olahan Pengawalseliaan untuk Sekuriti yang Disokong Gadai Janji Kediaman

Olahan pengawalseliaan yang dikeluarkan pada 17 September 2004 memperuntukkan 20% wajaran risiko di bawah rangka kerja RWCR bagi bahagian pertama terbitan sekuriti yang disokong gadai janji kediaman yang diterbitkan oleh Cagamas MBS Berhad, iaitu sebuah anak syarikat milik penuh Cagamas Berhad. Di samping itu, pemegangan sekuriti subordinat yang disokong gadai janji kediaman mesti ditolak daripada modal asas. Pemegangan sekuriti disokong gadai janji kediaman yang diterbitkan oleh Cagamas MBS Berhad, serta kemudahan kredit lain yang diberikan kepada Cagamas MBS Berhad tertakluk kepada had kredit seorang pelanggan institusi berlesen berkenaan.

Olahan Pengawalseliaan Bon dalam Denominasi Ringgit yang Diterbitkan oleh Institusi Pelbagai Hala

Pada bulan Oktober 2004, olahan pengawalseliaan bagi bon dalam denominasi ringgit yang diterbitkan oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala dan Institusi Kewangan Pelbagai Hala memperuntukkan 0% wajaran risiko di bawah rangka kerja RWCR. Bon tersebut diklasifikasikan sebagai aset mudah tunai di bawah Rangka Kerja Mudah Tunai yang baru.

Pelaksanaan Basel II

Pada bulan April 2004, Bank Negara Malaysia mengumumkan pelaksanaan pendekatan dan rangka masa bagi Basel II. Basel II akan dilaksanakan melalui dua fasa. Khususnya, institusi perbankan dikehendaki sekurang-kurangnya melaksanakan Kaedah Standard (Standardised Approach) bagi risiko kredit dan Kaedah Indikator Asas (Basic Indicator) bagi risiko operasi di bawah Basel II pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, institusi perbankan yang memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia akan dibenarkan untuk menerima pakai Kaedah Penarafan Dalaman (Internal Ratings Based Approach) pada bulan Januari 2010 tanpa perlu mematuhi Kaedah Standard bagi risiko kredit pada tahun 2008. Keputusan sama ada untuk beralih terus kepada Kaedah Penarafan Dalaman pada tahun 2010 tertakluk kepada Lembaga Pengarah, yang membuat keputusan berdasarkan analisis jurang dan analisis impak institusi perbankan termasuk pertimbangan ke atas faktor-faktor kos dan faedah. Pada bulan September 2004, keperluan minimum bagi struktur tadbir urus, analisis jurang dan pelan pelaksanaan berhubung Basel II telah dikeluarkan kepada institusi perbankan.

Garis Panduan Piawai Keselamatan Minimum bagi Cek

Sebagai salah satu daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk menangani peningkatan kes penipuan cek dan mengekalkan keyakinan pengguna dalam penggunaan cek, pelbagai langkah telah diambil untuk menghalang pemalsuan dan penipuan pemindaan cek serta memudahkan pengesanan aktiviti seumpama itu. Pada bulan Julai 2004, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Piawai Keselamatan Minimum bagi Cek, yang menggariskan keperluan minimum berhubung peranan institusi perbankan dalam pembayaran dan pungutan cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan. Selain itu, garis panduan tersebut turut menggariskan piawai minimum bagi ciri-ciri keselamatan cek, kemudahan pengesanan pemalsuan cek dan pengurusan keselamatan dalam pencetakan cek. Institusi perbankan juga dikehendaki mendidik para pengguna berhubung risiko penggunaan cek dan langkah pencegahan yang perlu diambil.

Garis Panduan dalam Pengurusan Persekitaran Teknologi Maklumat (GPIS 1)
Bagi mengukuhkan serta meningkatkan tahap pengurusan teknologi maklumat (IT) institusi perbankan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan GPIS 1 pada bulan Mei 2004. Garis Panduan tersebut meletakkan tanggungjawab melaksanakan tadbir urus IT serta amalan pengurusan risiko yang baik kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Garis Panduan tersebut turut menggariskan keperluan minimum berhubung sistem keselamatan, sistem pembangunan dan operasi dalam persekitaran IT, bagi memastikan terdapat kawalan yang bersesuaian untuk melindungi sistem, data dan maklumat institusi berkenaan. Bagi memastikan operasi IT yang kritikal dapat disambung semula dengan segera sekiranya berlaku sebarang bencana, institusi perbankan dikehendaki mewujudkan rancangan luar jangkaan dan penyambungan semula perniagaan yang sewajarnya. Pelaksanaan keperluan tersebut dan amalan-amalan terbaik akan membolehkan institusi mengurangkan risiko berkaitan gangguan perkhidmatan, akses kepada maklumat pelanggan tanpa kebenaran, penipuan dan kehilangan keyakinan pelanggan.

Keupayaan Pemulihan Daripada Bencana oleh Institusi Perbankan
Pada bulan Julai 2004, Bank Negara Malaysia telah menjalankan satu kaji selidik ke atas 25 buah institusi untuk menilai tahap kesediaan institusi perbankan dalam pemulihan daripada bencana dan untuk mengumpul maklumat berhubung strategi pemulihan. Hasil kajian tersebut dikongsi bersama dengan industri untuk terus mempertingkatkan pengaturan bagi memulih sistem IT selepas bencana. Bank Negara Malaysia akan terus mengkaji semula rancangan luar jangkaan perniagaan industri perbankan semasa menjalankan audit IT di premis dan memantau ujian pelan pemulihan selepas bencana melalui laporan yang dikemukakan oleh institusi perbankan.

Langkah-langkah Meningkatkan Daya Saing dan Kecekapan Industri Perbankan
Rangka Kerja Kadar Faedah Baru
Bagi mempertingkatkan kecekapan proses penghantaran dasar monetari dan keberkesanan operasi pasaran kewangan, Bank Negara Malaysia memperkenalkan rangka kerja kadar faedah baru pada bulan April 2004. Rangka kerja tersebut juga bertujuan memudahkan penentuan harga produk kewangan yang lebih cekap. Berkuat kuasa pada 26 April 2004, kadar bumbung Kadar Pemberian Pinjaman Asas (BLR) dan had tebaran maksimum sebanyak 2.5 mata peratusan di atas BLR atau kos dana dimansuhkan. Institusi perbankan diberi kelonggaran untuk menentukan BLR masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi pemberian pinjaman mereka. Kelonggaran ini dijangka memudahkan perkembangan inovasi dan pengubahsuaian produk dalam industri perbankan bagi memenuhi pelbagai keperluan dalam ekonomi yang sedang berkembang.

Pindaan Olahan Pengawalseliaan untuk Sekuriti Hutang Cagamas Baru
Sebagai satu langkah untuk terus mempertingkatkan kecekapan pasaran bon dalam negeri, Bank Negara Malaysia telah meminda olahan pengawalseliaan untuk terbitan sekuriti hutang Cagamas baru yang diterbitkan selepas 4 September 2004. Risiko berwajaran untuk pemegangan sekuriti hutang Cagamas baru telah dinaikkan daripada 10% kepada 20% di bawah rangka kerja RWCR. Di samping itu, pemegangan sekuriti hutang Cagamas baru serta kemudahan kredit lain yang diberikan kepada Cagamas Berhad tertakluk kepada had kredit seorang pelanggan institusi berlesen berkenaan.

Had Kredit Seorang Pelanggan – Syarikat Diskaun
Berkuat kuasa pada 1 Oktober 2004, keperluan Had Kredit Seorang Pelanggan (SCCL) turut dilaksanakan ke atas syarikat diskaun bagi memastikan pendedahan dalam pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) kepada penerbit sekuriti tunggal tidak berlebihan. SCCL yang dikenakan ke atas penerbit tunggal ditetapkan pada paras 35% daripada dana modal yang dibenarkan bagi syarikat diskaun untuk semua pelaburan baru dalam PDS.

Penolakan Sekuriti Hutang Ringgit daripada Liabiliti Layak

Pada bulan Oktober 2004, bank perdagangan dan bank saudagar dibenarkan menolak pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit daripada liabiliti layak dalam buku perdagangan bagi pengiraan Keperluan Rizab Berkanun (SRR). Sekuriti hutang tersebut adalah seperti yang berikut:

- Sekuriti RENTAS khusus yang dikeluarkan melalui rangkaian Peniaga Utama;
- Kesemua sekuriti hutang korporat termasuk sekuriti Cagamas; dan
- Sekuriti dalam denominasi ringgit yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala dan Institusi Kewangan Pelbagai Hala.

Dengan penolakan ini, bank perdagangan dan bank saudagar akan dapat mengurangkan kos pemegangan sekuriti tersebut. Ini bertujuan untuk menggalakkan urus niaga sekunder sekuriti berkenaan dalam pasaran bon dan mewujudkan persaingan yang saksama antara bank perdagangan dan bank saudagar dengan peserta-peserta lain dalam pasaran bon.

Instrumen Modal Kumpulan 1 yang Inovatif

Berkuat kuasa pada bulan Disember 2004, institusi berlesen dibenarkan mengeluarkan instrumen modal Kumpulan 1 yang inovatif untuk diambil kira sebagai modal Kumpulan 1 di bawah rangka kerja RWCR. Walau bagaimanapun, pengeluaran instrumen tersebut perlu terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Bank Negara Malaysia dan memenuhi keperluan minimum yang digariskan di bawah Garis Panduan.

Langkah-langkah Meningkatkan Perlindungan Pengguna

Inovasi kewangan serta pembangunan teknologi yang inovatif telah meningkatkan kepelbagaian dan kecanggihan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai penyedia perkhidmatan. Ini seterusnya membolehkan pengguna mempunyai lebih banyak pilihan dalam menguruskan kewangan peribadi masing-masing. Bagi memastikan pengguna berupaya untuk membuat keputusan kewangan yang memenuhi keperluan mereka dan diberikan urus niaga yang saksama oleh institusi kewangan, Bank Negara Malaysia telah mewujudkan satu rangka kerja berhubung pendidikan dan perlindungan pengguna yang terancang bagi jangka masa panjang.

Rangka Kerja Perkhidmatan Perbankan Asas

Bagi memastikan pengguna mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan asas pada kos minimum, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan rangka kerja perkhidmatan perbankan asas berkuat kuasa pada bulan Februari 2005. Di bawah rangka kerja tersebut, kesemua institusi perbankan dikehendaki menawarkan sekurang-kurangnya satu akaun simpanan asas (BSA) dan satu akaun semasa asas (BCA) kepada semua warganegara Malaysia, termasuk pemastautin tetap. Rangka kerja ini melayakkan pemegang akaun akses kepada sekurang-kurangnya 14 urus niaga sebulan secara percuma, termasuk lapan pengeluaran tunai melalui ATM. Di samping itu, pemegang BSA dan BCA juga boleh melakukan sekurang-kurangnya dua urus niaga GIRO Antara Bank sebulan dengan dikenakan fi tidak melebihi RM0.50 bagi setiap urus niaga. Bagi pemegang akaun yang melanggan perkhidmatan perbankan Internet, mereka juga layak menikmati perkhidmatan pertanyaan akaun dalam talian tanpa had, pemindahan dana di bawah institusi perbankan yang sama dan pembayaran bil secara percuma. Faedah ke atas simpanan dalam akaun simpanan asas akan dibayar tanpa mengira baki akaun.

Pengenaan Fi dan Caj ke atas Produk dan Perkhidmatan Perbankan

Sebagai satu usaha memastikan individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan selain daripada BSA dan BCA pada kos yang bersesuaian, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu Garis Panduan pada bulan Disember 2004 yang bertujuan untuk mengawal selia pengenaan fi dan caj oleh institusi perbankan. Institusi perbankan perlu terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Bank Negara Malaysia sebelum menaikkan fi dan caj yang sedia ada atau mengenakan fi dan caj baru ke atas produk dan

perkhidmatan yang ditawarkan kepada individu dan PKS. Dalam hal ini, institusi perbankan perlu mengemukakan justifikasi berhubung pengenaan atau kenaikan fi dan caj termasuk syarat-syarat bagi pengenaan fi tersebut.

Bagi meningkatkan tahap ketelusan pasaran, Garis Panduan tersebut juga menghendaki institusi perbankan memastikan butiran fi dan caj ke atas produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada individu dan PKS disediakan di kesemua cawangan dan laman web masing-masing. Institusi perbankan juga dikehendaki memberi notis kepada pelanggan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum meminda sebarang terma dan syarat bagi produk dan perkhidmatan termasuk fi dan caj.

Biro Pengantaraan Kewangan

Keperluan kepada satu saluran yang murah dan berkesan adalah penting kepada pengguna untuk mendapat pembelaan apabila terdapat pertikaian yang melibatkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah menerajui usaha untuk meningkatkan mekanisme penyelesaian pertikaian bagi membolehkan pengguna menyelesaikan konflik melalui proses yang adil dan saksama.

Pada 20 Januari 2005, Biro Pengantaraan Kewangan (BPK), telah dilancarkan hasil gabungan antara Biro Pengantaraan Perbankan dan Biro Pengantaraan Insurans. Sehubungan dengan ini, BPK bertindak sebagai agensi bersepadu untuk menyelesaikan pertikaian yang melibatkan institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Skop BPK diperluas bagi meliputi pertikaian terhadap bank-bank Islam, pengendali takaful, institusi kewangan pembangunan di samping pengendali sistem pembayaran tertentu serta pengeluar-pengeluar kad kredit dan kad caj bukan bank. Ini bagi memastikan pengguna penyedia perkhidmatan kewangan tersebut mempunyai akses kepada mekanisme penyelesaian pertikaian. Skop BPK juga diperluas untuk merangkumi liputan produk, jenis aduan serta had award. BPK menyediakan satu saluran yang cepat dan cekap kepada pengguna untuk mengemukakan aduan sebagai alternatif kepada penyelesaian melalui mahkamah. Di samping itu, pengguna turut mendapat manfaat dengan kewujudan sebuah biro serta proses dan prosedur yang konsisten.

Insurans Deposit

Dalam meneruskan usaha untuk mengukuhkan rangka kerja perlindungan pengguna dan mempertingkatkan jaringan keselamatan kewangan sistem perbankan, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan kertas kerja konsep berhubung Sistem Insurans Deposit di Malaysia kepada industri perbankan pada bulan November 2004. Objektif utama sistem insurans deposit tersebut adalah untuk menyediakan tahap perlindungan yang wajar kepada pendeposit bagi deposit mereka di institusi perbankan. Kertas kerja konsep tersebut memperincikan aspek-aspek yang dipertimbangkan dalam sistem insurans deposit tersebut.

Jadual Perbandingan

Bagi membantu pengguna membuat perbandingan serta mengurangkan kos mencari maklumat, Bank Negara Malaysia telah memaparkan maklumat perbandingan mengenai kadar-kadar utama, iaitu, kadar berian pinjaman asas, kadar simpanan tetap dan kadar deposit instrumen boleh niaga dalam laman web BankingInfo. Pada masa hadapan, jadual-jadual perbandingan produk deposit dan kredit yang lazimnya ditawarkan kepada pengguna akan disediakan.

Kertas Kerja Konsep mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

Sebagai salah satu usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk menggalakkan pasaran yang lebih telus, kertas kerja konsep berhubung ketelusan dan pendedahan produk oleh institusi perbankan telah dikeluarkan pada bulan Mac 2004. Maklumat berhubung risiko dan kos produk sering kali tidak didedahkan dalam bahan promosi. Di samping itu, terma dan syarat utama juga tidak dinyatakan dengan jelas. Bagi memastikan pengguna memahami jenis dan tahap risiko yang terlibat, kertas kerja konsep

tersebut memerlukan semua maklumat dinyatakan dan disampaikan secara jelas, tepat dan berkesan. Maklumat khusus merangkumi faktor risiko, hasil, penentuan harga, fi dan caj, dan terma-terma dan maklumat yang tepat pada masa hendaklah didedahkan kepada pengguna dengan menggunakan definisi dan terminologi standard. Keperluan pendedahan turut dikenakan ke atas pengiklanan bagi memastikan bahan pemasaran dan promosi tidak mengelirukan para pengguna.

Pengendalian Aduan

Pengendalian aduan dengan berkesan adalah penting bagi memastikan aduan pengguna ditangani dan diselesaikan dengan segera. Aduan yang direkod dengan baik dan dianalisis bagi mengenal pasti punca masalah turut membolehkan institusi perbankan menangani kepincangan dalam operasi mereka. Mulai bulan Jun 2004, institusi perbankan dikehendaki mengemukakan laporan setengah tahun berhubung jumlah dan jenis aduan yang diterima. Bank Negara Malaysia akan terus memainkan peranan dalam pengendalian aduan pengguna terhadap institusi perbankan bagi memastikan semua aduan tersebut dilayan dengan segera dan cekap agar pengguna menerima layanan adil daripada institusi perbankan.

Pindaan Garis Panduan Laporan Kewangan untuk Institusi Berlesen (BNM/GP8)

Lanjutan daripada penerbitan dua kertas kerja konsep kepada industri perbankan, pindaan garis panduan laporan kewangan untuk institusi berlesen telah dikeluarkan untuk dilaksanakan pada bulan Oktober 2004. Objektif utama pindaan Garis Panduan tersebut adalah untuk memastikan pematuhan standard perakaunan antarabangsa dan pendedahan yang konsisten bagi semua butiran penting dan terkecuali di kalangan institusi kewangan. Ini bagi memudahkan penilaian serta perbandingan kedudukan kewangan dan pencapaian institusi berkenaan. Pindaan Garis Panduan tersebut menggariskan keperluan pendedahan minimum dan institusi berlesen digalakkan supaya mendedahkan maklumat tambahan di dalam penyata kewangan masing-masing. Pindaan utama yang dibuat terhadap Garis Panduan tersebut adalah seperti berikut:

- Institusi berlesen dikehendaki menyediakan laporan kewangan interim bagi setiap suku tahun;
- Laporan kewangan interim bagi setiap suku tahun dan separuh tahun tidak perlu disiarkan di dalam akhbar. Sebaliknya, institusi berlesen dikehendaki menyediakan laporan kewangan interim di laman web masing-masing;
- Institusi berlesen dikehendaki membahagikan portfolio sekuriti kepada kategori 'dipegang untuk perdagangan', 'dipegang sehingga matang' dan 'sedia untuk dijual';
- Institusi berlesen diberi dua pilihan untuk mengambil kira urus niaga derivatif mereka; dan
- Faedah terakru dan diakui sebagai pendapatan sebelum tarikh pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak berbayar hendaklah dikecualikan daripada pendapatan. Seterusnya, faedah yang diperoleh daripada pinjaman tidak berbayar hendaklah diakui sebagai pendapatan berasaskan tunai.

Set pertama penyata kewangan yang disediakan di bawah pindaan BNM/GP8 tersebut adalah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

Langkah Peningkatan Akses kepada Pembiayaan

Penarikan Balik Sekatan ke atas Peruntukan untuk Pembiayaan Titian bagi Pembangunan Harta Tanah

Sekatan ke atas peruntukan kemudahan pembiayaan titian bagi pembangunan harta tanah yang diperkenalkan pada tahun 1999 bagi menangani masalah harta tanah tidak terjual telah ditarik balik pada bulan September 2004. Bagi memastikan penarikan tersebut tidak menyebabkan lebihan penawaran dalam pasaran harta tanah, institusi perbankan dikehendaki mempertimbangkan impak sesebuah projek yang hendak dibiayai ke atas pasaran harta tanah dalam kawasan sekeliling selain membuat penilaian standard ke atas daya maju projek berkenaan. Institusi perbankan juga dikehendaki menyediakan maklumat yang secukupnya kepada Lembaga Pengarah masing-masing untuk menilai sesebuah projek, memandangkan persetujuan Lembaga Pengarah diperlukan bagi meluluskan sebarang kemudahan pembiayaan titian tersebut.

Pelan Induk Sektor Kewangan

Pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) berjalan lancar dan mengikut jadual yang ditetapkan. Sebanyak 14 saranan lagi selesai dilaksanakan sepanjang tahun 2004, menjadikan jumlah keseluruhan saranan yang selesai dilaksanakan kepada 45, yang merangkumi hampir separuh daripada saranan berperingkat kemajuan. Sebanyak 28 saranan lagi dilaksanakan secara berterusan, dengan inisiatif berterusan diambil bagi mencapai hasil yang dikehendaki. Maklumat yang terperinci mengenai saranan yang selesai dilaksanakan adalah seperti yang disenaraikan di jadual yang disertakan.

Saranan yang Selesai Dilaksanakan

Sektor Perbankan

S3.4	Melonggarkan sekatan gaji dan mobiliti pekerja dalam industri perbankan bagi membolehkan industri menarik bakat terbaik dan memberikan mereka ganjaran yang setimpal
S3.5	Menarik balik sekatan ke atas penggajian ekspatriat untuk menarik bakat antarabangsa terbaik bagi memenuhi keperluan kepakaran dalam bidang-bidang perbankan yang spesifik
S3.6	Menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa lembaga, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mempertingkatkan lagi tahap tadbir urus korporat
S3.7	Membenarkan rasionalisasi kumpulan melalui jualan silang produk dan pelarasan proses dalaman serta membenarkan penggabungan bank perdagangan dan syarikat kewangan bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dan daya saing
S3.9	Menyelaraskan pengawalseliaan ke atas syarikat diskaun dan bank saudagar untuk meningkatkan dan membenarkan persaingan saksama antara peserta pasaran
S3.12	Menggalakkan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga untuk fungsi bukan teras bagi meningkatkan tumpuan strategik dan kecekapan
S3.14	Menggalakkan penawaran saluran penghantaran baru untuk menambah akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan perbankan bagi meningkatkan daya saing
S3.15.1 dan S3.15.2	Memudahkan proses notifikasi produk sebagai insentif bagi pembangunan produk baru dan inovatif serta menyediakan garis panduan yang jelas mengenai kriteria notifikasi produk dan keperluan kelulusan bagi produk tertentu
S3.16a	Memperkenalkan Rangka Kerja Kadar Faedah Baru bagi memberi lebih fleksibiliti kepada institusi perbankan, seterusnya menggalakkan penentuan harga produk yang lebih berkesan
S3.18	Menggalakkan penglibatan institusi perbankan dalam bidang-bidang yang kini ditampung oleh institusi pinggiran bagi menggalakkan persaingan yang saksama dan memelihara perlindungan pengguna dan kepentingan pelabur
S3.21	Melaksanakan penyeliaan berasaskan risiko dengan fokus penyeliaan terhadap bidang yang berisiko tinggi dan tumpuan yang lebih terhadap institusi-institusi yang lemah
S3.22a	Mengambil kira risiko pasaran dalam rangka kerja kecukupan modal bagi mempertingkatkan kepekaan kepada lebih risiko dalam keperluan modal pengawalseliaan yang sedia ada
S3.23	Membentuk rangka kerja tindakan penguatkuasaan secara formal dan tidak formal bagi memastikan institusi perbankan mengambil tindakan pemulihan ke atas kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan
S3.27	Meningkatkan keberkesanan dan daya saing dalam sistem pembayaran bagi menyokong keperluan ekonomi di samping mengekalkan ciri-ciri keselamatan dan integriti
S3.28	Membenarkan kuasa pasaran membentuk pembangunan sistem pembayaran bagi meningkatkan persaingan dan inovasi sistem pembayaran

S3.33	Membenarkan institusi perbankan merasionalisasikan rangkaian cawangan bagi memperbaiki penempatan cawangan dalam negara
S3.37	Memperluas peranan Biro Pengantaraan Perbankan dengan penubuhkan Biro Pengantaraan Kewangan bagi memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna dan memperkembangkan saluran untuk pengguna mendapatkan pembelaan
	Sektor Insurans
S4.1	Menghapuskan sekatan ke atas penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi membolehkan penanggung insurans meningkatkan lagi kompetensi teras mereka dan mengatur strategi perniagaan yang berkesan
S4.2	Membenarkan penanggung insurans yang layak untuk menggunakan internet sebagai saluran penghantaran bagi meningkatkan daya saing dan kecekapan industri insurans
S4.3	Menggalakkan pertumbuhan bankasurans sebagai saluran penghantaran alternatif berkos efektif melalui pelaksanaan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih fleksibel dalam struktur ganjaran berkaitan urusan bankasurans
S4.6	Melonggarkan sekatan ke atas penggajian ekspatriat bagi mempercepatkan pembangunan kemahiran dan kepakaran dalam industri
S4.16	Menaikkan modal berbayar berkanun minimum bagi penanggung insurans untuk meningkatkan daya tahan kedudukan kewangan dan keupayaan untuk bersaing secara berkesan dalam pasaran yang lebih dinyahkawal selia dan liberal
S4.17	Mengukuhkan peraturan 'layak dan sesuai' bagi ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan penanggung insurans, termasuk standard kelayakan minimum dan keperluan latihan bagi pengarah untuk menggalakkan tadbir urus korporat yang kukuh
S4.18	Menubuhkan jawatankuasa lembaga dengan tanggungjawab spesifik dan mempertingkatkan standard pendedahan tentang pampasan kepada pengarah dan pihak pengurusan kanan bagi memperkukuh struktur dan proses tadbir urus serta menggalakkan ketelusan
S4.19	Meningkatkan syarat pengambilan ejen untuk memastikan tahap profesionalisme dan kecekapan yang tinggi di kalangan pengantara insurans
S4.20	Memperkenalkan peperiksaan wajib tambahan sebagai sebahagian daripada program pembelajaran yang berterusan bagi ejen mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka
S4.21	Mengukuhkan lagi penyeliaan berasaskan prestasi bagi mengekalkan kestabilan dalam keadaan pasaran yang lebih dinyahkawal selia dan kompetitif
S4.22	Membentuk rangka kerja tindakan penguatkuasaan bagi memastikan proses campur tangan penyeliaan yang menepati waktu dan konsisten untuk menangani risiko keinstitusian
S4.25	Menubuhkan Biro Pengantaraan Kewangan untuk memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna dan memperkembangkan saluran untuk pengguna mendapatkan pembelaan
S4.26	Memperkenalkan peraturan 'nasihat terbaik' bagi meningkatkan perlindungan pengguna dan profesionalisme dalam penjualan produk insurans hayat oleh pengantara insurans
S4.27	Mengukuhkan peraturan mengenai amalan perniagaan yang tidak adil bagi memastikan amalan perniagaan dan perilaku yang adil terhadap pengguna
S4.29	Membenarkan institusi kewangan dan bukan kewangan memperoleh kepentingan dalam penanggung insurans langsung bagi mewujudkan sinergi perniagaan
	Perbankan Islam dan Takaful
S5.3	Mewujudkan pengurusan yang mantap melalui penubuhan jawatankuasa lembaga, program penanda aras dan penggajian kakitangan yang berpengalaman dan berkelayakan
S5.5	Menambah bilangan bank-bank Islam bagi merangsang persaingan yang lebih sengit dan mempercepat integrasi di peringkat antarabangsa melalui pemberian lesen perbankan Islam kepada institusi perbankan domestik dan asing yang layak
S5.6	Menambah bilangan pengendali takaful bagi mempercepat perkembangan industri takaful
S5.10	Mewujudkan infrastruktur perundangan yang komprehensif bagi pengguna mendapatkan penyelesaian perundangan bagi urus niaga kewangan Islam

	Institusi Kewangan Pembangunan
S6.4	Memperkenalkan rangka kerja yang sistematik untuk memperoleh sumber dana bagi memastikan pembiayaan yang wajar dan mencukupi untuk operasi institusi kewangan pembangunan (IKP)
S6.7	Mewujudkan rangka kerja perundangan untuk mengawal dan menyelia IKP bagi memastikan dasar dan objektif IKP konsisten dengan objektif dasar negara
S6.8	Mewujudkan badan berkuasa pengawalseliaan tunggal untuk memperkukuh penyeliaan IKP
	Kaedah Pembiayaan Alternatif
S7.2	Menubuhkan dana modal usaha niaga berjumlah RM500 juta bagi meningkatkan pembiayaan modal usaha niaga yang sedia ada dan merangsang usaha niaga baru
S7.3	Pengenalan insentif cukai selanjutnya untuk industri modal usaha niaga, bagi menggalakkan pertumbuhan syarikat modal usaha niaga
S7.4	Pelonggaran syarat penyenaraian MESDAQ bagi memudahkan laluan keluar kepada syarikat modal usaha niaga daripada pelaburan mereka
S7.5	Menubuhkan dua Dana Modal Usaha Niaga Islam dengan saiz dana permulaan aggregat berjumlah RM22.1 juta
	Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan
S8.3	Menerima pakai pendekatan yang berasaskan perundingan dan berorientasikan pasaran untuk mewujudkan persekitaran percukaian dan perniagaan yang kondusif bagi meningkatkan daya saing dan daya tarikan Labuan
S8.6	Memperkukuh perbankan dan kewangan Islam serta takaful bagi membangunkan Labuan dengan fokus strategik kepada produk dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip Syariah
S8.7	Mempertingkatkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) sebagai bursa kewangan sehenti untuk pemastautin dan syarikat antarabangsa

Pada fasa permulaan pelaksanaan PISK, usaha ditumpukan ke arah mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik. Usaha-usaha ini diteruskan sepanjang tahun 2004 dengan inisiatif lanjutan dalam pembangunan keinstitusian serta langkah-langkah bagi memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan, di samping mempertingkatkan rangka kerja pendidikan dan perlindungan pengguna.

Pencapaian

Langkah-langkah yang dilaksanakan sejak pelancaran PISK empat tahun yang lalu telah membuahkan hasil yang positif dan berjaya memperkukuh setiap blok pembangunan sektor kewangan. Ini telah menyumbang ke arah meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan domestik, menggalakkan peningkatan infrastruktur sistem pembayaran yang lebih cekap dan stabil, menyediakan infrastruktur yang teguh bagi memastikan kestabilan sektor kewangan keseluruhannya serta mewujudkan rangka kerja perlindungan pengguna yang komprehensif.

Dalam sektor perbankan, institusi perbankan domestik telah mengekalkan bahagian pasaran, meskipun dalam persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif. Pada akhir tahun 2004, institusi perbankan domestik menguasai 78% daripada bahagian pinjaman kasar dan 77% daripada jumlah deposit (pada akhir tahun 2003: 78.3% daripada pinjaman kasar dan 77.9% daripada jumlah deposit). Institusi perbankan domestik juga mengekalkan kedudukan sebagai pembiaya utama bagi perusahaan perniagaan dengan bahagian pasaran sebanyak 78.7% (akhir tahun 2003: 79%) dan memperkukuh lagi kedudukan sebagai pembiaya utama kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan bahagian pasaran sebanyak 84.8% (akhir tahun 2003: 82.7%), terutamanya kepada sektor perkilangan, dengan bahagian pasaran meningkat daripada 76.3% pada tahun 2003 kepada 82% pada tahun 2004.

Prestasi kewangan institusi perbankan domestik terus kukuh. Pulangan ke atas purata aset dan ekuiti (tidak termasuk dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan) masing-masing berada pada 1.04% dan 11.9% (akhir tahun 2003: 1.02% dan 11.3%). Inisiatif yang diambil untuk meningkatkan tahap kecekapan operasi terus menunjukkan hasil yang positif. Nisbah kos kepada pendapatan menurun sedikit daripada 52.6% pada tahun 2003 kepada 51.9% pada tahun 2004. Tahap produktiviti yang lebih baik telah dicatat, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai bagi setiap RM kos pekerja daripada RM1.49 pada tahun 2003 kepada RM1.55 pada tahun 2004. Tahap kecekapan perkhidmatan pelanggan turut menunjukkan peningkatan terutamanya dalam jangka masa pemprosesan permohonan pinjaman dan kad kredit.

Selain itu, inisiatif yang diambil sebelum ini bagi mempertingkatkan keupayaan pengurusan risiko telah menempatkan institusi perbankan domestik pada kedudukan yang lebih kukuh untuk bersaing dengan bank asing secara lebih berkesan. Dengan kemampuan pengurusan risiko yang lebih baik, institusi perbankan domestik berkeupayaan untuk menetapkan harga produk dan perkhidmatan yang ditawarkan secara lebih kompetitif di samping memastikan pendedahan kepada risiko berada pada tahap yang berpatutan. Pengetahuan mendalam mengenai tahap pendedahan dan kemampuan pengurusan juga mendorong institusi perbankan domestik menjadi lebih inovatif dalam pembangunan produk dan strategi perniagaan. Tambahan lagi, penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan membolehkan institusi perbankan domestik memanfaatkan kesan sinergi dan ekonomi bidangan untuk terus meningkatkan lagi tahap kecekapan kos.

Bagi sistem perbankan secara keseluruhan, pelaksanaan Rangka Kerja Kadar Faedah Baru, yang bertujuan untuk menggalakkan kecekapan dalam mekanisme penetapan harga bagi produk yang berasaskan kadar faedah, telah memberi lebih fleksibiliti kepada institusi perbankan dalam penetapan harga produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Fleksibiliti ini juga dijangka akan lebih menggalakkan inovasi produk oleh institusi perbankan bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat oleh pengguna yang menghargai kepelbagaian pilihan serta produk kewangan yang memenuhi cita rasa individu.

Sektor insurans juga mencatat peningkatan prestasi di kalangan penanggung insurans domestik. Penanggung insurans domestik mengekalkan kedudukan pasaran yang kukuh dalam sektor insurans am dengan bahagian pasaran sebanyak 72.7% (akhir tahun 2003: 73.3%). Dalam sektor insurans hayat pula, penanggung insurans domestik berjaya menggunakan kelebihan komparatif mereka untuk meningkatkan bahagian pasaran keseluruhan kepada 35.8% daripada jumlah premium insurans hayat (akhir tahun 2003: 31.8%) berikutan peningkatan perkembangan perniagaan baru yang lebih tinggi yang dicatat oleh penanggung insurans domestik berbanding dengan penanggung insurans asing.

Pembangunan bankasurans sebagai saluran penghantaran utama telah menyumbang dengan ketara terhadap pertumbuhan penanggung insurans hayat domestik. Penanggung insurans hayat domestik menguasai 82.9% (akhir tahun 2003: 79.2%) daripada jumlah premium yang dihasilkan melalui bankasurans pada tahun 2004. Dengan memanfaatkan strategi bankasurans yang berkesan, penanggung insurans domestik juga berupaya meningkatkan bahagian pasaran dalam pasaran produk insurans berkaitan pelaburan yang pesat berkembang, berikutan permintaan yang tinggi daripada pelanggan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Penanggung insurans domestik mencakupi 44.8% daripada jumlah premium berkaitan pelaburan baru yang dijana pada tahun 2004, iaitu peningkatan daripada 33.6% pada tahun 2003.

Pelaksanaan dasar yang lebih fleksibel ke atas struktur ganjaran berkaitan pengaturan bankasurans pada bulan Disember 2004 dijangka memberi insentif yang sesuai bagi pembangunan jangka panjang bankasurans sebagai saluran penghantaran yang kos efektif.

Selaras dengan usaha untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam dan peningkatan populariti perkhidmatan kewangan Islam di seluruh dunia, perbankan Islam telah berkembang dengan mantap sebagai saluran pengantaraan kewangan yang cekap dan berkesan serta menjadi komponen penting dalam sistem kewangan Malaysia keseluruhannya. Sektor perbankan Islam terus mempamerkan pertumbuhan yang mapan, berikutan peningkatan aset kepada RM94.6 bilion pada akhir tahun 2004 yang mencakupi 10.5% daripada jumlah aset sistem perbankan (akhir tahun 2003: 9.7% atau RM82.2 bilion). Deposit dan pembiayaan Islam meningkat, masing-masing kepada RM72.9 bilion dan RM57.9 bilion dan mencakupi 11.2% dan 11.3% daripada jumlah deposit dan pembiayaan sistem perbankan (akhir tahun 2003: 10.4% dan 10.3%). Sektor takaful terus stabil dengan aset mencakupi 5.6% (RM5 bilion) daripada jumlah aset industri insurans dan takaful, serta mencakupi 5.1% daripada jumlah premium dan caruman industri tersebut.

Kemajuan yang ketara dicapai dalam rangka kerja pengawalseliaan perbankan Islam dan takaful bagi memantapkan lagi keupayaan keinstitusian dan daya tahan para peserta. Rangka Kerja Kadar Pulangan yang telah disemak semula dijangka akan dapat meningkatkan tahap keupayaan dan kecekapan institusi perbankan Islam dalam mengendalikan operasi perbankan Islam. Menyedari bahawa tadbir urus korporat yang baik akan memperkukuh lagi pengawalan dan penyeliaan di samping menyumbang ke arah mengekalkan keyakinan pasaran, garis panduan baru mengenai jawatan ahli lembaga pengarah bank-bank Islam dan pengendali takaful dijangka terus memperkukuhkan lagi tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Langkah-langkah tambahan untuk mengukuhkan infrastruktur Syariah dan perundangan turut dilaksanakan. Bagi mempertingkatkan lagi daya saing, institusi kewangan Islam kini dikecualikan daripada duti setem dan bayaran cukai ke atas instrumen dan urus niaga tambahan yang diperlukan bagi tujuan pematuhan Syariah. Ini bagi membolehkan keseimbangan cukai antara kewangan Islam dan konvensional. Pusat Penimbang Tara Serantau Kuala Lumpur dipilih untuk mengendalikan kes pertikaian yang melibatkan isu Syariah dalam perbankan Islam dan takaful. Ini akan melengkapkan peranan Mahkamah Tinggi khusus yang telah ditugaskan untuk memutuskan kes-kes berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Berikutan pindaan terhadap Akta Bank Negara Malaysia 1958, kedudukan Majlis Penasihat Syariah (MPS) telah dinaikkan taraf sebagai pihak berkuasa tunggal dalam hal-hal Syariah yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam yang berada di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. MPS boleh menjadi badan rujukan oleh mahkamah dan penimbang tara dalam menyelesaikan pertikaian yang melibatkan isu-isu Syariah berhubung dengan kes-kes perbankan dan kewangan Islam. Garis Panduan Tadbir Urus Korporat Ahli Jawatankuasa Syariah bagi institusi kewangan Islam juga dikeluarkan dengan objektif, antara lain, untuk menetapkan struktur baru, peranan dan fungsi jawatankuasa Syariah di bank-bank Islam, bank konvensional yang mengambil bahagian dalam skim perbankan Islam dan pengendali takaful, serta syarat-syarat pelantikan ahli jawatankuasa Syariah.

Sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi pusat kewangan Islam utama, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) terus berusaha untuk membangunkan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (Labuan IOFC). Pada masa ini, terdapat dua bank Islam, tiga bank pelaburan Islam dan satu pengendali takaful/takaful semula yang beroperasi di Labuan IOFC. Bagi memantapkan lagi perkhidmatan kewangan Islam di Labuan IOFC, LOFSA telah menubuhkan beberapa kumpulan kerja yang terdiri daripada pakar pasaran bagi membantu merumus strategi untuk membangunkan dan menggalakkan pasaran modal Islam, amanah Islam antarabangsa dan wakaf, pengurusan dana Islam, insurans Islam atau takaful serta pembiayaan perdagangan Islam. Selain itu, kini wujud kerjasama dan usaha sama yang lebih padu di kalangan agensi pengawalselia dalam bidang pasaran kewangan dan takaful untuk memenuhi keperluan institusi perbankan dan kewangan Islam. Di samping itu, reputasi Labuan IOFC sebagai pusat kewangan Islam luar pesisir terus dipertingkatkan berikutan penyenaraian sekunder dua sukuk dari Timur Tengah, yang disenaraikan di Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX). Bagi membuka jalan terhadap pembangunan pasaran modal Islam dengan jangkauan global yang lebih meluas, LFX telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM) yang beribu pejabat di Bahrain pada tahun 2004 untuk membangunkan rangka kerja

bagi kerjasama yang lebih erat antara LFX dan IIFM. Ini adalah untuk mengambil peluang memperkembangkan asas pelabur bagi pelaburan dana dari negara-negara OIC.

Bagi melengkapkan peranan sektor perbankan dan insurans dalam menyokong objektif pembangunan ekonomi negara, institusi kewangan pembangunan (IKP) terus memainkan peranan pengantara sebagai pembiaya dan penyedia perkhidmatan khusus kepada sektor yang disasarkan. Selaras dengan saranan PISK, inisiatif terus ditumpukan kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan industri menerusi usaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan, bagi memastikan IKP terus berupaya menyediakan sokongan kewangan dan khidmat nasihat kepada sektor yang disasarkan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan IKP kekal fokus dalam memainkan peranan masing-masing, Bank Negara Malaysia telah menjalankan kajian semula ke atas peranan IKP yang dimandatkan dan aktiviti mereka. Berikutan saranan Bank Negara Malaysia, Kerajaan telah mengumumkan penggabungan antara Export-Import Bank of Malaysia Berhad dengan Malaysia Export Credit Insurance Berhad, serta perasionalan peranan dan fungsi Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad. Ini akan membolehkan IKP tersebut lebih fokus dan seterusnya lebih berkesan dalam memenuhi keperluan sektor yang disasarkan.

Usaha juga dijalankan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan IKP dalam menyediakan khidmat bukan kewangan kepada pelanggan yang disasarkan. Satu projek bersama antara Bank Negara Malaysia dengan *Japan International Cooperation Agency* telah bermula pada bulan Oktober 2004 untuk mempertingkatkan keupayaan khidmat nasihat IKP utama yang terpilih kepada PKS. Khidmat nasihat yang diberikan dijangka mampu dimanfaatkan sebagai pelengkap kepada bantuan kewangan yang sedia ada untuk PKS serta meningkatkan keberkesanan IKP dalam membangun dan membimbing PKS. Bagi membolehkan Bank Negara Malaysia memantau prestasi IKP dengan berkesan, sistem pelaporan berkomputer secara dalam talian yang dikenali sebagai Sistem Statistik Institusi Kewangan Pembangunan (DFISS) telah diperkenalkan. Sistem ini membolehkan IKP mengemukakan laporan statistik kepada Bank Negara Malaysia secara elektronik. Sistem ini membolehkan Bank Negara Malaysia memperoleh maklumat yang tepat dalam masa yang ditetapkan dan membantu pemantauan prestasi IKP. Bagi mengendalikan ciri-ciri unik setiap IKP, DFISS mengumpul maklumat am dan maklumat khusus yang berkaitan dengan perniagaan.

Inisiatif yang diambil setakat ini telah berjaya melahirkan sektor kewangan yang lebih kukuh, lebih berdaya tahan dan berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menangani tekanan daya saing yang semakin sengit. Keupayaan institusi perbankan domestik dan syarikat insurans domestik untuk terus mencatat prestasi kewangan yang kukuh, walaupun berdepan dengan persekitaran operasi yang semakin kompetitif, membuktikan bahawa mereka telah berkembang maju dari segi kekukuhan dan keupayaan. Di samping itu, rangka kerja pengawalseliaan juga telah dipertingkatkan bagi menghadapi cabaran pasaran kewangan yang lebih kompleks. Institusi kewangan telah menerapkan amalan pengurusan risiko yang lebih baik dalam operasi perniagaan mereka. Institusi kewangan turut meningkatkan kemampuan dan fleksibiliti mereka dalam memenuhi permintaan dan jangkaan pelanggan yang semakin meningkat. Pencapaian dan pengecilan jurang prestasi antara institusi kewangan domestik dan asing telah menyediakan asas untuk usaha pelaksanaan liberalisasi dan penyahkawalseliaan seperti yang diharapkan dalam Fasa 2 pelaksanaan PISK.

Teras Polisi Fasa 2

Seperti yang digariskan dalam PISK, persekitaran operasi akan dinyahkawal selia dan diliberalisasikan secara beransur-ansur untuk membangunkan sektor kewangan yang lebih cekap, dinamik dan mampu menampung keperluan permintaan ekonomi yang berubah-ubah dengan berkesan dan melalui cara yang paling cekap.

Tekanan daya saing akan diserap secara berperingkat-peringkat ke dalam industri perbankan dan insurans bagi mempertingkatkan penyaluran perkhidmatan dan prestasi keseluruhan sektor kewangan.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan institusi domestik akan diteruskan bagi memastikan mereka kekal berdaya saing dalam persekitaran yang lebih liberal. Sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing, penekanan juga akan diberikan terhadap usaha untuk meningkatkan lagi ketahanan dan kestabilan sistem kewangan, yang akan menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi dan pembangunan secara keseluruhan. Rangka kerja pengawalseliaan akan sentiasa dikaji semula untuk memastikan agar rangka kerja tersebut kekal relevan dan responsif terhadap persekitaran kewangan yang sentiasa berubah dan selaras dengan perkembangan di peringkat antarabangsa. Inisiatif pendidikan pengguna akan diteruskan untuk menggalakkan pengguna agar menjadi lebih berpengetahuan dan aktif, justeru memainkan peranan yang penting ke arah mewujudkan sistem kewangan bertaraf dunia di Malaysia.

Melalui hubungkaitan yang teguh antara sektor kewangan dan pembangunan ekonomi secara keseluruhan, inisiatif dasar akan terus tertumpu pada usaha mempertingkatkan akses kepada pembiayaan untuk menyokong perkembangan ekonomi selanjutnya. Ini termasuk tumpuan khusus ke arah memantapkan infrastruktur dan akses kepada pembiayaan bagi PKS dan sektor pertumbuhan baru, seperti sektor pertanian dan sektor asas tani.

(i) Sektor Perbankan

Fasa 2 pelaksanaan PISK akan menyaksikan lebih banyak usaha ke arah mempertingkatkan daya saing dalam sektor perbankan. Ini akan dilaksanakan secara berperingkat melalui persaingan yang saksama antara institusi perbankan domestik dan institusi perbankan asing yang sedia ada. Dalam proses pelaksanaan tersebut, kualiti perkhidmatan perbankan akan dipertingkatkan di samping memberi peluang kepada pelanggan untuk membuat pilihan daripada rangkaian produk dan perkhidmatan yang lebih berbagai. Bagi memastikan wujudnya sekumpulan institusi perbankan domestik teras yang terus kukuh dan mampu bersaing secara berkesan dalam persekitaran operasi yang lebih liberal, inisiatif untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan akan terus dilaksanakan. Pada masa yang sama, inisiatif akan terus diambil untuk memantapkan lagi rangka kerja pengawalseliaan bagi menyediakan platform yang lebih kondusif agar pasaran dapat berfungsi dengan berkesan dan cekap serta mengekalkan daya tahan dan kestabilan sektor kewangan. Menyedari peranan yang boleh dimainkan oleh pelanggan dalam meningkatkan disiplin pasaran, program pendidikan pengguna akan diteruskan. Di bawah suasana operasi yang lebih berorientasikan pasaran, infrastruktur tertentu untuk perlindungan pengguna wajib diwujudkan, termasuk mekanisme yang berkesan bagi memantau dan mengelakkan perilaku yang mengandungi unsur-unsur kesepakatan di kalangan institusi perbankan. Oleh yang demikian, peraturan antipakat untuk sektor perbankan akan diwujudkan pada satu tempoh akan datang. Peraturan ini akan menggariskan panduan pendekatan untuk menangani tabiat antipersaingan dan amalan yang tidak adil oleh institusi perbankan serta cara menangani tabiat yang sedemikian.

Sebagai peserta dalam sistem kewangan global, sistem perbankan Malaysia perlu beroperasi setaraf dengan piawaian antarabangsa. Perakuan oleh pihak ketiga yang bebas akan menambah kredibiliti institusi berkenaan dan proses tersebut seterusnya dapat membentuk disiplin menerusi kuasa pasaran. Walau bagaimanapun, untuk mencapai objektif ini, tahap kesedaran pengguna dan pemahaman mengenai maklumat kewangan perlu dipertingkatkan. Satu lagi prasyarat ialah ketelusan dan kebertanggungjawaban agensi penarafan yang menjalankan penilaian untuk memastikan penarafan yang diberi adalah berlandaskan metodologi yang menyeluruh dan konsisten.

Dengan keadaan pasaran kewangan yang semakin kompleks, keperluan sistem pengurusan risiko yang lebih komprehensif dan responsif adalah kritikal untuk memastikan kekukuhan setiap institusi perbankan dan ketahanan sektor perbankan secara keseluruhan. Sehubungan dengan ini, kaedah yang lebih

sofistikated dan diperbezakan bagi setiap kategori risiko akan dibentuk untuk mengambil kira profil risiko pendedahan pinjaman kepada sektor ekonomi yang berbeza, sebagai tambahan kepada langkah mengambil kira risiko pasaran dalam rangka kerja keperluan modal. Langkah ini bertujuan untuk memastikan agar modal setiap institusi mencukupi bagi jenis risiko yang ditanggung. Rangka kerja kecukupan modal yang lebih terperinci dan mapan akan membolehkan institusi perbankan menguruskan pendedahan risiko dan jumlah modal yang dipegang dengan cara yang lebih berkesan. Langkah-langkah tersebut akan diambil sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Basel II.

Persekitaran operasi yang bertambah kompleks memberi cabaran yang lebih kepada pengawalselia untuk memainkan peranan mereka secara berkesan. Dengan perubahan dinamik ciri-ciri risiko, hubung kait antara pendedahan risiko dan pembangunan produk yang khusus, kaedah-kaedah pelaksanaan fungsi pengawasan oleh pengawalselia akan terus dikemaskinikan. Penggunaan teknologi juga akan terus diterapkan ke dalam fungsi pengawalseliaan untuk memberikan Bank Negara Malaysia maklumat bersepadu yang berasaskan masa nyata. Model pengawasan yang mantap akan memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai kesan pergerakan tertentu dalam pasaran terhadap kestabilan sektor kewangan dan ekonomi. Melalui sistem amaran awal, Bank Negara Malaysia akan lebih berupaya untuk mengambil langkah-langkah pembetulan pada peringkat awal dan seterusnya mengelakkan kesan negatif yang meluas ke atas sektor kewangan. Maklumat terperinci sedemikian juga dapat membantu proses menganalisis dan merumus dasar dengan menyediakan penilaian terhadap kesan yang mungkin menjejaskan kestabilan keseluruhan sektor perbankan sekiranya berlaku sebarang perubahan tertentu dalam faktor risiko.

Satu komponen utama dalam usaha memastikan kestabilan kewangan ialah pembangunan insurans deposit. Sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan, satu Skim Insurans Deposit akan diperkenalkan untuk melindungi pendeposit sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank. Sistem insurans deposit akan merangkumi kedua-dua institusi perbankan konvensional dan Islam.

(ii) Sektor Insurans

Pelaksanaan Fasa 2 dalam sektor insurans akan ditumpukan ke arah menyatukan inisiatif peningkatan kapasiti bagi mencapai hasil yang diingini, iaitu sekumpulan peneraju pasaran domestik yang kukuh, dengan kedudukan yang baik untuk bersaing secara berkesan dalam persekitaran yang semakin liberal. Ini akan dilaksanakan menerusi strategi-strategi yang menyediakan insentif yang sewajarnya untuk pencapaian prestasi yang lebih baik dan juga rangka kerja sokongan yang kukuh untuk kestabilan kewangan dan pasaran.

Berikutan langkah-langkah peningkatan kapasiti yang dilaksanakan dalam Fasa 1, persaingan yang saksama akan dilaksanakan secara berperingkat antara penanggung insurans domestik dengan penanggung insurans asing dalam Fasa 2. Ini meliputi kedua-dua aspek pemansuhan secara beransur-ansur ke atas baki sekatan operasi yang dikenakan ke atas penanggung insurans asing dan penyahkawalseliaan secara menyeluruh dalam bidang-bidang utama bagi meningkatkan fleksibiliti penanggung insurans untuk merangka strategi perniagaan yang inovatif secara individu. Langkah-langkah penyahkawalseliaan tersebut dijangka meningkatkan daya saing dalam pasaran dan seterusnya mempercepatkan peningkatan prestasi di kalangan penanggung insurans domestik.

Yang lebih penting ialah pembangunan infrastruktur sokongan yang diperlukan serta pindaan kepada rangka kerja pengawalseliaan berhemat akan dilaksanakan secara serentak untuk memastikan penanggung insurans terus menerapkan amalan kewangan dan perniagaan yang kukuh dalam persekitaran yang lebih dinyahkawalselia, seperti yang dijangkakan di bawah Fasa 2 dan 3 pelaksanaan PISK. Ini merangkumi pengukuhan keperluan peruntukan rizab dan rangka kerja pengurusan risiko yang mengawal aktiviti utama penanggung insurans, penubuhan rangka kerja keinstitusian bagi menyokong dasar penetapan harga yang baik berikutan penyahkawalseliaan yang progresif terhadap tarif harga untuk perniagaan insurans motor dan kebakaran, dan penguatkuasaan piawaian yang lebih tinggi bagi pendedahan dan amalan saksama dalam penjualan produk insurans.

Bagi mencapai tahap penggunaan modal yang lebih cekap, satu Rangka Kerja Modal berasaskan Risiko sedang dilaksanakan untuk menyelaraskan rejim kesolvenan agar lebih sejajar dengan profil risiko setiap penanggung insurans. Pelaksanaan rangka kerja ini akan memberi penanggung insurans lebih fleksibiliti untuk melaksanakan strategi pelaburan yang sesuai, agar dapat meningkatkan prestasi dan pada masa yang sama, mencapai pemadanan aset-liabiliti yang lebih baik bagi dana insurans untuk menyokong daya tahan jangka panjang penanggung insurans hayat.

Rangka kerja sokongan untuk penyeliaan berlandaskan prestasi yang lebih berkesan juga akan terus diperkukuh dalam Fasa 2. Ini termasuk pelaksanaan rangka kerja penyeliaan yang lebih ketat dan fokus kepada risiko, mulai tahun 2004. Keupayaan pengawasan Bank Negara Malaysia berkaitan dengan risiko utama dan hala tuju industri akan terus diperkukuh dengan penambahan kepada keperluan laporan dan integrasi perkembangan global yang lebih berkesan ke dalam analisis dan unjuran pasaran dalam negeri untuk mengenal pasti trend yang boleh memberi kesan ke atas kestabilan pasaran dalam negeri.

(iii) Sektor Perbankan Islam dan Takaful

Fokus perbankan Islam dan takaful di bawah Fasa 2 adalah untuk meningkatkan prestasi dan mengukuhkan infrastruktur industri perbankan Islam dan takaful. Pengukuhan komponen-komponen ini akan menyediakan asas untuk kemajuan yang berterusan dalam pembangunan sistem pengantaraan yang mapan, berdaya tahan dan kompetitif pada masa hadapan. Bank Negara Malaysia akan terus menumpukan perhatian pada tiga inisiatif strategik di mana usaha akan ditumpukan ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dalam perbankan dan kewangan Islam, meletakkan Malaysia sebagai peneraju utama dalam khidmat nasihat perbankan Islam dan takaful, serta menempatkan institusi kewangan Malaysia sebagai peserta kewangan Islam global.

Berdasarkan struktur perbankan Islam yang sedia ada, reka bentuk rangka kerja pengawalseliaan bagi perbankan Islam memberi penekanan pada pendedahan kewangan sepenuhnya, pengurusan risiko berhemat dan pematuhan kepada prinsip Syariah. Ia juga akan berperanan sebagai benteng untuk mengelakkan perpindahan risiko daripada deposit pelaburan kepada deposit permintaan, justeru meningkatkan ketelusan, perlindungan pengguna dan kestabilan sistemik.

Adalah semakin jelas bahawa pada jangka masa panjang, piawaian khas perlu dirumus untuk pembangunan instrumen pelaburan Islam dan pasaran modal Islam yang mapan. *Islamic Financial Services Board* akan mengeluarkan piawaian pengawalseliaan berhemat sebagai panduan bagi operasi perbankan Islam, menggalakkan prinsip berasaskan pendedahan, meningkatkan ketelusan dan membantu memupuk pembangunan pasaran modal Islam. Sebagai tambahan, *Malaysian Accounting Standards Board* akan menetapkan piawai-piawai perakaunan baru untuk urus niaga kewangan Islam.

(iv) Sektor Institusi Kewangan Pembangunan

IKP akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong strategi pembangunan negara dengan melengkapi sektor perbankan dalam memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi yang berubah-ubah. Oleh yang demikian, perlu bagi IKP menjadi efektif, cekap dan dinamik dalam memenuhi permintaan sektor pertumbuhan sasaran yang dikenal pasti. Usaha-usaha yang diambil dalam Fasa 1 untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan IKP akan diteruskan dalam Fasa 2. Tumpuan yang lebih akan diberikan ke arah memperkukuh kedudukan kewangan dan operasi IKP di samping meningkatkan tadbir urus korporat, amalan pengurusan risiko dan pembangunan sumber manusia IKP. Kesemua ini bertujuan untuk memastikan agar proses pengantaraan kewangan melalui IKP akan beroperasi secara berkesan dan cekap untuk menyokong transformasi ekonomi Malaysia.

(v) Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (Labuan IOFC)

Labuan IOFC telah mempamerkan prestasi yang positif dan memberangsangkan dalam setiap sektor urus niaga luar pesisir, yang meliputi perbankan luar pesisir, insurans dan aktiviti berkaitan insurans, aktiviti pemajakan dan pasaran modal. Di samping itu, Labuan IOFC juga sedang menempatkan kedudukannya

sebagai pusat perniagaan luar pesisir bersepadu yang utama. Melangkah ke hadapan, LOFSA akan terus menggalak dan mempelbagaikan peserta dan aktiviti kewangan di Labuan IOFC. Program pembangunan perniagaan akan dilaksanakan untuk memperluas peluang perkhidmatan kewangan luar pesisir dari wilayah lain. LOFSA akan terus mempromosi dan meningkatkan kesedaran global terhadap kedudukan Labuan IOFC sebagai pusat perniagaan luar pesisir yang menarik dan kos efektif. Yang paling penting, LOFSA akan terus menggalakkan perkembangan perbankan Islam dan perniagaan takaful semula untuk memenuhi permintaan terhadap produk kewangan Islam yang semakin meningkat. Pembangunan seterusnya adalah untuk membina pusat kewangan Islam yang berdaya tahan, progresif dan cekap untuk memperteguh potensi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam yang utama. Di samping itu, LOFSA akan meneruskan usaha untuk membangunkan pasaran modal, e-dagang dan khidmat sampingan. Pembangunan pasaran sekunder yang aktif adalah juga penting bagi instrumen kewangan konvensional dan Islam yang disenaraikan di LFX.

(vi) Kaedah Pembiayaan Alternatif – Modal Usaha Niaga dan Penambahbaikan Kredit

Pembangunan pembiayaan modal usaha niaga (VC) akan terus digalakkan memandangkan kepentingan modal sebegini dalam memupuk bidang pertumbuhan yang baru, di samping bertindak sebagai sumber pembiayaan alternatif dalam ekonomi. Usaha berterusan akan ditujukan ke arah meningkatkan pembangunan kapasiti dari segi peningkatan kemahiran dan akses kepada pembiayaan sektor swasta. Untuk mempercepat pembangunan industri VC, rangkaian 'business angels', sumber dana yang pelbagai dan sekumpulan pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi diperlukan. Di samping itu, kekurangan inovasi akan diberi perhatian melalui usaha meningkatkan aliran urus niaga melalui pembentukan lebih banyak syarikat penerima modal usaha niaga yang berpotensi tinggi untuk berkembang. Dalam usaha membantu menyemaikan budaya keusahawanan yang lebih baik, usaha bersama akan ditumpukan ke arah menyediakan persekitaran perniagaan dan pengawalseliaan yang perlu, memastikan akses kepada pembiayaan di peringkat permulaan inovasi dan mengkaji semula dasar-dasar berkaitan pengkomersilan ide yang sedia ada.

Satu lagi bidang yang diberi tumpuan ialah inisiatif penambahbaikan kredit untuk membantu pemberian pinjaman, terutamanya dalam sektor pertanian. Pelbagai inisiatif sedang diambil untuk meningkatkan aktiviti pembiayaan termasuk memberi jaminan ke atas pinjaman berkaitan pertanian yang disalurkan oleh institusi perbankan kepada usaha niaga yang berisiko tinggi tetapi berdaya maju, di samping meningkatkan kepelbagaian perkhidmatan sokongan yang perlu untuk pembangunan sektor pertanian yang kukuh. Selain itu, insurans pertanian juga boleh memainkan peranan yang penting bagi membangunkan sektor pertanian menjadi sektor komersil yang moden dan dinamik. Ketersediaan dan kepelbagaian produk insurans sedang dipertingkatkan oleh industri insurans dengan tujuan untuk menyediakan pelbagai manfaat kepada petani termasuk peningkatan akses kepada pinjaman, kestabilan pendapatan petani serta peningkatan amalan pengurusan risiko dan teknologi perladangan.

Melangkah ke Hadapan

Penekanan utama PISK adalah untuk menuju ke arah sistem kewangan yang lebih pelbagai dan seimbang dengan rangka kerja keinstitusian yang kukuh, infrastruktur pasaran yang komprehensif, amalan terbaik bertaraf dunia dan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif. Dengan peralihan sistem kewangan ke Fasa 2 PISK, teras inisiatif pada tahun 2005 akan berdasarkan kepada dua hala tuju - untuk meneruskan usaha bagi mengukuhkan pembangunan keinstitusian institusi kewangan domestik agar berada pada kedudukan yang kukuh dalam persekitaran yang lebih liberal dan dinyahkawal selia; dan untuk mengkaji semula dasar dan rangka kerja pengawalseliaan semasa bagi membolehkan persaingan yang saksama di kalangan pelbagai peserta pasaran. Keupayaan institusi kewangan untuk menyesuai, melaras dan bertindak balas terhadap keadaan ekonomi yang berubah-ubah, terutamanya untuk menyokong sektor pertumbuhan baru turut merupakan faktor yang tidak kurang pentingnya. Kewujudan institusi kewangan yang mantap yang mampu bertahan semasa menghadapi sebarang potensi kejutan dan mempunyai ketangkasan serta keupayaan daya menyesuaikan diri dalam menghadapi cabaran masa hadapan, adalah penting bagi memastikan ketahanan jangka panjang dalam persekitaran yang lebih kompetitif serta memelihara kestabilan kewangan.

Langkah-langkah Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan Semenjak Tahun 2000

Tahun	
2000	**Sektor Perbankan** • Jumlah maksimum bagi kemudahan kredit yang boleh diperoleh oleh syarikat yang dikuasai oleh bukan pemastautin (NRCCs) daripada institusi perbankan milik asing di Malaysia telah dinaikkan daripada 40% kepada 50% pada bulan Disember 2000. • Bank-bank Luar Pesisir berlesen di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (Bank Berlesen Luar Pesisir di Labuan) dibenarkan melabur dalam aset/instrumen ringgit di Malaysia untuk mereka sendiri, tetapi bukannya untuk kepentingan pelanggan mereka. • Bank-bank perdagangan berlesen (termasuk bank milik asing) dan Bank Islam Malaysia Berhad di Malaysia dibenarkan (bank berlesen) memberi kemudahan overdraf secara *"intra-day"* tidak melebihi jumlah agregat RM200 juta dan had semalaman tidak melebihi jumlah agregat RM10 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian global bukan pemastautin untuk membiayai jurang pendanaan disebabkan oleh kelewatan yang tidak disengajakan berhubung penyelesaian perdagangan di BSKL. Tambahan lagi, mereka juga boleh mengadakan swap mata wang jangka pendek dan/atau kontrak hadapan sehala bagi meliputi pembelian saham di BSKL. **Sektor Kewangan Bukan Perbankan (tidak termasuk insurans)** • Jumlah maksimum had ekuiti asing syarikat broker saham dan syarikat pemajakan dinaikkan kepada 49% daripada 30% berkuat kuasa 1 Julai 2000.
2001	**Sektor Perbankan** • Institusi perbankan milik asing dibenarkan untuk membangunkan laman web komunikasi berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001. • Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam ringgit untuk membiayai pembelian dan/atau pembinaan satu harta tidak alih bagi bukan pemastautin yang menyertai Program *Silver Hair* yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. • Institusi kewangan (termasuk bank milik asing) dibenarkan memberi sehingga tiga kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin untuk membiayai pembelian atau pembinaan sebarang harta benda di Malaysia (tidak termasuk pembelian tanah sahaja), tertakluk kepada garis panduan dalaman mengenai penaksiran kredit. • Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan melakukan pemindahan melibatkan Akaun Luar dan Akaun Luar lain dan/atau Akaun Pemastautin pemegang akaun yang berlainan melalui : (a) Pemindahan Mesin Teler Automatik (ATM) sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/ syarikat, setiap hari, setiap bank untuk sebarang tujuan; (b) Pemindahan bank melalui Internet sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/ syarikat, setiap hari, dan bagi setiap bank untuk sebarang tujuan; dan/atau (c) Pengeluaran cek sehingga RM5,000 untuk sebarang tujuan. **Sektor Insurans** • Semua penanggung insurans yang memenuhi keperluan minimum sistem pengurusan risiko dan sekuriti dibenarkan untuk menawarkan kesemua jenis produk insurans hayat dan am menerusi internet berkuat kuasa mulai bulan April 2001.
2002	**Sektor Perbankan** • Institusi perbankan milik asing dibenarkan untuk menawarkan urus niaga perbankan melalui internet berkuat kuasa mulai 1 Januari 2002.

	• Kemudahan kredit dalaman digunakan hanya untuk memudahkan pengeluaran dengan cek tidak jelas, yang diberi oleh bank berlesen (termasuk bank milik asing) kepada NRCCs, adalah dikecualikan daripada pengiraan jumlah keseluruhan kemudahan kredit tempatan NRCCs. Bank berlesen juga layak untuk membenarkan NRCCs untuk membuat pengeluaran akaun semasa mereka melebihi daripada baki sehingga RM500,000 bagi setiap akaun untuk jangka masa tidak melebihi 2 hari bekerja. • Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan untuk memberi tambahan kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin sehingga jumlah agregat RM5 juta bagi setiap bukan pemastautin untuk membiayai projek yang dilaksanakan di Malaysia. Sebelum ini, kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin hanya dibenarkan sehingga jumlah agregat RM200,000 bagi tujuan selain daripada pembelian tiga harta benda tidak alih atau kenderaan. **Sektor Insurans** • Penanggung insurans boleh menyediakan pekerjaan kepada pegawai dagang dalam bidang-bidang yang telah diperluaskan sebagai tambahan kepada pengunderitan khusus, teknologi maklumat dan aktuari, termasuk bidang-bidang lain yang melibatkan penyelidikan dan pembangunan produk, pengurusan risiko dan pelaburan.
2003	**Sektor Perbankan** • Bank berlesen (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan memberi kemudahan overdraf dalam ringgit tidak melebihi RM500,000 secara agregat kepada pelanggan bukan pemastautin, dengan syarat pemberian kemudahan overdraf ini disandarkan kepada deposit tetap yang disimpan oleh pelanggan bukan pemastautin di bank berlesen di Malaysia. Kemudahan overdraf ini adalah tambahan kepada kemudahan kredit dalam ringgit yang dibenarkan untuk diberi secara bebas oleh institusi perbankan semenjak 21 November 2002. • Had 50% ke atas jumlah keseluruhan kemudahan kredit yang boleh diperolehi oleh syarikat yang dimiliki oleh NRCCs daripada institusi perbankan milik asing di Malaysia telah dimansuhkan pada 1 April 2003. • Had semalaman bagi akaun mata wang asing (FCA) untuk menyimpan penerimaan hasil daripada eksport barangan (penerimaan eksport) bagi Ibu Pejabat Operasi yang Diluluskan (OHQ) telah dinaikkan kepada AS$70 juta. Had maksimum semalaman bagi eksport FCA lain-lain pengeksport pemastatutin juga telah dinaikkan kepada AS$70 juta. • Pemastautin boleh melabur dalam produk pelaburan yang berkaitan dengan derivatif mata wang berdenominasi asing yang ditawarkan oleh bank berlesen (termasuk bank milik asing) di Malaysia. Dana mata wang asing yang digunakan untuk pelaburan yang diperolehi daripada FCA pemastautin akan dikenal pasti dan dikira sebagai sebahagian daripada agregat baki semalaman FCA pemastautin. • Membenarkan tiga lesen baru perbankan Islam kepada peserta asing yang layak. **Sektor Insurans** • Berkuat kuasa 17 April 2003, penanggung insurans milik asing dengan pemegang saham asing tidak melebili 51% dibenarkan untuk membuka tidak lebih daripada dua pejabat cawangan dalam tempoh satu tahun.
2004	**Sektor Perbankan** • Bagi meningkatkan keupayaan pengurusan aliran tunai bagi menyokong perkembangan nilai berangkai di Malaysia, bank berlesen (termasuk bank milik asing) boleh mengekalkan nilai yang lebih tinggi bagi dana mata wang asing kepada pemastautin dalam FCA: - Sehingga tahap maksimum AS$100 juta (sebelum ini bernilai AS$70 juta) bagi penerimaan eksport.

- Sebarang nilai bagi penerimaan bukan eksport bagi pemastautin dengan pinjaman domestik (sebelum ini memerlukan kebenaran).
- Sehingga AS$150,000 bagi tujuan pendidikan/pekerjaan (sebelum ini sebanyak AS$100,000).

- Bank Berlesen Luar Pesisir di Labuan dibenarkan untuk mengekalkan FCA bagi pemastautin:
  - Sehingga AS$0.5 juta bagi penerimaan bukan eksport bagi pemastautin tanpa pinjaman domestik (sebelum ini memerlukan kebenaran)
  - Sehingga AS$150,000 bagi tujuan pendidikan/pekerjaan (sebelum ini bernilai AS$100,000)
  - Sebarang nilai dana mata wang asing bagi individu pemastautin.
- Bagi memudahkan perolehan ringgit untuk keperluan perniagaan di Malaysia, semua had pinjaman ringgit yang dibenarkan untuk sebarang tujuan oleh institusi perbankan kepada bukan pemastautin (tidak termasuk syarikat broker saham, bank kustodian dan koresponden) telah digabungkan kepada satu had agregat tunggal bernilai RM10 juta.
- Pemberian pinjaman harta benda dalam ringgit oleh pemastautin, termasuk bank berlesen, kepada bukan pemastautin pada masa ini termasuk pembelian tanah (sebelum ini tidak dibenarkan).
- Bank berlesen dibenarkan untuk melanjutkan kemudahan overdraf agregat semalaman sebanyak RM200 juta (dinaikkan daripada RM10 juta) kepada syarikat broker saham atau bank kustodian bukan pemastautin untuk memudahkan penyelesaian pembelian saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.
- Individu pemastautin yang bekerja atau tinggal di luar negara dan mempunyai sumber dana mata wang asing dibenarkan melabur dalam sebarang aset mata wang asing, termasuk yang ditawarkan oleh bank berlesen, bank saudagar berlesen yang diluluskan dan Bank Berlesen Luar Pesisir di Labuan.
- Bank Pembangunan Multilateral dan syarikat multinasional asing yang menerbitkan bon berdenominasi ringgit di Malaysia boleh memasuki kontrak pertukaran asing ke hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk melindung nilai risiko mata wang berikutan penerbitan bon berdenominasi ringgit. Pelabur bukan pemastautin yang memohon isu-isu tersebut juga boleh melindung nilai risiko mata wang asing.

PENYELIAAN SISTEM PERBANKAN

Aktiviti penyeliaan sepanjang tahun 2004 terus dilaksanakan ke arah menggalakkan sistem kewangan yang utuh dan kukuh sebagai sebahagian daripada pemeliharaan kestabilan kewangan. Matlamat ini dicapai menerusi pengagihan sumber penyeliaan kepada pemeriksaan di premis ke atas bidang yang berisiko tinggi, pemantauan berterusan ke atas institusi perbankan, pengambilan langkah-langkah pencegahan awal dan penguatkuasaan dasar pengawalan berhemat. Pada beberapa tahun kebelakangan ini, tanggungjawab penyelia perbankan juga telah bertambah di mana beberapa institusi kewangan pembangunan dan operator sistem pembayaran telah diletakkan bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Bank Negara Malaysia juga terlibat dalam memberi bantuan teknikal kepada agensi-agensi penyeliaan tempatan yang lain serta badan-badan antarabangsa.

Aktiviti-aktiviti penyeliaan tersebut, yang merangkumi pemeriksaan di premis dan pengawasan luar premis adalah berlandaskan rangka kerja penyeliaan terlaras risiko yang rapi dan pemantauan yang berterusan terhadap kedudukan kewangan dan kekukuhan operasi institusi perbankan. Rangka kerja ini memberikan pendekatan yang tersusun dan memandang ke hadapan dalam menilai profil dan sistem pengurusan risiko institusi perbankan. Dengan methodologi yang memandang ke hadapan ini, sumber penyeliaan dapat diagihkan secara optimum dalam menyelia institusi, dengan memberi fokus pada bidang yang berisiko.

Kedudukan kewangan dan operasi institusi perbankan dinilai dengan ukuran rangka kerja 'CAMELS'. Setiap institusi perbankan diberikan penarafan komposit, bermula daripada taraf kukuh (penarafan tertinggi) sehingga taraf sangat tidak memuaskan (penarafan

terendah). Penarafan ini disokong oleh enam komponen di bawah rangka kerja 'CAMELS', iaitu kecukupan modal, kualiti aset, keupayaan pengurusan, prestasi perolehan, kedudukan kecairan dan sensitiviti terhadap risiko pasaran. Penarafan ini merangkumi aspek kuantitatif dan kualitatif kedudukan kewangan dan operasi institusi perbankan dan secara tidak langsung turut meliputi kecukupan sistem pengurusan risiko institusi perbankan dan amalannya berbanding dengan profil risikonya. Pada tahun 2004, prestasi kewangan dan keupayaan pengurusan risiko kebanyakan institusi perbankan telah meningkat seperti yang dibuktikan melalui peningkatan dalam penarafannya.

Pemeriksaan di premis turut dilengkapkan dengan pengawasan luar premis yang rapi. Pengawasan luar premis institusi perbankan dilakukan melalui penyemakan laporan berkala serta maklumat kewangan yang dihantar oleh institusi perbankan. Mekanisme ini membolehkan pengesanan awal terhadap sebarang kemunculan masalah supaya langkah-langkah pencegahan dan pembetulan segera dapat diambil dengan lebih awal. Sistem pengawasan penipuan juga telah diwujudkan untuk memantau kes-kes penipuan dalam sistem perbankan. Ini membolehkan modus operandi baru penipuan dapat di kenal pasti dan di sebarkan kepada institusi perbankan bagi mengelakkan kejadian yang sama serta kerugian dalam sistem perbankan. Setiap institusi perbankan juga tertakluk kepada pemantauan berterusan terhadap ketahanan institusi masing-masing akibat daripada kejutan ekonomi dalam kedudukan tertekan. Sehubungan ini, institusi perbankan diwajibkan menghantar keputusan penilaian sendiri bagi ujian tekanan pada setiap suku tahun kepada Bank Negara Malaysia. Ujian tekanan tersebut merangkumi parameter minimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, namun kelonggaran diberikan kepada institusi perbankan untuk menggunakan andaian sendiri bagi parameter tertentu.

Sebagai sebahagian daripada aktiviti penyeliaan dan sejajar dengan penumpuan perhatian terhadap amalan urus tadbir korporat, Bank Negara Malaysia turut menilai prestasi pengarah dan pelbagai jawatankuasa lembaga pengarah yang ditubuhkan oleh institusi perbankan. Dalam hal ini, lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan didapati lebih responsif terhadap isu-isu pengurusan risiko dan ini memberi kesan yang bermakna dalam pembentukan budaya berlandaskan risiko yang kukuh dalam industri perbankan. Penglibatan pengarah dan pengurusan kanan institusi perbankan juga telah meningkat, terutama di kalangan pengarah bebas, yang mana mereka lebih peka kepada tanggungjawab dan aktif dalam memberi panduan kepada institusi. Kemampuan mereka menyumbangkan pandangan alternatif dan menentu hala tuju institusi perbankan berkaitan tahap pendedahan risiko dan kesesuaian strategi merupakan petanda baik kepada industri perbankan. Dalam pada itu, Bank Negara Malaysia terus menekankan pentingnya membentuk budaya urus tadbir korporat yang kukuh dalam semua aspek operasi institusi perbankan. Sejajar dengan matlamat Plan Induk Sektor Kewangan, peranan dan fungsi ahli lembaga pengarah sama ada secara individu atau kolektif dalam meningkatkan keupayaan organisasi, kebolehan dan daya saing akan dinilai secara berterusan.

Matlamat penyeliaan dicapai menerusi pengagihan sumber kepada bidang yang berisiko tinggi, pemantauan berterusan ke atas institusi perbankan, pengambilan langkah-langkah pencegahan awal dan penguatkuasaan dasar pengawalan berhemat.

Penekanan ke atas pengurusan risiko institusi perbankan sejak kebelakangan ini telah menjana pembangunan sektor perbankan yang lebih dinamik dan bertenaga. Dengan kemampuan pengurusan risiko yang baik, institusi perbankan berupaya untuk menawarkan produk dan perkhidmatan baru yang lebih kompleks dan bernilai tambah bagi segmen pasaran yang lebih meluas dan seterusnya menambahkan kemampuan untuk meningkatkan produktiviti. Pertumbuhan penggunaan instrumen kewangan yang kompleks dan eksotik sebagai alat pengurusan risiko atau alat pertumbuhan keuntungan memerlukan perhatian penyeliaan yang lebih besar terhadap pengurusan risiko, terutamanya dalam mengenal pasti dan mengukur risiko. Sejumlah besar institusi perbankan telah melabur dalam sistem pengurusan risiko dan dagangan yang sofistikated termasuk mengukuhkan *'middle-office'* dan fungsi pematuhan. Pada masa yang sama, kebolehan penyelia dalam menilai model institusi perbankan telah ditingkatkan, di mana penyelia mengesahkan model risiko pasaran institusi perbankan bagi memastikan amalan yang diguna pakai seiring

dengan amalan terbaik. Berkuat kuasa September 2004, institusi perbankan telah dikehendaki melaksanakan, bagi tempoh percubaan, Rangka Kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran (MRCF). Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan MRCF pada tarikh pematuhan sepenuhnya bermula suku kedua tahun 2005, Bank Negara Malaysia juga menilai penyata polisi buku dagangan institusi perbankan dan laporan bulanan MRCF.

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk memastikan sistem perbankan tidak digunakan sebagai saluran aktiviti pengubahan wang haram, sumber penyeliaan juga disalurkan ke arah menilai kecukupan langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan pengganas yang diamalkan oleh institusi perbankan. Sejak beberapa tahun ini, tahap kesedaran di kalangan institusi perbankan telah meningkat mengenai pentingnya mewujudkan rangka kerja institusi yang kukuh bagi membasmi pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas. Secara kolektif, Bank Negara Malaysia bersama institusi perbankan telah memperkenalkan langkah-langkah untuk menghalang dan mengesan aktiviti pengubahan wang haram yang tidak diingini, yang boleh menjejaskan integriti sistem perbankan keseluruhannya.

Sejajar dengan piawaian Prinsip Utama Jawatankuasa Basel bagi penyeliaan perbankan yang berkesan, pusingan normal pemeriksaan di premis setiap institusi perbankan termasuk bank-bank Islam dan institusi pembangunan kewangan adalah sekali dalam tempoh 18 bulan. Walau bagaimanapun, pemeriksaan yang lebih kerap dijalankan terhadap institusi yang memerlukan penyeliaan rapi. Ianya merangkumi pemeriksaan ke atas cawangan dalam dan luar negara, syarikat induk dan syarikat yang berkaitan dengan institusi perbankan. Pemeriksaan ke atas syarikat induk dan syarikat yang berkaitan dengan institusi perbankan adalah perlu dalam proses penyeliaan bersepadu yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia. Pemeriksaan ini membolehkan penyelia perbankan menilai kemampuan syarikat induk yang bertindak sebagai sumber sokongan kewangan kepada institusi perbankan dalam kumpulan perbankan tersebut. Ia juga perlu bagi menilai aktiviti berisiko dalam kumpulan perbankan yang boleh mendatangkan risiko 'contagion' kepada institusi perbankan. Perancangan dan pemantauan prestasi pemeriksaan di premis oleh Bank Negara Malaysia telah diperakui di bawah MS ISO 9001:2000 Sistem Pengurusan Kualiti.

Selaras dengan kepentingan peranan lembaga pengarah dalam tadbir urus korporat sesebuah institusi perbankan, penyelia perbankan mengadakan interaksi yang lebih kerap dengan ahli lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan institusi. Ini membantu penyelia perbankan memperoleh maklumat terkini tentang isu-isu yang dihadapi oleh institusi perbankan, strategi perniagaan, profil risiko dan keupayaan pengurusan risiko, dan pada masa yang sama, memaklumkan kepada pihak pengurusan kanan institusi perbankan tersebut tentang kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti. Komunikasi dua hala dengan pihak pengurusan kanan institusi sangat berguna kepada penyelia perbankan dalam memperoleh kefahaman yang mendalam tentang institusi perbankan tersebut serta mengenal pasti risiko yang timbul dengan lebih efisien dan efektif bagi memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera.

Isu-isu penyeliaan hasil daripada pemeriksaan di premis yang telah dijalankan serta saranan-saranan tindakan pembetulan akan dimaklumkan kepada lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan institusi perbankan. Institusi perbankan dikehendaki memberi maklum balas terhadap saranan-saranan yang diberikan dan status terkini pelaksanaannya. Dalam kes di mana isu-isu penyeliaan dianggap penting dan memerlukan tindakan pembetulan segera, institusi-institusi perbankan adalah tertakluk kepada Rangka Kerja Tindakan Penguatkuasaan Tak Formal (IEAF). Dengan pelaksanaan IEAF sejak September 2002, isu-isu penyeliaan yang penting dipantau dengan rapi oleh penyelia perbankan dan komitmen yang lebih tinggi daripada lembaga pengarah dan pihak pengurusan kanan diperolehi terhadap resolusi mereka dengan cepat serta bersistematik.

Pada beberapa tahun kebelakangan ini, pembangunan teknologi dalam persekitaran perbankan begitu pesat dan pelbagai, mengakibatkan institusi perbankan perlu lebih efektif dalam mengurus risiko sistem maklumat bagi mempertingkatkan keselamatan dan kemantapan persekitaran sistem maklumat institusi-institusi tersebut. Bank Negara Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan tadbir urus sistem maklumat secara keseluruhannya serta menggalakkan amalan-amalan terbaik dalam pengurusan sistem maklumat. Ini termasuk pemeriksaan di premis, pengawasan luar premis, penerbitan garis panduan berkenaan pengurusan sistem maklumat dan

mempertingkatkan piawaian penyeliaan sistem maklumat dengan menanda aras kepada piawaian audit sistem maklumat lain yang telah terbukti keberkesanannya.

Selain pemeriksaan sistem maklumat di premis institusi perbankan, Bank Negara Malaysia juga menjalankan pemeriksaan di premis terhadap operator-operator sistem pembayaran di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003. Proses pemeriksaan ini merangkumi penilaian terhadap keupayaan institusi tersebut dalam mengurus risiko sistem maklumat, di mana berkaitan, risiko sistem pembayaran serta keseluruhan pengurusan operator sistem pembayaran, dan seterusnya merumuskan perkara-perkara yang harus diberi perhatian berkaitan dengan inisiatif sistem maklumat, keselamatan dan kawalan, dan prestasi sistem. Semenjak beberapa tahun ini, rangka kerja pengurusan risiko sistem maklumat keseluruhannya di kebanyakan institusi perbankan telah bertambah baik dengan ketara, berikutan daripada kesedaran yang meningkat dan komitmen yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan institusi.

Bagi penilaian yang lebih baik ke atas persekitaran sistem maklumat dalam sistem perbankan dan memastikan kemantapan operasi sistem maklumat tersebut, Bank Negara Malaysia telah mempertingkatkan kualiti penyeliaan sistem maklumat dengan melaksanakan metodologi baru pemeriksaan di premis iaitu, PRISM (Information Systems Risk Assesement). Metodologi ini memberi penilaian yang lebih seimbang ke atas persekitaran sistem maklumat institusi perbankan dengan menghubungkan amalan-amalan sistem maklumat dan risiko kepada keperluan perniagaan dan proses-proses yang berkaitan. Bank Negara Malaysia juga sedang membangunkan sebuah sistem untuk memperbaiki fungsi pengawasan luar premis dengan melaksanakan sebuah pangkalan data maklumat berkenaan dengan perkembangan dan penggunaan teknologi oleh institusi-institusi perbankan. Sistem tersebut akan dapat memberikan mekanisme amaran awal mengenai kemungkinan risiko sistemik serta sebagai penanda aras ke atas proses-proses teras bagi keseluruhan industri perbankan dan seterusnya mempromosikan amalan terbaik bagi pengurusan risiko sistem maklumat.

Salah satu bidang yang turut diberi keutamaan penyeliaan ialah penggunaan khidmat luaran oleh institusi-institusi perbankan. Ini disebabkan oleh aliran yang meningkat dalam penggunaan khidmat luaran bagi sebahagian proses "back-office" institusi perbankan, seperti pemprosesan pembayaran, pusat panggilan dan perkhidmatan infrastruktur sistem maklumat kepada pihak ketiga. Bank Negara Malaysia mengkaji semula persetujuan penggunaa khidmat luaran di antara institusi-institusi perbankan dengan pihak ketiga yang juga tertakluk kepada pemeriksaan oleh penyelia perbankan untuk memastikan semua aspek pengunaan khidmat luaran diurus secara efektif. Yang paling utama, kepentingan pelanggan-pelanggan institusi perbankan mesti dilindungi selain dari mendapat faedah daripada perkhidmatan yang lebih efisien yang disediakan oleh institusi perbankan.

Untuk kekal efektif dalam pasaran kewangan kini yang pesat berkembang, penyelia bank perlu membina kemahiran dengan pantas untuk memberi nilai tambah terhadap institusi-institusi perbankan yang dikawal selia. Untuk tujuan ini, beberapa kumpulan khusus telah diwujudkan untuk memberi fokus kepada bidang-bidang penting dalam pelaksanaan fungsi penyeliaan perbankan. Dalam memenuhi tanggung jawab penyeliaan, khususnya di bawah 'Pillar 2', ' New Basel Capital Accord', pelbagai inisiatif bina upaya telah diambil bagi melengkapkan penyelia perbankan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Selain penimbaan ilmu, proses-proses penyeliaan telah dikaji semula dan diperbaiki untuk membantu penilaian ke atas proses dan pengurusan modal bank.

Globalisasi dan pasaran bebas di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan akan mengakibatkan kemunculan institusi-institusi perbankan yang baru dan lebih siknifikan dalam industri. Pembentukan entiti perbankan yang lebih besar hasil daripada penggabungan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan di bawah satu kumpulan perbankan, kemunculan bank-bank Islam baru, operasi yang lebih kompleks hasil daripada kehadiran serantau dan penjualan bersilang antara entiti-entiti dalam satu kumpulan perbankan yang sama dan penggunaan khidmat luaran operasi oleh institusi perbankan, memerlukan Bank Negara Malaysia secara berterusan menetapkan tanda aras baru bagi pendekatan dan aktiviti-aktiviti penyeliaan. Usaha-usaha akan terus diambil untuk memastikan penyelia perbankan dilengkapi dengan kemahiran dan keupayaan untuk menangani cabaran-cabaran ini dan membantu industri dalam memenuhi kehendak pelanggan yang semakin canggih.

Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) di Malaysia

Tinjauan

Malaysia meneruskan usahanya untuk membangunkan dan meningkatkan usaha AML/CFT kebangsaan dengan memperkukuh rangka kerja perundangannya, serta mempertingkatkan kerjasama dalam negeri dan antarabangsa, di samping meningkatkan kapasiti kakitangan penguat kuasa undang-undang dalam bidang-bidang yang penting ini. Sebagai agensi peneraju dalam Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (JPK) yang menyelaras pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA) dan langkah-langkah AML/CFT, Bank Negara Malaysia komited untuk memastikan sistem kewangan di Malaysia adalah kukuh, teguh dan bebas daripada penyalahgunaan.

Sepanjang tahun ini, Bank Negara Malaysia telah memperluas jaringan pengawalseliaan AMLA untuk merangkumi institusi pelapor yang baru dan mengguna pakai obligasi pelaporan di bawah Bahagian IV AMLA kepada institusi pelapor yang sedia ada. Yang lebih penting, taklimat, latihan dan program kesedaran AML/CFT telah dijalankan di seluruh negara secara meluas kepada kakitangan penguat kuasa, pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkenaan dalam sektor awam serta pelbagai kategori institusi pelapor baru dalam sektor swasta.

Mempertingkatkan Peranan JPK

JPK meneruskan usahanya untuk memastikan bahawa usaha AML/CFT kebangsaan sentiasa dikemas kini dan relevan terhadap ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang kian berkembang. Kerjasama di dalam negeri terus diperkukuh dengan mesyuarat tetap di kalangan ahli-ahli JPK diadakan sepanjang tahun 2004. Mesyuarat ini bertujuan, antara lainnya, untuk membentuk dasar mengenai AML/CFT dan menyelaraskan pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT yang berkesan berpandukan piawaian yang diterima pakai di peringkat antarabangsa seperti yang terkandung dalam Empat Puluh Cadangan Pengubahan Wang Haram dan Sembilan Cadangan Khas mengenai Pembiayaan Keganasan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan mengenai Pengubahan Wang Haram (FATF) . Sebagai sebuah badan antara kerajaan yang ditubuhkan melalui Sidang Kemuncak G-7 di Paris pada tahun 1989, FATF membangunkan dan menggalakkan dasar untuk membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Sepanjang tahun ini, JPK terus memastikan pembangunan usaha AML/CFT kebangsaan adalah konsisten dengan Cadangan-cadangan FATF.

Peranan JPK dalam usaha AML/CFT kebangsaan terus bertambah mantap apabila komposisinya berubah. JPK kini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang mewakili pelbagai agensi penguatkuasaan. Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Cakera Optik 2000 dan Akta Hak Cipta 1987, merupakan ahli terbaru di dalam JPK. Pada tahun ini, Agensi Dadah Kebangsaan tidak lagi menganggotai JPK kerana hal-hal yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia, yang merupakan ahli pengasas JPK.

Mempertingkatkan Rangka Kerja Perundangan AML/CFT

Malaysia bertindak meminda lima jenis akta iaitu AMLA, Kanun Keseksaan, Akta Mahkamah Rendah 1948, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Kanun Tatacara Jenayah bagi membolehkan Malaysia menyertai dua konvensyen antarabangsa mengenai keganasan seperti yang berikut:

- Konvensyen Antarabangsa untuk Menyekat Pembiayaan Keganasan yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 9 Disember 1999 dan mematuhi Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai langkah-langkah pencegahan keganasan, terutamanya Resolusi 1373 (2001) Majlis Keselamatan pada 28 September 2001; dan
- Konvensyen Antarabangsa yang menentang Pengambilan Orang sebagai Tebusan yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 dan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 telah diwartakan sebagai undang-undang pada 25 Disember 2003. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003, antara lain, meluaskan penggunaan Kanun Keseksaan bagi merangkumi kesalahan luar kawasan di bawah Bahagian VIA yang baru. Ini bertujuan untuk menyekat pembiayaan kegiatan pengganas dan menambah perkara-perkara tambahan untuk memperoleh bantuan daripada pihak berkuasa luar bagi jenayah luar kawasan. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004 dan Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004 telah diwartakan sebagai undang-undang pada 23 Disember 2004. Pindaan ini yang antara lain telah meluaskan bidang kuasa Mahkamah Tinggi berhubung jenayah luar kawasan meliputi kesalahan di bawah Bahagian VIA baru Kanun Keseksaan. Pindaan lanjutan ke atas Kanun Tatacara Jenayah mengenai kuasa polis bagi kesalahan yang berhubung dengan keganasan akan dibentangkan di Parlimen selepas dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat.

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003, antara lain, telah meluaskan skop melapor transaksi yang mencurigakan meliputi pelaporan mengenai kegiatan pembiayaan keganasan yang disyaki kepada Bank Negara Malaysia. Undang-undang baru ini juga meluaskan mekanisme AMLA bagi mengesan, membeku, menyita, melucuthakkan dan merampas harta benda untuk meliputi harta benda yang digunakan untuk membiayai kegiatan keganasan. Bahagian VIA AMLA yang baru memberi kuasa kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk menganggap mana-mana entiti sebagai pengganas. Harta benda entiti berkenaan kemudiannya boleh dirampas dan dilucuthakkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Jaringan Pengawalseliaan AMLA

Perluasan kepada Institusi Pelapor Baru

AMLA mewajibkan sesebuah institusi pelapor untuk membuat laporan kepada Bank Negara Malaysia mana-mana transaksi yang membabitkan identiti individu berkenaan, transaksi itu sendiri, atau mana-mana keadaan lain yang melibatkan transaksi tersebut yang boleh menyebabkan institusi pelapor untuk mengesyaki bahawa transaksi tersebut terlibat dengan hasil-hasil kegiatan yang menyalahi undang-undang. Keperluan perundangan untuk melapor transaksi yang mencurigakan telah diguna pakai oleh entiti kewangan konvensional, Islam dan luar pesisir secara berperingkat semenjak penguatkuasaan AMLA pada 15 Januari 2002. Sepanjang tahun 2004, jaringan pengawalseliaan AMLA telah diperluas untuk merangkumi broker saham dan broker pasaran hadapan berkuat kuasa 31 Mac 2004, dan peguam, akauntan dan setiausaha syarikat berkuat kuasa 30 September 2004. Peguam dan akauntan dikehendaki untuk membuat laporan kepada Bank Negara Malaysia mengenai mana-mana transaksi yang dikenal pasti sebagai mencurigakan semasa menjalankan aktiviti perniagaan berikut bagi klien mereka:

(i) membeli dan menjual harta tak alih;
(ii) menguruskan wang klien, sekuriti atau harta lain;
(iii) menguruskan akaun termasuk akaun simpanan dan sekuriti;
(iv) mengelola sumbangan bagi penubuhan, pengendalian atau pengurusan syarikat-syarikat; atau
(v) mewujudkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau perkiraan, dan membeli dan menjual entiti perniagaan.

Setiausaha syarikat pula dikehendaki untuk melaporkan kepada Bank Negara Malaysia mana-mana transaksi yang dikenal pasti sebagai mencurigakan semasa menjalankan aktiviti perniagaan berikut bagi klien mereka:

(i) bertindak sebagai ejen yang menubuhkan entiti undang-undang;
(ii) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pengarah atau setiausaha sesuatu syarikat, seorang pekongsi sesuatu perkongsian, atau suatu kedudukan yang seumpamanya berhubung dengan entiti undang-undang yang lain;
(iii) mengadakan suatu pejabat berdaftar, alamat perniagaan atau penginapan, alamat surat-menyurat atau pentadbiran bagi sesuatu syarikat, perkongsian atau apa-apa entiti undang-undang atau perkiraan lain;

(iv) bertindak sebagai (atau mengatur bagi pihak orang lain untuk bertindak sebagai) pemegang amanah sesuatu amanah nyata; atau
(v) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) pemegang syer nomini bagi seorang yang lain.

Perluasan jaringan pengawalseliaan AMLA untuk meliputi peguam, akauntan dan setiausaha syarikat merupakan pencapaian penting dalam usaha AML/CFT kebangsaan. Skim pengubahan wang haram telah menjadi semakin kompleks seiring dengan usaha negara-negara untuk melaksanakan langkah-langkah AML/CFT yang menyeluruh dalam sektor kewangan bagi mengesan dan menghalang pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan jenayah transnasional yang lain. Ini telah memaksa penjenayah menggunakan khidmat para profesional berkenaan untuk membantu mereka menembusi sistem kewangan. Penggunaan obligasi pelaporan AMLA ke atas para profesional tersebut pada tahun 2004 adalah tepat pada masanya dan akan dapat menghalang penjenayah daripada memasuki sistem kewangan secara tidak langsung melalui para "gatekeepers" yang profesional ini yang boleh merangka transaksi kewangan yang rumit dengan tujuan untuk menyembunyikan hasil pendapatan haram.

Meningkatkan Obligasi Pelaporan

Obligasi pelaporan AMLA diguna pakai secara berperingkat-peringkat ke atas institusi pelapor bagi memberikan masa yang secukupnya kepada mereka untuk melaksanakan obligasi pelaporan di bawah AMLA. Keperluan perundangan bagi melapor transaksi yang mencurigakan kepada Bank Negara Malaysia pada mulanya telah diguna pakai ke atas Lembaga Tabung Haji, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional mulai 15 Januari 2003. Bagi memudahkan pelaporan sedemikian kepada Bank Negara Malaysia, sebarang obligasi seperti kerahsiaan atau mana-mana sekatan ke atas penzahiran maklumat yang dikenakan oleh undang-undang bertulis atau tidak bertulis ke atas institusi berkenaan telah dapat diatasi dan pegawai yang melaporkan transaksi-transaksi yang mencurigakan dengan suci hati kepada Bank Negara Malaysia diberikan perlindungan daripada tindakan sivil, jenayah dan disiplin. Pada tahun 2004, obligasi pelaporan yang selebihnya, yang bersesuaian di bawah Bahagian IV AMLA, telah diguna pakai ke atas Lembaga Tabung Haji, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional berkuat kuasa mulai 31 Mac 2004. Obligasi pelaporan ini termasuk penyimpanan rekod bagi tempoh enam tahun, mengendalikan pengenalan pelanggan, serta mewujudkan program pelaporan dalaman dan program pematuhan yang dirangka untuk mencegah institusi berkenaan daripada disalahgunakan oleh penjenayah.

Penambahan Kesalahan-kesalahan Predikat

Pada tahun 2004, bilangan kesalahan predikat pengubahan wang haram dalam Jadual Kedua AMLA telah ditambah daripada 150 kepada 168 jenayah berat daripada 24 jenis perundangan. Penambahan bilangan kesalahan predikat pengubahan wang haram yang baru ke dalam AMLA akan membolehkan Bank Negara Malaysia mengesan jejak kewangan yang terhasil daripada kesalahan-kesalahan ini dan berkongsi maklumat perisikan kewangan dengan agensi penguatkuasaan yang berkenaan.

Mempertingkatkan Pematuhan AML/CFT

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia telah melancarkan Buku Panduan Pematuhan AML/CFT yang komprehensif sebagai bahan rujukan bagi membantu institusi pelapor dalam menjalankan obligasi mereka di bawah AMLA. Buku Panduan ini mengandungi pelbagai dokumen dan bahan bacaan mengenai inisiatif-inisiatif AML/CFT kebangsaan berkaitan dengan industri-industri tertentu, termasuk garis panduan pengawalseliaan dan pematuhan yang mengikut industri, piawaian antarabangsa dan cadangan-cadangan serta surat pekeliling dan piawaian pematuhan teras. Salinan Buku Panduan dalam bentuk CD-ROM telah diedarkan kepada institusi-institusi pelapor konvensional, Islam dan luar pesisir serta pelbagai persatuan yang berkaitan. Institusi pelapor boleh merujuk kepada Buku Panduan berkenaan untuk membantu dalam merangka, antara lain, mekanisme pelaporan transaksi yang mencurigakan, penyimpanan rekod, pengenalan pelanggan, pematuhan dan latihan secara berterusan kepada kakitangan.

Kerjasama Dalam Negeri

Program Kesedaran

Program kesedaran mengenai AML/CFT telah diadakan di seluruh negara melalui beberapa siri taklimat kepada pelbagai kategori institusi pelapor yang baru serta pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan. Objektif sesi taklimat tersebut adalah untuk menjelaskan kepada institusi pelapor mengenai obligasi dan tanggungjawab mereka di bawah AMLA serta membantu mereka menjalin hubungan kerja dengan Unit Perisikan Kewangan (UPW) di Bank Negara Malaysia. Selain taklimat tersebut, Bank Negara Malaysia juga menganjurkan kursus latihan dan bengkel untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan penguat kuasa undang-undang yang terlibat dalam usaha membanteras pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Sesi latihan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2004 adalah seperti yang berikut:

- Taklimat mengenai langkah-langkah AML/CFT kepada ahli Majlis Peguam Malaysia pada bulan Januari 2004;
- Taklimat mengenai penggunaan AMLA dan obligasi pelaporan kepada pengantara pasaran modal pada bulan Mac 2004;
- Taklimat mengenai AMLA kepada Ketua dan Pegawai Kanan Jabatan Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada bulan April 2004;
- Seminar mengenai langkah-langkah AML/CFT kepada Persatuan Undang-Undang Sabah pada bulan Mei 2004;
- Taklimat mengenai penggunaan AMLA dan obligasi pelaporan yang dikendalikan di 18 buah lokasi untuk peguam, akauntan dan setiausaha syarikat dari Julai – September 2004; dan
- Taklimat mengenai AMLA kepada pegawai-pegawai kanan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 5 November 2004 berkenaan penggunaan obligasi pelaporan AMLA ke atas setiausaha syarikat.

Pembanterasan jenayah pengubahan wang haram serta pembiayaan keganasan adalah penting bagi menjamin integriti sistem kewangan negara. Sesi latihan merupakan landasan yang berkesan bagi meningkatkan kesedaran dan pertukaran idea berhubung kaedah terbaik dan pelaksanaan yang paling praktikal bagi program AML/CFT. Sesi-sesi latihan tersebut telah dapat meningkatkan tahap pematuhan institusi pelapor kepada piawaian antarabangsa. Dengan peningkatan ini, usaha AML/CFT kebangsaan kini disokong dengan lebih baik melalui sumbangan institusi pelapor kewangan dan bukan kewangan yang mempunyai maklumat yang kritikal mengenai transaksi yang mungkin menyembunyikan kegiatan jenayah.

Panduan Penyiasatan AMLA

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mendokumentasikan proses penyiasatan AMLA, satu Kumpulan Kerja mengenai Panduan Penyiasatan AMLA yang ahli-ahlinya mewakili agensi-agensi tertentu dalam JPK, telah mendrafkan satu set tugasan untuk membantu para penyiasat menjalankan penyiasatan ke atas kesalahan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di bawah AMLA. Kejayaan merumuskan Panduan Penyiasatan AMLA merupakan hasil usaha dan kerjasama kakitangan penguatkuasaan undang-undang tempatan yang berpengalaman. Kakitangan penguatkuasaan ini sudi berkongsi pengetahuan dan kemahiran mereka dalam mengendalikan penyiasatan jenayah kewangan. Selepas JPK menerima pakai Panduan Penyiasatan AMLA pada tahun hadapan, panduan ini akan diedar kepada agensi-agensi penguat kuasa yang berkaitan bagi memudahkan penyiasatan terhadap mana-mana pelanggaran peruntukan di bawah AMLA.

Jawatankuasa Kecil mengenai Perkongsian Maklumat

Pada tahun ini, JPK telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil mengenai Perkongsian Maklumat bagi mempertingkatkan lagi mutu analisis dan perkongsian maklumat yang dikumpul melalui laporan transaksi yang mencurigakan (STR) dan supaya maklumat perisikan kewangan dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Jawatankuasa Kecil ini menyediakan mekanisme formal dengan perisikan yang dihasilkan oleh Bank Negara Malaysia berdasarkan maklumat yang diterima daripada STR boleh membantu memulakan penyiasatan terhadap kesalahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan jenayah-jenayah berat lain yang disyaki.

Kerjasama Antarabangsa

Sebagai ahli Kumpulan Asia/Pasifik (APG) mengenai Kumpulan Pemberi dan Penerima Bantuan Teknikal Pengubahan Wang Haram, Bank Negara Malaysia telah menyediakan bantuan teknikal kepada National Bank of Cambodia dalam merangka Garis Panduan AML/CFT yang bersesuaian untuk institusi perbankan di Kemboja. Bank Negara Malaysia juga akan terus mengambil bahagian dalam latihan-latihan penilaian bersama AML/CFT yang dijalankan oleh pelbagai pihak berkuasa, yang juga merupakan ahli-ahli APG. Usaha-usaha kerjasama juga dipertingkatkan dengan menandatangani Memorandum Persefahaman untuk perkongsian maklumat kewangan dengan pelbagai pihak berkuasa yang lain.

Pembinaan Kapasiti

Inisiatif-inisiatif Latihan

Pembinaan kapasiti terus menjadi fokus Bank Negara Malaysia dengan penekanan diberikan terhadap teknik penyiasatan kewangan bagi tujuan meningkatkan kepakaran kakitangan penguat kuasa undang-undang. Pakar-pakar daripada agensi penguatkuasaan undang-undang dari luar dan dalam negeri telah berkongsi pengetahuan dan kepakaran mereka dalam pelbagai bengkel latihan sepanjang tahun ini. Agensi-agensi yang terlibat termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara Malaysia, Perkhidmatan Perisikan Jenayah Kebangsaan dan Unit Penyiasatan Kewangan Pengganas Kebangsaan di United Kingdom, Bahagian Penguatkuasaan Imigresen dan Kastam Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat, dan Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah. Pada tahun ini, Bank Negara Malaysia telah menganjurkan dan mengambil bahagian dalam latihan-latihan berikut:

(i) Seminar Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan, Kuala Lumpur, Mac 2004;
(ii) Bengkel Penguatkuasaan AMLA, Kuala Lumpur, September 2004;
(iii) Bengkel Pengenalan Forensik Komputer, Kuala Lumpur, November 2004; dan
(iv) Bengkel Analisis Nilai Bersih AMLA, Kuala Lumpur, November-Disember 2004.

Inisiatif-inisiatif Pemboleh Dalaman

Fasa I Sistem Perisikan Kewangan (FINS)

Sebagai pihak berkuasa yang berwibawa di bawah AMLA, Bank Negara Malaysia terus menerima STR yang telah meningkat dari segi kualiti dan kuantiti pada tahun ini. Bagi tujuan memudahkan pelaporan transaksi yang mencurigakan dibuat oleh institusi-institusi kewangan, Bank Negara Malaysia telah membangunkan FINS bagi membantu institusi kewangan menghantar STR secara dalam talian. FINS mula beroperasi pada bulan Mei 2004 dan ini membolehkan institusi kewangan menghantar STR dengan pantas menerusi laman web yang mempunyai ciri keselamatan yang tinggi. Ini boleh dilakukan dengan mudah dari ruang tempat bekerja pegawai pematuhan yang terlibat. Alat analisis yang asas dalam FINS menganalisis STR yang diterima secara automatik dan ini membolehkan penganalisis kewangan Bank Negara Malaysia mempercepat proses pengenalpastian dan mengkaji hubungan kewangan antara transaksi-transaksi yang mencurigakan.

Penambahan Bilangan Kakitangan dalam Unit Perisikan Kewangan (UPW)

Seiring dengan perluasan jaringan pengawalseliaan AMLA dan tanggungjawab tambahan bagi mengesan pembiayaan keganasan, Bank Negara Malaysia telah meningkatkan jumlah kakitangan UPW daripada 18 kepada 24 orang dengan mewujudkan lebih banyak jawatan pada peringkat tinggi dalam jabatan ini. Sebagai usaha untuk memudahkan pelaksanaan dan penguatkuasaan AMLA dengan berkesan, dua seksyen baru iaitu Seksyen Pematuhan dan Seksyen Sokongan Penyiasatan diwujudkan pada tahun ini. Fungsi utama Seksyen Pematuhan adalah untuk menyelia pematuhan institusi pelapor kewangan dan bukan kewangan terhadap obligasi AMLA. Seksyen Sokongan Penyiasatan pula membantu agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan dari segi maklumat perisikan kewangan bagi penyiasatan yang berkaitan dengan AMLA.

Cabaran Masa Hadapan

Bank Negara Malaysia akan terus memperluas jaringan pengawalseliaan AMLA untuk merangkumi kelas institusi pelapor yang lain seperti syarikat amanah, pengendali nombor-nombor ramalan dan syarikat perjudian yang lain, syarikat pengurusan aset dan dana, syarikat unit amanah, ejen harta tanah, penjual

barang kemas, peniaga logam dan batu permata berharga, serta peniaga barangan antik. Trend dan tipologi pengubahan wang haram serta tahap piawaian AML/CFT antarabangsa akan menentukan masa yang sesuai untuk penggunaan obligasi AMLA ke atas mana-mana entiti bukan kewangan tersebut. Obligasi AMLA juga akan hanya diguna pakai setelah perundingan dan sesi penerangan yang perlu diadakan dengan industri yang berkaitan serta masa yang mencukupi diberikan kepada institusi-institusi pelapor yang berkenaan untuk memahami dan bersedia memenuhi obligasi perundangan di bawah AMLA.

Mekanisme lain yang penting bagi memastikan pelaksanaan AMLA dengan berkesan ialah cadangan penubuhan satu rangka kerja penguatkuasaan AMLA yang tidak formal. Rangka kerja ini perlu diwujudkan bagi melakukan tindakan pengawalseliaan yang pantas terhadap mana-mana institusi pelapor yang gagal mematuhi obligasi pelaporan AMLA. Rangka kerja penguatkuasaan AMLA secara tidak formal ini akan secara sistematik dapat menghitung tindakan pembetulan dan terdahulu ke atas mana-mana institusi pelapor yang menyeleweng sebelum tahap ketidakpematuhannya merosot sehingga menjadi rangkaian yang paling lemah dalam usaha AML/CFT kebangsaan serta disalahgunakan oleh penjenayah untuk membersihkan dana haram mereka.

PRESTASI SISTEM PERBANKAN

Tinjauan

Sistem perbankan kekal berdaya tahan sepanjang tahun 2004, dengan kesemua penunjuk kewangan utama mencatat perkembangan yang kukuh. Berikutan pinjaman tidak berbayar (NPL) yang terus menurun dan tahap keuntungan semakin baik, nisbah modal kekal pada paras yang tinggi sepanjang tahun 2004. Berdasarkan kedudukan ini, sistem perbankan mempunyai rizab yang mencukupi untuk menghadapi sebarang kejutan yang di luar jangkaan. Kedudukan kewangan institusi perbankan yang mantap berserta prestasi kukuh ekonomi yang berterusan, suasana kadar faedah yang rendah dan sentimen sektor isi rumah dan perniagaan yang menggalakkan, merupakan pendorong utama kepada perkembangan kukuh aktiviti pembiayaan. Ringkasan prestasi bagi penunjuk utama sistem perbankan adalah seperti yang berikut:

- Nisbah kecukupan modal yang tinggi sungguhpun terdapat beberapa usaha rasionalisasi modal serta perkembangan kukuh aset berwajaran risiko;
- Keuntungan yang lebih tinggi dengan pulangan ke atas purata aset dan ekuiti yang bertambah baik;
- Margin kadar faedah bersih kekal kecil disebabkan persaingan terus memberi tekanan di pasaran pinjaman;
- NPL terus menurun ke paras terendah sejak krisis kewangan Asia, didorong terutamanya oleh kutipan balik dan pengelasan semula yang berterusan, serta NPL baru yang lebih rendah;
- Aktiviti pemberian pinjaman institusi perbankan kekal memberangsangkan bagi memenuhi permintaan sektor isi rumah dan perusahaan perniagaan yang meningkat; dan
- Pendedahan pada risiko pasaran terus kekal pada paras berhemat.

Keuntungan

Dengan disokong oleh keadaan ekonomi dan pasaran kewangan yang menggalakkan, sistem perbankan mencatat keuntungan awalan sebelum cukai yang belum diaudit sebanyak RM11.8 bilion pada tahun 2004, iaitu 16.1% lebih tinggi daripada tahun lalu. Prestasi ini dicapai hasil daripada kenaikan dalam keuntungan operasi kasar, peningkatan keuntungan bersih daripada dagangan sekuriti dan aktiviti pelaburan serta pendapatan dividen yang lebih tinggi daripada entiti bukan bank. Prestasi kewangan yang kukuh ini menyumbang kepada peningkatan lebih tinggi dalam pulangan ke atas purata aset dan ekuiti, masing-masing sebanyak 1.4% dan 16.6%. Keuntungan sebelum cukai bagi setiap pekerja meningkat kepada RM127,827 pada tahun 2004 daripada RM110,526 pada tahun sebelumnya.

Sistem perbankan mencatat keuntungan operasi kasar sebanyak RM12.6 bilion bagi tahun 2004, iaitu peningkatan 3.3% berbanding dengan tahun 2003. Prestasi yang lebih baik ini didorong terutamanya oleh pendapatan daripada aktiviti berasaskan faedah dan fi yang lebih tinggi, yang telah mengimbangi kenaikan kos kakitangan dan overhed. Mencerminkan persaingan yang sengit dalam pasaran pinjaman, pendapatan daripada aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan mencatat kenaikan kecil sebanyak RM0.3 bilion atau 1.1%. Peningkatan dalam pendapatan bersih daripada aktiviti berasaskan faedah didorong terutamanya oleh kenaikan kukuh dalam pendapatan faedah bersih daripada aktiviti pinjaman antara bank (+RM0.8 bilion atau 96.6%), yang

sejumlah besar disebabkan oleh operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia bagi menyerap lebihan mudah tunai, berserta sekuriti pelaburan (+RM0.6 bilion atau 23.9%). Analisis mengikut jenis institusi menunjukkan pendapatan faedah bersih bank perdagangan meningkat sebanyak 13.8%, manakala bagi syarikat kewangan turun 14.6%. Ini disebabkan sebahagiannya oleh pelarasan teknikal berikutan penggabungan lima syarikat kewangan dengan bank perdagangan. Sementara itu, bank saudagar mencatat penurunan dalam pendapatan faedah bersih sebanyak 3.7% bagi tahun 2004, berikutan tumpuan yang berterusan kepada aktiviti berasaskan fi.

Dengan kadar faedah pinjaman yang rendah akibat persaingan, bank perdagangan terus mempelbagaikan aktiviti, merangkumi aktiviti bukan pinjaman berasaskan fi yang lebih luas bagi memenuhi kehendak pengguna yang lebih mewah. Pendapatan berasaskan fi bank perdagangan dan syarikat kewangan sebagai satu kumpulan meningkat 18.1% kepada RM4 bilion pada tahun 2004. Ini disumbangkan terutamanya oleh pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti perbankan persendirian, termasuk jualan silang produk amanah saham dan bankasurans, serta aktiviti berkaitan pembayaran seperti pengiriman wang. Nisbah pendapatan berasaskan fi kepada pendapatan operasi bank perdagangan dan syarikat kewangan sebagai satu kumpulan adalah 17.2% pada tahun 2004 berbanding dengan 15.6% pada tahun sebelumnya.

Pendapatan berasaskan fi bank saudagar mencatat kenaikan yang kukuh sebanyak 7% kepada RM350 juta, disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti pengurusan portfolio, penempatan saham dan pinjaman bersindiket. Fi daripada aktiviti pengurusan portfolio mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 124.7% kepada RM37.8 juta. Walaupun hanya mencakupi 10.8% daripada jumlah pendapatan berasaskan fi bank saudagar, pertumbuhan yang besar ini mencerminkan peningkatan tahap kesedaran dan penerimaan terhadap produk pengurusan kekayaan bagi menjana pulangan yang lebih baik dalam persekitaran kadar faedah pinjaman yang rendah. Peningkatan pendapatan berasaskan fi yang lain sebanyak 76.3% kepada RM54 juta didorong terutamanya oleh beberapa penempatan saham korporat yang besar pada tahun 2004.

Nisbah kos kepada pendapatan meningkat sedikit kepada 48.8% berikutan kenaikan dalam kos kakitangan dan overhed. Peningkatan dalam perbelanjaan kakitangan mencerminkan tawaran pakej imbuhan yang lebih baik untuk mengekalkan kepakaran akibat persaingan dalam pasaran dan bilangan kakitangan yang lebih ramai. Dengan penekanan yang lebih terhadap aktiviti pemasaran dan promosi, sebanyak 17.2% daripada kos overhed yang dibelanjakan adalah untuk perbelanjaan pemasaran berbanding dengan 14.3% pada tahun 2003.

Walaupun kualiti aset bertambah baik, jumlah peruntukan hutang lapuk dan ragu meningkat sebanyak 5.4% berikutan peruntukan am dan khas yang lebih tinggi. Peruntukan am bertambah sebanyak RM0.4 bilion berikutan peningkatan dalam jumlah pinjaman, dan peruntukan khas meningkat sebanyak RM0.1 bilion kerana sebilangan institusi perbankan mengamalkan dasar peruntukan dan pengelasan pinjaman tidak berbayar yang lebih ketat untuk memperkukuh

Jadual 5.2
Sistem Perbankan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar			
	2003	2004*a*	Perubahan tahunan	
	RM juta			%
Pendapatan faedah selepas ditolak faedah tergantung	38,123	40,612	2,489	6.5
(Faedah tergantung)	*4,793*	*3,812*	*-981*	*-20.5*
Tolak: Perbelanjaan faedah	18,943	20,385	1,442	7.6
Pendapatan faedah bersih	19,180	20,227	1,047	5.5
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,741	4,377	636	17.0
Tolak: Kos kakitangan	5,095	5,683	588	11.5
Kos overhed	5,625	6,316	691	12.3
Keuntungan operasi kasar	12,201	12,605	404	3.3
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu, dan lain-lain	4,155	4,493	338	8.1
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	8,046	8,112	66	0.8
Campur: Pendapatan lain	2,131	3,699	1,568	73.6
Untung sebelum cukai	10,177	11,811	1,634	16.1
antaranya:				
Bank perdagangan	6,728	8,094	1,366	20.3
Syarikat kewangan	2,644	2,739	95	3.6
Bank saudagar	685	866	181	26.4
Bank-bank Islam	120	111	-9	-7.5
Pulangan ke atas aset (%)	1.3	1.4		
Pulangan ke atas ekuiti (%)	15.3	16.6		
Kos ke atas pendapatan[2] (%)	46.8	48.8		

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Hanya mengambil kira kos kakitangan, kos overhed, pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi.
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

kedudukan kewangan mereka. Peruntukan yang lebih tinggi ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan sebanyak RM0.2 bilion dalam kutipan balik.

Margin Kadar Faedah

Margin kadar faedah terus mengecil sepanjang tahun 2004 berikutan persaingan dalam pasaran pinjaman yang terus memberi tekanan ke atas kadar pemberian pinjaman, terutamanya pinjaman kepada sektor isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Akibatnya, margin kadar faedah menurun sebanyak 21 mata asas kepada 0.38 mata peratusan setelah mengambil kira perbelanjaan dan peruntukan hutang lapuk dan ragu bagi tahun 2004.

Margin kadar faedah kasar (perbezaan antara pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah dinyatakan sebagai peratusan daripada jumlah aset berasaskan faedah) bank perdagangan dan syarikat kewangan sebagai satu kumpulan menurun sebanyak 13 mata asas kepada 2.66 mata peratusan disebabkan perbelanjaan faedah yang tinggi. Meskipun kadar pemberian pinjaman pada amnya adalah lebih rendah, pendapatan faedah kekal hampir tidak berubah pada tahap 4.78% disebabkan pertumbuhan dalam jumlah pinjaman. Penurunan kadar pemberian pinjaman yang paling ketara adalah dalam sektor perumahan, dengan kadar pemberian pinjaman purata untuk tahun pertama menurun sehingga 93 mata asas kepada 3.08% setahun pada bulan Disember 2004, dengan penurunan yang lebih kecil bagi baki tempoh hingga tarikh matang. Di samping itu, kadar pemberian pinjaman purata untuk pinjaman perniagaan yang baru juga kekal kompetitif pada paras 5.64% setahun, manakala bagi PKS ialah 6.20% setahun. Dengan mudah tunai kekal berlebihan, kadar deposit kekal pada tahap yang rendah. Walau bagaimanapun, perbelanjaan faedah sebagai peratusan daripada jumlah aset berasaskan faedah meningkat sebanyak 13 mata asas kepada 2.12% kerana peningkatan yang ketara dalam jumlah deposit sistem perbankan sebanyak 13%.

Jadual 5.3
Kadar Pemberian Pinjaman Purata Berwajaran untuk Pinjaman Baru yang Diluluskan Sepanjang Bulan

	Bank perdagangan		Syarikat kewangan	
	Purata bagi Disember (% setahun)			
	2003	2004	2003	2004
Pinjaman perniagaan	5.72	5.64	7.18	8.06
antaranya: PKS	*6.30*	*6.20*	*7.17*	*8.04*
Pinjaman isi rumah[1]	4.32	4.34	6.49	6.32
antaranya:				
Pembelian harta kediaman	*4.01*	*3.08*	*4.09*	*3.13*
Pembelian kereta penumpang	*t.b.*	*6.53*	*6.59*	*6.37*

[1] Tidak termasuk pinjaman kad kredit.
t.b. Tidak berkenaan.

Bank perdagangan dan syarikat kewangan sebagai satu kumpulan turut mengalami perbelanjaan ke atas kakitangan dan overhed yang lebih tinggi, sebahagian besarnya disebabkan oleh pakej saraan yang lebih menarik dan kos pemasaran yang lebih tinggi. Kos kakitangan dan overhed sebagai peratusan daripada jumlah aset berasaskan faedah adalah berjumlah 1.54%. Sementara itu, peruntukan hutang lapuk dan ragu, sebagai peratusan daripada jumlah aset berasaskan faedah, meningkat sedikit pada tahun 2004 kepada 0.74% berbanding 0.67% pada tahun sebelumnya. Ini mencerminkan penggunaan strategi yang lebih berhemat dalam mengendalikan pinjaman tidak berbayar yang tidak dapat dikutip.

Aktiviti Pemberian Pinjaman

Aktiviti pemberian pinjaman oleh institusi perbankan terus memberangsangkan pada tahun 2004. Sentimen positif dalam sektor isi rumah dan perniagaan di samping persekitaran kadar faedah yang kondusif memberi rangsangan kepada permintaan pinjaman yang lebih kukuh daripada sektor swasta sepanjang tahun. Sebagai penggerak utama dana dalam ekonomi, kedudukan sektor perbankan yang bertambah kukuh membolehkan sektor tersebut menyokong keperluan pinjaman yang semakin meningkat, berikutan pertumbuhan penggunaan isi rumah dan peningkatan aktiviti perniagaan. Rangka Kerja Kadar Faedah Baru yang diperkenalkan pada tahun 2004 turut meningkatkan kefleksibelan institusi perbankan untuk menetapkan kadar produk kewangan dengan lebih cekap dan berkesan, seterusnya mempertingkatkan keupayaan institusi perbankan untuk menstruktur dan mengubah suai produk perbankan bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Permintaan terhadap pinjaman yang kukuh dapat dilihat daripada peningkatan permohonan pinjaman yang tinggi pada tahun 2004. Sepanjang tahun 2004, sistem perbankan menerima permohonan pinjaman berjumlah RM273.3 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 20.1% berbanding dengan tahun sebelumnya. Kadar kelulusan pinjaman purata kekal kukuh pada 63.5%, dengan pinjaman baru yang diluluskan meningkat sebanyak 13.6% kepada RM173.6 bilion pada tahun 2004. Oleh itu, purata bulanan bagi pinjaman baru yang diluluskan pada tahun 2004 sebanyak RM14.5 bilion adalah lebih tinggi berbanding dengan purata bulanan pinjaman baru sebanyak RM12.7 bilion yang diluluskan pada

Jadual 5.4
Sistem Perbankan[1]: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Pertumbuhan tahunan (%)
	2003	2004	
	RM bilion		
Kelulusan pinjaman	152.8	173.6	13.6
Pengeluaran pinjaman	441.6	488.2	10.6
Pembayaran balik pinjaman	430.4	461.6	7.2
	Pada akhir tahun		Pertumbuhan tahunan (%)
	2003	2004	
	RM bilion		
Jumlah pinjaman terkumpul	473.8	514.0	8.5
Jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan[2]	508.0	547.2	7.7
Jumlah pembiayaan untuk ekonomi[3]	618.4	674.0	9.0

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan dicampur sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan.
[3] Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan dicampur sekuriti hutang swasta.

terkumpul bagi sektor isi rumah berkembang sebanyak 14.4% kepada RM264.4 bilion pada akhir tahun 2004. Permohonan pinjaman yang diterima daripada sektor isi rumah meningkat 22.1% kepada RM120.2 bilion pada tahun 2004. Daripada jumlah ini, 72.2% telah diluluskan di sepanjang tahun. Jumlah kelulusan pinjaman bagi sektor ini meningkat 20.5% kepada RM86.8 bilion, manakala pengeluaran pinjaman mencatat peningkatan sebanyak 13.8% kepada RM130.3 bilion pada tahun 2004. Meskipun pengeluaran pinjaman adalah tinggi, pinjaman yang belum digunakan turut meningkat 14.7% kepada RM67.8 bilion pada akhir tahun 2004. Seperti tahun-tahun yang lepas, aktiviti pemberian pinjaman dalam sektor isi rumah tertumpu pada pembiayaan gadai janji rumah, pembiayaan untuk pembelian kenderaan penumpang dan kad kredit. Pertumbuhan pinjaman yang kukuh kepada sektor ini disokong terutamanya oleh pakej pembiayaan yang kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan kempen promosi yang dijalankan oleh sektor swasta bagi merangsang permintaan.

Kedudukan sektor perbankan yang bertambah kukuh membolehkan sektor tersebut menyokong keperluan pinjaman yang semakin meningkat, berikutan pertumbuhan penggunaan isi rumah dan peningkatan aktiviti perniagaan.

tahun sebelumnya. Pengeluaran pinjaman juga meningkat sebanyak 10.6% kepada RM488.2 bilion pada tahun tersebut, mencerminkan keperluan pinjaman yang lebih tinggi daripada sektor swasta untuk membiayai aktiviti yang dijalankan oleh sektor tersebut. Dengan jumlah pengeluaran pinjaman mengatasi jumlah pembayaran balik, jumlah pinjaman terkumpul meningkat dengan kukuh pada kadar 8.5% pada tahun 2004. Jumlah pegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan menurun sebanyak 2.7% pada tahun 2004. Hasilnya, jumlah pembiayaan oleh sistem perbankan bagi menyokong aktiviti ekonomi meningkat sebanyak 7.7% pada akhir tahun 2004.

Pinjaman kepada isi rumah

Sistem perbankan terus menyalurkan sebahagian besar daripada pembiayaan kepada sektor isi rumah pada tahun 2004, berikutan kadar pertumbuhan penggunaan swasta yang meningkat yang mencerminkan pendapatan isi rumah dan sentimen pengguna yang bertambah baik. Pada akhir tahun 2004, pinjaman kepada sektor isi rumah merupakan bahagian terbesar, mencakupi 51.4% daripada jumlah pinjaman sektor perbankan. Secara keseluruhan, jumlah pinjaman

Dalam portfolio pinjaman kepada sektor isi rumah, bahagian pinjaman terbesar disalurkan kepada pembelian harta kediaman, berjumlah RM130.3 bilion atau 49.3% daripada jumlah pinjaman isi rumah. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah, permintaan pinjaman perumahan terus kekal memberangsangkan bagi membiayai bekalan harta kediaman kos sederhana yang tinggi yang dilancarkan di sepanjang tahun. Pada tahun 2004, sistem perbankan menerima permohonan pinjaman untuk membeli harta kediaman berjumlah RM52.4 bilion, iaitu peningkatan 11.7% berbanding dengan tahun sebelumnya. Kelulusan pinjaman untuk membeli harta kediaman meningkat 18.8% kepada RM35.7 bilion pada tahun 2004, sementara pengeluaran pinjaman meningkat 9.1% kepada RM38.8 bilion. Peminjam menikmati kadar pemberian pinjaman purata yang lebih rendah untuk pinjaman tersebut, iaitu dalam julat 3.08% hingga 3.73% setahun bagi bank perdagangan dan 3.07% hingga 5.08% setahun bagi syarikat kewangan. Hasilnya, jumlah pinjaman terkumpul untuk pembelian harta kediaman meningkat pada kadar antara 14.2% hingga 16.2% sepanjang tahun 2004. Walaupun tahap pendedahan institusi perbankan terhadap sektor

kediaman meningkat lebih daripada dua kali ganda sejak tahun 1998, institusi perbankan lebih berkeupayaan mengurus risiko yang timbul daripada aktiviti pemberian pinjaman ini berikutan peningkatan dalam standard pengurusan risiko mereka. Institusi perbankan juga menggunakan kemudahan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat untuk menentukan profil kredit peminjam, seterusnya mempermudah proses penilaian kredit.

Pinjaman untuk pembelian kereta penumpang mencakupi bahagian kedua terbesar pinjaman untuk sektor isi rumah. Pada akhir tahun 2004, pinjaman untuk sektor ini merupakan 27.2% daripada jumlah pinjaman isi rumah, iaitu mencatat peningkatan sebanyak 17.2% daripada RM61.3 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM71.9 bilion pada akhir tahun 2004. Permintaan pinjaman yang kukuh terhadap kenderaan bermotor adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan semula permintaan berikutan semakan duti kereta penumpang yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004. Ini disokong oleh beberapa pelancaran baru kereta penumpang dalam kategori sederhana dan aktiviti promosi yang dijalankan oleh syarikat-syarikat kenderaan untuk mempertingkatkan jualan mereka. Permohonan pinjaman untuk pembelian kereta penumpang meningkat 27.4% kepada RM40.6 bilion daripada RM31.8 bilion pada tahun 2003. Kelulusan pinjaman sektor ini meningkat 17.2% kepada RM30.4 bilion pada tahun 2004, sementara pengeluaran pinjaman kekal tinggi pada tahap RM29.1 bilion pada tahun tersebut berbanding dengan RM24.5 bilion pada tahun 2003.

Jumlah pinjaman kad kredit juga mencatat peningkatan 16.3% pada tahun 2004, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap pinjaman penggunaan. Jumlah kelulusan pinjaman untuk kad kredit melonjak 26.6% kepada RM11.7 bilion pada tahun 2004, sementara penggunaan kemudahan kredit bagi kad kredit juga tinggi, mencakupi 32.4% daripada jumlah kemudahan kredit yang diberikan kepada pemegang-pemegang kad. Peningkatan dalam penggunaan ini adalah sejajar dengan jumlah edaran kad dalam pasaran yang lebih tinggi, yang meningkat sebanyak 28.6% kepada lebih daripada 6.6 juta kad pada akhir tahun 2004. Pengeluaran pinjaman kepada sektor ini juga meningkat sebanyak 19.1% kepada RM36.3 bilion pada tahun 2004 berbanding dengan RM30.5 bilion dalam tahun 2003. Usaha institusi perbankan mempromosikan kad kredit sebagai kaedah pembayaran telah disokong oleh standard pengurusan risiko yang mantap bagi memastikan risiko yang timbul daripada pemberian pinjaman yang lebih agresif dalam sektor ini boleh diurus.

Pinjaman kepada perusahaan perniagaan

Keuntungan korporat yang bertambah baik, keadaan pembiayaan yang menggalakkan serta prestasi sektor luaran yang bertambah baik pada tahun 2004 merupakan pemacu utama yang menggalakkan pelaburan swasta yang lebih besar dalam projek-projek baru dan pengembangan korporat. Mencerminkan perkembangan ini, permintaan untuk pembiayaan baru oleh perusahaan perniagaan adalah lebih tinggi pada tahun 2004. Permohonan pinjaman daripada perusahaan perniagaan meningkat sebanyak 20% pada tahun 2004, iaitu pemulihan daripada kemerosotan sebanyak 7.7% pada tahun 2003. Kenaikan ini didorong oleh permohonan pinjaman yang lebih tinggi diterima daripada sektor perkilangan, pembinaan, dan perdagangan borong dan runcit, berjumlah RM76.2 bilion pada tahun 2004.

Selaras dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi, jumlah kelulusan pinjaman baru kepada perusahaan perniagaan meningkat sebanyak 9.8% kepada RM84.9 bilion, mencakupi 48.9% daripada jumlah pinjaman baru yang diluluskan oleh sistem perbankan. Hampir 51% atau RM43.2 bilion daripada jumlah kelulusan pinjaman baru perusahaan perniagaan telah disalurkan kepada sektor pembinaan, perkilangan, dan perdagangan borong dan runcit. Dari segi pengeluaran pinjaman, 68.7% daripada jumlah pengeluaran pinjaman sistem perbankan disalurkan kepada sektor perniagaan. Pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan meningkat sebanyak 10.5% kepada RM335.3 bilion pada tahun 2004, dengan 60.8% daripada pengeluaran tersebut telah disalurkan kepada sektor perkilangan dan perdagangan borong dan runcit. Dengan jumlah pengeluaran yang lebih tinggi berbanding dengan pembayaran balik berjumlah RM319.8 bilion, jumlah pinjaman terkumpul sektor perniagaan berkembang sebanyak 2.6% kepada RM219.2 bilion pada akhir tahun 2004.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus mendapat sokongan yang padu daripada sektor perbankan. Pinjaman kepada PKS merangkumi 40.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan. Kelulusan pinjaman pula adalah tinggi, mencakupi 58.4% daripada jumlah permohonan yang diterima, manakala pinjaman yang ditolak kekal rendah, merangkumi 19.1% daripada jumlah permohonan pinjaman. Pada tahun 2004, jumlah kelulusan pinjaman baru meningkat sebanyak 21.9% kepada RM31.6 bilion kepada lebih daripada 92,000 akaun pinjaman PKS. Berdasarkan purata bulanan, tahap kelulusan pinjaman berjumlah RM2.6 bilion sebulan pada tahun 2004 adalah lebih

tinggi berbanding dengan tahap yang dicapai pada tahun 2003 yang berjumlah RM2.2 bilion sebulan. Pada masa yang sama, jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS juga meningkat dengan kukuh sebanyak 15.3% kepada RM100.4 bilion. Hasilnya, jumlah pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat sebanyak 7.7% pada tahun 2004.

Dari segi pinjaman PKS mengikut sektor, kira-kira 59.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada PKS disalurkan kepada sektor perkilangan, pembinaan, dan perdagangan borong dan runcit. Sejajar dengan seruan Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan perniagaan yang terlibat dalam bidang proses perniagaan sumber luar dan teknologi maklumat, jumlah pinjaman terkumpul PKS yang terlibat dalam sektor perkhidmatan perniagaan meningkat 27.8% berasaskan purata bulanan pada tahun 2004. Pinjaman PKS kepada sektor pertanian, perhutanan dan perikanan juga mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 24.2% kepada RM4 bilion pada akhir tahun 2004. Dengan penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada bulan Ogos 2004 dan pelbagai inisiatif yang sedang dijalankan bagi memperkukuh kapasiti dan daya saing PKS, akses kepada pembiayaan untuk PKS akan terus diperluas.

Berdasarkan respons yang positif terhadap tabung khas, Bank Negara Malaysia telah menambah lagi peruntukan dana kepada Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2, masing-masing sebanyak RM2.5 bilion dan RM850 juta pada tahun 2004. Dengan ini, sebanyak RM8.9 bilion telah disalurkan kepada lima tabung khas yang diurus oleh Bank Negara Malaysia untuk membiayai sektor keutamaan. Pada akhir tahun 2004, jumlah pinjaman terkumpul di bawah tabung-tabung khas tersebut berjumlah RM5.1 bilion. Di samping itu, Kemudahan Jaminan Khas yang dilancarkan pada bulan Mei 2003 untuk membantu perniagaan yang terjejas oleh wabak SARS telah ditamatkan pada bulan Julai 2004, ekoran kejayaan membendung wabak tersebut dalam jangka masa yang singkat serta pemulihan perniagaan yang terjejas.

Pembiayaan melalui pasaran bon

Pasaran bon terus menjadi saluran penting kepada syarikat-syarikat untuk mendapat dana bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Seiring dengan prestasi ekonomi yang kukuh, penerbitan sekuriti hutang swasta kekal pada paras tinggi berikutan penerbitan sekuriti hutang oleh beberapa syarikat besar sepanjang tahun 2004. Pada tahun 2004, dana berjumlah RM28 bilion telah diperoleh daripada pasaran bon, terutamanya oleh sektor utiliti dan pembinaan. Hasilnya, jumlah sekuriti hutang swasta dalam pasaran meningkat sebanyak 10.7% kepada RM160.1 bilion pada akhir tahun 2004. Jumlah pembiayaan yang disalurkan kepada ekonomi, yang merangkumi pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi perbankan meningkat sebanyak 9% kepada RM674 bilion pada akhir tahun 2004.

Graf 5.1
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar Bersih



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Kualiti Aset

Mencerminkan prestasi ekonomi yang kukuh didorong oleh aktiviti perniagaan yang memberangsangkan dan penggunaan yang mantap, paras pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan terus berkurang pada tahun 2004. Nisbah NPL bersih pada akhir tahun 2004 merupakan tahap terendah sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1998. Penurunan paras NPL yang besar ini adalah disebabkan oleh kutipan balik dan pengelasan semula NPL kepada pinjaman berbayar, serta disokong oleh NPL baru yang lebih rendah.

NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun sebanyak 6.3% kepada RM37.5 bilion pada akhir tahun 2004. Ini bersama dengan pertumbuhan jumlah pinjaman sebanyak 8.5% menyebabkan nisbah NPL bersih sistem perbankan menurun sebanyak 1.3 mata peratusan kepada 7.6% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 8.9%). Paras NPL bersih berdasarkan

Nisbah NPL bersih pada akhir tahun 2004 merupakan tahap terendah sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1998.

Jadual 5.5
Sistem Perbankan: Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun			
	2003		2004	
	Klasifikasi			
	3-bulan	6-bulan	3-bulan	6-bulan
	RM juta			
Sistem perbankan				
Pinjaman tidak berbayar	65,773.8	54,797.5	60,431.2	50,301.7
Faedah tergantung	9,344.7	8,961.6	8,480.5	8,101.8
Peruntukan khas	16,416.4	15,070.2	14,473.0	13,222.3
Peruntukan am	9,216.7	8,166.2	9,643.9	8,347.2
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	8.9	6.8	7.6	5.9
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	53.2	58.8	53.9	59.0
Bank perdagangan				
Pinjaman tidak berbayar	44,541.6	37,562.2	46,214.2	38,869.3
Faedah tergantung	6,201.2	6,027.5	6,373.1	6,093.9
Peruntukan khas	11,763.1	10,870.5	11,460.3	10,373.8
Peruntukan am	6,895.7	5,844.6	8,414.7	7,117.9
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	8.1	6.3	6.8	5.3
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	55.8	60.5	56.8	60.7
Syarikat kewangan				
Pinjaman tidak berbayar	16,025.5	12,841.2	9,495.5	7,423.7
Faedah tergantung	2,504.0	2,313.6	1,491.2	1,412.5
Peruntukan khas	3,616.5	3,205.7	2,058.8	1,927.2
Peruntukan am	1,905.6	1,906.1	829.5	829.5
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	9.8	7.2	11.3	7.7
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	50.1	57.8	46.1	56.2
Bank saudagar				
Pinjaman tidak berbayar	3,204.5	2,818.6	2,568.8	2,340.0
Faedah tergantung	452.6	442.3	400.8	391.3
Peruntukan khas	603.2	588.5	496.3	497.3
Peruntukan am	240.7	240.9	235.8	235.9
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	21.5	17.9	19.4	16.8
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	40.5	45.1	44.1	48.1
Bank-bank Islam				
Pinjaman tidak berbayar	2,002.3	1,575.6	2,152.7	1,668.7
Faedah tergantung	186.9	178.2	215.3	204.1
Peruntukan khas	433.7	405.5	457.7	424.0
Peruntukan am	174.7	174.7	163.9	163.9
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (%)[1]	15.0	10.8	13.7	9.6
Jumlah peruntukan/Pinjaman tidak berbayar (%)	39.7	48.1	38.9	47.5

[1] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pinjaman selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

klasifikasi 6 bulan juga menurun sebanyak 5.8% kepada RM29 bilion, iaitu 5.9% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir 2004. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman bagi klasifikasi 3 bulan dan 6 bulan semakin kukuh, masing-masing pada tahap 53.9% dan 59% pada akhir tahun 2004. Sekiranya nilai cagaran diambil kira, nisbah perlindungan terus meningkat masing-masing ke paras 165.3% dan 171.8%.

Persekitaran ekonomi yang menggalakkan telah meningkatkan keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman mereka. Kemampuan membayar balik pinjaman yang lebih baik ini menyumbang kepada pengelasan pinjaman sebagai NPL baru yang lebih rendah. Pada tahun 2004, NPL baru berjumlah RM23.9 bilion. Ini merupakan penurunan sebanyak 5% atau RM1.3 bilion. Walaupun kutipan balik dan pengelasan semula NPL kepada pinjaman berbayar lebih rendah sebanyak 2.2%, jumlahnya kekal kukuh pada tahap RM22.4 bilion pada tahun 2004. Beberapa institusi perbankan menghapus kira pinjaman yang telah lama tertunggak dan dianggap tidak dapat dikutip berikutan prestasi yang kukuh. Jumlah penghapuskiraan pinjaman sepanjang tahun 2004 adalah tinggi, iaitu sebanyak RM8.7 bilion.

Pada akhir tahun 2004, tiga kes Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) masih belum dilaksanakan, dengan jumlah hutang bernilai RM2.4 bilion. 45 kes penyusunan semula dengan jumlah hutang sebanyak RM50.1 bilion telah berjaya dilaksanakan dalam keadaan pasaran yang menggalakkan. Pelaksanaan proses penyusunan semula hutang telah mengukuhkan syarikat-syarikat berkenaan dan meletakkan mereka pada kedudukan yang lebih baik untuk memacu aktiviti ekonomi.

Graf 5.2
Sistem Perbankan[1]: Profil Pinjaman Tertunggak



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Jumlah pinjaman tertunggak yang melebihi satu bulan menurun sebanyak 6.5% atau RM3.2 bilion pada tahun 2004. Sebagai peratusan daripada jumlah pinjaman tertunggak yang terkumpul, bahagian pinjaman tertunggak yang melebihi satu bulan telah berkurang daripada paras 61.1% pada akhir tahun 2003 kepada paras 54.7% pada akhir tahun 2004. Dengan itu, jumlah pinjaman tertunggak yang melebihi satu bulan mencakupi 8.9% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003:10.3%).

Penurunan jumlah NPL bagi sektor perniagaan dicatat dalam hampir semua sektor ekonomi pada tahun 2004. Kedudukan keuntungan sektor korporat yang bertambah baik, yang didorong terutamanya oleh penggunaan sektor swasta dan prestasi sektor luaran yang bertambah kukuh, telah meningkatkan pembayaran balik serta penurunan NPL sektor perniagaan sepanjang tahun 2004. NPL bagi sektor perniagaan menurun sebanyak 12.9% atau RM5.1 bilion, untuk mencakupi 13.6% daripada jumlah pinjaman perniagaan pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003:16.3%). Penurunan NPL yang terbesar dicatat oleh sektor perkilangan, dengan penurunan sebanyak 13.9% atau RM1.4 bilion pada akhir tahun 2004. Walaupun bahagian NPL bagi sektor perkilangan kekal paling tinggi di kalangan semua sektor perniagaan, iaitu pada tahap 24.9% daripada jumlah NPL perniagaan, ia dijangka terus berkurang dengan pertumbuhan sektor perkilangan yang berterusan. Jumlah NPL bagi sektor pembinaan juga menurun sebanyak RM0.9 bilion kepada RM7.2 bilion pada tahun 2004, disebabkan terutamanya oleh penghapuskiraan akaun pinjaman yang besar pada akhir tahun 2004.

Sejajar dengan NPL sektor perniagaan yang bertambah baik, NPL bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di hampir kesemua sektor ekonomi mencatat pengurangan pada tahun 2004. Jumlah NPL bagi PKS menurun sebanyak 11.4% kepada RM10.6 bilion pada akhir tahun 2004 dan mencakupi 12% daripada jumlah pinjaman PKS. Bahagian jumlah NPL bagi PKS kepada keseluruhan NPL sektor perniagaan adalah sebanyak 30.6%. Pada peringkat sektor, jumlah NPL bagi PKS adalah tertinggi di sektor perkilangan, pembinaan serta perdagangan borong dan runcit, mencakupi 58.7% daripada jumlah NPL bagi PKS. Mencerminkan prestasi sektor perkilangan yang kukuh, jumlah NPL sektor tersebut mencatat penurunan terbesar sebanyak RM0.4 bilion kepada RM2.7 bilion pada akhir tahun 2004. Jumlah NPL bagi sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi juga menurun sebanyak 43.9% atau RM0.2 bilion disebabkan terutamanya oleh penghapuskiraan akaun. Jumlah NPL bagi sektor harta tanah menurun sebanyak 21.2% kepada RM0.7 bilion, manakala jumlah NPL bagi sektor pembinaan menurun sebanyak 7.6% kepada RM1.9 bilion pada akhir tahun 2004.

Jumlah NPL kasar bagi sektor isi rumah menurun kepada 7.2% daripada jumlah pinjaman isi rumah pada bulan Disember 2004 (akhir tahun 2003: 7.9%). Walaupun jumlah NPL bagi sektor isi rumah meningkat sebanyak 3.8% kepada RM18 bilion pada akhir tahun 2004, magnitudnya kekal kecil berbanding dengan peningkatan dalam jumlah pinjaman sektor isi rumah yang lebih tinggi sebanyak 14.4% sepanjang tahun 2004. Dalam sektor isi rumah, jumlah NPL tertinggi adalah bagi pembelian harta kediaman, mencakupi 62.6% daripada jumlah NPL sektor isi rumah pada akhir tahun 2004. Jumlah NPL bagi harta kediaman meningkat sebanyak 11.6% atau RM1.2 bilion sepanjang tahun 2004. Walau bagaimanapun, nisbah NPL sektor tersebut kekal di tahap yang terurus pada paras 8.5% pada akhir tahun 2004. Ini disebabkan oleh kadar peningkatan yang lebih tinggi dalam jumlah pinjaman bagi pembelian harta kediaman, iaitu antara 14.2% hingga 16.2% pada tahun 2004. Jumlah NPL bagi kad kredit masih rendah pada 4.7% daripada jumlah pinjaman kad kredit, manakala nisbah NPL bagi pembelian kenderaan pengangkutan menurun kepada 3.7% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 4.2%). Berikutan prestasi pasaran saham yang bertambah baik, NPL bagi pembelian sekuriti mencatat penurunan yang besar sebanyak 22.8% atau RM0.9 bilion pada akhir tahun 2004, dan merupakan 14.9% daripada jumlah pinjaman kepada sektor ini. Walaupun terdapat kebimbangan terhadap risiko keberhutangan yang berlebihan sektor isi rumah, risiko tersebut dapat

Jadual 5.6
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar mengikut Sektor

	Pada akhir tahun				
	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor		Perubahan	Sebagai peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor	
	2003	2004	2003/2004	2003	2004
	RM juta		%		
Perusahaan perniagaan	**39,699.2**	**34,597.4**	**-12.9**	**16.3**	**13.6**
antaranya pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	***11,923.3***	***10,569.7***	***-11.4***	***14.5***	***12.0***
Isi rumah	**17,388.1**	**18,041.5**	**3.8**	**7.9**	**7.2**
Lain-lain	**1,184.2**	**1,086.9**	**-8.2**	**11.0**	**10.8**
Jumlah	***58,271.5***	***53,725.7***	***-7.8***	***12.3***	***10.5***
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	781.2	678.6	-13.1	7.4	6.2
Perlombongan dan kuari	147.9	89.4	-39.5	13.5	9.0
Perkilangan	10,001.4	8,615.8	-13.9	16.4	13.7
Bekalan elektrik, gas dan air	1,444.4	1,299.5	-10.0	28.5	25.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,633.6	4,340.4	-6.3	11.8	10.0
Perdagangan borong	*1,758.2*	*1,623.2*	*-7.7*	*8.0*	*6.4*
Perdagangan runcit	*1,428.1*	*1,250.5*	*-12.4*	*11.7*	*9.5*
Restoran dan hotel	*1,447.3*	*1,466.6*	*1.3*	*28.9*	*30.4*
Sektor harta benda yang luas	26,641.0	26,029.4	-2.3	14.1	12.5
Pembinaan	*8,178.4*	*7,246.7*	*-11.4*	*27.7*	*23.6*
Pembelian harta kediaman	*10,122.4*	*11,292.5*	*11.6*	*8.7*	*8.5*
Pembelian harta bukan kediaman	*4,803.9*	*4,347.4*	*-9.5*	*16.7*	*14.0*
Harta tanah	*3,536.3*	*3,142.9*	*-11.1*	*25.5*	*22.9*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,188.0	722.2	-39.2	11.1	7.2
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	2,356.2	1,876.4	-20.4	8.1	6.1
Kredit penggunaan	2,641.4	2,549.5	-3.5	9.5	8.0
Kegunaan persendirian	*2,014.3*	*1,848.9*	*-8.2*	*13.3*	*10.7*
Kad kredit	*578.6*	*663.9*	*14.7*	*4.7*	*4.7*
Pembelian barangan pengguna	*48.5*	*36.8*	*-24.2*	*13.0*	*11.7*
Pembelian sekuriti	3,750.0	2,894.3	-22.8	18.9	14.9
Pembelian kenderaan pengangkutan[2]	2,749.2	2,752.4	0.1	4.2	3.7
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	752.7	791.0	5.1	15.2	15.5

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Termasuk pembelian kereta penumpang.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

dikurangkan dengan adanya sumber maklumat kredit peminjam yang komprehensif bagi institusi perbankan melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat serta pelbagai infrastruktur pengurusan risiko bagi mengukuhkan lagi standard pengurusan risiko kredit dalam institusi perbankan.

Dengan prestasi ekonomi dijangka terus mapan pada tahun 2005, NPL sistem perbankan juga dijangka bertambah baik. Prestasi sektor korporat yang kukuh, disokong oleh permintaan teguh yang berterusan dalam penggunaan sektor swasta, akan mengukuhkan kutipan balik NPL dan kemungkinan mengurangkan NPL yang baru. Berlatarbelakangkan perkembangan ini, institusi perbankan dijangka mengambil langkah-langkah yang lebih agresif bagi menangani NPL yang sudah lama tertunggak, terutamanya bagi kes yang prospek untuk mengutip balik hutang adalah terhad walaupun setelah mengambil kira kebolehan mendapat perolehan daripada cagaran. Selaras dengan usaha-usaha ini, institusi perbankan juga dijangka mengukuhkan infrastruktur pengurusan risiko mereka sebagai persediaan untuk melaksanakan keperluan *Basel II*. Dengan adanya infrastruktur pengurusan risiko yang lebih kukuh dan mantap serta kualiti portfolio aset yang lebih baik, institusi perbankan akan terus berada pada kedudukan yang kukuh bagi menyokong keperluan pinjaman oleh ekonomi yang semakin berkembang.

Pengurusan Mudah Tunai

Lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran yang kekal besar pada tahun 2004 telah menyumbang kepada peningkatan dalam rizab antarabangsa daripada RM170.5 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM253.5 bilion pada akhir tahun 2004. Berikutan itu, lebihan tersebut telah menyumbang kepada mudah tunai sistem perbankan yang tinggi sepanjang tahun 2004. Mudah tunai berlebihan dalam sistem perbankan telah diserap oleh Bank Negara Malaysia melalui operasi mudah tunainya bagi mengekalkan kadar faedah wang semalaman antara bank dalam lingkungan 25 mata asas sekitar kadar dasar semalaman pada 2.7%. Hasilnya, campur tangan pasaran dalam bentuk pinjaman antara bank dan terbitan Bil Bank Negara dan Nota Boleh

Graf 5.3
Mudah Tunai Sistem Perbankan[1] pada tahun 2004



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Jadual 5.7
Sistem Perbankan: Unjuran Mudah Tunai pada 31 Disember 2004

	Ketakpadanan kumulatif (RM bilion)		Penimbal sebagai % jumlah deposit	
	1 minggu	1 bulan	1 minggu	1 bulan
Bank perdagangan	64.9	99.9	14.5	22.4
Syarikat kewangan	4.2	4.7	10.7	12.0
Bank saudagar	6.7	9.4	39.7	56.0
Bank-bank Islam	4.0	5.7	20.4	28.9
Sistem perbankan	**79.7**	**119.7**	**15.3**	**22.9**

Niaga kekal tinggi sepanjang tahun 2004, dengan penyerapan tambahan mudah tunai melalui aktiviti repo yang dijalankan pada suku terakhir tahun 2004. Menjelang akhir tahun 2004, Bank Negara Malaysia menyerap sebanyak RM142.6 bilion lebihan mudah tunai sistem perbankan, berbanding dengan serapan sebanyak RM95.4 bilion pada akhir tahun 2003. Pengurusan mudah tunai oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2004 telah dapat memastikan kadar faedah terus stabil sepanjang tahun. Purata berwajaran kadar faedah wang semalaman antara bank adalah antara 2.69% hingga 2.72% setahun, sementara purata berwajaran kadar faedah satu minggu antara bank adalah antara 2.71% hingga 2.80% setahun.

Berhubung dengan pengurusan mudah tunai oleh institusi perbankan, sistem perbankan secara keseluruhan mempunyai jumlah mudah tunai yang mencukupi bagi memenuhi sebarang pengeluaran tunai di luar jangka untuk tempoh sehingga satu bulan. Unjuran lebihan mudah tunai kumulatif sistem perbankan pada akhir bulan Disember 2004 adalah sebanyak RM79.7 bilion, cukup untuk memenuhi permintaan sehingga satu minggu, dan RM119.7 bilion untuk memenuhi permintaan sehingga satu bulan. Bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan bank-bank Islam telah mencatat unjuran lebihan mudah tunai untuk tempoh sebulan, masing-masing sebanyak 22.4%, 12%, 56% dan 28.9% daripada jumlah deposit mereka.

Risiko Kadar Faedah

Pendedahan sistem perbankan kepada risiko kadar faedah (termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam) ditaksir menggunakan pendekatan kedudukan bersih berwajaran durasi. Pada tahun 2004, pendekatan tersebut diperhalus lagi agar lebih mencerminkan perubahan nilai ekonomi bagi kedudukan yang sensitif kepada kadar faedah, dengan mengambil kira struktur pembayaran aliran tunai. Dengan menggunakan pendekatan yang lebih tepat ini, tahap risiko kadar faedah sistem perbankan pada tahun 2004 kekal terkawal. Kedudukan bersih berwajaran durasi sistem perbankan, sebagai peratusan modal asas meningkat sedikit kepada 5% pada akhir tahun 2004.

Sebahagian besar daripada risiko kadar faedah sistem perbankan tertumpu pada baki tempoh matang melebihi tiga tahun. Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan sebanyak 22% dalam pinjaman berkadar tetap dengan baki tempoh matang melebihi tiga tahun. Kenaikan tersebut mencerminkan terutamanya pinjaman sewa beli dan pembiayaan secara Islam yang meningkat, masing-masing sebanyak RM5 bilion dan RM7 bilion pada tahun 2004.

Satu langkah utama yang diperkenalkan bagi menangani risiko kadar faedah sistem perbankan yang berkaitan dengan pinjaman berkadar tetap ialah pindaan kepada Akta Sewa Beli 1967, yang diluluskan

Jadual 5.8
Sistem Perbankan[1]: Kesan Kenaikan Kadar Faedah Sebanyak 1% ke atas Kekukuhan Modal

	Kedudukan bersih berwajaran durasi					
	RM juta		Sebagai peratusan daripada modal asas		Impak terhadap nisbah modal berwajaran risiko (mata peratusan)	
	Pada akhir tahun					
	2003[2]	2004	2003	2004	2003	2004
Bank perdagangan dan Syarikat kewangan	-2,898	-3,398	-4.4	-4.7	-1.0	-1.0
Bank saudagar	-475	-397	-10.2	-8.2	-3.8	-4.1
Sistem perbankan[1]	-3,373	-3,795	-4.8	-5.0	-1.1	-1.1

[1] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam.
[2] Angka-angka berdasarkan pendekatan kedudukan bersih berwajaran durasi yang diperhalusi.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Graf 5.4
Sistem Perbankan[1]: Taburan mengikut Kedudukan Bersih Berwajaran Durasi sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2004



[1] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam.

Graf 5.5
Sistem Perbankan[1]: Ketakpadanan Kedudukan Kadar Faedah Bersih pada 31 Disember 2004



[1] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam.

oleh Parlimen pada tahun 2004. Pindaan ini membolehkan institusi perbankan menentukan harga pinjaman sewa beli berasaskan kadar boleh ubah. Tambahan pula, peningkatan dalam penggunaan produk pembiayaan Islam berasaskan kadar boleh ubah di bawah konsep bai' bithaman ajil (jualan bayaran tertunda), yang diperkenalkan pada tahun 2003, telah membolehkan institusi perbankan mengurangkan pendedahan kepada produk berkadar tetap yang merupakan kelaziman bagi pembiayaan secara Islam. Satu lagi langkah penting bagi meningkatkan pengurusan risiko kadar faedah yang berkaitan dengan struktur pendanaan dan pembiayaan syarikat kewangan yang beroperasi secara bersendirian ialah pindaan kepada Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989. Ini bagi membolehkan penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan dalam kumpulan perbankan yang sama. Walau bagaimanapun, manfaat penuh daripada penggabungan tersebut, iaitu dari segi potensi penurunan risiko kadar faedah dalam sistem perbankan, belum dapat dinikmati sepenuhnya memandangkan proses penggabungan baru sahaja dilaksanakan.

Dengan penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan, yang sebahagiannya dilaksanakan pada tahun 2004, analisis risiko kadar faedah bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah berdasarkan kepada data yang disatukan. Dengan mengambil kira bank perdagangan dan syarikat kewangan sebagai satu kumpulan, kedudukan bersih berwajaran durasi kumpulan tersebut mencatat peningkatan sebanyak 17% kepada RM3.4 bilion pada akhir tahun 2004. Peningkatan dalam kedudukan bersih berwajaran durasi kumpulan institusi tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan ketara dalam pinjaman kadar tetap dengan baki tempoh matang melebihi tiga tahun. Walau bagaimanapun, kedudukan bersih berwajaran durasi bank saudagar mencatat penurunan sebanyak 16% pada tahun 2004, berikutan penyusutan dalam pegangan sekuriti hutang jangka panjang dengan baki tempoh matang melebihi tiga tahun.

Pada bulan September 2004, selaras dengan saranan 'Basel Committee on Banking Supervision (BCBS)', Bank Negara Malaysia menerbitkan Rangka Kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran untuk dilaksanakan. Rangka kerja ini memerlukan risiko pasaran diambil kira dalam rangka kerja kecukupan modal. Bagi sistem

Jadual 5.9
Sistem Perbankan[1]: Kesan Risiko Kadar Faedah Akaun Dagangan ke atas Kekukuhan Modal pada 31 Disember 2004

	RM juta		Jumlah risiko kadar faedah/Modal asas (%)	
	Risiko kadar faedah			
	2003	2004	2003	2004
Bank perdagangan dan Syarikat kewangan	1,007	994	1.6	1.3
Bank saudagar	644	504	14.3	10.5
Sistem perbankan[1]	1,651	1,498	2.4	1.9

[1] Tidak termasuk bank-bank Islam tetapi termasuk risiko harga untuk pendedahan yang bercirikan Islam.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

perbankan, risiko kadar faedah merupakan sumber utama risiko pasaran dalam akaun dagangan. Pada tahun 2004, risiko kadar faedah menurun sebanyak 9% kepada RM1.5 bilion atau 1.9% daripada modal asas. Penurunan risiko kadar faedah ini disebabkan oleh institusi perbankan yang mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran bon yang lebih baik pada tahun 2004 dengan mengurangkan pegangan bon mereka.

Risiko Ekuiti

Secara keseluruhan, pendedahan sistem perbankan kepada risiko ekuiti adalah masih kecil dengan pegangan ekuiti hanya mencakupi 0.4% daripada jumlah aset sistem perbankan pada akhir tahun 2004. Pelaburan ekuiti institusi perbankan merosot sebanyak 9.9% daripada RM3.4 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM3.1 bilion pada akhir tahun 2004. Institusi perbankan mengambil peluang ke atas peningkatan prestasi pasaran saham pada suku tahunan pertama dan keempat tahun 2004 untuk melupuskan saham yang diperoleh daripada aktiviti penyusunan semula hutang pada tahun-tahun sebelumnya.

Pada tahun 2004, pelaburan sistem perbankan dalam saham tersenarai merosot sebanyak 8.1% kepada RM1.8 bilion pada akhir tahun tersebut daripada RM1.9 bilion pada akhir tahun 2003. Daripada kejatuhan keseluruhan pelaburan dalam saham tersenarai, pegangan saham tersenarai hasil daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti menurun sebanyak RM153.7 juta atau 12.7%, manakala saham belian terus daripada pasaran menurun sebanyak RM1.9 juta atau 0.3% pada tahun tersebut. Aktiviti penyusunan semula pada tahun tersebut, yang melibatkan penukaran sejumlah besar saham tak tersenarai kepada bon juga menyebabkan penurunan pelaburan dalam saham tak tersenarai sistem perbankan sebanyak 12.3% kepada RM1.3 bilion pada akhir tahun 2004 daripada RM1.5 bilion pada akhir tahun 2003.

Dalam sistem perbankan, pegangan ekuiti oleh kesemua kategori institusi perbankan menunjukkan penurunan pada tahun 2004. Bank saudagar sebagai satu kumpulan, mencatat peratusan penurunan tertinggi sebanyak 17.4% meskipun terdapat peningkatan pegangan saham hasil daripada aktiviti taja jamin. Ini diikuti oleh syarikat kewangan dengan peratus penurunan sebanyak 15.4%, manakala bank perdagangan dan bank-bank Islam masing-masing mencatat penurunan sebanyak 6.5% dan 4.9%. Meskipun bank saudagar dan syarikat kewangan mencatat peratusan penurunan yang besar dalam pegangan ekuiti pada tahun 2004, sebagai satu kumpulan, nisbah pegangan saham tersenarai kepada modal asas secara relatif lebih tinggi, iaitu 6.7%. Pegangan saham tersenarai bank perdagangan dan bank-bank Islam berbanding dengan modal asas masing-masing hanya sebanyak 1.6% dan 1.8%. Dari segi institusi perbankan secara individu, kebanyakan institusi perbankan mempunyai pendedahan kepada risiko ekuiti yang kurang daripada 2% jumlah modal asas.

Berdasarkan kadar ketidaktentuan selama 10 hari bagi Indeks Komposit Kuala Lumpur pada tahun 2004, potensi kerugian maksimum nilai ekuiti bagi sistem perbankan secara keseluruhan menurun sedikit kepada

Graf 5.6
Sistem Perbankan[1]: Komposisi Pelaburan Ekuiti



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Graf 5.7
Sistem Perbankan: Taburan mengikut Ekuiti sebagai Peratusan daripada Modal Asas pada 31 Disember 2004



Jadual 5.10
Sistem Perbankan: Pendedahan kepada Ekuiti

	Pegangan ekuiti[1] (RM juta)		Ekuiti[1]/ Modal asas (%)		Potensi kerugian ekuiti[1]/ Modal asas (%)	
	Pada akhir tahun					
	2003	2004	2003	2004	2003	2004
Bank perdagangan	1,071.6	1,067.0	2.0	1.6	0.1	0.1
Syarikat kewangan	427.8	357.2	3.7	6.7	0.3	0.5
Bank saudagar	402.3	320.8	8.6	6.7	0.7	0.5
Bank-bank Islam	35.2	34.8	2.2	1.8	0.2	0.1
Sistem perbankan	1,936.9	1,779.7	2.7	2.3	0.2	0.2

[1] Jumlah pelaburan dalam saham tersenarai.

7.7% pada akhir tahun 2004 berbanding dengan 7.9% pada akhir tahun 2003. Potensi kerugian ini hanya merupakan 0.2% daripada jumlah modal asas sistem perbankan.

Risiko Tukaran Asing

Peningkatan yang ketara dalam aset mata wang asing sistem perbankan pada tahun 2004 adalah disebabkan oleh penghantaran balik perolehan eksport dan aliran masuk dana asing bagi tujuan pelaburan portfolio dan pelaburan langsung. Walau bagaimanapun, risiko mata wang asing yang diambil oleh sistem perbankan kekal pada tahap berhemat, memandangkan kedudukan terbuka bersih sistem perbankan sebagai peratusan daripada modal asas mencatat penurunan daripada 4.5% pada akhir tahun 2003 kepada 4.2% pada akhir tahun 2004.

Dalam usaha mengurus kedudukan panjang mata wang asing masing-masing, institusi perbankan menempatkan dana mereka dalam pasaran mata wang asing antara bank. Ini mengakibatkan peningkatan dalam jumlah penempatan mata wang asing antara bank daripada RM17 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM34 bilion pada akhir tahun 2004. Peningkatan ini dilengkapi dengan kenaikan sebanyak RM4.4 bilion atau 41% dalam pinjaman mata wang asing yang diberikan pada tahun 2004. Liabiliti mata wang asing turut menunjukkan trend menaik disebabkan urusan swap mata wang oleh institusi perbankan bagi melindung nilai belian hadapan mata wang asing mereka.

Meskipun premium hadapan dalam pasaran hadapan mata wang asing mengecil dengan nyata daripada 55 mata asas kepada 12 mata asas, terdapat permintaan yang kukuh terhadap jualan kontrak hadapan mata wang asing daripada pengeksport pada tahun 2004. Lantaran itu, pembelian kontrak hadapan mata wang asing oleh institusi perbankan daripada entiti bukan bank dalam negeri meningkat daripada RM17 bilion pada akhir tahun

Jadual 5.11
Sistem Perbankan: Pendedahan kepada Mata Wang Asing

	Kedudukan mata wang asing terbuka bersih (RM juta)		Kedudukan mata wang asing terbuka bersih/ Modal asas (%)	
	Pada akhir tahun			
	2003	2004	2003	2004
Bank perdagangan	2,622	2,928	4.9	4.5
Bank saudagar	50	48	1.1	1.0
Bank-bank Islam	35	34	2.1	1.7
Sistem perbankan	2,707	3,010	4.5	4.2

Graf 5.8
Sistem Perbankan[1]: Komponen Pendedahan kepada Mata Wang Asing



[1] Termasuk bank-bank Islam.

Graf 5.9
Sistem Perbankan: Taburan Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih pada 31 Disember 2004



2003 kepada RM34 bilion pada akhir tahun 2004. Permintaan yang kukuh daripada pengeksport untuk menjual kontrak hadapan mata wang asing mungkin disebabkan keperluan pengeksport untuk melindung nilai pendedahan mata wang asing mereka dalam persekitaran eksport yang semakin meningkat, iaitu sebanyak 24% pada tahun 2004 dan peningkatan spekulasi dalam pasaran bahawa ringgit akan dinaikkan nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat. Ini menyumbang kepada peningkatan secara keseluruhan dalam pembelian kontrak hadapan mata wang asing oleh institusi perbankan daripada RM21 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM38 bilion pada akhir tahun 2004. Hasil daripada pengurusan ke atas pembelian kontrak hadapan mata wang asing yang bertambah dengan nyata, swap mata wang asing berbayar meningkat sebanyak RM27 bilion kepada RM51.8 bilion.

Sistem perbankan dijangka kekal sebagai pembeli hadapan mata wang asing bersih dalam persekitaran perbezaan kadar faedah yang kekal positif antara dolar Amerika Syarikat dengan ringgit.

Kekukuhan Modal

Tahap permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras, masing-masing terus berada pada paras melebihi 13% dan 10% pada sepanjang tahun 2004. Modal asas meningkat sebanyak RM6.6 bilion kepada RM78.1 bilion pada akhir tahun 2004. Modal asas yang lebih tinggi ini adalah terutamanya hasil daripada aktiviti terbitan modal oleh beberapa institusi perbankan berjumlah RM4.2 bilion. Daripada jumlah ini, sejumlah RM3.3 bilion diperoleh melalui penerbitan sekuriti hutang subordinat dalam denominasi dolar Amerika Syarikat. Sebanyak RM1 bilion lagi disumbang oleh keuntungan yang telah diaudit. Sementara itu, aset berwajaran risiko sistem perbankan bertambah sebanyak RM47.6 bilion atau 9.2% kepada RM566.6 bilion pada akhir tahun 2004 disebabkan oleh aktiviti pembiayaan yang lebih memberangsangkan. Secara keseluruhan, RWCR sistem perbankan kekal pada tahap 13.8% pada akhir tahun 2004.

Modal Kumpulan-1 sistem perbankan menurun sedikit disebabkan oleh rasionalisasi modal berikutan penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan (penggabungan Bafin). Berserta dengan peningkatan aset berwajaran risiko yang lebih tinggi, penggabungan ini telah mengakibatkan nisbah modal teras menurun kepada 10.8% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 11.1%). Sementara itu, modal Kumpulan-2 meningkat dengan ketara disebabkan aktiviti terbitan modal oleh beberapa institusi perbankan. Hasilnya, jumlah modal meningkat 4% dan berserta pengurangan modal bagi pelaburan dalam anak syarikat yang lebih rendah berikutan

Jadual 5.12
Sistem Perbankan: Komponen Modal

	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan	
	2003	2004		
	RM juta		RM juta	(%)
Modal Kumpulan-1	62,727.3	61,669.1	-1,058.2	-1.7
Modal Kumpulan-2	19,410.6	23,734.1	4,323.5	22.3
Jumlah modal	82,137.9	85,403.2	3,265.3	4.0
Tolak:				
Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan pegangan modal institusi perbankan lain	10,604.9	7,296.3	-3,308.6	-31.2
Modal asas	71,533.0	78,106.9	6,573.9	9.2
Aset berisiko:				
0%	177,443.2	210,372.2	32,929.0	18.6
10%	17,256.3	14,669.8	-2,586.5	-15.0
20%	120,995.7	121,059.9	64.2	0.1
50%	120,545.1	136,405.0	15,859.9	13.2
100%	432,769.7	472,700.3	39,930.6	9.2
Jumlah aset berwajaran risiko	518,967.0	566,581.8	47,614.8	9.2
Nisbah modal berwajaran risiko (%)				
Sistem perbankan	**13.8**	**13.8**	**0.0**	
Bank perdagangan	14.1	13.9	-0.2	
Syarikat kewangan	11.6	10.2	-1.4	
Bank saudagar	19.2	21.9	2.7	
Bank-bank Islam	11.7	12.5	0.8	

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

penyempurnaan penggabungan Bafin, jumlah modal meningkat sebanyak 9.2%.

RWCR bank perdagangan menurun sedikit kepada 13.9% pada akhir tahun 2004, kerana kenaikan aset berwajaran risiko yang melebihi pertambahan modal asas berikutan penolakan modal bagi pelaburan dalam anak syarikat yang lebih rendah serta penerbitan sekuriti hutang subordinat. RWCR syarikat kewangan menurun kepada 10.2% disebabkan pengeluaran modal asas bagi lima syarikat kewangan yang telah bergabung dengan bank perdagangan. RWCR bank saudagar meningkat kepada 21.9% disebabkan terutamanya oleh pengurangan aset berwajaran risiko akibat penurunan jumlah pinjaman bank saudagar berikutan penumpuan terhadap aktiviti perbankan pelaburan dan berasaskan fi.

Jumlah aset berwajaran risiko sistem perbankan meningkat 9.2% kepada RM566.6 bilion pada akhir tahun 2004, selaras dengan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi pada tahun tersebut. Peningkatan dalam kategori 0% disebabkan terutamanya oleh operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia, manakala peningkatan pembiayaan perumahan dan pemberian pinjaman kepada sektor swasta yang berterusan, masing-masing menyumbang kepada peningkatan aset dalam kategori risiko 50% dan 100%.

Dengan tahap permodalan yang kukuh, sistem perbankan berada pada kedudukan yang teguh untuk memenuhi permintaan pembiayaan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan menghadapi sebarang kejutan di luar jangkaan pada tahun 2005.

176-178 Tinjauan Keseluruhan
178-184 Hala Tuju Dasar Tahun 2004
182 *Rencana: Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam*
184-185 Penyeliaan Sistem Perbankan Islam
185-193 Prestasi Sistem Perbankan Islam

Sistem Kewangan Islam

Sistem Kewangan Islam

TINJAUAN KESELURUHAN

Tahun 2004 mencatat peristiwa penting sekali lagi dalam perkembangan selama dua dekad perbankan dan kewangan Islam dalam sistem perbankan Malaysia. Liberalisasi kewangan sektor perbankan Islam telah dipercepat dari tahun 2007 ke tahun 2004 dengan pengeluaran tiga lesen perbankan Islam baru di bawah Akta Bank Islam 1983 (ABI) kepada institusi-institusi kewangan Islam dari Timur Tengah.

kian berkembang serta menerokai pasaran baru di Malaysia dan serantau, di samping merangsang persaingan sihat yang diperlukan bagi meningkatkan industri ke tahap dinamisme baru.

Kehadiran peserta-peserta asing ini juga akan mempercepat integrasi global bagi sistem perbankan Islam tempatan. Pertukaran pengetahuan dan kepakaran akan menjalinkan hubungan ekonomi dan kewangan yang lebih erat di antara Malaysia dengan

Langkah mempercepat program liberalisasi tersebut berikutan perkembangan pesat dan prestasi mantap industri perbankan Islam sejak beberapa tahun yang lepas.

Langkah mempercepat program liberalisasi tersebut berikutan perkembangan pesat dan prestasi mantap industri perbankan Islam sejak beberapa tahun yang lepas. Semenjak tahun 2000, aset industri perbankan Islam berkembang pada kadar purata 19% setahun. Pada akhir tahun 2004, jumlah aset sektor perbankan Islam meningkat kepada RM94.6 bilion, iaitu 10.5% daripada jumlah aset sistem perbankan. Bahagian pasaran bagi deposit dan pembiayaan secara Islam juga mencatat peningkatan dengan masing-masing merangkumi 11.2% dan 11.3% daripada jumlah deposit dan pembiayaan sektor perbankan.

Kemasukan institusi perbankan Islam asing baru adalah selaras dengan syor Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) dalam usaha menjadikan Malaysia pusat kewangan Islam antarabangsa. Peserta-peserta baru yang mempunyai kemampuan dan kekuatan tersendiri berpeluang menyertai industri perbankan Islam yang rantau Timur Tengah, di samping mempertingkatkan tahap penyeragaman dalam aspek pentafsiran dan pemahaman Syariah. Selain itu, ia juga akan merangsang perdagangan antarabangsa dan aliran pelaburan yang lebih tinggi.

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia terus memberi tumpuan ke arah mengukuhkan pembangunan infrastruktur sistem perbankan Islam, termasuk mempertingkatkan struktur keinstitusian dan pembangunan sumber manusia.

- Seiring dengan perkembangan industri perbankan Islam yang memasuki peringkat yang lebih matang, struktur keinstitusian 'jendela' dikaji semula bagi memperkukuh dan mempertingkatkan pembangunan industri perbankan Islam tempatan menerusi satu struktur keinstitusian baru. Kumpulan perbankan domestik dan bank-bank asing yang menyertai Skim Perbankan Islam (SPI) digalakkan untuk

Graf 6.1
Bahagian Pasaran Deposit dan Pembiayaan pada akhir 2004



menubuhkan subsidiari Islam (SI) yang seterusnya akan dilesenkan sebagai bank-bank Islam di bawah ABI. Prinsip utama yang mendokong penubuhan SI adalah untuk memperkukuh struktur keinstitusian operasi perniagaan perbankan Islam bagi memberi fokus yang lebih strategik di samping memanfaatkan sepenuhnya sinergi infrastruktur operasi perbankan konvensional, termasuk penawaran kepelbagaian produk dan perkhidmatan perbankan Islam di cawangan-cawangan bank perdagangan konvensional sedia ada. Untuk tujuan ini, Bank Negara Malaysia telah meluluskan permohonan lima kumpulan perbankan domestik iaitu empat kumpulan perbankan SPI dan sebuah bank bukan SPI untuk menubuhkan SI di bawah ABI untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam. Setakat ini, satu kumpulan perbankan telah melancarkan subsidiari Islamnya.

- Dari segi struktur pengawalseliaan dan kehematan, usaha ditumpukan ke arah mengukuhkan tadbir urus korporat bank-bank Islam melalui penerbitan garis panduan bagi meningkatkan keberkesanan lembaga pengarah. Keperluan penzahiran kewangan dipertingkatkan sejajar dengan piawai perakaunan antarabangsa bagi mematuhi tahap ketelusan yang lebih tinggi. Rangka kerja kadar pulangan diperkukuh untuk memberikan fleksibiliti kepada pihak bank dalam menguruskan portfolio mereka supaya lebih berdaya saing di samping menyelaraskan operasi perniagaan mereka sejajar dengan trend dan prospek pasaran.

- Seiring dengan perkembangan sistem perbankan konvensional, institusi perbankan Islam juga dikehendaki membuat persediaan mengguna pakai pendekatan pelaksanaan Basel II. Dalam menerima pakai sama ada Kaedah Terpiawai *(Standardised Approach)* bagi risiko kredit atau Kaedah Berasaskan Penarafan Dalaman *(Internal Ratings Based Approach)* di bawah persetujuan modal baru, rangka kerja pengurusan dan amalan risiko yang mapan dan kukuh akan sentiasa dipertingkatkan bersandarkan amalan industri terbaik. Ini akan memberi peluang kepada institusi perbankan Islam untuk mengoptimumkan modal ekonomi dan pengawalseliaan.

- Tadbir urus Syariah dalam sistem perbankan Islam turut diperkukuh berikutan perluasan skop peranan dan fungsi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Peranan badan penasihat Syariah utama di Bank Negara Malaysia terus diperkemas menerusi rangka kerja jawatankuasa Syariah bagi industri perbankan Islam yang baru diperkenalkan, dengan fungsi dan tugas jawatankuasa Syariah diperjelas dan diselaraskan.

- Pindaan kepada undang-undang percukaian untuk memberi layanan cukai yang sama rata kepada produk dan perkhidmatan perbankan Islam dan konvensional akan mewujudkan rejim cukai yang lebih kondusif bagi industri perbankan Islam.

Landskap sistem kewangan Islam di Malaysia bersedia untuk memacu perkembangan seterusnya yang dilihat amat berpotensi dan mempunyai prospek yang luas bagi pertumbuhan masa hadapan, terutamanya untuk menjadikan Malaysia pusat kewangan Islam yang ulung di kalangan komuniti kewangan antarabangsa.

- Inovasi produk terus dimajukan dalam lingkungan rangka kerja Syariah. Rangkaian produk yang lebih pelbagai termasuk mekanisme kadar boleh ubah dan mekanisme berasaskan ekuiti semakin banyak ditawarkan. Bagi mengurangkan risiko mudah tunai ekoran ketaktentuan pasaran, institusi perbankan Islam mula memperkenalkan pembiayaan kadar boleh ubah bagi tempoh jangka panjang. Melalui penggunaan mekanisme rebat berkala, kadar keuntungan efektif pembiayaan boleh disemak semula supaya dapat menyamai kadar tanda aras semasa pasaran dan seterusnya mengurangkan sebarang ketakpadanan pendanaan. Bagi mengukuhkan rangka kerja pengurusan risiko, satu mekanisme swap kadar keuntungan berlandaskan prinsip Islam akan diperkenalkan bagi membolehkan komitmen kontrak pembiayaan berkadar tetap ditukarkan dengan komitmen kontrak pembiayaan lain yang berkadar boleh ubah, dan sebaliknya.

- Dalam aspek pembangunan sumber manusia dan kesedaran pengguna, usaha berterusan dijalankan sepanjang tahun melalui pelbagai seminar, bengkel, pameran dan aktiviti-aktiviti promosi yang lain. Sejajar dengan perkembangan industri perbankan Islam dan bagi memenuhi permintaan tenaga manusia yang kian meningkat berikutan

pembangunan keinstitusian yang pesat, program pembangunan sumber manusia sedang disusun secara kolektif oleh sektor awam dan swasta bagi melahirkan lebih ramai pakar dan profesional dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

Berasaskan perkembangan pesat ini, landskap sistem kewangan Islam di Malaysia bersedia untuk memacu perkembangan seterusnya yang dilihat amat berpotensi dan mempunyai prospek yang luas bagi pertumbuhan masa hadapan, terutamanya untuk menjadikan Malaysia pusat kewangan Islam yang ulung di kalangan komuniti kewangan antarabangsa.

HALA TUJU DASAR TAHUN 2004

Fokus utama dasar bagi sektor kewangan Islam pada tahun 2004 adalah untuk terus memperkukuh sistem kewangan Islam sebagai satu komponen penting dalam sistem kewangan Malaysia. Teras kepada dasar ini ditumpukan pada pengukuhan struktur keinstitusian, rangka kerja pengawalseliaan dan kehematan, infrastruktur Syariah dan perundangan, pembangunan produk dan pasaran serta pembangunan sumber manusia dan pendidikan pengguna.

peserta dalam landskap kewangan Islam. Kehadiran bank Islam asing di Malaysia dijangka meningkatkan potensi bagi penerokaan peluang-peluang pertumbuhan baru serta meningkatkan prestasi dan pembangunan keseluruhan sistem kewangan Islam.

- Satu langkah strategik yang dilaksanakan pada tahun 2004 ialah inisiatif beberapa kumpulan perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (SPI) untuk mentransformasikan struktur keinstitusian perbankan Islam sedia ada daripada struktur jendela kepada struktur 'subsidiari Islam' (SI) dalam kumpulan perbankan masing-masing. Langkah strategik ini adalah selaras dengan syor Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) bagi memperkukuh struktur keinstitusian institusi perbankan yang menyertai SPI. Dari segi perundangan, langkah ini akan menjadikan perniagaan perbankan Islam kumpulan perbankan konvensional dilesenkan di bawah undang-undang perbankan Islam. Dalam hubungan ini, Bank Negara Malaysia telah meluluskan permohonan lima kumpulan perbankan tempatan bagi menubuhkan SI di bawah entiti bank perdagangan masing-masing bagi menjalankan perniagaan perbankan Islam di

Teras kepada dasar ini ditumpukan pada pengukuhan struktur keinstitusian, rangka kerja pengawalseliaan dan kehematan, infrastruktur Syariah dan perundangan, pembangunan produk dan pasaran serta pembangunan sumber manusia dan pendidikan pengguna.

Memperkukuh Infrastruktur Kewangan Keinstitusian

Pembangunan Keinstitusian

Pengukuhan infrastruktur kewangan adalah prasyarat penting dalam pembangunan satu sistem perbankan Islam yang dinamik dan progresif. Beberapa inisiatif penting telah dilaksanakan pada tahun 2004 bertujuan memajukan infrastruktur kewangan keinstitusian sistem perbankan Islam.

- Bank Negara Malaysia meluluskan pengeluaran lesen perbankan Islam di bawah Akta Bank Islam 1983 (ABI) kepada tiga institusi kewangan Islam asing yang ulung dari Timur Tengah, iaitu Kuwait Finance House, Al-Rajhi Banking & Investment Corporation dan satu konsortium institusi kewangan Islam yang terdiri daripada Qatar Islamic Bank, RUSD Investment Bank Inc. dan Global Investment House. Pengeluaran lesen perbankan Islam kepada peserta asing adalah sebahagian daripada strategi bagi meningkatkan kepelbagaian

bawah ABI. Penubuhan SI oleh kumpulan perbankan tempatan melibatkan pengasingan dan pemindahan portfolio perbankan Islam sedia ada di institusi perbankan konvensional kepada SI. SI tersebut akan ditubuhkan sebagai subsidiari milik penuh bank perdagangan. Walau bagaimanapun, sebarang pemindahan pegangan saham dalam SI kepada pelabur-pelabur tempatan atau asing tertakluk kepada syarat SI kekal sebagai subsidiari bank perdagangan dengan pegangan ekuiti minimum sebanyak 51%.

Penubuhan SI mewujudkan struktur keinstitusian yang lebih responsif kepada perkembangan infrastruktur pengawalseliaan kewangan Islam pada masa hadapan dan seterusnya memperkukuh rejim kehematan dan penyeliaan sistem perbankan Islam. Struktur baru ini berkemampuan untuk memelihara integriti sistem dan operasi perbankan Islam selaras dengan kehendak Syariah. Antara perkembangan berkaitan termasuk penggubalan piawai pengawalseliaan berhemat bagi operasi

perbankan Islam yang bakal dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI), siri piawaian perakaunan bagi perniagaan kewangan Islam oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Skim Insurans Deposit. Menerusi penubuhan SI, institusi perbankan Islam akan dapat memberikan komitmen dan fokus strategik yang lebih terarah berbanding pengurusan jendela bagi memajukan satu sistem perbankan Islam yang cekap.

Antara ciri-ciri SI termasuk:

- Dana modal minimum sebanyak RM50 juta atau jumlah dana modal perbankan Islam institusi perbankan konvensional yang mematuhi keperluan nisbah modal berwajaran risiko minimum sebanyak 8%, yang mana lebih tinggi;

- Ahli lembaga pengarah yang bebas dan ketua pegawai eksekutif dan pasukan pengurusan yang tersendiri; dan

- Fleksibiliti untuk mengguna pakai sepenuhnya infrastruktur institusi perbankan konvensional sedia ada dalam kumpulan perbankan, termasuk rangkaian cawangan dan perkhidmatan sokongan. Ini mampu memperkukuh struktur keinstitusian perniagaan perbankan Islam di samping mengekalkan sinergi dalam kumpulan perbankan, sejajar dengan matlamat bagi meningkatkan daya saing institusi perbankan Islam dengan memaksimumkan sinergi kumpulan dan kecekapan kos.

Penguruan Risiko

Institusi perbankan Islam terus memberi penekanan pada rangka kerja pengurusan risiko, iaitu satu prasyarat penting dalam pembangunan infrastruktur keinstitusian kewangan yang teguh.

- Pada bulan November 2004, satu semakan semula dijalankan ke atas mekanisme pembiayaan kadar boleh ubah berasaskan konsep *bai' bithaman ajil* (jualan dengan harga tertangguh) bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan penentuan harga bagi pembiayaan ini. Dengan semakan semula ini, spread keuntungan maksimum pembiayaan sebanyak 2.5 mata peratusan melebihi kadar pinjaman asas (BLR), yang menjadi sandaran bagi menentukan kadar keuntungan efektif dimansuhkan. Selain itu, institusi perbankan Islam tidak perlu lagi mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia sekiranya institusi perbankan Islam berhasrat menaikkan kadar keuntungan siling melebihi empat mata peratusan di atas BLR. Sehubungan ini, institusi perbankan Islam dibenarkan untuk menentukan kadar keuntungan siling yang munasabah dengan mengambil kira keupayaan institusi tersebut dalam pengurusan risiko dan juga situasi pasaran. Walau bagaimanapun, institusi perbankan Islam perlu menyertakan maklumat mengenai mekanisme dan tanda aras yang diguna pakai bagi memperoleh kadar keuntungan efektif dalam dokumen perjanjian pembiayaan dan surat tawaran.

Memperkukuh Rangka Kerja Pengawalseliaan, Kehematan dan Operasi

Bagi memastikan sistem perbankan Islam berfungsi dengan berkesan, pelbagai usaha dijalankan bagi memantapkan rangka kerja pengawalseliaan, kehematan dan operasi.

Penubuhan SI mewujudkan struktur keinstitusian yang lebih responsif kepada perkembangan infrastruktur pengawalseliaan kewangan Islam pada masa hadapan dan seterusnya memperkukuh rejim kehematan dan penyeliaan sistem perbankan Islam.

Pengawalseliaan

- Bagi mempertingkatkan tadbir urus korporat bank-bank Islam, Garis Panduan Jawatan Pengarah bagi Bank-bank Islam atau GP1-i (Garis Panduan) dikeluarkan pada bulan Mac 2004. Garis panduan ini bertujuan memperkukuh keberkesanan lembaga pengarah yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengurusan sesebuah bank Islam. Garis panduan ini menggariskan tugas dan tanggungjawab lembaga pengarah, pelantikan dan pelantikan semula pengarah dan ketua eksekutif, jawatan pengarah dalam perbadanan lain dan komposisi lembaga pengarah. Selain itu, bank-bank Islam juga dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Audit dan jawatankuasa lembaga lain yang terdiri daripada Jawatankuasa Penamaan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

- Garis Panduan Laporan Kewangan bagi Institusi Berlesen atau BNM/GP8 yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2004 kepada institusi kewangan

turut memperkenalkan beberapa keperluan baru bagi laporan kewangan operasi perbankan Islam institusi SPI. Antaranya ialah institusi SPI perlu menzahirkan penyata arah aliran tunai dan penyata perubahan ekuiti selain penyata imbangan dan penyata pendapatan. Garis panduan ini juga menggariskan keperluan bagi memaklumkan peranan dan tugas jawatankuasa penasihat Syariah, kewajipan membayar zakat, dasar rizab penyamaan keuntungan dan klasifikasi deposit kepada dua kategori, iaitu deposit *mudharabah* dan deposit bukan *mudharabah*. Keperluan-keperluan di atas diperkenalkan bagi mencerminkan keadaan dan risiko yang berkaitan dengan operasi perbankan Islam. Keperluan penzahiran minimum di atas perlu dipatuhi bermula tahun kewangan Januari 2005.

Kehematan

- Rangka Kerja Kadar Pulangan yang disemak semula dikeluarkan kepada industri perbankan Islam pada bulan Ogos 2004 bagi memberi fleksibiliti yang lebih meluas kepada institusi perbankan Islam dalam pengurusan kadar pulangan dan meningkatkan kecekapan dan kapasiti operasi portfolio perniagaan mereka. Dalam semakan semula ini, institusi perbankan Islam boleh menawarkan kepelbagaian dalam nisbah perkongsian untung, kewajipan mengasingkan deposit *mudharabah* dan bukan *mudharabah*, kewajipan mengklasifikasikan dana kepada dana terhad atau dana tidak terhad dan kelonggaran dalam menetapkan wajaran bagi setiap jenis deposit. Institusi perbankan Islam juga dikehendaki mempamerkan nisbah perkongsian untung dan kadar pulangan bagi setiap jenis deposit dan juga tempoh efektif kadar pulangan itu. Rangka kerja ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2004.

- Selaras dengan pelaksanaan Rangka Kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran oleh institusi perbankan konvensional, rangka kerja yang serupa bagi bank-bank Islam dikeluarkan pada bulan September 2004. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dalam menentukan paras modal yang diperlukan oleh bank-bank Islam bagi menampung risiko pasaran. Risiko pasaran ditakrifkan sebagai risiko kerugian dalam dan luar penyata imbangan berikutan pergerakan dalam harga pasaran. Bank-bank Islam dikehendaki melaksanakan rangka kerja ini sebagai langkah percubaan mulai bulan September 2004 dengan pematuhan sepenuhnya mulai 1 April 2005.

- Berikutan pendekatan dua fasa dalam pelaksanaan Basel II bagi bank konvensional, Bank Negara Malaysia turut mengeluarkan satu pekeliling berkenaan pendekatan yang sama pada bulan September 2004 kepada bank-bank Islam. Bank-bank Islam diberi pilihan sama ada mematuhi Kaedah Terpiawai *(Standardised Approach)* bagi risiko kredit pada tahun 2008 atau terus berpindah kepada Kaedah Berasaskan Penarafan Dalaman *(Internal Ratings Based Approach)* pada tahun 2010. Bank-bank Islam juga dikehendaki mengkaji jurang perbezaan, kesan dan analisis kos dan faedah, rancangan pelaksanaan, jadual masa dan bajet, kajian dan kerja-kerja analisis, serta menggariskan peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah dan pihak pengurusan dalam pelaksanaan Basel II. Keperluan-keperluan ini akan membantu Bank Negara Malaysia memantau kemajuan yang dicapai oleh bank-bank Islam dalam mematuhi keperluan Basel II dan seterusnya dapat dijadikan landasan bagi bank-bank Islam mematuhi piawai kecukupan modal bagi institusi perbankan Islam yang bakal dikeluarkan oleh LPKI pada tahun 2005.

Operasi

- Berkuat kuasa 12 Oktober 2004, deposit pelaburan bertempoh matang kurang daripada sebulan hanya boleh ditawarkan oleh bank-bank Islam dan syarikat diskaun. Sehubungan ini, institusi perbankan yang terlibat dalam Skim Perbankan Islam (bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar) tidak lagi dibenarkan menawarkan deposit pelaburan itu kecuali menerusi perjanjian jual dan beli balik.

- Sejajar dengan usaha memantapkan operasi perbankan Islam dan menyeragamkan amalan industri perbankan, Bank Negara Malaysia memperkenalkan dasar berhubung perlindungan takaful bagi pembiayaan-i (pembiayaan Islam) pada bulan Oktober 2004. Semua institusi perbankan Islam dikehendaki menawarkan pelan takaful sebagai pilihan pertama kepada pelanggan bagi pembiayaan secara Islam yang memerlukan perlindungan. Walau bagaimanapun, sekiranya kos perlindungan, iaitu caruman atau premium, dimasukkan dalam pakej pembiayaan, institusi perbankan Islam wajib menawarkan pelan takaful sahaja.

- Bagi meningkatkan kecekapan dalam mengemukakan permohonan kelulusan produk baru dan penyelenggaraan pangkalan data bagi

semua produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam, Bank Negara Malaysia sedang membangunkan sistem dalam talian, iaitu 'Product Approval and Repository System' (PARS). Pelaksanaan PARS mampu mempercepat pemprosesan permohonan kelulusan produk baru kerana PARS menyediakan kemudahan permohonan dan penyerahan dokumen secara dalam talian. Sistem ini juga memberi kemudahan pemantauan aliran kerja bagi pemprosesan permohonan, dan berkeupayaan memberi maklumat produk terkini yang disimpan dalam sistem. Projek ini dijangka selesai pada tahun 2005.

Memperkukuh Infrastruktur Syariah dan Undang-undang

Rangka kerja Syariah yang berkesan dan kondusif yang dijalin dengan sistem perundangan yang mantap merupakan elemen penting bagi kemajuan sebuah sistem perbankan Islam yang komprehensif. Bank Negara Malaysia terus mempertingkatkan dan memperkemas rangka kerja Syariah dan sistem perundangan supaya selari dengan perkembangan semasa industri perbankan Islam.

- Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam pada bulan Disember 2004 bagi menyelaraskan fungsi dan peranan jawatankuasa Syariah di institusi kewangan Islam.

- Berikutan penubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958, Badan Kehakiman Malaysia dan Pusat Penimbang Tara Serantau Kuala Lumpur kini boleh merujuk kepada MPS sebarang kes pertikaian yang melibatkan isu Syariah dalam perbankan dan kewangan Islam. Sebagai badan rujukan dan penasihat kepada Bank Negara Malaysia mengenai isu Syariah, MPS juga bertanggungjawab mengesahkan produk perbankan Islam dan takaful bagi memastikan ia mematuhi prinsip Syariah.

- Sepanjang tahun 2004, MPS telah bermesyuarat sebanyak enam kali. Antara keputusan penting yang dibuat oleh MPS adalah seperti berikut: -

  - Meluluskan mekanisme bon secara Islam berdasarkan *bai' bithaman ajil* untuk digunakan oleh perbadanan cagaran nasional bagi membeli aset pembiayaan daripada institusi kewangan Islam. Instrumen baru ini adalah instrumen pelaburan alternatif yang ditawarkan kepada pelabur dan peserta pasaran yang mengutamakan pulangan tetap bagi pelaburan mereka. MPS juga telah meluluskan kaedah pembidaan bagi instrumen ini sama ada berdasarkan harga atau kadar pulangan. Kaedah bagi menentukan kadar pulangan kepada pelabur yang berjaya juga boleh ditentukan berdasarkan sama ada pada harga bidaan atau kadar keuntungan yang dibida atau purata berwajaran bagi kadar keuntungan yang dibida.

  - Pembiayaan secara Islam yang memasukkan kos perlindungan sebagai sebahagian daripada pakej pembiayaan perlu dilindungi oleh takaful. Ini bertujuan mengelakkan penglibatan institusi kewangan Islam dalam sebarang urus niaga yang tidak mematuhi prinsip Syariah. Walau bagaimanapun, MPS berpendapat bahawa sekiranya kos perlindungan tidak dimasukkan sebagai sebahagian daripada pakej pembiayaan, institusi kewangan Islam perlu menawarkan takaful sebagai pilihan pertama kepada pelanggan.

  - Kelulusan secara prinsip mengenai urus niaga swap kadar keuntungan berdasarkan peraturan jual dan beli balik diberikan kepada sebuah bank saudagar SPI. Swap kadar keuntungan yang dicadangkan ini ialah pengaturan yang melibatkan satu pihak menukar obligasi kadar keuntungan tetap bagi asetnya dengan obligasi kadar keuntungan boleh ubah bagi aset pihak rakan niaga, atau sebaliknya. Salah satu daripada rasional mekanisme ini adalah untuk membolehkan institusi kewangan Islam memadankan pelaburan atau pembiayaan kadar tetap jangka panjang dengan kadar pendanaan boleh ubah jangka pendek bagi mengurangkan pendedahan pada risiko pasaran.

- Pada tahun 2004, Jawatankuasa Kajian Semula Undang-undang yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Jun 2003 mengkaji semula undang-undang percukaian dan duti setem yang kini diguna pakai bagi urus niaga perbankan dan kewangan Islam, dan mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak Kerajaan. Selaras dengan cadangan ini, Kerajaan mengumumkan dasar percukaian sama rata bagi perbankan dan kewangan Islam dalam Bajet 2005 bagi memastikan layanan cukai yang sama rata ke atas urus niaga perbankan dan kewangan Islam berbanding urus niaga perbankan konvensional. Di bawah rangka kerja cukai yang sama rata ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengecualikan duti setem

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam

Pelan Induk Sektor Kewangan bagi perbankan Islam dan takaful memberi penekanan kepada peri pentingnya satu rangka kerja Syariah yang berkesan dalam pembangunan perbankan Islam dan takaful. Rangka kerja Syariah ini dapat memastikan keselarasan dan keseragaman pentafsiran Syariah yang akan memperkukuh pengawalseliaan dan tadbir urus industri kewangan Islam. Menyedari hakikat ini, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah Bagi Institusi Kewangan Islam pada bulan Disember 2004, bertujuan untuk mewujudkan kesepakatan dalam keputusan-keputusan Syariah, di samping memperbanyak bilangan ahli Syariah yang berkebolehan dalam perbankan Islam dan takaful.

Sebelum garis panduan ini dikeluarkan, terdapat pelbagai badan Syariah ditubuhkan di bawah beberapa rangka kerja perundangan yang berbeza. Misalnya, di bawah Akta Bank Islam 1983, sesebuah bank Islam dikehendaki menubuhkan badan penasihat Syariah, manakala pengendali takaful dikehendaki menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah di bawah Akta Takaful 1984. Institusi kewangan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang menyertai Skim Perbankan Islam (SPI) dikehendaki melantik sekurang-kurangnya seorang penasihat Syariah, manakala institusi kewangan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 melantik badan Syariah atas inisiatif mereka sendiri. Badan-badan Syariah ini tidak dikawal selia dengan sepenuhnya dan beroperasi secara berasingan serta bebas daripada Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia. Badan-badan Syariah ini perlu dikawal selia untuk mengelakkan percanggahan dalam pentafsiran Syariah bagi perkara yang sama dan menghapuskan kekeliruan di kalangan masyarakat. Amalan semasa yang membenarkan individu yang sama menganggotai badan-badan Syariah di institusi kewangan Islam perlu dinilai semula dari segi tadbir urus korporat, terutamanya dari segi peruntukan kerahsiaan.

Bagi menangani isu ini, Bank Negara Malaysia telah meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 pada tahun 2003 bagi mempertingkatkan peranan dan fungsi MPS Bank Negara Malaysia. MPS telah diberi pengiktirafan sebagai badan berkuasa tunggal berhubung isu-isu Syariah dalam perbankan Islam, takaful dan kewangan Islam. Kuasa MPS merangkumi kesemua institusi kewangan di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. Satu lagi aspek penting berhubung dengan perkara ini ialah persetujuan Badan Kehakiman Malaysia untuk merujuk kepada MPS berhubung kes-kes pertikaian yang melibatkan isu-isu Syariah dalam perbankan dan kewangan Islam. Oleh itu, bagi memelihara kewibawaannya, ahli MPS Bank Negara Malaysia tidak dibenarkan menganggotai sebarang jawatankuasa Syariah institusi-institusi kewangan.

Berikutan penubuhan MPS Bank Negara Malaysia, garis panduan bagi mengukuhkan jawatankuasa Syariah di institusi kewangan Islam dikeluarkan pada bulan Disember 2004. Garis panduan ini yang akan berkuat kuasa pada 1 April 2005 menggariskan peraturan, pengawalan dan tatacara penubuhan jawatankuasa Syariah, peranan, skop tugas dan tanggungjawab jawatankuasa itu serta hubungan dan aturan kerja antara jawatankuasa berkenaan dengan MPS Bank Negara Malaysia. Semua bank Islam, institusi perbankan yang menyertai SPI, pengendali takaful dan institusi kewangan pembangunan yang menawarkan kemudahan perbankan Islam diwajibkan menubuhkan jawatankuasa Syariah. Bank SPI dibenarkan untuk menubuhkan jawatankuasa Syariah dalam kumpulan perbankan masing-masing, manakala pengendali takaful dikehendaki menubuhkan jawatankuasa Syariahnya sendiri seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.

Antara tugas dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut adalah untuk menasihati lembaga pengarah mengenai hal-hal Syariah dan memastikan operasi perniagaan bank berkenaan mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa, mengesahkan Manual Pematuhan Syariah dan meluluskan serta mengesahkan dokumentasi berkaitan. Jawatankuasa itu juga dikehendaki memberikan ulasan atau keputusan Syariah secara bertulis bagi tujuan rekod dan rujukan.

Bagi memastikan tugas jawatankuasa Syariah ini berjalan lancar, setiap institusi kewangan Islam bertanggungjawab membantu jawatankuasa ini dalam pelaksanaan tugasnya. Institusi kewangan Islam dikehendaki merujuk semua isu Syariah kepada jawatankuasa ini bagi mendapatkan nasihat dan seterusnya mengguna pakai nasihat yang berkaitan. Institusi kewangan Islam juga dikehendaki memastikan dokumentasi produk yang mengandungi isu Syariah dilulus dan disahkan oleh jawatankuasa Syariah, membenarkan jawatankuasa meneliti semua rekod yang berkaitan, urus niaga, buku panduan atau maklumat lain yang berkaitan supaya ahli jawatankuasa Syariah dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Di samping itu, institusi kewangan Islam juga perlu menyediakan sumber yang mencukupi, khidmat rundingan pakar bebas, bahan rujukan dan latihan.

Seseorang individu hanya dibenarkan menjadi ahli bagi satu jawatankuasa Syariah bagi setiap industri. Sekiranya beliau menjadi ahli jawatankuasa Syariah bagi sebuah institusi perbankan Islam, beliau tidak dibenarkan menganggotai jawatankuasa Syariah institusi lain dalam industri yang sama, tetapi dibenarkan menganggotai jawatankuasa Syariah syarikat takaful. Sesebuah syarikat atau institusi tidak dibenarkan lagi menjadi ahli jawatankuasa Syariah kerana garis panduan ini menghadkan keahlian kepada individu sahaja. Ahli jawatankuasa Syariah mestilah sekurang-kurangnya berkelayakan dalam bidang perundangan Islam (*Usul Fiqh*) atau urus niaga Islam/undang-undang komersial *(Fiqh Mu'amalat)* atau memiliki pengetahuan yang diperlukan serta kepakaran atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

Bilangan minimum ahli jawatankuasa Syariah ialah tiga orang. Di samping itu, institusi kewangan Islam perlu melantik sekurang-kurangnya seorang pegawai, sebaik-baiknya yang mempunyai pengetahuan dalam bidang Syariah, untuk menjadi sekretariat kepada jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini akan melapor kepada lembaga pengarah institusi kewangan Islam. Struktur pelaporan ini menggambarkan status jawatankuasa ini sebagai sebuah badan bebas dalam institusi kewangan Islam.

Garis Panduan ini dijangka dapat mempertingkat dan memperkukuhkan tadbir urus Syariah institusi kewangan dan menyumbang ke arah pembentukan satu kumpulan penasihat Syariah yang bukan sahaja lebih besar bilangannya bahkan juga lebih berkelayakan, mahir dan berpengalaman.

dan bayaran cukai ke atas instrumen dan urus niaga tambahan yang diperlukan bagi tujuan pematuhan Syariah. Seterusnya, pindaan juga dibuat ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949 bagi tujuan pelaksanaan rangka kerja ini. Sehubungan dengan pindaan-pindaan tersebut, Bank Negara Malaysia diberi kuasa untuk mengesyorkan kepada LHDN instrumen dan urus niaga tambahan yang perlu diberi pengecualian duti setem.

Mempertingkatkan Pembangunan Sumber Manusia dan Pendidikan Pengguna

Sepanjang tahun 2004, usaha terus ditumpukan ke arah membangunkan sumber manusia dan kemahiran bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing perbankan Islam. Ia bertujuan mempertingkatkan pembangunan sumber intelektual dan seterusnya melahirkan lebih ramai pakar dan profesional yang berkaliber tinggi dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

- Bagi mencapai objektif ini, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) menganjurkan beberapa kursus perbankan dan kewangan Islam, meliputi aspek pengurusan, operasi, Syariah dan perundangan. IBFIM menjalankan usaha sama dengan institusi kewangan Islam dan institusi lain di dalam dan di luar negeri bagi membangunkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif dan lengkap. IBFIM turut membantu institusi kewangan merangka program latihan bagi memenuhi keperluan khusus mereka. Di samping itu, IBFIM turut menyediakan khidmat nasihat dan pakar runding kepada institusi tempatan dan asing.

- Dua bengkel iaitu Bengkel Pengurusan Risiko dan Kecukupan Modal, dan Bengkel Pelaksanaan Pasaran Wang Secara Islam bagi perbankan dan kewangan Islam dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia pada 23 September 2004. Bengkel Pengurusan Risiko dan Kecukupan Modal

memberi pemahaman mengenai proses penetapan piawai dan cabaran yang dihadapi oleh institusi kewangan Islam dalam melaksanakan pengurusan risiko dan memenuhi kehendak piawai kecukupan modal LPKI. Bengkel Pelaksanaan Pasaran Wang Secara Islam menumpukan pada pembangunan dan kepentingan pasaran wang secara Islam sebagai komponen yang penting dalam sistem kewangan Islam yang komprehensif.

- Bagi menambah kesedaran dan pendidikan pengguna, satu kaji selidik dijalankan untuk mengetahui keperluan pelanggan dan sejauh mana produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh industri perbankan Islam memenuhi keperluan tersebut. Hasil kaji selidik tersebut menunjukkan pentingnya meningkatkan hubungan dengan pelanggan kerana pelanggan semakin mementingkan kualiti hubungan dengan institusi perbankan. Oleh itu, pengukuhan sumber manusia adalah penting. Para pelanggan kini semakin bijak menilai dan menuntut pembezaan produk yang lebih meluas dan perkhidmatan nilai tambah bagi memenuhi keperluan kewangan mereka.

- Bank Negara Malaysia turut menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia yang julung kali dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dari 14 hingga 18 Ogos 2004, dan Ekspo Perbankan Islam dan Takaful yang dianjurkan oleh Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia dari 8 hingga 10 Oktober 2004.

- Bank Negara Malaysia melancarkan laman web pasaran wang secara Islam pada bulan Oktober 2004, sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menyebarkan maklumat instrumen kewangan Islam tempatan dengan cekap dan berkesan. Menerusi laman web, ketelusan dalam operasi pasaran wang secara Islam dipertingkatkan dan seterusnya memudahkan keputusan pelaburan dibuat serta meningkatkan keyakinan orang ramai mengenai pelaburan mereka. Laman web ini juga menyediakan kemudahan analisis bagi mencarta data sejarah, di samping maklumat berhubung peraturan berurus niaga dalam pasaran wang secara Islam. Laman web ini, *http://iimm.bnm.gov.my*, akan dihubungrangkaikan dengan laman web di pasaran lain sebagai landasan bagi pertukaran maklumat dan pengetahuan melangkaui sempadan Malaysia.

- Dalam usaha menjadikan Malaysia pusat pendidikan dan latihan perbankan dan kewangan Islam yang cemerlang, inisiatif sedang diambil bagi menubuhkan sebuah institut pendidikan dan latihan kewangan bagi memenuhi keperluan tenaga manusia yang kian meningkat ekoran pembangunan keinstitusian masa kini. Menerusi rangka kerja sumber manusia yang berkesan seperti ini, ia mampu membekalkan sumber manusia yang dapat memenuhi keperluan tenaga pakar dan pekerja mahir bagi industri perbankan Islam.

PENYELIAAN SISTEM PERBANKAN ISLAM

Komponen utama dalam perkembangan sistem perbankan Islam yang mapan dan berdaya maju adalah pembentukan rangka kerja penyeliaan yang kukuh, yang mempunyai keupayaan khusus bagi menangani ciri-ciri unik aktiviti perbankan Islam. Memandangkan perbankan dan kewangan Islam telah menjadi komponen bersepadu dalam sistem perbankan, sebarang tekanan yang dialami oleh sistem perbankan Islam berkemungkinan boleh menjejaskan sistem kewangan keseluruhannya.

Bank-bank Islam diselia berdasarkan rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko yang sama seperti sistem perbankan konvensional. Situasi kewangan dan operasi perbankan Islam dinilai menggunakan penarafan rangka kerja CAMELS-*i*. Rangka kerja ini menilai tahap kecukupan modal, kualiti aset, kualiti pengurusan, prestasi perolehan, kedudukan mudah tunai dan kepekaan kepada risiko pasaran. Walau bagaimanapun, kriteria penarafan ini telah diubah suai bagi memenuhi keperluan ciri-ciri khusus operasi perbankan Islam. Penarafan CAMELS-*i* juga merangkumi penilaian ke atas kesempurnaan sistem pengurusan risiko institusi tersebut. Aspek penting dalam penyeliaan operasi perbankan Islam ialah untuk memeriksa kepatuhan institusi perbankan Islam kepada prinsip-prinsip Syariah. Bagi tujuan ini, 'senarai semakan kepatuhan Syariah' telah dikeluarkan sebagai panduan kepada penyelia bank untuk menjalankan fungsi penyeliaan mereka.

Pada tahun 2004, selaras dengan PISK, institusi perbankan Islam telah membuat pelaburan yang lebih besar bagi mempertingkatkan keupayaan sistem pengurusan risiko mereka untuk membina ketahanan supaya dapat beroperasi dengan efisien dalam persekitaran persaingan yang semakin sengit. Pembangunan produk serta inovasi juga dipertingkatkan bagi menghasilkan pelbagai produk kewangan yang mampu memenuhi keperluan pengguna. Institusi

perbankan Islam juga memaju dan mempertingkatkan proses operasi mereka dalam usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan untuk beroperasi dalam persekitaran yang lebih dinamik dan berdaya saing. Ujian ketahanan ke atas institusi perbankan Islam menunjukkan bahawa modal yang ada kini mencukupi sebagai benteng bagi menghadapi kejutan ekonomi dan memenuhi perkembangan pelan perniagaan mereka.

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia telah menjalankan pemeriksaan di premis bank-bank Islam, termasuk ibu pejabat dan cawangan, serta pemeriksaan ke atas institusi kewangan konvensional (bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun) yang menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam di bawah SPI. Pemeriksaan yang dijalankan ini merupakan sebahagian daripada pemeriksaan menyeluruh terhadap institusi kewangan konvensional. Bagi tujuan menilai keseluruhan kedudukan kewangan dan operasi perbankan SPI dalam institusi kewangan konvensional, perhatian khusus ialah untuk memastikan tatacara dan kawalan dalaman yang ketat telah diwujudkan bagi mengelak percampuran dana perbankan Islam dengan dana konvensional. Pemeriksaan di premis ini dilengkapi dengan pengawasan di luar premis bagi memastikan pemantauan yang berterusan ke atas institusi perbankan ini. Pendekatan penyeliaan serampang dua mata ini membolehkan Bank Negara Malaysia mengesan masalah dengan lebih awal dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya pada masa yang tepat.

Kemasukan institusi kewangan Islam asing yang baru dan penubuhan subsidiari Islam oleh institusi perbankan tempatan dijangka akan menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang lebih inovatif dalam pasaran. Meskipun perkembangan ini akan membantu memperluas dan memperdalam lagi pasaran kewangan Islam, penyelia bank perlu memastikan bahawa institusi kewangan ini mempunyai sistem pengurusan risiko yang mencukupi bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal semua risiko yang berkaitan serta mempunyai modal yang mencukupi bagi menangani risiko berkenaan.

Proses dan tatacara penyeliaan yang sedia ada akan terus dikembangkan sejajar dengan piawai terbaik antarabangsa. Piawai pengawalseliaan yang dapat menangani secara khusus ciri-ciri unik operasi ini adalah penting bagi memastikan daya tahan dan daya saing sektor perbankan Islam. Dalam hal ini, peranan LPKI, iaitu badan yang ditubuhkan bagi mengeluarkan piawai penyeliaan yang berhemat untuk industri kewangan dan perbankan Islam, bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan rangka kerja penyeliaan yang lebih teguh di Malaysia. Seiring dengan perkembangan ini, satu kumpulan penyelia yang khusus telah dikenal pasti sebagai kumpulan rujukan kepada penyelia perbankan lain. Kumpulan penyelia khusus ini akan sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam bidang perbankan Islam.

Penyelia bank akan menghadapi cabaran yang lebih rumit dan mencabar pada masa hadapan memandangkan sistem akan menjadi semakin kompleks dan liberal. Bagi memenuhi keperluan penyeliaan yang semakin meningkat dalam perubahan persekitaran yang pesat, sumber-sumber akan terus dilaburkan bagi memperkukuh keupayaan penyeliaan Bank Negara Malaysia.

Komponen utama dalam perkembangan sistem perbankan Islam yang mapan dan berdaya maju adalah pembentukan rangka kerja penyeliaan yang kukuh, yang mempunyai keupayaan khusus bagi menangani ciri-ciri unik dalam aktiviti perbankan Islam.

PRESTASI SISTEM PERBANKAN ISLAM

Industri perbankan Islam terus menunjukkan perkembangan yang kukuh sejajar dengan perkembangan ekonomi negara pada tahun 2004. Ini berikutan peningkatan bahagian pasaran industri perbankan Islam dari segi aset, pembiayaan dan deposit daripada jumlah keseluruhan sistem perbankan. Industri perbankan Islam berjaya mengekalkan prestasi dan mengukuhkan paras permodalan mereka ekoran peningkatan modal dan keuntungan serta peningkatan dalam aktiviti pembiayaan. Selain itu, kualiti aset bertambah baik dengan trend nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih yang menurun dan peruntukan kerugian pembiayaan yang tinggi.

Kekukuhan Modal

Sektor perbankan Islam terus mengekalkan kekukuhan modal. Nisbah modal berwajaran risiko dan nisbah modal teras kekal masing-masing melebihi paras 12% dan 10% pada sepanjang tahun. Modal asas institusi perbankan

Islam bertambah daripada RM6.8 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM7.8 bilion pada akhir tahun 2004. Peningkatan modal asas ini disumbangkan terutamanya oleh suntikan modal baru dan keuntungan yang telah diaudit. Jumlah aset berwajaran risiko bagi sistem perbankan Islam meningkat sebanyak 20.4% atau RM10.6 bilion kepada RM62.5 bilion sepanjang 12 bulan yang lepas. Kesemua kategori aset berisiko mencatat pertumbuhan kecuali bagi kategori aset berisiko 20% yang menunjukkan pengurangan dalam pegangan Instrumen Penerimaan Islam dan simpanan dalam institusi perbankan tempatan. Pertambahan yang besar dicatatkan dalam kategori aset berisiko 100% dan 0% (masing-masing sebanyak RM10 bilion dan RM8 bilion) berikutan peningkatan dalam pembiayaan lain dan simpanan di Bank Negara Malaysia. Pada akhir tahun 2004, sistem perbankan Islam mencatat nisbah modal berwajaran risiko yang kukuh pada paras 12.5% dan nisbah modal teras pada paras 10.4%.

Graf 6.2
Sistem Perbankan Islam:
Kecukupan Modal pada tahun 2004



Industri perbankan Islam terus menunjukkan perkembangan yang kukuh sejajar dengan perkembangan ekonomi negara pada tahun 2004.

Nisbah modal berwajaran risiko bank-bank Islam dan bank perdagangan SPI masing-masing berada pada paras 12.5% dan 12.7%. Nisbah modal berwajaran risiko bagi bank saudagar SPI meningkat daripada 13.5% kepada 14.5% terutamanya disebabkan oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam modal asas berbanding dengan peningkatan dalam jumlah aset berwajaran risiko. Nisbah modal berwajaran risiko bagi syarikat kewangan SPI berada pada paras 10.8%

Jadual 6.1
Sistem Perbankan Islam:
Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2004*a*
	2003	2004*a*	
	RM juta		
Sumber			
Modal dan rizab	2,081	725	7,509
Deposit	6,906	12,647	72,859
Dana daripada institusi kewangan lain	2,541	-2,958	4,027
Liabiliti lain	2,598	1,925	10,185
Jumlah	**14,126**	**12,339**	**94,580**
Kegunaan			
Wang tunai	15	16	271
Rizab dengan Bank Negara Malaysia	321	-159	1,358
Deposit dengan institusi kewangan lain	1,247	9,670	18,652
Pembiayaan	11,897	9,223	57,883
Sekuriti	3,277	-3,510	19,044
Aset lain	-2,631	-2,901	-2,628[1]

[1] Menunjukkan baki tertunggak antara cawangan.
a Awalan

dengan penurunan yang ketara dalam modal asas sebanyak 58.4% atau RM1,170 juta kepada RM832 juta pada akhir tahun 2004, terutamanya disebabkan oleh penggabungan operasi empat buah syarikat kewangan SPI dengan bank perdagangan SPI dalam kumpulan yang sama. Seterusnya, ini mendorong kepada kejatuhan dalam jumlah aset berwajaran risiko sebanyak 49% atau RM7.4 bilion.

Aset

Pada akhir tahun 2004, jumlah aset sektor perbankan Islam bertambah RM12.3 bilion atau 15% kepada RM94.6 bilion. Sebahagian besar pertambahan dalam jumlah aset disumbangkan oleh pertumbuhan yang tinggi dalam jumlah pembiayaan. Pada akhir tahun 2004, jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM57.9 bilion atau 61.2% daripada jumlah keseluruhan aset perbankan Islam. Sementara itu, pelaburan dalam sekuriti berkurang 15.6% (RM3.5 bilion) pada tahun 2004 kepada RM19 bilion atau 20.1% daripada jumlah aset. Dari segi bahagian pasaran, sebahagian besar aset perbankan Islam masih dikuasai oleh bank perdagangan SPI dengan bahagian pasaran sebanyak 57%, diikuti oleh bank-bank Islam (26.3%) dan syarikat kewangan SPI (8.2%). Dari segi pertumbuhan aset, bank saudagar SPI mencatat pertumbuhan tertinggi sebanyak 47.1%, diikuti bank perdagangan SPI (46.5%) dan bank-bank Islam (18.4%).

Aktiviti Pembiayaan

Aktiviti pembiayaan sistem perbankan Islam terus berkembang pada tahun 2004. Permintaan yang tinggi terhadap pembiayaan pada tahun 2004 menyebabkan peningkatan dalam bilangan permohonan pembiayaan yang diterima oleh institusi perbankan Islam. Ini dibuktikan oleh kelulusan pembiayaan yang meningkat sebanyak 0.6% dan pengeluaran pembiayaan yang juga meningkat sebanyak 14%. Di samping itu, pembayaran balik pembiayaan meningkat 28.6% berikutan ramai pelanggan membayar balik pembiayaan dan membuat pembiayaan semula bagi mengambil peluang persekitaran kos dana yang rendah.

Pada tahun 2004, jumlah pembiayaan berkembang 19% atau RM9.2 bilion (2003: 32.4% atau RM11.9 bilion). Pembiayaan pengguna meningkat sebanyak 19.7% disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh. Begitu juga pembiayaan untuk pembelian kenderaan pengangkutan (terutamanya untuk pembelian kereta penumpang) mencatat pertumbuhan 15.2%, manakala pembiayaan untuk pembelian harta kediaman bertambah 7.3%. Permintaan pengguna yang lebih tinggi terus berkembang berikutan pakej-pakej pembiayaan yang menarik dan kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam. Pada tahun 2004, pembiayaan yang diberi kepada sektor perkilangan terus kukuh untuk mencakupi 10.6% daripada jumlah pembiayaan pada akhir tahun 2004 (akhir 2003: 9%). Pembiayaan berkonsepkan *bai' bithaman ajil* menguasai 49.9% daripada jumlah pembiayaan, sementara pembiayaan berkonsepkan *ijarah* (pemajakan) menguasai 24%.

Sektor perbankan Islam terus memberi tumpuan kepada pemberian pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pembiayaan terkumpul yang dikeluarkan oleh institusi perbankan Islam kepada PKS bertambah 29.6%, iaitu daripada RM6.2 bilion pada akhir tahun 2003 kepada RM8

Jadual 6.2
Sistem Perbankan Islam: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun		Perubahan tahunan (%)
	2003	2004*a*	
	RM juta		
Kelulusan pembiayaan	16,168	16,260	0.6
Pengeluaran pembiayaan	36,049	41,089	14.0
Pembayaran balik pembiayaan	26,157	33,639	28.6
	Pada akhir tahun		Perubahan tahunan (%)
	2003	2004*a*	
	RM juta		
Pembiayaan terkumpul	48,660	57,883	19.0

a Awalan

Jadual 6.3
Sistem Perbankan Islam: Haluan Pembiayaan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2004*a*
	2003	2004*a*	
	RM juta		
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	267.6	467.0	2,328.6
Perlombongan dan kuari	-11.0	13.1	76.6
Perkilangan	505.6	1,725.8	6,112.6
Bekalan elektrik, gas dan air	-284.8	470.3	719.2
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	89.4	115.2	418.5
Sektor harta benda yang luas	4,747.0	1,923.6	22,451.0
Harta tanah	*142.6*	*94.5*	*906.4*
Pembinaan	*655.3*	*597.4*	*3,530.9*
Pembelian harta kediaman	*3,581.4*	*1,044.4*	*15,433.3*
Pembelian harta bukan kediaman	*367.7*	*187.3*	*2,580.4*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	410.6	1,273.9	3,070.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	199.5	152.2	1,176.5
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	661.6	156.8	2,090.1
Pembelian sekuriti	-14.1	-42.7	878.1
Kredit penggunaan	5,584.9	2,931.2	17,803.4
Kad kredit	*95.7*	*155.8*	*312.0*
Kegunaan persendirian	*575.5*	*812.2*	*2,449.3*
Pembelian barangan pengguna	*-9.2*	*-10.5*	*43.6*
Pembelian kenderaan pengangkutan	*4,922.9*	*1,973.7*	*14,998.5*
Lain-lain	-258.7	36.1	757.0
Jumlah	**11,897.6**	**9,222.5**	**57,882.5**

a Awalan

Graf 6.3
Sistem Perbankan Islam: Konsep Pembiayaan Utama



bilion pada akhir tahun 2004. Pembiayaan secara Islam menyumbang sebanyak 13.8% daripada jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada PKS pada akhir 2004 berbanding dengan 7.5% pada akhir tahun 2003.

Kualiti Aset

Kualiti aset industri perbankan Islam terus bertambah baik sepanjang tahun 2004. Pada akhir tahun 2004, nisbah pembiayaan tidak berbayar (NPF) kasar dan bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan masing-masing berada pada paras 8.1% (2003: 8.5%) dan 5.3% (2003: 5.5%). Nisbah NPF bersih bagi institusi perbankan Islam kekal dalam lingkungan 4.8% hingga 5.7% sepanjang tahun 2004. Nisbah perlindungan kerugian pembiayaan kekal tinggi pada paras 60.5% daripada jumlah NPF pada akhir 2004. Dari segi amaun sebenar, perlindungan kerugian pembiayaan bertambah kepada RM3 bilion daripada RM2.4 bilion pada tahun 2003. Pendapatan tergantung, peruntukan am dan peruntukan khas yang diperuntukkan oleh institusi perbankan Islam

Jadual 6.4
Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan Tidak Berbayar dan Peruntukan Kerugian

	Pada akhir tahun					
	2003			2004*a*		
	Sebenar[1]	Klasifikasi		Sebenar[1]	Klasifikasi	
		3 bulan	6 bulan		3 bulan	6 bulan
	RM juta					
Bank-bank Islam						
Jumlah pembiayaan	9,809.2			11,463.3		
Peruntukan am	174.7	174.7	174.7	163.9	163.9	163.9
Pendapatan tergantung	178.2	186.9	178.2	204.1	215.3	204.1
Peruntukan khas	405.5	433.7	405.5	424.0	457.7	424.0
Pembiayaan tidak berbayar	1,575.6	2,002.3	1,575.6	1,668.7	2,152.7	1,668.7
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	10.8	15.0	10.8	9.6	13.7	9.6
Jumlah peruntukan/Pembiayaan tidak berbayar (%)	48.1	39.7	48.1	47.5	38.9	47.5
Bank perdagangan[2]						
Jumlah pembiayaan	22,323.8			38,803.0		
Peruntukan am	400.9	379.7	300.8	923.2	922.9	545.5
Pendapatan tergantung	213.3	130.1	207.1	341.5	343.6	334.8
Peruntukan khas	280.3	284.4	309.3	544.8	552.5	532.3
Pembiayaan tidak berbayar	1,991.7	2,274.4	1,653.7	2,798.6	3,411.7	2,542.4
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	6.9	8.5	5.2	5.0	6.6	4.4
Jumlah peruntukan/Pembiayaan tidak berbayar (%)	44.9	34.9	49.4	64.7	53.3	55.6
Syarikat kewangan[2]						
Jumlah pembiayaan	15,746.0			6,823.5		
Peruntukan am	316.7	316.6	318.7	130.0	130.0	130.0
Pendapatan tergantung	150.8	155.8	149.8	100.5	107.9	100.5
Peruntukan khas	274.9	296.7	274.5	136.4	151.4	136.4
Pembiayaan tidak berbayar	832.3	1,058.7	805.1	389.5	639.2	389.5
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	2.7	4.0	2.5	2.3	5.8	2.3
Jumlah peruntukan/Pembiayaan tidak berbayar (%)	89.2	72.6	92.3	94.2	60.9	94.2
Bank saudagar[2]						
Jumlah pembiayaan	781.0			792.7		
Peruntukan am	12.1	12.1	12.1	12.9	12.9	12.9
Pendapatan tergantung	20.6	20.7	20.6	7.6	7.6	7.6
Peruntukan khas	5.4	5.4	5.4	14.9	14.9	14.9
Pembiayaan tidak berbayar	125.6	128.3	125.6	109.8	109.8	109.8
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	13.2	13.5	13.2	11.3	11.3	11.3
Jumlah peruntukan/Pembiayaan tidak berbayar (%)	30.3	29.8	30.3	32.2	32.2	32.2
Sistem perbankan Islam						
Jumlah pembiayaan	48,660.0			57,882.5		
Peruntukan am	904.4	883.2	806.2	1,230.0	1,229.7	852.3
Pendapatan tergantung	562.9	493.5	555.6	653.7	674.4	647.0
Peruntukan khas	966.0	1,020.2	994.6	1,120.1	1,176.5	1,107.6
Pembiayaan tidak berbayar	4,525.2	5,463.7	4,160.0	4,966.7	6,313.4	4,710.5
Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih (%)[3]	6.4	8.4	5.5	5.7	8.0	5.3
Jumlah peruntukan/Pembiayaan tidak berbayar (%)	53.8	43.9	56.6	60.5	48.8	55.3

[1] Pembiayaan yang diklasifikasikan sebagai pembiayaan tidak berbayar mengikut dasar pengelasan institusi perbankan masing-masing iaitu 3 bulan atau 6 bulan.

[2] Merujuk kepada portfolio perbankan Islam bagi institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam dan merupakan subset kepada jumlah yang dilaporkan untuk keseluruhan sistem perbankan bagi bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar.

[3] Nisbah pembiayaan tidak berbayar bersih = (Pembiayaan tidak berbayar selepas ditolak pendapatan tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Jumlah pembiayaan selepas ditolak pendapatan tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.

a Awalan

Graf 6.4
Sistem Perbankan Islam:
Nisbah Pembiayaan Tidak Berbayar Bersih[1]



[1] Berdasarkan klasifikasi sebenar.

masing-masing meningkat 16.1%, 36.6% dan 15.8% pada tahun 2004. Peratusan peruntukan am daripada jumlah pembiayaan industri perbankan Islam meningkat kepada 2.1% pada tahun 2004 daripada 1.8% pada akhir tahun 2003, mencerminkan langkah berhemat yang diambil oleh institusi perbankan Islam dalam membuat peruntukan yang tinggi untuk pembiayaan.

Sektor harta benda yang luas terus mencatat bahagian terbesar sebanyak 66.7% daripada jumlah NPF (2003: 62.4%). NPF yang tinggi dalam sektor harta benda yang luas dicatatkan dalam sektor harta kediaman dan pembinaan dengan masing-masing bertambah sebanyak RM345.9 juta (24%) dan RM176.9 juta (29.8%). Paras NPF untuk harta kediaman kepada jumlah pembiayaan untuk sektor ini bertambah daripada 10% pada akhir tahun 2003 kepada 11.6% pada akhir tahun 2004. Selain daripada sektor harta benda yang luas, terdapat juga pertambahan NPF untuk pembelian bagi subsektor kenderaan pengangkutan, terutamanya bagi pembelian kenderaan penumpang yang mencatat jumlah NPF sebanyak RM116.1 juta.

Graf 6.5
Sistem Perbankan Islam:
Kadar Pulangan Purata kepada Pendeposit Pelaburan Am



Kadar Pulangan

Sepanjang tahun 2004, kadar pulangan kepada pendeposit pelaburan am menunjukkan arah aliran yang menurun untuk semua tempoh matang. Deposit pelaburan am bertempoh matang 1 bulan dan 3 bulan masing-masing mencatat kadar pulangan dalam julat antara 2.63% hingga 2.87% dan 2.73% hingga 2.93%. Trend yang menurun dalam kadar pulangan disebabkan oleh kenaikan yang lebih tinggi dalam jumlah deposit pelaburan am berbanding kenaikan dalam pendapatan boleh agih bersih. Deposit pelaburan am mencatat pertumbuhan bulanan purata sebanyak 1.5%, sementara pendapatan boleh agih bersih mencatat peningkatan bulanan purata sebanyak 1.3%.

Keuntungan

Pada tahun 2004, sektor perbankan Islam mencatat peningkatan sebanyak 14.1% bagi pendapatan bersih (daripada aktiviti pembiayaan dan sekuriti) sebanyak RM306.6 juta pada peringkat operasi. Pendapatan lain pula mencatat pertumbuhan sebanyak RM87.5 juta atau 11.8%. Sektor perbankan Islam mencatat keuntungan sebelum peruntukan berjumlah RM2.6 bilion (2003: RM2.3 bilion) dan selepas mengambil kira peruntukan kerugian pembiayaan, sektor perbankan Islam mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tahun kalendar 2004 berjumlah RM986.3 juta (2003: RM960.4 juta). Meskipun terdapat peruntukan kerugian pembiayaan yang tinggi sebanyak RM1.6 bilion, sektor perbankan Islam mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi berikutan peningkatan dalam pendapatan melebihi peningkatan dalam jumlah peruntukan. Pertambahan yang lebih tinggi dalam peruntukan kerugian pembiayaan dan peruntukan lain oleh institusi perbankan Islam adalah sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan dalam

Jadual 6.5
Sistem Perbankan Islam:
Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kalendar		Perubahan tahunan	
	2003	2004*a*		
	RM juta			%
Pendapatan[1] selepas ditolak pendapatan tergantung	3,864	4,296	432	11.2
(Pendapatan tergantung)	*307*	*310*	*3*	*1.0*
Tolak: Perbelanjaan[1]	1,689	1,814	125	7.4
Pendapatan bersih	2,175	2,482	307	14.1
Campur: Pendapatan lain	748	836	88	11.8
Tolak: Kos kakitangan	232	267	35	15.1
Kos overhed	384	422	38	9.9
Keuntungan sebelum peruntukan	2,307	2,629	322	14.0
Tolak: Peruntukan kerugian pembiayaan dan peruntukan lain	1,347	1,643	296	22.0
Keuntungan sebelum cukai	960	986	26	2.7
Pulangan atas aset (%)	1.2	1.0		
Pulangan atas ekuiti (%)	14.2	13.1		

[1] Daripada aktiviti pembiayaan dan sekuriti.
a Awalan

NPF dan rizab penyamaan keuntungan. Walau bagaimanapun, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti masing-masing menurun kepada 1% dan 13.1% sejajar dengan peningkatan dalam saiz aset dan dana modal.

Mudah Tunai

Sistem perbankan Islam mempunyai mudah tunai yang mencukupi sepanjang tahun 2004. Jumlah deposit mencatat pertumbuhan yang sederhana, iaitu 21% atau RM12.7 bilion bagi mencapai RM72.9 bilion pada akhir tahun 2004. Bank perdagangan SPI dan bank-bank Islam menguasai sebahagian besar jumlah deposit dalam sektor perbankan Islam sebanyak 83.1% (2003: 73.3%). Di kalangan peserta-peserta perbankan Islam, bank saudagar SPI mencatat kadar pertumbuhan deposit tertinggi, iaitu sebanyak 79.2%, diikuti oleh bank perdagangan SPI yang mencatat pertumbuhan 50%.

Deposit pelaburan (am dan khas) kekal sebagai penyumbang utama deposit perbankan Islam, merangkumi 57.6% daripada jumlah keseluruhan deposit perbankan Islam. Sepanjang tahun 2004, deposit tabungan dan deposit permintaan mencatat peningkatan masing-masing sebanyak 22.8% dan 17.6%, terutamanya disebabkan oleh peningkatan bilangan pelanggan runcit dalam perbankan Islam. Dari segi profil kematangan deposit pelaburan am, 96.2% daripada jumlah deposit pelaburan am terus tertumpu pada tempoh matang jangka pendek, terutamanya antara tempoh matang satu hingga tiga bulan, ekoran peningkatan yang kecil dalam kadar pulangan pelaburan jangka panjang berbanding dengan kadar pelaburan jangka pendek. Kadar pulangan purata bagi deposit pelaburan kekal stabil pada tahun 2004.

Dari segi pengurusan mudah tunai jangka pendek bagi tempoh sehingga satu bulan, bank-bank Islam mempunyai mudah tunai yang mencukupi bagi menyerap sebarang kesan pengeluaran tunai luar jangka. Lebihan mudah tunai yang dicatatkan melebihi keperluan minimum 3% yang ditetapkan untuk tempoh lingkungan satu minggu dan 5% untuk tempoh lingkungan satu minggu hingga satu bulan. Nisbah pembiayaan kepada deposit menurun daripada 80.8% pada akhir tahun 2003 kepada 79.4% pada akhir tahun 2004 disebabkan oleh kenaikan peratusan yang lebih tinggi dalam penerimaan deposit berbanding dengan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan pada tempoh tersebut.

Graf 6.6
Sistem Perbankan Islam: Deposit mengikut Institusi dan Jenis



Pasaran Antara Bank Secara Islam

Dalam persekitaran lebihan mudah tunai, jumlah dagangan dalam pasaran antara bank secara Islam mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 64.8% pada tahun 2004. Urus niaga pelaburan *mudharabah* antara bank terus menguasai lebih 70% bahagian pasaran daripada jumlah keseluruhan dagangan dalam pasaran antara bank secara Islam. Kadar pulangan pelaburan *mudharabah* antara bank yang stabil dan pertambahan jumlah penerbitan sekuriti Islam oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia turut menyumbang dalam memperkukuh kedudukan pasaran antara bank secara Islam bagi memenuhi permintaan pasaran terhadap pelaburan jangka pendek yang semakin meningkat.

Pasaran antara bank secara Islam mengekalkan lebihan mudah tunai sepanjang tahun 2004. Walau bagaimanapun, lebihan mudah tunai dalam pasaran dikekalkan pada paras yang munasabah menerusi operasi mudah tunai yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia. Dalam operasi ini, lebihan mudah tunai diserap daripada pasaran melalui urus niaga deposit *wadiah* antara bank dan penerbitan sekuriti Islam oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia. Pada tahun 2004, Kerajaan Malaysia menerbitkan satu sekuriti baru iaitu Bil Perbendaharaan Islam (BPI) berjumlah RM1 bilion yang berasaskan konsep perjanjian jual dan beli balik. Sekuriti Kerajaan ini mempunyai tempoh matang selama setahun dan telah diterbitkan dalam lapan siri. Penerbitan BPI menarik penyertaan yang meluas di kalangan para pelabur dengan kadar lebihan langganan mencecah 3.6 kali daripada jumlah terbitan. Selain BPI, Kerajaan turut meningkatkan penerbitan instrumen Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) berjumlah RM2.1 bilion. Daripada jumlah ini, RM1 bilion diterbitkan untuk tempoh matang 7 tahun, yang merupakan sebahagian daripada usaha untuk memanjangkan tempoh keluk hasil tanda aras sekuriti Islam. Bank Negara Malaysia juga menambah jumlah penerbitan Nota Boleh Niaga Bank Negara (BNNN) sebanyak RM2 bilion. Berikutan pertambahan jumlah penerbitan tiga sekuriti Islam yang diterbitkan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia, terbitan bersih sekuriti Islam yang dikeluarkan oleh Kerajaan meningkat sebanyak 51% atau RM5.1 bilion.

Lebihan mudah tunai sistem perbankan Islam yang berterusan juga diserap menerusi urus niaga deposit *wadiah* antara bank dengan jumlah purata harian yang diserap oleh Bank Negara Malaysia di bawah mekanisme ini meningkat daripada RM2.4 bilion pada tahun 2003 kepada RM6.8 bilion pada tahun 2004. Sebahagian besar daripada urus niaga *wadiah* tertumpu kepada deposit yang bertempoh matang semalaman. Berikutan operasi mudah tunai yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia, kadar semalaman bagi pelaburan *mudharabah* antara bank yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia sebagai penunjuk bagi operasi mudah tunai harian kekal stabil pada kadar purata 2.70% sepanjang tahun 2004.

Jumlah dagangan pelaburan *mudharabah* antara bank terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 71.1% atau pada urus niaga bulanan purata berjumlah RM40 bilion. Seperti mana urus niaga deposit *wadiah* antara bank, lebih daripada 70% urus

Jadual 6.6
Pasaran Wang Antara Bank secara Islam - Jumlah Urus Niaga

	2003	2004*a*	Perubahan tahunan	
	RM bilion			%
Jumlah	**341.4**	**562.4**	**221.1**	**64.8**
Pelaburan *Mudharabah* Antara Bank[1]	**283.8**	**485.7**	**201.9**	**71.1**
Instrumen Kewangan	**57.6**	**76.8**	**19.2**	**33.3**
Bil Penerimaan Islam[1]	10.0	10.3	0.3	3.5
Sijil Hutang Boleh Niaga Islam[1]	4.2	8.2	4.0	94.0
Nota Boleh Niaga Bank Negara	8.9	21.2	12.3	137.6
Bil Perbendaharaan Islam[2]	–	1.2	1.2	–
Terbitan Pelaburan Kerajaan	34.5	35.9	1.4	4.0

[1] Jumlah urus niaga melalui broker
[2] Terbitan baru.
a Awalan

Graf 6.7
Pelaburan *Mudharabah* Antara Bank - Jumlah Urus Niaga



Graf 6.8
Pelaburan *Mudharabah* Antara Bank - Bahagian Jumlah Urus Niaga



niaga pelaburan *mudharabah* antara bank tertumpu pada pelaburan bertempoh matang semalaman ekoran penawaran instrumen pelaburan secara Islam jangka pendek yang terhad dalam pasaran. Kadar pulangan yang stabil pada kadar purata 2.70% bagi pelaburan bertempoh matang semalaman menarik minat peserta pasaran untuk berurus niaga dalam pelaburan *mudharabah* antara bank berbanding dengan pasaran sekuriti Islam Kerajaan yang secara relatifnya menawarkan kadar pulangan yang lebih rendah.

Permintaan terhadap aset mudah tunai jangka pendek, kecuali Bil Penerimaan Islam (AB-i), terus meningkat berikutan kedudukan lebihan mudah tunai dalam pasaran. Ekoran bekalan instrumen yang terhad dalam pasaran sekunder, sebahagian besar pengeluar AB-i cenderung untuk memegang instrumen jangka pendek ini sehingga tarikh matang. Tambahan pula, instrumen AB-i menawarkan pulangan yang lebih baik kerana harga tersebut ditetapkan pada kadar yang lebih tinggi daripada kadar pulangan pelaburan *mudharabah* antara bank. Walau bagaimanapun, peningkatan sederhana dalam AB-i telah diimbangi dengan peningkatan penerbitan Sijil Hutang Boleh Niaga Islam (SHBN-i) yang lebih tinggi. Kedudukan lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan mewujudkan persekitaran yang sesuai kepada institusi perbankan Islam untuk meningkatkan penerbitan SHBN-i bagi menggembleng deposit jangka sederhana dan panjang. Penerbitan SHBN-i dalam pasaran sekunder bertambah baik hasil daripada peningkatan dalam aktiviti penerbitan dalam pasaran primer. Sehingga akhir tahun 2004, jumlah SHBN-i terkumpul meningkat kepada RM8.8 bilion berbanding RM5.7 bilion pada akhir tahun 2003, iaitu peningkatan sebanyak 54%. Dari segi tempoh matang, 62% atau RM5.7 bilion daripada jumlah SHBN-i terkumpul adalah dalam lingkungan tempoh matang sembilan bulan hingga lima tahun.

Pertambahan terbitan BNNN dan penerbitan baru BPI menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam aktiviti dagangan kedua-dua instrumen tersebut dalam pasaran sekunder. Sepanjang tahun 2004, jumlah urus niaga BNNN meningkat 137.6% atau RM12.3 bilion. Aktiviti dagangan BPI juga menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan nisbah pusing ganti sebanyak 1.2 kali dalam jumlah dagangan berbanding dengan jumlah sekuriti terkumpul. Jumlah dagangan TPK pada tahun 2004 mencatat peningkatan yang kecil, iaitu sebanyak 4% atau RM1.4 bilion berbanding dengan tahun 2003 berikutan kadar hasil purata yang rendah bagi instrumen tersebut.

Pasaran bon Islam mencatat pertumbuhan yang positif sebanyak 13.4% atau RM11.6 bilion pada tahun 2004. Jumlah sekuriti Islam terkumpul sebanyak RM97.8 bilion mencakupi 25.7% bahagian pasaran daripada jumlah keseluruhan sekuriti hutang terkumpul dalam pasaran modal. Dalam pasaran sekuriti hutang swasta, sekuriti Islam terkumpul pada akhir tahun 2004 berjumlah RM82.7 bilion dan merangkumi 42% daripada jumlah keseluruhan sekuriti hutang swasta

Graf 6.9
Sekuriti Islam: Jumlah Urus Niaga



Graf 6.10
Terbitan Pelaburan Kerajaan - Kadar Hasil Purata



Jadual 6.7
Jumlah Sekuriti Islam Terkumpul

	2003	2004*a*	Perubahan tahunan	
	RM bilion			%
Jumlah	**86.2**	**97.8**	**11.6**	**13.4**
Sekuriti Kerajaan	**10.0**	**15.1**	**5.1**	**51.0**
Terbitan Pelaburan Kerajaan	7.0	9.1	2.1	30.0
Bil Perbendaharaan Islam	0.0	1.0	1.0	–
Nota Boleh Niaga Bank Negara	3.0	5.0	2.0	66.7
Sekuriti Hutang Swasta	**76.2**	**82.7**	**6.5**	**8.5**
Bon Khazanah	10.0	9.0	-1.0	-10.0
Bon korporat	52.5	57.0	4.5	8.5
Kertas komersil	6.2	3.6	-2.6	-41.7
Nota jangka pertengahan	5.4	10.0	4.5	83.6
Bon Cagamas	1.1	2.5	1.5	135.6
Sekuriti bersandarkan aset	1.0	0.6	-0.4	-39.4

a Awalan

terkumpul dalam pasaran atau kenaikan sebanyak 8.5% dari tahun 2003. Persekitaran kadar faedah yang terus rendah serta lebihan mudah tunai mempengaruhi syarikat-syarikat untuk memasuki pasaran bagi memperoleh dana menerusi penerbitan sekuriti hutang swasta jangka panjang.

Satu perkembangan penting dalam pasaran bon Islam domestik ialah penerbitan sekuriti hutang Islam dalam ringgit oleh institusi kewangan pelbagai hala berdasarkan konsep *bai' bithaman ajil* (BBA). Penerbitan tersebut adalah berikutan liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing bagi memudahkan bank pembangunan pelbagai hala, institusi kewangan pelbagai hala dan syarikat multinasional untuk menerbitkan bon dalam ringgit dalam pasaran modal Malaysia.

Dalam segmen sekuriti gadai janji, Cagamas Berhad (Cagamas) menerbitkan sekuriti gadai janji Islam yang baru berdasarkan konsep BBA sebagai alternatif kepada bon *mudharabah* Cagamas. Dalam konsep ini, Cagamas dan peserta pasaran menjalankan urus niaga perjanjian jual dan beli balik bagi tujuan menggembleng dana daripada pasaran modal. Cagamas menggunakan dana yang diraih daripada penerbitan sekuriti tersebut untuk membeli pembiayaan perumahan dan kemudahan sewa dan beli daripada institusi perbankan Islam. Pada tahun 2004, Cagamas menerbitkan sekuriti BBA Cagamas berjumlah RM1.6 bilion dengan tempoh matang dari dua hingga lima tahun. Pertambahan bekalan sekuriti Cagamas dalam pasaran telah menggalakkan aktiviti dagangan yang aktif dalam pasaran sekunder yang mencatat pertumbuhan 84% atau RM2.1 bilion dari segi nilai pusing ganti.

Institusi Kewangan Pembangunan

196 Tinjauan Keseluruhan
196-199 Dasar dan Perkembangan
199-210 Prestasi Institusi Kewangan Pembangunan

Institusi Kewangan Pembangunan

TINJAUAN KESELURUHAN

Teras utama dasar pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan pembangunan (IKP) pada tahun 2004 terus menjurus ke arah meningkatkan keupayaan dan kemampuan IKP. Seperti tahun-tahun yang lalu, meskipun penekanan terus diberikan kepada pengukuhan asas yang membolehkan IKP beroperasi dengan cekap dan berkesan, usaha pembangunan dasar telah mengambil perspektif yang lebih menyeluruh, dengan tumpuan pada penjajaran semula aktiviti dan struktur keinstitusian IKP. Ini bertujuan memastikan aktiviti IKP terus tertumpu pada menyediakan kemudahan bantuan kewangan dan bukan kewangan kepada sektor ekonomi strategik yang dikenal pasti. Seiring dengan usaha tersebut, penyeliaan dan pemantauan terhadap IKP terus dijalankan melalui pengawasan di luar premis dan pemeriksaan di premis secara berkala.

Meskipun penekanan terus diberikan kepada pengukuhan asas yang membolehkan IKP beroperasi dengan cekap dan berkesan, usaha pembangunan dasar telah mengambil perspektif yang lebih menyeluruh, dengan tumpuan pada penjajaran semula aktiviti dan struktur keinstitusian IKP.

Sejajar dengan pertumbuhan keseluruhan ekonomi, aktiviti pembiayaan IKP meningkat pada tahun 2004, dengan IKP terus menyediakan kemudahan bantuan pembiayaan kepada sektor ekonomi yang dikenal pasti penting dan strategik. Tabungan yang digembleng oleh IKP pengambil deposit juga mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun 2004. Kecekapan IKP menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti kepada sektor yang disasar dijangka bertambah baik memandangkan IKP sentiasa mengkaji semula operasi dalaman serta menanda aras dengan institusi-institusi lain dalam industri yang sama di pasaran. Ini perlu dipadankan dengan peningkatan dalam kemampuan kakitangan dan pengurusan bagi menyokong IKP untuk memenuhi piawaian pencapaian yang disasarkan.

DASAR DAN PERKEMBANGAN

Perkembangan utama dan kemajuan besar yang dicapai dalam merealisasikan strategi untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan serta menyokong pembangunan IKP adalah seperti yang berikut:

- **Penjajaran Semula Peranan dan Fungsi IKP**
  Sebahagian daripada strategi untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan IKP ialah pentakrifan dengan lebih jelas tumpuan strategik dan peranan bagi setiap IKP. Bank Negara Malaysia telah membuat kajian semula ke atas peranan IKP yang telah dimandatkan dan aktiviti IKP di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP). Kajian tersebut, yang bertujuan untuk menilai tahap tumpuan strategik IKP dalam memainkan peranannya, telah mengenal pasti isu-isu berkaitan dengan struktur keinstitusian dan tumpuan aktiviti perniagaan yang mempengaruhi pencapaian dan keberkesanan IKP dalam membangun dan mempromosi sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti. Ekoran kajian tersebut, Bank Negara Malaysia mencadangkan kepada Kerajaan untuk menyusun semula struktur keinstitusian dan fungsi Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad (Bank Industri), *Malaysia Export Credit Insurance Berhad* (MECIB) dan *Export-Import Bank of Malaysia Berhad* (Bank EXIM). Penyusunan semula tersebut bertujuan untuk meningkatkan tumpuan perniagaan dan aktiviti-aktiviti IKP kepada sektor yang dimandatkan. Cadangan dasar secara umum telah dimaklumkan oleh Menteri Kewangan dalam Bajet tahun 2005.

- **Meningkatkan Keupayaan IKP Menyedia Khidmat Nasihat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana**
  Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyokong aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Bank Negara Malaysia telah memulakan satu projek untuk meningkatkan keupayaan IKP dalam memberi khidmat nasihat kepada PKS di Malaysia pada bulan Oktober 2004. Khidmat nasihat tersebut dijangka melengkapkan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh IKP, dan seterusnya meningkatkan keberkesanan IKP dalam membangun dan membimbing PKS. Lima

buah IKP, iaitu Bank Pembangunan, Bank Industri, Bank EXIM, MECIB dan Bank Pertanian Malaysia (BPM) mengambil bahagian dalam projek tersebut, memandangkan IKP ini terlibat dalam pembiayaan kepada PKS.

Dengan mengambil kira fungsi khusus yang telah dimandatkan dan ciri-ciri unik setiap IKP terbabit, pelan tindakan khusus yang mengandungi strategi untuk meningkatkan keupayaan khidmat nasihat akan dirangka berdasarkan keperluan setiap IKP. Pelan ini antara lain akan mengenal pasti khidmat nasihat yang bersesuaian untuk memenuhi permintaan PKS daripada pelbagai sektor ekonomi, pembangunan sumber manusia dan keperluan latihan, serta penubuhan sesuatu struktur keinstitusian bagi IKP.

- **Pembangunan Sistem Pelaporan Statistik Berkomputer**
  Pada 1 Disember 2004, Bank Negara Malaysia melaksanakan sistem pelaporan berkomputer secara dalam talian bagi mengumpul dan menghasilkan data statistik IKP. Sistem tersebut dikenali sebagai Sistem Statistik Institusi Kewangan Pembangunan (DFISS). DFISS mengumpul maklumat generik dan khusus yang berkaitan dengan perniagaan IKP, mengambil kira keunikan setiap IKP. Sistem ini membolehkan Bank Negara Malaysia mendapat maklumat penting tepat pada masanya dan ini memudahkan Bank Negara Malaysia memantau prestasi IKP dan merumus dasar yang berkesan.

- **Pemantauan dan Penyeliaan IKP**
  Teras utama aktiviti penyeliaan Bank Negara Malaysia pada tahun 2004 ialah untuk terus mengukuhkan kapasiti keinstitusian dan infrastruktur operasi setiap IKP. Bersandarkan kepada rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko, aktiviti di luar premis dan di premis tertumpu ke arah memastikan IKP memainkan peranan yang dimandatkan secara berkesan di samping mempunyai kedudukan kewangan yang utuh. Tumpuan dan sumber penyeliaan menjurus ke arah mengenal pasti bidang-bidang yang berisiko tinggi dan memerlukan perhatian penyeliaan bagi memperbaiki serta membuat cadangan untuk menangani kelemahan dengan cepat dan berkesan. Setelah selesai dua tahun pertama penyeliaan ke atas IKP, Bank Negara Malaysia terus memastikan bahawa langkah-langkah pembetulan atau pemulihan diambil oleh institusi tersebut untuk menangani kelemahan yang telah dikenal pasti. Hasilnya, IKP telah menunjukkan banyak kemajuan dalam menerima pakai amalan terbaik dalam pengurusan dan pencapaian objektif organisasi, yang meliputi peranan sosioekonomi masing-masing. Secara keseluruhan, operasi IKP terus maju terutamanya di bidang tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan audit dalam.

Sepanjang tahun 2004, pemeriksaan di premis terus memberi penekanan kepada kecukupan, keberkesanan dan kecekapan infrastruktur operasi IKP, proses-proses dalaman serta keupayaan kakitangan dan pihak pengurusan dalam menyokong pencapaian peranan yang dimandatkan. IKP menumpukan perhatian dalam menyediakan infrastruktur yang sesuai dan sumber manusia yang berkemampuan bagi membolehkan IKP mengenal pasti pasaran khusus untuk memenuhi keperluan pelanggan yang bersesuaian dengan peranan yang dimandatkan. Ini termasuk menilai keperluan pasaran tersebut dan memastikan kecekapan operasi dalaman serta sistem penyampaian yang dapat membantu memenuhi keperluan pembiayaan dan khidmat nasihat perniagaan pasaran tersebut. Beberapa buah IKP juga telah membangunkan penunjuk prestasi utama masing-masing bagi tujuan mengukur dan memantau kecekapan operasi serta pencapaian mereka dalam memenuhi peranan yang dimandatkan. Penilaian berkala berdasarkan penunjuk prestasi utama akan dilakukan untuk mendisiplinkan IKP bagi menangani jurang dalam matlamat yang disasarkan.

Terdapat juga kemajuan dalam tadbir urus korporat di IKP. Memandangkan peranan Lembaga Pengarah penting dalam memantau keseluruhan kecekapan dan keberkesanan institusi, dialog sering diadakan antara penyelia dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan. Ini membolehkan Bank Negara Malaysia membuat penilaian dengan lebih baik ke atas kualiti infrastruktur operasi dari segi pengawasan oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan. Sesi ini dapat membantu memberikan kefahaman yang lebih baik kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah mengenai peranan yang perlu dimainkan, secara individu dan kolektif, dalam memberi panduan mengenai hala tuju strategik institusi. Sesi dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah ini juga memberi peluang kepada penyelia untuk berkongsi isu-isu penyeliaan mengenai institusi yang perlu diberi perhatian. Ini memudahkan langkah-langkah

pembetulan yang cepat dan berkesan diambil untuk menangani isu-isu yang menjejaskan kedudukan operasi dan kewangan institusi.

Terdapat juga peningkatan yang ketara dalam inisiatif pengurusan risiko IKP kerana institusi-institusi ini terus mengambil langkah melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan risiko. Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan IKP menyedari keperluan untuk memastikan infrastruktur pengurusan risiko seperti kakitangan, sistem dan proses-proses dalaman termasuk dasar-dasar yang berkaitan tersedia dan berkesan. Mekanisme pengurusan risiko sentiasa dinilai oleh Bank Negara Malaysia bagi memastikan keberkesanan dalam membantu Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan IKP melaksanakan fungsi pengawasannya ke atas operasi IKP. Peranan yang dimandatkan kepada IKP dalam sektor-sektor sasaran menyebabkan pegangan portfolio yang secara relatifnya berisiko tinggi. Oleh itu, IKP memerlukan sistem pengurusan risiko yang mencukupi dan mantap, sejajar dengan magnitud dan kerumitan risiko yang ditanggung. IKP juga dikehendaki mengukuhkan fungsi audit dalam meliputi audit pengurusan yang dapat membantu Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan kanan dalam mengurus risiko dan kecekapan organisasi secara keseluruhan, proses dalaman dan inisiatif. Kecekapan kakitangan audit perlu sentiasa dipertingkatkan melalui latihan yang sesuai serta pendedahan operasi. Operasi audit secara keseluruhan bertambah baik dengan penggunaan metodologi audit berasaskan risiko dalam menangani pelbagai risiko yang terdapat dalam operasi IKP, dengan sumber-sumber ditumpukan pada bidang-bidang yang berisiko tinggi.

Aktiviti pengawasan luar premis menyediakan pemantauan berterusan ke atas IKP bagi mengesan masalah potensi dengan lebih awal dan mengambil langkah-langkah terdahulu. Aktiviti ini, yang meliputi pemantauan terperinci ke atas trend dan data kewangan dalam bidang yang berisiko, juga membantu dalam memantau keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah pembetulan yang diambil oleh IKP. Peranan pengawasan luar premis dan pemeriksaan di premis yang saling melengkapi membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil pendekatan penyeliaan berasaskan risiko yang selaras dengan perubahan dalam profil risiko serta isu yang perlu diberi perhatian oleh IKP tersebut.

- **Pengubahsuaian Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002**
  AIKP mengandungi peruntukan yang membolehkan pengubahsuaian dibuat ke atas Akta ini bagi memenuhi ciri-ciri unik dan peranan khusus sesebuah IKP. Peruntukan yang fleksibel ini penting untuk memenuhi keperluan dan keadaan yang berbeza bagi IKP baru yang mungkin diletakkan di bawah AIKP pada masa hadapan. Sebarang pengubahsuaian akan dilaksanakan melalui perintah yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan dan disiarkan dalam Warta Kerajaan. Bagi tujuan ini, pengubahsuaian berikut dibuat ke atas AIKP agar tidak mengekang operasi dan aktiviti IKP dalam memenuhi keperluan pembiayaan sektor yang dimandatkan.

  Pengubahsuaian berhubung larangan pemberian kemudahan pinjaman kepada syarikat berkaitan
  Pada dasarnya, AIKP melarang IKP daripada memberi kemudahan pinjaman kepada pemegang saham, pengarah atau pegawai dan pihak berkaitan bagi menghindari timbulnya situasi percanggahan kepentingan. Peruntukan di dalam AIKP berhubung dengan larangan ini telah diubah suai bagi membolehkan dua buah IKP, iaitu Bank Pembangunan dan Bank Industri memberi kemudahan pinjaman kepada syarikat modal teroka atau anak-anak syarikat, yang penubuhan tersebut sejajar dengan peranan yang dimandatkan kepada IKP. Rasional di sebalik pengubahsuaian ini adalah bagi menghapuskan sekatan supaya IKP boleh menyediakan bantuan pembiayaan yang lebih meluas kepada sektor sasaran. Pengubahsuaian ini telah dikuat kuasa secara retrospektif pada 15 Februari 2002.

  Pengubahsuaian dalam keperluan menyiarkan akaun tahunan selepas mesyuarat agung tahunan
  AIKP mengehendaki IKP menyiarkan akaun tahunan mereka dalam masa empat belas hari selepas pembentangan akaun pada mesyuarat agung tahunan. Memandangkan sebilangan IKP merupakan badan berkanun dan tidak menjalankan mesyuarat agung tahunan seperti mana syarikat-syarikat, peruntukan AIKP yang merujuk kepada mesyuarat agung tahunan telah diubah suai dan diwartakan pada 1 Mei 2004. Pengubahsuaian tersebut memperjelas keperluan untuk menyiarkan akaun tahunan IKP yang merupakan badan berkanun.

- **Peletakan Bank Pertanian Malaysia di bawah AIKP**
  BPM diwartakan sebagai institusi yang ditetapkan di bawah AIKP berkuat kuasa mulai 11 Jun 2004, yang demikian meletakkan BPM di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia. Seperti institusi lain yang ditetapkan, peletakan BPM di bawah AIKP bertujuan memperkukuh operasi dan kewangan serta memastikan aktiviti dan operasi BPM selari dengan objektif yang dimandatkan. Sebagai institusi yang khusus untuk membiayai sektor pertanian, pembaikan yang berterusan dan pengukuhan kedudukan kewangan dan operasi BPM melalui keperluan pengawalseliaan adalah penting untuk memastikan BPM terus memainkan peranan yang dimandatkan dengan berkesan dan cekap. Ini adalah penting dalam menyokong strategi Kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian seperti yang digariskan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga.

PRESTASI INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan, aktiviti pembiayaan IKP turut meningkat pada tahun 2004. Pada tahun itu, IKP menyediakan bantuan pembiayaan kepada sektor-sektor ekonomi yang dikenal pasti penting dan strategik iaitu pertanian, industri berintensif modal dan berteknologi tinggi, perkapalan, infrastruktur, perkilangan, eksport, usahawan Bumiputera, koperasi dan juga pemilikan rumah kediaman serta pembangunan harta tanah di peringkat negeri iaitu di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, tabungan yang digembleng oleh IKP pengambil deposit mencatat pertumbuhan yang kukuh bagi tahun 2004.

Aktiviti Pembiayaan

Jumlah pinjaman terkumpul 14 buah IKP, yang dikenal pasti dalam Pelan Induk Sektor Kewangan sebagai satu kumpulan, mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 16.5% atau RM5.4 bilion (2003: 9.9% atau RM2.9 bilion) kepada RM37.7 bilion pada akhir tahun 2004. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kredit penggunaan yang diberi oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan pembiayaan infrastruktur yang disediakan Bank Pembangunan.

Kredit penggunaan meningkat sebanyak 18.6%, mencakupi 24.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Pembiayaan kepada sektor pembinaan, utiliti serta pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan sebagai satu kumpulan, yang merupakan 28.3% daripada jumlah pinjaman, juga mencatat peningkatan sebanyak 14.4%. Peningkatan ini ialah hasil daripada pembiayaan infrastruktur oleh Bank Pembangunan. Sektor pertanian dan perkilangan juga mencatat pertumbuhan positif, masing-masing sebanyak 13.5% dan 5.9%, dan bersama-sama menyumbang sebanyak 19.8% kepada jumlah pinjaman terkumpul IKP. Sementara itu, jumlah perlindungan insurans dan jaminan yang disediakan oleh IKP yang berkaitan meningkat sebanyak 12.5% kepada RM4.3 bilion pada akhir tahun 2004, disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan dalam perlindungan jaminan yang disediakan oleh *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* (CGC).

Aktiviti pembiayaan tujuh buah IKP yang berada di bawah AIKP mencatat pertumbuhan jumlah pinjaman terkumpul sebanyak 19.1%. Pembiayaan runcit yang disediakan oleh Bank Rakyat kepada ahli-ahlinya meningkat dengan kukuh sebanyak 25.3%, sementara pembiayaan kepada sektor infrastruktur dan PKS Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan, masing-masing meningkat sebanyak 15.3% dan 10.5%. Pinjaman terkumpul Bank Simpanan Nasional (BSN) juga mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 30.4%, disebabkan pemberian pinjaman persendirian, sementara BPM mencatat pertumbuhan pinjaman sebanyak 14.8%. Bank EXIM juga mencatat pertumbuhan positif dalam aktiviti pemberian pinjaman sebanyak 15.7%. Sementara itu, Bank Industri dan MECIB mencatat pertumbuhan positif, masing-masing sebanyak 12% dan 36.6% dalam aktiviti pemberian pinjaman/pengunderaitan pada tahun 2004 berbanding dengan penurunan pada tahun sebelumnya. Tabungan yang digembleng oleh BSN daripada individu meningkat sebanyak 8.5% sementara jumlah yang digembleng oleh Bank Rakyat meningkat dengan kukuh sebanyak 30.6%, sebahagiannya disebabkan oleh pulangan menarik yang ditawarkan oleh Bank Rakyat.

Sejajar dengan pertumbuhan keseluruhan ekonomi, aktiviti pembiayaan IKP bagi menyokong pertumbuhan sektor ekonomi yang dikenal pasti penting dan strategik meningkat pada tahun 2004.

Jadual 7.1
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2004
	2003	2004	
	RM juta		
Sumber:			
Dana pemegang saham	1,519	1,386	10,810
Modal berbayar	*1,180*	*670*	*7,862*
Rizab	*83*	*364*	*1,964*
Keuntungan tertahan	*256*	*352*	*984*
Deposit diterima	2,605	7,475	49,878
Peminjaman	2,600	993	17,569
Kerajaan	*2,855*	*1,260*	*12,990*
Agensi pelbagai hala / antarabangsa	*-275*	*-1,426*	*1,732*
Lain-lain	*20*	*1,159*	*2,847*
Lain-lain	-80	1,366	12,053
Jumlah	**6,644**	**11,220**	**90,310**
Kegunaan:			
Penempatan deposit	3,799	2,662	18,906
Pelaburan	1,961	2,809	24,038
antaranya:			
Sekuriti kerajaan	*999*	*-322*	*2,629*
Saham	*351*	*56*	*6,834*
Disenaraikan	*-124*	*312*	*5,513*
Tidak disenaraikan	*475*	*-256*	*1,321*
Pinjaman dan pendahuluan	2,913	5,354	37,709
Aset tetap	100	156	3,864
Lain-lain	-2,129	239	5,793
Jumlah	**6,644**	**11,220**	**90,310**
Kontingensi:			
Jaminan	502	287	3,949
Insurans kredit eksport	-29	186	309
Jumlah	**473**	**473**	**4,258**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

Dari segi kualiti aset, paras pinjaman tidak berbayar (NPL) IKP sebagai satu kumpulan meningkat sebanyak RM499.7 juta kepada RM5.2 bilion pada akhir tahun 2004. Walau bagaimanapun, berikutan peningkatan ketara dalam jumlah pinjaman, nisbah NPL kasar bertambah baik dengan penurunan kepada 14.6% berbanding dengan 15.6% pada tahun lalu. Namun begitu, paras NPL kasar IKP kekal tinggi di sekitar 7.9% hingga 40.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Kebanyakan IKP mengklasifikasikan pinjaman atau pembiayaan yang tertunggak selama enam bulan atau lebih sebagai tidak berbayar. Setelah mengambil kira peruntukan yang dibuat bagi menampung kerugian potensi pinjaman, jumlah dan nisbah NPL bersih IKP

Jadual 7.2
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Haluan Pinjaman

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2004
	2003	2004	
	RM juta		
Pertanian, perhutanan dan perikanan	-90	387	3,261
Perlombongan dan kuari	-15	-8	67
Perkilangan	595	234	4,186
Bekalan elektrik, gas dan air	163	612	1,229
Import dan eksport, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	10	180	430
Sektor harta benda yang luas	537	1,645	10,022
Pembinaan	*219*	*126*	*4,136*
Pembelian harta kediaman	*143*	*1,138*	*4,066*
Pembelian harta bukan kediaman	*48*	*23*	*464*
Harta tanah	*127*	*358*	*1,356*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	351	602	5,315
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-86	-388	1,307
Kredit penggunaan	1,071	1,452	9,239
Lain-lain	377	638	2,653
Jumlah	**2,913**	**5,354**	**37,709**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

berada di paras RM1.8 bilion atau 5.5% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.5 bilion atau 5.6%).

Sumber Dana

Jumlah deposit yang digembleng oleh IKP pengambil deposit meningkat sebanyak 17.6% kepada RM49.9 bilion pada akhir tahun 2004. Tabungan yang digembleng daripada individu mencatat pertumbuhan sebanyak 10.2% kepada RM24.5 bilion, mencakupi 49.1% jumlah deposit yang digembleng. Lembaga Tabung Haji (LTH) dan BSN kekal dominan dalam penggemblengan tabungan daripada individu. Sementara itu, deposit daripada perusahaan perniagaan dan Kerajaan serta agensi Kerajaan, masing-masing mencakupi 28.4% dan 13% daripada jumlah deposit. Selain dana pemegang saham yang berjumlah RM10.8 bilion atau 12% daripada jumlah sumber, operasi IKP juga dibiayai menerusi peminjaman daripada Kerajaan berjumlah RM13 bilion pada akhir tahun 2004. Jumlah ini merupakan 14.4% daripada jumlah sumber dan digunakan terutamanya bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan.

Jadual 7.3
Institusi Kewangan Pembangunan[1] : Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Hutang Ragu dan Lapuk

	Pada akhir tahun	
	2003	2004
	RM juta	
Peruntukan am	673	747
Faedah tergantung	1,226	1,363
Peruntukan khas	1,990	2,074
Pinjaman tidak berbayar	4,732	5,232
	Peratusan (%)	
Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar[2]	15.6	14.6
Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih[3]	5.6	5.5
Jumlah peruntukan/ Pinjaman tidak berbayar	82.2	79.9

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad dan Sabah Credit Corporation.

[2] Nisbah pinjaman tidak berbayar kasar = (Pinjaman tidak berbayar / Pinjaman kasar*) x 100%.
* Tidak termasuk pinjaman oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan pinjaman di bawah skim ECR.

[3] Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih = (Pinjaman tidak berbayar selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) / (Pinjaman kasar* selepas ditolak faedah tergantung selepas ditolak peruntukan khas) x 100%.
* Tidak termasuk pinjaman oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan pinjaman di bawah skim ECR.

Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad

Pemberian pinjaman oleh Bank Pembangunan kepada sektor sasaran iaitu sektor PKS Bumiputera dan infrastruktur, mencatat pertumbuhan sebanyak 13.9% pada tahun 2004. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada RM11.6 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM10.2 bilion) didorong oleh kenaikan dalam pembiayaan projek infrastruktur sebanyak 15.3% kepada RM9.9 bilion pada akhir tahun tersebut. Projek yang dikenal pasti Kerajaan dan projek sektor swasta, masing-masing mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 13.7% dan 19.7%, dengan 72.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul bagi sektor infrastruktur adalah untuk membiayai projek infrastruktur yang dikenal pasti Kerajaan. Penerima utama pinjaman infrastruktur yang meningkat ini ialah sektor utiliti (RM611.8 juta), pengangkutan dan perhubungan (RM238.7 juta) dan pembinaan (RM125.2 juta).

Sementara itu, jumlah pinjaman terkumpul PKS meningkat sebanyak 6.1% kepada RM1.7 bilion. Pembiayaan kepada PKS Bumiputera, yang mencakupi 83.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul PKS, meningkat sebanyak 10.5% (2003: 4.6%) kepada RM1.4 bilion. Selain kemudahan pembiayaan, Bank Pembangunan turut menawarkan khidmat nasihat (termasuklah nasihat kewangan, korporat dan teknikal), latihan keusahawanan, khidmat jururunding projek dan pelbagai perkhidmatan lain sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi menggalakkan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya maju dan berdaya tahan. Pada tahun 2004, Bank Pembangunan melancarkan tujuh program yang baru, iaitu Program Usahawan Sangkut, Program Mentor Mentee, Program Vendor, Program Teknokrat Korporat, Program Usahawan Wanita, Program Usahawan Batik dan Program Usahawan Kraf.

Pada tahun 2004, jumlah kelulusan pinjaman meningkat dengan ketara sebanyak 54.3% kepada RM9 bilion (2003: RM5.8 bilion) yang sebahagian besarnya disebabkan peningkatan kelulusan pinjaman bagi membiayai projek infrastruktur. Sementara itu, jumlah pinjaman yang dikeluarkan meningkat kepada RM2.6 bilion pada tahun 2004 (2003: RM2.2 bilion), juga disebabkan oleh peningkatan pengeluaran pinjaman bagi membiayai projek infrastruktur.

Bank Pembangunan mengurus 23 dana Kerajaan pada tahun 2004. Kelulusan dan pengeluaran pinjaman di bawah dana-dana tersebut, masing-masing meningkat sebanyak 60.7% kepada RM801.3 juta dan 34.1% kepada RM442.6 juta. Tabung Infrastruktur Pelancongan dan Tabung Usahawan Baru 2 merupakan penerima utama dengan kelulusan pinjaman masing-masing berjumlah RM205 juta dan RM193.3 juta.

Graf 7.1
Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



NPL kasar meningkat sebanyak RM5.1 juta kepada RM917.7 juta pada akhir tahun 2004. Walau bagaimanapun, berikutan jumlah pinjaman yang lebih besar, nisbah NPL kasar menurun kepada 7.9% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 9%). Sementara itu, nisbah NPL bersih berada pada paras 2.8% (2003: 3.4%).

Portfolio pelaburan Bank Pembangunan mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 35.4% kepada RM1.3 bilion (7.9% daripada jumlah aset) pada akhir tahun 2004. Sebahagian besar peningkatan tersebut disumbangkan oleh kenaikan dalam pegangan sekuriti hutang swasta yang berjumlah RM1.1 bilion. Penempatan deposit dengan institusi kewangan pula berjumlah RM3.3 bilion dan mencakupi 19.5% daripada jumlah aset.

Graf 7.2
Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



Bank Pembangunan memperoleh sebahagian besar sumber pendanaan melalui peminjaman daripada Kerajaan (RM5.5 bilion), penerimaan deposit daripada agensi Kerajaan dan perusahaan awam (RM4.1 bilion), peminjaman daripada agensi pelbagai hala dan antarabangsa (RM1.2 bilion), terbitan sekuriti hutang (RM1 bilion) serta geran dan subsidi Kerajaan (RM700.5 juta). Ini mencakupi 73.3% (2003: 73.5%) daripada jumlah sumber bank tersebut. Pada tahun 2004, dana pemegang saham Bank Pembangunan meningkat sebanyak RM362.9 juta kepada RM2.9 bilion pada akhir tahun 2004, didorong oleh kenaikan dalam perolehan tertahan dan keuntungan operasi.

Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad

Aktiviti pinjaman Bank Industri mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2004 berbanding dengan penurunan pada tahun sebelumnya. Jumlah pinjaman meningkat sebanyak 12% kepada RM937.5 juta pada akhir tahun 2004. Pinjaman kepada sektor perkilangan meningkat sebanyak 12.3% atau RM44.6 juta, manakala pembiayaan bagi sektor maritim menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.3% atau RM1.3 juta. Sebahagian besar pinjaman diberi kepada dua sektor utama iaitu sektor maritim yang terdiri daripada industri perkapalan, limbungan dan industri berkaitan laut (50.6%) dan sektor perkilangan (43.5%), sementara bakinya diberi kepada sektor berkaitan alam sekitar (5.9%). Pada akhir tahun 2004, jumlah pinjaman mencakupi 23.1% daripada jumlah aset bank sebanyak RM4.1 bilion.

Jumlah pinjaman yang diluluskan pada tahun 2004 meningkat hampir tiga kali ganda (RM745.5 juta) berbanding dengan jumlah kelulusan pada tahun 2003 (RM253.4 juta). Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan yang ketara bagi kelulusan pinjaman kepada sektor maritim (395.5% atau RM301.8 juta) terutamanya yang melibatkan pembelian dan pembinaan kapal dagang. Peningkatan yang ketara turut dicatat dalam pengeluaran pinjaman kepada RM358.1 juta (2003: RM143.2 juta).

Bank Industri mengurus 13 dana Kerajaan pada tahun 2004, mencakupi 32% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank. Jumlah kelulusan dan pengeluaran pinjaman di bawah dana-dana tersebut meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 256.1% (RM86.3 juta) dan 68.6% (RM30.1 juta). Peningkatan bagi kelulusan pinjaman, sebahagian besarnya disumbangkan oleh Kemudahan Pembiayaan Perkapalan Baru (RM30.8 juta) dan Tabung Teknologi Tinggi (RM24.6 juta).

NPL kasar berkurang sebanyak RM70.2 juta kepada RM253.4 juta, merupakan 27% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM323.6 juta atau 38.7%). Penurunan ini sebahagiannya disebabkan oleh penukaran hutang pinjaman perkapalan yang tidak berbayar kepada ekuiti. Ini mengakibatkan penurunan ketara dalam nisbah NPL bersih kepada 8.1% (2003: 18.4%).

Sejumlah besar daripada aset bank (46.2% pada akhir tahun 2004) merupakan pelaburan dalam anak syarikat (RM1 bilion) serta pinjaman dan pendahuluan kepada anak syarikat (RM846.5 juta). Pelaburan dan pinjaman ini kebanyakannya diberikan kepada empat buah anak syarikatnya, iaitu MECIB, Bank EXIM, *Global Maritime Ventures Berhad* dan *BI Credit and Leasing Berhad*.

Aktiviti bank dibiayai terutamanya oleh peminjaman yang berjumlah RM2 bilion, atau hampir 50% daripada jumlah sumber pada akhir tahun 2004, sebahagian besarnya merupakan peminjaman daripada Kerajaan (RM1.1 bilion) dan daripada agensi pelbagai hala dan antarabangsa (RM924 juta). Penempatan deposit oleh Kerajaan dan agensi Kerajaan sebanyak RM741.7 juta juga merupakan sumber pendanaan utama bagi Bank Industri. Manakala jumlah peminjaman mencatat penurunan sebanyak 10.2%, penempatan deposit oleh Kerajaan dan agensi Kerajaan pula meningkat sebanyak 24%. Dana pemegang saham bank meningkat sebanyak 38.5% (RM101.5 juta) kepada RM365 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM263.5 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan operasi berjumlah RM81.5 juta dan suntikan ekuiti sebanyak RM20 juta oleh Kerajaan.

Export-Import Bank of Malaysia Berhad

Aktiviti pembiayaan Bank EXIM pada tahun 2004 meningkat 15.7% kepada RM2.3 bilion. Aktiviti utama Bank EXIM adalah untuk menyediakan pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR). Skim ECR yang dibiayai Kerajaan dan diurus oleh Bank EXIM menawarkan kadar faedah yang kompetitif kepada institusi perbankan yang mengambil bahagian dalam skim tersebut untuk dipinjamkan semula kepada para pengeksport. Pinjaman terkumpul skim ECR merupakan 52.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul, dengan kebanyakannya diberi kepada industri-industri keluaran minyak sawit, keluaran getah dan keluaran kimia. Pinjaman terkumpul skim ini meningkat sebanyak 5.4% kepada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2004. Pengeluaran pinjaman pula mencatat peningkatan sebanyak 2.4% pada tahun 2004 kepada RM6.8 bilion (2003: RM6.6 bilion), sejajar dengan pertumbuhan eksport Malaysia.

Graf 7.3
Export-Import Bank of Malaysia Berhad: Kemudahan Kredit pada 31 Disember 2004



Pembiayaan eksport (8.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2004) dan pembiayaan projek luar negara (39.2% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2004) merupakan aktiviti utama lain Bank EXIM yang masing-masing mencatat pertumbuhan positif sebanyak 123.7% dan 19.2% pada tahun 2004. Hampir separuh daripada jumlah pembiayaan projek luar negara disalurkan ke projek-projek di Asia Tenggara dan 30.7% lagi di benua Afrika. Lebih kurang 64.9% daripada jumlah pembiayaan projek luar negara dan 27% pembiayaan eksport disalurkan ke pasaran bukan tradisional.

NPL kasar Bank EXIM, tidak termasuk pinjaman di bawah skim ECR, menurun kepada RM306.6 juta pada akhir tahun 2004, iaitu mencakupi 28.4% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir tahun 2003: 39.2%). Pembiayaan projek luar negara merupakan komponen terbesar NPL (93.3%). Nisbah NPL bersih ialah 1.3%.

Portfolio pinjaman merupakan aset utama Bank EXIM dengan mencakupi sebanyak 62.9% daripada jumlah aset, manakala simpanan deposit pula mencakupi 35.5%.

Pada tahun 2004, dana pemegang saham meningkat 29.8% (RM74.9 juta) kepada RM326.6 juta pada akhir tahun 2004. Peminjaman daripada Kerajaan menurun sedikit, iaitu 0.6% kepada RM2 bilion, manakala peminjaman daripada agensi antarabangsa meningkat sebanyak 67.7% kepada RM500.1 juta dan peminjaman daripada syarikat induk, iaitu Bank Industri, menurun sebanyak 19.1% kepada RM302.4 juta. Peminjaman daripada Kerajaan digunakan sepenuhnya untuk skim ECR.

Malaysia Export Credit Insurance Berhad

MECIB, yang menyediakan kemudahan perlindungan insurans dan jaminan bagi memudahkan eksport Malaysia dan pelaburan luar negeri, mencatat pertumbuhan yang ketara dalam aktivitinya pada tahun 2004, seiring dengan pertumbuhan eksport Malaysia. Jumlah pendedahan meningkat sebanyak 36.6% kepada RM675.2 juta pada akhir tahun 2004 disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan sebanyak 150.2% dalam kemudahan insurans kredit eksport jangka pendek. Walau bagaimanapun, jaminan yang dikeluarkan menurun sedikit, iaitu sebanyak 1.2%. Lebih kurang 45.7% jumlah pendedahan MECIB merupakan perlindungan insurans kredit eksport dan

Graf 7.4
Malaysia Export Credit Insurance Berhad: Liabiliti Kontingensi pada 31 Disember 2004



selebihnya merupakan jaminan. Saiz dana pemegang saham yang kecil mengekang keupayaan MECIB untuk menyediakan perlindungan kepada perusahaan perniagaan besar, untuk jangka sederhana dan panjang.

Sebagai mencerminkan usaha MECIB menggalakkan kepelbagaian pasaran eksport Malaysia, 67.2% daripada jumlah jaminan dan perlindungan insurans yang disediakan adalah untuk membantu eksport ke negara-negara yang dikategorikan sebagai pasaran bukan tradisional. Dari segi agihan mengikut kawasan, 42.3% daripada jumlah pendedahan MECIB disalurkan ke negara-negara di Asia Timur, Afrika (11%), Eropah Barat (10.2%) dan Timur Tengah (9.8%).

Simpanan deposit di institusi kewangan, yang merupakan bahagian aset terbesar MECIB (47.1%), meningkat sebanyak 27.4% kepada RM98.1 juta pada tahun 2004. Sementara itu, pelaburan dalam sekuriti menurun sebanyak 19% kepada RM69.9 juta. Bagi menunaikan tanggungjawabnya, MECIB terus bergantung pada dana pemegang saham, yang menurun sedikit kepada RM75.2 juta pada akhir tahun 2004. Peratus kerugian, yang menunjukkan nisbah bayaran tuntutan berbanding dengan premium yang diterima, merosot kepada 38.8% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 29.3%).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Aktiviti pembiayaan dan penggemblengan deposit Bank Rakyat mencatat peningkatan yang kukuh pada tahun 2004. Jumlah aset Bank Rakyat meningkat dengan ketara sebanyak 29.9% kepada RM22.3 bilion pada tahun 2004 dengan aktiviti pembiayaan mencakupi 55.3% daripada jumlah aset. Jumlah pembiayaan terkumpul meningkat sebanyak 24.1% kepada RM12.4 bilion pada akhir tahun 2004, dengan sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor harta tanah (61.7% kepada RM3.1 bilion). Ini sejajar dengan pertumbuhan yang menggalakkan dalam sektor perumahan. Kredit penggunaan juga mencatat peningkatan sebanyak 12.2% kepada RM7.7 bilion berikutan pemulihan yang menggalakkan dalam perbelanjaan pengguna pada tahun tersebut. Dari segi agihan mengikut sektor, 62.2% daripada jumlah pembiayaan terkumpul adalah kredit penggunaan, 24.9% diberi kepada sektor harta tanah, diikuti sektor pengangkutan dan komunikasi (5.3%) dan sektor perdagangan am (3.6%). Pemberian pinjaman kepada ahli mencakupi 78.2% daripada jumlah pembiayaan terkumpul. Pada tahun 2004, pembiayaan baru yang diluluskan dan dikeluarkan, masing-masing berjumlah RM4,815.2 juta dan RM4,842.8 juta (2003: masing-masing RM3,727.8 juta dan RM3,666.4 juta).

Jumlah pembiayaan tidak berbayar (NPF) kasar meningkat sedikit kepada RM1,088.1 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1,066.1 juta). Walau bagaimanapun, nisbah NPF kasar bertambah baik kepada 8.8% daripada 10.7%, berikutan pengembangan dalam jumlah pinjaman. Nisbah NPF bersih juga bertambah baik dengan penurunan daripada 5.2% kepada 4.4%.

Aktiviti pembiayaan Bank Rakyat dibiayai sebahagian besarnya oleh deposit yang berjumlah RM17.1 bilion pada akhir tahun 2004. Ini mencakupi 76.7% daripada jumlah dana bank. Deposit yang digembleng mencatat peningkatan yang kukuh sebanyak 30.6% (RM4 bilion) pada tahun 2004, disebabkan terutamanya oleh kadar

Graf 7.5
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad: Haluan Pembiayaan pada 31 Disember 2004



pulangan menarik yang ditawarkan oleh Bank Rakyat. Simpanan deposit daripada perusahaan perniagaan meningkat dengan ketara sebanyak 31.9% kepada RM11.5 bilion, dengan perusahaan swasta mencakupi 63.4% dan selebihnya daripada perusahaan awam. Deposit yang digembleng daripada individu mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2004 dengan peningkatan sebanyak 34.1% kepada RM2.2 bilion pada akhir tahun.

Dana pemegang saham bank meningkat kepada RM3.5 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM2.5 bilion) berikutan pertumbuhan yang besar dalam saham ahli dan dana langganan ahli sebanyak 47.1% (RM623.6 juta) kepada RM1.9 bilion pada akhir tahun 2004. Pada tahun tersebut, keahlian individu Bank Rakyat meningkat seramai 84,836 kepada 714,743, sementara keahlian koperasi pula meningkat sebanyak 105 kepada 1,172. Jumlah keahlian yang bertambah ini disebabkan oleh keupayaan Bank Rakyat membayar kadar dividen yang lebih menarik serta menawarkan kadar pinjaman yang istimewa kepada ahli. Prestasi bank yang lebih baik (keuntungan sebelum cukai dan zakat meningkat daripada RM401 juta pada tahun 2003 kepada RM460 juta pada tahun 2004) juga menyumbang kepada peningkatan dana pemegang saham.

Bank Simpanan Nasional

Deposit yang digembleng oleh BSN serta pinjaman runcit kepada peminjam kecil dan kredit mikro yang diberikan oleh BSN mencatat peningkatan yang kukuh pada tahun 2004. Pada akhir tahun 2004, BSN beroperasi melalui 393 buah cawangan dan 599 mesin ATM yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Deposit terkumpul meningkat sebanyak 16.4% atau RM1.6 bilion kepada RM11 bilion pada akhir tahun 2004. Tabungan individu, yang merupakan komponen terbesar (71.7%) daripada jumlah deposit, mencatat pertumbuhan sebanyak 8.5% (RM619.7 juta) kepada RM7.9 bilion, sebahagiannya mencerminkan syarat yang dikenakan oleh BSN ke atas peminjam kredit mikro supaya membuka akaun di bank tersebut. Sementara itu, deposit yang diterima daripada perusahaan perniagaan meningkat sebanyak 65.6% (RM635.8 juta). Ini disumbangkan oleh peningkatan deposit tetap daripada perusahaan perniagaan yang dikuasai Kerajaan. Deposit simpanan mencakupi 47.6% daripada jumlah deposit, sementara deposit tetap mencakupi 42.4% dan selebihnya merupakan deposit pelaburan am. Jumlah pemegang akaun meningkat daripada 10.3 juta pada akhir tahun 2003

Graf 7.6
Bank Simpanan Nasional:
Jumlah Deposit Diterima pada 31 Disember 2004



kepada 11.4 juta pada akhir tahun 2004. Kira-kira separuh daripada deposit yang diterima, yang berjumlah RM5.6 bilion, dilaburkan dalam sekuriti pada akhir tahun 2004, dengan RM3.3 bilion merupakan pelaburan dalam bentuk sekuriti Kerajaan. Sejumlah besar baki deposit digunakan untuk pembiayaan operasi pemberian pinjaman.

Jumlah pinjaman terkumpul mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 30.4% pada tahun 2004, daripada RM2.4 bilion kepada RM3.2 bilion pada akhir tahun tersebut. Ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang ketara dalam pinjaman persendirian daripada RM126.5 juta kepada RM738.8 juta hasil daripada promosi besar-besaran skim pinjaman persendirian yang dipakej semula, yang telah menarik lebih ramai peminjam. Selain pinjaman persendirian, sejumlah besar daripada pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2004 ialah pinjaman perumahan (RM1,135.9 juta), kredit mikro (RM610.7 juta) dan pembelian kenderaan bermotor (RM446.8 juta). Pada tahun 2004, skim kredit mikro mencatat peningkatan sebanyak RM195.1 juta atau 46.9%. Sejak skim kredit mikro dilancarkan pada bulan Jun 2003, sebanyak RM723 juta dikeluarkan kepada 82,657 pemohon, sebahagian besarnya terlibat dalam perniagaan gerai makanan, aktiviti perdagangan runcit dan perkhidmatan perniagaan.

NPL kasar bertambah sebanyak RM151.2 juta kepada RM449.9 juta pada akhir tahun 2004, disebabkan peningkatan NPL kredit mikro dan pinjaman perumahan. Pada akhir tahun 2004, nisbah NPL kasar meningkat kepada 14.1% (akhir tahun 2003: 12.2%), manakala nisbah NPL bersih pula meningkat kepada 7.7% (akhir tahun 2003: 6.7%).

Bank Pertanian Malaysia

Aktiviti pembiayaan BPM mencatat pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2004. Selaras dengan peranannya untuk menyediakan pembiayaan bagi menggalakkan pembangunan sektor pertanian yang mantap di negara ini, BPM menyediakan pembiayaan untuk pelbagai aktiviti pertanian, iaitu pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil pertanian. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 14.8% kepada RM3.1 bilion pada akhir tahun 2004 (2003: RM2.7 bilion), disumbangkan terutamanya oleh peningkatan yang kukuh (318.8%) dalam pinjaman bagi industri pemprosesan asas tani dan perkhidmatan sokongan. Walaupun BPM terus menyediakan pembiayaan untuk membantu sektor pertanian yang lebih mantap seperti kelapa sawit, terdapat tumpuan yang lebih terhadap pembiayaan baru dalam industri pemprosesan asas tani dan perkhidmatan sokongan pada tahun 2004. Pada tahun tersebut, jumlah pinjaman terkumpul kepada industri kelapa sawit menurun kepada RM661.2 juta, mencakupi 21.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul (2003: RM696.2 juta atau 26% daripada jumlah pinjaman terkumpul).

Pekebun kecil kekal sebagai penerima utama pinjaman BPM dengan mencakupi 98.4% daripada jumlah peminjam. Pada tahun 2004, BPM meluluskan pinjaman berjumlah RM1.1 bilion kepada 46,843 peminjam. Kelulusan pinjaman, tidak termasuk di bawah skim kredit mikro, meningkat sebanyak 62.5% kepada RM1,091.5 juta pada tahun 2004 (2003: RM671.6 juta), sementara pengeluaran pinjaman meningkat sebanyak 65.7% kepada RM918.5 juta (2003: RM554.4 juta). Pada tahun 2004, BPM menguruskan 12 dana Kerajaan bagi tujuan menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian. Sejak pelancaran skim kredit mikro pada bulan Jun 2003, BPM meluluskan 17,729 permohonan bernilai RM202 juta pada akhir tahun 2004. Sejumlah RM199.3 juta dikeluarkan kepada peminjam yang sebahagian besarnya terlibat dalam projek asas tani, pemasaran, tanaman kontan dan ternakan. Pada tahun 2004, pinjaman terkumpul bagi skim kredit mikro merosot sebanyak 31% atau RM52.5 juta kerana peruntukan sebanyak RM200 juta digunakan sepenuhnya.

NPL kasar meningkat kepada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2004. Ini mencakupi 40.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir tahun 2003: RM887.6 juta atau 33.1%). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perubahan dalam dasar klasifikasi NPL daripada berasaskan 12 bulan kepada 6 bulan. Nisbah NPL bersih meningkat kepada 22.8% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 15.3%).

Graf 7.7
Bank Pertanian Malaysia:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



Pinjaman kekal sebagai komponen aset terbesar yang mencakupi 47.3% daripada jumlah aset sebanyak RM6.5 bilion, diikuti oleh pelaburan yang mencakupi 26.3% (RM1.7 bilion) daripada jumlah aset. Sebahagian besar daripada pelaburan adalah dalam bentuk sekuriti hutang swasta (38.3%), amanah saham (32.5%) dan nota janji hutang/surat perdagangan (18.3%).

Sumber utama dana BPM ialah deposit yang digembleng melalui rangkaian 181 buah cawangan dan 5,135 unit bergerak di seluruh negara. Pada tahun 2004, deposit yang dikumpul meningkat sebanyak 8.7% kepada RM4.1 bilion (2003: RM3.8 bilion), iaitu mencakupi 63.3% daripada jumlah sumber. Peminjaman daripada Kerajaan yang sebahagian besarnya digunakan bagi membiayai pelbagai skim pinjaman Kerajaan, meningkat sebanyak 4.5% kepada RM1.6 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.5 bilion).

Malaysian Industrial Development Finance Berhad

Aktiviti pembiayaan *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF), yang bertujuan menggalakkan pembangunan sektor perkilangan, mencatat sedikit peningkatan pada tahun 2004. Sebagai salah sebuah institusi pelaksana yang mengurus dan mengeluarkan dana Kerajaan, MIDF telah dilantik sebagai saluran pengagihan bagi skim pinjaman baru, iaitu Skim Pinjaman Mudah untuk Teknologi Komunikasi dan Maklumat pada tahun 2004. Tujuan utama skim ini adalah untuk meningkatkan daya saing dan kecekapan PKS melalui penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat. MIDF juga memperkenalkan Tabung Pelaburan Merentas Sempadan untuk Perkilangan pada bulan Jun 2004. Tabung ini bertujuan membantu

syarikat-syarikat Malaysia bertapak atau mengembangkan operasi mereka di luar pesisir, bagi mengambil manfaat daripada kos buruh yang rendah, terutamanya di negara-negara di rantau ASEAN.

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.9% atau RM9.8 juta kepada RM1.1 bilion pada akhir tahun 2004, berikutan terdapat pakej-pakej pembiayaan yang lebih kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Pinjaman terkumpul kepada sektor perkilangan menurun daripada RM932.7 juta kepada RM918.7 juta pada akhir tahun 2004, mencakupi 80.6% daripada jumlah pinjaman (akhir tahun 2003: 82.5%). Penerima utama pinjaman dalam sektor perkilangan terdiri daripada industri keluaran logam yang direka dan jentera (18.7%), industri keluaran kayu (16.6%) dan industri keluaran berasaskan besi dan keluli dan keluaran bukan ferus (11%). Sementara itu, pinjaman terkumpul kepada PKS dalam bidang perkilangan mencakupi 48.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul.

Pada tahun 2004, jumlah kelulusan pinjaman berkurang sebanyak 5.6% kepada RM466.1 juta (2003: RM493.7 juta). Penurunan yang ketara dalam sektor perkilangan dicatat oleh industri-industri kelengkapan pengangkutan (82.9% atau RM41.4 juta), keluaran besi asas dan keluli, keluaran bukan ferus (49.9% atau RM18.9 juta) dan makanan, minuman dan tembakau (26% atau RM17.7 juta). Ini mengakibatkan pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perkilangan merosot sebanyak 10.3% kepada RM241.9 juta (2003: RM269.7 juta).

Berdasarkan NPL 3 bulan, jumlah NPL kasar meningkat kepada RM362 juta, mencakupi 31.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir tahun 2003: RM337.9 juta atau 29.9%). Nisbah NPL bersih meningkat kepada 10.4% daripada 3.3% pada tahun 2003.

Dana pemegang saham dan peminjaman kekal sebagai sumber dana utama bagi MIDF. Dana pemegang saham yang meningkat kepada RM1.4 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.3 bilion) disumbangkan terutamanya oleh pendapatan dividen daripada anak syarikat dan keuntungan hasil penjualan anak syarikat berikutan aktiviti penstrukturan semula Kumpulan. Sementara itu, peminjaman yang berjumlah RM1.1 bilion mencatat penurunan daripada RM1.2 bilion pada akhir tahun 2003. Peminjaman ini termasuk RM689.9 juta yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung daripada Kerajaan untuk dipinjamkan bagi tujuan sosioekonomi. MIDF juga bergantung pada dana daripada pasaran modal untuk membiayai aktiviti pemberian pinjaman. Pada akhir tahun 2004, dana yang diperoleh daripada pasaran modal berjumlah RM400.3 juta (akhir tahun 2003: RM528.8 juta).

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

CGC terus menyumbang secara positif ke arah memastikan PKS mendapat akses pembiayaan yang berterusan melalui pemberian pelbagai skim jaminan dan khidmat tambahan untuk mempermudah pembiayaan oleh institusi perbankan kepada PKS. Bagi melengkapkan bantuan kewangan melalui jaminan yang diberikan, CGC melancarkan Pusat Khidmat Pelanggan pada bulan Ogos 2004, khusus untuk mengendalikan pertanyaan berkaitan maklumat mengenai skim jaminan yang ditawarkan dan prosedur permohonan bagi peminjam yang berpotensi, termasuk pertanyaan daripada institusi kewangan mengenai status permohonan dan tuntutan.

Graf 7.8
Malaysian Industrial Development Finance Berhad: Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



Graf 7.9
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad: Jaminan mengikut Sektor pada 31 Disember 2004



Jumlah jaminan terkumpul meningkat sebanyak 9.9% (2003: 18.3%) kepada RM3.3 bilion pada akhir tahun 2004, dengan skim-skim jaminan utama seperti Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT), Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) dan Skim Jaminan Perbankan Islam (SJPI) yang dikaji semula, terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh. Kesemua skim ini mencatat pertumbuhan sebanyak 144.1% (2003: 158.3%). Pertumbuhan yang kukuh ini sebahagiannya disebabkan oleh SJUB dan SJPI yang dikaji semula, yang membolehkan PKS daripada semua sektor ekonomi mendapat pembiayaan maksimum yang lebih tinggi sebanyak RM10 juta daripada institusi kewangan (jumlah maksimum sebelumnya: antara RM5 juta hingga RM7.5 juta untuk PKS di semua sektor, kecuali sektor perkilangan). Kecenderungan perusahaan PKS menggunakan pembiayaan secara Islam turut menyumbang kepada prestasi SJPI yang menggalakkan.

Mencerminkan sokongan berterusan yang diberi kepada PKS yang bersaiz lebih kecil, pinjaman bersaiz kurang daripada RM250,000 terus merupakan komponen terbesar yang mendapat manfaat daripada skim jaminan CGC, mencakupi 81.7% (2003: 88.2%) daripada bilangan pinjaman yang dijamin. Dari segi nilai jaminan, pinjaman bersaiz antara RM500,000 dan RM1 juta mencakupi 32% daripada jumlah jaminan, diikuti oleh pinjaman bersaiz antara RM250,000 dan RM500,000 (27%) dan pinjaman yang kurang daripada RM250,000 (24.3%). Jaminan untuk pinjaman yang melebihi RM1 juta masih lagi mencakupi bahagian terendah pada 16.7% daripada jumlah jaminan. Dari segi jaminan mengikut sektor, PKS sektor perniagaan am kekal sebagai sektor yang paling banyak mendapat manfaat daripada jaminan CGC. Jaminan yang disalur kepada sektor ini mencakupi tiga suku daripada jumlah jaminan, diikuti oleh sektor perkilangan (24%) dan pertanian (1.3%).

Jumlah peruntukan tuntutan meningkat sebanyak 8.3% kepada RM469.6 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM433.6 juta), mencerminkan peningkatan pinjaman dijamin tidak berbayar. Jumlah tuntutan yang dibayar kepada institusi perbankan juga meningkat sebanyak 33.6% pada tahun 2004, kepada RM123.7 juta pada tahun 2004 (2003: RM92.5 juta).

Jumlah pinjaman terkumpul di bawah pelbagai skim pinjaman khas yang diurus oleh CGC menurun sebanyak 35.2% kepada RM593.2 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM915.8 juta). Ini disebabkan oleh penurunan pinjaman terkumpul daripada tabung-tabung Bank Negara Malaysia, berikutan perubahan dalam cara pengaturan pendanaan bagi tabung-tabung tersebut sejak bulan November 2002. Bank Negara Malaysia kini menyalur dana skim-skim pinjaman khas terus kepada institusi perbankan untuk dipinjamkan kepada PKS.

CGC terus bergantung pada dana pemegang saham (RM2.1 bilion) dan peminjaman daripada Kerajaan (RM1.8 bilion), dengan kedua-dua sumber ini mencakupi 85.9% daripada jumlah dana, bagi menyokong jaminan yang dikeluarkan dan membiayai operasi pinjaman. Kebanyakan daripada dana ini ditempatkan di institusi perbankan (RM3.8 bilion).

Lembaga Tabung Haji

LTH mencatat peningkatan dalam aktiviti penggemblengan deposit pada tahun 2004. Jumlah deposit terkumpul meningkat sebanyak 7.1% atau

Graf 7.10
Lembaga Tabung Haji: Pelaburan pada 31 Disember 2004



RM798.8 juta kepada RM12.1 bilion, sementara bilangan pendeposit bertambah kepada 4.9 juta pada akhir tahun 2004 daripada 4.7 juta pada akhir tahun 2003. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pendeposit, LTH telah menambah bilangan ejen pemungutan daripada enam kepada sembilan. Bilangan cawangan LTH bertambah kepada 119 buah dengan pembukaan sebuah lagi cawangan baru. Pada bulan Oktober 2004, LTH dianugerahi sijil MS ISO 9001: 2000 Kualiti Sistem Pengurusan bagi perkhidmatan kaunter.

Jumlah pelaburan LTH meningkat sebanyak 8.6% kepada RM8.7 bilion, mencakupi 65.8% daripada jumlah aset pada akhir tahun 2004. Penempatan deposit di institusi kewangan meningkat sebanyak 34.3% kepada RM1.9 bilion, manakala pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu meningkat sebanyak 12.1% kepada RM1.4 bilion. Pelaburan dalam saham terus menjadi komponen terbesar, mencakupi 45.8% atau RM4 bilion daripada jumlah pelaburan (2003: 47.6% atau RM3.8 bilion), diikuti oleh deposit di institusi kewangan yang mencakupi 22.4% daripada jumlah pelaburan. LTH juga memberikan pinjaman kepada anak syarikat dan perusahaan perniagaan yang lain, kesemuanya berjumlah RM1.9 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.7 bilion).

Sabah Development Bank Berhad

Aktiviti pemberian pinjaman *Sabah Development Bank Berhad* (SDB) kembali pulih pada tahun 2004. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 17.1% kepada RM1.5 bilion pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1.2 bilion), disebabkan terutamanya oleh peningkatan ketara dalam pinjaman kepada sektor perkilangan, perdagangan borong dan runcit, harta tanah dan pembinaan. Pinjaman terus mencakupi bahagian terbesar (75.2%) daripada jumlah aset SDB. Pada akhir tahun 2004, 45.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul adalah untuk pembiayaan harta tanah, sementara 10.8% disalur kepada sektor pembinaan dan 8.7% kepada sektor perkhidmatan perniagaan. Pada tahun 2004, jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan masing-masing meningkat dengan ketara kepada RM381.5 juta dan RM314.3 juta (2003: masing-masing RM250.6 juta dan RM184.3 juta).

NPL kasar meningkat kepada RM517.5 juta (2003: RM492 juta), manakala nisbah NPL kasar pula turun sedikit kepada 35.7% (2003: 39.7%) ekoran jumlah pinjaman yang lebih besar. Sebahagian besar (68.7%) daripada NPL ialah pinjaman kepada sektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Nisbah NPL bersih adalah lebih rendah pada 1.4% (2003: 4.6%).

Graf 7.11
Sabah Development Bank Berhad:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



SDB terus bergantung kepada peminjaman daripada institusi kewangan dan deposit daripada Kerajaan dan perusahaan perniagaan milik Kerajaan, dengan kedua-dua sumber tersebut menyumbang sebanyak RM1.1 bilion atau 57.5% kepada jumlah sumber (2003: RM890.6 juta atau 54%). Dana pemegang saham bank ini yang meningkat kepada RM257.3 juta pada tahun 2004 (2003: RM228.9 juta) juga digunakan untuk menyokong operasi SDB.

Sabah Credit Corporation

Aktiviti pemberian pinjaman *Sabah Credit Corporation* (SCC) berkembang secara lebih sederhana pada tahun 2004, dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 9.1% kepada RM690.3 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 18.9% kepada

Graf 7.12
Sabah Credit Corporation:
Haluan Pinjaman pada 31 Disember 2004



RM632.8 juta). Pinjaman kekal sebagai komponen aset terbesar, mencakupi 93% daripada jumlah aset yang berjumlah RM742.1 juta pada akhir tahun 2004. Pengembangan ini disebabkan terutamanya oleh pinjaman kredit penggunaan yang meningkat sebanyak 28.3%. Berikutan permintaan pengguna yang terus kukuh, pinjaman kredit penggunaan telah mengatasi aktiviti pembiayaan perumahan yang semakin kurang, menjadikan komponen pinjaman terbesar SCC pada tahun 2004. Sebahagian besar daripada pinjaman kredit penggunaan adalah untuk pinjaman eksekutif (72.1%) dan selebihnya untuk pembiayaan sewa beli. Jumlah pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan merosot sedikit, masing-masing kepada RM209.7 juta dan RM209.2 juta (2003: masing-masing RM236.5 juta dan RM223.8 juta).

NPL kasar meningkat kepada RM92.6 juta (2003: RM86.2 juta), disebabkan terutamanya oleh pinjaman kredit penggunaan tidak berbayar yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, nisbah NPL kasar menurun sedikit kepada 13.4% (2003: 13.6%), secara relatif disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah pinjaman. Pada kadar bersih, nisbah NPL ialah 5.4% (2003: 5%).

Peminjaman daripada Kerajaan Negeri (RM328.8 juta) dan institusi perbankan (RM219 juta) kekal sebagai sumber utama dana SCC, kedua-duanya mencakupi 73.8% daripada jumlah sumber.

Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad

Aktiviti pembangunan harta tanah *Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad* (BDC Sabah) menjadi perlahan pada tahun 2004. Perbelanjaan pembangunan harta tanah dan bil bayaran berperingkat BDC Sabah yang merupakan 66.8% daripada jumlah aset, berkurang sebanyak 3.1% kepada RM93.1 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM96.1 juta).

Berikutan kadar pemberian pinjaman yang lebih kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan, jumlah pinjaman terkumpul terus berkurang kepada RM8.9 juta dan tiada pinjaman baru diberikan pada tahun tersebut. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada individu mencakupi 69.9% daripada jumlah pinjaman, manakala bakinya dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan.

NPL kasar meningkat kepada RM2.7 juta, merupakan 30.7% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM2.4 juta atau 25.4%). Ini disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah NPL bagi pinjaman untuk pembelian harta tanah bukan kediaman yang mencakupi 94.5% daripada jumlah NPL kasar.

Pinjaman daripada institusi kewangan kekal sebagai sumber dana utama BDC Sabah, yang berjumlah RM86.7 juta atau 62.3% daripada jumlah sumber.

Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad

Pembangunan harta tanah dan aktiviti pembinaan masih menjadi kegiatan utama *Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad* (BDC Sarawak) pada tahun 2004. Jumlah stok dan kerja yang sedang berjalan terus mencatat peningkatan sebanyak 28% (2003: 63.6%) kepada RM70.3 juta pada akhir tahun 2004. Jumlah ini mencakupi bahagian terbesar daripada aset BDC Sarawak (68.1%).

Dengan persaingan yang sengit daripada institusi perbankan, kemudahan pembiayaan akhir untuk pembelian rumah kekal lembap untuk dua tahun berturut-turut. Justeru itu, jumlah pinjaman terkumpul yang sebahagian besarnya terdiri daripada pinjaman kepada kakitangan (97.9%) bagi tujuan pembelian harta kediaman, terus berkurang kepada RM0.9 juta pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: RM1 juta). Sementara itu, jumlah pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu yang berjumlah RM9.6 juta atau 9.3% daripada jumlah aset turun sedikit pada tahun 2004 (-2.7%).

BDC Sarawak mendapat sumber dana, terutamanya daripada dana pemegang saham (RM37.2 juta) dan peminjaman daripada institusi kewangan (RM11 juta). Kesemua ini mencakupi 46.7% daripada jumlah sumber (2003: 62.3%). Deposit pembeli rumah yang berjumlah RM45.2 juta, juga menjadi sumber dana yang semakin penting bagi BDC Sarawak, mencakupi 43.8% daripada jumlah sumber (2003: 25.6% atau RM24.5 juta).

Institusi-Institusi Kewangan yang Lain

212-213 Syarikat Diskaun
213-214 Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen
214-216 Modal Usaha Niaga
216-217 Industri Amanah Saham

Institusi-Institusi Kewangan yang Lain

Syarikat Diskaun

Operasi syarikat diskaun terus mengembang pada tahun 2004 walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Jumlah sumber syarikat diskaun meningkat sebanyak RM1.7 bilion atau 5.6% (RM2.8 bilion atau 10.3% pada tahun 2003). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pertumbuhan jumlah deposit sebanyak 18.3% pada tahun tersebut. Deposit tetap mencatat peningkatan besar sebanyak RM3.9 bilion atau 23.4% (RM2.4 bilion atau 16.5% pada tahun 2003) dengan sejumlah besar daripada peningkatan tersebut disebabkan oleh kenaikan deposit untuk tempoh matang antara satu hingga sembilan bulan. Sementara itu, deposit panggilan meningkat pada kadar yang lebih sederhana iaitu sebanyak 15.2% pada tahun 2004 (34.2% pada tahun 2003). Dengan sumber dana yang besar daripada deposit, pergantungan pada pasaran wang antara bank sebagai sumber dana berkurang pada tahun tersebut. Ini dicerminkan oleh penurunan sebanyak RM2.9 bilion dalam peminjaman antara bank.

Terdapat perubahan yang ketara dalam kegunaan dana sepanjang tahun 2004. Pelaburan dalam sekuriti menurun sebanyak RM4.1 bilion disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam pegangan sekuriti hutang swasta dan sekuriti hutang Cagamas. Perubahan ini mencerminkan kecenderungan syarikat diskaun untuk membuat simpanan deposit jangka pendek dalam pasaran wang antara bank berikutan jangkaan kadar faedah yang lebih tinggi pada masa hadapan. Penurunan dalam pemegangan sekuriti hutang swasta (PDS) sebahagiannya juga timbul berikutan aktiviti pengambilan untung apabila trend kadar hasil menurun pada separuh tahun kedua. Oleh itu, simpanan deposit antara bank oleh syarikat diskaun mengembang lebih dua kali ganda untuk mencakupi 37.8% daripada jumlah aset syarikat diskaun yang disatukan (19.2% pada tahun 2003).

Sebagai sebahagian daripada langkah untuk menyediakan rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan yang lebih komprehensif, dua keperluan berhemat utama telah dikenakan ke atas syarikat diskaun berlesen pada tahun 2004 bagi memelihara keteguhan kewangan mereka dalam suasana persaingan dalam sektor kewangan yang lebih sengit. Pertama, sejak bulan September 2004, syarikat diskaun perlu mengambil kira kedudukan risiko pasaran dalam pengiraan nisbah keperluan kecukupan modal dan mematuhi keperluan minimum nisbah modal berwajaran risiko (RWCR)

Jadual 8.1
Syarikat Diskaun: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2004
	2003	2004	
	RM juta		
Sumber:			
Dana modal yang diluluskan	84	238	2,611
Deposit	3,847	4,344	28,094
Pinjaman antara bank	-1,169	-2,944	615
Lain-lain	46	57	564
Jumlah	**2,807**	**1,695**	**31,885**
Kegunaan:			
Pelaburan dalam sekuriti:	9	-4,146	19,109
Sekuriti hutang kerajaan	-571	475	1,804
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-262	572	1,407
Bon Khazanah	*123*	*-173*	*324*
Bil BNM	*16*	*-365*	*0*
Sekuriti hutang swasta	*2,397*	*-3,033*	*10,897*
Penerimaan jurubank	*-2,752*	*822*	*4,059*
Deposit instrumen boleh niaga	*752*	*-289*	*559*
Sekuriti hutang Cagamas	*610*	*-1,093*	*1,076*
Lain-lain[1]	*-567*	*-491*	*391*
Penyimpanan antara bank	1,921	6,230	12,039
Lain-lain	877	-389	738
	2002	**2003**	**2004**
Bilangan syarikat diskaun	7	7	7

[1] Termasuk bon Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

sebanyak 8% di bawah rangka kerja RWCR yang dipinda serta di bawah rangka kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran. Apabila berkuat kuasa sepenuhnya pada suku kedua 2005, rangka kerja RWCR yang dipinda akan menyelaraskan wajaran risiko rakan niaga di bawah rangka kerja RWCR syarikat diskaun yang sedia ada dengan rangka kerja RWCR institusi perbankan yang lain. Ini akan menghasilkan persaingan yang saksama dalam isu peruntukan modal di bawah rangka kerja RWCR. Kedua, berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2004, syarikat diskaun tertakluk pada Had Kredit Seseorang Pelanggan di bawah Seksyen 61 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (BAFIA) dalam semua urusan pelaburan PDS. Ini akan memastikan syarikat diskaun tidak terlalu terdedah kepada seseorang pelanggan dalam pemegangan PDS.

Pada tahun ini, aktiviti berasaskan fi syarikat diskaun menjadi sederhana seiring dengan nilai terbitan PDS dalam pasaran modal yang lebih rendah. Syarikat diskaun mengatur, menjadi pengurus utama dan pengurus bersama terbitan sekuriti hutang swasta yang bernilai RM5.9 bilion (RM9.8 bilion pada tahun 2003). Sementara itu, jumlah yang ditanggung jamin oleh syarikat diskaun

adalah sebanyak RM1.4 bilion (RM2.6 bilion pada tahun 2003) bagi 42 terbitan PDS (31 terbitan pada tahun 2003).

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Jumlah sumber kewangan kumpulan wang simpanan dan pencen yang dikaji selidik oleh Bank Negara Malaysia terus berkembang sebanyak 9.3% kepada RM291.3 bilion pada tahun 2004. Sebagai kumpulan wang terbesar, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencakupi 82.5% daripada jumlah dana kumpulan wang simpanan dan pencen. Pada akhir tahun 2004, caruman terkumpul yang mencakupi 90.1% daripada jumlah sumber kewangan kumpulan wang simpanan dan pencen meningkat sebanyak 9.3% (2003: 9.2%). Pertumbuhan kukuh dalam caruman terkumpul disokong terutamanya oleh kenaikan ketara dalam dividen yang dikreditkan sebanyak 22.2% pada tahun 2004 (2003: 15.7%). Sementara itu, caruman baru bersih kepada kumpulan wang simpanan dan pencen terus meningkat, meskipun pada kadar yang lebih rendah sebanyak 3.2% (2003: 16.2%). Pertumbuhan yang lebih rendah ini disebabkan oleh pengeluaran yang lebih banyak pada tahun tersebut.

Caruman kasar kumpulan wang simpanan dan pencen yang dikaji selidik meningkat sebanyak 8.2% pada tahun 2004 (2003: 1%), sejajar dengan pertumbuhan bilangan pencarum. Pengeluaran meningkat sebanyak 13.1% pada tahun tersebut (2003: -10.5%), disebabkan sebahagian besar oleh pengeluaran daripada KWSP bagi tujuan pelaburan, yang meningkat sebanyak 47.9% (2003: 8.7%). Kenaikan ini selaras dengan jualan dana amanah saham yang lebih tinggi sepanjang tahun 2004. Pengeluaran bagi tujuan perumahan juga berkembang dengan pesat sebanyak 10.9% (2003: 2.1%), mencerminkan permintaan yang memberangsangkan terhadap harta kediaman. Sementara itu, pertumbuhan pengeluaran KWSP oleh pekerja berpencen, yang mencakupi bahagian terbesar (36.8%) dari jumlah pengeluaran kumpulan wang tersebut, merosot kepada 12.3% pada tahun 2004 (2003: 19.1%).

Pendapatan pelaburan yang lebih besar membolehkan kumpulan wang simpanan dan pencen untuk mengagihkan dividen yang lebih tinggi kepada pencarum. Pada tahun 2004, KWSP mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 4.75% (2003: 4.5%), berikutan peningkatan pendapatan pelaburan kumpulan wang simpanan tersebut sebanyak 7.1% kepada RM11.8 bilion. Ini hasil daripada pulangan yang lebih tinggi daripada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta dan daripada aktiviti pemberian pinjaman. Pendapatan daripada pelaburan ekuiti juga lebih tinggi disebabkan prestasi pasaran saham Malaysia yang lebih mantap. Secara keseluruhan,

Jadual 8.2
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Penunjuk Terpilih

	2003	2004*a*
	RM juta	
Pada akhir tahun		
Bilangan pencarum ('000)	20,698	21,152
antaranya : KWSP	*10,490*	*10,706*
: PERKESO	*9,997*	*10,239*
Caruman terkumpul	240,334	262,584
Aset	266,538	291,331
antaranya: Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia	*91,596*	*100,317*
Sepanjang tahun		
Caruman baru bersih	12,014	12,400
Caruman kasar	*24,247*	*26,238*
Pengeluaran	*12,234*	*13,839*
Dividen yang dikreditkan	9,324	11,391
Pendapatan pelaburan	12,893	13,447

a Awalan

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru dan tiga buah kumpulan wang simpanan dan pencen yang lain.

Graf 8.1
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Komposisi Aset Utama



pelaburan dalam instrumen hutang dan ekuiti menyumbang sebanyak 52.2% daripada jumlah pendapatan pelaburan KWSP pada tahun 2004.

Dari segi komposisi aset kumpulan wang simpanan dan pencen, terdapat penurunan sedikit dalam pemegangan deposit dan instrumen pasaran wang, berikutan persekitaran kadar faedah yang rendah. Peruntukan lebih besar diberikan kepada pelaburan yang menawarkan pulangan yang lebih tinggi. Oleh itu, bahagian sekuriti hutang swasta dan pinjaman masing-masing meningkat kepada 13.6% dan 16.3%, manakala bahagian deposit dan instrumen pasaran wang merosot kepada 10.3% pada akhir tahun 2004.

Seperti yang diumumkan dalam Bajet 2005, KWSP telah mengambil langkah untuk memperuntukkan RM800 juta kepada pengurus dana luar. Sebanyak RM1.75 bilion lagi akan disalurkan setiap tahun kepada syarikat pengurusan dana tempatan selama tiga tahun yang berikutnya. Oleh sebab itu, dana yang disalurkan kepada pengurus dana tempatan akan meningkat kepada RM12 bilion. Inisiatif ini dijangka dapat mempertingkatkan pulangan pelaburan, serta menggalakkan pembangunan sekumpulan yang lebih besar ahli profesional dalam pengurusan pelaburan yang mahir, bagi mempertingkatkan persaingan dalam industri pengurusan dana Malaysia, seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pasaran Modal.

Modal Usaha Niaga

Pada tahun 2004, industri modal usaha niaga di Malaysia terus berkembang sebagai satu sumber pembiayaan baru bagi ekonomi. Industri tersebut terus mencatat pengembangan dari segi jumlah saiz dana, jumlah pelaburan daripada sumber dalam negeri dan luar negeri, bilangan syarikat pengurusan dana modal usaha niaga dan bilangan syarikat penerima modal usaha niaga pada tahun tersebut. Jumlah dana untuk pelaburan modal usaha niaga bertambah sebanyak 7% kepada RM2.3 bilion. Pelaburan daripada sumber dalam negeri mencatat peningkatan sebanyak 15.4% manakala pelaburan daripada sumber luar negeri mencatat pertumbuhan nyata sebanyak 55.4%. Pada akhir tahun 2004, bilangan syarikat penerima modal usaha niaga bertambah kepada 332 dengan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion.

Jadual 8.3
Statistik Utama Industri Modal Usaha Niaga

	Pada akhir tahun 2003	Pada akhir tahun 2004
Dana modal usaha niaga (RM juta)	2,118.1	2,266.0
Jumlah pelaburan (RM juta)[1]	878.7	1,058.0
Sumber tempatan (RM juta)	769.0	887.0
Sumber asing (RM juta)	109.6	170.3
Bilangan syarikat/dana modal urus niaga	43[2]	38
Bilangan syarikat pengurus dana modal usaha niaga	31[2]	34
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	298	332
	Sepanjang tahun 2003	**Sepanjang tahun 2004**
Jumlah pelaburan (RM juta)	227.2	289.3
Sumber tempatan (RM juta)	192.5	248.4
Sumber asing (RM juta)	34.8	40.9
Bilangan syarikat penerima modal usaha niaga	115	139

[1] Termasuk aktiviti peluputan
[2] Berdasarkan definisi Bank Negara Malaysia

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 8.2
Sumber Modal Usaha Niaga
(% bahagian, pada akhir tahun 2004)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Kerajaan terus memberi sokongan kepada pembangunan industri modal usaha niaga. Dalam Bajet tahun 2005, Kerajaan telah mengumumkan bahawa peserta modal usaha niaga asing kini dibenarkan memiliki 100% pemilikan ekuiti dalam syarikat modal usaha niaga dan syarikat pengurusan modal usaha niaga di Malaysia. Langkah ini antara lain dijangka dapat menggalakkan lebih banyak aliran masuk dana dan tenaga kerja mahir, serta menggalakkan pemindahan teknologi.

Cradle Investment Program (CIP) yang ditadbirkan dan diurus oleh Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP), terus menyediakan pembiayaan modal pra-benih dan sokongan keusahawanan kepada usahawan yang mempunyai komitmen untuk membangunkan dan mengkomersialkan idea mereka. Pada akhir bulan Februari 2005, geran berjumlah RM7 juta telah diserahkan kepada 141 penerima. Pelaburan CIP mengikut sektor kebanyakannya tertumpu pada perisian (26.95%), produk pengguna/perniagaan (12.77%) dan e-perkhidmatan (7.1%). Selain itu, CIP juga telah bekerjasama dengan beberapa badan penting Kerajaan untuk memajukan para usahawan dan inovator negara yang sedia ada. CIP kini mempunyai 16 "Rakan Komuniti", termasuk beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan, serta organisasi sektor swasta. "Rakan Komuniti" ini dijangka dapat menyokong objektif CIP melalui inisiatif dan aktiviti secara usaha sama, seperti program pembangunan usahawan, perkongsian mentor dan pengkomersialan.

MAVCAP terus menawarkan pembiayaan kepada syarikat teknologi maklumat dan komunikasi tempatan yang berpotensi pertumbuhan tinggi sepanjang tahun 2004. Pada akhir bulan Februari 2005, MAVCAP telah melabur RM300 juta dan memupuk 60 buah syarikat.

Walaupun dana daripada sumber Kerajaan kekal tinggi, sumbangan dana untuk pelaburan modal usaha niaga daripada entiti-entiti sektor swasta dalam negeri mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 35.1% pada tahun 2004. Dana daripada syarikat insurans juga bertambah dengan ketara kepada RM27 juta pada tahun 2004, daripada RM2.4 juta pada tahun 2003. Dana daripada sumber asing meningkat dengan kukuh kepada RM170.3 juta. Dana daripada sumber Kerajaan mencakupi bahagian yang lebih rendah sebanyak 42.5% pada tahun 2004 (54.2% pada tahun 2003).

Dari segi peringkat, kebanyakan daripada pelaburan modal usaha niaga sepanjang tahun ini tertumpu pada peringkat pengembangan/pertumbuhan, pengantaraan/mezanin/pra-IPO dan peringkat awal. Pelaburan ini merupakan 76.7% daripada keseluruhan pelaburan modal usaha niaga pada tahun 2004. Pelaburan di peringkat yang lebih berisiko, termasuk peringkat modal benih dan modal permulaan, merosot daripada 29.8% pada tahun 2003 kepada 12.3% pada tahun 2004. Pelaburan di peringkat lain juga merosot.

Dari segi pelaburan terkumpul mengikut peringkat, peringkat pengembangan/pertumbuhan, pengantaraan/mezanin/pra-IPO dan pembiayaan permulaan menerima pembiayaan modal usaha niaga yang terbesar sejak tahun 2002.

Dari segi pelaburan mengikut sektor, sektor teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), sains kehidupan dan perkilangan terus menerima pembiayaan terbanyak. Secara keseluruhan, jumlah pelaburan modal usaha niaga dalam tiga sektor ini mencakupi 77.3% daripada jumlah pelaburan yang dibuat pada tahun 2004. Dari segi saiz pendanaan terkumpul sehingga akhir tahun 2004, sektor yang menerima jumlah pelaburan modal usaha niaga terbesar ialah sektor ICT (42.2% daripada jumlah), sektor perkilangan (25.4%) dan sektor sains kehidupan (18.4%). Ketiga-tiga sektor ini mencakupi RM910.1 juta atau 86% daripada jumlah dana yang dilaburkan. Sepanjang tahun 2004, dana modal usaha niaga tempatan tertumpu pada sektor ICT (48.7%), pendidikan (13.8%), dan perkilangan (12.9%), manakala syarikat modal usaha niaga asing melabur terutamanya dalam sektor sains kehidupan (49.9%), ICT (39.8%) dan perkilangan (10.2%). Berbanding dengan tahun 2003, terdapat anjakan yang ketara dalam pemilihan sektor pelaburan, apabila kebanyakan pelaburan modal usaha niaga daripada sumber tempatan lebih tertumpu pada sektor ICT, iaitu anjakan

Jadual 8.4
Pelaburan mengikut Peringkat sepanjang tahun 2004

Bilangan Syarikat Penerima Pelaburan	139	
Peringkat Perniagaan	RM juta	% bahagian
Modal benih	16.1	5.6
Pembiayaan permulaan	19.3	6.7
Pembiayaan peringkat awal	48.9	16.9
Pembiayaan pengembangan, pertumbuhan	105.8	36.6
Pembiayaan penyambungan, mezanin, pra-IPO	67.2	23.2
Pembelian keluar pengurusan	19.2	6.6
Pembelian masuk pengurusan	...	...
Penuaian keluar (pembelian sekunder)	0.6	0.2
Jenis pelaburan yang lain	12.1	4.2
Jumlah	**289.4**	**100.0**

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 8.3
Pelaburan Terkumpul mengikut Peringkat (% bahagian)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 8.4
Pelaburan pada tahun 2004
(% bahagian daripada jumlah)



Jumlah Pelaburan: RM289.4 juta
Bilangan Syarikat Penerima Modal Usaha Niaga: 139

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Jadual 8.5
Pelaburan Terkumpul Modal Usaha Niaga mengikut Sektor

	Pada akhir tahun 2004	
	RM juta	% bahagian
Teknologi komunikasi dan maklumat	446.2	42.2
Perkilangan	269.2	25.4
Sains kehidupan	194.7	18.4
Pendidikan	38.4	3.6
Elektrik, jana kuasa, gas dan air	17.4	1.6
Perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel	10.3	1.0
Perkhidmatan pembiayaan, insurans, hartanah dan perniagaan	6.8	0.6
Pembinaan	0.1	0.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	0.0	0.0
Lain-lain	74.9	7.1
Jumlah	**1,058.1**	**100.0**

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

tumpuan daripada sektor perkilangan sebelumnya, manakala syarikat modal usaha niaga asing beranjak daripada pelaburan dalam sektor ICT kepada sektor sains kehidupan.

Pembangunan pembiayaan modal usaha niaga akan terus digalakkan berdasarkan kepentingannya dalam memupuk sektor pertumbuhan baru serta memainkan peranan sebagai sumber pembiayaan alternatif kepada ekonomi secara keseluruhan. Usaha-usaha yang berterusan akan ditumpukan pada pembinaan kapasiti yang lebih besar dari segi peningkatan kemahiran dan akses kepada pembiayaan sektor swasta. Untuk mempercepat pembangunan industri modal usaha niaga, rangkaian *business angels* yang utuh, kepelbagaian sumber dana dan peningkatan bilangan pekerja mahir yang berpengetahuan tinggi, sedang dibangunkan. Kekangan dalam bekalan inovasi akan diberi perhatian dengan usaha memperbaiki aliran urus niaga melalui pembangunan jumlah bilangan syarikat penerima modal usaha niaga yang besar dan berpotensi untuk berkembang. Dalam usaha membantu menyemai budaya keusahawanan yang lebih baik, usaha-usaha sedang ditumpukan ke arah menyediakan persekitaran perniagaan dan pengawalseliaan yang diperlukan, memastikan akses kepada pembiayaan di peringkat permulaan inovasi dan mengkaji semula dasar-dasar sedia ada yang berkaitan dengan pengkomersialan idea.

Industri Amanah Saham

Industri amanah saham mengalami pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2004, mencerminkan peningkatan dalam tahap penerimaan terhadap amanah saham sebagai satu instrumen pelaburan yang penting bagi masyarakat umum. Sepanjang tahun 2004, sejumlah 62 dana amanah saham baru telah dilancarkan (44 pada tahun 2003), menambahkan bilangan dana kepada 281 pada akhir 2004 (219 pada akhir 2003). Tahap jualan kasar yang kekal tinggi sepanjang tahun, menyebabkan jumlah jualan kasar bertambah sebanyak 33.4% (2003: 37.5%). Walaupun pembelian balik juga secara amnya adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun yang lepas, industri amanah saham tetap mencatat tahap jualan bersih tahunan tertinggi sebanyak RM12.6 bilion (81.9% lebih banyak daripada tahun 2003).

Salah satu faktor penyumbang ke arah peningkatan permintaan ialah wujudnya lebih banyak pilihan dana amanah saham, yang dapat memenuhi keperluan risiko

Graf 8.5
Industri Amanah Saham - Nilai Aset Bersih, Unit dalam Edaran dan Bilangan Dana



Graf 8.6
Industri Amanah Saham - Jualan Kasar, Pembelian dan Jualan Bersih



Graf 8.7
Industri Amanah Saham Islam - Nilai Aset Bersih, Unit dalam Edaran dan Bilangan Dana



dan pulangan terpelbagai bagi pelabur yang berlainan. Dana-dana yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada tahun 2004 merangkumi dana daripada jenis ekuiti am dan bon, sehingga dana yang banyak membuat pelaburan dalam sekuriti/instrumen yang lebih berisiko. Seterusnya, terdapat juga dana yang direka khas untuk pelabur institusi, yang memerlukan jumlah pelaburan permulaan minimum yang lebih banyak. Dana amanah saham baru lain yang diperkenalkan termasuk dana-dana yang dibezakan mengikut strategi pelaburan, peruntukan aset, tahap risiko dan dasar pengagihan.

Industri amanah saham Islam terus meningkat pada kadar yang pesat, mencerminkan permintaan pelabur yang lebih tinggi terhadap produk kewangan Islam. Pada tahun 2004, sejumlah 15 dana Islam baru dilancarkan (14 pada tahun 2003), menjadikan jumlah bilangan dana Islam kepada 65. Nilai aset bersih dana Islam, yang meningkat sebanyak 42.3% pada tahun 2004, merangkumi 7.7% jumlah nilai aset bersih industri amanah saham pada akhir tahun 2004 (6.8% pada akhir 2003).

Dana pelaburan harta tanah (REIT) (dahulu dikenali sebagai dana amanah harta), ditubuhkan dan dilancarkan buat kali pertama di Malaysia pada tahun 1988. Dengan menyedari potensi REIT sebagai instrumen pelaburan alternatif untuk memudahkan perancangan kewangan oleh pelabur Malaysia, serta potensi REIT untuk meningkatkan mudah tunai dalam pasaran harta tanah tempatan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mendorong perkembangan REIT pada tahun 2004. Langkah-langkah tersebut termasuk peruntukan cukai yang memuaskan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2005, serta pengenalan Garis Panduan mengenai Dana Pelaburan Harta Tanah oleh pihak SC untuk menarik minat peserta baru serta meningkatkan kesedaran peserta industri tempatan dan pemaju/pemilik harta tanah tentang manfaat penubuhan REIT.

Potensi industri amanah saham di Malaysia untuk terus berkembang masih besar, meskipun industri ini telah mencatat pertumbuhan yang kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Tahap penembusan, yang diukur oleh nisbah nilai aset bersih industri amanah saham kepada modal pasaran ekuiti, masih rendah di Malaysia berbanding dengan negara-negara yang mempunyai sistem kewangan yang lebih matang seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Kesedaran dan pengetahuan pengguna yang lebih baik tentang perancangan kewangan dan produk kewangan yang sedia ada adalah mustahak untuk membolehkan perkembangan yang lebih pesat dalam industri amanah saham. Bagi mencapai matlamat ini, pihak berkuasa dengan kerjasama peserta dan pertubuhan industri, telah melaksanakan program pendidikan secara berterusan seperti seminar, bengkel kerja dan jerayawara mengenai perancangan kewangan, khususnya tentang pelaburan dalam amanah saham.

Di samping itu, usaha untuk memperluas lagi saluran agihan, seperti pengenalan Garis Panduan untuk Urus Niaga Dalam Talian dan Aktiviti Dalam Talian Berkaitan dengan Amanah Saham bagi membolehkan penggunaan internet dan media elektronik yang lain untuk mempromosikan, mengagih dan membekalkan maklumat kepada pelabur, juga akan membantu mendorong perkembangan industri amanah saham di Malaysia.

220-221 Tinjauan
221-223 Pasaran Wang
223-224 Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing
224-227 Pasaran Ekuiti
227-233 Pasaran Bon
228 *Rencana: Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2004*
234-235 Pasaran Bursa Dagangan Derivatif

Pasaran Kewangan

Pasaran Kewangan

Tinjauan

Pada tahun 2004, pasaran kewangan terus berfungsi dengan cekap dalam menggembleng dan menyalurkan dana untuk memenuhi keperluan para pelabur dan korporat bagi memudahkan pembiayaan kompetitif yang berasaskan pasaran untuk para peniaga Malaysia dan sektor awam. Jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran modal pada tahun 2004 masih besar. Setelah mengambil kira penebusan, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi pada RM42.7 bilion (2003: RM50.4 bilion). Kerajaan Persekutuan terus memperoleh dana daripada pasaran dalam negeri untuk membiayai aktiviti pembangunan berikutan keadaan mudah tunai yang berlebihan. Sektor awam memperoleh jumlah dana bersih yang lebih tinggi sebanyak RM26.7 bilion (2003: RM24.7 bilion), mencakupi 62.5% daripada jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran modal. Sementara itu, dana bersih yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti dan bon menurun sebanyak 37.6% kepada RM16 bilion, disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang lebih rendah. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh penyelesaian kebanyakan aktiviti penstrukturan semula korporat, dan sebahagian besar dana yang diperoleh adalah untuk membiayai aktiviti baru. Secara keseluruhan, pembiayaan ekonomi melalui terbitan PDS kekal ketara, mencakupi 23.7% daripada jumlah pembiayaan sektor swasta melalui PDS dan pinjaman.

Dalam pasaran ekuiti, aktiviti untuk memperoleh dana telah disokong oleh prestasi pasaran yang positif dan asas ekonomi yang bertambah baik. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) meningkat sebanyak 14.3% untuk mencapai 907.43 mata pada akhir tahun 2004, paras akhir tahun yang tertinggi sejak Krisis pada tahun 1997. Jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti berjumlah RM6.5 bilion, hasil daripada penyenaraian 72 syarikat di Bursa Malaysia, bilangan yang paling tinggi sejak tahun 1998. Bilangan penyenaraian yang lebih tinggi, terutamanya oleh syarikat bermodal kecil dan

Pasaran kewangan terus memainkan peranan yang utama sebagai sumber pembiayaan ekonomi yang penting. Usaha-usaha telah dilaksanakan untuk membangunkan lagi pasaran kewangan sebagai penyalur dan penggembleng dana pelaburan yang cekap.

Graf 9.1
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal oleh Sektor Awam dan Swasta



Jadual 9.1
Dana yang Diperoleh daripada Pasaran Modal

	2003	*2004a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan (kasar)	41,262	43,173
Tolak Penebusan	18,600	18,200
Tolak Milikan Kerajaan	0	0
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	22,662	24,973
Bon Khazanah (bersih)	346	-1,198
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	1,729	1,423
Bon Simpanan Malaysia/Bon Simpanan Merdeka (bersih)	-9	1,474
Dana Bersih yang Diperoleh Sektor Awam	**24,729**	**26,671**
Oleh Sektor Swasta		
Saham	7,772	6,475
Sekuriti Hutang Swasta		
Terbitan kasar	50,975	36,340
Tolak Penebusan	33,123	26,814
Bersamaan Terbitan bersih	17,853	9,526
Dana Bersih yang Diperoleh Sektor Swasta	**25,624**	**16,001**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal	**50,353**	**42,672**
Terbitan bersih sekuriti jangka pendek[1]	3,753	-3,208
Jumlah	**54,106**	**39,465**

[1] Merujuk kepada Kertas Perdagangan dan Nota Cagamas. Untuk tahun 2003, termasuk Nota Jangka Pertengahan.
a Awalan

sederhana, mencerminkan aktiviti pelaburan dalam negeri yang lebih baik, terutamanya dalam sektor pertumbuhan baru ekonomi.

Dalam pasaran PDS, persekitaran inflasi dan kadar faedah yang rendah serta pengukuhan asas ekonomi merupakan faktor utama yang menyumbang kepada bekalan PDS baru yang berterusan, dengan jumlah terbitan sebanyak RM36.4 bilion. Pasaran PDS kekal sebagai pilihan sumber perolehan pembiayaan oleh syarikat yang terlibat dalam sektor utiliti dan pembinaan, mencakupi 59.5% daripada jumlah dana yang diperoleh sektor swasta (tidak termasuk Cagamas Berhad). Dari segi penggunaan dana bon, 46.5% daripada jumlah terbitan adalah untuk pembiayaan aktiviti baru, yakni bahagian pembiayaan yang paling tinggi sejak Krisis. Perkembangan yang menggalakkan ini terus membuktikan aktiviti pelaburan swasta yang lebih baik dalam ekonomi Malaysia. Perkembangan yang penting dalam pasaran bon dalam negeri ialah pengenalan aset kelas baru. Pada tahun 2004, beberapa instrumen baru, termasuk sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman dan bon ringgit bank pembangunan pelbagai hala telah diterbitkan.

Dari segi urus niaga pasaran dan aktiviti dagangan, kedua-dua pasaran pertukaran asing antara bank Kuala Lumpur dan pasaran bursa dagangan derivatif mencatat aktiviti yang memberangsangkan, dengan jumlah urus niaga masing-masing meningkat sebanyak 44% dan 32%. Jumlah urus niaga bagi pasaran ekuiti, bon dan pasaran wang menurun sedikit pada tahun ini. Urus niaga pasaran wang sepanjang tahun ini dipengaruhi sebahagian besarnya oleh pertukaran jangkaan pasaran terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dan arah kadar faedah.

Peningkatan urus niaga dalam pasaran pertukaran asing adalah disebabkan oleh peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan, serta volatiliti yang lebih tinggi dalam mata wang utama. Volatiliti yang meningkat dalam pasaran pertukaran asing menggalakkan pedagang mata wang mempelbagai dan melindung nilai portfolio serta berurus niaga dengan mengambil peluang daripada kesempatan yang berpunca daripada pergerakan kadar pertukaran.

Dalam Bursa Malaysia Derivatives, aktiviti urus niaga tertumpu pada kontrak niaga hadapan Minyak Sawit Mentah (CPO) dan KLCI, kedua-duanya mencakupi sebanyak 93.7% daripada jumlah urus niaga. Perkembangan yang ketara ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan tahunan yang tinggi sebanyak 229% yang dicatat dalam kontrak niaga hadapan KLCI, disebabkan terutamanya oleh prestasi baik pasaran asas ekuiti serta langkah-langkah yang telah diambil oleh Bursa Malaysia Derivatives untuk menurunkan syarat margin dan kos urus niaga pada akhir tahun 2003. Untuk mengukuhkan lagi kaedah pengurusan risiko bagi pedagang minyak sawit, kontrak niaga hadapan Minyak Isi Rong Sawit dilancarkan. Ini membolehkan peserta-peserta pasaran mengurus pendedahan harga minyak sawit dengan lebih baik.

Dari segi pembangunan, Kerajaan dan pihak berkuasa berkenaan terus menyokong pembangunan dan pengukuhan pasaran kewangan dalam negeri bagi mencapai paras kecekapan yang lebih tinggi, berdaya tahan dan berdaya saing. Perkembangan yang penting ialah pengenalan beberapa langkah liberalisasi untuk membenarkan broker saham asing, broker hadapan asing dan pengurus dana asing beroperasi di Malaysia. Di samping itu, syarikat bukan pemastautin dikecualikan daripada cukai pegangan ke atas pendapatan faedah yang diperoleh daripada pegangan sekuriti hutang berdenominasi ringgit yang diterbitkan oleh Kerajaan serta sekuriti hutang yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Perkembangan ini terus mengukuhkan profil pelabur dalam pasaran modal dalam negeri. Keterangan lanjut terdapat dalam rencana **Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada tahun 2004**.

Pasaran Wang

Aktiviti dalam pasaran wang lebih perlahan sedikit pada tahun 2004, sebagaimana dicerminkan oleh penurunan dalam jumlah urus niaga bagi deposit antara bank dan instrumen pasaran wang.

Dalam persekitaran kadar faedah antara bank yang stabil dan mudah tunai yang berlebihan sepanjang tahun, jumlah urus niaga dalam pasaran deposit antara bank merosot sebanyak 2.5% pada tahun 2004 berikutan kurangnya insentif di kalangan peserta pasaran untuk memperoleh dana daripada pasaran antara bank. Berbanding dengan tahun 2003, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang lebih kecil antara 2.65 – 2.74%, dengan purata keseluruhan pada 2.70%.

Pada tahun 2004, sebahagian besar daripada urus niaga instrumen pasaran wang dipengaruhi oleh perubahan dalam jangkaan pasaran mengenai prospek pertumbuhan ekonomi dan arah kadar faedah. Pada suku pertama, kadar inflasi yang rendah dan jaminan bahawa dasar monetari tidak akan berubah telah menggalakkan urus niaga MGS. Ini disebabkan peningkatan pemegangan instrumen berpendapatan tetap oleh pelabur dari dalam dan luar negeri. Justeru, jumlah urus niaga MGS meningkat dengan ketara kepada RM13.8 bilion pada bulan Mac 2004 daripada RM1.7 bilion pada bulan

Jadual 9.2
Pasaran Wang[1]

	2003		2004	
	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)	Jumlah (RM bilion)	Perubahan tahunan (%)
Jumlah urus niaga pasaran wang	**1,541.0**	**5.2**	**1,487.0**	**-3.5**
Deposit antara bank	**1,084.7**	**7.2**	**1,057.5**	**-2.5**
Instrumen pasaran wang	**456.3**	**0.6**	**429.5**	**-5.9**
Penerimaan Jurubank (BA)	37.3	-27.4	48.0	28.7
Instrumen Deposit Boleh Niaga (NID)	43.0	17.3	36.3	-15.7
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	231.4	-5.2	193.3	-16.5
Bon Khazanah	18.7	20.7	17.8	-5.1
Bil Perbendaharaan	9.9	17.7	17.1	73.1
Bil Bank Negara	74.5	36.9	74.1	-0.4
Bon Cagamas	25.6	-12.4	38.6	51.0
Nota Cagamas	16.0	16.2	4.4	-72.7

[1] Semua data diperoleh daripada Sistem Penyebaran Maklumat Bon kecuali BA dan NID yang sumbernya adalah daripada broker pasaran wang.

Disember 2003 dengan tumpuan minat lebih kepada instrumen berpendapatan tetap jangka panjang. Permintaan yang lebih kukuh ini menurunkan kadar hasil bagi MGS 3 tahun dan 5 tahun, masing-masing sebanyak 51 mata asas dan 20 mata asas kepada 3.25% dan 4.08%. Urus niaga dalam bil perbendaharaan juga berada pada tahap yang tinggi dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 173.7% pada suku pertama tahun 2004, sementara kadar hasil bil perbendaharaan 3 bulan merosot sebanyak 23 mata asas berbanding dengan kadar hasil pada akhir bulan Disember 2003.

Pada suku kedua tahun 2004, trend kadar hasil bon mulai meningkat. Pengumuman KDNK suku pertama yang kukuh serta peningkatan kadar hasil bil Perbendaharaan AS tatkala jangkaan bahawa pertumbuhan yang kukuh di AS akan mendorong

Graf 9.2
Kadar Hasil Instrumen Pasaran Wang



Graf 9.3
Urus Niaga MGS



Federal Reserve untuk menaikkan kadar faedah, telah mengubah jangkaan pasaran mengenai arah kadar faedah di Malaysia. Ini menyebabkan tekanan jualan di pasaran MGS dan seterusnya menyebabkan kadar hasil MGS 3 tahun dan 5 tahun masing-masing meningkat kepada 3.72% dan 4.41% pada akhir bulan Jun. Kadar tersebut merupakan kadar hasil tertinggi yang dicatat pada tahun 2004.

Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun 2004, trend kadar hasil bon bertukar arah dan menurun semula, dipengaruhi terutamanya oleh kenaikan harga minyak mentah serta kesan negatifnya terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dunia. Permintaan terhadap sekuriti berpendapatan tetap dalam nilai ringgit turut meningkat berikutan keyakinan pelabur bahawa inflasi di Malaysia dijangka kekal pada paras yang rendah serta jangkaan jajaran semula mata wang di Asia berbanding dengan dolar

Graf 9.4
Deposit Antara Bank



Graf 9.5
Instrumen Pasaran Wang



Graf 9.6
Jumlah Urus Niaga Antara Bank dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur



Nota: Data dari tahun 2002 dan seterusnya adalah berdasarkan Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS) yang baru,manakala data bagi tahun-tahun sebelumnya adalah berdasarkan urus niaga lapan Peniaga yang Dibenarkan.

AS. Ini diperkukuh oleh penurunan kadar hasil bil Perbendaharaan AS berikutan Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan *(FOMC)* membayangkan bahawa kadar faedah di AS akan meningkat pada kadar yang sederhana, di samping pengecualian cukai pegangan atas pendapatan faedah melalui pemegangan sekuriti dalam nilai ringgit yang diterbitkan oleh Kerajaan serta sekuriti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Minat yang tinggi terhadap aset dalam nilai ringgit menyebabkan penurunan yang ketara dalam kadar hasil, terutamanya bagi instrumen jangka pendek. Antara akhir bulan Oktober hingga akhir bulan November, kadar hasil MGS 1 tahun jatuh sebanyak 76 mata asas, sementara kadar hasil bagi bil perbendaharaan 3 bulan jatuh sebanyak 51 mata asas.

Perkembangan yang ketara pada tahun 2004 ialah pergerakan yang besar dalam urus niaga sekuriti hutang Cagamas. Urus niaga nota Cagamas merosot sebanyak 73%, disebabkan terutamanya oleh jumlah terbitan yang lebih rendah, iaitu hanya sebanyak RM1 bilion pada tahun 2004 berbanding dengan hampir RM10 bilion pada tahun 2003. Sementara itu, urus niaga bon Cagamas meningkat dengan ketara berikutan penghapusan insentif pengawalseliaan bagi sekuriti hutang Cagamas pada bulan September 2004 yang menyebabkan kadar hasil bon Cagamas meningkat sedikit.

Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing

Dalam pasaran pertukaran mata wang asing antara bank Kuala Lumpur, jumlah purata harian bagi urus niaga pertukaran mata wang asing antara bank (spot dan swap) meningkat sebanyak 44% berbanding dengan tahun 2003. Urus niaga spot meningkat lebih tinggi sebanyak 57% berbanding dengan urus niaga swap sebanyak 36%. Secara umum, perubahan dalam jumlah dan komposisi dalam pasaran pertukaran mata wang asing berkemungkinan disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan serta keadaan mata wang utama yang semakin tidak menentu sepanjang tahun 2004. Ekoran ketidaktentuan yang meningkat antara mata wang utama, pedagang mata wang berurus niaga bagi mempelbagaikan, menyelaras dan melindung nilai portfolio mereka, di samping mengambil peluang mendapatkan keuntungan hasil daripada perubahan kadar pertukaran mata wang.

Peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan memberi kesan positif secara langsung ke atas jumlah

Graf 9.7
Urusniaga dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur mengikut Mata Wang



urus niaga spot dan swap. Pada tahun 2004, jumlah eksport dan import Malaysia masing-masing meningkat sebanyak 20.8% dan 26.3%, berbanding dengan 11.3% dan 4.4% pada tahun 2003. Aktiviti pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur juga lebih tinggi berikutan peningkatan yang ketara dalam aliran masuk dana portfolio. Keadaan tidak menentu yang meningkat dalam pasaran pertukaran mata wang asing, ekoran penyusutan nilai dolar AS dan seterusnya penyelarasan mata wang sedunia, turut mendorong peningkatan dalam aktiviti melindung nilai oleh peserta-peserta pasaran bagi mengurus pendedahan mereka terhadap risiko mata wang.

Dari segi komposisi, urus niaga dalam pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur melibatkan terutamanya ringgit, yen, euro, dolar Singapura dan paun sterling berbanding dengan dolar AS. Dolar AS digunakan secara meluas dalam penyelesaian urus niaga perdagangan, perkhidmatan dan akaun modal. Oleh itu, urus niaga dalam pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur masih dikuasai oleh dolar AS berbanding dengan ringgit. Walau bagaimanapun, bahagian urus niaga dolar AS daripada jumlah urus niaga keseluruhan dalam pasaran pertukaran mata wang asing menurun daripada 81.7% pada tahun 2003 kepada 78.5% pada tahun 2004. Bahagian urus niaga yang melibatkan yen dan dolar Singapura berbanding dengan dolar AS turut menurun masing-masing sebanyak 3% dan 10%. Sebaliknya, terdapat peningkatan yang ketara dalam urus niaga yang melibatkan paun sterling berbanding dengan dolar AS. Ini menjadikan paun sterling dan dolar AS pasangan mata wang dagangan yang ketiga terbesar pada tahun 2004. Urus niaga euro berbanding dengan dolar AS juga meningkat kepada 4.2% daripada jumlah urus niaga keseluruhan pada tahun 2004, berbanding dengan 2.6% pada tahun 2003. Peralihan ini sebahagiannya boleh dijelaskan oleh pempelbagaian secara lebih aktif daripada mata wang yang menjana pulangan yang rendah seperti dolar dan yen kepada mata wang yang menjana pulangan yang tinggi seperti paun sterling dan euro.

Pasaran Ekuiti

Pada tahun 2004, pasaran ekuiti di Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dengan kebanyakan indeks pasaran utama berada pada tahap yang lebih tinggi pada akhir tahun. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mengakhiri tahun 2004 pada paras 907.43 mata atau kenaikan sebanyak 14.3% berbanding dengan paras pada akhir tahun 2003. Jumlah permodalan pasaran meningkat kepada RM722.04 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 12.8%

Graf 9.8
Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), Indeks Papan Kedua, Indeks Komposit Pasaran MESDAQ (MCI) dan Jumlah Urus Niaga Bursa Malaysia



Sumber: Bursa Malaysia

berbanding dengan paras pada akhir tahun 2003. Aktiviti pasaran kekal ketara dengan urus niaga pasaran tahunan berjumlah 108 bilion unit bernilai RM216.7 bilion. Dalam pasaran serantau, KLCI adalah antara indeks yang mencapai prestasi yang terbaik di rantau Asia.

Jadual 9.3
Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih

	2003	2004
Indeks Harga:		
Komposit	793.94	907.43
EMAS	195.57	214.26
Papan Kedua	140.64	110.87
MESDAQ	152.25	122.84
Jumlah Urus Niaga:		
Jumlah (bilion unit)	112.2	108.0
Nilai (RM bilion)	183.9	216.7
Urus Niaga Harian Purata :		
Jumlah (juta unit)	456.0	435.5
Nilai (RM juta)	747.5	873.7
Permodalan Pasaran (RM bilion)	640.5	722.0
Permodalan Pasaran / KDNK (%)	162.4	161.3
Jumlah Syarikat yang Disenaraikan:	906	963
Papan Utama	598	622
Papan Kedua	276	278
MESDAQ	32	63
Mudah Tunai Pasaran:		
Nilai Urus Niaga / Permodalan Pasaran Purata (%)	33.4	31.9
Jumlah Urus Niaga / Bilangan Sekuriti yang Disenaraikan (%)	43.2	36.4
Penumpuan Pasaran:		
*10 Saham dengan Nilai Permodalan Tertinggi/ Permodalan Pasaran (%)	31.6	34.4
Modal Berbayar Purata Syarikat Broker Saham (RM juta)	170.9	167.0

* Mengikut urus niaga pasaran sahaja.
Sumber: Bursa Malaysia

Jadual 9.4
Bursa Malaysia: Prestasi Indeks-Indeks Sektor

	2003	2004
	Perubahan tahunan (%)	
Indeks Komposit Kuala Lumpur	22.8	14.3
EMAS	24.4	9.6
Papan Kedua	43.2	-21.2
Indeks Komposit MESDAQ	82.9	-19.3
Kewangan	33.2	15.3
Perdagangan / Perkhidmatan	18.3	14.3
Perindustrian	31.3	10.9
Perladangan	19.3	9.4
Syariah	23.2	8.9
Barangan Pengguna	28.8	7.3
Perlombongan	74.8	6.7
Barangan Perindustrian	23.4	4.6
Harta Benda	38.8	-4.5
Pembinaan	24.6	-8.9
Teknologi	33.9	-28.5

Sumber:Bursa Malaysia

Mudah tunai pasaran merosot sedikit pada tahun 2004 dengan urus niaga purata harian menurun kepada 435.5 juta unit, daripada 456 juta unit pada tahun 2003. Secara keseluruhan, sentimen pasaran dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran yang tidak menggalakkan, seperti harga minyak yang tinggi serta peningkatan kadar faedah di AS.

Prestasi pasaran yang lebih memberangsangkan dan minat pelabur yang meluas mendorong penyenaraian 72 tawaran awam awal, iaitu jumlah terbanyak sejak tahun 1998. Perkembangan ini membuktikan lagi pasaran saham semakin penting sebagai sumber modal ekuiti untuk membiayai perkembangan ekonomi.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang lebih teguh dan peningkatan perolehan syarikat menggalakkan minat para pelabur dalam pasaran ekuiti di Malaysia. Orientasi semula syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) ke arah mewujudkan nilai pemegang saham yang lebih baik serta inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki sistem penghantaran sektor awam supaya dapat memastikan kecekapan dan daya saing ekonomi yang lebih baik, telah menarik dana asing untuk meningkatkan wajaran terhadap Malaysia.

Minat para pelabur terus disokong dengan pengumuman langkah-langkah liberalisasi baru yang membenarkan syarikat broker asing, pengurus dana asing dan pemodal usaha niaga asing untuk beroperasi di Malaysia. Langkah-langkah ini dijangka meningkatkan mudah tunai pasaran, menggalakkan daya saing dan mengukuhkan pasaran modal di Malaysia.

Prestasi pasaran ekuiti disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam perolehan korporat dan keutuhan kedudukan kewangan sektor korporat. Daripada sampel sebanyak 351 syarikat bukan kewangan yang tersenarai (mewakili hampir 75% daripada jumlah modal pasaran Bursa Malaysia), perolehan bagi tahun 2004 berkembang sebanyak 19%. Pulangan ekuiti pada asas tahunan bagi sampel ini meningkat kepada 9.1% pada suku keempat tahun 2004 (S4 2003: 8.2%). Pertumbuhan perolehan adalah kukuh terutamanya dalam sektor telekomunikasi, pengangkutan dan pembalakan, serta dalam subsektor perkilangan terpilih (keluaran keluli, getah dan elektronik). Keuntungan yang bertambah baik juga disebabkan beberapa syarikat berjaya pulih semula setelah menyempurnakan usaha penyusunan semula beberapa tahun lalu.

Seiring dengan perolehan yang lebih baik, aliran tunai daripada operasi sektor korporat meningkat pada tahun 2004. Aliran tunai yang lebih kukuh membolehkan firma-firma membiayai sebahagian besar perbelanjaan modal daripada dana dalaman. Oleh itu, keberhutangan korporat kekal stabil. Aliran tunai yang lebih kukuh, berserta tahap keberhutangan yang stabil dan kadar faedah yang rendah menyebabkan kapasiti bayaran khidmat hutang sektor korporat lebih mantap.

Aliran tunai yang lebih kukuh juga membolehkan beberapa syarikat besar meningkatkan pembayaran dividen kepada pemegang saham.

Pasaran ekuiti kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting bagi sektor swasta pada tahun 2004. Prestasi pasaran yang positif serta asas-asas ekonomi yang kukuh menggalakkan lebih banyak syarikat bermodal kecil dan sederhana untuk memperoleh dana di pasaran ekuiti. Lebih banyak syarikat disenaraikan di Pasaran MESDAQ dan Papan Kedua sepanjang tahun 2004, dengan jumlah keseluruhan penyenaraian baru meningkat kepada 72 syarikat, iaitu jumlah yang tertinggi sejak tahun 1998. Daripada jumlah keseluruhan yang disenaraikan, 31 syarikat disenaraikan di Pasaran MESDAQ, 26 di Papan Kedua dan 15 lagi di Papan Utama. Kebanyakan syarikat yang tersenarai adalah dari sektor teknologi dan juga sektor pertumbuhan tinggi, serta dari sektor barangan pengguna dan perindustrian. Dua buah syarikat besar yang disenaraikan pada tahun 2004 telah meningkatkan permodalan pasaran sebanyak 0.8%. Peningkatan bilangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia pada

Graf 9.9 Prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur pada tahun 2004



tahun 2004 terus membuktikan peningkatan dalam aktiviti pelaburan swasta, terutama di sektor pertumbuhan baru ekonomi. Jumlah keseluruhan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah sebanyak 963 pada akhir tahun 2004. Dari segi bilangan syarikat yang tersenarai, Bursa Malaysia adalah yang kedua terbesar selepas Hong Kong di rantau Asia Timur (tidak termasuk Jepun).

Walau bagaimanapun, jumlah dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti turun sedikit kepada RM6.5 bilion, berbanding dengan RM7.8 bilion pada tahun 2003. Sebahagian besar daripada dana ini diperoleh melalui tawaran awam awal (IPO) dan terbitan hak, masing-masing berjumlah RM4 bilion dan RM1.5 bilion. Dana yang diperoleh adalah lebih rendah berikutan saiz IPO yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, kebanyakan IPO telah terlebih langganan, mencerminkan minat pelabur yang tinggi terhadap penyenaraian baru. Dana yang diperoleh di pasaran ekuiti mencakupi lebih kurang 40% daripada jumlah keseluruhan dana yang diperoleh di pasaran modal oleh sektor swasta pada tahun 2004.

Graf 9.10
Bursa Malaysia: Jumlah Penyenaraian Baru



Graf 9.11
Dana yang Diperoleh oleh Sektor Swasta daripada Pasaran Modal



Graf 9.12
Prestasi Indeks Pasaran Saham Terpilih (% perubahan dari akhir tahun 2003 ke akhir tahun 2004)



Sumber: Bursa Malaysia

Menyedari kepentingan pasaran ekuiti sebagai satu sumber pembiayaan yang utama kepada ekonomi, Kerajaan dan pihak-pihak berkuasa berkenaan telah memperkenalkan beberapa langkah bagi mengukuhkan pasaran ekuiti. Langkah-langkah liberalisasi baru ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing global, menggalakkan inovasi dan memperluas liputan pasaran. Langkah-langkah lain yang diperkenalkan pada tahun 2004 disasarkan untuk memudahkan proses penyenaraian, meningkatkan penzahiran oleh syarikat tersenarai, meningkatkan daya tahan syarikat broker saham serta meningkatkan pelindungan pelabur. Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah ini terkandung dalam rencana **Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2004**.

Pasaran Bon

Pasaran bon kekal sebagai satu sumber pembiayaan ekonomi yang penting pada tahun 2004. Jumlah pembiayaan kasar bernilai RM85.8 bilion. Setelah mengambil kira penebusan pada tahun 2004, jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran bon berjumlah RM36.2 bilion. Oleh itu, jumlah terkumpul bon ringgit meningkat sebanyak 10.7% kepada RM363 bilion atau bersamaan dengan 81% daripada KDNK. Keadaan pasaran secara umum adalah menggalakkan untuk aktiviti penerbitan dan urus niaga bon, memandangkan persekitaran inflasi dan kadar faedah yang rendah dan asas ekonomi yang semakin kukuh. Satu perkembangan penting bagi pasaran bon ialah pengenalan aset kelas baru yang telah memajukan lagi pasaran bon. Pada tahun 2004, dua Bank Pembangunan Pelbagai Hala (MDB) telah menerbitkan bon ringgit, sementara Cagamas MBS Berhad telah menerbitkan Sekuriti Bersandarkan Gadaijanji Kediaman (RMBS). Terbitan sulung bon Putra Asian Development Bank (ADB) (RM400 juta) dan bon Islam Wawasan Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFC) (RM500 juta), mencerminkan keyakinan institusi

Jadual 9.5
Dana yang Diperoleh Daripada Pasaran Bon

	2003	2004*a*
	RM juta	
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan (kasar)	41,262	43,173
Tolak Penebusan	18,600	18,200
Tolak Milikan Kerajaan	0	0
Bersamaan Penerimaan Bersih Persekutuan	22,662	24,973
Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih)	1,729	1,423
Bon Khazanah (bersih)	346	-1,198
Bon Simpanan Malaysia/Bon Simpanan Merdeka (bersih)	-9	1,474
Dana Bersih yang Diperoleh	**24,729**	**26,671**
Oleh Sektor Swasta		
Sekuriti Hutang Swasta (kasar)	50,975	36,340
Bon Biasa	27,983	4,313
Bon dengan Waran	0	60
Bon Boleh Tukar	3,177	4,301
Bon berasaskan Prinsip Islam	8,143	9,104
Bon yang Disokong Aset	3,487	2,958
Nota Jangka Pertengahan[1]	0	7,315
Bon Cagamas	8,185	8,290
Tolak Penebusan	33,123	26,814
Sekuriti Hutang Swasta	27,971	19,648
Bon Cagamas	5,152	7,166
Dana Bersih yang Diperoleh	**17,853**	**9,526**
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon	**42,582**	**36,197**
Sekuriti Hutang Swasta, tidak termasuk Cagamas (kasar)	*42,790*	*28,050*
Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon, tidak termasuk Cagamas	*14,820*	*8,402*
Terbitan Bersih Sekuriti Jangka Pendek, Kertas Perdagangan[2]	3,753	-3,208
Jumlah	**46,335**	**32,990**

[1] Pengumpulan Nota Jangka Pertengahan bermula pada tahun 2004.
[2] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan. Untuk tahun 2003, termasuk Nota Jangka Pertengahan.
a Awalan

antarabangsa terhadap pasaran modal Malaysia sebagai sumber perolehan dana yang kompetitif. Terbitan bon ADB dan IFC mendapat langganan yang berlebihan, masing-masing sebanyak 6.5 kali dan 4.3 kali.

Dalam pasaran utama, sektor awam memperoleh dana bersih sebanyak RM26.7 bilion. Kerajaan Persekutuan menerbitkan dan membuka semula 14 terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan tiga Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII). Dana yang diperoleh Kerajaaan digunakan untuk membiayai aktiviti pembangunan. Dalam usaha memanjangkan keluk hasil tanda aras, Kerajaan menerbitkan SKM bertempoh matang 15 tahun melalui tender terbuka. Ini memberi sektor swasta tanda aras yang baru bagi terbitan instrumen yang mempunyai tempoh matang jangka panjang. Memandangkan pembangunan pasaran bon Islam adalah selari dengan pembangunan pasaran konvensional,

Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2004

Langkah-langkah pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan untuk memperkukuh lagi pasaran modal, meningkatkan proses pengantaraan dan melindungi para pelabur. Langkah-langkah utama pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2004 adalah seperti yang berikut:

Memperkukuh Pasaran Bon

- Berkuat kuasa 1 April, Bank Negara Malaysia telah **meliberalisasikan peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran asing** untuk membenarkan Bank Pembangunan Pelbagai Hala (MDB) atau Institusi Kewangan Pelbagai Hala (MFI) dan Syarikat Multinasional menerbitkan bon berdenominasi ringgit di pasaran modal Malaysia, sejajar dengan usaha berterusan negara untuk mempertingkatkan pembangunan pasaran bon dalam negeri. Bagi memudahkan MDB dan MFI menerbitkan bon berdenominasi ringgit, pelbagai fleksibiliti telah diberikan. Antaranya, Bank Negara Malaysia mengklasifikasikan bon berdenominasi ringgit yang diterbitkan oleh MDB dan MFI sebagai aset mudah cair di bawah rangka kerja mudah tunai institusi perbankan yang baru, memberi wajaran risiko sebanyak 0% di bawah rangka kerja nisbah modal berwajaran risiko dan membenarkan potongan daripada liabiliti yang layak untuk pengiraan keperluan rizab berkanun. Tambahan lagi, bagi syarikat insurans pemastautin, bon berdenominasi ringgit yang diterbitkan oleh MDB dan MFI layak dikenali sebagai aset berisiko rendah untuk menyokong margin kesolvenan. Suruhanjaya Sekuriti juga memperuntukkan beberapa fleksibiliti, termasuk menerima penarafan kredit antarabangsa dan mengecualikan MDB atau MFI daripada beberapa keperluan dalam Garis Panduan Sekuriti Hutang Swasta (PDS).

- Pada 26 Julai, **Garis Panduan Tawaran Sekuriti berasaskan Prinsip Islam (Garis Panduan IS)** diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk memudahkan lagi terbitan sekuriti Islam di Malaysia. Dengan pengeluaran Garis Panduan IS, Garis Panduan PDS tidak lagi diguna pakai untuk terbitan sekuriti Islam.

- Pada 3 September, Bank Negara Malaysia **menyemak semula peraturan pengawalseliaan sekuriti hutang Cagamas yang baru yang diterbitkan selepas 4 September**. Semakan semula ini bertujuan menetapkan harga yang lebih berasaskan pada pasaran di samping meningkatkan minat pelabur terhadap sekuriti hutang Cagamas yang baru. Peraturan pengawalseliaan yang dipinda bagi semua sekuriti hutang Cagamas yang baru adalah seperti yang berikut:
  i. Pemegangan oleh institusi perbankan layak menerima wajaran risiko sebanyak 20% bagi tujuan kecukupan modal dan status Kelas 2 bagi aset mudah cair di bawah rangka kerja mudah tunai. Selaras dengan ini, paras ambang bagi aset mudah cair Kelas 2 diterima di bawah rangka kerja mudah tunai dinaikkan kepada 50%.
  ii. Sekuriti hutang Cagamas juga tertakluk kepada Had Kredit bagi Seorang Pelanggan sebanyak 35% daripada jumlah modal institusi perbankan.
  iii. Pemegangan oleh syarikat insurans diklasifikasikan sebagai 'kemudahan kredit' dan akan terus diberi status aset yang diizinkan.
  iv. Terbitan utama sekuriti hutang Cagamas akan berdasarkan pasaran.

- Berkuat kuasa 11 September, **pengecualian cukai dibenarkan kepada pendapatan faedah yang diperoleh syarikat bukan pemastautin** daripada sekuriti Islam dan debentur yang berdenominasi ringgit, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan sekuriti yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia.

Memperluas Liputan Pasaran untuk Pasaran Ekuiti dan Derivatif

- Seperti yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2005 pada 10 September, Kerajaan mengumumkan beberapa **langkah liberalisasi untuk memperkukuh pasaran ekuiti dan derivatif** dengan meningkatkan daya saing di pasaran global, menggalakkan inovasi dan memperluas liputan pasaran, seperti yang berikut:
  i. **membenarkan lima firma broker saham asing yang utama untuk beroperasi di Malaysia;**
  ii. **membenarkan lima firma pengurusan dana antarabangsa** terkemuka untuk menyertai segmen pelabur institusi dalam industri pengurusan dana di Malaysia;
  iii. **membenarkan 100 peratus pemilikan asing dalam syarikat-syarikat broker niaga hadapan;**
  iv. membenarkan syarikat broker tempatan yang bergabung dengan sekurang-kurangnya satu syarikat

broker lain untuk **menubuhkan empat cawangan tambahan atau Aktiviti Kemudahan Laluan Elektronik Dibenarkan;** dan

v. **memansuhkan had bilangan** maksimum wakil peniaga asing.

Memudahkan Proses Penyenaraian

- Pada 9 Februari, Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan beberapa pindaan kepada Jadual 1, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, yang **membenarkan syarikat awam untuk menerbitkan terbitan bonus, melaksanakan skim saham pekerja dan skim opsyen saham pekerja tanpa memerlukan kebenaran awal dari Suruhanjaya Sekuriti.**

Meningkatkan Penzahiran oleh Syarikat Tersenarai

- Bermula 1 April 2004, **syarikat tersenarai yang lewat menyerahkan penyata kewangan syarikat tersebut bagi tempoh lebih daripada tiga bulan akan dikenakan penggantungan urus niaga.**

- Pada 19 Mei, Suruhanjaya Sekuriti mengeluarkan "Garis Panduan Prospektus – Garis Panduan Tambahan 1 bagi Penyenaraian Syarikat yang Diperbadankan di Luar Negara" untuk **meningkatkan syarat-syarat penzahiran bagi syarikat asing yang ingin disenaraikan** di Bursa Malaysia.

- Pada 30 November, Bursa Malaysia Securities Berhad membuat **pindaan kepada Syarat-syarat Penyenaraian** yang berkaitan dengan syarikat-syarikat tersenarai yang mempunyai kedudukan kewangan dan tahap operasi yang tidak memuaskan. Antara lain, pindaan tersebut mengehendaki syarikat tersenarai menyerahkan pelan penstrukturan semula kewangan dalam tempoh lapan bulan sebagai ganti kepada penggantungan urus niaga dan pengeluaran daripada senarai di Bursa Malaysia.

Meningkatkan Daya Ketahanan Syarikat Broker Saham

- Pada 28 Oktober, Suruhanjaya Sekuriti **mengumumkan semakan rangka kerja keperluan modal bagi syarikat broker saham** untuk memberi lebih fleksibiliti kepada industri broker saham dalam mengurus keperluan modal serta meningkatkan daya saing keseluruhan. Antara lain, rangka kerja keperluan modal yang baru ini menetapkan modal berbayar minimum untuk Broker Universal (UB) pada RM100 juta, berbanding dengan RM250 juta sebelumnya. Di samping itu, UB dikehendaki mempunyai paras minimum bagi dana pemegang saham, yang tidak dijejaskan oleh kerugian, iaitu sebanyak RM20 juta untuk bukan UB dan RM100 juta untuk UB.

Meningkatkan Perlindungan Pelabur

- Pada 25 Februari, Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan beberapa **pindaan ke atas undang-undang sekuriti untuk memelihara kepentingan pelabur dan meningkatkan lagi tadbir urus korporat**. Undang-undang sekuriti tersebut termasuk Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003 (SIA), Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003, Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2003 dan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 2003. Pindaan tersebut bertujuan:
  i. mempertingkatkan perlindungan aset pelanggan;
  ii. memperkenalkan peruntukan pemberian maklumat (*whistle blowing*);
  iii. memperkukuh rangka kerja mengenai nasihat pelaburan;
  iv. mempertingkatkan kuasa tindakan sivil dan pentadbiran; dan
  v. memperkukuh urusan penjelasan dan penyelesaian.

Mempromosikan Industri Pengurusan Dana

- Pada 28 April, Suruhanjaya Sekuriti menerbitkan nota panduan kepada garis panduan amanah saham bagi **membenarkan lebih banyak bank berlesen dan bank saudagar berlesen yang ditubuhkan di Malaysia menjadi penjamin kepada dana terjamin**. Nota panduan yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan industri amanah saham di Malaysia, mengehendaki penjamin mempunyai penarafan minimum jangka panjang yang menunjukkan kemampuan yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kewangan pada masa yang ditetapkan serta mempunyai profil kredit yang dianggap mencukupi oleh agensi penarafan antarabangsa atau agensi tempatan.

- Pada 24 November, Suruhanjaya Sekuriti menerbitkan satu garis panduan bagi **membantu syarikat pengurusan amanah saham melaksanakan urus niaga amanah saham dalam talian.**

Kerajaan juga meningkatkan saiz nominal terbitan GII kepada RM4.1 bilion pada tahun 2004, daripada RM2 bilion pada tahun 2003. Selain itu, tempoh matang GII juga dilanjutkan dari 5 tahun ke 7 tahun dengan objektif untuk membangunkan keluk hasil tanda aras secara Islam. Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia melancarkan Bon Simpanan Merdeka (MSB), yang merupakan instrumen pelaburan untuk warga emas dan anggota tentera Malaysia yang telah bersara. Selanjutnya, MSB juga ditawarkan untuk warga Malaysia yang bersara atas sebab-sebab kesihatan. Sejak pelancarannya, empat siri MSB telah diterbitkan pada tahun 2004 dengan perolehan dana sebanyak RM1.9 bilion. Pada akhir tahun 2004, jumlah terkumpul bon sektor awam bernilai RM175.4 bilion yang bersamaan dengan 39% daripada KDNK.

Graf 9.14
Penggunaan Dana yang Diperoleh[1]



[1] Tidak termasuk Cagamas

Perkembangan dalam pasaran bon adalah positif dan telah menyokong peningkatan dalam aktiviti pelaburan swasta dalam negeri pada tahun 2004.

Keadaan pasaran yang menggalakkan, persekitaran inflasi dan kadar faedah yang rendah, serta pengukuhan keadaan ekonomi pada tahun 2004 merupakan faktor-faktor utama yang menyumbang kepada terbitan PDS baru yang berterusan. Jumlah dana kasar yang diperoleh sektor swasta kekal ketara, iaitu sebanyak RM36.3 bilion. Sebanyak 89 buah syarikat mendapat pembiayaan daripada pasaran PDS dan memperoleh sebanyak RM28 bilion, sementara Cagamas Berhad memperoleh baki sebanyak RM8.3 bilion. Berbanding dengan jumlah terbitan baru sebanyak RM51 bilion pada tahun 2003, terbitan baru PDS pada tahun 2004 menurun sedikit. Antara tahun 1999 dan 2003, kebanyakan terbitan baru PDS (70% daripada jumlah, tidak termasuk bon Cagamas) adalah untuk tujuan penstrukturan semula dan pembiayaan semula. Sehingga tahun 2004, sektor korporat telah berjaya melaksanakan kebanyakan daripada usaha penstrukturan semula dan oleh itu, keperluan menggunakan pasaran bon bagi membiayai aktiviti penstrukturan semula, telah berkurang. Sektor korporat terus mencatat perolehan yang tinggi dan telah mengukuhkan kedudukan kewangannya semenjak Krisis. Kedudukan aliran tunai yang lebih kukuh telah membolehkan syarikat memulakan aktiviti pelaburan baru, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan modal. Sebagai mencerminkan perkembangan ini serta peningkatan aktiviti pelaburan swasta dalam negeri yang berterusan, terbitan PDS untuk membiayai aktiviti perniagaan baru meningkat dengan ketara pada tahun 2004, mencakupi bahagian sebanyak 46.5% daripada jumlah terbitan. Syarikat dalam sektor infrastruktur dan utiliti merupakan penerbit utama untuk tujuan tersebut. Sementara itu, terbitan PDS untuk tujuan pembiayaan semula mencakupi sebanyak 32.1% daripada jumlah terbitan, dengan 20% daripadanya merupakan terbitan sekuriti bersandarkan aset.

Graf 9.13
Jumlah Bon Terkumpul



Setelah mengambil kira penebusan pada tahun 2004, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM9.5 bilion. Pada akhir tahun 2004, jumlah nilai terkumpul bon sektor swasta meningkat kepada RM187.6 bilion, bersamaan dengan 42% daripada KDNK atau 51.7% daripada jumlah nilai terkumpul pasaran bon. Peratusan bahagian pembiayaan PDS (tidak termasuk Cagamas) kepada sektor swasta masih tinggi, iaitu 23.7% daripada jumlah pembiayaan PDS dan pinjaman kepada sektor swasta.

Syarikat daripada sektor pembinaan dan utiliti merupakan penerbit utama PDS, masing-masing

Graf 9.15
Terbitan PDS mengikut Tempoh Matang[1]



[1] Tidak termasuk Cagamas.

Graf 9.16
Terbitan PDS mengikut Jenis Instrumen (tidak termasuk Cagamas)



memperoleh sebanyak 31.5% dan 28% daripada jumlah dana. Penerbit utama dalam kedua-dua sektor tersebut ialah pemaju projek infrastruktur, projek air dan penjana kuasa bebas yang memerlukan pembiayaan jangka panjang dan fleksibel.

Sepanjang tahun 2004, terbitan PDS baru bertempoh matang antara satu dan sepuluh tahun mencakupi 88.5% daripada jumlah nilai terbitan, mencerminkan minat pelabur terhadap sekuriti jangka pendek dan sederhana. Perkembangan yang menggalakkan pada tahun 2004 adalah pemanjangan profil tempoh matang PDS. PDS yang diterbit dengan tempoh matang antara 20-28 tahun mewakili 3% daripada jumlah nilai terbitan pada tahun 2004, berbanding dengan 0.9% pada tahun sebelumnya.

Dari segi jenis instrumen, PDS Islam (termasuk Nota Jangka Sederhana Islam) merupakan cara pemerolehan dana yang paling digemari, mencakupi 49.4% daripada jumlah terbitan. Semenjak beberapa tahun yang lalu, permintaan yang lebih tinggi daripada pelabur institusi konvensional dan Islam terhadap PDS Islam telah menyebabkan pembidaan yang lebih kompetitif terhadap bon ini dan menghasilkan kos terbitan yang lebih rendah kepada penerbit bon. Satu lagi penyebab kepada perkembangan ini ialah pelaksanaan insentif cukai bagi produk Islam, seperti yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2004, yang telah menghasilkan beberapa struktur produk PDS Islam baru. Suruhanjaya Sekuriti juga memperkenalkan garis panduan baru bagi sekuriti Islam pada tahun 2004, yang telah menyokong perkembangan pasaran modal Islam yang lebih inovatif dan sofistikated.

Pada tahun 2004, Cagamas Berhad mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit yang aktif dalam pasaran PDS, mencakupi 22.8% daripada terbitan PDS. Cagamas membuat 18 terbitan sekuriti hutang yang berjumlah RM9.3 bilion (termasuk dua terbitan nota Cagamas jangka pendek berjumlah RM1 bilion). Dari segi jenis instrumen, bon kadar tetap mencatat bahagian yang lebih tinggi sebanyak 71.8% daripada jumlah terbitan, sementara selebihnya dalam bentuk Sanadat Cagamas dan nota diskaun Cagamas jangka pendek.

Jadual 9.6
Terbitan Baru Sekuriti Hutang Swasta mengikut Sektor[1]

Sektor	2003		2004[a]	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Pertanian, perhutanan dan perikanan	993.1	2.3	0.0	0.0
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	0.0	0.0
Perkilangan	9,072.4	21.2	3,264.5	11.6
Pembinaan	6,049.7	14.1	8,844.9	31.5
Elektrik, gas dan bekalan air	3,410.5	8.0	7,480.2	28.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	8,603.8	20.1	796.0	2.8
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	8,372.8	19.6	4,767.8	17.0
Kerajaan dan lain-lain	6,288.1	14.7	1,315.4	4.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	0.0	0.0	1,221.1	4.4
Jumlah	**42,790.4**	**100.0**	**28,049.9**	**100.0**

a awalan
[1] Tidak termasuk Cagamas

Bank Negara Malaysia mengkaji semula garis panduan pengawalseliaan bagi sekuriti Cagamas untuk menggalakkan pasaran modal yang lebih berdaya saing. Cagamas berjaya menerbitkan Sanadat Cagamas buat pertama kali melalui proses *book building* pada bulan Oktober. Sanadat Cagamas, iaitu instrumen Islam berasaskan Bai-Bithaman Ajil diterbitkan untuk membeli hutang perumahan secara Islam dan hutang sewa beli berjumlah RM1.6 bilion. Ini merupakan nilai hutang secara Islam yang paling tinggi yang pernah dibeli oleh Cagamas. Cagamas Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya, Cagamas MBS Berhad (CMBS) telah berjaya membuat terbitan pertama bagi Sekuriti Bersandarkan Gadaijanji Kediaman (RMBS) yang disokong oleh pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan pada bulan Oktober. Terbitan RMBS merupakan perkembangan yang baik bagi pembangunan pasaran pensekuritian di Malaysia. RMBS dijangka menghasilkan kelok hasil bagi sekuriti yang bersandarkan gadai janji dan menjadi tanda aras bagi terbitan sekuriti lain yang disokong oleh aset (ABS).

Pada masa yang sama, dalam pasaran pensekuritian, empat ABS baru berjumlah RM3 bilion telah diterbitkan pada tahun 2004, disokong oleh bayaran belum terima kad kredit, pinjaman serta bayaran belum terima harta benda dan gadai janji. Keseluruhannya, terdapat lima belas ABS (termasuk satu ABS nota perdagangan) terkumpul yang berjumlah RM8.7 bilion.

Pada tahun 2004, Rating Agency Malaysia (RAM) dan Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC) membuat penarafan ke atas 139 terbitan PDS baru, bernilai RM38.7 bilion. Terbitan jangka panjang mewakili 68.2% daripada jumlah nilai kasar yang diberi taraf. Dari segi profil penarafan, terbitan telah diagihkan mengikut kategori AAA, AA dan A. Walaupun penarafan PDS satu A mencatat jumlah terbitan yang paling banyak, penarafan PDS AAA mencakupi bahagian yang terbesar dari segi nilai. Pilihan pelabur bagi syarikat yang mempunyai kualiti kredit

Graf 9.17
Nilai Sekuriti yang disokong Aset Terkumpul (2001-2004)



Graf 9.18
Pengagihan Penarafan Sekuriti Hutang Swasta Terkumpul (Pada akhir tahun 2004)



Sumber: RAM dan MARC

yang bagus dan profil kredit yang kukuh menyebabkan syarikat yang mendapat penarafan yang tinggi memperoleh dana daripada pasaran PDS pada harga yang kompetitif. Pada tahun 2004, RAM dan MARC mengendalikan 244 semakan penarafan atas sekuriti hutang jangka panjang yang sedia ada. Sejumlah 213 terbitan telah dikekalkan taraf, 17 dinaikkan taraf dan tujuh diturunkan taraf.

Dalam pasaran sekunder, bagi tiga suku pertama, pergerakan kadar hasil bon MGS dan sentimen pasaran dipengaruhi terutamanya oleh jangkaan para pelabur terhadap arah kadar faedah. Dalam persekitaran inflasi yang rendah, pelabur berkeyakinan bahawa kadar faedah dalam negeri akan kekal rendah. Walau bagaimanapun, kadar hasil berubah kepada trend menaik pada suku kedua disebabkan prospek ekonomi yang menggalakkan berikutan beberapa penunjuk ekonomi yang positif, yang menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh. Peningkatan kadar hasil sekuriti Perbendaharaan AS berikutan jangkaan bahawa kadar faedah akan dinaikkan juga mempengaruhi kadar hasil bon dalam negeri.

Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun 2004, trend kadar hasil bon menurun semula, dipengaruhi terutamanya oleh harga minyak mentah yang semakin meningkat tinggi serta kesan negatif kenaikan harga ini terhadap prospek pertumbuhan global. Permintaan bagi sekuriti pendapatan tetap meningkat ekoran daripada sentimen pelabur bahawa prospek inflasi di Malaysia kekal rendah dan jangkaan bahawa berlaku penjajaran semula mata wang di Asia berbanding dolar AS. Ini diperkukuh lagi oleh kadar hasil sekuriti Perbendaharaan AS yang menurun berikutan pengumuman oleh Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market

Graf 9.19
Kadar Hasil MGS



Committee) bahawa kenaikan kadar faedah di AS akan dilakukan secara perlahan-lahan. Di samping itu, pengecualian cukai pegangan ke atas pendapatan faedah daripada pemilikan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit yang diterbitkan oleh Kerajaan serta sekuriti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti menarik permintaan yang lebih tinggi bagi sekuriti berpendapatan tetap. Minat yang tinggi terhadap aset dalam denominasi ringgit menyebabkan kadar hasil menurun dengan mendadak.

Urus niaga dalam pasaran bon ringgit berjumlah RM355.9 bilion (RM436.8 bilion pada tahun 2003) dengan aktiviti tertumpu pada tempoh matang jangka pendek dan sederhana. Aktiviti urus niaga yang tertinggi dicatat pada bulan Julai berikutan terbitan kertas Kerajaan yang lebih banyak pada bulan Jun. Pada bulan September, aktiviti urus niaga meningkat berikutan pengecualian cukai pegangan ke atas pulangan faedah, yang menarik penglibatan pelabur asing yang lebih tinggi dalam pasaran bon. Kertas yang paling aktif diniagakan ialah MGS, mencakupi 54.3% daripada jumlah dagangan. Jumlah urus niaga bon korporat mencakupi 18.1% daripada jumlah dagangan, terutamanya dalam sekuriti gred pelaburan yang tinggi. Mudah tunai, seperti yang diukur

Graf 9.20
Nilai Urus Niaga Bulanan



Graf 9.21
Urus Niaga Sekuriti Hutang Terpilih (Jan-Dis 2004)



oleh nisbah jumlah urus niaga berbanding jumlah bon terkumpul, adalah paling tinggi bagi bon GII dan Khazanah, masing-masing 3.94 kali dan 1.78 kali. Walau bagaimanapun, mudah tunai bagi bon korporat adalah paling rendah, iaitu 0.4 kali jumlah terkumpul.

Di peringkat antarabangsa, tebaran bagi bon berdaulat mata wang asing Malaysia dan bon korporat mengecil pada tahun 2004. Standard & Poor's mengekalkan penarafan mata wang Malaysia dan kredit berdaulat pada bulan Mei, Fitch International menaikkan penarafan kredit berdaulat Malaysia daripada BBB kepada A- pada bulan November dan Moody's Investors Services menaikkan penarafan mata wang asing Malaysia pada bulan Disember. Ini mencerminkan asas ekonomi negara yang semakin kukuh.

Beberapa langkah telah diperkenalkan pada tahun 2004 untuk mengukuhkan pasaran bon. Langkah-langkah pasaran bon yang terperinci boleh dilihat dalam rencana **Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada tahun 2004**.

Jadual 9.7
Tebaran Utama Berdaulat Berbanding Tanda Aras Perbendaharaan AS

	Dis-03	Mac-04	Jun-04	Sep-04	Dis-04
MALAYSIA 09	80	86	97	62	48
MALAYSIA 11	131	151	156	108	90
CHINA 11	123	123	119	116	98
INDONESIA 06	288	243	312	134	43
KOREA 08	38	54	48	18	1
PHILIPPINES 10	494	556	470	444	377
THAILAND 07	126	110	125	110	53
PETRONAS 06	104	92	100	63	48

Sumber: Bloomberg

Pasaran Bursa Dagangan Derivatif

Pasaran derivatif Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2004. Perkembangan positif ini disebabkan oleh minat urus niaga yang tinggi dan berterusan dalam kontrak niaga hadapan Minyak Sawit Mentah (CPO), kontrak niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dan kontrak niaga hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 3 tahun. Jumlah keseluruhan kontrak yang didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives meningkat sebanyak 32% berbanding dengan tahun sebelumnya, berikutan kesedaran dan pengetahuan yang lebih meluas mengenai penggunaan derivatif serta aktiviti yang bertambah dalam pasaran produk asas. Jumlah urus niaga tahunan mencecah rekod baru sebanyak 2.6 juta kontrak berbanding dengan rekod sebelumnya, iaitu sebanyak 2 juta kontrak pada tahun 2003.

Prestasi pasaran niaga hadapan komoditi yang memberangsangkan, berserta pertumbuhan pesat yang berterusan dalam industri minyak sawit, telah mendorong Bursa Malaysia Derivatives untuk melancarkan kontrak niaga hadapan Minyak Isirong Sawit (CPKO) pada 20 Februari 2004. Pelancaran produk baru ini membolehkan peserta pasaran memantau, mengurus dan mengawal harga produk minyak sawit dengan lebih berkesan. Berikutan pelancaran produk baru ini, sebanyak lapan produk didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives. Bagi meningkatkan produk dan perkhidmatan pasaran modal, had milikan ekuiti asing dalam syarikat broker niaga hadapan dihapuskan dan dengan itu pegangan asing 100 peratus dibenarkan.

Seperti pada tahun 2003, kontrak niaga hadapan CPO kekal sebagai produk yang paling aktif diniagakan di Bursa Malaysia Derivatives pada tahun 2004 dan merangkumi sebanyak 52.3% daripada jumlah dagangan. Julat harga bagi kontrak tanda aras CPO 3 bulan adalah antara RM1,372 dan RM1,993 setan pada tahun 2004, iaitu perbezaan sebanyak RM621 (2003: RM622). Walau bagaimanapun, prestasi kontrak niaga hadapan CPKO yang baru dilancarkan tidak memuaskan disebabkan oleh kurangnya sambutan daripada peserta pasaran.

Harga kontrak niaga hadapan CPO 3 bulan adalah di paras yang kukuh pada permulaan tahun 2004, iaitu RM1,766 setan. Harga kemudian menokok lagi pada suku tahun pertama untuk mencatat harga dagangan harian tertinggi, iaitu RM1,993 setan pada 4 Mac. Selepas itu, trend kenaikan harga bertukar arah dan harga seterusnya merosot kepada RM1,550 pada 30 Jun disebabkan oleh kurangnya aktiviti pembelian oleh pelabur luar negara (yang mencakupi hampir 44% daripada jumlah dagangan), di samping peningkatan pengeluaran CPO di negara-negara pengeluar utama. Pada separuh kedua tahun 2004, stok minyak sawit Malaysia yang meningkat dan tuaian kacang soya di Amerika Syarikat yang melebihi jangkaan turut mempengaruhi trend harga yang menurun. Akibatnya, harga menurun dalam julat antara RM1,400 – 1,500 setan pada suku ketiga. Harga menurun lagi pada suku keempat dengan harga dagangan harian pada paras terendah sebanyak RM1,372 setan pada 18 Oktober. Kontrak niaga hadapan CPO 3 bulan mencatat paras harga RM1,387 setan pada akhir tahun 2004, iaitu 21.5% lebih rendah daripada paras harga pada permulaan tahun.

Graf 9.22
Bursa Malaysia Derivatives: Jumlah Dagangan Bulanan dan Kedudukan Terbuka pada Akhir Bulan



Sumber: Bursa Malaysia Derivatives

Graf 9.23
Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah



Sumber : Bursa Malaysia Derivatives

Jadual 9.8
Prestasi Produk Bursa Malaysia Derivatives

Produk	Urus Niaga						Bahagian daripada jumlah urus niaga Bursa Malaysia Derivatives (%)	
	2003			2004				
	Bilangan lot	Perubahan tahunan (%)	Purata urus niaga harian	Bilangan lot	Perubahan tahunan (%)	Purata urus niaga harian	2003	2004
Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah	1,429,959	57.3	5,813	1,378,334	-3.6	5,603	71.5	52.4
Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)	21,149			28,314				
Kontrak Niaga Hadapan Minyak Isirong Sawit				449	t.d.	2	t.d.	…
Kontrak Niaga Hadapan KLCI	331,218	41.6	1,346	1,088,419	228.6	4,424	16.6	41.3
Kedudukan terbuka, (pada akhir tahun)	*8,993*			*10,092*				
Opsyen KLCI	-	-	-	-	-	-	-	-
Kontrak Niaga Hadapan KLIBOR 3 bulan	119,659	86.1	486	141,969	18.6	577	6.0	5.4
Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)	18,977			27,418				
Kontrak Niaga Hadapan MGS 3 tahun [1/]	781	t.d.	3	4,327	454	18	…	0.2
Kontrak Niaga Hadapan MGS 5 tahun	118,635	47.5	482	19,494	-83.6	79	5.9	0.7
Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)	127			-				
Kontrak Niaga Hadapan MGS 10 tahun [1/]	11	t.d.	…	-	-	-	…	…

[1/] Diperkenalkan pada September 2003
t.d. Tidak Diperoleh
… Terlalu kecil

Sumber: Bursa Malaysia Derivatives

Kontrak niaga hadapan KLCI merupakan produk derivatif yang menunjukkan prestasi terbaik di Bursa Malaysia Derivatives pada tahun 2004. Aktiviti dagangan kontrak niaga hadapan KLCI mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi dengan nyata sebanyak 229%. Nisbah mudah tunai derivatif, yang merupakan nisbah antara nilai urus niaga kontrak hadapan berbanding nilai urus niaga komponen asas saham KLCI meningkat kepada 46.9% pada tahun 2004 (2003: 40.3%). Peningkatan urus niaga ini disebabkan oleh prestasi yang lebih baik dalam pasaran ekuiti pada tahun tersebut. Di samping itu, pengubahsuaian saiz kontrak dan peningkatan saiz tik sejak bulan September 2003 menggalakkan lebih banyak penyertaan pelabur dalam negeri dan pelabur asing. Langkah-langkah ini berkesan bagi menurunkan syarat-syarat margin dan kos dagangan. Dari segi peserta pasaran, pelabur runcit dalam negeri dan pelabur institusi asing merangkumi sebanyak 80% daripada jumlah keseluruhan dagangan.

Aktiviti dalam pasaran niaga hadapan kewangan bercampur-campur pada tahun 2004 dan terus mencerminkan perkembangan dalam pasaran kewangan yang dipengaruhi jangkaan yang berubah-ubah mengenai prospek pertumbuhan ekonomi dan haluan kadar faedah. Penyertaan dalam pasaran kontrak hadapan kewangan terus dipelopori oleh pelabur institusi dalam negeri, yang mencakupi lebih daripada 93% daripada jumlah dagangan. Kontrak niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 18.6% dari segi jumlah dagangan bagi tahun 2004. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan kontrak niaga hadapan MGS mencatat penurunan sebanyak 80% berikutan aktiviti dagangan yang lebih rendah dalam pasaran produk asas. Dengan aktiviti dagangan dalam pasaran sekuriti tertumpu terutamanya pada sekuriti tempoh matang jangka pendek, jumlah urus niaga kontrak niaga hadapan MGS 3 tahun meningkat dengan ketara.

238 Pengenalan
238-241 Meningkatkan Kecekapan
241-244 Meningkatkan Keselamatan Sistem Pembayaran
244-245 Perpindahan Kepada Pembayaran Secara Elektronik

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

PENGENALAN

Sistem pembayaran yang cekap, yang boleh dipercayai dan yang berfungsi dengan lancar dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, keutuhan sistem kewangan dan melicinkan operasi pasaran kewangan. Memandangkan sistem pembayaran amat penting kepada masyarakat umum, perhatian harus diberikan supaya sistem pembayaran sentiasa beroperasi dalam keadaan yang efektif, selamat dan cekap.

Bank Negara Malaysia memainkan tiga peranan dalam sistem pembayaran di Malaysia. Selain daripada berperanan sebagai pengendali dan penyelia sistem pembayaran, Bank Negara Malaysia juga bertindak sebagai fasilitator bagi memajukan perkhidmatan sistem pembayaran. Dalam hal ini, teras dasar dan inisiatif Bank Negara Malaysia bertujuan untuk **meningkatkan tahap kecekapan dan keselamatan** dalam sistem pembayaran. Ini meliputi usaha untuk **menggalakkan penggunaan pembayaran secara elektronik**, meningkatkan kecekapan sistem pembayaran serta meningkatkan tahap kesedaran terhadap isu sistem pembayaran dan perlindungan ke atas kepentingan pengguna.

Dasar dan inisiatif Bank Negara Malaysia dalam sistem pembayaran adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keselamatan sistem pembayaran, serta menggalakkan pembayaran secara elektronik

MENINGKATKAN KECEKAPAN

Sistem pembayaran yang cekap dapat dinilai melalui harga perkhidmatan yang kompetetif, kepelbagaian mod pembayaran kepada pengguna dan tempoh masa penyelesaian yang diambil dalam sesuatu sistem pembayaran atau antara sistem-sistem pembayaran. Tahap kecekapan sesebuah sistem pembayaran dipengaruhi oleh **kebolehsampaian** sistem pembayaran tersebut kepada para penyedia perkhidmatan, peserta pasaran dan pengguna. Dengan akses yang lebih meluas kepada penyedia perkhidmatan, peserta pasaran dan pengguna, sistem pembayaran akan memberi lebih manfaat kepada semua peserta secara keseluruhan. Pada tahun 2004, kecekapan sistem pembayaran di Malaysia dipertingkat lagi menerusi akses yang lebih luas dan penambahbaikan yang dibuat terhadap sistem tersebut.

Untuk mencapai tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam sistem pembayaran, akses kepada pembayaran secara elektronik ditangani melalui beberapa cara pada tahun 2004. Teras dasar adalah untuk menggalakkan akses yang adil dan terbuka kepada sistem pembayaran yang penting di Malaysia dan untuk mengurangkan pendedahan risiko dalam industri. Satu perkembangan penting di bidang ini ialah pindaan terhadap dasar akses bagi sistem RENTAS, iaitu sistem penyelesaian kasar masa nyata untuk Malaysia, dan penyertaan ahli-ahli tambahan dalam sistem Giro Antara Bank (IBG) dan rangkaian perkongsian mesin teler automatik (ATM) yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS). Di samping itu, peluang bagi perusahaan perniagaan dan pengguna untuk membuat pembayaran melalui Internet telah dipertingkat dengan pelaksanaan Sistem Bursa Pemprosesan Kewangan.

(i) RENTAS

RENTAS merupakan sistem pembayaran bernilai tinggi yang utama di Malaysia bagi penyelesaian dana dan sekuriti tanpa skrip antara institusi-institusi yang menyertai RENTAS dalam masa nyata. Pada akhir tahun 2004, terdapat 51 peserta dalam RENTAS yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia, bank-bank perdagangan, bank-bank Islam, bank-bank saudagar, syarikat-syarikat diskaun, syarikat-syarikat kewangan, broker-broker universal dan Cagamas Berhad, sebuah syarikat gadai janji nasional.

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia telah meminda dasar akses kepada sistem RENTAS. Matlamat pindaan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan risiko penyelesaian dalam sistem kewangan dengan membenarkan peserta pasaran kewangan utama mempunyai akses terus kepada sistem penyelesaian masa

nyata kendalian Bank Negara Malaysia. Peserta baru RENTAS akan mempunyai keupayaan yang sama untuk menjelaskan obligasi kewangan dan menerima dana menerusi penggunaan wang pusat, iaitu akaun penyelesaian di Bank Negara Malaysia. Kriteria kelayakan untuk menyertai RENTAS telah dipinda seperti berikut:

i. Institusi-institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan broker-broker universal yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti;
ii. Rumah-rumah penjelasan utama yang membuat penjelasan untuk pasaran wang dan pasaran modal; dan
iii. Institusi-institusi yang aktif dalam pasaran wang atau pasaran modal serta mempunyai nilai penyelesaian purata dengan konsisten melebihi 0.1% daripada nilai urus niaga RENTAS.

Pada tahun 2004, sistem RENTAS telah menyelesaikan sebanyak 1.9 juta urus niaga bernilai RM17.9 trilion, iaitu peningkatan sebanyak 4.1% dari segi jumlah dan 29.8% dari segi nilai, jika dibandingkan dengan tahun 2003. Peningkatan ini menunjukkan bahawa sistem RENTAS terus penting sebagai sistem pembayaran utama bagi penyelesaian kewangan. Sistem Pemindahan Dana Antara Bank (IFTS) meningkat sebanyak 4% dari segi jumlah dan 30.4% dari segi nilai berbanding dengan tahun 2003 dan urus niaga Sistem Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS) pula meningkat masing-masing sebanyak 5.8% dan 23.1%.

Graf 10.2
RENTAS - Urus Niaga SSTS



Bagi meningkatkan kecekapan dan keutuhan sistem RENTAS, Bank Negara Malaysia telah menukar perkakasan sistem tersebut kepada sistem Tandem S Series yang terkini. Perkakasan baru ini menawarkan tambahan kapasiti sebanyak 2.3 kali ganda dan seterusnya menyingkatkan masa pemprosesan urus niaga RENTAS sebanyak 20% serta membolehkan kitaran masa pemprosesan kelompok akhir hari dipendekkan selama 2 jam.

(ii) Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (SPICK)

Selain daripada memberi lebih fleksibiliti dalam akses kepada sistem RENTAS, Bank Negara Malaysia juga telah mempertingkatkan kecekapan sistem SPICK dengan melaksanakan satu sistem pelaporan berasaskan web bagi cek-cek yang tidak dijelaskan pada bulan

Graf 10.1
RENTAS - Urus Niaga IFTS



Graf 10.3
Bilangan dan Nilai Cek yang Diproses di Malaysia



Disember 2004. Pelaksanaan sistem pelaporan baru ini membolehkan semua bank perdagangan yang menyertai SPICK memproses cek-cek yang dikembalikan semula kepada bank penerima dengan segera.

Sistem pelaporan baru ini dilaksanakan di SPICK Kuala Lumpur dan Pulau Pinang manakala pelaksanaannya di SPICK Johor Bahru akan dilakukan pada bulan Mac 2005. Di SPICK Pulau Pinang dan Johor Bahru, sistem baru ini membolehkan penghantaran fail dilakukan secara dalam talian dimana dahulunya dihantar melalui disket oleh bank perdagangan. Dengan pembaharuan ini, masa penyerahan maklumat dapat disingkatkan dan seterusnya meningkatkan kecekapan masa pemprosesan cek.

Jumlah cek yang diproses di Malaysia, tidak termasuk cek yang dikeluarkan dan didepositkan di cawangan yang sama meningkat sebanyak 2.6% kepada 202.2 juta pada tahun 2004, sementara dari segi nilai pula jumlah cek yang diproses meningkat sebanyak 7.5% kepada RM1.4 trilion. Walaupun pelbagai langkah telah diambil bagi menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia mengakui bahawa cek akan terus menjadi instrumen pembayaran yang penting. Oleh itu, pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia akan mengambil beberapa inisiatif untuk meningkatkan kecekapan cek sebagai instrumen pembayaran dengan tujuan untuk mengurangkan lagi masa pemprosesan cek.

(iii) Sistem Giro Antara Bank (IBG)

Dalam arena pembayaran runcit, sistem Giro Antara Bank (IBG) yang dikendalikan oleh MEPS membolehkan pemindahan kredit berjumlah besar antara bank dibuat secara elektronik berdasarkan T+0 atau T+1. Sistem IBG, yang boleh digunakan secara meluas melalui bank-bank perdagangan, berpotensi untuk menjadi sistem pembayaran runcit yang penting, dan selanjutnya boleh mengurangkan penggunaan cek disebabkan penggunaan IBG yang menggalakkan di kalangan masyarakat peniaga dan pengguna.

Menyedari akan kelebihan penggunaan IBG secara meluas, Bank Negara Malaysia mengamalkan dasar akses terbuka bagi sistem IBG dengan menggalakkan pemansuhan dasar tertutup kemasukan institusi-institusi selain daripada institusi perbankan tempatan. Pada bulan Disember 2004, sebuah bank asing yang diperbadankan di Malaysia

Graf 10.4
Urus Niaga Giro Antara Bank



telah mengumumkan penyertaannya dalam sistem IBG. Dengan kemasukan ahli baru ini, bilangan bank yang menjadi ahli sistem IBG bertambah kepada 13 buah bank. Pada tahun 2004, jumlah dan nilai urus niaga IBG masing-masing meningkat sebanyak 187.6% dan 88.8% berbanding dengan tahun 2003.

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi penggunaan IBG di Malaysia, satu Pasukan Kajian Semula IBG yang ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Bank Negara Malaysia, MEPS, institusi-institusi perbankan dan beberapa agensi Kerajaan yang berkenaan telah ditubuhkan pada bulan November 2004. Pasukan ini akan merangka rancangan lima tahun bagi menangani isu-isu utama dan merumuskan strategi bagi menggalakkan pengguna-pengguna cek bertukar kepada pembayaran melalui saluran elektronik.

(iv) Rangkaian Perkongsian ATM

Pada akhir tahun 2004, jumlah mesin ATM di Malaysia ialah sebanyak 5,565 buah. Institusi perbankan tempatan memiliki 4,098 buah mesin ATM, manakala 280 buah mesin dimiliki oleh bank-bank Islam dan 327 buah mesin dimiliki oleh bank asing yang diperbadankan di Malaysia. Selain itu, institusi kewangan pembangunan (IKP) memiliki sejumlah 860 buah mesin ATM. Rangkaian perkongsian ATM MEPS membolehkan institusi yang menjadi ahli rangkaian ini mengguna mesin ATM yang dimiliki oleh institusi ahli yang lain. Ini telah menjimatkan kos penyediaan prasarana oleh bank-bank di samping meluaskan lagi penggunaan mesin ATM kepada para pelanggan masing-masing. Dalam usaha untuk mempertingkatkan kecekapan dalam sistem

Jadual 10.1
Mesin ATM

	2000	2001	2002	2003	2004
Bilangan mesin ATM[1]	3,944	4,161	4,213	5,241	5,565
Jumlah tunai yang dikeluarkan (juta)[2]	146.1	174.9	193.5	215.6	264.3
Nilai tunai yang dikeluarkan (RM bilion)[2]	62.0	71.8	77.6	86.3	110.8

[1] Angka daripada tahun 2000-2002 merangkumi bank-bank perdagangan domestik, bank-bank asing yang diperbadankan, bank-bank Islam dan syarikat-syarikat kewangan. Angka daripada tahun 2003-2004 juga merangkumi institusi-institusi kewangan pembangunan.

[2] Angka daripada tahun 2000-2003 merangkumi bank-bank perdagangan domestik, bank-bank asing yang diperbadankan dan syarikat-syarikat kewangan. Angka tahun 2004 juga merangkumi bank-bank Islam.

kewangan serta meningkatkan perkhidmatan yang tidak terbatas antara institusi kewangan yang berlainan, sebuah IKP telah menyertai rangkaian perkongsian ATM MEPS pada Jun 2004. Ini telah memudahkan pelanggan bank-bank yang terlibat mendapat akses kepada perkhidmatan rangkaian perkongsian ATM MEPS yang lebih luas iaitu sebanyak 4,416 buah mesin.

(v) Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX)

FPX diperkenalkan oleh MEPS pada bulan Oktober 2004 sebagai sistem pembayaran berasaskan Internet yang membenarkan peserta-peserta seperti syarikat-syarikat untuk membuat pembayaran secara elektronik. FPX menggunakan perkhidmatan perbankan Internet institusi-institusi perbankan bagi menyediakan sistem pembayaran dalam talian dengan disertai rujukan pembayaran untuk tujuan pemadanan.

Bank Negara Malaysia menyokong pembangunan sistem tersebut sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan kemudahan e-dagang selaras dengan pelbagai inisiatif e-dagang yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan sektor swasta. Penggunaan platform pembayaran di peringkat industri seperti FPX melibatkan ramai pengguna. Semua institusi perbankan digalakkan untuk menyertai FPX bagi membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan pembayaran yang cekap kepada pelanggan korporat dan runcit, dan pada masa yang sama meningkatkan kerjasama dalam membina infrastruktur yang membawa manfaat kepada negara. Pada masa ini, terdapat empat buah institusi perbankan dan lima peniaga yang menyertai FPX. Pada akhir tahun 2004, FPX memproses sebanyak 87 urus niaga bernilai RM2.6 juta.

MENINGKATKAN KESELAMATAN SISTEM PEMBAYARAN

Keselamatan dan kecekapan sistem pembayaran adalah penting bagi memastikan keyakinan pengguna terhadap sistem pembayaran. Dalam melindungi kepentingan pengguna, Bank Negara Malaysia menggunakan kuasa sebagai penguat kuasa dan penyelia di bawah Akta Sistem Pembayaran 2003. Kesemua pengendali sistem pembayaran dikehendaki mendapatkan pemberitahuan bertulis daripada Bank Negara Malaysia sebelum mengendalikan sesebuah sistem pembayaran, manakala kesemua pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan dikehendaki mendapatkan kelulusan bertulis daripada Bank Negara Malaysia sebelum instrumen pembayaran berkenaan dikeluarkan. Bank Negara Malaysia mengawal selia para pengendali sistem pembayaran dan pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan melalui pemeriksaan di premis serta pemantauan luar premis melalui penelitian kedudukan kewangan mereka. Pada tahun 2004, sejumlah 14 pengendali sistem pembayaran telah diberi pemberitahuan bertulis bagi mengendalikan sistem pembayaran, manakala kelulusan bertulis telah diberikan kepada tiga pengeluar instrumen pembayaran. Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan pemeriksaan terhadap dua buah pengendali sistem pembayaran.

Bagi meningkatkan keselamatan sistem pembayaran, langkah-langkah telah diambil bagi menangani risiko penipuan dan mengurangkan risiko operasi akibat kelemahan sistem. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia dan peserta yang terbabit dalam industri sistem pembayaran telah bekerjasama dalam beberapa bidang bagi memastikan kemudahan pembayaran borong dan runcit adalah terjamin dan selamat. Perkembangan utama pada tahun 2004 ialah permindahan kepada penggunaan teknologi cip untuk **kad ATM** dan **kad kredit** bagi tujuan mengurangkan pemalsuan kad secara pencurian maklumat dan pengklonan. Langkah-langkah untuk menangani penipuan dalam bidang **perbankan Internet** secara *phishing*, **garis panduan keselamatan cek** dan mekanisme **perancangan kesinambungan operasi** juga diperkenalkan pada tahun 2004.

(i) Kad ATM

Pada bulan Julai 2004, kesemua bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan dua buah IKP telah selesai menaik taraf mesin ATM dan kad ATM yang sedia ada kepada teknologi yang berasaskan cip. Usaha tersebut ialah lanjutan daripada kejayaan pelaksanaan infrastruktur cip oleh pihak Kerajaan untuk kad pengenalan kebangsaan, MyKad, yang mengandungi aplikasi ATM, pengeluaran Bankcard dan penaiktarafan semua mesin ATM oleh institusi perbankan tempatan yang telah selesai pada tahun 2003. Sehingga kini, penggunaan infrastruktur ATM berasaskan cip telah berjaya menghapuskan insiden penipuan secara pemalsuan kad ATM. Setakat akhir tahun 2004, sebanyak 11.7 juta kad ATM bercip telah dikeluarkan manakala 4,966 mesin ATM telah dinaiktaraf untuk menerima kad ATM bercip.

(ii) Kad Kredit

Para pengeluar dan pemeroleh kad kredit dalam industri perbankan, di bawah pimpinan Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia, telah melaksanakan pengeluaran kad kredit berpiawaian EMV (Europay-MasterCard-Visa) pada akhir tahun 2004 dan pelaksanaan penukaran alat penerima kad dijangka selesai pada akhir tahun 2005. Penukaran sebanyak 6.2 juta kad kredit pada akhir tahun 2004 kepada kad bercip yang berasaskan piawaian EMV memberi isyarat yang tegas bahawa Malaysia komited untuk menangani masalah penipuan kad kredit. Institusi perbankan telah memberikan keutamaan untuk menaik taraf alat-alat pembaca kad kepada alat yang berpiawaian EMV di lokasi-lokasi peniaga yang berisiko tinggi dalam jangka masa yang lebih awal daripada tarikh akhir penukaran alat pembaca kad, yakni akhir tahun 2005. Pada akhir tahun 2004, sebanyak 80% daripada 60,000 unit alat pembaca kad di kedai-kedai peniaga telah pun berasaskan piawaian EMV.

Malaysia ialah salah sebuah negara di rantau ini yang termaju mengguna pakai kad kredit berpiawaian EMV, bertujuan untuk meningkatkan keyakinan pengguna, pelawat asing dan peniaga dalam menggunakan dan menerima kad kredit di kedai-kedai mereka. Usaha ini adalah perlu memandangkan jumlah kad kredit yang dikeluarkan adalah tinggi iaitu sebanyak 6.6 juta kad dengan nilai urus niaga sebanyak RM34.9 bilion pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, operasi kad caj di Malaysia adalah kecil dengan hanya 0.3 juta kad caj telah dikeluarkan dengan nilai urus niaga sebanyak RM2 bilion pada tahun 2004.

Graf 10.5
Operasi Kad Kredit dan Kad Caj di Malaysia



Bagi menangani kadar penipuan kad kredit yang tinggi di stesen minyak, yang merupakan hampir 22% daripada jumlah nilai penipuan kad kredit pada tahun 2004, syarikat-syarikat minyak telah mengambil suatu langkah yang positif untuk menggantikan alat pembaca kad yang dipasang di pam-pam minyak kepada alat yang mematuhi piawaian EMV. Syarikat-syarikat ini juga telah menyokong dasar untuk menghentikan penerimaan kad kredit yang berasaskan jalur magnetik di pam-pam minyak layan diri bermula pada 31 Disember 2004.

Selain mencuri maklumat kad daripada jalur magnetik, maklumat kad juga boleh diperoleh melalui kaedah *wire-tapping*. Sehubungan dengan ini, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan industri perbankan untuk mengambil beberapa langkah bagi membanteras gejala ini, termasuk pelaksanaan sistem *line encryption*. Dengan ini, industri perbankan di Malaysia merupakan antara peneraju utama di rantau Asia Pasifik yang mengambil langkah tegas dengan membuat pelaburan untuk membangunkan infrastruktur yang sesuai bagi menangani penipuan kad kredit.

(iii) Perbankan Internet

Selaras dengan pertumbuhan yang ketara dalam perbankan Internet di Malaysia, usaha-usaha telah dilakukan bagi mengekalkan keyakinan pengguna terhadap penggunaan Internet untuk mengakses perkhidmatan perbankan. Pada tahun 2004, Pasukan Petugas Perbankan Internet telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan amalan terbaik di peringkat industri dan bekerjasama dengan agensi yang berkenaan untuk menangani insiden yang dapat menggugat keselamatan. Dalam hal ini, penekanan khusus diberikan dalam pencegahan *phishing* dan lain-lain bentuk penipuan kecurian identiti, seperti mendapatkan maklumat peribadi pemegang akaun secara tidak sah untuk memperoleh keuntungan kewangan. Pada tahun ini, sebuah bank telah memperkenalkan kata laluan keselamatan tambahan kepada pelanggan perbankan Internet mereka menerusi kata laluan yang boleh digunakan hanya sekali sahaja dalam jangka masa terhad. Langkah ini telah terbukti berkesan dalam menangani penipuan perbankan Internet.

Setakat ini terdapat 14 institusi perbankan yang menyediakan perkhidmatan perbankan Internet kepada dua juta pelanggan. Bilangan pelanggan telah meningkat sebanyak 15.4% berbanding dengan tahun lepas. Ini menunjukkan penerimaan perbankan Internet dengan meluas sebagai satu saluran yang bukan sahaja mudah tetapi selamat untuk mengakses perkhidmatan perbankan.

Graph 10.6
Perbankan Internet: Pertumbuhan dan Penembusan



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Penggunaan Internet sebagai saluran penghantaran seharusnya digunakan secara lebih meluas pada masa hadapan, setelah lebih banyak lagi sistem berasaskan Internet dan gerbang pembayaran diperkenalkan. Di samping gerbang pembayaran MEPS, sebuah bank telah menubuhkan gerbang pembayarannya sendiri pada tahun 2004 dan tiga buah bank lagi sedang dalam usaha untuk melancarkan gerbang pembayaran mereka bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan. Bilangan urus niaga yang diproses oleh gerbang pembayaran MEPS menunjukkan peningkatan sebanyak 650% kepada 1.5 juta pada tahun 2004, daripada hanya 0.2 juta pada tahun 2003. Nilai urus niaga juga meningkat 1,219% kepada RM663.6 juta. Peningkatan yang amat ketara dalam penggunaan gerbang pembayaran MEPS disebabkan oleh penyertaan beberapa peniaga utama yang aktif dalam penawaran dalam talian.

(iv) Langkah Keselamatan Minimum bagi Cek

Pada bulan Julai 2004, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan 'Garis Panduan Langkah-Langkah Keselamatan Minimum bagi Cek' untuk mengurangkan kejadian penipuan cek dan meningkatkan pengesanan penipuan cek. Garis panduan ini menggariskan keperluan-keperluan minimum bagi bank dalam peranan mereka sebagai bank penerima cek atau bank pembayar cek. Garis panduan ini merangkumi keperluan khusus berkaitan tadbir urus korporat, ciri-ciri keselamatan cek, kemudahan pengesanan penipuan cek, pengurusan keselamatan semasa mencetak cek serta memelihara kepentingan pengguna.

(v) Perancangan Kesinambungan Operasi

Bank Negara Malaysia memberi keutamaan yang tinggi terhadap Perancangan Kesinambungan Operasi untuk memastikan operasi sistem pembayaran tidak terjejas, dengan mengadakan prosedur-prosedur kontingensi di pusat pemulihannya untuk sistem RENTAS dan SPICK. Selain daripada menjalankan ujian bulanan secara langsung untuk kedua-dua sistem tersebut, satu kajian semula ke atas Perancangan Kesinambungan Operasi institusi-institusi kewangan telah diadakan pada tahun 2004, bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan perancangan-perancangan tersebut sekiranya berlaku sebarang krisis. Institusi-institusi kewangan telah dinasihatkan supaya sentiasa menjalankan ujian berkala ke atas Perancangan Kesinambungan Operasi mereka dan mengambil beberapa langkah berjaga-jaga yang perlu untuk

mengukuhkan lagi strategi pemulihan dan mengurangkan sebarang gangguan yang boleh menjejaskan operasi sistem pembayaran.

PERPINDAHAN KEPADA PEMBAYARAN SECARA ELEKTRONIK

Walaupun perpindahan kepada pembayaran secara elektronik memerlukan pelaburan pembangunan prasarana yang tinggi, ia akan membawa kepada penjimatan kos dengan infrastruktur baru yang berkos efektif dan berkebolehan memenuhi keperluan pembayaran pengguna melalui kemudahan dan produk yang inovatif. Penyelesaian pembayaran secara elektronik yang lebih pantas berbanding dengan sistem berasaskan kertas juga akan meningkatkan lagi kecekapan sistem kewangan dan ekonomi.

Secara keseluruhan, peningkatan terhadap penggunaan kemudahan pembayaran secara elektronik pada tahun 2004 adalah menggalakkan. Penggunaan pindahan kredit seperti IBG dan dompet elektronik untuk pembayaran tol, sebagai peratusan keseluruhan jumlah instrumen pembayaran (tidak termasuk wang tunai) telah meningkat pada tahun 2004, berbanding dengan tahun 2003. Kad-kad pembayaran, khususnya kad kredit, semakin menjadi alternatif mudah kepada wang tunai dan cek memandangkan kemudahan autodebit bagi membayar kemudahan utiliti asas dan pembayaran melalui Internet biasanya menggunakan kad kredit. Cek sebagai satu instrumen pembayaran pula menunjukkan penurunan dari segi bilangan serta nilai apabila instrumen pembayaran yang lain digunakan secara lebih meluas. Walau bagaimanapun, memandangkan jangkauan penggunaannya yang meluas, cek masih lagi popular, dengan nilai cek mencakupi 95.7% daripada jumah keseluruhan instrumen pembayaran bukan tunai pada tahun 2004.

Oleh yang demikian, institusi kewangan digalakkan untuk menyokong usaha perpindahan kepada pembayaran secara elektronik dengan mempertingkatkan usaha pembangunan dan penggunaan pelbagai mekanisme pembayaran elektronik, di samping menangani halangan yang membendung penggunaannya. Ini termasuk mempromosi saluran **perbankan mudah alih** dan instrumen pembayaran seperti **kad debit** dan **dompet elektronik**.

(i) Perbankan Mudah Alih

Perkhidmatan perbankan mudah alih menyediakan satu cara inovatif dan mudah untuk mendapat akses kepada kemudahan dan perkhidmatan perbankan. Perkhidmatan yang ditawarkan kini termasuk pertanyaan baki, pindahan dana, pembayaran kewangan dan bil, tambah nilai, perkhidmatan telefon prabayar, serta permintaan untuk penyata dan buku cek. Liputan perkhidmatan perbankan mudah alih boleh dikembangkan dengan pertambahan bilangan pengguna telefon bimbit sejak kebelakangan ini. Pada akhir tahun 2004, kadar pengguna telefon bimbit di Malaysia berbanding dengan jumlah penduduk ialah 55.9%. Walau bagaimanapun, perbankan mudah alih masih lagi pada tahap awal dan pada masa ini hanya enam buah bank yang menawarkan perkhidmatan tersebut dengan bilangan pengguna yang dianggarkan sebanyak 25,000. Namun begitu, industri perbankan yakin pengguna telefon bimbit akan tertarik dengan perbankan mudah alih dengan adanya perkhidmatan dan kemudahan baru yang akan disediakan sebagai tambahan kepada kemudahan yang sedia ada sekarang.

(ii) Kad Debit

Walaupun kad debit mempunyai potensi untuk menjadi alternatif kepada pembayaran secara tunai, tahap penggunaannya masih lagi rendah.

Jadual 10.2
Pembayaran Bukan Tunai di Malaysia

	2003		2004	
	Nilai (%)	Bilangan (%)	Nilai (%)	Bilangan (%)
Cek	96.67	34.04	95.65	28.75
Kad kredit	2.48	27.68	3.03	25.74
Pemindahan kredit (IBG)	0.63	0.24	1.10	0.57
Kad caj	0.16	1.42	0.16	1.03
Dompet elektronik - Pembayaran tol	0.05	36.40	0.06	43.69
Dompet elektronik - Runcit	...	...	...	0.01
Kad debit	0.01	0.22	...	0.21

... Terlalu kecil.

Kad debit memberi manfaat terutamanya kepada pengguna yang tidak selesa membayar secara kredit atau pun pengguna yang tidak layak untuk mendapatkan kemudahan kad kredit, umpamanya para pelajar. Dengan kad debit, akaun pengguna akan terus didebitkan apabila pembelian dibuat. Dengan ini, pemegang kad tidak perlu membawa wang tunai yang berlebihan dan seterusnya menikmati kecekapan dan keselamatan yang ditawarkan melalui pembayaran menggunakan kad debit. Peniaga-peniaga juga dapat menikmati manfaat daripada kad debit kerana fi yang dibayar adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan fi untuk penerimaan pembayaran kad kredit. Dengan adanya 10.8 juta Bankcard dalam edaran, penggunaan kad debit berpotensi untuk bertambah apabila para pengguna memahami sepenuhnya kelebihan kad debit tersebut.

(iii) Wang Tunai Elektronik

Wang tunai elektronik MEPS Cash merupakan satu kaedah pembayaran elektronik alternatif kepada wang tunai untuk pembelian runcit. Aplikasi MEPS Cash terdapat dalam kad Bankcard dan Mykad. Pada akhir tahun 2004, lebih 16,000 buah alat pembaca kad telah dinaik taraf oleh institusi perbankan dan pihak ketiga yang dilantik oleh MEPS untuk mengguna pakai MEPS Cash. Bilangan urus niaga MEPS Cash meningkat daripada 0.02 juta urus niaga pada tahun 2003 kepada 0.09 juta urus niaga pada tahun 2004, manakala nilai urus niaga meningkat daripada RM0.1 juta kepada RM0.3 juta pada tempoh yang sama. Walaupun penggunaan MEPS Cash adalah rendah berbanding dengan kaedah pembayaran elektronik yang lain, usaha-usaha berterusan dijalankan oleh pelbagai pihak untuk mempromosi penggunaan MEPS Cash. Sejak awal tahun 2004, pembayaran menggunakan MEPS Cash diterima pakai di beberapa komuniti tertutup seperti Bank Negara Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Cyberjaya dan Putrajaya.

Selain daripada MEPS Cash, penggunaan wang tunai elektronik dalam sektor pengangkutan, iaitu kad Touch 'n Go dapat mengurangkan penggunaan wang tunai dan syiling di sektor tersebut. Berikutan keputusan Kerajaan untuk hanya menerima kad Touch 'n Go sebagai pembayaran elektronik di plaza tol, jumlah dan nilai urus niaga Touch 'n Go meningkat, masing-masing sebanyak 45.2% dan 29.6% pada tahun 2004, berbanding dengan tahun lepas.

Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsaan (MPPK)

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempromosi sistem kewangan yang dinamik dan struktur sistem pembayaran yang kukuh, Bank Negara Malaysia telah mengadakan dua mesyuarat Majlis Penasihat Pembayaran Kebangsan (MPPK) pada tahun 2004, bagi membincangkan isu-isu utama berkaitan sistem pembayaran. Mesyuarat pertama diadakan pada 20 Julai 2004, dan isu berhubung perpindahan kepada pembayaran secara elektronik serta cadangan mengenai langkah untuk membina prasarana pembayaran elektronik yang cekap, telah dibincangkan. Hasil keputusan mesyuarat tersebut, Pasukan Kajian Semula IBG telah diwujudkan bagi menentukan hala tuju untuk mempromosi penggunaan IBG di negara ini. Mesyuarat juga membincangkan langkah-langkah untuk mempromosi konsep pinjaman berhemah dalam penggunaan kad kredit dan langkah-langkah untuk mempertingkatkan keyakinan pengguna terhadap pengunaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran bukan tunai.

Mesyuarat kedua diadakan pada 8 Disember 2004, dengan MPPK mempertimbangkan pendekatan penguatkuasaan yang sesuai bagi menangani isu sistem pengiriman wang alternatif dan langkah-langkah bagi mempromosi penggunaan saluran rasmi bagi pengiriman wang. MPPK bersetuju supaya bank mewujudkan perkhidmatan pengiriman wang yang mudah dan murah untuk pekerja asing bagi menggalakkan perpindahan kepada penggunaan sistem pengiriman wang yang formal. MPPK juga membincangkan cadangan mengenai langkah-langkah pengurusan serta pengurangan risiko berkaitan penyelesaian pertukaran asing di Malaysia dan meningkatkan kemudahan kepada para pelabur antarabangsa untuk menyelesaikan perdagangan kertas sekuriti hutang Malaysia.

Melangkah ke hadapan, Bank Negara Malaysia akan bekerjasama dengan institusi kewangan untuk menawarkan urus niaga pembayaran yang cekap dan selamat pada kos yang lebih rendah untuk membolehkan penggunaan saluran pembayaran elektronik yang lebih meluas. Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan industri perbankan serta sokongan daripada Kerajaan akan terus mempromosi saluran penghantaran dan pembayaran elektronik yang cekap dan berkesan selaras dengan usaha untuk membolehkan sistem pembayaran membantu aktiviti ekonomi dan menyumbang kepada kestabilan kewangan.

Hubungan Luar Negara

248 Pemantauan Ekonomi
248-250 Arkitektur Kewangan Antarabangsa
250 Hubungan Luar Negara dengan IMF
250 Perbankan Islam
250-252 Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan
252-254 Rundingan Perkhidmatan Kewangan
254-255 Kerjasama Serantau
255-256 Kerjasama Dua Hala
256 Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat

Hubungan Luar Negara

Malaysia terus terlibat secara aktif di forum antarabangsa dan serantau yang utama sepanjang tahun 2004. Di peringkat antarabangsa, perbincangan tertumpu pada ketidakseimbangan ekonomi global, harga minyak yang semakin meningkat dan pelaksanaan dasar monetari oleh ekonomi-ekonomi utama dunia. Di peringkat serantau, persekitaran ekonomi dan kewangan yang memberangsangkan telah menjadi pemangkin kepada pengukuhan kerjasama ekonomi dan kewangan, dengan penekanan diberikan terhadap usaha menggalakkan sistem kewangan dan pasaran kewangan yang lebih kukuh di kalangan negara serantau.

Pemantauan Ekonomi

Pemantauan ekonomi terus menjadi teras perbincangan di persidangan serantau, termasuk di Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP), Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN), Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan ASEAN bersama Republik Rakyat China, Jepun dan Korea (ASEAN+3). Mesyuarat-mesyuarat tersebut menumpukan perbincangan pada isu-isu ketidakseimbangan global dengan memberi penekanan pada perubahan trend kadar faedah, kesan harga komoditi yang tinggi dan kemungkinan kejutan harga minyak serta perkembangan mengenai integrasi serantau dan liberalisasi kewangan. Isu-isu pemantauan turut dibincangkan secara mendalam di mesyuarat-mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)/Bank Dunia (WB) pada tahun 2004.

Pemantauan ekonomi terus menjadi teras perbincangan di persidangan serantau, dengan penumpuan pada ketidakseimbangan global, kestabilan pertukaran mata wang asing, pembinaan kapasiti dan perkembangan integrasi serantau dan liberalisasi kewangan.

Perkembangan dalam pasaran kewangan dan pandangan mengenai kesan kadar faedah global ke atas pasaran kewangan serantau dibincangkan dalam mesyuarat para Gabenor EMEAP yang ke-9 (merangkumi 11 buah bank pusat dan pihak berkuasa kewangan rantau Asia Timur dan Pasifik). Mesyuarat bersepakat bahawa kesan daripada peralihan kepada persekitaran kadar faedah yang lebih tinggi terhadap pasaran kewangan sedunia dan Asia adalah kecil. Namun, usaha yang lebih giat akan ditumpukan pada isu-isu pemantauan secara makro di bawah inisiatif pemantauan serantau EMEAP. Untuk mencapai tujuan itu, Kumpulan Kerja EMEAP mengenai Penyeliaan Perbankan sedang menyiapkan templat kerangka kestabilan kewangan bagi memantau hubungan merentasi sempadan yang penting dan punca-punca kelemahan yang mungkin wujud dalam sistem kewangan.

Memandangkan pemulihan ekonomi yang mapan penting kepada rantau ini khususnya, dan ekonomi global amnya, isu pemantauan ekonomi terus menjadi fokus Persidangan Gabenor SEACEN ke-39 serta Mesyuarat Timbalan Bank Pusat ASEAN dan Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN dan ASEAN+3. Mesyuarat tersebut menekankan perlunya usaha terancang oleh negara-negara perindustrian utama bagi menangani masalah ketidakseimbangan global, yang sebahagian besarnya berpunca daripada kelemahan struktur yang masih wujud dalam ekonomi mereka. Pada masa yang sama, ekonomi-ekonomi pasaran yang sedang muncul perlu memberi tumpuan yang sewajarnya kepada dasar-dasar yang boleh mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada pertumbuhan yang diterajui oleh permintaan dalam negeri, sungguhpun beberapa negara sudah melaksanakan proses penyesuaian dengan pelaksanaan dasar pengembangan untuk merangsang permintaan dalam negeri. Persekitaran makroekonomi yang bersifat menyokong, termasuk kadar pertukaran asing yang stabil dan pengantaraan kewangan yang cekap seharusnya dilengkapi dengan sistem penyampaian yang cekap dalam ekonomi. Pembinaan kapasiti tidak kurang pentingnya dalam perusahaan dan institusi kewangan dalam negeri bagi meningkatkan keberkesanan dalam persekitaran deregulasi dan liberalisasi.

Arkitektur Kewangan Antarabangsa

Momentum penyusunan semula arkitektur kewangan antarabangsa (IFA) menjadi perlahan pada tahun-tahun kebelakangan ini meskipun terdapat beberapa kemajuan dalam bidang pencegahan dan penyelesaian krisis pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, kemajuan dalam isu yang lebih asas, yang berkaitan dengan urus tadbir institusi kewangan antarabangsa masih terbatas. Sehubungan dengan itu, Malaysia terus

memberikan penekanan pada keperluan untuk meningkatkan urus tadbir institusi kewangan antarabangsa terutamanya Institusi-institusi Bretton Woods. Malaysia telah menyatakan kekesalannya mengenai kurangnya kemajuan yang dicapai berhubung isu-isu struktur dan institusi termasuk kuota, kuasa mengundi dan bilangan perwakilan negara-negara membangun yang tidak mencukupi di Institusi-institusi Bretton Woods. Bank Negara Malaysia juga menyuarakan kebimbangannya mengenai isu urus tadbir dan menggesa agar penilaian semula dibuat terhadap fungsi dan struktur, dasar dan operasi Institusi-institusi Bretton Woods untuk menghadapi cabaran global yang berubah-ubah, dan supaya setiap keputusan yang dibuat oleh Institusi-institusi Bretton Woods adalah lebih menyeluruh, komprehensif dan bertanggungjawab terhadap ahli-ahlinya.

Satu perkembangan yang berkaitan dengan urus tadbir dan tahap perwakilan di institusi kewangan antarabangsa ialah termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) para Gabenor Kumpulan Undian Asia Tenggara di IMF pada tahun 2004. MoU ini telah menggariskan skim penggiliran baru untuk Pejabat Kumpulan Asia Tenggara bagi tempoh yang bermula dari bulan November 2004 sehingga bulan April 2017, serta mendefinisi semula tugas dan tanggungjawab setiap jawatan di Pejabat Kumpulan Asia Tenggara di IMF. Rangka kerja itu juga merangkumi garis panduan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan Pejabat Kumpulan Asia Tenggara supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada ahli-ahlinya. Pejabat Kumpulan Asia Tenggara di Bank Dunia turut mengkaji semula skim penggiliran mereka dan menandatangani MoU semasa mesyuarat tahunan IMF/WB pada bulan Oktober 2004.

Dalam isu ketelusan, Bank Negara Malaysia terus menyokong inisiatif Piawaian Penyebaran Data Khas (SDDS) IMF sebagai penyataan sokongan Malaysia atas usaha IMF untuk menghasilkan sistem kewangan global yang lebih telus. SDDS diperkenalkan oleh IMF sebagai panduan kepada ahli-ahli yang telah ataupun ingin mendapat laluan memasuki pasaran modal antarabangsa melalui penyebaran data ekonomi dan kewangan mereka kepada umum. Malaysia adalah antara negara terawal di kalangan 42 buah negara yang menyertai inisiatif tersebut sejak penubuhannya pada tahun 1996. Pada bulan Jun 2004, Bank Negara Malaysia dan IMF telah menganjurkan seminar mengenai SDDS secara bersama untuk peserta semasa dan bakal peserta inisiatif tersebut dari kalangan negara di rantau Asia dan Pasifik. Seminar tersebut membincangkan perkembangan terkini isu-isu operasi dan pematuhan kepada SDDS, di samping menyediakan peluang perbincangan terbuka antara penyelaras SDDS dengan pihak IMF mengenai isu-isu berkaitan dengan SDDS.

Sebagai langkah selanjutnya, dan bagi mencerminkan sokongan Malaysia terhadap usaha-usaha institusi kewangan antarabangsa untuk mengukuhkan sektor kewangan, Bank Negara Malaysia telah mengambil bahagian dalam inisiatif IMF untuk mewujudkan garis panduan mengenai pengumpulan penunjuk kekukuhan kewangan bermula pada bulan Ogos 2004. Penunjuk ini boleh diguna pakai bersama-sama penunjuk-penunjuk ekonomi dan kewangan lain bagi menilai kekuatan dan kelemahan sistem kewangan sesebuah negara.

Sementara itu, terdapat perkembangan yang menggalakkan dalam bidang penyelesaian krisis, dengan adanya kemajuan dalam penggunaan Klausa Tindakan Bersama (KTB) dalam bon berdaulat antarabangsa. Momentum penggunaan KTB meningkat dengan pesat pada tahun 2004, dengan hampir kesemua bon kerajaan yang diterbitkan di New York pada sembilan bulan pertama mengandungi KTB, berbanding hanya 47% pada tahun 2003. Memandangkan pasaran terbesar untuk bon kerajaan terletak di Amerika Syarikat, peningkatan penggunaan KTB di pasaran New York menandakan penumpuan yang semakin meluas ke arah satu piawaian pasaran. Secara keseluruhan, kemajuan yang dicapai ini akan meningkatkan daya ramalan bahawa penyelesaian berhubung dengan masalah hutang negara boleh dicapai. Malaysia telah menerbitkan bon yang mengandungi KTB semenjak tahun 2000.

Beberapa kemajuan dalam isu-isu Arkitektur Kewangan Antarabangsa (IFA) berkaitan pencegahan dan penyelesaian krisis... tetapi masih perlahan dalam isu urus tadbir institusi kewangan antarabangsa (IFI).

Kumpulan Pakar SEACEN (KPS) mengenai Aliran Modal terus memantau perkembangan aliran modal di rantau Asia dengan cara pertukaran data aliran modal melalui satu set templat yang seragam, serta mengadakan telepersidangan untuk membincangkan perkembangan dan prospek aliran modal. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk membina kapasiti di kalangan negara anggota SEACEN, Bank Negara Malaysia menjadi tuan

rumah kepada Bengkel SEACEN mengenai Penilaian Keadaan Mudah Terjejas Sektor Luaran di Kuala Lumpur pada bulan Disember 2004. Perbincangan dalam bengkel tersebut tertumpu pada konsep, rangka kerja dan kaedah untuk menilai keadaan mudah terjejas sektor luaran. Bengkel ini juga bertujuan mempertingkatkan penggunaan data aliran modal yang ditukar-tukar antara anggota KPS, termasuk penggunaan data tersebut dalam rangka kerja yang sesuai bagi mengesan risiko yang sedang muncul.

Hubungan Luar Negara dengan IMF

Malaysia terlibat secara aktif dalam rundingan tahunan Artikel IV IMF. Pihak IMF telah membuat penilaian yang memuaskan terhadap ekonomi Malaysia, dan menekankan pemulihan ekonomi Malaysia adalah kukuh dengan kedudukan luar negara yang menggalakkan. Pihak IMF juga memuji pendekatan Malaysia mengurus kredit dalam negeri dengan berhemat dan selaras dengan pengekalan penetapan kadar pertukaran, serta usaha yang berterusan untuk meningkatkan lagi sistem kewangan yang teguh dan cekap.

Bank Negara Malaysia dan IMF secara bersama menganjurkan persidangan peringkat tertinggi mengenai isu-isu sektor kewangan di negara-negara yang sedang muncul di Asia. Fokus utama persidangan tersebut adalah untuk mengenal pasti peranan IMF dalam menyokong pembangunan sistem kewangan dan kestabilan kewangan di rantau ini. Perbincangan tertumpu pada isu-isu pemantauan sektor kewangan, rundingan Artikel IV IMF, Program Penilaian Sektor Kewangan dan Laporan mengenai Pematuhan Piawaian dan Kod. Bank Negara Malaysia berkongsi pengalamannya dengan para peserta Asia yang lain mengenai isu-isu tersebut dan mencadangkan beberapa langkah untuk meningkatkan keberkesanan IMF di rantau ini, terutamanya dari segi pemantauan dan pembinaan kapasiti.

Malaysia terus membantu negara-negara berpendapatan rendah dan negara miskin yang banyak berhutang melalui sumbangannya kepada Kemudahan Pertumbuhan dan Pengurangan Kemiskinan (PRGF) dan pelepasan hutang di bawah Inisiatif Negara-negara Miskin Yang Banyak Berhutang (HIPC). Dalam mesyuarat tahunan IMF/WB pada tahun 2004, Malaysia menggesa Institusi-institusi Bretton Woods supaya terus menyokong rangka kerja pengurusan hutang negara-negara berpendapatan rendah dan membantu negara-negara tersebut menangani kejutan luar kawalan.

Malaysia mengekalkan statusnya sebagai pemiutang bersih di IMF pada tahun 2004. Bagi tempoh Mac-November 2004, Malaysia telah diminta menyalurkan sebanyak SDR12 juta. Penyaluran sumbangan ini dibuat melalui Pelan Transaksi Kewangan (PTK) IMF, iaitu satu bentuk mekanisme yang membolehkan IMF membiayai operasi pemberian pinjaman dan pembayaran semula. Di bawah PTK, negara-negara anggota IMF terpilih yang mempunyai kedudukan imbangan pembayaran serta kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh boleh diminta untuk menyumbangkan sumber tukaran asing bagi menyokong operasi kewangan IMF.

Perbankan Islam

Bank Negara Malaysia terus memainkan peranan yang aktif dalam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB), melalui Jawatankuasa Teknikal dan Majlis IFSB. Pada bulan Mei 2004, IFSB memulakan penyediaan piawaian ketiga mengenai urus tadbir korporat bagi institusi kewangan Islam, di samping piawaian mengenai kecukupan modal dan pengurusan risiko yang hampir selesai. Draf pendedahan mengenai piawaian kecukupan modal dan pengurusan risiko dijangka dapat diedarkan untuk ulasan selewat-lewatnya pada suku pertama 2005. Pada bulan Disember 2004, Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Bank Pembangunan Asia (ADB) menandatangani satu Perjanjian Bantuan Teknikal dengan IFSB untuk memudahkan pembangunan piawaian berhemat secara Islam dalam tiga bahagian, iaitu ketelusan dan disiplin pasaran, pembentukan pangkalan data kewangan yang berkaitan dengan isu pengawalseliaan dan penghematan dalam industri kewangan Islam, dan penyediaan draf model undang-undang amanah untuk pasaran sukuk Islam.

Pada tahun 2004, IFSB menerima masuk Bank Pusat Arab Emiriyah Bersatu dan Bank Bangladesh sebagai ahli penuh; dan *People's Bank of China* dan *Dubai International Financial Centre Financial Services Authority* sebagai ahli bersekutu. Sehingga akhir tahun 2004, jumlah ahli IFSB meningkat daripada 36 kepada 65 ahli (15 ahli penuh, enam ahli bersekutu dan 44 pemerhati) pada akhir tahun 2003.

Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan

Pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan terus menjadi cabaran yang perlu ditangani oleh masyarakat antarabangsa. Meskipun banyak usaha telah dilakukan untuk mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, kedua-dua aktiviti ini terus mendapat perhatian dan kerjasama antarabangsa. Pada tahun ini, Malaysia telah mengambil bahagian secara aktif dalam

meningkatkan kerjasama dengan rangkaian pencegahan pengubahan wang haram global terutamanya dengan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF), Kumpulan Asia/Pasifik Mengenai Pengubahan Wang Haram (APG) dan Unit Perisikan Kewangan Kumpulan Egmont (Kumpulan Egmont). Malaysia terus menyokong inisiatif serantau dan antarabangsa dalam mencegah aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT), termasuk inisiatif seperti penilaian bersama dan bantuan teknikal.

Latihan penilaian bersama dikendalikan bagi menilai tahap pematuhan setiap negara dengan piawaian antarabangsa mengenai pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Proses penilaian tersebut dirangka untuk memberi pengiktirafan apabila tanda aras piawaian telah dicapai dan untuk mengenal pasti kelemahan yang terdapat dalam program AML/CFT di peringkat kebangsaan bagi negara yang sedang dinilai. Sekiranya kelemahan dapat dikenal pasti dalam program AML/CFT, cadangan yang bersesuaian disarankan bagi tujuan pembetulan dan pembaikan. Bank Negara Malaysia telah mengambil bahagian dalam latihan penilaian bersama APG untuk Filipina, Pakistan dan Brunei. Hasil penilaian pematuhan pada tahun ini akan dilaporkan dalam Mesyuarat Tahunan APG yang dijadual berlangsung pada bulan Julai 2005.

Malaysia juga menyertai Kumpulan Penderma dan Pemberi (KPP) Bantuan Teknikal APG untuk menyediakan latihan bantuan teknikal dan latihan AML/CFT kepada Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam. Ini bertujuan membantu mempercepat proses pelaksanaan piawaian AML/CFT global bagi negara-negara berkenaan. Bantuan yang disediakan di bawah program KPP pada umumnya berkaitan dengan penubuhan Unit Perisikan Kewangan (UPW) serta merumuskan dan melaksanakan program AML/CFT yang komprehensif di peringkat kebangsaan.

Pada tahun ini, Malaysia berjaya mewujudkan peraturan dua hala dan pelbagai hala mengenai pertukaran maklumat perisikan kewangan yang merentasi sempadan dan bantuan bersama dalam hal-hal yang berkaitan dengan jenayah. Ini bertujuan untuk memastikan usaha berkesan digembleng bagi memerangi pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan jenayah transnasional yang lain. Di samping MoU berkenaan perkongsian maklumat perisikan kewangan yang ditandatangani dengan UPW Australia dan Indonesia, Bank Negara Malaysia turut menandatangani MoU dengan Majlis Pencegahan Pengubahan Wang Haram di Filipina pada 4 Ogos 2004. Bank Negara Malaysia masih di pelbagai peringkat rundingan dengan beberapa UPW asing bagi melaksanakan MoU yang serupa. Peristiwa penting lain dalam kerjasama antarabangsa ialah penandatanganan Perjanjian mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah oleh lapan negara di rantau ini iaitu Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Filipina, Singapura dan Vietnam pada 29 November 2004. Antara lain, perjanjian ini akan memudahkan kerjasama merentasi sempadan dalam penyiasatan kes jenayah dan pengumpulan keterangan bagi prosiding mahkamah.

Bank Negara Malaysia komited untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa yang lain dan badan-badan antarabangsa dalam memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan melalui perkongsian perisikan kewangan, penglibatan aktif dalam inisiatif AML/CFT, termasuk bantuan teknikal.

Bank Negara Malaysia mendapat manfaat daripada keahliannya dalam Kumpulan Egmont, satu organisasi tidak rasmi (kumpulan ini diberi nama sempena nama tempat mesyuarat yang kali pertama diadakan di Egmont-Arenberg Palace di Brussels) untuk UPW meningkatkan sokongan terhadap program AML/CFT di peringkat kebangsaan di negara masing-masing. Sokongan ini termasuk menjadikan pertukaran maklumat perisikan kewangan meluas dan lebih sistematik di kalangan 94 negara ahlinya, serta meningkatkan kepakaran dan keupayaan kakitangan perisikan. Laman web Kumpulan Egmont yang mempunyai tahap keselamatan yang tinggi membolehkan komunikasi di kalangan UPW dijalankan dengan lebih baik melalui penggunaan teknologi baru di samping menyediakan pertukaran maklumat yang pantas di kalangan UPW yang terlibat. Bagi Bank Negara Malaysia dan UPW yang lain, forum ini mempercepat pertukaran maklumat kritikal mengenai keterangan kegiatan jenayah yang dilakukan di luar negara. Ini memudahkan akses kepada maklumat berkenaan jenayah transnasional kepada penyiasat dan pendakwa raya tempatan pada masa yang tepat dan bersesuaian.

Dari segi pembinaan kapasiti melalui pertukaran pengetahuan dan pengalaman, Bank Negara Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam beberapa forum di peringkat serantau dan antarabangsa. Malaysia menghadiri mesyuarat tahunan Kumpulan Egmont dan APG, menyertai Seminar FATF Mengenai Pembiayaan Keganasan, Bengkel Kaedah dan Tipologi Pengubahan Wang Haram APG dan Bengkel Pelaksanaan mengenai Sistem Kiriman Wang Alternatif APG. Bank Negara Malaysia juga menyertai Mesyuarat Tahunan Ke-4 Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Jenayah Transnasional (SOMTC) di Brunei Darussalam dengan Malaysia diberi peranan mengetuai usaha mencegah pengubahan wang haram dan kegiatan lanun. Melalui mesyuarat itu, SOMTC telah menyatakan komitmen untuk terus memperkukuh sumber, prosedur dalaman dan peruntukan perundangan bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dalam memerangi jenayah transnasional. Kerjasama serantau tambahan dengan RR China, Jepun dan Korea (SOMTC/ASEAN+3) dan negara-negara lain dalam hal pertukaran maklumat dan kepakaran bagi mencegah jenayah transnasional telah membantu menyatukan usaha bagi memastikan ketenteraman dan keselamatan rantau ini.

Malaysia juga mengambil bahagian dalam aktiviti latihan yang diusahakan di bawah fasa kedua Projek Pencegahan Pengubahan Wang Haram Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM). Projek Pencegahan Pengubahan Wang Haram ASEM akan turut menyediakan seminar latihan kepada pendakwa raya, pegawai perundangan dan pegawai yang menyediakan bantuan perundangan bersama kepada negara asing. Malaysia terus menyokong Projek Pencegahan Pengubahan Wang Haram ASEM dengan menyumbangkan kes-kes yang telah disanitasikan kepada projek Pertukaran Data Pengubahan Wang Haram Asia-Eropah Secara Bersama (JAEME) yang telah diwujudkan di Pejabat Pencegahan Pengubahan Wang Haram di Thailand. JAEME akan mengumpul dan menyusun data mengenai kes pengubahan wang haram yang telah disanitasikan dan mengenal pasti trend pengubahan wang haram yang wujud di Asia dan Eropah.

Pada tahun ini, Bank Negara Malaysia membantu Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) mengadaptasi perisian latihan AML/CFT CD-ROM e-pembelajaran kepada rangka kerja perundangan tempatan dan menerbitkan versi Bahasa Malaysia untuk pelaksanaan pada awal tahun 2005. Perisian latihan AML/CFT CD-ROM e-pembelajaran akan disediakan bagi melatih pegawai penguat kuasa undang-undang serta pegawai pelapor AML/CFT dari sektor swasta. Seterusnya, Bank Negara Malaysia juga menjadi tuan rumah kepada peserta-peserta yang terlibat dalam lawatan sambil belajar atau program penempatan dari Hong Kong China, Indonesia, Jepun, Fiji dan Republik Nepal bagi memahami operasi UPW di Bank Negara Malaysia dan mengkaji program AML/CFT Malaysia.

Bank Negara Malaysia komited untuk membantu pihak berkuasa yang lain dalam memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan akan terus terlibat secara aktif dalam inisiatif AML/CFT serantau dan antarabangsa.

Rundingan Perkhidmatan Kewangan

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia menyertai rundingan mengenai perdagangan perkhidmatan kewangan di forum pelbagai hala Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), forum serantau ASEAN dan forum dua hala melalui perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang masih dalam perundingan. Rundingan ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan rundingan mengenai perdagangan perkhidmatan di pelbagai forum tersebut. Objektif rundingan ini adalah untuk meliberalisasikan secara beransur-ansur rejim perkhidmatan negara-negara yang terlibat ke arah menggalakkan peningkatan perdagangan perkhidmatan dan aliran pelaburan dalam sektor perkhidmatan di kalangan negara-negara tersebut.

Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)

Rundingan sektor perkhidmatan di WTO, termasuk perkhidmatan kewangan, terus tertumpu pada fasa "permohonan dan tawaran" pada tahun 2004. Proses ini secara amnya melibatkan perbincangan dua hala antara negara anggota WTO berdasarkan permohonan pembukaan pasaran. Pihak Bank terlibat secara aktif dalam rundingan sektor perkhidmatan, khususnya dalam perbincangan berkaitan dengan meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan kewangan.

Bank Negara Malaysia terus komited kepada proses meliberalisasi sektor perkhidmatan kewangan secara beransur-ansur. Ini merupakan sebahagian daripada langkah untuk membangunkan lagi sektor kewangan dalam negeri. Dalam mengendalikan proses liberalisasi ini, pihak Bank akan terus menjadikan fasa pembangunan seperti yang termaktub di bawah Pelan Induk Sektor

Graf 11.1
Penyertaan Asing dalam Sektor Perbankan Perdagangan di Malaysia



Graf 11.2
Penyertaan Asing dalam Industri Insurans di Malaysia



Penerimaan pakai pakej rangka kerja di WTO... mewujudkan langkah-langkah ke arah penyelesaian rundingan yang berjaya di bawah Agenda Pembangunan Doha.

Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal sebagai panduan, sejajar dengan komitmen Bank Negara Malaysia ke arah meningkatkan lagi orientasi pasaran dan integrasi antarabangsa. Dalam hal ini, penyertaan asing dalam sektor kewangan Malaysia sentiasa pada tahap yang tinggi, dari segi ekuiti mahupun bahagian pasaran.

Perkembangan yang paling penting di WTO pada tahun 2004 ialah penerimaan pakai pakej rangka kerja oleh negara anggota untuk memajukan Agenda Pembangunan Doha (DDA) dalam pelbagai isu. Antaranya ialah isu mengenai pertanian, barangan, perkhidmatan (termasuk perkhidmatan kewangan), isu pelaksanaan dan "isu baru" pemudahan perdagangan. Dengan penerimaan pakai rangka kerja tersebut, tempoh kesemua rundingan di bawah DDA juga dilanjutkan selama satu tahun, sebagai persiapan kepada Persidangan Menteri WTO yang akan berlangsung pada bulan Disember 2005 di Hong Kong China.

Pakej rangka kerja tersebut telah menggariskan langkah yang bakal diambil ke arah memuktamadkan rundingan dengan jayanya di bawah DDA. Pendirian keseluruhan Malaysia adalah untuk mencapai kedudukan yang seimbang merentasi kesemua sektor yang akan juga mencerminkan kepentingan negara-negara membangun. Sehubungan dengan ini, bagi rundingan untuk meliberalisasikan lagi perdagangan perkhidmatan, Malaysia menyokong seruan pakej rangka kerja tersebut agar tawaran pembukaan pasaran dibuat khususnya dalam sektor perkhidmatan dan mod pembekalan yang mempunyai kepentingan eksport kepada negara membangun.

Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan dan Perjanjian Perdagangan Bebas
Rundingan pusingan ketiga perkhidmatan kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS) diteruskan pada tahun 2004 antara negara anggota, termasuk Malaysia, yang berunding untuk mendapatkan komitmen pada peringkat yang lebih tinggi berbanding dengan komitmen di WTO. Selain AFAS, perkhidmatan kewangan juga merupakan sebahagian daripada skop keseluruhan rundingan sektor perkhidmatan yang sedang dalam

perbincangan di bawah FTA Malaysia-Jepun dan FTA ASEAN-China pada tahun 2004.

Kerjasama Serantau

Dalam memperkukuh kerjasama kewangan serantau, kemajuan penting dicapai menerusi usaha bersama negara-negara serantau untuk mengetengahkan objektif inisiatif utama di pelbagai forum serantau pada tahun 2004. Ini termasuk usaha yang diambil untuk mempertingkatkan keberkesanan peraturan pembiayaan serantau di bawah Inisiatif Chiang Mai (CMI), kemajuan dalam membangunkan Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) di bawah forum ASEAN+3 dan perluasan Tabung Bon Asia (ABF) di bawah proses EMEAP. Perkembangan positif ini memberi petanda baik ke arah memperluas dan memperdalam pasaran bon serantau bagi memudahkan pelaburan yang produktif dan penyaluran modal yang cekap di rantau ini.

Pada bulan Mei 2004, Menteri-menteri Kewangan ASEAN+3 telah melancarkan satu Kumpulan Kerja bagi mengkaji langkah-langkah untuk mempertingkatkan keberkesanan CMI. Sehubungan dengan ini, Kumpulan Kerja tersebut mengadakan tiga mesyuarat dan isu-isu utama dalam kajian semula berkaitan dengan penyelarasan, syarat-syarat dan kaedah pengaktifan di bawah CMI. Untuk tujuan itu, Bank Negara Malaysia menjadi anggota yang aktif menerajui penglibatan Malaysia dalam Kumpulan Kerja tersebut untuk terus membangunkan CMI sebagai satu elemen penting dalam kerjasama kewangan di rantau ini.

Pada bulan Oktober 2004, Bank Negara Malaysia telah memperbaharui perjanjian peraturan swap dua hala (BSA) di bawah CMI berjumlah AS$1 bilion dan perjanjian BSA di bawah Inisiatif Miyazawa Baru berjumlah AS$2.5 bilion antara Malaysia dengan Jepun untuk tempoh tiga tahun lagi. Secara keseluruhan, nilai terkumpul bagi 15 perjanjian BSA pada masa ini berjumlah AS$33.5 bilion.[1]

Sejak penubuhannya pada bulan Disember 2002 dan pengiktirafan rasmi oleh Menteri-menteri Kewangan ASEAN+3 pada bulan Ogos 2003, ABMI menunjukkan kemajuan yang ketara dalam menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pelaburan di rantau ini serta program pembangunan kapasiti untuk membangunkan pasaran bon serantau. Kerjasama yang erat antara negara ASEAN+3 diteruskan dengan mesyuarat tetap enam kumpulan kerja[2], dan sesi dialog serta perbincangan yang melibatkan penyertaan sektor swasta. Kumpulan Kerja mengenai Isu-isu Urus Niaga Pertukaran Asing dan Penyelesaian Pembayaran yang dipengerusikan oleh Bank Negara Malaysia terus meneliti dan mengkaji hal-hal yang melibatkan sistem penjelasan dan penyelesaian pembayaran negara-negara anggota ASEAN+3 dalam membantu memudahkan urus niaga merentasi sempadan dan halangan-halangan ke atas penerbitan dan pelaburan merentasi sempadan. Perbincangan dalam bidang-bidang ini membantu pembuat dasar dalam merangka strategi untuk terus membangunkan pasaran.

Pada bulan Mei 2004, Laman Web Bon Asia Dalam Talian[3] dilancarkan sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah ABMI. Laman web ini bertindak sebagai rumah penjelasan maklumat sehenti yang menyediakan maklumat mengenai pasaran bon korporat dan berdaulat yang sedang berkembang pesat di rantau ini. Laman web ini juga membantu penyebaran maklumat di kalangan penerbit dan pelabur. Objektif laman web ini adalah untuk menyediakan maklumat mengenai pasaran bon di rantau ini kepada pasaran di samping maklumat terkini mengenai kemajuan yang telah dicapai oleh setiap kumpulan kerja di bawah ABMI.

Pencapaian penting oleh negara-negara anggota ASEAN+3 secara individu telah menyumbang ke arah mengetengahkan objektif ABMI, termasuk penerbitan bon berdenominasi ringgit berjumlah RM400 juta oleh ADB dan bon Islam berdenominasi ringgit berjumlah RM500 juta oleh Perbadanan Kewangan Antarabangsa di Malaysia. Pencapaian lain termasuk kebenaran yang

Kerjasama serantau bertambah kukuh... usaha diambil untuk mempertingkatkan keberkesanan peraturan pembiayaan serantau di bawah Inisiatif Chiang Mai, kemajuan yang nyata dilaksanakan di bawah Inisiatif Pasaran Bon Asia, sementara Dana Bon Asia diperkembangkan untuk membangunkan pasaran bon serantau.

[1] Ini berdasarkan peruntukan keseluruhan di bawah BSA tersebut, iaitu jumlah maksimum penggunaan di bawah peraturan swap dua hala digandakan dua kali untuk menggambarkan jumlah swap yang tersedia kepada kedua-dua pihak di bawah perjanjian berkenaan.

[2] Enam kumpulan kerja tersebut adalah mengenai "Instrumen Hutang Bersekuriti Baru", "Mekanisme Jaminan Kredit dan Pelaburan", "Isu-isu Berkaitan Urus Niaga Pertukaran Asing dan Penyelesaian Pembayaran", "Penerbitan Bon Berdenominasi Mata Wang Tempatan oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala, Agensi Kerajaan Asing dan Syarikat Multinasional Asia", "Sistem Penarafan dan Penyebaran Maklumat mengenai Pasaran Bon Asia", dan "Penyelarasan Bantuan Teknikal".

[3] www. asianbondonline.org

Perjanjian Peraturan Swap Dua Hala di bawah Inisiatif Chiang Mai



Tarikh merujuk kepada tarikh setiap perjanjian ditandatangani dan angka dalam kurungan menunjukkan jumlah maksimum penggunaan bagi setiap perjanjian.

[1] Peraturan swap sehala adalah peraturan yang membolehkan negara pemohon swap memohon negara pembekal swap supaya berurusan dengannya dalam transaksi swap.

[2] Peraturan swap dua hala adalah peraturan yang membolehkan mana-mana satu pihak memohon satu pihak yang lain untuk saling berurusan dalam transaksi swap.

Perjanjian yang telah ditandatangani antara negara-negara "Plus Three" (Republik Rakyat China, Jepun dan Korea) dan negara-negara ASEAN

Perjanjian yang telah ditandatangani di kalangan negara-negara "Plus Three"

diberi kepada bank pembangunan pelbagai hala bagi menerbitkan bon berdenominasi mata wang tempatan di Thailand; pewujudan satu skim baru berkenaan obligasi bon cagaran utama (CBO) antara negara oleh Jepun dan Korea; dan peruntukan jaminan kredit oleh *Japan Bank for International Co-operation* dan *Nippon Export and Investment Insurance* bagi bon yang diterbitkan oleh syarikat multinasional Asia.

Bagi melengkapi ABMI, Kumpulan EMEAP berjaya melancarkan Tabung Bon Asia 2 (ABF2) pada bulan Disember 2004. ABF2 yang baru dilancarkan akan melabur dalam bon mata wang tempatan yang diterbitkan oleh penerbit berdaulat dan separa berdaulat dalam pasaran EMEAP (selain pasaran Jepun, Australia dan New Zealand, yang dianggap telah maju). Pelaburan ABF2 adalah lebih luas daripada peringkat pertama ABF, yang hanya melabur dalam bon berdenominasi dolar Amerika Syarikat. Anggota Kumpulan EMEAP termasuk Bank Negara Malaysia akan menyertai ABF2, dan berkeyakinan bahawa ABF2 akan bertindak sebagai pemangkin dalam menyumbang ke arah pengantaraan kewangan yang lebih cekap di Asia dalam jangka masa yang lebih panjang serta menyokong usaha negara serantau secara keseluruhan untuk membangunkan pasaran modal tempatan mereka.

Bank Negara Malaysia terus memberi sokongan kepada Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN dalam mengendalikan program latihan perbankan pusat. Pada tahun 2004, Pusat SEACEN memberi fokus pada topik yang berkait rapat dengan fungsi teras bank pusat, terutamanya dalam bidang penyeliaan perbankan, pembaharuan kewangan dan dasar monetari. Selain memberi latihan kepada para anggotanya yang telah bertambah kepada 13, ekoran kemasukan Bank Rizab Fiji pada bulan April, Pusat SEACEN turut menawarkan latihan kepada 16 bukan ahlinya. Pusat SEACEN bekerjasama dengan bank-bank pusat negara maju seperti *Federal Reserve System* Amerika Syarikat, *Reserve Bank of Australia* dan *Bank of Japan* dalam menjalankan aktiviti latihannya. Di samping itu, kerjasama juga dijalankan dengan beberapa pertubuhan pelbagai hala termasuk IMF, Bank Dunia, *Bank for International Settlements* (BIS), Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan, Insititut Kestabilan Kewangan, ADB dan Pusat Toronto. Kerjasama ini membantu meningkatkan kualiti program latihan dan keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran peserta dari bank-bank pusat di rantau ini sebagai penasihat dan pengawalselia dalam persekitaran global yang dinamik.

Kerjasama Dua Hala

Pada 30 Jun 2004, Malaysia menandatangani MoU dengan IDB untuk membangunkan rangka kerja kerjasama di kalangan negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dalam aktiviti ekonomi utama. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Malaysia sebagai pengerusi OIC. Gabenor telah menandatangani MoU tersebut bagi pihak Kerajaan Malaysia.

MoU ini yang bertujuan untuk meningkatkan peluang pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara anggota OIC berusaha untuk mengukuhkan peraturan pembiayaan bagi menggalakkan perdagangan, memberi fokus baru terhadap perkhidmatan pembiayaan untuk perdagangan dan pelaburan di samping menyokong penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) bagi memperluas aktiviti ekonomi intra-OIC. MoU ini juga menggalakkan pembangunan pasaran kewangan Islam, dengan memberi fokus kepada usaha menggalakkan rantaian perniagaan dan penggemblengan dana bagi pelaburan merentasi sempadan di kalangan pusat kewangan di negara-negara anggota OIC. Dalam bidang kewangan Islam, MoU ini bertujuan untuk mengembangkan lagi perniagaan Takaful dan Takaful Semula di kalangan negara-negara anggota OIC. MoU ini juga turut mengandungi peruntukan untuk menggalakkan penggunaan instrumen insurans bagi peluasan perdagangan dan pelaburan serta menggalakkan negara-negara anggota OIC untuk menerima pakai FTA.

Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Bank Pembangunan Islam (IDB) untuk membangunkan rangka kerja kerjasama yang bertujuan meningkatkan peluang pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara anggota OIC.

Bagi merealisasikan bidang kerjasama yang termaktub dalam MoU tersebut, sehingga kini, dua Mesyuarat Peringkat Tinggi antara Malaysia dan IDB telah diadakan. Mesyuarat Peringkat Tinggi Pertama telah diadakan di Kuala Lumpur pada 30 September - 1 Oktober 2004, manakala Mesyuarat Peringkat Tinggi Kedua telah diadakan di Jeddah pada 20-21 Februari 2005. Kedua-dua Mesyuarat Peringkat Tinggi yang diakhiri dengan upacara menandatangani Minit Persetujuan Bersama, membincangkan dengan mendalam bidang kerjasama MoU tersebut untuk menentukan dan menggubal strategi pelan tindakan dan sasaran hasil kerja. Perbincangan dan rundingan berkenaan pelaksanaan MoU ini akan dipergiatkan lagi pada tahun 2005 untuk mencapai objektif yang telah dirangkakan dalam MoU tersebut.

Pada tahun 2004, pihak Bank terus mencapai kemajuan dalam mempromosikan Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) dan Peraturan Pembayaran Perdagangan berasaskan Emas (GTPA). Pada 18 Jun 2004, Bank Negara Malaysia menandatangani perjanjian BPA dengan Bank Mandiri, Indonesia dan telah memulakan beberapa rundingan dua hala dengan negara-negara yang berminat dengan mekanisme GTPA sepanjang tahun 2004. Melangkah ke hadapan, sebagai sebahagian usaha berterusan Bank untuk mempromosikan perdagangan dengan pasaran bukan tradisional, Bank Negara Malaysia juga bercadang untuk melaksanakan peraturan pembiayaan perdagangan yang dijalankan secara komersil, yang akan disasarkan kepada pasaran bukan tradisional secara amnya dan pasaran OIC secara khususnya.

Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat

Bank Negara Malaysia terus menyediakan program pembinaan kapasiti kepada pihak yang berminat. Di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), pihak Bank telah menawarkan tempat kepada peserta asing dalam dua program tahunannya, iaitu Kursus Perbankan Pusat (semenjak tahun 1984) dan Kursus Asas Penyeliaan (semenjak tahun 2002). Pada tahun 2004, pihak Bank telah menerima 22 pegawai dari 13 buah bank pusat untuk menyertai program yang disediakan oleh pihak Bank. Bank Negara Malaysia telah menerima seramai 234 orang peserta asing semenjak ditubuhkan.

Di bawah forum Kumpulan D-8, Bank Negara Malaysia terus menggalakkan pembangunan perbankan Islam dan takaful melalui penglibatannya untuk meningkatkan mutu penyeliaan dan pengawalan industri insurans dan industri takaful. Di samping itu, di Persidangan Perbankan dan Kewangan Asia yang julung-julung kali diadakan, Bank Negara Malaysia telah menganjurkan dua bengkel yang menyentuh tentang isu kewangan Islam, khususnya mengenai pengurusan risiko dan kecukupan modal dalam memenuhi keperluan IFSB dan pembangunan pasaran wang Islam. Pada tahun ini, pihak Bank juga telah memberi taklimat kepada bank pusat dan institusi perbankan yang berminat dari Bahrain, Bangladesh, Sudan, Lebanon, Singapura dan Indonesia mengenai perbankan Islam dan takaful. Di samping itu, Malaysia menganjurkan sesi dialog untuk bertukar-tukar pengalaman mengenai Insurans Deposit dan Penzahiran Kewangan di kalangan ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada bulan Februari 2004.

Organisasi dan Sumber Manusia

258-263 Pembangunan Organisasi
263-265 Pengurusan Risiko di Bank Negara Malaysia
266 Struktur Organisasi

Organisasi dan Sumber Manusia

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Tinjauan Keseluruhan

Program pengurusan perubahan Bank Negara Malaysia pada tahun 2004 merupakan usaha mencari kaedah baru dalam meningkatkan kapasiti dan keupayaan Bank untuk menghadapi cabaran-cabaran yang muncul daripada persekitaran luar yang dinamik dan tidak menentu. Khususnya, inisiatif Organisasi Berasaskan Pengetahuan yang dilancarkan pada tahun 2001 telah diteruskan bagi mempertingkatkan keupayaan Bank untuk memperoleh, mencipta, mengguna dan menyimpan pengetahuan. Bank Negara Malaysia terus menggalakkan amalan perkongsian pengetahuan dan kerjasama secara meluas dalam persekitaran yang selamat dan saling mempercayai. Ini dilaksanakan dengan pengambilan dan pelaksanaan rumusan dasar dan prosedur keselamatan maklumat yang baru. Bagi meningkatkan prestasi, inisiatif yang diambil pada tahun 2004 memberi fokus pada program memodenkan amalan pengurusan bakat, mempertingkatkan pembelajaran dan latihan, membaiki proses, penambahbaikan infrastruktur berkaitan teknologi, dan membaiki suasana tempat bekerja.

Antara instrumen yang digunakan oleh Bank pada tahun 2004 ialah "Balanced Scorecard"[1] (BSC) yang bertujuan mempertingkatkan proses pengurusan prestasi. Pendekatan BSC menekankan keperluan melihat prestasi organisasi dari pelbagai dimensi, dengan penekanan pada hubung kait antara perancang strategi, pembuat keputusan dan pelaksana strategi. Fungsi sesebuah bank pusat yang meluas dan menyeluruh dalam ekonomi pasaran yang semakin meningkat memberikan cabaran yang unik untuk mengekalkan fokus kepada objektif strategik jangka panjang sambil memberi perhatian kepada isu-isu taktikal dengan berkesan. Penjajaran usaha untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan dalaman bagi matlamat strategik dan operasi Bank Negara Malaysia telah menjadi lebih penting. Ini memerlukan tahap fleksibiliti dan inovasi yang lebih tinggi dalam cara pihak Bank mengurus sumber tenaga kerja, pengetahuan dan teknologi.

Sejak program organisasi berasaskan pengetahuan dilancarkan pada tahun 2001, Bank menyediakan program dan inisiatif bagi memperkaya sumber pengetahuan dalaman melalui pelbagai inisiatif yang meluas dari segi sumber manusia, pengetahuan dan teknologi. Intranet korporat Bank Negara Malaysia kini menyediakan rangkaian perhubungan dalam talian ke seluruh organisasi. Ini meningkatkan tahap integrasi proses dan organisasi, menambah produktiviti perseorangan dan semangat bekerjasama. Pencapaian baru yang penting pada tahun 2004 ialah transformasi perpustakaan Bank kepada Pusat Pengurusan Pengetahuan. Pusat ini dengan nyata telah mempertingkatkan proses pengurusan pengetahuan yang sedia ada dan menyediakan saluran yang dapat dipercayai dan lebih berkesan bagi pihak Bank menguruskan aset pengetahuan yang dimiliki. Sesiapa sahaja yang ingin mendapatkan pengetahuan baru boleh menggunakan perkhidmatan Pusat Pengurusan Pengetahuan, bagi mempercepat pengenalpastian, pencarian dan penggunaan pengetahuan dengan pantas. Tambahan lagi, pengetahuan yang sedia ada boleh ditukar dengan mudah kepada aset pengetahuan yang boleh diguna semula. Kesemua ini dikendalikan oleh kakitangan Pusat Pengurusan Pengetahuan. Oleh itu, memori korporat Bank lebih mudah diperolehi oleh semua kakitangan.

Organisasi berfokuskan strategi ialah tema utama yang diterima pakai bagi pembangunan kapasiti dan keupayaan organisasi pada tahun 2004. Strategi ini telah merintis jalan ke arah pertimbangan yang lebih mengenai pengurusan modal intelek bagi tahun 2005 dengan fokus pada bidang yang berkaitan dengan objektif teras Bank Negara Malaysia. Gabungan tema organisasi yang berfokuskan strategi dan pengurusan pengetahuan akan diberi keutamaan dalam program pembangunan organisasi Bank Negara Malaysia pada tahun 2005.

Pengurusan Sumber Manusia

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia mengadakan program Pusat Pembangunan Kepimpinan bagi mengenal pasti, membangunkan dan mengekalkan bakat kepimpinan dalam Bank. Dalam usaha untuk meningkatkan penyelarasan pembangunan sumber manusia dengan strategi yang berkaitan dengan urusan Bank Negara Malaysia, perubahan telah diperkenalkan pada rangka kerja pengurusan kompetensi serta sistem pengurusan kerjaya di Bank.

Pada akhir tahun 2004, jumlah kakitangan Bank Negara Malaysia ialah sebanyak 2,335 orang. Ini

[1] Kaedah "Balanced Scorecard" dihasilkan oleh Profesor Robert S. Kaplan daripada *Harvard Business School* dan David P. Norton daripada *Balanced Scorecard Collaborative Inc.*

mewakili kenaikan sebanyak 1.61% berbanding dengan bilangan pada akhir tahun 2003. Kadar peletakan jawatan kekal pada kadar kurang daripada 2% pada tahun 2004. Kebanyakan daripada pengambilan kakitangan baru terdiri daripada pemegang ijazah, mencerminkan fokus Bank untuk mengambil pekerja berpengetahuan tinggi serta bakat baru bagi mempertingkatkan produktiviti dan prestasi. Antara tahun 1998 hingga 2003, bilangan pemegang ijazah meningkat kepada 1,233 orang daripada 798 orang, iaitu peningkatan daripada 42% kepada 54% daripada jumlah keseluruhan kakitangan.

Keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan satu lagi fokus pihak Bank sepanjang tahun 2004. Pihak Bank memberi penekanan khusus pada kesihatan dan kebajikan individu melalui penilaian persekitaran dan kesihatan, dengan bantuan Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan. Kakitangan yang terlibat dalam jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (SHE) menganjurkan beberapa siri program Bantuan Kecemasan bertauliah, serta seminar mengenai keselamatan dan kesihatan. Pihak Bank juga memperkenalkan kemudahan bilik laktasi kepada ibu-ibu yang baru melahirkan anak, dan kini sedang meninjau beberapa pilihan bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak untuk kakitangan. Inisiatif-inisiatif ini menyumbang kepada persekitaran sumber manusia yang lebih produktif tanpa tekanan yang berlebihan.

Pengurusan Latihan dan Pembelajaran
Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengintegrasikan pengurusan latihan dan pembelajaran dengan pengurusan prestasi kakitangan. Program latihan dan pembelajaran yang relevan bagi kakitangan menambah pengetahuan dan kemahiran baru dilaksanakan selaras dengan usaha pengurusan sumber manusia dalam penyusunan tenaga kerja berdasarkan keperluan strategik Bank. Khususnya, usaha mempertingkatkan pembelajaran secara kendiri atau *self directed learning* dibuat dengan merangka kandungan program latihan dan penyampaian yang khas berdasarkan keperluan individu dan jabatan. Ini telah membantu menjajarkan aset pengetahuan dan tenaga kerja untuk menyahut cabaran-cabaran baru Bank.

Dalam usaha melahirkan pemimpin di kalangan kakitangan dalaman, Bank berjaya menganjurkan Program Pembangunan Kepimpinan yang pertama yang dirangka khusus mengikut keperluan kakitangan. Bank telah menggunakan khidmat pakar luar, iaitu dari Pusat Kepimpinan Toronto dalam bidang yang berkaitan dengan kepimpinan penyeliaan. Bank terus menggunakan sumber dalaman bagi menjayakan program-program latihannya. Seramai 290 kakitangan Bank telah diberikan pengiktirafan atas sumbangan mereka dalam penciptaan dan perkongsian pengetahuan.

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia telah melabur sejumlah RM8.9 juta untuk program latihan kakitangan bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan. Ini merupakan peningkatan sebanyak 11% berbanding dengan jumlah tahun 2003. Program latihan ini termasuk program yang dirangka khas bagi memenuhi keperluan jabatan masing-masing. Hari latihan purata seorang kakitangan pada tahun 2004 ialah 12 hari, sementara pelaburan purata untuk program latihan bagi setiap kakitangan berjumlah RM3,800, iaitu peningkatan sebanyak 9% berbanding dengan tahun 2003.

Pengurusan Teknologi Komunikasi dan Maklumat
Teras Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) pada tahun 2004 adalah pada inisiatif yang menggalakkan penggunaan ICT bagi memudahkan analisis dan proses membuat keputusan, mempertingkat kecekapan, serta menjadikan maklumat lebih mudah diakses dan jelas. Pihak Bank memulakan inisiatif menyeluruh untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih bersatu dan saling bekerjasama melalui penggunaan teknologi.

Satu program eksekutif khas ICT juga diadakan untuk menggalakkan adaptasi penyelesaian teknologi yang lebih versatil bagi menjana transformasi proses yang berkaitan dengan urusan Bank. Bank mengakui bahawa pelaksanaan penyelesaian teknologi baru mestilah berpadanan dengan peningkatan kapasiti pihak pengguna dan pihak pembuat keputusan dalam menyesuaikan kerja dengan teknologi.

Portal Korporat yang diperkenalkan pada tahun 2003 terbukti sebagai saluran komunikasi yang berkesan bagi Bank Negara Malaysia, bertindak sebagai penghubung utama untuk kakitangan mendapat akses kepada maklumat korporat dan sistem aplikasi dalam Bank. Pada tahun 2004, portal ini diperluas ke seluruh cawangan Bank, pejabat perwakilan dan pengguna bergerak. Pihak Bank juga melaksanakan infrastruktur rangkaian tanpa wayar dalam persekitaran Bank bagi membantu mobiliti kakitangan.

Bank Negara Malaysia terus memantapkan keselamatan, kebolehpercayaan dan daya tahan infrastruktur ICT. Reka bentuk Pusat Data baru yang

canggih yang berada di luar ibu pejabat sedang dibangunkan, dengan matlamat utama untuk menyediakan kemudahan yang selamat dan berdaya tahan bagi menyokong operasi Bank.

Pengurusan Keselamatan Maklumat

Bank Negara Malaysia mencatatkan satu lagi pencapaian penting dalam Pengurusan Keselamatan Maklumat pada tahun 2004, apabila berjaya menterjemahkan Dasar dan Piawai Keselamatan Maklumat kepada prosedur yang membolehkan klasifikasi dan kawalan akses terhadap maklumat beroperasi di dalam Bank.

Apabila tugas mengklasifikasi dianggap penting bagi mengenal pasti maklumat yang sensitif dan kritikal, prosedur ini dijangka dapat mewujudkan disiplin yang menggalakkan pertukaran dan perkongsian maklumat di kalangan kakitangan Bank Negara Malaysia. Usaha ini penting, terutama sekali dengan adanya inisiatif pengurusan pengetahuan strategik lain yang dijalankan oleh pihak Bank.

Hasil projek Keselamatan Maklumat termasuk pembangunan prosedur yang disemak semula mengenai pengendalian maklumat korporat secara betul, serta memberi akses kepada maklumat berdasarkan prinsip "perlu tahu". Garis panduan ini juga menetapkan amalan terbaik dari aspek keselamatan di pelbagai peringkat dalam edaran pengurusan maklumat biasa.

Pengurusan Pengetahuan

Fokus inisiatif pengurusan pengetahuan Bank Negara Malaysia pada tahun 2004 beralih daripada pembangunan infrastruktur kepada tugas yang lebih mencabar iaitu penerapan proses pengetahuan dalam operasi harian Bank. Beberapa inisiatif dilancarkan bagi menjadikan pengurusan pengetahuan sebagai amalan biasa dalam aktiviti harian kakitangan. Inisiatif pertama ialah penggunaan piawai dan amalan taksonomi korporat Bank Negara Malaysia bagi mempertingkatkan tadbir urus aset pengetahuan Bank. Taksonomi memudahkan pencarian pengetahuan yang sedia ada di dalam Bank melalui pembangunan klasifikasi maklumat yang betul untuk pencarian yang lebih berkesan. Ini juga dapat meningkatkan kapasiti bagi mengenal pasti kepakaran dalam Bank, dengan pengarang kertas-kertas kerja dan penyampaian dalam Bank lebih mudah diketahui.

Inisiatif kedua ialah mereka bentuk satu Strategi Portal Syarikat yang berkesan dalam mengumpul kesemua sumber maklumat dan saluran yang berbeza di dalam Bank melalui satu platform penyampaian pengetahuan yang sama. Portal Syarikat juga memudahkan kakitangan bekerjasama antara jabatan dan antara projek, malahan dengan organisasi yang lain. Portal ini juga menambah kapasiti Bank untuk berhubung dengan pelanggan tertentu dalam memberi perkhidmatan maklumat. Portal ini juga memudahkan pengubahsuaian proses yang berkaitan dengan urusan Bank dengan menggunakan teknologi maklumat dan dengan itu mempertingkatkan kecekapan dalam Bank.

Inisiatif ketiga ialah penubuhan Pusat Pengurusan Pengetahuan yang memberi lebih fokus dan sumber khusus ke arah pengurusan aset pengetahuan dan proses di Bank Negara Malaysia. Proses utama Pusat Pengurusan Pengetahuan (Carta 1) difokuskan pada akses kepada pengetahuan yang berkesan, dengan memaksimumkan

Pusat Pengurusan Pengetahuan



Pengurusan Pengetahuan	Mengenal Pasti/ Mencipta	Peroleh/Kumpul	Analisis, Pakej Semula, Urus	Sebar, Guna dan Guna Semula
• Rangka Kerja • Dasar • Ruang Pengetahuan • Peningkatan Proses • Sistem dan Alat Pengurusan Pengetahuan • Pengukuran	• Audit Pengetahuan • Membuat Profil dan Analisis Keperluan Pihak yang Berkepentingan • Membuat Profil dan Analisis Sumber Maklumat • Membuat Profil Kepakaran • Pembangunan Kandungan Strategik • *Managing Communities of Practice*	• Pengimbasan Persekitaran • Perolehan dan Pemprosesan Maklumat • Penyelidikan Subjek yang Mendalam • Pengumpulan Maklumat dan Pengetahuan daripada Peristiwa • Pengurusan Arkib	• Pengurusan Kandungan • Tempat Menyimpan Maklumat • Perkhidmatan Rujukan • Isu Industri dan Membuat Profil Peserta • Hubungan Maklumat dengan Pengetahuan • Analisis Maklumat dan Pakej Semula	• Pembangunan dan Penyelenggaraan Taksonomi Korporat • Penyebaran Maklumat dan Kandungan • Perkhidmatan Kesedaran Semasa • Teknik dan Alat Perkongsian Ilmu

penggunaan semula pengetahuan, pembelajaran berterusan, penciptaan pengetahuan perniagaan baru dan mengekal persekitaran kerjasama berasaskan sistem pengetahuan.

Pada dasarnya, Pusat Pengurusan Pengetahuan mewujudkan proses dan struktur yang komprehensif bagi mengurus pengetahuan eksplisit dalam Bank secara sistematik. Bank Negara Malaysia secara keseluruhan boleh menggunakan kemahiran mengurus maklumat yang telah dibangunkan secara meluas dalam Pusat Pengurusan Maklumat dan seterusnya menjadikan proses seperti penciptaan, pengenalpastian, perolehan, penggunaan semula dan penyusunan semula pengetahuan jauh lebih cekap dan berkesan.

Pengurusan Ruang Pejabat

Sejak tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah mengkaji pengurusan ruang sebagai langkah bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta menyediakan persekitaran kerja yang lebih baik untuk kakitangan. Pengurusan ruang pejabat semakin penting bagi membolehkan kakitangan berkongsi pengetahuan tersirat, lebih mudah bergerak dan menggunakan teknologi dalam Bank. Pada tahun 2004, Bank melaksanakan susun atur pejabat baru yang lebih berkesan dengan sepenuhnya bagi memenuhi keperluan Bank dan kakitangan supaya dapat berfungsi sebagai organisasi yang berasaskan pengetahuan.

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia memperbaharui dan menaik taraf kafeteria. Kakitangan digalakkan untuk mengguna ruang kafeteria sebagai tempat untuk berbincang dan bermesyuarat secara tidak formal, seterusnya menambah ruang bagi berkongsi maklumat dan bertukar-tukar buah fikiran. Kompleks Latihan Serbaguna baru yang dilengkapi dengan kemudahan latihan seperti dewan kuliah, bilik perbincangan, bilik sekretariat dan kemudahan perkhidmatan katering juga dibina di Pulau Langkawi bagi menambah ruang pembelajaran dan latihan. Ruang rekreasi juga disediakan bagi menyokong inisiatif Bank untuk menyeimbangkan pekerjaan dengan kehidupan.

Bank Negara Malaysia juga memulakan kerja-kerja pembinaan Pusat Sumber Perkhidmatan Kewangan Serantau (FSRC) bertujuan memenuhi keperluan latihan profesional dalam Bank dan rantau ini khususnya dalam bidang Perbankan Pusat, Perbankan Islam dan Kewangan. Ruang dikenal pasti menyokong keperluan pembelajaran dan pendidikan dewasa yang mengiktiraf kerjasama berkumpulan, pembelajaran melalui perbuatan dan pelbagai cara lain untuk berinteraksi.

Tadbir Urus Korporat

Fungsi dan kuasa Bank Negara Malaysia termaktub dalam Akta Bank Negara Malaysia 1958. Beberapa perundangan lain memperuntukkan pihak Bank dengan fungsi tambahan yang khusus. Secara keseluruhan, perundangan ini menetapkan struktur, pengaturan dan prosedur asas bagi tadbir urus dan perlakuan urusan Bank Negara Malaysia. Misi, aspirasi dan nilai-nilai bersama Bank juga bertindak sebagai prinsip panduan utama dalam tadbir urus.

Berdasarkan rangka kerja tadbir urus ini, 12 Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sepanjang tahun. Tambahan lagi, beberapa mesyuarat pegawai-pegawai kanan turut diadakan seperti yang berikut - empat Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Audit, 48 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan, empat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rizab, empat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko, lapan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari, empat Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Kestabilan Kewangan, dan dua Mesyuarat Kumpulan Kerja Dasar Sistem Pembayaran. Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia juga mengadakan dua taklimat kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bagi membentangkan penilaian Bank Negara Malaysia berkenaan sektor ekonomi dan kewangan, isu kewangan dan ekonomi yang penting, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Malaysia, dan cadangan dasar yang boleh diterima pakai.

Penganugerahan

Lembaga Pengarah berbesar hati merakamkan ucapan tahniah kepada Dr. Phang Hooi Eng, Ismail bin Alowi dan Cheong Kwok Yew, atas penganugerahan Johan Setia Mahkota (J.S.M), sempena sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong pada 5 Jun 2004.

Lembaga Pengarah juga merakamkan ucapan tahniah kepada Dato' Latifah Merican Cheong atas penganugerahan Darjah Setia Pangkuan Negara (D.S.P.N) sempena sambutan hari ulang tahun Yang Terutama Yang di Pertua Negeri Pulau Pinang pada 10 Julai 2004.

Lembaga Pengarah juga mengucapkan tahniah kepada Wong Puay Chen dan Rosli bin Sulong, masing-masing menerima anugerah Darjah Sri Melaka dan Pingat Khidmat Lama, sempena sambutan hari ulang tahun Yang di Pertuan Negeri Melaka pada 9 Oktober 2004.

Lembaga Pengarah juga merakamkan ucapan tahniah kepada Dato' Mohd Nor Mashor atas penganugerahan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) sempena

sambutan hari keputeraan Sultan Pahang Darul Makmur pada 24 Oktober 2004.

Sebagai sebahagian daripada program pengiktirafan, Bank Negara Malaysia menganugerahi 22 orang kakitangan atas kecermerlangan prestasi dan sumbangan yang diberikan melalui tujuh jenis kategori anugerah iaitu: Prestasi Cemerlang; Sukan; Perkhidmatan Berkualiti; Sosial; Pembangunan Profesional dan Pencapaian Akademik. Sebagai tambahan, dua pasukan telah menerima Anugerah Prestasi Pasukan Cemerlang. Kesemua anugerah itu disampaikan semasa Majlis Makan Malam Tahunan Bank pada 4 September 2004.

Persaraan

Lembaga Pengarah ingin merakam penghargaan dan terima kasih kepada 35 pesara yang setia dan berdedikasi

Jadual 12.1
Senarai Pesara

No	Nama	Jabatan/Cawangan
1	Datuk Zamani Bin Abdul Ghani	Pejabat Gabenor
2	Dato' Latifah Merican Cheong	Pejabat Gabenor
3	Cheong Kwok Yew	Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN
4	Chong Lily Teh	Komunikasi Korporat
5	Christopher Fernandez	Sistem Pembayaran
6	John Thomas a/l S Ebenezar	Biro Pengantaraan Kewangan
7	Looi Woon Leng	Ekonomi
8	Teo Kee Tian	Pengurusan Risiko
9	Woo Seok Hooi	Pengawalan Insurans
10	A. Rahman Bin Abdul Samad	Pengurusan Strategik
11	Chan Hon Wai	Perkhidmatan IT
12	Philip Aloysious Baptist	Perkhidmatan IT
13	Lim Pek Sim	Antarabangsa
14	Rohana Binti Yusoff	Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa
15	Sia Geok Hee	Harta dan Perkhidmatan
16	Yip Lai Yok	Pembangunan Sumber Manusia
17	Hasnah Binti Aziz	Pentadbiran Pertukaran Asing
18	Zainal Bin Kasa	ERF Sdn. Bhd.
19	Tan Chwee Hock	Penyeliaan Sistem Maklumat
20	Abdul Ghani Bin Mohd Yusoff	Pengurusan dan Operasi Matawang
21	Henry Arunkumar a/l Ponniah	Pengawalan Insurans
22	Hu Faik Seng	Penyeliaan Perbankan II
23	Rosna Binti Osman	Bank Negara Malaysia Kuala Terengganu
24	Abot Bin Abong	Bank Negara Malaysia Kuching
25	Arbaiah Binti Ahmad	Pejabat Gabenor
26	Ismail Bin Muhd. Nor	Perkhidmatan Korporat
27	Lim Chwee Neo	Perkhidmatan IT
28	Ismail Bin Che Teh	Keselamatan
29	Aziah Binti Maulud	Pengawalan Bank
30	Abdul Kadir Bin Aziz	Keselamatan
31	Hassan Bin Serah	Bank Negara Malaysia Kuching
32	Juanis Bin Edong	Bank Negara Malaysia Kota Kinabalu
33	Mohd Hilmey Mohd Said @ Jangkim Bin Tawayon	Bank Negara Malaysia Kota Kinabalu
34	Goh Hooi Choo	Bank Negara Malaysia Pulau Pinang
35	Khor Ah Eng	Bank Negara Malaysia Pulau Pinang

semasa berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia. Jadual 12.1 ialah senarai nama pesara pada tahun 2004.

Lembaga Pengarah juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Datuk Zamani bin Abdul Ghani atas perlantikan semula beliau sebagai Penolong Gabenor selepas persaraannya pada 19 Januari 2004 dan perlantikan beliau sebagai Timbalan Gabenor pada 16 Mei 2004.

PENGURUSAN RISIKO DI BANK NEGARA MALAYSIA

Sejajar dengan evolusi dalam amalan pengurusan risiko, pada tahun 2004, perhatian tertumpu pada keperluan untuk menilai semula dan mengukuhkan rangka kerja pengurusan risiko. Penilaian semula ini dibuat berpandukan kepada inisiatif yang telah diambil berasaskan rangka kerja yang menyediakan pengawasan bebas di peringkat penyeliaan dan operasi serta penetapan dasar dan proses yang selaras dengan amalan terbaik. Beberapa pembaikan telah diperkenalkan pada tahun 2004 dan akan dilaksanakan pada tahun 2005. Secara keseluruhan, Unit Pengurusan Risiko serta jabatan-jabatan terus memperkukuh kerjasama dengan tujuan untuk memastikan agar budaya pengurusan risiko sentiasa diterapkan dalam semua aspek usaha-usaha operasi dan usaha-usaha strategik.

Struktur Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko, badan tertinggi dalam struktur tadbir urus pengurusan risiko Bank Negara Malaysia merupakan forum utama bagi perbincangan terperinci dan berkala mengenai isu-isu risiko, dan memainkan peranan sebagai penggerak utama pengurusan risiko di Bank. Keperluan membuat laporan oleh jabatan-jabatan dan Unit Pengurusan Risiko kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dikekalkan bagi membolehkan pihak Jawatankuasa terus memberi hala tuju untuk menangani serta menguruskan risiko yang mungkin wujud dalam Bank.

Amalan Pengurusan Risiko

Dalam melaksanakan pengawasan ke atas pengurusan risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko menentukan dan membentuk piawai dan keperluan bagi memastikan langkah-langkah pengurusan risiko operasi dan strategik yang sesuai diterapkan dalam kesemua program, projek dan penggubalan dasar. Pada tahun 2004, Jawatankuasa tersebut meneruskan penilaian ke atas risiko-risiko, kawalan-kawalan dan isu-isu risiko di jabatan-jabatan. Ini bertujuan untuk memastikan Jawatankuasa Pengurusan Risiko sentiasa waspada dan bersedia dalam mengawasi profil risiko keseluruhan Bank serta isu-isu risiko berbangkit. Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga turut berbincang dengan jabatan-jabatan mengenai fokus dasar dan strategik masing-masing serta mencari pendekatan terbaik bagi menangani risiko sedia ada dan risiko yang bakal wujud. Di peringkat operasi, Ketua-ketua Jabatan diberi tanggungjawab terus untuk memastikan amalan pengurusan risiko diterapkan dalam operasi harian. Jabatan-jabatan terus membuat deklarasi tahunan kepada pihak Pengurusan tentang kajian semula profil risiko operasi mereka, dan menilai sama ada pengurusan risiko jabatan-jabatan tersebut adalah cukup memuaskan. Unit Pengurusan Risiko juga terus menyalurkan sokongan teknikal dan memainkan peranan penyelarasan dan pengawasan dengan membantu jabatan-jabatan dalam menyediakan laporan kepada pihak Pengurusan.

Walau bagaimanapun, bersesuaian dengan kematangan fungsi pengurusan risiko di Bank Negara Malaysia, peranan Unit Pengurusan Risiko telah dikaji semula dan diperkembangkan dalam tahun 2004 dengan memasukkan dua fungsi tambahan. Kini, Unit Pengurusan Risiko telah mula membuat penilaian bebas ke atas risiko-risiko di setiap jabatan sebagai pelengkap kepada pendekatan penilaian dalaman yang telah dibuat oleh jabatan-jabatan. Kedua, Unit Pengurusan Risiko juga akan menilai risiko organisasi yang boleh menjejaskan pencapaian sasaran dan objektif strategik Bank Negara Malaysia seperti yang terkandung dalam Peta Strategik Korporat. Menerusi penilaian ke atas pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab kritikal yang dijalankan oleh pihak Bank serta perbincangan dengan jabatan-jabatan berkaitan, isu-isu risiko organisasi akan dikenal pasti dan dinilai untuk pembentangan kepada pihak Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Gabungan ketiga-tiga penilaian tersebut dijangka dapat melahirkan pandangan berkaitan risiko yang menyeluruh dan berasaskan muafakat di Bank Negara Malaysia. Pendekatan ini dijangka dapat memperbaiki penjajaran organisasi serta memperkukuh kesalinghubungan secara keseluruhan di dalam Bank Negara Malaysia.

Risiko Dasar

Mekanisme penggubalan dasar di Bank Negara Malaysia dirangka dengan objektif untuk mencapai matlamat yang dikehendaki daripada dasar tersebut. Untuk tujuan ini, rangka kerja yang berstruktur sudah sedia ada bagi menguruskan risiko dasar di Bank. Rangka kerja ini merangkumi proses untuk perbincangan dan pertimbangan berkenaan segala isu berkaitan dasar, dari tahap pembentukan konsep, hingga ke tahap pembangunan dan pelaksanaan

dasar. Jawatankuasa di peringkat tinggi yang menerajui penggubalan dasar ialah Jawatankuasa Dasar Monetari, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan. Objektif bersama jawatankuasa-jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Gabenor ini adalah untuk membolehkan dan menyediakan platform bagi perbincangan dan perundingan di peringkat tinggi yang melibatkan berbagai-bagai jabatan tertentu bagi memastikan keteguhan dan keberkesanan dasar. Kumpulan Kerja Dasar yang dianggotai oleh Penolong-Penolong Gabenor dan pengarah-pengarah jabatan yang berkenaan merupakan komponen penting lain dalam rangka kerja dasar. Kumpulan ini mewakili perbincangan di peringkat kerja mengenai isu-isu berkaitan dasar.

Peraturan bagi mengurus operasi Kumpulan Kerja Dasar telah diperketat pada tahun 2004, dengan tumpuan diberikan pada penggunaan sumber tambahan bagi menjalankan analisis impak ke atas pihak berkepentingan, perspektif alternatif dan komunikasi awam. Ini dijangka dapat membaiki penyeliaan proses pembentukan dasar, lantas membolehkan Bank Negara Malaysia memastikan proses yang lebih menyeluruh, yang mengambil kira semua implikasi dan akibat terhadap pihak berkepentingan berhubung dengan pelaksanaan dasar.

Risiko Kewangan

Pihak *Middle Office* bertanggungjawab secara langsung dalam mengurus risiko kewangan Bank Negara Malaysia yang timbul daripada pengurusan rizab antarabangsa. Untuk memastikan pengurusan dan penilaian risiko yang konsisten di seluruh Bank, *Middle Office* bekerjasama rapat dengan Jabatan Audit Dalam dan Unit Pengurusan Risiko untuk memantau kepatuhan pada garis panduan pelaburan serta prosedur kredit dan operasi. Rangka kerja pengurusan risiko bagi aktiviti perbendaharaan terus berkembang selaras dengan perkembangan dalam aktiviti pengurusan rizab. Dengan peningkatan rizab yang berterusan, pengembangan pelaburan yang meluas, dan kemajuan dalam amalan pelaburan, pemantapan pengurusan risiko secara menyeluruh merupakan proses yang berterusan. Antara bidang yang menjadi fokus utama ialah peningkatan dalam pengkhususan, metodologi yang bertambah baik serta peningkatan dalam penilaian risiko, proses pemantauan dan infrastruktur sistem. Pendedahan dan latihan mengenai kerumitan pelbagai produk dan instrumen merupakan pendedahan dan latihan tetap kepada kakitangan *Front Office, Middle Office* dan *Back Office*. Oleh itu, pengurusan risiko kewangan bagi pengurusan rizab secara berhemat akan terus dijalankan dalam usaha mencari peluang pelaburan yang optimum.

Risiko Operasi

Secara tradisi, pendekatan pengurusan risiko operasi pihak Bank memerlukan pertanggungjawaban terhadap risiko, penilaian sendiri, kajian semula yang berterusan, laporan isu-isu risiko yang penting dan kebertanggungjawaban untuk meningkatkan kawalan dan penyelesaian isu yang dihadapi. Pada tahun 2004, rangka kerja ini terus dipertingkatkan. Menyedari keperluan untuk meningkatkan usaha dalam inisiatif nilai tambah, langkah-langkah telah diambil untuk mempertingkatkan pembabitan Unit Pengurusan Risiko dalam pengurusan risiko di jabatan-jabatan yang berkenaan. Oleh itu, Unit tersebut kini memainkan peranan yang lebih proaktif dan bertindak secara usaha sama dengan jabatan-jabatan, berbeza dengan fokus terdahulu yang hanya memainkan peranan penyelarasan dan pengawasan secara keseluruhan. Keselarasan usaha ini bertujuan untuk memastikan supaya risiko operasi tidak diberikan penekanan secara terlalu berlebihan agar tumpuan yang lebih dapat diberikan pada risiko strategik jangka panjang peringkat tinggi. Kerjasama rapat yang dijalin melalui pengaturan ini dijangka menghasilkan pengenalpastian dan penilaian risiko yang lebih tepat dan cekap seterusnya melahirkan pengurusan yang lebih baik. Ia dijangka dapat meliputi risiko-risiko yang menurut pandangan jabatan-jabatan berkemungkinan tidak akan wujud disebabkan kebiasaan dengan operasi.

Dengan ini, usaha sedang dijalankan untuk memperhalus peralatan risiko yang akan membantu menambah fokus yang sedia ada dan menaikkan taraf amalan pengurusan risiko ke tahap yang baru. Walaupun liputan keseluruhan akan bertambah, tujuan utama pengurusan risiko masih sama, iaitu untuk memastikan pemantauan berkala bagi membolehkan langkah-langkah pembetulan yang tepat dan lebih awal dalam semua bidang risiko dapat dilaksanakan.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Rangka kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di Bank Negara Malaysia yang dirangka bagi merancang, menyediakan, bertindak dan menguruskan sesuatu krisis bertujuan untuk membendung sebarang kemungkinan berlakunya gangguan kepada kestabilan monetari dan sistem kewangan, sama ada dalam bentuk fizikal (kerosakan sistem) atau bukan fizikal (krisis kewangan). Dua komponen peringkat tinggi bagi rangka kerja ini ialah Jawatankuasa Pengurusan Krisis dan Kumpulan Pengurusan Krisis, yang dipertanggungjawabkan secara bersama untuk

memastikan amalan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan sentiasa dipatuhi dan dilaksanakan dalam Bank. Jawatankuasa Pengurusan Krisis yang bertanggungjawab kepada Gabenor diterajui oleh seorang Timbalan Gabenor dan ini melambangkan pengiktirafan peringkat tertinggi yang diberikan kepada Program Kesinambungan Perniagaan yang dijalankan dalam Bank. Kumpulan Pengurusan Krisis dianggotai oleh semua Pengarah daripada jabatan yang dikenal pasti sebagai penting serta kumpulan sokongan. Ia bermesyuarat dua kali setahun untuk memaklumkan kepada ahli-ahli mengenai perkembangan terkini berkaitan pengaturan Kesinambungan Perniagaan Bank, amalan-amalan serta membincangkan isu-isu Kesinambungan Perniagaan yang berbangkit. Forum ini dapat membantu menyelaraskan rancangan pemulihan dan membolehkan kerjasama awal di kalangan semua jabatan yang penting untuk mewujudkan satu pengaturan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan yang bersepadu dan terselaras ke seluruh Bank.

Pada tahun 2004, selain daripada amalan mengendalikan ujian-ujian secara langsung yang lazim, Bank Negara Malaysia juga mengendalikan ujian secara langsung untuk satu tempoh masa yang lebih panjang. Ini bertujuan untuk melengkapi pihak Bank dan membolehkan penilaian berjadual dibuat ke atas keadaan ketersediaan pihak Bank dalam memastikan kemampuannya untuk bertindak apabila berlaku krisis.

BANK NEGARA MALAYSIA
Struktur Organisasi



Akaun Tahunan

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2004



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

Saya telah mengaudit penyata kewangan Bank Negara Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2004. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2004 dan hasil operasi untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
8 MAC 2005

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Oh Siew Nam, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2004 dan hasil kendaliannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

ZETI AKHTAR AZIZ

PENGERUSI

2 MAC 2005
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

OH SIEW NAM

PENGARAH

2 MAC 2005
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Abdul Aziz Abdul Manaf, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 2 Mac 2005.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No. W080
Nama:
ISMAIL BIN IBRAHIM
MALAYSIA

28th Floor, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

Bank Negara Malaysia

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2004

	Nota	2004 RM	2003 RM
ASET			
Emas dan Pertukaran Asing	3	249,704,108,859	166,139,324,237
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa		3,068,374,430	3,652,006,672
Milikan Hak Pengeluaran Khas		765,326,109	684,961,188
Kertas Kerajaan Malaysia	4	221,100,747	98,521,225
Deposit dengan Institusi Kewangan		2,887,524,750	2,893,714,989
Pinjaman dan Pendahuluan	5	10,637,048,634	8,946,108,379
Aset-aset Lain	6	17,570,435,602	18,418,020,354
Jumlah Aset		**284,853,919,131**	**200,832,657,044**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		32,353,945,724	29,445,445,674
Deposit: Bank Perdagangan, Syarikat Kewangan dan Bank Saudagar		124,709,136,071	98,498,572,386
Kerajaan Persekutuan		25,704,665,762	4,905,179,432
Deposit-deposit Lain	7	4,884,385,498	6,312,202,946
Kertas Bank Negara		16,877,443,819	13,385,045,306
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	8	820,579,258	785,160,395
Liabiliti-liabiliti Lain	9	27,843,305,494	5,093,884,077
Jumlah Liabiliti		233,193,461,626	158,425,490,216
Modal Dibenar RM200,000,000			
Modal Dibayar	10	100,000,000	100,000,000
Kumpulan Wang Rizab Am	11	6,742,117,315	5,864,876,290
Rizab-rizab Lain	12	44,818,340,190	36,442,290,538
Jumlah Modal		51,660,457,505	42,407,166,828
Jumlah Liabiliti dan Modal		**284,853,919,131**	**200,832,657,044**

Akaun Pengagihan Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2004

	2004 RM	2003 RM
Keuntungan Bersih	**2,077,241,025**	**1,465,912,449**
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am	877,241,025	465,912,449
Amaun akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan	1,200,000,000	1,000,000,000
	2,077,241,025	**1,465,912,449**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan - 31 Disember 2004

1. **Aktiviti Utama Bank**

Peranan dan tanggungjawab utama Bank adalah seperti berikut:

(a) mencapai kestabilan monetari;
(b) menggalakkan sebuah sistem kewangan yang stabil;
(c) memastikan sebuah sistem pembayaran yang efisien;
(d) mengeluarkan mata wang di dalam Malaysia; dan
(e) bertindak sebagai juru bank dan penasihat kewangan kepada Kerajaan Persekutuan.

2. **Dasar Perakaunan**

(a) **Emas, Sekuriti dan Pelaburan**

Emas, sekuriti dan pelaburan dinyatakan pada kos dan peruntukan telah dibuat untuk penyusutan nilai pada 31 Disember 2004.

(b) **Pertukaran Mata Wang Asing**

Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira. Urus niaga dalam mata wang asing di sepanjang tahun telah ditukarkan kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh nilai.

Rizab Antarabangsa yang terdiri daripada Emas dan Pertukaran Asing, Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa dan Milikan Hak Pengeluaran Khas pada 31 Disember 2004 adalah sejumlah RM253,537.8 juta bersamaan dengan AS$66,720.5 juta.

(c) **Perjanjian Repo dan Repo Berbalik**

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah 'Liabiliti-liabiliti Lain'. Amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah 'Aset-aset Lain'. Perbezaan di antara amaun diterima dan dibayar di bawah perjanjian repo dan repo berbalik, masing-masing diiktiraf sebagai perbelanjaan dan pendapatan faedah mengikut kaedah garis lurus.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2004 RM	2003 RM
Sekuriti Asing	172,451,464,614	131,488,613,346
Deposit Asing	55,869,780,871	20,113,541,612
Baki di Bank Pusat Asing, Bank for International Settlements (BIS) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)	6,307,319,881	2,510,527,105
Lain-lain	15,075,543,493	12,026,642,174
	249,704,108,859	166,139,324,237

4. **Kertas Kerajaan Malaysia**

	2004 RM	2003 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	221,100,747	98,521,225

5. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Sebahagian besar daripada pinjaman dan pendahuluan ini terdiri daripada amaun yang didahulukan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah seksyen 30(1) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

6. **Aset-aset Lain**
Aset-aset lain termasuk pelaburan di dalam saham dan bon sejumlah RM17,458,726,486 yang dibeli di bawah seksyen 30(1)(j) dan seksyen 30(1)(oo)(i) Akta Bank Negara Malaysia 1958.

7. **Deposit-deposit Lain**
Sebahagian besar daripada deposit ini adalah deposit dari Badan Berkanun Persekutuan.

8. **Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**
Negara-negara ahli IMF diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (SDR) berasaskan kepada yuran mereka kepada IMF. Peruntukan ini merupakan satu liabiliti Bank yang tidak aktif terhadap IMF, di mana aset diterima dalam bentuk SDR dari IMF. Jumlah bersih terkumpul peruntukan ini adalah sejumlah RM820,579,258 bersamaan dengan SDR139,048,000.

9. **Liabiliti-liabiliti Lain**
Sebahagian besar liabiliti-liabiliti lain terdiri daripada amaun yang dipinjam daripada institusi perbankan berlesen di bawah perjanjian repo dan akaun belum bayar.

10. **Modal Dibayar**
Kesemua modal yang dikeluarkan dan dibayar penuh sejumlah RM100 juta dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

11. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2004 RM	2003 RM
Pada 1 Januari	5,864,876,290	5,398,963,841
Pindahan daripada Keuntungan Bersih	877,241,025	465,912,449
Pada 31 Disember	6,742,117,315	5,864,876,290

12. **Rizab-rizab Lain**
Rizab-rizab lain terdiri daripada Rizab Turun Naik Kadar Pertukaran dan Rizab Luar Jangka.

13. **Liabiliti Luar Jangka**
Jumlah liabiliti luar jangka pada 31 Disember 2004 adalah RM5,841,794,611. Ia terdiri daripada:
(a) amaun RM5,775,403,749 yang merupakan kewajipan Bank untuk membayar dengan sepenuhnya jumlah kuota Malaysia dalam IMF di bawah Artikel Persetujuan dalam SDR atau mata wang lain yang boleh ditukarkan; dan

(b) amaun RM66,390,862 yang merupakan kewajipan Bank untuk membayar bahagian yang belum dipanggil terhadap 3,000 unit saham yang dipegang di dalam BIS. Jumlah tersebut adalah berdasarkan pada nilai nominal (SDR5,000) bahagian yang belum dipanggil tersebut dan kadar pertukaran SDR seperti pada tarikh kunci kira-kira.

14. **Cukai Pendapatan**
Bank dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang dihuraikan di dalam Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) Perintah 1989.

Tambahan

Kandungan

1. Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing
2. Tabung-tabung Yang Ditadbirkan/Dibiayai Oleh Bank Negara Malaysia: Pengagihan Dana
3. Institusi Perbankan Berlesen (pada 31 Disember 2004)
4. Institusi Kewangan yang menawarkan Perkhidmatan Perbankan Islam (pada 31 Disember 2004)
5. Ahli Majlis Penasihat Syariah untuk Perbankan Islam dan Takaful Sesi 2004-2006

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Bab 1:Ekonomi Malaysia pada Tahun 2004

A.1 Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 1987
A.2 Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (1993=100)
A.3 Pengeluaran Komoditi Utama
A.4 KNK Mengikut Agregat Permintaan
A.5 Jurang Tabungan-Pelaburan
A.6 Imbangan Pembayaran
A.7 Pasaran Utama Eksport Barangan Perkilangan
A.8 Pasaran Utama Eksport Elektronik
A.9 Pasaran Utama Eksport Barangan Elektrik
A.10 Pasaran Utama Eksport Bahan Kimia dan Keluaran Kimia
A.11 Pasaran Utama Eksport Keluaran Logam
A.12 Pasaran Utama Eksport Peralatan Optikal dan Saintifik
A.13 Pasaran Utama Eksport Keluaran Petroleum
A.14 Harga Eksport Komoditi Utama
A.15 Pasaran Eksport Utama Minyak Sawit
A.16 Pasaran Eksport Utama Getah
A.17 Pasaran Eksport Utama Kayu Balak
A.18 Pasaran Eksport Utama Kayu Siap Digergaji
A.19 Pasaran Eksport Utama Minyak Mentah
A.20 Pasaran Eksport Utama Gas Asli Cecair
A.21 Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang
A.22 Pelaburan Luar Negeri Kasar mengikut Negara
A.23 Sub-Kumpulan Indeks Harga Pengguna (2000=100) bagi Makanan
A.24 Indeks Harga Pengeluar (1989=100)
A.25 Bekalan Baru Ruang Pejabat Dibina Khas dan Ruang Perniagaan di Malaysia
A.26 Purata Sewa Bulanan Ruang Pejabat dan Perniagaan Utama di Lembah Klang

Bab 2: Perkembangan Kewangan dan Fiskal

A.27 Wang Secara Luas (M3)
A.28 Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan Tahunan
A.29 Kadar Faedah (%)
A.30 Kewangan Sektor Awam Disatukan

Bab 3: Prospek dan Dasar

A.31 Negara-negara Perindustrian Utama: Penunjuk Ekonomi Utama
A.32 Asia Timur: Penunjuk Ekonomi Utama

Bab 4: Sistem Kewangan

A.33 Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

Bab 5: Sistem Perbankan

A.34 Bank Perdagangan: Komitmen dan Kontingensi
A.35 Syarikat Kewangan: Komitmen dan Kontingensi
A.36 Bank Saudagar: Komitmen dan Kontingensi
A.37 Bank Perdagangan: Pendapatan dan Perbelanjaan
A.38 Syarikat Kewangan: Pendapatan dan Perbelanjaan
A.39 Bank Saudagar: Pendapatan dan Perbelanjaan
A.40 Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan: Garis Panduan Pemberian Pinjaman Kepada Sektor Keutamaan
A.41 Bank Perdagangan: Haluan Pinjaman
A.42 Syarikat Kewangan: Haluan Pinjaman
A.43 Bank Saudagar: Haluan Pinjaman
A.44 Bank Perdagangan: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor
A.45 Syarikat Kewangan: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor
A.46 Bank Saudagar: Pinjaman Tidak Berbayar Mengikut Sektor
A.47 Sistem Perbankan: Penunjuk Terpilih
A.48 Sistem Perbankan: Data Utama
A.49 Institusi Kredit Perumahan
A.50 Kredit Perumahan yang Belum Dijelaskan
A.51 Pinjaman Perumahan yang Diluluskan

Bab 6: Sistem Kewangan Islam

A.52 Institusi Kewangan Islam: Cawangan/Kaunter
A.53 Sistem Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana
A.54 Sistem Perbankan Islam: Komitmen dan Kontingensi
A.55 Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan
A.56 Sistem Perbankan Islam: Aktiviti Pembiayaan
A.57 Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan Industri Kecil dan Sederhana
A.58 Sistem Perbankan Islam: Haluan Pembiayaan
A.59 Sistem Perbankan Islam : Pembiayaan Tidak Berbayar mengikut Sektor
A.60 Sistem Perbankan Islam: Deposit mengikut Jenis dan Institusi

Bab 7: Institusi Kewangan Pembangunan

A.61 Institusi Kewangan Pembangunan: Sumber dan Kegunaan Dana
A.62 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Sumber dan Kegunaan Dana
A.63 Institusi Kewangan Pembangunan: Haluan Pinjaman
A.64 Institusi Kewangan Pembangunan di bawah AIKP: Haluan Pinjaman
A.65 Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad
A.66 Export-Import Bank of Malaysia Berhad
A.67 Malaysia Export Credit Insurance Berhad
A.68 Bank Simpanan Nasional
A.69 Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
A.70 Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad
A.71 Bank Pertanian Malaysia
A.72 Institusi Kewangan Pembangunan Lain: Aktiviti Utama
A.73 Institusi Kewangan Pembangunan: Data Terpilih
A.74 Institusi Kewangan Pembangunan: Dana Khas Kerajaan
A.75 Institusi Kewangan Pembangunan: Dana Bank Negara Malaysia
A.76 Institusi Kewangan Pembangunan: Dana daripada Agensi Pelbagai Hala dan Antarabangsa

Bab 8: Institusi-institusi Kewangan yang Lain

A.77 Syarikat Pemajakan: Sumber dan Kegunaan Dana
A.78 Syarikat Pemajakan: Pendapatan dan Perbelanjaan
A.79 Syarikat Pemajakan: Pembiayaan Mengikut Sektor
A.80 Syarikat Pemfaktoran: Sumber dan Kegunaan Dana

A.81 Syarikat Pemfaktoran: Pendapatan dan Perbelanjaan
A.82 Syarikat Pemfaktoran: Pembiayaan Mengikut Sektor
A.83 Koperasi Kredit Bandar

Bab 9: Pasaran Kewangan

A.84 Sekuriti Hutang Pasaran Modal: Jumlah Terkumpul

Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran asing telah diliberalisasikan dan dipermudahkan lagi pada bulan April 2004 (sila rujuk kepada Rencana: "Liberalisasi dan Pemudahan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing" dalam Bab 3). Semua peraturan terus dilaksanakan secara seragam untuk urus niaga dengan semua negara kecuali Israel, Serbia dan Montenegro di mana sekatan khas dikenakan. Peraturan pentadbiran pertukaran asing juga dilaksanakan berdasarkan keperluan untuk mencegah pengubahan wang haram serta pembiayaan kewangan oleh pengganas melalui sistem perbankan Malaysia. Dengan perubahan-perubahan yang terbaru, berikut adalah peraturan-peraturan yang berkaitan dengan urus niaga pertukaran asing:

I Urus Niaga Akaun Semasa

(a) Pembayaran untuk Import Barangan dan Perkhidmatan

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pembayaran kepada bukan pemastautin untuk pengimportan barangan dan perkhidmatan. Pembayaran sedemikian mestilah dibuat dalam mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pemastautin untuk mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan atau bank saudagar yang diluluskan untuk membeli mata wang asing dengan ringgit untuk membuat pembayaran import daripada bukan pemastautin.

(b) Perolehan daripada Eksport Barangan (Perolehan Eksport)

- Semua perolehan eksport mestilah dihantar balik ke Malaysia mengikut jadual pembayaran seperti yang tercatat dalam kontrak jualan, di mana ia tidak boleh melebihi enam bulan dari tarikh eksport.

- Perolehan eksport mestilah diterima dalam mata wang asing dan ditukar kepada ringgit atau disimpan dalam akaun mata wang asing eksport dengan bank berlesen tempatan. Had jumlah keseluruhan semalaman adalah di antara AS$30 juta dan AS$100 juta berdasarkan jumlah purata bulanan perolehan eksport. Had yang lebih tinggi boleh dibenarkan berdasarkan kes-kes tertentu.

- Pemastautin dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk menjual mata wang asing dari perolehan eksport untuk ringgit atau mata wang asing yang lain, tertakluk kepada tempoh matang kontrak hadapan tersebut tidak melebihi enam bulan selepas tarikh eksport.

- Hanya pengeksport pemastautin dengan jumlah kasar eksport melebihi bersamaan RM50 juta setahun perlu mengemukakan laporan suku tahunan kepada Pengawal Pertukaran Wang Asing (Pengawal).

(c) Import dan Eksport Mata Wang oleh Pengembara

- Pengimportan dan pengeksportan mata wang ringgit sehingga RM1,000, termasuk mata wang ringgit RM1,000 dan RM500 yang telah dinyahnilaikan, dan pengeksportan mata wang asing sehingga nilai bersamaan RM10,000 oleh pemastautin adalah dibenarkan. Pengembara pemastautin perlu memperolehi kebenaran daripada Pengawal dan mengisytiharkan dalam Borang Perisytiharan Pengembara (TDF) apabila:

  - Membawa ke dalam atau ke luar negeri, mata wang ringgit melebihi RM1,000.

  - Membawa ke luar negeri, mata wang asing termasuk cek kembara, melebihi nilai bersamaan RM10,000.

  Kebenaran boleh diberi dalam tempoh satu hari dari tarikh permohonan.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas bukan pemastautin untuk membawa masuk ke dalam negara sebarang amaun mata wang asing dan/atau cek kembara. Pengisytiharan dalam Kad Keluar/Masuk (IMM.26) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen hanya diperlukan untuk amaun melebihi bersamaan AS$2,500.

- Bukan pemastautin perlu memperolehi kebenaran daripada Pengawal sekiranya jumlah mata wang asing yang dibawa ke luar negeri melebihi jumlah yang dibawa masuk ke dalam Malaysia, tertakluk kepada jumlah yang dibawa ke luar negeri melebihi jumlah bersamaan AS$2,500.

- Bukan pemastautin dikehendaki memperolehi kebenaran daripada Pengawal dan mengisytiharkan mata wang ringgit melebihi RM1,000 yang dibawa ke dalam atau ke luar Malaysia.

II Urus Niaga Akaun Modal

(a) Pelaburan Langsung Asing

- Pelabur langsung asing adalah bebas untuk menghantar balik pelaburan mereka, termasuk modal, keuntungan, dividen, faedah dan pendapatan sewa.

(b) Pelaburan Luar Negeri oleh Pemastautin

- Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan dibenarkan melabur ke luar negeri selagi mereka mematuhi Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983 serta had kedudukan terbuka bersih mata wang asing yang diluluskan masing-masing. Pengiriman untuk pelaburan ke luar negeri mesti dibuat dalam mata wang asing.

- Pemastautin, selain daripada bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan, dikehendaki memperolehi kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal untuk menghantar dana yang melebihi nilai bersamaan RM10,000 bagi tujuan pelaburan di luar negeri. Pertimbangan ke atas permohonan akan diberi berdasarkan kriteria yang telus.

- Bagaimanapun, individu pemastautin dibenarkan melabur dalam mata wang asing sebarang jumlah dalam sekuriti di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja yang ditawarkan oleh syarikat induk majikannya atau syarikat berkaitan di luar negeri.

- Individu pemastautin yang bekerja atau tinggal di luar negeri dan mempunyai dana mata wang asing yang disumberkan dari luar negeri dibenarkan melabur dalam sebarang aset mata wang asing, termasuk yang ditawarkan oleh bank berlesen tempatan dan bank berlesen luar pesisir di Labuan.

- Syarikat pengurusan amanah saham tempatan boleh melabur ke luar negeri sehingga keseluruhan jumlah Nilai Aset Bersih (NAV) bagi setiap dana yang dilanggani oleh bukan pemastautin dan sehingga 10% daripada NAV bagi setiap dana yang dilanggani oleh pemastautin. Dana-dana yang berlainan daripada syarikat pengurusan yang sama atau daripada syarikat yang berlainan ini boleh juga digabungkan bagi mendapat manfaat ekonomi ikut bidangan apabila melabur ke luar negeri. Pelaburan tersebut perlu sejajar dengan garis panduan berhemat Suruhanjaya Sekuriti.

- Syarikat insurans dan pengendali takaful pemastautin boleh melabur ke luar negeri masing-masing sehingga 5% daripada Margin Kesolvenan (MOS) dan sehingga 5% daripada jumlah keseluruhan aset mereka.

- Selain itu, syarikat insurans dan pengendali takaful juga dibenarkan membuat pelaburan ke luar negeri sehingga 10% daripada NAV dana yang berkaitan pelaburan yang dipasarkan oleh mereka. Pelaburan ini perlu memenuhi peraturan berhemat insurans dan takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

- Pengurus dana/aset boleh membuat pelaburan ke luar negeri sehingga keseluruhan jumlah dana pelaburan pelanggan bukan pemastautin dan sehingga 10% daripada dana pelaburan pelanggan pemastautin. Dana-dana daripada syarikat yang berlainan boleh digabungkan bagi mendapat manfaat ekonomi ikut bidangan apabila melabur ke luar negeri. Pelaburan yang dibuat tersebut hendaklah berdasarkan mandat pelanggan mereka serta mematuhi panduan berhemat Suruhanjaya Sekuriti.

(c) Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing oleh Pemastautin

- Pemastautin dibenarkan memperolehi kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah agregat bersamaan RM5 juta daripada bank berlesen tempatan, bank saudagar berlesen tempatan dan bukan pemastautin. Sebarang pinjaman yang melebihi had tersebut perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal. Sekiranya jumlah agregat melebihi bersamaan RM1 juta, pemastautin perlu memberi maklumat mengenai kemudahan kredit berkenaan kepada Pengawal.

- Pemastautin juga boleh memperolehi sebarang amaun kemudahan kredit perdagangan dalam mata wang asing daripada bank berlesen tempatan dan bank saudagar berlesen tempatan tertakluk kepada syarat tempoh kemudahan kredit tersebut tidak melebihi 12 bulan.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pembayaran balik kemudahan kredit yang diperolehi daripada bukan pemastautin selagi kemudahan kredit tersebut diperolehi selaras dengan peraturan pentadbiran pertukaran asing yang berkaitan.

(d) Kemudahan Kredit kepada Bukan Pemastautin Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing

- Bank berlesen tempatan boleh memberi kemudahan kredit dalam mata wang asing kepada bukan pemastautin untuk sebarang tujuan. Bagaimanapun, kemudahan kredit untuk membiayai pembelian atau pembinaan harta tanah di Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang sama untuk kemudahan kredit dalam ringgit seperti tersebut di bawah.

Kemudahan Kredit dalam Ringgit

- Pemastautin bukan bank dibenarkan untuk memberi kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin tidak melebihi jumlah agregat RM10,000.

- Syarikat broker saham pemastautin dibenarkan untuk memberi kemudahan pembiayaan margin kepada pelanggan bukan pemastautin untuk pembelian saham yang disenaraikan di *Malaysia Securities Exchange Berhad* (MSEB), dengan syarat mereka mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh MSEB.

- Bank berlesen tempatan dibenarkan memberi kemudahan pembiayaan overdraf semalaman tidak melebihi jumlah agregat RM200 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin atau bank kustodian bukan pemastautin. Kemudahan ini adalah hanya untuk membiayai jurang masa pendanaan untuk penyelesaian pembelian sekuriti di MSEB yang disebabkan oleh kesilapan teknikal atau yang tidak dijangkakan/dielakkan, atau kelewatan kerana zon masa yang berlainan.

- Pemastautin, bank atau bukan bank, dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam ringgit sehingga tiga pinjaman harta tanah kepada bukan pemastautin untuk pembiayaan/pembiayaan semula pembelian atau pembinaan harta tanah di Malaysia, tidak termasuk pembelian tanah sahaja, tertakluk kepada panduan penilaian kredit dalaman masing-masing. Semua pembelian harta tanah adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Maklumat lanjut mengenai garis panduan tersebut boleh diperolehi di http://www.epu.jpm.my/.

- Selain itu, institusi perbankan boleh memberi kemudahan kredit dalam mata wang ringgit sehingga had agregat RM10 juta kepada bukan pemastautin (tidak termasuk syarikat broker saham, bank kustodian dan bank koresponden) bagi sebarang tujuan untuk kegunaan di Malaysia, selain daripada untuk membiayai pembelian atau pembinaan harta tanah.

  Kebenaran Pengawal perlu diperolehi bagi pemberian kemudahan kredit yang melebihi had agregat yang dibenarkan.

Swap/Kontrak Tukaran Hadapan

- Bank berlesen tempatan adalah dibenarkan untuk–

  (i) Mengikat kontrak swap mata wang jangka pendek dengan broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian bukan pemastautin untuk memudahkan pembayaran bagi pembelian saham di MSEB; dan

  (ii) Mengikat kontrak tukaran hadapan sehala untuk menjual ringgit dengan bukan pemastautin untuk tujuan yang sama.

  Kebenaran di atas adalah tertakluk kepada syarat bahawa kontrak tersebut mestilah berdasarkan komitmen yang sah dan bukan berdasarkan pembelian yang dijangkakan. Tempoh kontrak yang dibenarkan adalah sehingga tiga hari perniagaan tanpa pilihan untuk memanjangkan jangka masa kontrak.

- Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan juga dibenarkan untuk mengikat kontrak tukaran hadapan mata wang asing dengan pemastautin untuk membeli sebarang penerimaan mata wang asing terhadap ringgit sehingga tempoh sah urus niaga asas, tertakluk kepada syarat urus niaga tersebut berdasarkan komitmen yang sah untuk menerima mata wang asing tersebut.

- Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan juga boleh mengikat kontrak tukaran hadapan dengan pemastautin untuk membeli mata wang asing yang belum diterima oleh pemastautin tersebut untuk mata wang asing yang lain sehingga tempoh sah urus niaga asas, tertakluk kepada syarat urus niaga tersebut disokong oleh komitmen yang sah.

- Untuk pembelian hadapan perolehan eksport, tarikh matang kontrak tukaran hadapan mata wang asing mestilah tidak melebihi enam bulan selepas tarikh eksport.

- Untuk kontrak tukaran hadapan mata wang asing yang melibatkan dua mata wang asing, penggunaan atau penyimpanan mata wang asing yang dibeli mestilah mematuhi peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa.

- Bank berlesen tempatan, bank saudagar yang diluluskan dan bank berlesen luar pesisir di Labuan dibenarkan mengikat swap kadar faedah dengan pemastautin, tertakluk kepada syarat urus niaga tersebut disokong oleh komitmen yang sah.

- Syarikat pemastautin yang telah menjual hadapan mata wang asing belum diterima untuk ringgit, dibenarkan menyimpan untuk sementara waktu penerimaan mata wang asing yang diterima sebelum tarikh matang kontrak tukaran hadapan, dalam akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan sehingga tempoh kontrak tukaran hadapan mata wang asing tersebut matang.

- Bank Pembangunan Pelbagai Hala (MDB) yang Malaysia adalah ahlinya, dan syarikat multinasional asing (MNC) yang ingin mengikat kontrak hadapan mata wang asing dengan bank berlesen tempatan bagi lindung nilai risiko mata wang asing berikutan penerbitan bon dalam mata wang ringgit akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes.

- Bank berlesen tempatan dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bukan pemastautin yang melabur dalam bon mata wang ringgit yang diterbitkan oleh MDB dan MNC untuk lindung nilai risiko mata wang mereka berikutan pelaburan dalam bon tersebut.

(e) Pelaburan Portfolio

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pelabur portfolio bukan pemastautin untuk menghantar ke luar negeri modal dan keuntungan pelaburan mereka pada bila-bila masa.

III Kemudahan Kredit dalam Ringgit kepada Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pemastautin, termasuk institusi perbankan di Malaysia yang dimiliki oleh bukan pemastautin, untuk memberi kemudahan kredit dalam ringgit kepada Syarikat yang Dikuasai oleh Bukan Pemastautin (NRCC) yang beroperasi di Malaysia sehingga had agregat RM50 juta bagi setiap kumpulan syarikat atau entiti berasingan dan sebarang jumlah kemudahan kredit pembiayaan perdagangan jangka pendek yang tidak melebihi 12 bulan. Pemastautin perlu mendapat kebenaran daripada Pengawal untuk memberi kemudahan kredit ringgit kepada NRCC melebihi jumlah agregat RM50 juta. NRCC perlu mematuhi nisbah penggearan 3:1 di antara kelayakan dana modal syarikat dan jumlah pinjaman hanya untuk amaun yang melebihi RM50 juta. Penggearan yang lebih tinggi boleh dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes.

IV Terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam Ringgit

- Pemastautin dibenarkan untuk memperolehi kredit tempatan melalui terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam ringgit tanpa mengira jumlah, tertakluk kepada perolehan tersebut tidak digunakan untuk membiayai pelaburan luar negeri dan/atau membiayai semula pinjaman luar negeri. Terbitan Sekuriti Hutang Swasta mestilah mematuhi Garis Panduan Kawalan Pertukaran Asing bagi Sekuriti Hutang Swasta. Amaun yang diterbitkan akan dikira sebagai sebahagian daripada jumlah keseluruhan kemudahan kredit tempatan NRCC tersebut dan peraturan nisbah penggearan 3:1 dipatuhi.

- Permohonan untuk penerbitan bon di dalam mata wang ringgit di Malaysia oleh MDB yang Malaysia adalah ahlinya, dan MNC akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes.

V Akaun Mata Wang Asing Pemastautin

- Pengeksport pemastautin dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan untuk menyimpan perolehan eksport dalam mata wang asing di antara AS$30 juta dan AS$100 juta, berdasarkan jumlah purata bulanan perolehan eksport mereka.

- Had agregat semalaman yang dibenarkan adalah seperti berikut –

Purata Bulanan Perolehan Eksport	Had Agregat Semalaman (AS$ juta)
Melebihi RM100 juta	100
Melebihi RM50 juta sehingga RM100 juta	60
Sehingga RM50 juta atau untuk pengeksport baru	30

- Selain itu, pengeksport pemastautin diberi pilihan untuk menggabungkan akaun mata wang asing eksport dan bukan eksport sejajar dengan had semalaman yang dikenakan ke atas akaun mata wang asing eksport.

- Syarikat pemastautin yang mempunyai atau tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dibenarkan membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan bagi menyimpan penerimaan mata wang asing, selain daripada perolehan daripada eksport barangan, tanpa sebarang had semalaman.

- Syarikat pemastautin yang mempunyai atau tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dibenarkan membuka akaun mata wang asing untuk menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport barangan, sehingga had agregat semalaman sebanyak AS$500,000 dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan.

- Syarikat pemastautin juga dibenarkan menyimpan untuk sementara waktu, dalam akaun mata wang asingnya, perolehan mata wang asing yang telah dijual ke hadapan bagi mendapatkan ringgit yang diterima sebelum tarikh matang kontrak tukaran hadapan tersebut.

- Individu pemastautin juga dibenarkan membuka akaun mata wang asing semata-mata untuk tujuan pelajaran dan bekerja di luar negeri sehingga had agregat semalaman berikut –

  (i) AS$150,000 dengan bank berlesen tempatan;
  (ii) AS$150,000 dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan; dan
  (iii) AS$50,000 dengan bank di luar negeri.

- Individu pemastautin yang mempunyai dana mata wang asing di luar negeri dibenarkan untuk menyelenggara akaun mata wang asing dalam atau luar negeri tanpa had semalaman dikenakan ke atas baki dalam akaun tersebut.

- Individu pemastautin di Malaysia yang mempunyai dana mata wang asing bebas melabur dalam sebarang produk mata wang asing yang ditawarkan oleh bank berlesen tempatan.

VI Akaun Mata Wang Asing Bukan Pemastautin

- Bank berlesen tempatan dan bank saudagar tempatan dibenarkan untuk membuka akaun mata wang asing untuk bukan pemastautin.

- Tidak ada had dikenakan ke atas akaun mata wang asing yang diselenggarakan oleh bukan pemastautin dan tidak ada sekatan juga dikenakan atas kemasukan dan pengeluaran dana melalui akaun mata wang asing milik bukan pemastautin.

VII Akaun Luaran Bukan Pemastautin

- Institusi kewangan dibenarkan membuka akaun dalam ringgit yang dikenali sebagai Akaun Luaran untuk bukan pemastautin. Tidak ada had semalaman dikenakan ke atas Akaun Luaran. Bukan pemastautin boleh mengeluarkan sebarang jumlah mata wang ringgit secara tunai daripada Akaun Luaran.

- Bukan pemastautin dibenarkan menggunakan dana ringgit di dalam Akaun Luaran untuk tujuan berikut –

  - Membeli mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro;

  - Membeli aset ringgit di Malaysia;

  - Bayaran untuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan di Malaysia untuk kegunaan sendiri;

  - Bayaran untuk perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia;

  - Bayaran untuk jaminan bukan kewangan (di mana pemegang Akaun Luaran membuat bayaran ke atas jaminan bukan kewangan yang dipanggil);

  - Pemberian pinjaman atau pendahuluan dalam ringgit kepada pekerja di Malaysia, mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Bayaran balik kemudahan kredit dalam ringgit yang telah dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Bayaran kepada penerima pemastautin bagi sebarang tujuan kecuali yang berikut –

    ▶ Bayaran untuk import barangan dan perkhidmatan;

    ▶ Pemberian kemudahan kredit dalam ringgit kepada pemastautin selain daripada kemudahan kredit yang dibenarkan oleh Pengawal;

    ▶ Bayaran penyelesaian jaminan kewangan; dan

    ▶ Bayaran bagi pihak ketiga.

- Sumber dana bagi Akaun Luaran ringgit tersebut boleh diperolehi daripada –

  - Penjualan mata wang asing kecuali mata wang Israel, Serbia dan Montenegro;

  - Penjualan aset ringgit;

  - Semua pendapatan di Malaysia termasuk gaji, upah, royalti, komisen, yuran, sewa, faedah, keuntungan atau dividen;

  - Dana dari kemudahan kredit dalam ringgit yang dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Dana dari pembayaran balik kemudahan kredit dalam ringgit yang dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;

  - Pemindahan dana daripada:

    ▶ Akaun Luaran lain kepunyaan pemegang akaun yang sama tanpa had;

    ▶ Akaun Luaran lain dan/atau Akaun Pemastautin pemegang akaun yang berlainan melalui –

      o Pemindahan Mesin Teler Otomatik (ATM) sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/syarikat, setiap hari dan bagi setiap bank untuk sebarang tujuan.

      o Pemindahan bank melalui internet sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/syarikat, setiap hari dan bagi setiap bank untuk sebarang tujuan.

  - Deposit tunai ringgit yang tidak melebihi jumlah agregat RM10,000 sehari; dan

  - Deposit cek di mana nilai setiap cek tidak melebihi RM5,000 untuk sebarang tujuan.

- Dana ringgit dalam Akaun Luaran boleh ditukar kepada mata wang asing dan dihantar balik atau digunakan di Malaysia untuk tujuan yang dibenarkan.

- Tidak ada sekatan dikenakan ke atas operasi Akaun Luaran bukan pemastautin yang bekerja atau belajar di Malaysia (termasuk pasangan, anak dan/atau ibu bapa yang tinggal di Malaysia), bank-bank pusat, kedutaan, konsulat, suruhanjaya tinggi dan organisasi-organisasi supranasional atau antarabangsa yang diperakui oleh Kerajaan Malaysia. Individu atau organisasi yang tersebut di atas boleh menggunakan Akaun Luaran untuk sebarang tujuan termasuk tujuan yang dibenarkan seperti di atas.

VIII Taraf Istimewa Yang Diberikan kepada Syarikat-Syarikat Terpilih

(a) Entiti-entiti Luar Pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan

- Entiti yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan adalah diisytiharkan sebagai bukan pemastautin bagi tujuan pentadbiran pertukaran asing.

- Entiti luar pesisir adalah bebas untuk menjalankan urus niaga dengan bukan pemastautin dalam mata wang asing selain daripada mata wang Israel, Serbia dan Montenegro.

- Semua entiti luar pesisir adalah bebas untuk menyelenggarakan Akaun Luaran dengan bank pemastautin bagi memudahkan pembayaran perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia.

  Entiti insurans luar pesisir di Labuan juga dibenarkan menggunakan Akaun Luaran mereka untuk penerimaan premium insurans dan pembayaran tuntutan dari perniagaan insurans dan penginsurans semula perniagaan insurans tempatan.

- Bank berlesen luar pesisir di Labuan dibenarkan menerima pembayaran dalam ringgit dari pemastautin yang merupakan hasil daripada yuran, komisen, dividen atau faedah daripada dana simpanan.

- Bank berlesen luar pesisir di Labuan dibenarkan melabur dalam aset/instrumen ringgit di Malaysia untuk akaun mereka sendiri, tertakluk kepada syarat pelaburan tersebut mestilah dilakukan secara langsung dengan institusi perbankan atau broker pemastautin. Pelaburan tersebut tidak boleh dibiayai dengan pinjaman ringgit.

(b) Syarikat Koridor Raya Multimedia

- Syarikat yang beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) dan diperbadankan sebagai entiti sah secara berasingan, adalah dikecualikan daripada peraturan pentadbiran pertukaran asing apabila mereka diberi taraf MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia. Pengecualian ini hanya untuk urus niaga yang dilakukan bagi urusan syarikat MSC itu sendiri. Bagaimanapun, kebenaran terlebih dahulu perlu diperolehi sebelum syarikat ini berurusan dengan Orang Terhad atau Mata Wang Negara Terhad iaitu Israel, Serbia dan Montenegro. Di samping itu, syarikat MSC juga dikehendaki mengemukakan borang/laporan/penyata statistik bagi tujuan pemantauan.

(c) Ibu Pejabat Operasi yang diluluskan

- Ibu Pejabat Operasi (OHQ) yang diluluskan dibenarkan –

  (i) Membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan bagi menyimpan perolehan eksport sehingga had agregat semalaman AS$100 juta, tanpa mengambil kira jumlah perolehan eksport mereka.

  (ii) Membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir di Labuan atau bank di luar negeri untuk tujuan menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, tanpa sebarang had ke atas baki semalaman.

  (iii) Memperolehi kemudahan kredit dalam ringgit tidak melebihi RM50 juta, tertakluk kepada syarat bahawa dana ringgit tersebut digunakan di Malaysia.

  (iv) Memperolehi sebarang jumlah kemudahan kredit dalam mata wang asing daripada bank berlesen dan bank saudagar berlesen di Malaysia, dan daripada mana-mana bukan pemastautin dengan syarat OHQ tidak meminjamkan kepada, atau memperolehi dana itu bagi pihak pemastautin. Kemudahan kredit dalam mata wang asing ini boleh dipinjamkan kepada syarikat yang berkaitan dengan mereka di luar negeri atau dilaburkan di luar negeri tertakluk kepada syarat jumlah agregat kemudahan kredit tempatan dalam ringgit mereka tidak melebihi RM50 juta.

(d) Pusat Pemerolehan Antarabangsa yang Diluluskan

- Pusat Pemerolehan Antarabangsa yang diluluskan (IPC) dibenarkan –

  (i) Menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing yang diurus dengan bank berlesen tempatan bagi aktiviti IPC yang diluluskan.

  (ii) Mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk lindung nilai risiko pertukaran asing, berdasarkan jangkaan jumlah eksport mereka.

(e) Pusat Pengagihan Serantau yang Diluluskan

- Pusat Pengagihan Serantau (RDC) yang diluluskan dibenarkan –

  (i) Menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan untuk aktiviti RDC yang diluluskan sahaja.

  (ii) Mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk lindung nilai risiko pertukaran asing, berdasarkan jangkaan jumlah import dan eksport mereka.

Tabung-Tabung Yang Diuruskan/Dibiayai Oleh Bank Negara Malaysia: Penggunaan Dana

Tabung	Tarikh ditubuhkan	Peruntukan dana (RM juta)	Bilangan permohonan diluluskan			Jumlah diluluskan (RM juta)			Jumlah pengeluaran setakat akhir tahun 2004 (RM juta)	Baki setakat akhir tahun 2004[7] (RM juta)
			Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan	Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan		
			2003	2004		2003	2004			
Kemudahan Pembiayaan Perkapalan	30-Okt-92	600	38	38	0	577	577	0	543	282
Tabung untuk Makanan	04-Jan-93	1,300[3]	8,176	8,829	653	1,411	1,528	117	1,418	702
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	10-Feb-00	300[3]	893	1,079	186	438	499	61	412	68
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	15-Apr-00	4,500[1,3]	3,527	6,239	2,712	2,285	4,172	1,887	3,312	2,860
Tabung Usahawan Baru 2	15-Jul-01	2,000[2,3]	1,952	2,948	996	1,077	1,886	809	1,542	1,422
Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil	01-Nov-03	800	0	23	23	0	11	11	5	5

Tabung-Tabung yang Ditamatkan	Tarikh ditubuhkan	Tarikh ditamatkan	Peruntukan dana (RM juta)	Bilangan permohonan diluluskan			Jumlah diluluskan (RM juta)			Jumlah pengeluaran setakat akhir tahun 2004 (RM juta)	Baki setakat akhir tahun 2004[7] (RM juta)
				Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan	Jumlah setakat akhir tahun		Perubahan tahunan		
				2003	2004		2003	2004			
Tabung Pemulihan Usahawan	06-Feb-88	01-Jan-91	500[3]	764	764	0	896	896	0	850	100
Tabung Projek Perumahan Terbengkalai	18-Jun-90	29-Feb-92	600	74	74	0	331	331	0	346	12
Tabung untuk Menyegerakan Pembinaan Rumah Kos Rendah	29-Okt-93	31-Okt-95	500	54	54	0	297	297	0	297	0
Tabung Khas Pelancongan	10-Mac-90	31-Dis-97	200[3]	194	194	0	203	203	0	203	35
Tabung Penyusunan Semula Industri	05-Feb-91	04-Ogos-99	100	25	25	0	95	95	0	95	10
Skim Khas Perumahan Kos Rendah dan Sederhana	01-Mei-98	04-Ogos-99	1,000	96	96	0	604	609	5[5,6]	583	12
Tabung Industri Bumiputera	04-Jan-93	03-Apr-00	100	99	99	0	95	95	0	91	35
Tabung Industri Kecil dan Sederhana	02-Jan-98	03-Apr-00	1,850[3]	5,420	5,420	0	3,776	3,774	-2[5]	3,726	1,746
Tabung Usahawan Baru	12-Dis-89	15-Jul-01	1,250[3]	3,126	3,126	0	1,421	1,420	-1[5]	1,398	350
Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana	23-Nov-98	01-Nov-03	330[3,4]	322	317	-5[5]	352	344	-8[5]	328	227
Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan	03-Jul-01	01-Nov-03	10[4]	33	33	0	3	3	0	2	0.9
Kemudahan Jaminan Khas[8]	21-Mei-03	10-Jul-04	1,000	73	85	12	40	49	9	0	0

[1] Peruntukan ditambah daripada RM2,000 juta kepada RM4,500 juta pada tahun 2004
[2] Peruntukan ditambah daripada RM1,150 juta kepada RM2,000 juta pada tahun 2004
[3] Tabung pusingan
[4] Peruntukan yang tidak digunakan dipindahkan kepada Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil
[5] Kelulusan ditarik balik oleh bank/peminjam dan/atau jumlah pinjaman yang diperlukan dikurangkan oleh bank/peminjam
[6] Dana tambahan diperlukan
[7] Baki pinjaman terkumpul yang belum dibayar oleh peminjam kepada institusi pemberi pinjaman
[8] Skim jaminan melalui Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad yang dibiayai oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu perusahaan perniagaan yang terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS)

Institusi Perbankan Berlesen (pada 31 Disember 2004)

Bank Perdagangan

1. ABN AMRO Bank Berhad
2. Affin Bank Berhad
3. Alliance Bank Malaysia Berhad[1]
4. AmBank Berhad
5. Bangkok Bank Berhad
6. Bank of America Malaysia Berhad
7. Bank of China (Malaysia) Berhad
8. Bank of Tokyo-Mitsubishi (Malaysia) Berhad
9. Bumiputra-Commerce Bank Berhad
10. Citibank Berhad
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
12. EON Bank Berhad[2]
13. Hong Leong Bank Berhad[3]
14. HSBC Bank Malaysia Berhad
15. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
16. Malayan Banking Berhad[4]
17. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
18. Public Bank Berhad[5]
19. RHB Bank Berhad
20. Southern Bank Berhad
21. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
22. The Bank of Nova Scotia Berhad
23. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

Bank-bank Islam

1. Bank Islam Malaysia Berhad
2. Bank Muamalat Malaysia Berhad

[1] Bergabung dengan Alliance Finance Berhad berkuat kuasa 1 Ogos 2004
[2] Bergabung dengan EON Finance Berhad berkuat kuasa 1 November 2004
[3] Bergabung dengan Hong Leong Finance Berhad berkuat kuasa 1 Ogos 2004
[4] Bergabung dengan Mayban Finance Berhad berkuat kuasa 1 Oktober 2004
[5] Bergabung dengan Public Finance Berhad berkuat kuasa 4 September 2004

Syarikat Kewangan

1. AFFIN-ACF Finance Berhad
2. AmFinance Berhad
3. Bumiputra-Commerce Finance Berhad
4. Kewangan Bersatu Berhad
5. RHB Delta Finance Berhad
6. Southern Finance Berhad

Bank Saudagar

1. Affin Merchant Bank Berhad
2. Alliance Merchant Bank Berhad
3. AmMerchant Bank Berhad
4. Aseambankers Malaysia Berhad
5. Commerce International Merchant Bankers Berhad
6. Malaysian International Merchant Bankers Berhad
7. Public Merchant Bank Berhad
8. RHB Sakura Merchant Bankers Berhad
9. Southern Investment Bank Berhad
10. Utama Merchant Bank Berhad

Institusi Kewangan yang Menawarkan Perkhidmatan Perbankan Islam

Bank-bank Islam

1. Bank Islam Malaysia Berhad
2. Bank Muamalat Malaysia Berhad
3. RHB Islamic Bank Berhad[1]

Bank-bank yang Menyertai Skim Perbankan Islam

Bank Perdagangan

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank Berhad
4. Citibank Berhad
5. EON Bank Berhad
6. Hong Leong Bank Berhad
7. HSBC Bank Malaysia Berhad
8. Malayan Banking Berhad
9. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
10. Public Bank Berhad
11. Southern Bank Berhad
12. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad

Syarikat Kewangan

1. Affin-ACF Finance Berhad
2. AmFinance Berhad
3. Southern Finance Berhad

Bank Saudagar

1. Affin Merchant Bank Berhad
2. Alliance Merchant Bank Berhad
3. AmMerchant Bank Berhad
4. Commerce International Merchant Bankers Berhad

[1] Dilancarkan pada 1 Mac 2005

Syarikat Diskaun

1. Abrar Discounts Berhad
2. Affin Discount Berhad
3. Amanah Short Deposits Berhad
4. CIMB Discount House Berhad
5. KAF Discounts Berhad
6. Malaysia Discount Berhad
7. Mayban Discount Berhad

Institusi Kewangan Pembangunan yang Menawarkan Perkhidmatan Perbankan Islam

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
2. Bank Simpanan Nasional
3. Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad
4. Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad
5. Bank Pertanian Malaysia

Ahli Majlis Penasihat Syariah untuk Perbankan Islam dan Takaful Sesi 2004-2006

Pengerusi:
Y.A.A. Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman

Timbalan Pengerusi:
Dr. Mohd Daud Bakar

Ahli:

1. Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob
2. S.S. Dato' Haji Hassan Haji Ahmad
3. Datuk Haji Md. Hashim Haji Yahaya
4. Dato' Dr. Abdul Halim Haji Ismail
5. Y.A. Dato' Abdul Hamid Haji Mohamad
6. Dr. Mohd Ali Haji Baharum
7. Prof. Madya Dr. Abdul Halim Muhammad
8. Dr. Mohd Parid Sheikh Ahmad

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Jadual A.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 1987

	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2005*r*
	RM juta					
Pertanian	18,662	18,551	19,036	20,123	21,135	21,836
Perlombongan dan kuari	15,385	15,160	15,774	16,699	17,384	18,250
Perkilangan	67,250	63,299	65,872	71,312	78,323	81,882
Pembinaan	6,964	7,108	7,275	7,417	7,276	7,205
Perkhidmatan	113,408	120,194	127,872	133,531	142,433	150,593
Tolak: Bayaran perkhidmatan bank tertaksir	15,832	17,678	21,225	22,593	23,331	24,402
Campur: Duti import	4,721	4,594	5,384	5,184	4,820	4,958
KDNK pada harga pembeli[1]	**210,557**	**211,227**	**219,988**	**231,674**	**248,040**	**260,323**
	Perubahan tahunan (%)					
Pertanian	6.1	-0.6	2.6	5.7	5.0	3.3
Perlombongan dan kuari	0.3	-1.5	4.0	5.9	4.1	5.0
Perkilangan	18.3	-5.9	4.1	8.3	9.8	4.5
Pembinaan	0.6	2.1	2.3	1.9	-1.9	-1.0
Perkhidmatan	6.7	6.0	6.4	4.4	6.7	5.7
Tolak: Bayaran perkhidmatan bank tertaksir	6.3	11.7	20.1	6.4	3.3	4.6
Campur: Duti import	-11.2	-2.7	17.2	-3.7	-7.0	2.9
KDNK pada harga pembeli	**8.9**	**0.3**	**4.1**	**5.3**	**7.1**	**5.0 ~ 6.0**

[1] Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2
Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (1993=100)

	2001	2002	2003	2004	2002	2003	2004
	Indeks				Perubahan tahunan (%)		
Industri berorientasikan eksport	**200.1**	**210.2**	**235.3**	**268.7**	**5.0**	**11.9**	**14.2**
Jentera elektrik, perkakas, alat-alat dan bekalan	229.2	247.8	271.7	319.8	8.1	9.6	17.7
Elektronik	269.1	305.2	351.3	439.0	13.4	15.1	25.0
Barangan elektrik	166.6	158.2	147.1	133.3	-5.1	-7.0	-9.4
Radio dan peti televisyen	*170.6*	*157.4*	*134.4*	*114.5*	*-7.8*	*-14.6*	*-14.8*
Jentera penyejuk, ekzos, pembersih udara dan penyaman udara	*132.3*	*161.8*	*180.6*	*177.3*	*22.2*	*11.6*	*-1.8*
Kabel dan dawai	*180.6*	*145.8*	*128.8*	*117.1*	*-19.2*	*-11.7*	*-9.1*
Mesin pejabat, pengiraan, dan perakaunan	*227.1*	*176.1*	*156.6*	*144.5*	*-22.5*	*-11.1*	*-7.7*
Bahan kimia dan keluaran kimia	228.7	235.0	283.8	323.8	2.7	20.8	14.1
Kayu dan keluaran kayu	104.9	98.6	99.5	112.2	-6.0	0.9	12.7
Pemprosesan di luar estet	200.9	215.1	240.5	250.2	7.1	11.8	4.0
Tekstil dan pakaian	118.8	111.4	109.0	96.2	-6.2	-2.2	-11.7
Keluaran getah	180.0	183.5	217.9	250.1	2.0	18.7	14.8
Lain-lain	106.2	115.1	120.9	142.8	8.3	5.1	18.1
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**184.1**	**190.4**	**202.0**	**216.4**	**3.4**	**6.1**	**7.1**
Barangan berkaitan pembinaan	176.1	182.9	201.6	200.3	3.8	10.2	-0.6
Keluaran galian bukan logam	*171.3*	*180.0*	*197.5*	*187.8*	*5.1*	*9.7*	*-4.9*
Keluaran asas besi dan keluli dan logam bukan ferus	*182.3*	*186.6*	*206.7*	*215.9*	*2.4*	*10.8*	*4.4*
Keluaran logam yang direka	200.0	201.7	216.5	279.8	0.8	7.4	29.2
Keluaran makanan	154.7	168.2	183.0	188.5	8.7	8.8	3.0
Kelengkapan pengangkutan	237.1	251.9	238.0	258.5	6.2	-5.5	8.6
Keluaran petroleum	198.3	190.2	194.7	197.3	-4.1	2.3	1.3
Keluaran kertas	165.0	186.2	201.2	205.8	12.8	8.0	2.3
Keluaran tembakau	164.4	148.0	153.8	157.7	-10.0	3.9	2.6
Minuman	138.5	121.9	147.3	144.5	-11.9	20.8	-1.9
Jumlah	**195.8**	**204.7**	**226.1**	**254.7**	**4.5**	**10.5**	**12.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.3
Pengeluaran Komoditi Utama

	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2001	2002	2003	2004*a*
	Jumlah					Perubahan tahunan (%)			
Minyak sawit mentah ('000 tan)	10,842	11,804	11,909	13,355	13,976	8.9	0.9	12.1	4.7
Getah[1] ('000 tan)	928	882	890	986	1,186	-4.9	0.9	10.8	20.4
Kayu balak ('000 meter padu)	23,074	18,923	20,649	21,532	21,576	-18.0	9.1	4.3	0.2
Koko ('000 tan)	70	58	48	36	33	-17.9	-17.4	-24.0	-7.8
Minyak mentah (termasuk kondensat) ('000 tong sehari)	681	666	698	738	762	-2.4	4.9	5.6	3.6
Gas asli (juta kaki padu sehari)	4,367	4,542	4,676	5,013	5,196	3.7	3.0	7.2	4.0
Timah padat ('000 tan)	6.3	5.0	4.2	3.4	2.8	-21.2	-15.2	-20.3	-16.6

[1] Dikemas kini mulai tahun 2000 berdasarkan kaedah pengumpulan data yang baru
a Awalan

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
PETRONAS
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Jadual A.4
KNK mengikut Agregat Permintaan

	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2005*r*
	pada Harga Semasa (RM juta)					
Penggunaan	181,031	192,909	209,521	227,279	251,373	275,869
Penggunaan swasta	*145,355*	*150,644*	*159,506*	*172,366*	*191,970*	*213,495*
Penggunaan awam	*35,676*	*42,265*	*50,015*	*54,913*	*59,403*	*62,374*
Pelaburan	87,729	83,345	83,764	87,089	91,818	89,162
Pelaburan swasta	*44,102*	*34,528*	*29,376*	*29,856*	*35,354*	*38,969*
Pelaburan awam	*43,627*	*48,817*	*54,388*	*57,233*	*56,464*	*50,193*
Perubahan dalam stok[1]	5,982	-3,339	2,217	-2,842	8,664	-1,580
Eksport barangan dan perkhidmatan	427,004	389,255	415,040	450,593	544,956	583,654
Import barangan dan perkhidmatan	358,530	327,767	348,919	367,918	449,262	476,850
KDNK pada nilai pembeli	343,215	334,404	361,624	394,200	447,548	470,255
Pembayaran faktor luar negeri bersih	-28,909	-25,623	-25,061	-22,527	-24,480	-26,387
KNK pada nilai pembeli	314,306	308,781	336,563	371,673	423,068	443,868
	pada Harga Malar 1987 (RM juta)					
Penggunaan	119,238	125,637	133,282	143,198	156,427	168,246
Penggunaan swasta	*95,370*	*97,630*	*101,946*	*108,722*	*119,681*	*129,854*
Penggunaan awam	*23,868*	*28,007*	*31,336*	*34,476*	*36,746*	*38,392*
Pelaburan	64,840	63,050	63,249	64,960	66,996	64,675
Pelaburan swasta	*32,596*	*26,120*	*22,181*	*22,270*	*25,790*	*28,265*
Pelaburan awam	*32,244*	*36,930*	*41,068*	*42,690*	*41,206*	*36,411*
Perubahan dalam stok[1]	3,384	-1,279	2,356	-1,913	4,863	-874
Eksport barangan dan perkhidmatan	246,158	227,685	237,904	253,006	292,475	316,216
Import barangan dan perkhidmatan	223,062	203,866	216,802	227,578	272,720	287,941
KDNK pada nilai pembeli	210,557	211,227	219,988	231,674	248,040	260,323
Pembayaran faktor luar negeri bersih	-19,271	-17,642	-17,251	-15,196	-15,888	-17,524
KNK pada nilai pembeli	191,287	193,585	202,737	216,477	232,152	242,799

[1] Termasuk perbezaan statistik
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.5
Jurang Tabungan-Pelaburan

	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2005*r*
	RM juta					
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	43,627	48,817	54,388	57,233	56,464	50,193
Tabungan awam	55,391	53,534	63,347	74,564	64,429	66,191
Defisit/lebihan	11,764	4,717	8,959	17,331	7,964	15,998
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta[1]	50,084	31,189	31,593	27,014	44,018	37,389
Tabungan swasta	70,573	54,159	53,129	60,530	92,633	87,683
Defisit/lebihan	20,489	22,970	21,538	33,516	48,616	50,294
Pembentukan modal dalam negeri kasar	93,711	80,006	85,981	84,247	100,482	87,582
(% daripada KNK)	29.8	25.9	25.5	22.7	23.8	19.7
Tabungan negara kasar	125,964	107,693	116,476	135,094	157,062	153,874
(% daripada KNK)	40.1	34.9	34.6	36.3	37.1	34.7
Imbangan akaun semasa	32,253	27,687	30,495	50,847	56,580	66,292
(% daripada KNK)	10.3	9.0	9.1	13.7	13.4	14.9

[1] Termasuk perubahan dalam stok. Sebelum ini, perubahan dalam stok diagihkan antara pembentukan modal dalam negeri kasar awam dan swasta

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.6
Imbangan Pembayaran

Butiran	2001			2002		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM juta					
Barangan[1]	**334,326**	**264,472**	**69,854**	**358,504**	**286,387**	**72,117**
Akaun perdagangan	*334,284*	*280,229*	*54,055*	*357,430*	*303,090*	*54,340*
Perkhidmatan	**54,929**	**63,295**	**-8,366**	**56,536**	**62,532**	**-5,996**
Pengangkutan	10,443	21,795	-11,352	10,847	22,419	-11,572
Perjalanan	26,081	9,933	16,148	27,049	9,947	17,102
Perkhidmatan lain	17,932	31,119	-13,187	18,166	29,408	-11,242
Perkhidmatan Kerajaan[3]	473	448	25	474	758	-284
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**389,255**	**327,767**	**61,488**	**415,040**	**348,919**	**66,121**
Pendapatan	**7,018**	**32,641**	**-25,623**	**8,129**	**33,190**	**-25,061**
Pampasan pekerja	1,395	2,409	-1,014	1,653	2,832	-1,179
Pendapatan pelaburan[2]	5,623	30,232	-24,609	6,476	30,358	-23,882
Pindahan semasa	**2,040**	**10,218**	**-8,178**	**2,513**	**13,079**	**-10,566**
Imbangan akaun semasa	**398,313**	**370,626**	**27,687**	**425,682**	**395,188**	**30,494**
% daripada KNK			**9.0**			**9.1**
Akaun modal			**–**			**–**
Akaun kewangan			**-14,791**			**-11,941**
Pelaburan langsung			1,091			4,935
Di luar negeri			*-1,014*			*-7,238*
Di Malaysia			*2,105*			*12,173*
Pelaburan portfolio			-2,466			-6,506
Pelaburan lain			-13,416			-10,370
Sektor awam			*7,114*			*4,720*
Sektor swasta			*-20,530*			*-15,090*
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-14,791**			**-11,941**
Kesilapan dan ketinggalan			**-9,234**			**-4,362**
antaranya:						
Keuntungan (+) / kerugian (-) penilaian semula tukaran asing			-4,060			6,627
Imbangan keseluruhan (lebihan + / defisit -)			**3,662**			**14,191**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[4]						
RM juta			117,203			131,394
AS$ juta			30,843			34,577
Rizab sebagai bilangan bulan import tertangguh			5.1			5.4

[1] Dipinda untuk penilaian dan liputan bagi asas imbangan pembayaran. Import termasuk barangan ketenteraan yang tidak dimasukkan dalam data perdagangan

[2] Termasuk perolehan yang tidak diagihkan oleh syarikat-syarikat pelaburan langsung asing. Perolehan yang tidak diagihkan ini diambil kira sebagai perolehan yang dilaburkan semula di bawah "Pelaburan Langsung" dalam Akaun Kewangan

[3] Termasuk urus niaga tentera asing dan pertubuhan-pertubuhan diplomatik

[4] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula dalam ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian penilaian tersebut telah diambil kira dalam akaun Bank

a Anggaran
r Ramalan

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

2003			2004*a*			2005*r*		
+	-	Bersih	+	-	Bersih	+	-	Bersih
				RM juta				
398,998	**301,297**	**97,701**	**481,240**	**376,766**	**104,474**	**514,880**	**400,060**	**114,820**
397,884	*316,538*	*81,347*	*480,722*	*399,648*	*81,073*	*514,366*	*424,872*	*89,494*
51,595	**66,621**	**-15,026**	**63,716**	**72,497**	**-8,780**	**68,774**	**76,790**	**-8,016**
10,514	23,787	-13,274	12,018	29,801	-17,783	12,639	31,953	-19,314
22,423	10,816	11,607	31,152	11,754	19,398	35,120	13,645	21,475
18,206	31,225	-13,019	20,120	29,794	-9,674	20,613	29,975	-9,362
452	793	-341	426	1,147	-721	402	1,217	-815
450,594	**367,918**	**82,675**	**544,957**	**449,263**	**95,694**	**583,654**	**476,850**	**106,804**
13,103	**35,630**	**-22,527**	**15,307**	**39,787**	**-24,480**	**18,099**	**44,486**	**-26,387**
2,170	3,120	-950	2,618	3,760	-1,142	3,179	4,588	-1,409
10,933	32,510	-21,577	12,689	36,027	-23,339	14,920	39,898	-24,978
1,929	**11,229**	**-9,300**	**1,700**	**16,333**	**-14,633**	**1,607**	**15,732**	**-14,125**
465,626	**414,777**	**50,848**	**561,964**	**505,384**	**56,580**	**603,360**	**537,068**	**66,292**
		13.7			**13.4**			**14.9**
		–			–			
		-12,146			**15,386**			
		4,194			10,823			
		-5,204			*-7,111*			
		9,398			*17,934*			
		4,168			33,112			
		-20,508			-28,550			
		-11,201			*-1,140*			
		-9,307			*-27,410*			
		-12,146			**15,386**			
		358			**11,095**			
		11,927			7,997			
		39,059			**83,061**			
		170,452			253,513			
		44,856			66,714			
		6.6			8.0			

Jadual A.7
Pasaran Utama Eksport Barangan Perkilangan

Negara	2000		2001		2002		2003		2004*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
ASEAN	**85,210**	**26.8**	**72,140**	**25.3**	**78,981**	**26.2**	**82,481**	**25.3**	**99,180**	**25.4**
Singapura	*63,768*	*20.1*	*52,483*	*18.4*	*55,917*	*18.5*	*57,367*	*17.6*	*65,800*	*16.9*
Thailand	*10,166*	*3.2*	*9,816*	*3.4*	*12,319*	*4.1*	*13,553*	*4.2*	*17,500*	*4.5*
Indonesia	*5,064*	*1.6*	*4,983*	*1.8*	*5,627*	*1.9*	*6,291*	*1.9*	*8,944*	*2.3*
Filipina	*5,537*	*1.7*	*4,113*	*1.4*	*4,249*	*1.4*	*4,346*	*1.3*	*5,994*	*1.5*
Brunei Darussalam	*675*	*0.2*	*745*	*0.3*	*869*	*0.3*	*925*	*0.3*	*942*	*0.2*
Amerika Syarikat	74,165	23.3	65,830	23.1	72,116	23.9	74,918	23.0	85,484	21.9
Kesatuan Eropah[1]	**46,057**	**14.5**	**40,894**	**14.3**	**38,505**	**12.7**	**41,077**	**12.6**	**51,523**	**13.2**
Belanda	*13,843*	*4.4*	*13,609*	*4.8*	*11,085*	*3.7*	*10,313*	*3.2*	*12,459*	*3.2*
United Kingdom	*11,067*	*3.5*	*8,355*	*2.9*	*7,836*	*2.6*	*8,131*	*2.5*	*9,678*	*2.5*
Jerman	*8,682*	*2.7*	*7,176*	*2.5*	*7,071*	*2.3*	*8,053*	*2.5*	*9,248*	*2.4*
Lain-lain	*12,465*	*3.9*	*11,754*	*4.1*	*12,513*	*4.1*	*14,580*	*4.4*	*20,138*	*5.1*
Jepun	35,763	11.2	32,413	11.4	28,271	9.4	28,683	8.8	33,341	8.5
Hong Kong China	15,795	5.0	14,327	5.0	19,147	6.3	24,717	7.6	27,482	7.0
Republik Rakyat China	7,979	2.5	11,266	3.9	14,041	4.6	17,376	5.3	22,134	5.7
China Taipei	11,421	3.6	9,767	3.4	11,216	3.7	11,610	3.6	11,766	3.0
Timur Tengah[2]	5,717	1.8	6,885	2.4	5,992	2.0	7,485	2.3	10,461	2.7
Australia	7,054	2.2	5,862	2.1	5,951	2.0	7,116	2.2	9,531	2.4
Korea	7,363	2.3	6,692	2.3	7,797	2.6	7,123	2.2	9,178	2.4
Negara-negara Amerika Latin	4,169	1.3	3,436	1.2	3,031	1.0	2,939	0.9	4,154	1.1
Kanada	2,900	0.9	1,977	0.7	1,992	0.7	2,132	0.7	2,754	0.7
Negara-negara lain	14,315	4.6	13,827	4.9	14,981	4.9	18,665	5.5	23,461	6.0
Jumlah	**317,908**	**100.0**	**285,316**	**100.0**	**302,021**	**100.0**	**326,322**	**100.0**	**390,449**	**100.0**

[1] Termasuk 10 negara anggota baru pada tahun 2004
[2] Bermula tahun 2004, Cyprus dikeluarkan dari Timur Tengah dan dimasukkan ke dalam Kesatuan Eropah
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.8
Pasaran Utama Eksport Elektronik

Negara	2000		2001		2002		2003		2004*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Amerika Syarikat	42,378	25.4	34,793	24.9	41,969	26.7	45,285	27.1	51,912	27.5
Singapura	41,048	24.6	30,335	21.7	33,000	21.0	32,042	19.1	33,466	17.7
Hong Kong China	8,017	4.8	7,470	5.3	12,641	8.0	18,005	10.8	19,606	10.4
Jepun	15,970	9.6	13,502	9.7	11,226	7.1	10,465	6.3	11,213	5.9
Republik Rakyat China	3,494	2.1	6,012	4.3	7,838	5.0	9,002	5.4	10,802	5.7
Thailand	5,641	3.4	4,802	3.4	6,921	4.4	7,147	4.3	8,297	4.4
Belanda	10,490	6.3	9,199	6.6	7,746	4.9	7,056	4.2	8,079	4.3
China Taipei	7,289	4.4	6,520	4.7	7,670	4.9	8,056	4.8	6,873	3.6
Jerman	4,767	2.9	3,453	2.5	3,804	2.4	4,535	2.7	5,176	2.7
United Kingdom	6,268	3.8	3,810	2.7	3,315	2.1	3,393	2.0	4,477	2.4
Lain-lain	21,429	12.7	19,736	14.2	21,271	13.5	22,395	13.3	28,704	15.4
Jumlah	**166,791**	**100.0**	**139,632**	**100.0**	**157,401**	**100.0**	**167,381**	**100.0**	**188,605**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.9
Pasaran Utama Eksport Barangan Elektrik

Negara	2000		2001		2002		2003		2004*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Amerika Syarikat	17,358	27.3	17,324	28.6	17,430	31.7	16,354	29.5	18,134	26.5
Singapura	8,665	13.6	8,120	13.4	7,443	13.6	8,340	15.0	10,552	15.4
Jepun	9,337	14.7	9,207	15.2	7,584	13.8	6,758	12.2	7,602	11.1
Republik Rakyat China	1,428	2.2	1,770	2.9	1,580	2.9	2,094	3.8	2,943	4.3
Hong Kong China	2,992	4.7	2,534	4.2	2,483	4.5	2,398	4.3	2,534	3.7
Thailand	1,480	2.3	1,566	2.6	1,558	2.8	1,643	3.0	2,271	3.3
Jerman	1,794	2.8	1,865	3.1	1,410	2.6	1,430	2.6	1,820	2.7
Indonesia	1,032	1.6	1,113	1.8	1,201	2.2	1,242	2.2	1,634	2.4
Lain-lain	19,552	30.8	17,176	28.2	14,208	25.9	15,211	27.4	20,956	30.6
Jumlah	**63,638**	**100.0**	**60,675**	**100.0**	**54,897**	**100.0**	**55,470**	**100.0**	**68,446**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.10
Pasaran Utama Eksport Bahan Kimia dan Keluaran Kimia

Negara	2000		2001		2002		2003		2004*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Republik Rakyat China	1,054	7.0	1,533	10.3	2,294	13.3	2,930	13.8	4,019	14.5
Jepun	1,586	10.6	1,566	10.5	1,750	10.2	2,105	9.9	2,983	10.7
Singapura	1,900	12.7	1,646	11.1	1,736	10.1	2,158	10.2	2,581	9.3
Thailand	976	6.5	1,164	7.8	1,387	8.0	1,771	8.4	2,339	8.4
Indonesia	1,153	7.7	999	6.7	1,302	7.6	1,531	7.2	2,232	8.0
Hong Kong China	1,373	9.1	1,176	7.9	1,239	7.2	1,549	7.3	1,847	6.7
China Taipei	671	4.5	620	4.2	882	5.1	960	4.5	1,337	4.8
Korea	469	3.1	511	3.4	546	3.2	766	3.6	1,174	4.2
India	222	1.5	376	2.5	498	2.9	858	4.0	1,089	3.9
Amerika Syarikat	1,426	9.5	1,218	8.2	1,042	6.1	1,059	5.0	982	3.5
Lain-lain	4,181	27.8	4,070	27.4	4,552	26.3	5,533	26.1	7,184	26.0
Jumlah	**15,011**	**100.0**	**14,879**	**100.0**	**17,228**	**100.0**	**21,220**	**100.0**	**27,767**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.11
Pasaran Utama Eksport Keluaran Logam

Negara	2000		2001		2002		2003		2004*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Singapura	2,270	26.3	2,020	23.2	2,134	24.3	2,255	20.1	3,057	18.9
Thailand	495	5.7	501	5.8	504	5.7	550	4.9	1,340	8.3
Amerika Syarikat	687	8.0	644	7.4	486	5.5	706	6.3	1,269	7.9
Jepun	755	8.8	736	8.5	594	6.8	833	7.4	1,070	6.6
Australia	242	2.8	295	3.4	249	2.8	366	3.3	929	5.8
Republik Rakyat China	445	5.2	476	5.5	665	7.6	1,015	9.0	918	5.7
Indonesia	374	4.3	360	4.1	398	4.5	442	3.9	590	3.7
Korea	288	3.3	240	2.8	217	2.5	430	3.8	581	3.6
Lain-lain	3,062	35.6	3,420	39.3	3,549	40.3	4,645	41.3	6,386	39.5
Jumlah	**8,618**	**100.0**	**8,692**	**100.0**	**8,796**	**100.0**	**11,242**	**100.0**	**16,140**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.12
Pasaran Utama Eksport Peralatan Optikal dan Saintifik

Negara	2000		2001		2002		2003		2004*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Amerika Syarikat	1,999	29.3	2,132	27.3	1,874	23.0	1,983	21.7	2,428	21.0
Singapura	859	12.6	1,110	14.2	1,573	19.3	1,752	19.1	2,203	19.0
Jepun	1,004	14.7	1,163	14.9	1,186	14.5	1,380	15.1	2,106	18.2
Belanda	291	4.3	415	5.3	511	6.3	642	7.0	877	7.6
Republik Rakyat China	173	2.5	232	3.0	199	2.4	451	4.9	567	4.9
Hong Kong China	342	5.0	408	5.2	430	5.3	438	4.8	452	3.9
Jerman	584	8.6	437	5.6	408	5.0	404	4.4	397	3.4
Lain-lain	1,573	23.0	1,905	24.5	1,971	24.2	2,106	23.0	2,538	22.0
Jumlah	**6,825**	**100.0**	**7,802**	**100.0**	**8,152**	**100.0**	**9,156**	**100.0**	**11,568**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.13
Pasaran Utama Eksport Keluaran Petroleum

Negara	2000		2001		2002		2003		2004*a*	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Singapura	2,457	30.2	2,906	34.6	3,043	39.9	3,605	38.2	5,392	40.2
Jepun	1,371	16.9	991	11.8	1,001	13.1	1,836	19.5	1,905	14.2
Republik Rakyat China	119	1.5	201	2.4	188	2.5	275	2.9	977	7.3
Hong Kong China	41	0.5	366	4.4	257	3.4	270	2.9	663	4.9
Amerika Syarikat	746	9.2	921	11.0	412	5.4	525	5.6	642	4.8
Korea	231	2.8	110	1.3	257	3.4	274	2.9	551	4.1
Australia	239	2.9	276	3.3	188	2.5	407	4.3	459	3.4
Lain-lain	2,927	36.0	2,637	31.2	2,274	29.8	2,243	23.7	2,832	21.1
Jumlah	**8,131**	**100.0**	**8,408**	**100.0**	**7,620**	**100.0**	**9,435**	**100.0**	**13,421**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.14
Harga Eksport Komoditi Utama

	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2001	2002	2003	2004*a*
						Perubahan tahunan (%)			
Minyak sawit (RM/tan)	1,122	944	1,367	1,617	1,706	-15.9	44.8	18.3	5.5
Getah (sen/kg)	263	230	269	379	470	-12.7	17.0	41.0	24.3
Kayu balak (RM/meter padu)	384	315	359	366	398	-17.9	13.9	1.8	8.9
Kayu siap digergaji (RM/meter padu)	1,050	943	1,102	1,134	1,015	-10.2	16.9	2.9	-10.4
Minyak mentah (AS$/tong)	29.58	25.53	24.81	30.27	40.81	-13.7	-2.9	22.0	34.8
Gas asli cecair (RM/tan)	740	721	659	772	824	-2.6	-8.6	17.1	6.8

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.15
Pasaran Utama Eksport Minyak Sawit

Negara	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	('000 tan)					% bahagian				
Republik Rakyat China	1,023	1,364	1,940	2,502	2,827	11.5	13.0	17.9	20.0	24.0
Kesatuan Eropah[1]	984	1,610	1,478	1,648	1,855	11.1	15.4	13.6	13.2	15.7
Belanda	*528*	*1,028*	*847*	*975*	*1,130*	*6.0*	*9.8*	*7.8*	*7.8*	*9.6*
Jerman	*87*	*116*	*225*	*185*	*149*	*1.0*	*1.1*	*2.1*	*1.5*	*1.3*
Itali	*119*	*155*	*127*	*98*	*119*	*1.3*	*1.5*	*1.2*	*0.8*	*1.0*
Sweden	*76*	*100*	*102*	*106*	*114*	*0.9*	*1.0*	*0.9*	*0.8*	*1.0*
Lain-lain	*174*	*211*	*177*	*284*	*343*	*1.9*	*2.0*	*1.6*	*2.3*	*2.8*
Timur Tengah	1,168	1,236	1,449	1,749	1,716	13.2	11.8	13.3	14.0	14.6
India	2,029	2,066	1,670	1,650	925	22.9	19.7	15.4	13.2	7.8
Pakistan	1,075	1,143	1,059	1,105	838	12.1	10.9	9.8	8.9	7.1
Jepun	353	379	434	430	458	4.0	3.6	4.0	3.4	3.9
Bangladesh	98	178	230	272	353	1.1	1.7	2.1	2.2	3.0
Amerika Syarikat	178	208	270	231	299	2.0	2.0	2.5	1.9	2.5
Korea	198	241	218	211	228	2.2	2.3	2.0	1.7	1.9
China Taipei	76	82	80	103	120	0.9	0.8	0.7	0.8	1.0
Australia	105	101	120	97	96	1.2	1.0	1.1	0.8	0.8
Lain-lain	1,576	1,858	1,909	2,489	2,073	17.8	17.8	17.6	19.9	17.7
Jumlah	**8,863**	**10,466**	**10,857**	**12,487**	**11,788**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk 10 negara anggota baru pada tahun 2004
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.16
Pasaran Utama Eksport Getah

Negara	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	('000 tan)					% bahagian				
Kesatuan Eropah[1]	350	318	309	306	354	35.8	38.7	33.3	32.3	32.0
Jerman	*107*	*119*	*119*	*129*	*147*	*10.9*	*14.4*	*12.8*	*13.6*	*13.3*
Perancis	*40*	*31*	*41*	*40*	*53*	*4.1*	*3.8*	*4.4*	*4.2*	*4.8*
Itali	*33*	*30*	*28*	*29*	*29*	*3.3*	*3.7*	*3.1*	*3.0*	*2.6*
United Kingdom	*35*	*25*	*24*	*22*	*24*	*3.5*	*3.0*	*2.5*	*2.4*	*2.2*
Sepanyol	*17*	*14*	*17*	*17*	*24*	*1.7*	*1.7*	*1.9*	*1.8*	*2.2*
Belanda	*17*	*12*	*15*	*12*	*20*	*1.7*	*1.4*	*1.7*	*1.3*	*1.8*
Lain-lain	*101*	*87*	*65*	*57*	*57*	*10.6*	*10.7*	*6.9*	*6.0*	*5.1*
Republik Rakyat China	94	85	129	207	289	9.6	10.4	13.9	21.9	26.1
Timur Tengah	88	95	81	84	90	9.0	11.5	8.7	8.9	8.1
Iran	*43*	*60*	*45*	*48*	*55*	*4.4*	*7.3*	*4.8*	*5.1*	*4.9*
Turki	*30*	*24*	*24*	*25*	*24*	*3.1*	*2.9*	*2.6*	*2.6*	*2.2*
Lain-lain	*15*	*11*	*12*	*11*	*11*	*1.5*	*1.3*	*1.3*	*1.2*	*1.0*
Amerika Syarikat	101	66	81	76	74	10.3	8.0	8.7	8.0	6.7
Korea	73	58	59	69	64	7.5	7.0	6.4	7.3	5.8
Brazil	34	25	41	29	37	3.5	3.0	4.4	3.1	3.3
Singapura	14	5	9	9	22	1.4	0.6	1.0	0.9	2.0
Kanada	27	16	28	14	19	2.8	1.9	3.0	1.5	1.7
Lain-lain	197	154	191	152	156	20.1	18.9	20.6	16.1	14.3
Jumlah	**978**	**822**	**928**	**946**	**1,105**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk 10 negara anggota baru pada tahun 2004
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.17
Pasaran Utama Eksport Kayu Balak

Negara	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	('000 meter padu)					% bahagian				
Jepun	2,184	1,375	1,641	1,356	1,268	33.7	28.4	32.2	24.5	24.4
India	873	985	998	1,369	1,230	13.5	20.4	19.5	24.7	23.6
Republik Rakyat China	1,405	1,071	1,106	1,336	1,185	21.7	22.2	21.7	24.2	22.8
China Taipei	898	669	651	694	754	13.8	13.8	12.7	12.5	14.5
Korea	301	175	159	140	131	4.6	3.6	3.1	2.5	2.5
Thailand	102	29	39	60	84	1.6	0.6	0.8	1.1	1.6
Hong Kong China	541	417	188	103	43	8.3	8.6	3.7	1.9	0.8
Lain-lain	180	113	322	474	512	2.8	2.4	6.3	8.6	9.8
Jumlah	**6,484**	**4,834**	**5,104**	**5,532**	**5,207**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.18
Pasaran Utama Eksport Kayu Siap Digergaji

Negara	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	('000 meter padu)					% bahagian				
Thailand	565	534	589	660	608	19.7	22.2	21.4	23.7	19.2
China Taipei	226	170	187	209	227	7.9	7.0	6.8	7.5	7.2
Belanda	270	197	186	204	220	9.4	8.2	6.8	7.3	6.9
Republik Rakyat China	137	151	159	193	213	4.8	6.3	5.8	6.9	6.7
Jepun	239	187	194	167	184	8.3	7.8	7.1	6.0	5.8
Singapura	220	185	155	165	179	7.6	7.7	5.6	5.9	5.7
Republik Yaman	114	83	68	78	105	3.9	3.4	2.5	2.8	3.3
Korea	129	120	98	85	86	4.5	5.0	3.6	3.1	2.7
Hong Kong China	132	135	149	107	81	4.6	5.6	5.4	3.8	2.6
Emiriyah Arab Bersatu	82	66	64	55	74	2.9	2.7	2.3	2.0	2.3
Belgium	69	52	64	72	69	2.4	2.2	2.3	2.6	2.2
Australia	33	20	40	40	63	1.1	0.8	1.5	1.4	2.0
Itali	23	25	37	62	56	0.8	1.0	1.3	2.2	1.8
United Kingdom	56	52	53	51	47	1.9	2.2	1.9	1.8	1.5
Lain-lain	581	434	710	641	954	20.2	17.9	25.7	23.0	30.1
Jumlah	**2,876**	**2,411**	**2,753**	**2,789**	**3,166**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.19
Pasaran Utama Eksport Minyak Mentah

Negara	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	('000 tan)					% bahagian				
Australia	1,761	1,852	1,687	2,248	4,145	10.6	12.3	10.4	12.5	22.9
Thailand	2,890	2,797	2,358	3,097	2,863	17.3	18.6	14.6	17.3	15.8
India	2,162	1,690	2,462	3,396	2,581	13.0	11.2	15.2	19.0	14.3
Indonesia	1,061	753	956	1,290	1,548	6.4	5.0	5.9	7.2	8.6
Korea	2,295	2,190	1,838	1,271	1,316	13.8	14.5	11.4	7.1	7.3
Republik Rakyat China	705	838	1,723	2,013	1,284	4.2	5.6	10.6	11.2	7.1
Jepun	1,298	1,457	2,131	1,440	1,016	7.8	9.7	13.2	8.0	5.6
Singapura	626	215	203	468	875	3.8	1.4	1.3	2.6	4.8
Amerika Syarikat	1,056	704	412	937	682	6.3	4.7	2.5	5.2	3.8
Filipina	527	362	511	610	676	3.2	2.4	3.2	3.4	3.7
Sri Lanka	415	400	485	425	420	2.5	2.7	3.0	2.4	2.3
New Zealand	565	487	604	412	205	3.4	3.2	3.7	2.3	1.1
Lain-lain	1,311	1,332	822	306	479	7.7	8.7	5.0	1.8	2.7
Jumlah	**16,672**	**15,077**	**16,192**	**17,913**	**18,090**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.20
Pasaran Utama Eksport Gas Asli Cecair

Negara	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	('000 tan)					% bahagian				
Jepun	11,076	11,308	10,782	12,491	12,724	71.8	73.3	71.8	72.1	61.4
Korea	2,497	2,256	2,303	2,658	4,643	16.2	14.6	15.4	15.4	22.4
China Taipei	1,803	1,860	1,857	2,108	2,623	11.7	12.1	12.4	12.2	12.7
Amerika Syarikat	–	–	–	54	299	–	–	–	0.3	1.4
Lain-lain	54	–	65	–	440	0.3	–	0.4	–	2.1
Jumlah	**15,430**	**15,423**	**15,007**	**17,311**	**20,729**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.21
Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang[1]

	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	RM juta				
Hutang jangka sederhana dan panjang:					
Pinjaman kasar	**23,390**	**31,550**	**23,853**	**22,180**	**25,101**
Kerajaan Persekutuan	*4,767*	*7,030*	*10,465*	*3,144*	*1,136*
PABK	*7,719*	*11,311*	*3,655*	*5,140*	*11,388*
Sektor swasta	*10,903*	*13,209*	*9,732*	*13,896*	*12,578*
Bayaran balik dan prabayaran	**17,941**	**22,323**	**23,104**	**29,309**	**24,701**
Kerajaan Persekutuan	*3,903*	*735*	*2,445*	*6,854*	*1,015*
PABK	*3,836*	*10,447*	*6,942*	*12,437*	*12,673*
Sektor swasta	*10,203*	*11,141*	*13,717*	*10,019*	*11,013*
Pinjaman bersih	**5,448**	**9,227**	**749**	**-7,129**	**400**
Kerajaan Persekutuan	*864*	*6,295*	*8,020*	*-3,710*	*120*
PABK	*3,883*	*865*	*-3,287*	*-7,297*	*-1,286*
Sektor swasta	*701*	*2,068*	*-3,985*	*3,877*	*1,565*
Hutang terkumpul	**143,465**	**149,346**	**153,225**	**152,950**	**154,298**
Kerajaan Persekutuan	*18,821*	*24,328*	*36,283*	*37,284*	*34,654*
PABK	*59,566*	*67,415*	*64,330*	*59,540*	*62,054*
Sektor swasta	*65,077*	*57,604*	*52,612*	*56,125*	*57,590*
Komposisi mata wang (% bahagian)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Dolar AS	*75.1*	*78.0*	*77.3*	*76.6*	*77.0*
Yen Jepun	*17.6*	*14.5*	*14.3*	*13.0*	*12.5*
Lain-lain	*7.3*	*7.5*	*8.4*	*10.4*	*10.5*
Hutang jangka pendek:					
Hutang terkumpul	**17,600**	**24,072**	**32,435**	**33,690**	**43,023**
Sektor perbankan[2]	*9,271*	*11,926*	*21,894*	*23,321*	*34,972*
Sektor swasta bukan bank	*8,329*	*12,147*	*10,541*	*10,369*	*8,051*
Jumlah hutang luar negeri:	**161,065**	**173,419**	**185,660**	**186,640**	**197,321**
Jumlah hutang luar negeri (AS$ juta)	**42,385**	**45,636**	**48,858**	**49,116**	**51,927**
% KNK	*51.2*	*56.2*	*55.2*	*50.2*	*46.6*
Perubahan tahunan (%)	*-0.7*	*7.7*	*7.1*	*0.5*	*5.7*
Jumlah khidmat bayaran hutang (termasuk pembayaran faedah hutang jangka pendek)	**25,043**	**26,954**	**27,832**	**28,627**	**24,368**
antaranya:					
Hutang jangka sederhana dan panjang					
Bayaran balik (tidak termasuk prabayaran)	**16,370**	**19,612**	**20,780**	**21,854**	**18,227**
Kerajaan Persekutuan	*3,903*	*735*	*2,445*	*3,861*	*1,015*
PABK	*2,506*	*7,886*	*6,942*	*10,017*	*10,742*
Sektor swasta	*9,962*	*10,991*	*11,393*	*7,976*	*6,469*
Bayaran faedah	**7,117**	**6,346**	**6,297**	**6,150**	**5,413**
Kerajaan Persekutuan	*1,187*	*1,150*	*1,692*	*1,883*	*1,758*
PABK	*3,408*	*3,574*	*3,430*	*3,287*	*2,664*
Sektor swasta	*2,522*	*1,621*	*1,174*	*979*	*991*
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)					
Jumlah hutang	**5.8**	**6.8**	**6.6**	**6.2**	**4.3**
Hutang jangka sederhana dan panjang	5.4	6.6	6.4	6.0	4.2
Kerajaan Persekutuan	*1.2*	*0.5*	*1.0*	*1.2*	*0.5*
PABK	*1.4*	*2.9*	*2.5*	*2.9*	*2.4*
Sektor swasta	*2.9*	*3.2*	*3.0*	*1.9*	*1.3*

[1] Data bagi MAS terkandung di bawah sektor swasta sehingga tahun 2000 dan di bawah PABK mulai tahun 2001
[2] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan pemastautin
a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.22
Pelaburan Luar Negeri Kasar mengikut Negara[1]

Negara	2000	2001	2002	2003	2004
	RM juta				
Singapura	2,920	2,082	1,074	845	2,529
Hong Kong China	158	100	410	520	1,126
Chad	0	0	1,099	138	956
Amerika Syarikat	3,924	4,007	5,708	994	772
Thailand	292	134	45	226	686
Republik Rakyat China	153	313	310	243	407
Indonesia	536	1,683	901	356	389
Belanda	2	531	934	87	249
Sudan	…	15	125	600	249
Vietnam	50	88	78	86	170
United Kingdom	532	270	822	493	145
Kanada	28	34	181	30	89
Australia	73	304	172	167	87
India	22	43	76	57	85
Mesir	…	…	28	215	73
Afrika Selatan	29	90	25	3	68
Belgium	…	…	4	…	59
Jerman	28	21	30	54	46
Bahrain	…	0	46	120	44
Jepun	83	58	142	137	39
Bangladesh	2	2	1	0	38
Finland	16	9	6	10	37
Qatar	…	0	0	6	30
Lain-lain	4,958	3,317	4,656	5,254	19,929
antaranya:					
Labuan[2]	*2,972*	*1,130*	*1,600*	*933*	*19,105*
Mauritius	*59*	*82*	*420*	*386*	*220*
British Virgin Islands	*79*	*53*	*4*	*10*	*102*
Kepulauan Cayman	*349*	*37*	*906*	*1,664*	*87*
Isle of Man	*0*	0	…	*175*	*41*
Jumlah	**13,805**	**13,102**	**16,872**	**10,642**	**28,302**

[1] Merujuk kepada pelaburan ekuiti langsung, pembelian harta tanah dan pemberian pinjaman kepada bukan pemastautin di luar negeri. Termasuk modal yang dilaburkan atau pinjaman yang diberikan oleh syarikat milik asing dalam/kepada syarikat induk di luar negeri. Untuk tujuan pengumpulan statistik imbangan pembayaran, modal yang dilaburkan dalam atau pinjaman yang diberikan kepada syarikat induk di luar negeri mestilah ditolak dengan modal yang dilaburkan di Malaysia atau pinjaman yang diberikan oleh syarikat induk di luar negeri. Buat masa ini, Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai tidak dapat mengasingkan urus niaga seperti ini

[2] Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan dianggap sebagai bukan pemastautin untuk tujuan pentadbiran pertukaran asing

… Terlalu kecil

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai, Bank Negara Malaysia

Jadual A.23
Indeks Harga Pengguna (2000=100) Subkumpulan bagi Makanan

	Wajaran (%)	2002	2003	2004
		Perubahan tahunan (%)		
Makanan	33.8	0.7	1.3	2.2
antaranya:				
Makanan di rumah	24.1	0.2	1.6	2.3
Beras, roti dan bijirin lain	5.5	0.1	0.4	0.7
Daging	3.4	-1.3	2.4	4.3
Ikan	4.9	1.0	1.3	3.3
Susu dan telur	2.1	1.0	2.2	2.6
Minyak dan lemak	0.8	1.8	4.4	2.3
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.0	0.2	2.5	1.5
Gula	0.5	-1.9	0.2	0.2
Kopi dan teh	0.8	0.4	1.6	2.1
Makanan lain	1.1	0.3	0.5	1.3
Makanan di luar rumah	9.7	2.0	0.7	2.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.24
Indeks Harga Pengeluar (1989=100)

	Wajaran (%)	2000	2001	2002	2003	2004
		Perubahan tahunan (%)				
Ekonomi Tempatan	100.0	3.1	-5.0	4.4	5.7	8.9
antaranya:						
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	0.4	0.4	0.4	-0.2	3.6
Minuman dan tembakau	2.1	0.4	1.8	3.9	0.9	1.6
Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	1.3	-5.9	7.0	7.5	6.6
Minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan	18.8	33.9	-10.6	0.0	11.4	22.3
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	8.5	-31.9	-17.6	46.5	15.7	13.2
Kimia dan keluaran kimia T.T.T.L.	4.4	1.0	-1.1	-0.7	1.4	4.3
Barang perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	0.9	-0.5	-0.2	1.8	2.5
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.4	-0.1	-0.1	-0.3	0.1	0.1
Pelbagai barang keluaran kilang	3.6	0.9	-0.6	-0.3	0.9	0.6
Pelbagai perniagaan dan urus niaga lain	0.6	0.4	10.3	2.6	0.5	0.2
Pengeluaran Tempatan	79.3	3.6	-6.1	5.7	6.8	10.3
Import	20.7	1.1	-0.3	-0.7	0.8	2.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.25
Bekalan Baru Ruang Pejabat Dibina Khas dan Ruang Perniagaan di Malaysia

Tahun	Ruang Pejabat		Ruang Perniagaan	
	Meter persegi	Kadar penghunian[1] (%)	Meter persegi	Kadar penghunian[1] (%)
1995	460,618	94.7	395,006	74.6
1996	378,186	93.9	331,747	69.2
1997	1,378,989	92.7	1,658,174	77.7
1998	1,606,986	82.0	499,085	67.4
1999	768,633	82.1	97,960	75.7
2000	2,921,324	78.3	737,828	73.9
2001	547,864	77.8	257,743	75.6
2002	374,750	77.9	210,657	77.7
2003	169,548	80.0	507,637	77.9
2004*a* (Jan-Sep)	221,532	81.9	265,324	79.6

[1] Merujuk kepada akhir tempoh
a Awalan

Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jadual A.26
Sewa Purata Bulanan Ruang Pejabat dan Perniagaan Utama di Lembah Klang[1]

Tahun	Ruang Pejabat Utama		Ruang Perniagaan Utama	
	RM/meter persegi	Perubahan tahunan (%)	RM/meter persegi	Perubahan tahunan (%)
1999	42	-8.7	175	8.0
2000	48	14.3	194	10.9
2001	48	0.9	215	11.0
2002	45	-6.7	226	5.0
2003	45	0.0	226	0.0
2004	46	2.2	242	7.1

[1] Merujuk kepada Kuala Lumpur dan Selangor

Sumber: CH Williams Talhar & Wong Sdn. Bhd.

Jadual A.27
Wang Secara Luas (M3)

	Perubahan tahunan					Pada akhir 2004
	2000	2001	2002	2003	2004	
	RM juta					
Wang secara luas (M3)[1]	21,906	13,022	31,607	48,524	68,004	617,654
Mata wang[2]	-1,949	-92	1,751	2,233	2,608	28,552
Deposit permintaan	7,623	2,882	6,718	11,210	10,086	87,466
Separuh wang secara luas	16,232	10,232	23,138	35,082	55,311	501,636
Deposit tetap	*8,207*	*-358*	*12,648*	*17,065*	*24,668*	*351,976*
Deposit tabungan	*6,380*	*4,454*	*5,590*	*5,602*	*6,129*	*68,587*
NID	*-932*	*600*	*3,575*	*1,965*	*8,179*	*19,156*
Repo	*-314*	*4,186*	*2,507*	*8,016*	*13,337*	*46,513*
Deposit mata wang asing	*2,890*	*1,350*	*-1,182*	*2,434*	*2,998*	*15,403*
Faktor Penentu M3						
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	4,388	-1,542	11,538	12,949	-11,807	-3,242
Tuntutan ke atas Kerajaan	*3,326*	*4,165*	*-867*	*3,960*	*8,649*	*41,556*
Tolak: Deposit Kerajaan	*-1,062*	*5,707*	*-12,405*	*-8,989*	*20,457*	*44,798*
Tuntutan ke atas sektor swasta	25,968	20,335	27,737	31,287	30,261	596,606
Pinjaman	*21,566*	*17,081*	*19,288*	*21,468*	*39,815*	*515,165*
Sekuriti	*4,402*	*3,255*	*8,449*	*9,819*	*-9,554*	*81,441*
Operasi luar bersih	7,336	6,741	1,237	20,748	82,233	219,786
Bank Negara Malaysia[3]	*1,633*	*7,722*	*7,564*	*27,131*	*75,072*	*213,169*
Sistem perbankan	*5,703*	*-980*	*-6,327*	*-6,383*	*7,161*	*6,617*
Pengaruh lain	-15,786	-12,513	-8,905	-16,460	-32,683	-195,496

[1] Tidak termasuk simpanan deposit antara institusi perbankan
[2] Tidak termasuk pemegangan oleh sistem perbankan
[3] Termasuk penilaian semula kerugian/keuntungan kadar pertukaran mata wang asing

Jadual A.28
Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan Tahunan

	M3[5]													
			M2[3]											
					M1[1]									
	Jumlah		Jumlah		Jumlah		Mata wang		Deposit permintaan		Separuh wang secara kecil[2]		Deposit di institusi perbankan yang lain[4]	
	RM j	%	RM j	%	RM j	%	RM j	%	RM j	%	RM j	%	RM j	%
2000	21,906	5.0	17,564	5.2	4,769	6.5	-2,517	-10.2	7,287	15.0	12,795	4.9	4,342	4.5
2001	13,022	2.9	7,810	2.2	2,512	3.2	-115	-0.5	2,627	4.7	5,298	1.9	5,213	5.1
2002	31,607	6.7	21,030	5.8	8,344	10.3	1,749	7.9	6,595	11.3	12,686	4.5	10,576	9.9
2003	48,524	9.7	42,519	11.1	13,032	14.6	2,205	9.2	10,827	16.6	29,487	10.0	6,005	5.1
2004	68,004	12.4	108,116	25.4	12,179	11.9	2,530	9.7	9,649	12.7	95,937	29.6	-40,112	-32.5

[1] Mata wang dalam edaran dan deposit permintaan sektor swasta
[2] Terdiri daripada deposit tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga (NID), repo dan deposit mata wang asing sektor swasta yang disimpan di bank perdagangan dan bank-bank Islam
[3] M1 campur separuh wang secara kecil
[4] Terdiri daripada deposit tetap dan repo sektor swasta yang disimpan di syarikat kewangan, bank saudagar dan syarikat diskaun. Juga termasuk deposit tabungan yang disimpan di syarikat kewangan, instrumen deposit boleh niaga (NID) yang disimpan di syarikat kewangan dan bank saudagar, deposit mata wang asing yang disimpan di bank saudagar dan deposit panggilan di syarikat diskaun. Tidak termasuk simpanan deposit antara institusi perbankan
[5] M2 campur deposit yang disimpan di institusi perbankan yang lain

Jadual A.29
Kadar Faedah (%)

	Kadar purata pada akhir tahun				Kadar purata pada akhir bulan 2004											
	2000	2001	2002	2003	Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sep.	Okt.	Nov.	Dis.
Antara bank 3 bulan	3.25	3.27	3.13	2.87	2.89	2.85	2.85	2.85	2.91	2.83	2.83	2.80	2.83	2.82	2.80	2.80
Bank perdagangan:																
Deposit tetap:																
3 bulan	3.48	3.21	3.20	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00
12 bulan	4.24	4.00	4.00	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70
Deposit tabungan	2.72	2.28	2.12	1.86	1.83	1.83	1.77	1.77	1.74	1.73	1.72	1.69	1.65	1.64	1.59	1.58
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)	6.78	6.39	6.39	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	5.98	5.98	5.98	5.98	5.98	5.98	5.98	5.98
Syarikat kewangan:																
Deposit tetap:																
3 bulan	3.52	3.22	3.20	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00
12 bulan	4.27	4.01	4.00	3.68	3.66	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70	3.70
Deposit tabungan	3.44	2.94	2.65	2.18	2.20	2.19	2.14	2.14	2.11	1.99	1.93	1.79	1.93	1.99	2.04	1.98
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)	7.95	7.45	7.45	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90	6.90
Bil Perbendaharaan (91 hari)	2.98	2.73	2.82	2.77	2.68	2.38	2.54	2.49	2.58	2.57	2.34	2.51	2.52	2.35	1.84	1.96
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	3.36	2.93	2.94	2.93	2.76	2.67	2.73	2.74	2.78	2.75	2.74	2.76	2.74	2.53	1.77	2.24
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	4.80	3.18	3.15	4.28	3.92	4.30	4.08	4.16	4.35	4.41	4.28	4.27	4.09	3.95	3.60	3.64

Jadual A.30
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	RM juta				
Hasil[1]	76,002	91,633	96,763	107,055	116,663
% pertumbuhan	*7.2*	*20.6*	*5.6*	*10.6*	*9.0*
Perbelanjaan mengurus	64,445	72,299	75,450	84,163	102,727
% pertumbuhan	*18.7*	*12.2*	*4.4*	*11.5*	*22.1*
Lebihan semasa PABK[2]	41,204	39,484	45,324	55,651	52,295
Imbangan semasa	**52,761**	**58,818**	**66,637**	**78,543**	**66,231**
% daripada KDNK	***15.4***	***17.6***	***18.5***	***19.9***	***14.8***
Perbelanjaan pembangunan bersih[3]	50,439	59,724	69,125	83,315	67,772
% pertumbuhan	*8.7*	*18.4*	*15.7*	*20.5*	*-18.7*
Sektor kerajaan[4]	27,079	35,692	36,828	43,155	33,638
PABK	23,360	24,032	32,297	40,160	34,135
Imbangan keseluruhan	**2,322**	**-906**	**-2,488**	**-4,772**	**-1,541**
% daripada KDNK	***0.7***	***-0.3***	***-0.7***	***-1.2***	***-0.3***

1 Tidak termasuk bayaran pindahan dalam sektor kerajaan
2 Merujuk kepada 34 PABK pada tahun 2003 dan 2004; 36 PABK pada tahun 2002
3 Diselaras untuk bayaran pindahan dan pemberian pinjaman bersih dalam sektor awam
4 Meliputi Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan kerajaan tempatan
a Anggaran
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan, kerajaan negeri dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual A.31
Negara-negara Perindustrian Utama: Penunjuk Ekonomi Utama

	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2005*r*
	Perubahan tahunan (%)					
KDNK BENAR						
Negara-negara Perindustrian Utama	**3.8**	**1.2**	**1.6**	**2.0**	**3.4**	**2.6**
Amerika Syarikat	3.7	0.8	1.9	3.0	4.4	3.5
Jepun	2.4	0.2	-0.3	1.4	2.6	1.3
Kawasan euro	3.5	1.6	0.9	0.5	2.0	1.5
Jerman	*2.9*	*0.8*	*0.1*	*-0.1*	*1.6*	*1.0*
United Kingdom	3.9	2.3	1.8	2.2	3.1	2.1
INFLASI						
Negara-negara Perindustrian Utama	**2.2**	**2.1**	**1.5**	**1.8**	**2.0**	**2.1**
Amerika Syarikat	3.4	2.8	1.6	2.3	2.7	3.0
Jepun	-0.7	-0.7	-0.9	-0.3	0.0	-0.1
Kawasan euro	2.1	2.4	2.3	2.1	2.2	1.9
Jerman	*1.4*	*1.9*	*1.3*	*1.0*	*1.8*	*1.3*
United Kingdom[1]	0.8	1.2	1.3	1.4	1.3	1.9
	% daripada tenaga buruh					
PENGANGGURAN						
Negara-negara Perindustrian Utama						
Amerika Syarikat	4.0	4.8	5.8	6.0	5.5	5.4
Jepun	4.7	5.0	5.4	5.3	4.7	4.5
Kawasan euro	8.5	8.0	8.5	8.9	8.9	8.7
Jerman	*7.8*	*7.9*	*8.7*	*9.6*	*9.8*	*9.5*
United Kingdom	5.5	5.1	5.2	5.0	4.8	4.8
	% daripada KDNK					
IMBANGAN AKAUN SEMASA						
Negara-negara Perindustrian Utama						
Amerika Syarikat	-4.2	-3.8	-4.5	-4.8	-5.5	-5.1
Jepun	2.5	2.1	2.8	3.2	3.7	3.2
Kawasan euro	-0.5	0.2	0.8	0.3	0.5	0.9
Jerman	*-1.4*	*0.1*	*2.2*	*2.2*	*3.7*	*4.8*
United Kingdom	-2.5	-2.3	-1.7	-1.7	-2.4	-1.9
IMBANGAN FISKAL						
Negara-negara Perindustrian Utama						
Amerika Syarikat	2.0	0.5	-2.4	-3.3	-3.3	-3.3
Jepun	-6.9	-6.3	-6.9	-6.6	-6.8	-6.3
Jerman	1.4	-1.4	-1.7	-1.9	-1.7	-1.7
United Kingdom	3.9	0.8	-1.7	-3.6	-3.2	-3.0

[1] Merujuk kepada Indeks Harga Runcit, tidak termasuk kadar faedah gadai janji
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: *IMF World Economic Outlook, September 2004*
OECD Economic Outlook, December 2004

Jadual A.32
Asia Timur: Penunjuk Ekonomi Utama

	2000	2001	2002	2003	2004*a*	2005*r*
KDNK BENAR	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau	**7.7**	**4.3**	**6.4**	**6.4**	**7.5**	**6.3 ~ 6.5**
Republik Rakyat China	8.0	7.5	8.3	9.3	9.5	8.5
Korea	8.5	3.8	7.0	3.1	4.7	4.0
China Taipei	5.8	-2.2	3.9	3.3	5.7	4.2
Singapura	9.7	-1.9	2.2	1.4	8.4	3.0 ~ 5.0
Hong Kong China	10.2	0.5	1.9	3.2	7.5	4.5
Malaysia	8.9	0.3	4.1	5.3	7.1	5.0 ~ 6.0
Thailand	4.8	2.2	5.3	6.9	6.1	5.3 ~ 6.3
Indonesia	4.9	3.8	4.3	4.9	5.1	5.0 ~ 6.0
Filipina	6.0	1.8	4.3	4.7	6.1	5.3 ~ 6.3
HARGA PENGGUNA	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau	**1.2**	**2.4**	**1.3**	**1.8**	**3.4**	**2.9 ~ 3.2**
Republik Rakyat China	0.4	0.7	-0.8	1.2	3.9	3.0
Korea	2.2	4.1	2.7	3.6	3.6	3.0
China Taipei	1.3	0.0	-0.2	-0.3	1.6	1.9
Singapura	1.3	1.0	-0.4	0.5	1.7	1.0 ~ 2.0
Hong Kong China[1]	-3.8	-1.6	-3.0	-2.6	-0.4	1.5
Malaysia	1.6	1.4	1.8	1.2	1.4	2.5
Thailand	1.6	1.6	0.7	1.8	2.8	2.5 ~ 3.5
Indonesia	3.8	11.5	11.9	6.6	6.1	5.0 ~ 7.0
Filipina	4.4	6.1	3.1	3.1	5.9	5.0 ~ 6.0
IMBANGAN AKAUN SEMASA	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	1.9	1.5	2.8	3.2	2.4	2.8
Korea	2.4	1.7	1.0	2.0	3.1	3.3
China Taipei	2.9	6.5	9.1	10.2	6.9	6.0
Singapura	14.3	18.7	21.4	30.9	25.7	23.9
Hong Kong China	4.3	6.1	7.9	10.7	10.0	9.6
Malaysia	9.4	8.3	8.4	12.9	12.6	14.1
Thailand	7.6	5.4	5.5	5.6	3.8	2.0
Indonesia	5.3	4.8	4.5	3.5	2.9	1.9
Filipina	8.4	1.9	5.8	4.9	2.8	1.8
IMBANGAN FISKAL[2]	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	-3.6	-3.1	-3.3	-2.8	-2.2	-2.0
Korea	1.1	1.6	3.9	1.8	t.d.	t.d.
China Taipei	-3.2	-6.6	-3.0	-2.5	t.d.	t.d.
Singapura	2.5	-1.8	0.1	-1.2	-0.8	t.d.
Hong Kong China	-0.6	-5.0	-4.9	-3.3	t.d.	t.d.
Malaysia	-5.7	-5.5	-5.6	-5.3	-4.3	t.d.
Thailand	-2.2	-2.4	-1.4	0.4	t.d.	t.d.
Indonesia	-5.1	-2.3	-1.7	-1.9	-1.2	t.d.
Filipina	-4.0	-4.0	-5.3	-4.6	-3.8	-3.4

[1] Merujuk kepada harga komposit
[2] Merujuk kepada imbangan kerajaan pusat
a Anggaran
r Ramalan
t.d. Tidak diperoleh

Sumber: Sumber Negara
IMF World Economic Outlook, September 2004

Jadual A.33
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	2000	2001	2002	2003	2004*a*
	RM juta				
Sumber Dana:					
Modal, rizab dan keuntungan	120,990.7	123,863.2	134,871.7	148,997.5	164,006.2
Mata wang	26,708.9	25,385.4	27,137.4	29,445.4	32,353.9
Deposit permintaan	83,205.3	92,129.0	87,539.5	92,117.8	124,333.4
Deposit lain[1] (antaranya):	503,079.1	508,836.0	547,135.3	617,286.6	711,241.9
Sektor awam	*45,385.0*	*44,971.3*	*44,767.7*	*40,563.0*	*39,175.5*
Institusi kewangan lain	*110,791.5*	*102,161.7*	*122,405.2*	*161,311.5*	*197,022.6*
Sektor swasta	*339,770.3*	*354,996.6*	*372,884.1*	*406,049.3*	*461,718.4*
Asing	*7,132.3*	*6,706.4*	*7,078.4*	*9,362.8*	*13,325.4*
Peminjaman	34,820.5	37,380.8	44,948.0	48,715.3	51,231.4
Dana dari institusi kewangan lain	67,603.3	68,552.4	70,836.8	87,571.5	72,028.7
Tempatan[2]	*51,355.6*	*53,448.2*	*46,973.0*	*61,837.8*	*34,434.9*
Asing	*16,247.7*	*15,104.2*	*23,863.8*	*25,733.6*	*37,593.7*
Kumpulan wang insurans, simpanan dan pencen	236,640.1	251,409.8	274,384.5	305,657.0	339,216.1
Tanggungan lain	190,138.3	193,163.0	208,266.6	233,289.0	268,177.1
Jumlah Tanggungan	**1,263,186.3**	**1,300,719.6**	**1,395,119.8**	**1,563,080.0**	**1,762,588.8**
Kegunaan Dana:					
Mata wang	8,834.4	5,336.7	7,369.8	5,573.8	6,066.8
Deposit dengan institusi kewangan lain	183,470.2	177,102.0	187,883.0	226,303.7	247,594.0
Tempatan	*162,274.1*	*156,662.9*	*166,670.3*	*211,075.6*	*214,010.0*
Asing	*21,196.1*	*20,439.1*	*21,212.7*	*15,228.0*	*33,584.0*
Pinjaman dan pendahuluan	512,428.5	528,348.3	560,459.4	599,285.5	655,557.8
Sektor awam	*5,529.4*	*5,188.8*	*10,191.0*	*4,670.1*	*5,007.7*
Institusi kewangan lain	*26,450.3*	*25,984.9*	*23,746.4*	*24,295.3*	*24,385.1*
Sektor swasta	*477,954.0*	*494,977.2*	*524,393.4*	*567,980.1*	*623,497.6*
Asing	*2,494.8*	*2,197.4*	*2,128.5*	*2,340.0*	*2,667.4*
Sekuriti	298,033.1	336,379.3	361,113.3	409,488.6	429,771.6
Bil Perbendaharaan	*4,260.4*	*4,063.5*	*5,680.0*	*3,539.4*	*440.4*
Bil Perdagangan	*12,312.0*	*12,222.5*	*13,321.8*	*13,468.4*	*8,403.7*
Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	*88,197.3*	*103,714.8*	*104,354.9*	*125,165.0*	*139,757.6*
Korporat[3]	*186,728.5*	*207,130.1*	*226,671.9*	*254,197.9*	*268,163.7*
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	*t.d.*	*t.d.*	*t.d.*	*122,237.8*	*129,210.1*
Ekuiti	*t.d.*	*t.d.*	*t.d.*	*131,960.1*	*138,953.6*
Asing	*1,233.9*	*2,720.3*	*3,189.7*	*3,429.0*	*4,584.3*
Lain-lain	*5,301.1*	*6,528.0*	*7,894.9*	*9,688.7*	*8,421.9*
Emas dan rizab pertukaran asing	109,835.5	113,542.3	127,515.1	166,139.3	249,704.1
Harta lain	150,584.5	140,011.1	150,779.3	156,289.1	173,894.4
Jumlah Harta	**1,263,186.3**	**1,300,719.6**	**1,395,119.8**	**1,563,080.0**	**1,762,588.8**

[1] Bersamaan tabungan, deposit tetap dan lain-lain (NIF, LPHT, dll.) NID + repo
[2] Termasuk rizab berkanun institusi perbankan
[3] Pecahan Sekuriti Korporat antara Sekuriti Hutang Swasta (PDS) dan Ekuiti mula diperoleh sejak tahun 2003
a Awalan
t.d. Tidak diperoleh

Jadual A.34
Bank Perdagangan[1]: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun									
	2000		2001		2002		2003		2004	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan pinjaman	12,249.3	4.0	11,282.3	3.3	11,440.7	2.7	13,817.4	2.9	17,352.4	2.8
Komitmen pemberian pinjaman	137,597.3	44.4	159,824.0	46.4	167,530.0	39.9	169,490.0	35.8	198,002.5	31.7
Gantian kredit langsung	14,999.8	4.8	13,894.6	4.0	12,705.8	3.0	14,156.4	3.0	14,232.5	2.3
Kontrak berkaitan pertukaran wang asing	84,506.6	27.3	81,445.1	23.6	85,361.0	20.4	101,288.1	21.4	176,020.7	28.2
Kontrak berkaitan kadar faedah	15,987.1	5.2	32,667.8	9.5	90,528.5	21.6	121,567.6	25.7	159,931.1	25.6
Kontingensi berkaitan perdagangan	14,785.5	4.8	13,465.3	3.9	17,438.5	4.2	19,404.3	4.1	22,409.2	3.6
Kontingensi berkaitan urus niaga	18,485.7	6.0	19,025.6	5.5	20,639.0	4.9	20,448.1	4.3	20,250.6	3.2
Obligasi penajajaminan	1,664.4	0.5	1,768.1	0.5	1,952.0	0.5	1,808.4	0.4	1,466.9	0.2
Lain-lain	9,518.3	3.1	11,293.9	3.3	11,838.6	2.8	11,600.3	2.4	14,593.0	2.3
Jumlah	**309,794.0**	**100.0**	**344,666.6**	**100.0**	**419,434.0**	**100.0**	**473,580.6**	**100.0**	**624,259.0**	**100.0**

[1] Tidak termasuk bank-bank Islam
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.35
Syarikat Kewangan: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun									
	2000		2001		2002		2003		2004	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan pinjaman	8,186.1	41.8	9,990.7	48.9	13,983.8	53.0	13,010.2	51.4	7,963.5	50.1
Komitmen pemberian pinjaman	9,640.4	49.2	8,779.9	43.0	9,136.1	34.6	9,241.1	36.5	4,718.1	29.7
Gantian kredit langsung	611.0	3.1	198.3	1.0	141.6	0.5	136.3	0.5	52.0	0.3
Kontrak berkaitan pertukaran wang asing	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Kontrak berkaitan kadar faedah	1,007.0	5.1	1,389.0	6.8	3,109.0	11.8	2,929.0	11.6	3,160.0	19.9
Kontingensi berkaitan perdagangan	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Kontingensi berkaitan urus niaga	41.6	0.2	40.7	0.2	29.1	0.1	15.9	0.1	12.9	0.1
Obligasi penajajaminan	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Lain-lain	105.4	0.5	32.6	0.2	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Jumlah	**19,591.7**	**100.0**	**20,431.3**	**100.0**	**26,399.5**	**100.0**	**25,332.6**	**100.0**	**15,906.5**	**100.0**

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.36
Bank Saudagar: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun									
	2000		2001		2002		2003		2004	
	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian	RM juta	% bahagian
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan pinjaman	161.0	0.6	1,425.5	2.9	1,736.0	2.2	1,595.2	1.3	2,493.7	1.4
Komitmen pemberian pinjaman	4,114.8	16.0	2,639.7	5.4	2,089.1	2.7	2,545.9	2.1	2,337.6	1.3
Gantian kredit langsung	2,111.4	8.2	1,325.1	2.7	1,039.3	1.3	1,226.8	1.0	1,126.2	0.6
Kontrak berkaitan pertukaran wang asing	964.7	3.8	1,320.1	2.7	1,506.6	1.9	1,459.9	1.2	2,877.6	1.6
Kontrak berkaitan kadar faedah	15,686.3	61.0	39,658.8	81.2	70,701.1	89.7	115,332.1	92.9	169,300.3	94.1
Kontingensi berkaitan perdagangan	1.2	0.0	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Kontingensi berkaitan urus niaga	886.0	3.4	790.4	1.6	749.0	1.0	818.2	0.7	676.6	0.4
Obligasi penajajaminan	1,653.5	6.4	1,617.5	3.3	937.5	1.2	1,139.0	0.9	1,029.6	0.6
Lain-lain	118.3	0.5	80.0	0.2	44.1	0.1	55.4	0.0	44.6	0.0
Jumlah	**25,697.1**	**100.0**	**48,857.2**	**100.0**	**78,802.7**	**100.0**	**124,172.6**	**100.0**	**179,886.2**	**100.0**

Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.37
Bank Perdagangan[1]: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kewangan			Untuk tahun kalendar		
	2001	2002	2003	2002	2003	2004*a*
	RM juta					
Pendapatan faedah selepas ditolak faedah tergantung	24,969.7	25,157.7	25,832.4	25,055.5	26,383.7	30,120.2
(Faedah tergantung)	*3,488.2*	*3,959.0*	*3,296.1*	*3,759.7*	*3,149.6*	*2,562.2*
Tolak: Perbelanjaan faedah	12,961.4	12,876.2	13,105.7	12,808.6	13,400.2	15,346.6
Pendapatan faedah bersih	12,008.4	12,281.5	12,726.7	12,247.0	12,983.5	14,773.6
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,429.6	2,827.1	3,083.7	2,871.8	3,267.3	3,889.2
Tolak: Kos kakitangan	3,624.3	3,635.1	3,776.1	3,688.1	3,879.3	4,512.1
Kos overhed	3,641.8	4,116.4	4,314.9	4,175.3	4,328.2	5,042.4
Keuntungan operasi kasar	7,171.9	7,357.1	7,719.4	7,255.3	8,043.4	9,108.3
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu, dan lain-lain	6,003.2	3,984.2	2,646.6	3,807.4	2,869.3	3,905.7
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	1,168.7	3,372.8	5,072.8	3,447.9	5,174.1	5,202.5
Campur: Pendapatan lain	3,475.6	2,986.8	1,699.5	2,909.4	1,553.8	2,891.8
Untung sebelum cukai	**4,644.3**	**6,359.7**	**6,772.3**	**6,357.3**	**6,727.9**	**8,094.3**

[1] Tidak termasuk bank-bank Islam
a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.38
Syarikat Kewangan: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kewangan			Untuk tahun kalendar		
	2001	2002	2003	2002	2003	2004*a*
	RM juta					
Pendapatan faedah selepas ditolak faedah tergantung	7,637.4	9,299.7	8,956.8	8,824.1	9,202.4	7,892.9
(Faedah tergantung)	*1,161.5*	*1,452.4*	*1,339.4*	*1,521.6*	*1,327.7*	*968.5*
Tolak: Perbelanjaan faedah	3,375.8	4,094.5	3,955.1	3,884.2	4,005.6	3,455.1
Pendapatan faedah bersih	4,261.6	5,205.1	5,001.8	4,939.8	5,196.8	4,437.8
Campur: Pendapatan berasaskan fi	224.8	103.0	88.1	104.2	100.9	88.1
Tolak: Kos kakitangan	663.0	802.1	785.2	783.0	812.7	687.3
Kos overhed	786.8	1,093.9	934.0	1,018.5	959.4	895.1
Keuntungan operasi kasar	3,036.6	3,412.2	3,370.6	3,242.6	3,525.6	2,943.4
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu, dan lain-lain	1,371.6	1,524.4	971.8	1,370.9	1,022.7	368.6
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	1,664.9	1,887.8	2,398.7	1,871.7	2,502.9	2,574.9
Campur: Pendapatan lain	369.2	524.2	176.8	507.7	140.8	164.5
Untung sebelum cukai	**2,034.1**	**2,412.0**	**2,575.5**	**2,379.4**	**2,643.7**	**2,739.4**

a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.39
Bank Saudagar: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kewangan			Untuk tahun kalendar		
	2001	2002	2003	2002	2003	2004*a*
	RM juta					
Pendapatan faedah selepas ditolak faedah tergantung	1,783.7	1,714.3	1,624.3	1,601.0	1,636.5	1,645.8
(Faedah tergantung)	*313.8*	*328.1*	*258.1*	*296.8*	*220.9*	*173.0*
Tolak: Perbelanjaan faedah	1,176.9	1,138.7	1,081.7	1,070.1	1,145.7	1,173.4
Pendapatan faedah bersih	606.8	575.5	542.6	530.9	490.8	472.5
Campur: Pendapatan berasaskan fi	296.3	306.2	332.6	338.2	327.6	350.4
Tolak: Kos kakitangan	204.9	214.8	263.1	226.5	260.6	297.2
Kos overhed	118.1	117.0	130.8	121.3	133.4	154.6
Keuntungan operasi kasar	580.1	549.9	481.4	521.2	424.3	371.1
Tolak: Peruntukan hutang lapuk dan ragu, dan lain-lain	894.7	371.6	306.0	318.2	137.4	56.3
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	-314.6	178.3	175.3	203.1	287.0	314.9
Campur: Pendapatan lain	624.6	488.3	519.6	388.3	398.2	550.7
Untung sebelum cukai	**310.0**	**666.6**	**695.0**	**591.3**	**685.2**	**865.5**

a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.40
Bank Perdagangan[1] dan Syarikat Kewangan: Garis Panduan Pemberian Pinjaman Kepada Sektor Keutamaan

	Tarikh Pematuhan 31 Disember 2004	
	Garis Panduan Pemberian Pinjaman 2003/2004	
	Sasaran	Pencapaian
Komitmen Pinjaman Perumahan		
Jumlah bilangan rumah (unit)	100,000	160,272
Ketidakpatuhan (bilangan institusi)	–	8
Pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana		
Jumlah pinjaman diluluskan (RM bilion)	28.1	44.7
Ketidakpatuhan (bilangan institusi)	–	6

[1] Termasuk prestasi bank-bank Islam

Jadual A.41
Bank Perdagangan[1]: Haluan Pemberian Pinjaman

	Pinjaman mengikut Sektor (RM juta)					% bahagian				
Pada akhir tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004
Perusahaan perniagaan	**183,337.0**	**180,310.0**	**179,580.1**	**177,547.5**	**194,323.8**	**59.5**	**56.8**	**54.6**	**51.3**	**44.5**
Isi rumah	**94,459.7**	**107,402.9**	**122,806.1**	**140,998.2**	**213,386.9**	**30.6**	**33.8**	**37.3**	**40.7**	**48.8**
Lain-lain	**30,559.8**	**29,687.8**	**26,648.1**	**27,484.4**	**29,194.4**	**9.9**	**9.4**	**8.1**	**7.9**	**6.7**
Jumlah[2]	**308,356.6**	**317,400.7**	**329,034.3**	**346,030.0**	**436,905.1**					
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	9,277.9	9,935.6	10,010.8	9,090.2	9,708.6	3.0	3.1	3.0	2.6	2.2
Perlombongan dan kuari	1,151.5	996.6	805.7	927.1	868.2	0.4	0.3	0.2	0.3	0.2
Perkilangan	56,489.0	55,949.5	55,090.8	55,122.2	58,133.3	18.3	17.6	16.7	15.9	13.3
Bekalan elektrik, gas dan air	6,838.2	4,383.2	5,595.1	4,587.6	4,744.8	2.2	1.4	1.7	1.3	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	31,218.9	31,565.9	32,500.5	34,465.4	40,710.2	10.1	9.9	9.9	10.0	9.3
Perdagangan borong	*17,771.9*	*18,183.7*	*19,047.5*	*20,183.3*	*24,553.2*	*5.8*	*5.7*	*5.8*	*5.8*	5.6
Perdagangan runcit	*9,169.1*	*9,424.6*	*9,788.0*	*10,343.6*	*12,170.6*	*3.0*	*3.0*	*3.0*	*3.0*	*2.8*
Restoran dan hotel	*4,277.8*	*3,957.7*	*3,664.9*	*3,938.4*	*3,986.4*	*1.4*	*1.2*	*1.1*	*1.1*	*0.9*
Sektor harta benda yang luas	117,502.7	129,269.9	139,615.3	154,985.5	187,382.6	38.1	40.7	42.4	44.8	42.9
Pembinaan	*25,342.7*	*24,286.3*	*22,871.8*	*21,113.8*	*24,629.9*	*8.2*	*7.7*	*7.0*	*6.1*	*5.6*
Pembelian harta kediaman	*59,094.7*	*71,052.3*	*83,747.2*	*98,762.4*	*122,189.1*	*19.2*	*22.4*	*25.5*	28.5	*28.0*
Pembelian harta bukan kediaman	*21,172.1*	*21,285.0*	*21,691.3*	*23,376.2*	*28,350.7*	*6.9*	*6.7*	*6.6*	*6.8*	*6.5*
Harta tanah	*11,893.2*	*12,646.3*	*11,305.0*	*11,733.1*	*12,212.8*	*3.9*	*4.0*	*3.4*	*3.4*	*2.8*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	8,712.1	7,546.6	7,508.1	8,080.3	8,167.9	2.8	2.4	2.3	2.3	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	28,331.1	29,628.1	27,256.4	26,982.4	29,460.7	9.2	9.3	8.3	7.8	6.7
Perkhidmatan kewangan	*21,139.8*	*21,545.4*	*19,715.1*	*19,824.2*	*20,514.6*	*6.9*	*6.8*	*6.0*	*5.7*	*4.7*
Insurans	*256.7*	*533.5*	*587.9*	*191.6*	*124.3*	*0.1*	*0.2*	*0.2*	*0.1*	*0.0*
Perkhidmatan perniagaan	*6,934.6*	*7,549.2*	*6,953.4*	*6,966.6*	*8,821.8*	*2.2*	*2.4*	*2.1*	*2.0*	*2.0*
Kredit penggunaan	19,679.6	21,078.9	22,942.4	24,868.0	66,686.8	6.4	6.6	7.0	7.2	*15.3*
Kegunaan persendirian	*12,035.0*	*12,277.2*	*13,131.9*	*13,626.3*	*15,555.2*	*3.9*	*3.9*	*4.0*	*3.9*	*3.6*
Kad kredit	*5,987.6*	*7,290.2*	*8,962.4*	*10,487.3*	*12,711.2*	*1.9*	*2.3*	*2.7*	*3.0*	*2.9*
Pembelian barangan pengguna	*691.5*	*433.4*	*323.8*	*311.2*	*271.1*	*0.2*	*0.1*	*0.1*	*0.1*	*0.1*
Pembelian kereta penumpang	*965.5*	*1,078.1*	*524.3*	*443.2*	*38,149.3*	*0.3*	*0.3*	*0.2*	*0.1*	*8.7*
Pembelian sekuriti	15,235.8	14,166.5	15,460.0	14,248.9	16,939.7	4.9	4.5	4.7	4.1	3.9
Pembelian kenderaan pengangkutan	131.7	121.9	58.9	54.4	890.1	0.0	0.0	0.0	0.0	0.2
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	4,689.6	4,584.2	4,511.1	3,744.1	4,427.2	1.5	1.4	1.4	1.1	1.0
Lain-lain	9,098.4	8,173.7	7,679.3	8,874.0	8,785.0	3.0	2.6	2.3	2.6	2.0

[1] Tidak termasuk bank-bank Islam
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.42
Syarikat Kewangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Pinjaman mengikut Sektor (RM juta)					% bahagian				
Pada akhir tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004
Perusahaan perniagaan	**25,106.7**	**24,185.4**	**21,951.0**	**21,568.3**	**11,644.9**	**29.8**	**26.1**	**21.8**	**20.2**	**20.8**
Isi rumah	**57,981.4**	**67,777.0**	**77,908.9**	**84,704.9**	**44,138.4**	**68.9**	**73.1**	**77.5**	**79.2**	**78.7**
Lain-lain	**1,048.2**	**716.2**	**611.9**	**621.2**	**307.0**	**1.2**	**0.8**	**0.6**	**0.6**	**0.5**
Jumlah[1]	**84,136.3**	**92,678.6**	**100,471.7**	**106,894.4**	**56,090.3**					
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	732.5	641.0	562.9	569.4	483.2	0.9	0.7	0.6	0.5	0.9
Perlombongan dan kuari	187.0	175.9	113.0	106.3	59.3	0.2	0.2	0.1	0.1	0.1
Perkilangan	2,891.0	3,004.3	2,513.9	2,763.2	1,904.5	3.4	3.2	2.5	2.6	3.4
Bekalan elektrik, gas dan air	59.1	46.9	50.1	50.8	28.6	0.1	0.1	0.0	0.0	0.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	3,283.4	3,350.7	3,466.0	3,635.2	1,593.9	3.9	3.6	3.4	3.4	2.8
Perdagangan borong	*1,122.5*	*1,340.8*	*1,361.7*	*1,428.4*	*561.1*	*1.3*	*1.4*	*1.4*	*1.3*	*1.0*
Perdagangan runcit	*1,618.9*	*1,504.6*	*1,576.1*	*1,623.5*	*684.9*	*1.9*	*1.6*	*1.6*	*1.5*	*1.2*
Restoran dan hotel	*542.0*	*505.3*	*528.1*	*583.3*	*348.0*	*0.6*	*0.5*	*0.5*	*0.5*	*0.6*
Sektor harta benda yang luas	25,400.2	26,021.8	25,880.9	25,519.5	12,226.5	30.2	28.1	25.8	23.9	21.8
Pembinaan	*6,137.6*	*6,015.7*	*5,504.1*	*5,332.2*	*2,708.1*	*7.3*	*6.5*	*5.5*	*5.0*	*4.8*
Pembelian harta kediaman	*12,417.2*	*13,035.6*	*14,042.2*	*14,645.5*	*7,009.2*	*14.8*	*14.1*	*14.0*	*13.7*	*12.5*
Pembelian harta bukan kediaman	*5,318.6*	*5,427.5*	*4,895.8*	*4,408.0*	*1,825.9*	*6.3*	*5.9*	*4.9*	*4.1*	*3.3*
Harta tanah	*1,526.8*	*1,543.0*	*1,438.7*	*1,133.8*	*683.3*	*1.8*	*1.7*	*1.4*	*1.1*	*1.2*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2,077.4	1,863.8	1,785.2	1,649.5	1,295.9	2.5	2.0	1.8	1.5	2.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	1,968.1	1,458.2	1,419.2	1,380.3	688.6	2.3	1.6	1.4	1.3	1.2
Perkhidmatan kewangan	*616.4*	*373.9*	*271.5*	*237.2*	*153.3*	*0.7*	*0.4*	*0.3*	*0.2*	*0.3*
Insurans	*20.0*	*16.3*	*16.5*	*14.4*	*2.9*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*
Perkhidmatan perniagaan	*1,331.7*	*1,068.0*	*1,131.2*	*1,128.6*	*532.4*	*1.6*	*1.2*	*1.1*	*1.1*	*0.9*
Kredit penggunaan	38,743.4	46,794.0	56,880.5	63,592.9	34,960.4	46.0	50.5	56.6	59.5	62.3
Kegunaan persendirian	*802.1*	*904.6*	*789.5*	*953.3*	*804.7*	*1.0*	*1.0*	*0.8*	*0.9*	*1.4*
Kad kredit	*1,372.0*	*1,521.9*	*1,601.2*	*1,658.8*	*1,396.8*	*1.6*	*1.6*	*1.6*	*1.6*	*2.5*
Pembelian barangan pengguna	*104.7*	*39.5*	*38.9*	*21.3*	*10.7*	*0.1*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*
Pembelian kereta penumpang	*36,464.6*	*44,328.0*	*54,450.9*	*60,959.5*	*32,748.3*	*43.3*	*47.8*	*54.2*	*57.0*	*58.4*
Pembelian sekuriti	5,895.7	4,788.1	3,950.5	3,621.6	723.5	7.0	5.2	3.9	3.4	1.3
Pembelian kenderaan pengangkutan	1,509.1	3,190.7	2,570.1	2,577.4	1,530.7	1.8	3.4	2.6	2.4	2.7
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	919.7	952.0	962.0	1,062.4	515.4	1.1	1.0	1.0	1.0	0.9
Lain-lain	469.7	391.2	317.6	366.0	79.7	0.6	0.4	0.3	0.3	0.1

[1] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.43
Bank Saudagar: Haluan Pemberian Pinjaman

	Pinjaman mengikut Sektor (RM juta)					% bahagian				
Pada akhir tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004
Perusahaan perniagaan	**15,733.0**	**13,304.0**	**12,282.6**	**9,897.8**	**8,355.7**	**90.6**	**91.1**	**91.1**	**89.6**	**87.7**
Isi rumah	**464.7**	**337.3**	**317.1**	**383.1**	**560.1**	**2.7**	**2.3**	**2.4**	**3.5**	**5.9**
Lain-lain	**1,165.4**	**965.5**	**881.4**	**762.1**	**610.6**	**6.7**	**6.6**	**6.5**	**6.9**	**6.4**
Jumlah[1]	**17,363.1**	**14,606.8**	**13,481.0**	**11,042.9**	**9,526.4**					
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	1,019.7	864.4	807.4	652.3	445.5	5.9	5.9	6.0	5.9	4.7
Perlombongan dan kuari	88.4	87.5	69.2	47.7	47.4	0.5	0.6	0.5	0.4	0.5
Perkilangan	2,222.6	2,205.0	2,012.1	1,667.9	1,330.1	12.8	15.1	14.9	15.1	14.0
Bekalan elektrik, gas dan air	704.7	455.3	779.8	384.7	413.7	4.1	3.1	5.8	3.5	4.3
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	*945.4*	*806.8*	*705.2*	*655.3*	*735.3*	*5.4*	*5.5*	*5.2*	*5.9*	*7.7*
Perdagangan borong	278.1	172.8	156.5	97.4	129.3	1.6	1.2	1.2	0.9	1.4
Perdagangan runcit	*213.5*	*190.7*	*148.3*	*92.8*	*130.4*	*1.2*	*1.3*	*1.1*	*0.8*	*1.4*
Restoran dan hotel	*453.8*	*443.3*	*400.4*	*465.1*	*475.6*	*2.6*	*3.0*	*3.0*	*4.2*	*5.0*
Sektor harta benda yang luas	4,798.2	4,383.3	3,859.9	2,858.8	2,874.5	27.6	30.0	28.6	25.9	30.2
Pembinaan	*3,084.5*	*2,800.4*	*2,495.3*	*1,708.0*	*1,949.5*	*17.8*	*19.2*	*18.5*	*15.5*	*20.5*
Pembelian harta kediaman	*75.0*	*73.5*	*77.1*	*78.2*	*80.3*	*0.4*	*0.5*	*0.6*	*0.7*	*0.8*
Pembelian harta bukan kediaman	*225.8*	*247.3*	*209.0*	*150.0*	*111.9*	*1.3*	*1.7*	*1.6*	*1.4*	*1.2*
Harta tanah	*1,412.9*	*1,262.1*	*1,078.4*	*922.6*	*732.7*	*8.1*	*8.6*	*8.0*	*8.4*	*7.7*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	971.6	594.7	363.0	845.3	320.5	5.6	4.1	2.7	7.7	3.4
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	1,230.7	1,026.7	938.3	633.1	564.5	7.1	7.0	7.0	5.7	5.9
Perkhidmatan kewangan	*860.5*	*710.8*	*768.2*	*535.2*	*520.7*	*5.0*	*4.9*	*5.7*	*4.8*	*5.5*
Insurans	*21.3*	*5.5*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.1*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*
Perkhidmatan perniagaan	*348.8*	*310.4*	*170.2*	*97.9*	*43.8*	*2.0*	*2.1*	*1.3*	*0.9*	*0.5*
Kredit penggunaan	45.3	44.7	40.3	57.0	139.1	0.3	0.3	0.3	0.5	1.5
Kegunaan persendirian	*36.5*	*32.5*	*21.1*	*35.5*	*118.1*	*0.2*	*0.2*	*0.2*	*0.3*	*1.2*
Kad kredit	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*
Pembelian barangan pengguna	*0.1*	*0.1*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*
Pembelian kereta penumpang	*8.8*	*12.1*	*19.1*	*21.5*	*20.9*	*0.1*	*0.1*	*0.1*	*0.2*	*0.2*
Pembelian sekuriti	3,278.2	2,199.6	1,981.6	1,709.4	1,468.4	18.9	15.1	14.7	15.5	15.4
Pembelian kenderaan pengangkutan	0.2	0.8	0.3	0.5	0.5	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	381.3	367.4	203.9	98.4	69.1	2.2	2.5	1.5	0.9	0.7
Lain-lain	1,676.8	1,570.8	1,720.0	1,432.6	1,117.9	9.7	10.8	12.8	13.0	11.7

[1] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.44
Bank Perdagangan[1]: Pinjaman Tidak Berbayar mengikut Sektor

	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor (RM juta)					Sebagai peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor (%)				
Pada akhir tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004
Perusahaan perniagaan	**28,164.7**	**37,022.8**	**32,900.4**	**28,921.0**	**27,374.9**	**13.2**	**17.6**	**15.9**	**14.0**	**11.9**
Isi rumah	**6,865.3**	**8,616.2**	**9,882.3**	**10,982.2**	**14,026.6**	**7.9**	**8.7**	**8.6**	**8.4**	**7.1**
Lain-lain	**630.6**	**1,273.1**	**1,150.0**	**866.9**	**891.8**	**6.9**	**15.6**	**15.0**	**9.8**	**10.2**
Jumlah	**35,660.6**	**46,912.1**	**43,932.7**	**40,770.1**	**42,293.3**					
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	556.3	737.6	825.7	672.1	580.8	6.0	7.4	8.2	7.4	6.0
Perlombongan dan kuari	150.4	173.8	109.2	101.3	56.6	13.1	17.4	13.6	10.9	6.5
Perkilangan	7,714.6	10,662.9	10,857.5	8,620.1	7,491.4	13.7	19.1	19.7	15.6	12.9
Bekalan elektrik, gas dan air	179.5	208.7	196.3	1,316.8	1,210.4	2.6	4.8	3.5	28.7	25.5
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4,021.8	4,219.0	3,524.6	3,816.5	3,770.8	12.9	13.4	10.8	11.1	9.3
Perdagangan borong	*1,869.6*	*1,924.1*	*1,630.5*	*1,565.9*	*1,497.8*	*10.5*	*10.6*	*8.6*	7.8	6.1
Perdagangan runcit	*1,057.6*	*1,127.9*	*1,007.9*	*1,245.4*	*1,115.3*	*11.5*	*12.0*	*10.3*	*12.0*	*9.2*
Restoran dan hotel	*1,094.6*	*1,166.9*	*886.2*	*1,005.2*	*1,157.7*	*25.6*	*29.5*	*24.2*	*25.5*	*29.0*
Sektor harta benda yang luas	13,818.5	18,951.2	18,635.3	17,701.7	20,029.8	11.8	14.7	13.3	11.4	10.7
Pembinaan	*5,395.4*	*7,366.9*	*6,508.3*	*5,054.4*	*5,072.3*	*21.3*	*30.3*	*28.5*	*23.9*	*20.6*
Pembelian harta kediaman	*3,342.8*	*4,939.3*	*6,425.2*	*7,523.5*	*9,613.6*	*5.7*	*7.0*	7.7	*7.6*	*7.9*
Pembelian harta bukan kediaman	*2,540.4*	*2,839.0*	*2,785.1*	*2,584.9*	*3,044.0*	*12.0*	*13.3*	*12.8*	*11.1*	*10.7*
Harta tanah	*2,539.9*	*3,806.0*	*2,916.7*	*2,538.9*	*2,299.9*	*21.4*	*30.1*	*25.8*	*21.6*	*18.8*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,090.8	796.1	751.5	776.7	519.7	12.5	10.5	10.0	9.6	6.4
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	2,387.7	3,856.6	2,361.8	1,805.9	1,605.2	8.4	13.0	8.7	6.7	5.4
Perkhidmatan kewangan	*1,276.6*	*2,439.7*	*1,239.1*	*811.5*	*625.1*	*6.0*	*11.3*	*6.3*	*4.1*	*3.0*
Insurans	*164.5*	*41.1*	*31.8*	*17.0*	*3.3*	*64.1*	*7.7*	*5.4*	*8.9*	*2.7*
Perniagaan	*946.6*	*1,375.8*	*1,090.9*	*977.4*	*976.8*	*13.7*	*18.2*	*15.7*	*14.0*	*11.1*
Kredit penggunaan	2,016.7	1,986.3	2,082.7	2,198.4	2,214.9	10.8	9.9	9.3	9.0	7.8
Kegunaan persendirian	*1,661.6*	*1,621.2*	*1,675.4*	*1,681.5*	*1,631.2*	*13.8*	*13.2*	*12.8*	*12.3*	*10.5*
Kad kredit	*290.6*	*312.6*	*364.1*	*477.7*	*552.4*	*4.9*	*4.3*	*4.1*	*4.6*	*4.3*
Pembelian barangan pengguna	*64.5*	*52.5*	*43.1*	*39.2*	*31.3*	*9.3*	*12.1*	*13.3*	*12.6*	*11.6*
Pembelian sekuriti	2,192.1	2,927.7	2,389.6	2,250.4	2,130.1	14.4	20.7	15.5	15.8	12.6
Pembelian kenderaan pengangkutan[2]	409.8	226.7	179.7	135.1	1,133.0	37.4	18.9	30.8	27.1	2.9
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	491.7	892.3	868.8	508.4	658.9	10.5	19.5	19.3	13.6	14.9

[1] Tidak termasuk bank-bank Islam
[2] Termasuk pembelian kereta penumpang
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.45
Syarikat Kewangan: Pinjaman Tidak Berbayar mengikut Sektor

	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor (RM juta)					Sebagai peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor (%)				
Pada akhir tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004
Perusahaan perniagaan	**7,904.3**	**9,026.6**	**8,474.9**	**7,466.2**	**4,147.3**	**28.2**	**33.6**	**34.3**	**31.2**	**34.1**
Isi rumah	**6,205.9**	**6,046.7**	**5,747.9**	**5,547.8**	**3,246.6**	**11.2**	**9.2**	**7.6**	**6.7**	**7.4**
Lain-lain	**145.2**	**220.7**	**135.6**	**93.2**	**29.9**	**30.9**	**56.4**	**42.7**	**25.5**	**37.7**
Jumlah	**14,255.4**	**15,294.0**	**14,358.4**	**13,107.2**	**7,423.8**					
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	120.3	100.0	59.9	55.2	35.0	16.4	15.6	10.6	9.7	7.2
Perlombongan dan kuari	59.4	70.3	45.6	37.5	23.3	31.8	40.0	40.4	35.3	39.3
Perkilangan	768.1	870.8	859.1	641.0	358.3	26.6	29.0	34.2	23.2	18.8
Bekalan elektrik, gas dan air	15.9	16.7	17.8	5.6	1.6	26.9	35.5	35.6	11.0	5.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	511.8	568.2	610.7	533.2	297.3	15.6	17.0	17.6	14.7	18.7
Perdagangan borong	*153.9*	*158.0*	*191.5*	*148.1*	*63.0*	*13.7*	*11.8*	*14.1*	*10.4*	*11.2*
Perdagangan runcit	*210.0*	*203.4*	*189.1*	*149.8*	*99.4*	*13.0*	*13.5*	*12.0*	*9.2*	*14.5*
Restoran dan hotel	*147.9*	*206.7*	*230.1*	*235.3*	*134.9*	*27.3*	*40.9*	*43.6*	*40.3*	*38.8*
Sektor harta benda yang luas	5,910.6	6,919.0	6,900.2	7,069.4	4,046.7	23.3	26.6	26.7	27.7	33.1
Pembinaan	*2,060.3*	*2,328.8*	*2,139.7*	*2,233.0*	*1,242.0*	*33.6*	*38.7*	*38.9*	*41.9*	*45.9*
Pembelian harta kediaman	*1,712.2*	*1,801.9*	*2,058.7*	*2,281.2*	*1,304.5*	*13.8*	*13.8*	*14.7*	*15.6*	*18.6*
Pembelian harta bukan kediaman	*1,551.1*	*1,998.5*	*1,945.2*	*1,965.2*	*1,044.1*	*29.2*	*36.8*	*39.7*	*44.6*	*57.2*
Harta tanah	*587.0*	*789.8*	*756.6*	*590.0*	*456.1*	*38.4*	*51.2*	*52.6*	*52.0*	*66.7*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	750.2	735.3	616.7	337.1	166.1	36.1	39.5	34.5	20.4	12.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	554.7	637.0	604.0	433.2	245.3	28.2	43.7	42.6	31.4	35.6
Perkhidmatan kewangan	*257.4*	*344.3*	*243.2*	*210.7*	*146.5*	*41.7*	*92.1*	*89.6*	*88.8*	*95.5*
Insurans	*4.2*	*1.2*	*1.0*	*1.0*	*0.3*	*21.0*	*7.3*	*5.9*	*6.8*	*12.0*
Perniagaan	*293.1*	*291.6*	*359.9*	*221.4*	*98.5*	*22.0*	*27.3*	*31.8*	*19.6*	*18.5*
Kredit penggunaan	313.7	354.7	264.6	281.4	188.7	13.8	14.4	10.9	10.7	8.5
Kegunaan persendirian	*210.8*	*239.4*	*180.0*	*180.4*	*81.1*	*26.3*	*26.5*	*22.8*	*18.9*	*10.1*
Kad kredit	*87.2*	*96.8*	*70.1*	*96.1*	*104.6*	*6.4*	*6.4*	*4.4*	*5.8*	*7.5*
Pembelian barangan pengguna	*15.8*	*18.5*	*14.5*	*5.0*	*3.0*	*15.1*	*46.8*	*37.2*	*23.3*	*28.1*
Pembelian sekuriti	1,344.7	1,374.2	1,161.7	895.8	396.8	22.8	28.7	29.4	24.7	54.9
Pembelian kenderaan pengangkutan[1]	3,507.6	3,203.0	2,843.7	2,537.2	1,554.9	9.2	6.7	5.0	4.0	4.5
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	253.2	224.2	238.8	187.4	79.7	27.5	23.5	24.8	17.6	15.5

[1] Termasuk pembelian kereta penumpang
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.46
Bank Saudagar: Pinjaman Tidak Berbayar mengikut Sektor

	Pinjaman tidak berbayar mengikut sektor (RM juta)					Sebagai peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor (%)				
Pada akhir tahun	2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004
Perusahaan perniagaan	**2,464.6**	**3,597.7**	**3,222.7**	**2,314.5**	**2,014.9**	**17.7**	**30.4**	**30.3**	**26.8**	**27.0**
Isi rumah	**464.1**	**453.4**	**423.2**	**283.9**	**163.2**	**26.4**	**37.2**	**38.2**	**28.7**	**17.1**
Lain-lain	**155.5**	**333.3**	**343.0**	**220.2**	**161.9**	**9.3**	**21.2**	**19.9**	**15.4**	**14.5**
Jumlah	**3,084.2**	**4,384.4**	**3,989.0**	**2,818.6**	**2,340.0**					
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	25.9	86.5	47.3	22.0	24.4	2.5	10.0	5.9	3.4	5.5
Perlombongan dan kuari	0.4	0.5	4.1	4.4	4.5	0.5	0.5	5.9	9.1	9.4
Perkilangan	383.1	891.5	792.5	538.1	570.6	17.2	40.4	39.4	32.3	42.9
Bekalan elektrik, gas dan air	57.5	133.4	208.4	118.0	85.4	8.2	29.3	26.7	30.7	20.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	195.9	197.4	181.4	217.6	179.4	20.7	24.5	25.7	33.2	24.4
Perdagangan borong	*35.2*	*45.4*	*29.8*	*9.8*	*7.8*	*12.6*	*26.3*	*19.0*	*10.0*	*6.0*
Perdagangan runcit	*32.8*	*33.1*	*5.6*	*6.5*	*6.6*	*15.4*	*17.4*	*3.7*	*7.0*	*5.1*
Restoran dan hotel	*127.9*	*118.8*	*146.1*	*201.3*	*165.0*	*28.2*	*26.8*	*36.5*	*43.3*	*34.7*
Sektor harta benda yang luas	1,144.9	1,477.3	1,282.0	1,004.6	960.9	23.9	33.7	33.2	35.1	33.4
Pembinaan	*565.5*	*807.5*	*756.6*	*531.2*	*525.2*	*18.3*	*28.8*	*30.3*	*31.1*	*26.9*
Pembelian harta kediaman	*0.4*	*0.7*	*0.2*	*0.1*	*0.4*	*0.5*	*0.9*	*0.3*	*0.2*	*0.6*
Pembelian harta bukan kediaman	*68.2*	*91.3*	*70.9*	*65.9*	*49.3*	*30.2*	*36.9*	*33.9*	*43.9*	*44.0*
Harta tanah	*510.8*	*577.8*	*454.3*	*407.3*	*386.0*	*36.1*	*45.8*	*42.1*	*44.1*	*52.7*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	79.6	63.6	38.4	22.9	0.0	8.2	10.7	10.6	2.7	0.0
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	87.9	187.2	139.4	85.6	8.3	7.1	18.2	14.9	13.5	1.5
Perkhidmatan kewangan	*45.7*	*134.6*	*101.3*	*71.8*	*2.9*	*5.3*	*18.9*	*13.2*	*13.4*	*0.6*
Insurans	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*
Perniagaan	*42.2*	*52.6*	*38.1*	*13.7*	*5.5*	*12.1*	*16.9*	*22.4*	*14.0*	*12.5*
Kredit penggunaan	12.9	13.2	12.2	11.5	11.8	35.2	40.4	57.4	32.4	10.0
Kegunaan persendirian	*12.9*	*13.2*	*12.2*	*11.5*	*11.8*	*35.3*	*40.5*	*57.5*	*32.5*	*10.0*
Kad kredit	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*
Pembelian barangan pengguna	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*
Pembelian sekuriti	901.8	878.9	821.5	544.4	301.9	27.5	40.0	41.5	31.8	20.6
Pembelian kenderaan pengangkutan[1]	0.0	0.1	0.1	0.1	0.0	0.3	1.2	0.6	0.4	0.1
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	38.9	121.6	118.7	29.2	30.9	10.2	33.1	58.2	29.7	44.6

[1] Termasuk pembelian kereta penumpang
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan

Jadual A.47
Sistem Perbankan[1,2]: Penunjuk Terpilih

	Bank perdagangan					Syarikat kewangan				
	2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004
Untung sebelum cukai / Aset purata (%)	1.4	0.9	1.2	1.2	1.2	1.7	1.8	1.9	1.9	2.6
Untung sebelum cukai / Dana pemegang saham purata (%)	18.2	10.5	13.9	13.5	14.4	42.4	27.4	26.9	26.0	34.7
Untung sebelum cukai / Pekerja purata (RM'000)	94.5	65.5	95.4	101.7	112.0	91.6	102.9	119.2	138.9	196.9
Kos[3] dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan[4] (sen)	39.0	41.7	43.6	46.1	44.3	31.2	32.1	32.4	32.6	33.7
Kos[3] dibelanjakan bagi setiap ringgit pendapatan faedah bersih[4] (sen)	54.7	63.1	64.2	63.2	64.7	35.7	36.4	36.5	34.1	35.7
Nisbah kos overhed kepada kos kakitangan (%)	98.4	103.0	113.2	111.6	111.8	123.5	131.7	130.1	118.0	130.2
Kos kakitangan bagi setiap pekerja (RM'000)	49.8	54.8	55.4	58.6	62.5	36.7	37.5	39.2	42.7	49.4
Nisbah pinjaman deposit[5] (%)	87.7	89.6	88.4	83.3	82.4	100.4	108.0	111.1	115.8	124.3
Pinjaman bagi setiap pejabat (RM juta)	175.4	190.7	201.7	205.4	222.9	90.2	106.0	133.1	146.6	177.5
Deposit bagi setiap pejabat[5] (RM juta)	200.1	213.0	228.1	246.5	270.5	89.8	98.2	119.8	126.6	142.8

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Berdasarkan operasi di Malaysia sahaja
[3] Kos = Kos kakitangan dan kos overhed (tidak termasuk peruntukan hutang lapuk dan ragu)
[4] Pendapatan = Pendapatan faedah bersih + pendapatan berasaskan fi + pendapatan lain
[5] Termasuk NID dan repo

Bank saudagar					Bank-bank Islam					Sistem perbankan[1]				
Pada akhir tahun kalendar														
2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004	2000	2001	2002	2003	2004
1.5	0.8	1.4	1.6	2.0	0.5	0.4	0.7	0.6	0.5	1.4	1.0	1.3	1.3	1.4
17.3	7.1	12.9	13.7	16.4	5.0	5.3	9.3	8.4	6.8	19.5	12.2	15.3	15.3	16.6
248.6	124.8	244.5	280.8	338.2	22.6	23.9	41.6	37.4	30.3	92.7	72.4	100.2	112.0	127.8
19.6	20.7	27.7	32.4	32.9	58.2	62.5	54.7	58.5	59.9	38.4	40.2	42.5	42.8	42.4
43.6	55.5	65.5	80.3	95.6	64.8	67.9	61.5	68.0	75.5	50.7	55.3	56.6	55.9	59.3
70.0	58.1	53.6	51.2	52.0	84.9	96.7	108.3	142.7	120.1	101.6	104.0	112.9	110.4	111.1
70.0	86.4	93.6	106.8	116.1	38.7	46.1	45.2	44.3	50.6	46.9	51.6	51.8	56.1	61.5
70.1	57.6	51.3	37.6	33.1	57.0	53.4	56.1	55.8	55.2	89.0	91.2	90.6	85.4	82.3
789.1	768.8	729.9	649.6	560.4	52.8	62.9	71.9	74.3	84.3	151.1	166.1	184.3	184.9	211.6
1,125.5	1,334.6	1,547.1	1,725.4	1,691.1	92.6	117.8	128.1	133.2	152.6	169.7	182.1	203.4	216.4	257.2

Jadual A.48
Sistem Perbankan: Data Utama

	Pada akhir tahun				
	2000	2001	2002	2003	2004
Bilangan institusi kewangan	64	49	47	46	41
- Bank perdagangan	*31*	*25*	*24*	*23*	*23*
- Syarikat kewangan	*19*	*12*	*11*	*11*	*6*
- Bank saudagar	*12*	*10*	*10*	*10*	*10*
- Bank-bank Islam	*2*	*2*	*2*	*2*	*2*
Nisbah modal berwajaran risiko (%)	12.5	13.0	13.2	13.8	13.8
- Bank perdagangan	*12.2*	*12.8*	*13.2*	*14.1*	*13.9*
- Syarikat kewangan	*11.5*	*12.1*	*12.0*	*11.6*	*10.2*
- Bank saudagar	*17.1*	*19.6*	*19.0*	*19.2*	*21.9*
- Bank-bank Islam	*17.1*	*14.4*	*12.6*	*11.7*	*12.5*
Rangkaian pejabat	2,835	2,675	2,531	2,563	2,429
- Bank perdagangan	*1,758*	*1,660*	*1,631*	*1,685*	*1,960*
- Syarikat kewangan	*933*	*874*	*755*	*729*	*316*
- Bank saudagar	*22*	*19*	*17*	*17*	*17*
- Bank-bank Islam	*122*	*122*	*128*	*132*	*136*
Rangkaian ATM	3,694	4,169	4,213	4,396	4,651
- Bank perdagangan	*3,004*	*3,386*	*3,477*	*3,707*	*4,098*
- Syarikat kewangan	*560*	*605*	*551*	*477*	*273*
- Bank-bank Islam	*130*	*178*	*185*	*212*	*280*
Bilangan institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet	3	8	12	12	13
- Bank perdagangan	*3*	*8*	*12*	*12*	*13*
Bilangan orang yang diberi perkhidmatan setiap pejabat					
- Bank perdagangan	*13,256*	*13,959*	*15,040*	*14,866*	*13,051*
- Syarikat kewangan	*24,920*	*26,474*	*32,490*	*34,362*	*80,949*
- Bank-bank Islam	*–*	*–*	*191,641*	*189,773*	*188,088*
Jumlah pekerja	96,159	93,329	90,864	90,844	93,948
- Bank perdagangan	*70,226*	*67,398*	*65,866*	*66,458*	*78,032*
- Syarikat kewangan	*20,725*	*20,488*	*19,430*	*18,634*	*9,190*
- Bank saudagar	*2,339*	*2,402*	*2,451*	*2,429*	*2,690*
- Bank-bank Islam	*2,869*	*3,041*	*3,117*	*3,323*	*4,036*

Jadual A.49
Institusi Kredit Perumahan

	Tahun penubuhan	Objektif	Kadar pemberian pinjaman untuk pinjaman perumahan baru (%)		Bilangan cawangan	
			2003	2004	2003	2004
Bank perdagangan	–		4.0[1]	3.1[1]	1,700	1,960
Syarikat kewangan	–		4.1[1]	3.1[1]	672	316
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	1970	Menyediakan pinjaman perumahan kepada kakitangan Kerajaan	4.0	4.0	–	–
Malaysia Building Society Berhad	1950	Untuk menjadi pembiaya tunggal harta benda terbesar negara dan menyumbang secara berterusan kepada pertumbuhan negara	2.0 ~ 8.5	2.0 ~ 8.5	22	22
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	1958	Menyediakan pinjaman perumahan khususnya untuk kakitangan Kerajaan di Sabah dan Sarawak	3.0 ~ 8.5	3.0 ~ 8.5	2	2
Perbadanan Kredit Sabah	1955	Meningkatkan pembangunan sosioekonomi Sabah melalui pemberian pinjaman terutamanya kepada sektor harta benda, pertanian dan perniagaan	3.0 ~ 10.5	3.0 ~ 10.5	11	11
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1954	Koperasi yang menerima deposit dan memberi kemudahan perbankan mengikut prinsip Syariah	7.4[1]	7.3[1]	100	103
Bank Simpanan Nasional	1974	Untuk meningkatkan dan menggembleng tabungan khususnya daripada penabung kecil di samping memupuk tabiat berjimat-cermat dan menabung	6.5[1]	4.8[1]	398	393

[1] Purata

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.50
Pinjaman Perumahan Terkumpul

	2003	2004*a*	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan	101,829	125,825	18.1	23.6	70	76
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	24,754	25,930	11.6	4.8	17	16
Syarikat kewangan	14,645	7,009	4.3	-52.1	10	4
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1,371	2,508	23.7	83.0	1	2
Malaysia Building Society Berhad	1,206	1,753	-2.4	45.4	1	1
Bank Simpanan Nasional	1,058	1,059	-6.6	…	1	1
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	680	705	4.7	3.7	...	...
Perbadanan Kredit Sabah	252	238	-14.2	-5.5	...	...
Jumlah	**145,795**	**165,027**	**14.9**	**13.2**	**100**	**100**

a Awalan
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.51
Pinjaman Perumahan yang Diluluskan

	2003	2004*a*	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan	27,942	34,140	4.3	22.2	78	79
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	4,738	4,086	-6.2	-13.8	13	10
Syarikat kewangan	2,090	1,553	-12.3	-25.7	6	4
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	591	1,040	46.8	75.9	2	2
Malaysia Building Society Berhad	345	1,820	205.8	426.8	1	4
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	87	89	3.4	1.8	...	…
Bank Simpanan Nasional	118	249	51.1	111.1	…	1
Perbadanan Kredit Sabah	20	6	-34.5	-70.3	…	…
Jumlah	**35,931**	**42,983**	**2.8**	**19.6**	**100**	**100**

a Awalan
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.52
Institusi Kewangan Islam: Cawangan/Kaunter

	Pada akhir tahun	
	2003	2004
Bilangan institusi kewangan[1]	**33**	**29**
Bank-bank Islam	2	2
Bank perdagangan	13	13
Syarikat kewangan	7	3
Bank saudagar	4	4
Syarikat diskaun	7	7
Bilangan cawangan[2]	**143**	**153**
Bank-bank Islam	132	136
Bank perdagangan	10	16
Syarikat kewangan	1	1
Bilangan kaunter[3]	**2,024**	**1,886**
Bank perdagangan	1,410	1,661
Syarikat kewangan	605	216
Bank saudagar	9	9

[1] Tidak termasuk lesen/kelulusan baru kepada bank asing dan subsidiari perbankan Islam
[2] Cawangan perbankan Islam sepenuhnya
[3] Cawangan yang menawarkan produk perbankan Islam dan konvensional

Jadual A.53
Sistem Perbankan Islam: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun					
	2003			2004*a*		
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah
	RM juta			RM juta		
Sumber						
Modal dan rizab	1,523	5,261	6,784	1,795	5,714	7,509
Deposit	17,584	42,628	60,212	20,756	52,103	72,859
Dana dari institusi kewangan lain	113	6,872	6,985	436	3,591	4,027
Liabiliti lain	1,779	6,481	8,260	1,882	8,303	10,185
Jumlah	**20,999**	**61,242**	**82,241**	**24,869**	**69,711**	**94,580**
Kegunaan						
Wang tunai	231	24	255	260	11	271
Rizab dengan Bank Negara Malaysia	587	930	1,517	542	816	1,358
Deposit dengan institusi kewangan lain	3,239	5,743	8,982	6,119	12,533	18,652
Pembiayaan	9,809	38,851	48,660	11,463	46,419	57,883
Sekuriti	5,764	16,790	22,554	5,216	13,828	19,044
Aset lain	1,369	-1,096[1]	273	1,269	-3,896[1]	-2,628[1]
Jumlah	**20,999**	**61,242**	**82,241**	**24,869**	**69,711**	**94,580**

[1] Menunjukkan baki tertunggak antara cawangan
a Awalan

Jadual A.54
Sistem Perbankan Islam: Komitmen dan Kontingensi

	Pada akhir tahun							
	2003				2004*a*			
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	% bahagian	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	% bahagian
	RM juta				RM juta			
Penjualan aset dengan rekursa dan komitmen penggunaan pembiayaan	45	1,950	1,995	8.6	140	3,747	3,887	14.7
Komitmen pemberian kredit	1,418	8,287	9,705	42.0	1,573	9,144	10,717	40.6
Gantian kredit langsung	503	357	860	3.7	429	478	907	3.4
Kontrak berkaitan pertukaran wang asing	189	–	189	0.8	374	–	374	1.4
Kontingensi berkaitan perdagangan	1,103	6,429	7,532	32.6	1,442	5,861	7,303	27.7
Kontingensi berkaitan urus niaga	1,157	634	1,791	7.8	1,422	864	2,286	8.7
Obligasi penajajaminan	60	510	570	2.5	56	621	677	2.6
Lain-lain	64	392	456	2.0	44	187	231	0.9
Jumlah	**4,539**	**18,559**	**23,098**	**100.0**	**5,480**	**20,902**	**26,382**	**100.0**

a Awalan

Jadual A.55
Sistem Perbankan Islam: Pendapatan dan Perbelanjaan

	Untuk tahun kewangan						Untuk tahun kalendar					
	2003			2004*a*			2003			2004*a*		
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah
	RM juta											
Pendapatan[1] selepas ditolak pendapatan tergantung	596.9	2,266.5	2,863.4	638.3	2,604.7	3,243.0	924.5	2,939.2	3,863.7	953.5	3,342.4	4,295.9
(Pendapatan tergantung)	*51.6*	*141.9*	*193.5*	*56.1*	*169.5*	*225.6*	*95.0*	*211.6*	*306.6*	*108.2*	*201.3*	*309.5*
Tolak: Perbelanjaan[1]	265.4	966.5	1,231.9	289.0	1,100.2	1,389.2	403.4	1,285.5	1,688.9	410.2	1,403.7	1,813.9
Pendapatan bersih	331.5	1,300.0	1,631.5	349.3	1,504.5	1,853.8	521.1	1,653.7	2,174.8	543.3	1,938.7	2,482.0
Campur: Pendapatan lain	82.5	356.9	439.4	131.7	450.6	582.3	124.0	624.5	748.5	246.8	589.2	836.0
Tolak: Peruntukan kerugian pembiayaan dan peruntukan lain	125.6	759.2	884.8	141.6	993.2	1,134.8	179.2	1,167.7	1,346.9	268.7	1,374.6	1,643.3
Kos kakitangan	104.7	73.5	178.2	131.6	69.5	201.1	148.8	82.9	231.7	186.3	80.6	266.9
Kos overhed	131.3	144.0	275.3	152.9	136.6	289.5	197.4	186.9	384.3	223.7	197.8	421.5
Keuntungan sebelum cukai	**52.4**	**680.2**	**732.6**	**54.9**	**755.8**	**810.7**	**119.7**	**840.7**	**960.4**	**111.4**	**874.9**	**986.3**

[1] Daripada aktiviti pembiayaan dan sekuriti
a Awalan

Jadual A.56
Sistem Perbankan Islam: Aktiviti Pembiayaan

	Bagi tahun					
	2003			2004*a*		
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah
	RM juta					
Kelulusan pembiayaan	1,428.1	14,740.0	16,168.1	2,291.9	13,968.5	16,260.4
Pengeluaran pembiayaan	8,001.9	28,046.6	36,048.5	8,771.6	32,317.0	41,088.6
Pembayaran balik pembiayaan	7,596.5	18,560.6	26,157.1	7,679.2	25,960.2	33,639.4
	Pada akhir tahun					
	2003			2004*a*		
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah
	RM juta					
Pembiayaan terkumpul	9,809.2	38,850.8	48,660.0	11,463.3	46,419.2	57,882.5

a Awalan

Jadual A.57
Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana

	Bagi tahun					
	2003			2004*a*		
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah
	RM juta					
Kelulusan pembiayaan	404.8	2,064.0	2,468.8	363.1	2,319.2	2,682.3
Pengeluaran pembiayaan	933.0	2,436.8	3,369.8	1,856.5	4,702.8	6,559.3
	Pada akhir tahun					
	2003			2004*a*		
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah
	RM juta					
Pembiayaan terkumpul	1,759.0	4,407.2	6,166.2	1,860.9	6,133.1	7,994.0
Jumlah pembiayaan tidak berbayar	323.0	289.1	612.1	375.9	211.6	587.5

a Awalan

Jadual A.58
Sistem Perbankan Islam: Haluan Pembiayaan

	Pada akhir tahun							
	2003				2004*a*			
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	% bahagian	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	% bahagian
	RM juta				RM juta			
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	202.2	1,659.4	1,861.6	3.9	241.6	2,087.0	2,328.6	4.0
Perlombongan dan kuari	15.0	48.5	63.5	0.1	15.1	61.5	76.6	0.1
Perkilangan	1,529.7	2,857.1	4,386.8	9.0	1,687.7	4,424.9	6,112.6	10.6
Bekalan elektrik, gas dan air	43.0	205.9	248.9	0.5	11.8	707.4	719.2	1.3
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	63.7	239.6	303.3	0.6	94.2	324.3	418.5	0.7
Sektor harta benda yang luas	5,349.9	15,177.5	20,527.4	42.1	6,024.8	16,426.2	22,451.0	38.8
Harta tanah	*90.6*	*721.3*	*811.9*	*1.7*	*86.3*	*820.1*	*906.4*	*1.6*
Pembinaan	*1,328.5*	*1,605.0*	*2,933.5*	*6.0*	*1,452.3*	*2,078.6*	*3,530.9*	*6.1*
Pembelian harta kediaman	*3,066.9*	*11,322.0*	*14,388.9*	*29.5*	*3,635.9*	*11,797.4*	*15,433.3*	*26.7*
Pembelian harta bukan kediaman	*863.9*	*1,529.2*	*2,393.1*	*4.9*	*850.3*	*1,730.1*	*2,580.4*	*4.4*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	405.9	1,391.1	1,797.0	3.7	447.2	2,623.7	3,070.9	5.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	152.8	871.5	1,024.3	2.1	181.3	995.2	1,176.5	2.0
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	261.6	1,671.7	1,933.3	4.0	225.6	1,864.5	2,090.1	3.6
Pembelian sekuriti	226.6	694.2	920.8	1.9	256.2	621.9	878.1	1.5
Kredit penggunaan	1,431.5	13,440.7	14,872.2	30.6	2,207.8	15,595.6	17,803.4	30.8
Kad kredit	*90.3*	*65.9*	*156.2*	*0.3*	*127.1*	*184.9*	*312.0*	*0.6*
Kegunaan persendirian	*562.0*	*1,075.1*	*1,637.1*	*3.4*	*811.4*	*1,637.9*	*2,449.3*	*4.2*
Pembelian barangan pengguna tahan lama	*40.3*	*13.8*	*54.1*	*0.1*	*33.0*	*10.6*	*43.6*	*0.1*
Pembelian kenderaan pengangkutan	*738.9*	*12,285.9*	*13,024.8*	*26.8*	*1,236.3*	*13,762.2*	*14,998.5*	*25.9*
Lain-lain	127.3	593.6	720.9	1.5	70.0	687.0	757.0	1.3
Jumlah	**9,809.2**	**38,850.8**	**48,660.0**	**100.0**	**11,463.3**	**46,419.2**	**57,882.5**	**100.0**

a Awalan

Jadual A.59
Sistem Perbankan Islam: Pembiayaan Tidak Berbayar mengikut Sektor[1]

	Pada akhir tahun								
	Pembiayaan tidak berbayar mengikut sektor						Perubahan	Sebagai peratus daripada jumlah pembiayaan kepada sektor	
	2003			2004*a*				2003	2004*a*
	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	Bank-bank Islam	Bank-bank SPI	Jumlah	%		
	RM juta								
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	32.0	44.4	76.4	38.4	7.4	45.8	-40.1	4.1	2.0
Perlombongan dan kuari	4.8	0.2	5.0	5.1	1.1	6.2	24.0	7.9	8.1
Perkilangan	202.2	163.9	366.1	195.4	68.3	263.7	-28.0	8.4	4.3
Bekalan elektrik, gas dan air	4.1	...	4.1	2.1	0.1	2.2	-46.3	1.6	0.3
Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	27.8	17.2	45.0	21.6	30.8	52.4	16.4	14.8	12.5
Sektor harta benda yang luas	865.3	1,951.4	2,816.7	992.0	2,320.0	3,312.0	17.6	13.7	14.8
Harta tanah	*0.1*	*285.4*	*285.5*	*0.9*	*302.2*	*303.1*	*6.2*	*35.2*	*33.4*
Pembinaan	*359.8*	*234.6*	*594.4*	*407.2*	*364.1*	*771.3*	*29.8*	*20.3*	*21.8*
Pembelian harta kediaman	*317.6*	*1,126.3*	*1,443.9*	*373.9*	*1,415.9*	*1,789.8*	*24.0*	*10.0*	*11.6*
Pembelian harta bukan kediaman	*187.8*	*305.1*	*492.9*	*210.0*	*237.8*	*447.8*	*-9.1*	*20.6*	*17.4*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	66.3	140.0	206.3	92.9	138.8	231.7	12.3	11.5	7.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	51.3	167.4	218.7	36.4	92.9	129.3	-40.9	21.4	11.0
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	31.6	9.4	41.0	17.6	8.6	26.2	-36.1	2.1	1.3
Pembelian sekuriti	59.5	81.4	140.9	65.4	94.1	159.5	13.2	15.3	18.2
Kredit penggunaan	226.8	291.0	517.8	198.5	448.5	647.0	25.0	3.5	3.6
Kad kredit	*4.8*	*3.1*	*7.9*	*6.9*	*10.4*	*17.3*	*119.0*	*5.1*	*5.5*
Kegunaan persendirian	*140.9*	*53.7*	*194.6*	*124.8*	*75.2*	*200.0*	*2.8*	*11.9*	*8.2*
Pembelian barangan pengguna tahan lama	*4.3*	*0.2*	*4.5*	*2.4*	*0.4*	*2.8*	*-37.8*	*8.3*	*6.4*
Pembelian kenderaan pengangkutan	*76.8*	*234.0*	*310.8*	*64.4*	*362.5*	*426.9*	*37.4*	*2.4*	*2.8*
Lain-lain	3.9	83.3	87.2	3.3	87.4	90.7	4.0	12.1	12.0
Jumlah	**1,575.6**	**2,949.6**	**4,525.2**	**1,668.7**	**3,298.0**	**4,966.7**	**9.8**		

[1] Berdasarkan klasifikasi sebenar
a Awalan

Jadual A.60
Sistem Perbankan Islam: Deposit mengikut Jenis dan Institusi

	Perubahan tahunan				Pada akhir tahun 2004*a*
	2003		2004*a*		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit permintaan	**1,796**	**19.6**	**1,937**	**17.6**	**12,917**
Bank-bank Islam	693	20.1	435	10.5	4,578
Bank perdagangan	1,103	19.2	1,502	22.0	8,339
Deposit tabungan	**1,442**	**26.6**	**1,566**	**22.8**	**8,432**
Bank-bank Islam	190	10.8	350	17.9	2,302
Bank perdagangan	1,145	37.8	1,596	38.2	5,771
Syarikat kewangan	107	16.9	-380[1]	-51.4[1]	359
Deposit pelaburan	**-741**	**-2.1**	**6,769**	**19.2**	**41,996**
Bank-bank Islam	93	0.8	1,736	15.5	12,919
Bank perdagangan	-2,351	-18.7	8,923	87.2	19,150
Syarikat kewangan	614	7.3	-5,159[1]	-57.2[1]	3,860
Bank saudagar	213	56.5	714	121.0	1,304
Syarikat diskaun	690	19.6	555	13.2	4,763
Deposit lain	**4,410**	**161.6**	**2,375**	**33.3**	**9,514**
Bank-bank Islam	187	157.1	651	212.7	957
Bank perdagangan	3,148	147.6	1,234	23.4	6,515
Syarikat kewangan	1,150	2,017.5	526	43.6	1,733
Bank saudagar	-46	-15.0	-38	-14.6	223
Syarikat diskaun	-29	-25.7	2	2.4	86
Jumlah deposit	**6,906**	**13.0**	**12,647**	**21.0**	**72,859**
Bank-bank Islam	1,163	7.1	3,172	18.0	20,756
Bank perdagangan	3,043	13.0	13,255	50.0	39,775
Syarikat kewangan	1,871	20.6	-5,013[1]	-45.7[1]	5,952
Bank saudagar	168	24.6	676	79.3	1,527
Syarikat diskaun	661	18.2	557	13.0	4,849

[1] Hasil penggabungan syarikat kewangan dengan bank perdagangan
a Awalan

Jadual A.61
Institusi Kewangan Pembangunan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun				
	2000	2001	2002	2003	2004
	RM juta				
Sumber:					
Dana pemegang saham	6,314.3	6,906.7	7,905.4	9,424.1	10,809.8
Modal berbayar	*5,258.5*	*5,416.9*	*6,012.4*	*7,192.3*	*7,862.3*
Rizab	*1,216.6*	*1,196.2*	*1,517.0*	*1,599.6*	*1,963.8*
Keuntungan tertahan	*-160.8*	*293.6*	*376.0*	*632.2*	*983.7*
Deposit diterima	34,752.2	39,305.7	39,797.6	42,403.3	49,878.0
Peminjaman	11,825.5	13,024.9	13,977.0	16,576.8	17,569.3
Kerajaan	*6,238.3*	*6,625.8*	*8,875.4*	*11,730.2*	*12,990.5*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	*3,034.8*	*3,321.7*	*3,434.3*	*3,158.5*	*1,731.7*
Lain-lain	*2,552.4*	*3,077.4*	*1,667.3*	*1,688.1*	*2,847.1*
Lain-lain	8,470.2	8,828.5	10,766.4	10,686.2	12,052.7
Jumlah	**61,362.2**	**68,065.8**	**72,446.4**	**79,090.4**	**90,309.8**
Kegunaan:					
Penempatan deposit	11,493.2	12,265.2	12,446.2	16,244.7	18,906.2
Pelaburan	17,506.6	21,968.0	19,268.1	21,229.5	24,038.4
antaranya:					
Sekuriti Kerajaan	*2,497.1*	*3,715.0*	*1,952.3*	*2,950.8*	*2,629.3*
Saham	*4,759.8*	*5,099.4*	*6,427.4*	*6,778.1*	*6,833.9*
Disenaraikan	*4,203.5*	*4,478.5*	*5,325.6*	*5,200.9*	*5,513.3*
Tidak disenaraikan	*556.3*	*620.9*	*1,101.8*	*1,577.2*	*1,320.6*
Pinjaman dan pendahuluan	21,998.0	24,486.3	29,442.4	32,354.8	37,709.2
Aset tetap	2,090.2	3,011.6	3,606.7	3,707.5	3,863.6
Lain-lain	8,274.2	6,334.7	7,683.0	5,553.9	5,792.4
Jumlah	**61,362.2**	**68,065.8**	**72,446.4**	**79,090.4**	**90,309.8**
Kontingensi:					
Jaminan	4,211.5	3,341.5	3,160.1	3,661.6	3,949.0
Insurans kredit eksport	205.0	148.0	151.4	123.3	308.6
Jumlah	**4,416.5**	**3,489.5**	**3,311.5**	**3,784.9**	**4,257.6**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji

Jadual A.62
Institusi Kewangan Pembangunan[1] di bawah AIKP[2]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun				
	2000	2001	2002	2003	2004
	RM juta				
Sumber:					
Dana pemegang saham	2,963.4	3,495.0	4,087.6	5,359.4	6,541.8
Modal berbayar	*2,594.5*	*2,718.0*	*3,288.5*	*4,167.5*	*4,811.1*
Rizab	*360.9*	*389.1*	*877.7*	*964.1*	*1,288.4*
Keuntungan tertahan	*8.0*	*387.9*	*-78.6*	*227.8*	*442.3*
Deposit diterima	25,140.9	28,663.3	29,373.9	30,762.7	37,278.5
Peminjaman	9,086.6	9,668.2	9,851.7	12,347.7	13,397.7
Kerajaan	*4,416.7*	*4,659.0*	*6,248.0*	*9,039.8*	*10,328.6*
Agensi pelbagai hala/ antarabangsa	*2,721.2*	*3,037.8*	*3,135.1*	*2,933.9*	*1,533.7*
Lain-lain	*1,948.7*	*1,971.4*	*468.6*	*374.0*	*1,535.4*
Lain-lain	5,361.7	6,088.6	8,358.2	8,403.7	9,449.3
Jumlah	**42,552.6**	**47,915.1**	**51,671.4**	**56,873.5**	**66,667.3**
Kegunaan:					
Penempatan deposit	8,139.7	8,771.4	8,212.5	11,383.5	12,949.5
Pelaburan	8,931.4	12,579.6	11,637.0	12,970.7	15,866.7
antaranya:					
Sekuriti Kerajaan	*1,935.1*	*3,355.0*	*1,952.3*	*2,736.5*	*2,549.8*
Saham	*1,592.9*	*2,364.4*	*6,427.4*	*1,778.5*	*1,730.4*
Disenaraikan	*1,435.6*	*2,205.4*	*5,325.6*	*1,664.7*	*1,618.9*
Tidak disenaraikan	*157.3*	*159.0*	*1,101.8*	*113.8*	*111.5*
Pinjaman dan pendahuluan	18,929.5	21,135.9	25,191.1	28,072.3	33,431.9
Aset tetap	974.7	947.2	1,496.0	1,550.3	1,623.1
Lain-lain	5,577.3	4,481.0	5,134.8	2,896.7	2,796.1
Jumlah	**42,552.6**	**47,915.1**	**51,671.4**	**56,873.5**	**66,667.3**
Kontingensi:					
Jaminan	806.5	672.5	575.4	549.1	533.3
Insurans kredit eksport	205.0	148.0	151.5	123.3	308.6
Jumlah	**1,011.5**	**820.5**	**726.9**	**672.4**	**841.9**

[1] Merujuk kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad dan Bank Pertanian Malaysia

[2] Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Jadual A.82
Syarikat Pemfaktoran[1]: Pembiayaan mengikut Sektor

	Pada tahun				
	2000	2001	2002	2003	2004
	RM juta				
Sektor					
Pertanian	0	…	0	1	1
Perlombongan dan kuari	0	0	0	0	3
Perkilangan	76	66	57	46	58
Elektrik	4	3	2	3	0
Perdagangan am	127	140	179	120	94
Sektor harta benda	245	270	103	43	28
Pembinaan	*195*	*222*	*76*	*36*	*26*
Harta tanah	*50*	*48*	*27*	*1*	*0*
Harta kediaman	*0*	*0*	*0*	*6*	*2*
Pengangkutan dan penyimpanan	8	5	3	1	1
Perkhidmatan perniagaan, insurans dan lain-lain	77	51	50	37	41
Kredit penggunaan	22	20	20	17	0
Lain-lain	25	541	513	18	37
Jumlah	**584**	**1,096**	**927**	**286**	**264**

[1] Statistik ditunjukkan adalah untuk syarikat pemfaktoran tulen sahaja
… Terlalu kecil